

# **RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH**

**(RMT)**

**1996-2000**

## **Isi Kandungan**

BAB 1 : MATLAMAT DAN RANGKA DASAR .....	7
I. PENDAHULUAN .....	7
II. KE ARAH AGENDA DASAR UNTUK MENGHADAPI CABARAN MASA HADAPAN9	
III. TERAS PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH .....	15
IV. PENUTUP .....	34
BAB 2 : PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI MAKRO.....	35
I. PENDAHULUAN .....	35
II. PENILAIAN PRESTASI EKONOMI MAKRO .....	36
III. RANGKA EKONOMI MAKRO RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH.....	44
IV. PENUTUP .....	56
BAB 3 : PENGURANGAN KEMISKINAN, PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT DAN PENGAGIHAN PENDAPATAN .....	58
I. PENDAHULUAN.....	58
II. KEMAJUAN, 1991-1995 .....	59
III. PROSPEK, 1996-2000 .....	72
IV. PENUTUP .....	79
BAB 4 : KEPENDUDUKAN, GUNATENAGA DAN PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA 80	
I. PENDAHULUAN .....	80
II. KEMAJUAN, 1991-95 .....	80
III. PROSPEK, 1996-2000 .....	92
IV. PENUTUP .....	104
BAB 5 : PEMBANGUNAN WILAYAH.....	105
I. PENDAHULUAN .....	105
II. KEMAJUAN, 1991-95 .....	106
III. PROSPEK, 1996-2000 .....	120
IV. PENUTUP .....	129
BAB 6 : PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN .....	130

I.	PENDAHULUAN .....	130
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	131
III.	PROGRAM DAN PEMBIAYAAN, 1996-2000.....	138
IV.	PENUTUP .....	145
BAB 7 :	PENSWASTAAN.....	146
I.	PENDAHULUAN.....	146
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	147
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	156
IV.	PENUTUP .....	161
BAB 8 :	PEMBANGUNAN PERTANIAN .....	162
I.	PENDAHULUAN.....	162
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	163
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	174
IV.	PERUNTUKAN.....	186
V.	PENUTUP .....	187
BAB 9 :	PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN.....	188
I.	PENDAHULUAN.....	188
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	189
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	201
IV.	PERUNTUKAN.....	215
V.	PENUTUP .....	215
BAB 10 :	PENDIDIKAN DAN LATIHAN.....	216
I.	PENDAHULUAN.....	216
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	216
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	229
IV.	PERUNTUKAN.....	245
V.	PENUTUP .....	245
BAB 11:	INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM .....	246
I.	PENDAHULUAN.....	246

II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	246
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	259
IV.	PERUNTUKAN.....	275
V.	PENUTUP .....	275
	BAB 12 : TENAGA.....	276
I.	PENDAHULUAN.....	276
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	277
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	287
IV.	PERUNTUKAN.....	296
V.	PENUTUP .....	296
	BAB 13 : SAINS DAN TEKNOLOGI.....	297
I.	PENDAHULUAN.....	297
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	297
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	307
IV.	PERUNTUKAN.....	319
V.	PENUTUP .....	320
	BAB 14 : TEKNOLOGI MAKLUMAT .....	321
I.	PENDAHULUAN.....	321
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	322
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	327
IV.	PERUNTUKAN.....	334
V.	PENUTUP .....	335
	BAB 15 : KEWANGAN .....	336
I.	PENDAHULUAN.....	336
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	336
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	352
IV.	PERUNTUKAN.....	360
V.	PENUTUP .....	360
	BAB 16 : PELANCONGAN DAN PERDAGANGAN PENGEDARAN.....	361

I.	PENDAHULUAN .....	361
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	361
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	372
IV.	PERUNTUKAN.....	382
V.	PENUTUP .....	382
	BAB 17 : KESIHATAN .....	383
I.	PENDAHULUAN.....	383
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	383
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	392
IV.	PERUNTUKAN.....	399
V.	PENUTUP .....	399
	BAB 18 : PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN SOSIAL YANG LAIN .....	400
I.	PENDAHULUAN.....	400
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	401
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	416
IV.	PERUNTUKAN.....	427
V.	PENUTUP .....	427
	BAB 19 : ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN MAMPAN SUMBER ASLI.....	428
I.	PENDAHULUAN.....	428
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	428
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	440
IV.	PENUTUP .....	451
	BAB 20 : WANITA DALAM PEMBANGUNAN .....	453
I.	PENDAHULUAN.....	453
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	453
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	459
IV.	PENUTUP .....	464
	BAB 21 : BELIA DALAM PEMBANGUNAN.....	465
I.	PENDAHULUAN.....	465

II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	465
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	473
IV.	PERUNTUKAN.....	480
V.	PENUTUP .....	480
	BAB 22 : PEMBANGUNAN MENERUSI KERJASAMA ANTARABANGSA .....	481
I.	PENDAHULUAN.....	481
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	482
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	494
IV.	PENUTUP .....	499
	BAB 23 : PEMBAHARUAN PENTADBIRAN UNTUK PEMBANGUNAN.....	501
I.	PENDAHULUAN.....	501
II.	KEMAJUAN, 1991-95 .....	501
III.	PROSPEK, 1996-2000 .....	518
IV.	PENUTUP .....	523
	BAB 24 : GLOSARI AKRONIM .....	525

## **BAB 1: MATLAMAT DAN RANGKA DASAR**

### **I. PENDAHULUAN**

1.01 Dengan pelancaran Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), 1996-2000, ekonomi Malaysia akan memasuki fasa kedua Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000. Tempoh separuh pertama RRJP2, dari beberapa segi, merupakan satu jangkamasa penting apabila negara telah mencapai kemajuan yang pesat. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), 1991-95 jauh mengatasi sasaran Rancangan. Tahun terakhir RME itu sendiri merupakan tahun kelapan berturut-turut ekonomi negara mencapai pertumbuhan pesat, menjadikannya tempoh pertumbuhan paling rancak dan terpanjang yang pernah dinikmati sehingga kini. Lebih penting lagi kadar pertumbuhan yang tinggi tersebut dicapai dalam suasana harga yang secara relatifnya stabil. Dengan asas yang kukuh menjadi landasan perkembangan pesat ekonomi sedia ada disertai suasana sosial dan politik yang teguh, negara bersedia melangkah ke fasa kedua pembangunan di bawah RRJP2 dengan kemampuan yang lebih tinggi untuk menghadapi cabaran semasa. Ianya juga menyediakan landasan bagi Kerajaan mempercepatkan pencapaian objektif pertumbuhan seimbang sebagaimana yang termaktub di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dengan matlamat utama mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil dan bersatu padu.

1.02 Sungguhpun demikian, perkembangan pesat ini telah menimbulkan cabaran baru di dalam pengurusan ekonomi. Cabaran tersebut adalah berkaitan dengan masalah dan kekangan yang lazimnya berhubungkait dengan ekonomi yang berkembang pesat secara berpanjangan terutamanya ekonomi yang sampai ke tahap penggunaan kapasiti maksimum dan gunatenaga penuh serta menghadapi masalah imbangan akaun luar negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menyambut cabaran tersebut dengan penggubalan dasar dan strategi pengurusan ekonomi makro yang kukuh bertujuan menyediakan suasana yang memberangsangkan pertumbuhan mampan dalam jangka sederhana dan panjang.

1.03 Dengan bermulanya RMT, teras dasar pembangunan negara bukan sahaja menekankan kepentingan mengekalkan pertumbuhan yang tinggi supaya matlamat menjadi negara maju sepenuhnya sebagaimana yang termaktub dalam Wawasan 2020 dapat dicapai, malah aspek pembangunan yang lain seperti keadilan sosial, kualiti hidup dan kestabilan politik dengan nilai sosial dan kerohanian yang positif turut diberi penekanan. Pendekatan pembangunan yang menyeluruh ini telah menjadi tonggak usaha pembangunan negara. Sungguhpun tumpuan ke atas isu ekonomi adalah penting, usaha pembangunan mestilah melangkaui lebih daripada lingkungan dimensi ekonomi semata-mata supaya merangkumi juga aspek

kerohanian bagi mewujudkan masyarakat yang teguh dan bersatu padu dengan nilai kekeluargaan yang kukuh, disiplin diri yang tinggi serta menghayati seni dan budaya.

1.04 Mengelakkan keharmonian antara aspek kebendaan dan kerohanian dalam pembangunan adalah penting. Pembangunan kebendaan semata-mata dengan mengorbankan keperluan kerohanian ataupun pemahaman agama yang ekstrim akan menjelaskan pembangunan masyarakat Malaysia. Nilai sejagat yang wujud dalam agama Islam seperti amanah, kesederhanaan, sifat bertanggungjawab, ikhlas, rajin, dedikasi dan disiplin yang juga terdapat dalam kepercayaan lain merupakan kunci ke arah meningkatkan lagi kedamaian dan kemakmuran negara ini. Kesediaan untuk menggunakan sepenuhnya kemajuan ilmu pengetahuan terutamanya pengetahuan saintifik yang merupakan satu lagi aspek yang ditekankan dalam agama Islam, adalah perlu bagi pembangunan negara yang pesat pada masa hadapan.

1.05 Cabaran daripada pembangunan yang pesat dan peralihan sosio-ekonomi yang cepat akan menimbulkan tekanan kepada individu, keluarga dan masyarakat. Kepelbagaiannya sosio-budaya negara ini yang unik boleh dijadikan salah satu aset yang berharga kepada negara. Penerapan nilai moral, etika, budaya dan kerohanian yang kukuh akan menyediakan asas yang kuat bagi menghadapi gangguan dan tekanan. Pendidikan moral dan agama perlu disusun semula bagi menghadapi cabaran yang wujud pada masa hadapan. Usaha yang lebih giat akan dilakukan untuk menerapkan nilai agama yang kukuh bagi mencegah menularnya gejala sosial yang negatif dalam masyarakat Malaysia.

## **II. KE ARAH AGENDA DASAR UNTUK MENGHADAPI CABARAN MASA HADAPAN**

1.06 Sepanjang tempoh dua setengah dekad semenjak tahun 1970, Malaysia telah mencapai kemajuan yang membanggakan dari segi pertumbuhan ekonomi serta dapat memenuhi objektif sosialnya. Negara telah berjaya mengekalkan kepesatan pembangunan dengan KDNK berkembang pada kadar purata sebanyak 6.7 peratus setahun dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-90 dan 8.7 peratus dalam tempoh RME. Dalam tempoh lapan tahun semenjak tahun 1988, prestasi ekonomi adalah sangat memberangsangkan dengan mengekalkan pertumbuhan tinggi sebanyak 8.9 peratus setahun. Pertumbuhan ekonomi dalam suasana inflasi yang secara relatifnya rendah, sesungguhnya merupakan satu pencapaian yang membanggakan. Seiring dengan perkembangan yang memberangsangkan ini, kemajuan pesat dalam usaha pengurangan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta peningkatan taraf hidup semua rakyat Malaysia telah juga dicapai. Pendapatan per kapita pada nilai nominal telah meningkat daripada RM1,106 pada tahun 1970 kepada RM9,786 pada tahun 1995. Peningkatan pendapatan per kapita yang diukur pada nilai kuasa beli perbandingan adalah lebih ketara iaitu meningkat daripada US\$978 pada tahun 1970 kepada US\$9,470 pada tahun 1995.

1.07 Pertumbuhan ekonomi yang tinggi dalam tempoh tersebut telah disertai dengan peralihan struktur yang ketara dalam ekonomi Malaysia yang menghasilkan perubahan secara beransur-ansur daripada bergantung sebahagian besarnya kepada pengeluaran dan eksport komoditi utama kepada ekonomi perindustrian yang lebih moden. Sektor pembuatan kini menyumbangkan kira-kira satu pertiga daripada KDNK dan lebih tiga perempat daripada eksport barang. Perkembangan pesat sektor pembuatan juga telah disertai dengan pelbagai keluaran dan eksport yang lebih banyak. Pencapaian ini adalah hasil kejayaan pelaksanaan program perindustrian negara. Dasar penggantian import yang diamalkan dalam tahun 1960an telah diubah kepada pelaksanaan strategi berorientasikan eksport dalam tahun 1970an. Penggubalan Pelan Induk Perindustrian pada tahun 1985 telah menyediakan rangka tindakan bagi mempercepatkan pembangunan perindustrian. Strategi yang digunakan dalam Pelan tersebut telah mengubah dengan cepatnya sektor perindustrian kepada sektor yang mempunyai asas yang lebih luas dan semakin canggih. Tempoh tersebut juga menyaksikan pembentukan industri berat dalam industri berasaskan bukan sumber seperti industri petrokimia, automobil serta besi dan keluli manakala industri tradisi iaitu elektronik dan jentera elektrik serta industri pakaian terus berkembang pesat. Pada masa yang sama industri berasaskan sumber seperti oleokimia, pemprosesan makanan dan industri berasaskan kayu juga mengalami pertumbuhan pesat. Ekonomi kini memasuki satu lagi fasa perindustrian yang menekankan dan memerlukan industri yang lebih berintensif modal, berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan.

1.08 Peranan sektor swasta yang semakin meningkat sebagai penggerak pertumbuhan telah menjadi ketara semenjak pertengahan tahun 1980an jika dibandingkan dengan tahun 1970an dan awal 1980an, apabila sektor awam terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi terutamanya melalui pelaburan dalam sejumlah besar perusahaan awam. Menyedari bahawa pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta akan membawa kepada kejayaan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi, Kerajaan telah memberi kepercayaan kepada inisiatif sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih besar bukan sahaja dari segi menjana pertumbuhan tetapi juga menyumbang ke arah pencapaian objektif pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama.

1.09 Bagi membantu pertumbuhan sektor swasta, Kerajaan telah memperkenalkan konsep Persyarikatan Malaysia pada tahun 1983 dengan tujuan memupuk kerjasama yang lebih erat di antara sektor awam dan swasta. Selaras dengan konsep tersebut, Kerajaan telah melonggarkan lagi peraturan, memudahkan tatacara pentadbiran serta menyediakan insentif yang lebih baik dan kesemuanya ini telah memperkuuhkan sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan ekonomi. Melalui dasar penswastaan, sektor swasta telah dapat menyertai aktiviti ekonomi terutamanya dalam pembangunan infrastruktur yang suatu masa dahulu dikuasai oleh sektor awam serta dalam peluang baru yang dapat memupuk pembangunan perusahaan swasta yang berdaya maju secara berterusan.

1.10 Langkah penyesuaian yang diambil oleh Kerajaan semenjak tahun 1983 untuk memperkuuhkan kewangan sektor awam telah menghasilkan kedudukan belanjawan negara yang lebih baik. Pencapaian belanjawan berimbang semenjak tahun 1993 mencerminkan kejayaan pengurusan kewangan sektor awam dan membuktikan komitmen Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk memperkuuh serta mengamalkan dasar fiskal berhemat dengan tujuan mengawal tekanan permintaan yang berlebihan dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kejayaan ini lebih membanggakan memandangkan usaha Kerajaan yang berterusan ke arah reformasi dan mempermudahkan sistem percukaian untuk meningkatkan daya saingan sektor swasta dan menjadikan Malaysia pusat pelaburan yang lebih menarik. Usaha tersebut meliputi penghapusan serta pengurangan cukai termasuk cukai pendapatan korporat dan individu.

1.11 Pengurusan kewangan yang berhemat telah dilengkapi dengan dasar kewangan yang ketat yang telah dilaksanakan oleh Bank Negara semenjak tahun 1989. Pelaksanaan dasar kewangan adalah tertumpu kepada pengurusan kecairan di dalam lingkungan yang berpatutan serta memastikan kestabilan kadar tukaran asing bagi meneruskan pertumbuhan keluaran yang mampan. Walau bagaimanapun, dasar kewangan yang ketat telah meningkatkan perbezaan kadar faedah dengan Malaysia mencatatkan kadar faedah yang lebih tinggi daripada kebanyakan negara lain. Ini telah membawa kepada kemasukan modal asing yang besar pada akhir tahun 1993

dan awal tahun 1994 untuk mengambil peluang daripada perbezaan kadar faedah. Berbeza dengan kemasukan modal jangka panjang yang telah memberi manfaat kepada negara kerana pelaburan telah menambah kapasiti yang produktif, dana jangka pendek pada lumrahnya bersifat tidak menentu dan berpotensi mewujudkan ketidakstabilan dalam ekonomi yang boleh menggugat dasar kewangan negara yang sehingga kini berjaya mengurangkan tekanan inflasi. Dengan demikian kemasukan dana jangka pendek telah menyebabkan dasar kewangan menjadi lebih sukar untuk diurus yang memerlukan dimensi baru dalam pengurusan kewangan negara. Selain daripada menggunakan instrumen tradisional, ianya juga memerlukan langkah baru untuk menguruskan pengaliran dana spekulatif dengan lebih bijak bagi mengurangkan kesannya terhadap kecairan, penawaran wang dan inflasi.

1.12 Perkembangan ekonomi yang pesat telah membawa kepada keadaan gunatenaga penuh dengan kadar pengangguran turun kepada 2.8 peratus pada tahun 1995. Pasaran buruh yang ketat telah meningkatkan tekanan terhadap paras upah dan jika tidak dibendung akan meninggikan paras harga keseluruhan dalam ekonomi. Di samping itu, tekanan upah yang berterusan yang tidak diiringi dengan kenaikan produktiviti akan meningkatkan kos menjalankan perniagaan serta menggugat daya saingan negara di peringkat antarabangsa. Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan telah membenarkan kemasukan buruh asing bagi sektor tertentu dalam ekonomi untuk mengurangkan masalah kekurangan buruh. Walau bagaimanapun, penyelesaian jangka panjang kepada masalah ini bergantung kepada penggunaan buruh secara lebih cekap dan produktif. Ini memerlukan pengurangan permintaan buruh melalui teknik dan proses penjimatan buruh. Dalam hubungan ini, negara perlu meningkatkan tahap pengeluaran daripada yang berintensif buruh dan proses pemasangan kepada yang lebih berintensif modal dan teknologi serta berdasarkan pengetahuan.

1.13 Perubahan ke arah penggunaan automasi secara lebih meluas serta industri berintensif modal dan berdasarkan pengetahuan telah membawa cabaran baru terutamanya kekurangan tenaga manusia mahir. Ianya memerlukan latihan dan latihan semula untuk meningkatkan keupayaan teknikal dan kemahiran tenaga kerja dalam negeri. Selain daripada meningkatkan penawaran buruh mahir melalui penubuhan institusi latihan sektor awam, Tabung Pembangunan Sumber Manusia (TPSM) telah ditubuhkan pada tahun 1992 untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta memberikan latihan dan latihan semula. Tabung ini beserta dasar yang fleksibel terhadap pengambilan pekerja asing dalam pekerjaan profesional dan teknikal telah mewujudkan persekitaran yang membolehkan mobilisasi sumber manusia mahir bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Latihan kemahiran yang lebih giat dan peningkatan dalam pendidikan tinggi adalah sangat penting dalam memenuhi permintaan tenaga profesional dan mahir pada masa hadapan.

1.14 Kejayaan mengawal inflasi ketika negara mengalami pertumbuhan yang pesat telah membolehkan negara terus mencatatkan kestabilan harga. Inflasi dapat dikawal pada tahap yang sangat rendah iaitu kurang daripada 4.0 peratus dalam tempoh 1975-94. Pada tahun 1995, inflasi hanya berkembang pada kadar 3.4 peratus. Dasar fiskal berhemat dan dasar kewangan yang ketat serta langkah pentadbiran telah dilaksanakan dengan jayanya terutama bagi tujuan mengawal peningkatan penggunaan, menggalak tabungan dan mengurangkan kekangan penawaran. Kerajaan akan terus mengamalkan dasar tersebut untuk memerangi tekanan dan jangkaan inflasi bagi memastikan kadar inflasi keseluruhan kekal pada tahap yang rendah. Sebagai matlamat jangka panjang, Kerajaan akan berusaha untuk mencapai inflasi sifar bagi barang keperluan asas yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah.

1.15 Akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia lazimnya mempunyai lebihan dalam akaun dagangan tetapi mengalami defisit berterusan dalam akaun perkhidmatan. Sungguhpun demikian, pertumbuhan ekonomi yang kukuh yang sebahagian besarnya didorong oleh pelaburan menyebabkan kenaikan dalam import barang modal dan perantaraan. Berikutan daripada itu, lebihan akaun dagangan menjadi kecil di penghujung tempoh Rancangan. Pada masa yang sama, akaun perkhidmatan masih mengalami defisit, sebahagian besarnya disebabkan bayaran keluar bersih keuntungan dan dividen. Dengan itu, defisit akaun semasa imbangan pembayaran telah bertukar daripada lebihan pada akhir tahun 1980an kepada defisit yang semakin besar dalam tempoh RME. Sebahagian besar daripada peningkatan defisit tersebut adalah disebabkan pertumbuhan pesat pelaburan yang seterusnya menyebabkan kenaikan import barang modal dan perantaraan yang merupakan 85.3 peratus daripada jumlah import barang. Dalam jangka sederhana, import barang modal dan perantaraan akan meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi negara. Di samping itu, kekuahan imbangan luar negara perlu dilihat daripada cara defisit tersebut dibiayai. Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) jangka panjang adalah besar dan lebih daripada mencukupi untuk membiayai defisit akaun semasa sehingga imbangan asas sentiasa mengalami lebihan. Dari segi imbangan sumber, kadar tabungan negara yang tinggi pada 32.5 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai pelaburan dalam negeri. Dengan itu negara kurang perlu membuat pinjaman yang besar daripada luar negara bagi membiayai pelaburan dalam negeri. Kadar tabungan negara yang tinggi adalah setanding dengan kebanyakan negara perindustrian baru malah lebih tinggi daripada kebanyakan negara maju.

1.16 Dari segi pengagihan pendapatan, perkembangan ekonomi telah menyediakan peluang yang lebih luas dan menjana sumber bagi mencapai matlamat pengagihan supaya semua golongan masyarakat menikmati peningkatan pendapatan. Walau bagaimanapun, oleh kerana pemilikan faktor dan juga kemahiran adalah berbeza, pertumbuhan ekonomi yang pesat telah membawa kepada sedikit peningkatan dalam ketidaksamaan pendapatan. Namun demikian, bilangan isirumah miskin terus

berkurangan manakala kadar kemiskinan golongan termiskin turun dengan banyaknya. Lebih penting lagi ialah kemunculan golongan berpendapatan pertengahan yang besar telah mencerminkan kejayaan dasar ekonomi dalam memastikan manfaat daripada pembangunan ekonomi telah diagihkan dengan lebih saksama. Pengagihan kekayaan dan kemakmuran yang lebih saksama telah menyumbang kepada kemajuan seterusnya dalam membentuk masyarakat yang harmoni, bertoleransi dan dinamik.

### **Cabaran Masa Hadapan**

1.17 Perkembangan ekonomi yang pesat dan mampan semenjak tahun 1988 telah menyediakan asas yang kukuh bagi melaksanakan RMT. Cabaran baru yang timbul terutamanya berkaitan dengan pengurusan kejayaan ekonomi dan pembangunan nasional memerlukan penyesuaian ke atas dasar dan program yang sedia ada serta pelaksanaan pendekatan baru. DPN yang menjadi asas untuk mencapai perpaduan negara akan terus menyediakan rangka yang luas bagi pembangunan ke arah tahun 2000. Walau bagaimanapun, dasar yang khusus perlu disusun untuk menjadi satu agenda dasar ke arah mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan dalam tempoh RMT. Cabaran utama yang akan dihadapi oleh negara pada masa hadapan termasuk:-

- o memusatkan transformasi ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti melalui peningkatan kecekapan faktor buruh dan modal serta produktiviti faktor keseluruhan (TFP) dengan meningkatkan kemahiran, mendalamkan modal di samping memajukan pengurusan dan keusahawanan;
- o mempercepatkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi yang menjimatkan penggunaan buruh serta menggunakan proses pengeluaran berintensif modal dan teknologi yang mana memerlukan penyelarasan dasar dan program pembangunan sumber tenaga manusia dan teknologi serta usaha yang bersungguh-sungguh untuk meneroka bidang pembangunan yang baru;
- o menguruskan pertumbuhan yang kukuh dengan jayanya di samping mengekalkan kestabilan harga dan imbalan akaun luar negara bagi memastikan pencapaian pertumbuhan mampan dalam jangka sederhana dan panjang;
- o menggalakkan pendekatan global kepada perindustrian untuk membolehkan firma menceburi operasi berskala besar supaya manfaat daripada ekonomi bidangan dapat diperolehi melalui peningkatan kapasiti pengeluaran untuk dieksport ke pasaran dunia;
- o menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepdu melalui pengukuhan rantaian antara industri, terutama dengan meningkatkan pengeluaran barang

modal dan perantaraan terpilih untuk mengurangkan pergantungan terhadap import serta dikembangkan bagi pasaran eksport;

o meningkatkan daya saingan dalam menghadapi globalisasi yang lebih luas, kemajuan teknologi serta perubahan pilihan pasaran yang memerlukan negara memperkuatkan asas daya saingan, memperkuuhkan infrastruktur, memperluaskan jalinan global serta mengekalkan persekitaran yang sesuai bagi inisiatif sektor swasta;

o membangunkan sektor perkhidmatan yang moden, dinamik dan berorientasi terbuka bagi membolehkannya bukan sahaja menjadi pemangkin utama pertumbuhan tetapi juga berpotensi untuk dieksport dalam perdagangan antarabangsa;

o memperkuuhkan sains dan teknologi (S&T) dan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) untuk menggunakan sepenuhnya keupayaan teknologi negara serta memajukan teknologi maklumat (IT) bagi membolehkan negara beralih daripada hanya sebagai pengguna produk multimedia kepada pembekal dan pemaju IT;

o memastikan pembangunan mampan bukan sahaja melalui kesedaran yang lebih tinggi terhadap pemuliharaan alam sekitar tetapi juga menekankan pertimbangan yang bersepada mengenai alam sekitar dalam proses pembangunan ekonomi dan sosial;

o menekankan usaha yang lebih gigih ke arah pengagihan pertambahan pendapatan dankekayaan negara dengan saksama bertujuan mengekalkan kestabilan sosio-ekonomi yang berterusan serta mempercepatkan penyusunan semula masyarakat; dan

o menangani masalah sosial yang semakin meningkat berikutan daripada pertumbuhan yang pesat bagi memastikan ianya tidak melemahkan moral dan etika masyarakat terutamanya di kalangan golongan muda dan generasi masa hadapan.

### **III. TERAS PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH**

1.18 Bagi menyokong dan mengekalkan proses pembangunan, Malaysia perlu menangani cabaran tersebut. Kerajaan akan terus berusaha mengekalkan kestabilan sosial dan politik serta pengurusan ekonomi yang cekap bertujuan menyediakan persekitaran yang baik bagi mencapai pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama sejajar dengan matlamat DPN. Usaha mewujudkan ekonomi yang lebih seimbang, mempunyai asas yang luas, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa tetap penting bagi menyediakan asas yang lebih kukuh untuk mencapai pertumbuhan yang mampan terutamanya dalam proses peralihan ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

1.19 Teras RMT adalah untuk meningkatkan pertumbuhan potensi keluaran, memusatkan peralihan struktur dan pembangunan yang seimbang. Dengan persaingan yang lebih besar daripada ekonomi yang baru muncul bagi mendapatkan sumber modal manakala buruh pula semakin berkurangan, tumpuan RMT adalah untuk mempercepatkan peningkatan produktiviti dan kecekapan terutamanya melalui inisiatif sektor swasta. Penekanan yang khusus akan diberi kepada usaha meningkatkan kemahiran, mendalamkan modal dan membangunkan teknologi. Aspek yang penting adalah meningkatkan kecekapan dan produktiviti penggunaan sumber yang akan memperkuuhkan daya saingan negara.

#### **Kestabilan Ekonomi Makro**

1.20 Dalam tempoh RMT, pengurusan ekonomi makro akan memberi tumpuan kepada mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan kestabilan bagi memudahkan pencapaian objektif sosio-ekonomi dalam konteks perkembangan ekonomi yang pesat. KDNK mengikut nilai sebenar dijangka tumbuh dengan pesat pada kadar purata 8.0 peratus setahun dengan kadar inflasi yang rendah. Usaha memerangi inflasi akan diteruskan melalui dasar fiskal dan kewangan yang bersesuaian serta langkah pentadbiran dan penyesuaian penawaran.

1.21 Agregat kewangan akan terus menjadi sasaran dasar kewangan jangka sederhana yang bertujuan mengurus kecairan dengan lebih berkesan. Sungguhpun pengurusan kewangan menjadi lebih rumit dengan meningkatnya mobiliti modal diperingkat antarabangsa, penyesuaian dasar yang bertepatan akan dilaksana bagi menghapuskan pengaruh ketidakstabilan tersebut. Kadar faedah akan dikekalkan pada paras yang dapat menggalak tabungan dan pelaburan. Pada masa yang sama, perhatian yang lebih akan ditumpukan kepada perbezaan kadar faedah untuk mengurangkan pengaliran masuk dana spekulatif. Faktor ketidakstabilan ini akan diambil kira dalam dasar tukaran asing terutamanya bertujuan menggalakkan pencapaian kadar tukaran yang stabil.

1.22 Dasar fiskal akan memperkuatkan lagi dasar kewangan dalam usaha membendung tekanan harga. Penekanan terhadap perbelanjaan mengurus yang terkawal akan diteruskan selaras dengan dasar fiskal yang berhemat sementara perancangan pelaburan sektor awam akan mengambil kira kedudukan keseluruhan kewangan sektor awam, kedudukanimbangan pembayaran dan keupayaan untuk melaksanakan program pembangunan. Defisit belanjawan akan dibendung di tahap yang sewajarnya manakala penggunaan dana yang dipinjam akan diminimumkan. Disiplin kewangan ini akan mengurangkan lagi beban hutang negara serta pergantungan terhadap pembiayaan dari luar negara dan seterusnya mengelakkan kesan buruk daripada pergerakan kadar tukaran asing.

1.23 Sungguhpun pembiayaan pelaburan awam tidak merupakan satu masalah, namun untuk memenuhi keperluan pelaburan swasta yang besar dan pelbagai adalah merupakan satu cabaran. Jumlah pelaburan yang terlibat akan memerlukan instrumen pembiayaan yang baru, galakan tabungan yang lebih berkesan serta penggembelangan sumber melalui pasaran modal dan sistem perbankan. Galakan tabungan yang tinggi akan membendung kenaikan harga dan ini akan melembabkan pertumbuhan penggunaan serta menggembeleng dana dalam negeri yang akan digunakan untuk membiayai pelaburan. Usaha untuk terus membangunkan pasaran modal yang dinamik dan inovatif akan meningkatkan penggembelangan sumber bagi memenuhi keperluan dana yang semakin meningkat. Pembangunan seiring dalam pasaran ekuiti dan sekuriti hutang swasta akan menyediakan sumber yang diperlukan oleh sektor swasta bagi membiayai pelaburan termasuk bagi projek infrastruktur yang besar.

1.24 Usaha akan diambil untuk memperkuatkan kedudukanimbangan keseluruhanimbangan pembayaran supaya dapat mengekalkan tahap rizab antarabangsa yang mencukupi. Seperti pada masa lalu, defisit akaun semasa dijangka dibiayai sepenuhnya oleh FDI yang baru serta melalui pelaburan semula. Asas ekonomi yang kukuh, kestabilan politik dan sosial serta pengluasan peluang perniagaan akan terus menarik pelabur asing. Peningkatan potensi pembangunan juga akan mendorong pelabur melabur semula keuntungan yang diperolehi. Lebih ramai pelabur Malaysia dijangka melabur ke luar negara untuk menjalin hubungan strategik dan membentuk rangkaian dengan rakan asing, meneroka pasaran luar negara, menggunakan input tempatan bagi usahaniaga ke luar negara dan mewujudkan struktur pengeluaran di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, penglibatan aktif pelabur Malaysia dalam berbagai bidang pelaburan di luar negara akan digalakkan dalam bidang seperti perumahan, industri pembuatan, pemasangan kenderaan, minyak dan gas serta pembangunan infrastruktur. Pelabur Malaysia perlu mendapatkan dana bagi pelaburan tersebut daripada pasaran modal antarabangsa.

1.25 Pada masa yang sama, langkah tambahan akan diambil untuk memperbaiki kedudukan akaun semasaimbangan pembayaran. Memandangkan defisit yang tegar ini sebahagian besarnya berpunca daripada akaun perkhidmatan terutamanya

pengaliran keluar keuntungan, bayaran dividen dan faedah serta pembayaran tambang dan insurans yang tinggi, usaha yang lebih gigih akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Galakan secara agresif bagi membangunkan perkhidmatan terpilih untuk dieksport seperti pendidikan, pelancongan, kesihatan dan perkhidmatan juruperunding akan membantu mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan. Usaha akan diambil untuk mencapai integrasi pengeluaran yang lebih kukuh supaya negara mampu mengeluarkan barang modal dan perantaraan yang akan mengurangkan defisit apabila penggunaan input tempatan meningkat pada masa hadapan. Namun demikian, disebabkan sifat struktur defisit ini, hasil daripada langkah yang diambil akan hanya dapat dilihat pada akhir tempoh Rancangan.

### **Pengurangan Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat**

1.26 Dalam tempoh RMT, usaha akan diteruskan untuk mengurangkan lagi kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan di antara kumpulan etnik dan kumpulan pendapatan serta wilayah. Jangkaan prestasi ekonomi yang lebih baik akan meningkatkan lagi keupayaan Kerajaan meneruskan falsafah asas pembangunan yang menekankan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama. Program pengagihan yang sedia ada akan diperbaiki dan diperteguh bagi meningkatkan keberkesanan usaha membentuk asas perpaduan nasional yang lebih kukuh.

1.27 Usaha akan ditumpukan untuk mengurangkan kadar kemiskinan ke tahap 5.5 peratus manakala kemiskinan di kalangan golongan termiskin akan dapat dibasmi sepenuhnya menjelang tahun 2000. Dalam hubungan ini, program membasmi kemiskinan termasuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) akan ditumpukan kepada pengurangan kemiskinan di kawasan dan di kalangan kumpulan yang kadar kemiskinannya tinggi.

1.28 Dalam usaha meningkatkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang lebih berdaya maju, usahawan Bumiputera digalak menceburi industri strategik seperti industri aerospace, automotif, jentera dan kejuruteraan, petrokimia dan telekomunikasi. Program secara berpakej seperti pembangunan vendor dan francais yang telah diperkenalkan dalam tempoh RME akan terus diperluaskan. Bagi meningkatkan lagi penyertaan usahawan Bumiputera dalam industri strategik, latihan khusus akan diberi untuk meningkatkan pengetahuan teknikal di samping mewujudkan semangat mencapai matlamat bersama di kalangan mereka. Usaha juga akan diambil untuk menggalakkan lebih banyak entiti sektor swasta termasuk syarikat multinasional (MNC) melibatkan diri sebagai syarikat tunjang atau pemberi francais.

1.29 Usaha akan terus diambil untuk menyusun semula corak gunatenaga supaya menggambarkan komposisi etnik penduduk negara. Perhatian khusus akan diberi untuk meningkatkan penawaran tenaga kerja Bumiputera dalam bidang profesional dan pengurusan melalui pendidikan dan latihan. Bumiputera akan disediakan dengan

lebih banyak kemudahan untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran yang sesuai, pendedahan serta pengalaman yang perlu seperti yang dikehendaki oleh sektor swasta.

1.30 Dalam usaha meningkatkan hak milik ekuiti, penyertaan dan penguasaan Bumiputera dalam sektor korporat, Bumiputera akan dilengkapkan dengan kemahiran yang perlu untuk mengurus dan mentadbir harta dan kekayaan mereka secara berterusan. Individu, institusi dan agensi amanah Bumiputera akan digalak mengembangkan aktiviti mereka dan menerokai pasaran baru melalui hubungan perniagaan di luar negara dan mewujudkan lebih banyak peluang bagi syarikat kecil Bumiputera lain untuk menyertai aktiviti yang berkaitan. Di samping itu, usaha akan menjurus kepada peningkatan dan penggembangan tabungan Bumiputera dalam tabung amanah dan koperasi serta sumber yang berteraskan Islam seperti zakat, wakaf dan Baitulmal.

1.31 Dalam tempoh RMT, pendapatan isirumah dijangka meningkat selaras dengan jangkaan pertumbuhan KDNK mengikut nilai sebenar yang tinggi. Walau bagaimanapun, memandangkan wujudnya ketidaksamaan pendapatan yang semakin meluas di antara kumpulan etnik, kumpulan pendapatan dan di antara isirumah di bandar dan di luar bandar dalam tempoh RME, usaha akan terus diambil untuk memastikan kesan daripada ketidaksamaan tersebut akan diminimumkan. Kumpulan pendapatan pertengahan akan terus berkembang dan ini dijangka mengurangkan ketidaksamaan pendapatan di kalangan kumpulan pendapatan. Di samping itu, program dan projek pendidikan dan latihan, kesihatan dan kemudahan sosial yang lain serta aktiviti menjana pendapatan dijangka terus meningkatkan taraf hidup penduduk dalam kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah.

1.32 Memandangkan kepesatan kadar pembandaran, Kerajaan akan mengambil langkah perlu untuk mengawal peningkatan bilangan golongan miskin di bandar. Sungguhpun kadar kemiskinan di kalangan kumpulan miskin dan termiskin telah berkurangan, bilangan isirumah miskin di kawasan bandar telah meningkat sedikit terutamanya berikutan daripada penakrifan semula kawasan bandar pada tahun 1991. Bagi mengurangkan bilangan golongan miskin di bandar, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada projek yang boleh menjana pendapatan serta menyediakan kemudahan asas yang mencukupi termasuk perumahan kos rendah.

### **Pertumbuhan Yang Didorong Oleh Produktiviti**

1.33 Pada masa lalu, pertumbuhan ekonomi Malaysia didorong terutamanya oleh input melalui pelaburan, dengan modal menyumbang hampir separuh daripada pertumbuhan potensi output. RMT akan mengalihkan tumpuan daripada strategi pertumbuhan yang didorong oleh input kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dengan meningkatkan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (TFP). TFP merujuk kepada output tambahan yang dijana melalui peningkatan kecekapan

hasil daripada kemajuan pendidikan, kemahiran dan kepakaran pekerja, perolehan teknik dan pengetahuan pengurusan yang tinggi, kemajuan dalam organisasi, berikutan daripada pengkhususan, pengenalan teknologi baru dan inovasi atau peningkatan teknologi sedia ada serta kemajuan IT. Peningkatan TFP akan membolehkan ekonomi menjana output yang lebih banyak daripada sumber yang sama dan seterusnya beralih ke arah laluan pertumbuhan yang lebih tinggi.

1.34 Dalam tempoh RMT, pertumbuhan gunatenaga dijangka berada pada kadar purata 2.8 peratus setahun, lebih rendah daripada 3.4 peratus yang dicapai dalam tempoh RME dan dengan itu mengurangkan sumbangan buruh kepada pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini dijangka berikutan daripada amalan penjimatan buruh yang lebih tinggi selaras dengan ekonomi yang bergerak ke arah penggunaan modal yang lebih intensif. Pada masa yang sama, pertumbuhan pelaburan swasta yang kukuh pada kadar 16.6 peratus dalam tempoh RME dijangka berkurang kepada 7.8 peratus, walaupun jumlah pelaburan yang besar bernilai RM385 bilion diperlukan untuk mencapai matlamat RMT. Faktor tersebut menunjukkan bahawa prospek masa hadapan ekonomi Malaysia bergantung kepada kejayaan peningkatan produktiviti untuk menggerakkan ekonomi.

1.35 Peningkatan kemahiran, pendalaman modal, pembangunan teknologi dan kemajuan organisasi akan menjadi tunjang kepada peralihan ekonomi Malaysia ke arah pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Dengan sebahagian besar tenaga buruh yang terdiri daripada peringkat usia muda, pelaburan dalam tenaga manusia untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja membolehkan setiap unit buruh menghasilkan lebih banyak output atau produk yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Program pembangunan kemahiran yang dipergiatkan dalam tempoh RMT akan meningkatkan penawaran tenaga manusia yang berkemampuan dan pakar dalam bidang teknikal. Dengan kualiti tenaga kerja yang lebih baik, jangkamasa pembelajaran dan tempoh memperolehi pulangan daripada penggunaan sistem automasi yang lebih maju serta perolehan teknologi baru akan dapat dipendekkan. Ini akan menyokong usaha peralihan ke arah industri berteknologi tinggi dan berintensif modal.

1.36 Pertumbuhan produktiviti buruh adalah juga berkaitan dengan tahap pendalaman modal yang menyebabkan kenaikan dalam nisbah modal-buruh. Proses pendalaman modal yang berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah dirangsang oleh kemasukan pelaburan asing yang besar terutamanya dalam sektor pembuatan dan proses ini dijangka akan berterusan. Sumber bagi proses ini dijangka berpuncak daripada kedua-dua pelaburan asing dan tempatan. Pelaburan besar yang dirancang dalam sektor pembuatan serta banyaknya projek infrastruktur besar yang akan terus dilaksanakan dalam tempoh RMT akan membantu pembentukan modal dalam negeri. Di samping itu, persekitaran yang sesuai serta insentif yang menarik akan terus merangsang pelaburan asing dan tempatan.

1.37 Usaha untuk merealisasikan kecekapan penggunaan sumber modal tambahan adalah penting untuk meningkatkan produktiviti buruh dan modal. Permintaan terhadap tenaga buruh akan dikurangkan bukan sahaja melalui peningkatan nisbah modal kepada buruh tetapi juga melalui peningkatan intensiti kemahiran dalam proses pengeluaran. Perubahan ini adalah perlu memandangkan ekonomi akan terus mengalami gunatenaga penuh. Di samping itu, kecekapan pengurusan perlu dipertingkatkan manakala hubungan antara majikan dan pekerja perlu diperkuatkkan bagi mendapat manfaat daripada pertambahan produktiviti.

1.38 Kadar pelaburan fizikal yang tinggi perlu digandingkan dengan peningkatan dalam pembangunan teknologi dan pengurusan. Manfaat daripada pembangunan teknologi bukan sahaja diperolehi melalui inovasi perintis atau penemuan baru tetapi termasuk juga penguasaan teknologi sedia ada serta mengikuti perubahan yang sering berlaku di samping

mempelajari teknologi baru untuk diguna, diubahsuai dan dimajukan. Di samping berusaha untuk memupuk pembangunan teknologi tempatan, industri Malaysia perlu terus mendapatkan teknologi daripada negara maju yang lain. Pembaharuan yang mudah mungkin dapat diperolehi secara berinteraksi dengan pasaran dan firma yang berkaitan seperti sub-kontraktor dan pembekal barang dan perkhidmatan. Kehadiran banyak MNC di Malaysia juga sepatutnya membantu proses ini.

1.39 Bagi mendapatkan manfaat daripada kewujudan MNC, usaha akan dimulakan untuk membangunkan Malaysia sebagai lokasi yang menarik dan berpotensi menjadi pusat kecemerlangan P&P dalam keluaran pembuatan terpilih seperti industri elektronik, getah dan industri berasaskan kayu tropika. Dengan meningkatnya globalisasi, banyak MNC telah menempatkan kemudahan P&P di beberapa lokasi baru di luar negara asal mereka. Dalam hubungan ini, MNC yang berkaitan digalak menempatkan kemudahan P&P mereka di negara ini. Usaha akan diambil untuk mewujudkan persekitaran yang perlu termasuk membentuk sistem pendidikan yang memberi penekanan kepada S&T, mengukuhkan institusi teknikal dan saintifik di samping memupuk nilai budaya yang boleh menggalakkan inovasi. Kerajaan juga akan terus melaksanakan dasar perdagangan dan ekonomi yang mendorong persaingan di kalangan firma dalam negeri bagi mempercepatkan proses pencapaian teknologi dan menjadikannya lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. Kerajaan akan menyediakan sokongan perlu untuk menarik pakar, ahli sains dan ahli teknologi dari negara asing.

1.40 Perhatian akan diberi kepada pertumbuhan komponen bukan fizikal bagi pelaburan yang meliputi kaedah pengurusan dan persekitaran institusi. Komponen ini seringkali ketinggalan jika dibandingkan dengan komponen fizikal. Ini akan menyediakan lebih banyak peluang bagi modal merealisasikan potensi produktif sepenuhnya. Peluang untuk mewujudkan perkongsian pintar dengan manfaat bersama di peringkat nasional dan antarabangsa akan diperkuatkkan. Ini akan

membantu meningkatkan perkembangan perniagaan. Pemupukan sikap positif terhadap kerja merupakan satu lagi faktor penting yang akan menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi. Kesungguhan bekerja merupakan pelengkap kepada pelaburan modal, kemahiran serta kepakaran pengurusan dalam proses pengeluaran melalui peningkatan produktiviti yang lebih tinggi.

### **Peningkatan Daya Saingan**

1.41 Satu lagi aspek penting dalam teras pembangunan adalah usaha meningkatkan daya saingan antarabangsa dalam menghadapi persaingan global yang lebih hebat, kemajuan teknologi dan pasaran pengguna yang berubah. Memandangkan lebih banyak negara akan menyertai proses globalisasi, dunia akan memasuki era persaingan yang kian meningkat di mana negara akan bersaing bukan sahaja dengan negara pesaing dalam kumpulannya sendiri tetapi juga dengan negara pendatang baru yang akan sentiasa muncul. Dalam hubungan ini, Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka akan menentukan keutamaan dan membuat komitmen yang perlu bagi membolehkannya bersaing dengan lebih berkesan di pasaran antarabangsa.

1.42 Asas ekonomi untuk Malaysia meningkatkan daya saingan telah sedia ada seperti dicerminkan melalui suasana politik yang stabil, persekitaran ekonomi yang menggalakkan, dasar dan peraturan yang menyokong, keupayaan kewangan yang kukuh, kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan tenaga kerja yang berpendidikan, mudahsuai dan mudahlatih. Dalam tempoh RMT, usaha akan terus diambil untuk memperkuatkannya kelebihan daya saingan negara. Secara khusus, Malaysia perlu memperkembang dan memperteguhkan daya saingan kelompok industri, mengukuhkan lagi asas ekonomi dan infrastruktur, memperbaiki persekitaran institusi sokongan, memperluas dan memperkuatkan rangkaian pasaran dunia, mengekalkan insentif dan dasar pelaburan yang sesuai, memastikan kestabilan harga serta kos menjalankan perniagaan yang rendah di samping meningkatkan kualiti hidup. Prestasi ekonomi masa hadapan akan lebih bergantung kepada keupayaan menggunakan faktor-faktor ini untuk mencapai prestasi daya saingan yang terbaik.

1.43 Keadaan gunatenaga yang menggalakkan dalam tempoh RME telah memberi manfaat kepada pekerja melalui upah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan upah yang tidak disertai dengan peningkatan produktiviti dalam jangkamasa panjang akan menambah tekanan inflasi, mengurangkan kelebihan daya saingan dan merendahkan taraf hidup pekerja. Sektor awam dan swasta perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan supaya upah yang lebih tinggi dapat dikekalkan. Dalam hubungan ini, kesatuan sekerja perlu mengubah sikap daripada hanya memperjuangkan upah yang tinggi kepada usaha yang lebih giat untuk menggalakkan ahlinya meningkatkan produktiviti. Kesatuan sekerja perlu memperluaskan usaha melatih pekerja bagi memastikan kemahiran yang lebih tinggi bagi membolehkan mereka memperolehi

upah dan keadaan kerja yang lebih baik. Di samping itu, keharmonian industri perlu terus dibina dan dipupuk bagi menyediakan persekitaran pertumbuhan produktiviti yang lebih baik dan suasana perundingan upah yang sihat. Majikan dan kesatuan sekerja perlu terus berusaha memupuk hubungan industri yang positif yang saling memberi manfaat kepada semua pihak.

### **Perindustrian Masa Hadapan**

1.44 Pengilang Malaysia akan digalak mengambil strategi baru yang akan membolehkan mereka menumpukan pengeluaran bagi pasaran dunia. Dengan memasuki pasaran antarabangsa, firma akan mampu meraih peluang baru dan lebih luas daripada pasaran yang lebih pelbagai, pada masa yang sama membolehkan mereka memperkenalkan intensiti modal yang lebih tinggi dan mendapat manfaat daripada penggunaan teknologi. Peralihan daripada bergantung kepada pasaran dalam negeri kepada pengeluaran untuk pasaran eksport ini memerlukan firma mencebur operasi pengeluaran berskala besar dan meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi mendapat manfaat ekonomi bidangan. Pengeluaran secara besar-besaran bagi pasaran dunia akan meningkatkan penggunaan teknologi dan kepakaran tenaga manusia dengan lebih tinggi dan oleh itu akan menambah kecekapan dan produktiviti yang seterusnya membawa kepada unit kos pengeluaran yang lebih rendah. Akhirnya, usaha ini akan meningkatkan kualiti dan output barang tempatan dan memperbaiki daya saingan eksport Malaysia. Ini akan menghasilkan bekalan keluaran yang secukupnya seperti simen, automobil dan keluaran besi yang telah mencatatkan peningkatan permintaan di luar jangka dalam pasaran dalam negeri sepanjang tempoh RME. Di samping itu, pendekatan secara global bagi perindustrian akan juga membantu mengurangkan kandungan import dalam keluaran tempatan dan seterusnya memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran.

1.45 Bagi menjayakan strategi ini, industri perlu menekankan kepada P&P dan standard kualiti serta mempergiatkan usaha secara berterusan dalam proses inovasi dan kemajuan keluaran. Perubahan yang strategik dalam pengeluaran hendaklah disertai dengan pemasaran keluaran Malaysia secara agresif dan bersungguh-sungguh dalam pasaran tradisional dan baru.

1.46 Bagi memastikan pendekatan baru ini membawa kepada rantaian di antara dan di dalam industri yang perlu, ianya harus disokong dengan pembangunan industri barang modal dan perantaraan secara serentak serta industri sokongan kecil dan sederhana yang kukuh. Di samping itu, langkah dan strategi yang bersesuaian akan dilaksanakan untuk memperkuuhkan asas industri melalui pembangunan industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, teknologi termaju, berintensif kemahiran serta berintensif pengetahuan.

1.47 Kerajaan akan mewujudkan persekitaran yang membolehkan firma meningkatkan kelebihan daya saingan dalam industri yang telah kukuh dengan memperkenalkan teknologi dan kaedah yang lebih canggih serta meneroka bidang yang lebih maju. Sebagai satu cara memperluas aktiviti ekonomi, dasar awam akan memberi sokongan kepada firma tempatan melabur dalam industri baru yang boleh menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi. Pembangunan kelompok perindustrian akan digalakkan supaya prestasi yang tinggi daripada industri utama akan meresap ke bawah dan memberi manfaat kepada semua industri yang berkaitan. Kelompok industri adalah merupakan satu gabungan firma dan industri yang saling berhubungkait secara menegak mahupun secara mendatar. Setiap kelompok akan mempunyai industri utama yang dibantu oleh pembekal komponen, bahan mentah, perkhidmatan sokongan dan infrastruktur khusus bagi kelompok masing-masing. Kelompok industri perlu terus berkembang dan menghasilkan kelompok baru untuk menambahkan lagi nilai dan pendalamkan industri.

1.48 Pada masa yang sama, firma Malaysia perlu membina dan membangunkan kaedah baru dalam rangkaian perniagaan supaya menjalin hubungan sinergi di kalangan ahli perniagaan dan pasaran luar. Ini termasuk pembahagian proses pengeluaran secara terpilih dengan mengekalkan pengeluaran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi di Malaysia sementara kewujudan jalinan sokongan pengeluaran di luar negeri mengikut tahap kemahiran dan teknologi di negara berkenaan.

### **Pembangunan Sumber Manusia**

1.49 Dalam tempoh RMT, teras utama usaha membangunkan sumber manusia ialah penyediaan atas sumber manusia yang kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan menghadapi persaingan global. Memandangkan ekonomi akan beralih kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti, penekanan akan diberi kepada usaha meningkatkan kecekapan penggunaan buruh serta penggunaan modal dan teknologi dalam pengeluaran secara intensif.

1.50 Ekonomi yang didorong oleh produktiviti memerlukan tahap profesional dan kemahiran tenaga manusia serta kepakaran pentadbiran dan pengurusan yang lebih tinggi. Dalam hubungan ini, usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga buruh, menggalakkan peningkatan keupayaan dan inisiatif pengurusan serta memajukan pengetahuan saintifik dan teknologi akan terus dilaksanakan dalam tempoh Rancangan.

1.51 Kerajaan akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan sumber manusia. Institusi pendidikan dan latihan kemahiran akan diperkembang, dinaiktaraf dan disusun semula di mana perlu untuk meningkatkan kemahiran dan menjadikan latihan lebih bersesuaian dengan keperluan industri. Sistem pendidikan, khususnya pendidikan tinggi, akan disusun semula dan kemasukan pelajar dalam bidang

kejuruteraan dan sains perlu dilipatgandakan bagi menambah graduan dalam jurusan tersebut. Kepesatan pembangunan perindustrian memerlukan lebih banyak kepakaran dan latihan ijazah lanjutan terutamanya dalam bidang teknologi kejuruteraan. Di samping itu, penekanan akan diberi kepada usaha menggalakkan penggunaan IT dalam bidang yang khusus, pengetahuan komputer dan bidang sokongan lain.

1.52 Bagi melengkapkan usaha Kerajaan dalam pembangunan sumber manusia, penglibatan sektor swasta dengan kerjasama sektor awam yang lebih giat akan digalakkan dalam pendidikan tinggi dan latihan kemahiran. Pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 dan pengenalan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, 1996 akan membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam pendidikan tinggi. Penekanan akan juga diberi kepada usaha menggalakkan latihan yang berasaskan perusahaan bagi melatih semula pekerja dalam bidang kemahiran baru yang diperlukan mengikut kepesatan perubahan teknologi. Di samping itu, skim perantisan baru akan dilaksana untuk menambah bekalan tenaga manusia mahir dalam negeri. Memandangkan ekonomi sedang menuju ke arah penggunaan modal yang lebih intensif serta proses pengeluaran yang lebih canggih, permintaan terhadap tenaga kerja yang berkemahiran tinggi akan meningkat. Bagi memenuhi permintaan ini, usaha bersama di antara sektor awam dan swasta akan ditingkatkan bagi menubuhkan institusi latihan kemahiran tinggi terutamanya dalam bidang teknologi baru. Dengan pelaksanaan usaha ini, pengeluaran tenaga mahir dan berpendidikan dijangka meningkat pada akhir tempoh Rancangan.

1.53 Dalam pasaran buruh yang dinamik, penyelarasan di antara upah dan pertumbuhan produktiviti akan membantu meningkatkan pendapatan rakyat dan daya saingan eksport Malaysia. Dengan itu, Kerajaan akan meneruskan usaha menggalakkan penggunaan mekanisme upah yang berkaitan dengan produktiviti secara lebih meluas dalam ekonomi. Penyelarasan yang baik di antara permintaan dan penawaran tenaga manusia melalui sistem maklumat pasaran buruh yang lebih sempurna akan memperlengkapkan lagi usaha menggunakan sumber tenaga manusia yang sedia ada dengan lebih cekap.

1.54 Usaha untuk menambah penawaran tenaga manusia bagi pasaran buruh akan melibatkan galakan lebih meluas kepada peningkatan penyertaan wanita serta pengambilan pekerja sektor awam yang akan bersara. Langkah yang akan diambil oleh Kerajaan termasuk meminda Akta Kerja, 1955 bagi menambah lebih banyak peluang pekerjaan sambilan serta meningkatkan amalan kerja fleksibel dalam sektor swasta bagi menambah penyertaan wanita yang lebih besar dalam tenaga kerja serta menubuhkan unit khas bagi mempercepatkan pengambilan semula kakitangan bersara di sektor awam secara terpilih.

## **Pembangunan Teknologi**

1.55 Penggunaan teknologi yang lebih meluas dan pembangunan keupayaan dalam negeri yang lebih kukuh merupakan faktor utama dalam mencapai objektif pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan daya saingan industri. Dasar yang sesuai dan perubahan institusi yang bertujuan memperkuatkan S&T, meningkatkan P&P dan memperbaiki pengurusannya akan dilaksanakan. Di samping itu, kerjasama di antara industri dengan universiti dan institusi penyelidikan dalam pembangunan teknologi akan dipereratkan. Usaha ini akan membantu meninggikan keupayaan teknologi dalam sektor awam dan swasta.

1.56 Strategi bagi perancangan dan pelaksanaan S&T akan diubahsuai bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi penyelidikan supaya peranan mereka dalam mempercepatkan pemindahan teknologi dapat ditingkatkan dan hubungan di antara institusi P&P, akademia dan industri akan dirapatkan. Pembiayaan bagi P&P akan ditambah untuk memperkuatkan lagi keupayaan dalam negeri dalam teknologi penting seperti bahan termaju, bio-teknologi, teknologi automasi pembuatan, elektronik dan IT. Penubuhan pusat kecemerlangan di kalangan dan di antara universiti dan insititusi penyelidikan serta usaha pengkomersilan aktiviti P&P akan juga disokong. Institusi yang terlibat dengan aktiviti P&P akan digalakkan bekerjasama dengan lebih erat untuk meningkatkan daya inovasi serta memastikan kemahiran dan pengetahuan yang dimajukan mempunyai kaitan dengan industri. Penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha menggalakkan pembiayaan bersama dan program usahasama di antara industri dan institusi sektor awam dalam penyelidikan bagi tujuan memindahkan hasil penyelidikan untuk kegunaan industri dan komersil.

1.57 Pra-syarat utama kejayaan strategi baru untuk kemajuan teknologi bergantung kepada penglibatan sektor swasta. Kerajaan akan terus menyediakan insentif fiskal dan kewangan yang lebih baik serta kemudahan infrastruktur yang sesuai terutama bagi industri kecil dan sederhana (IKS) serta merangsang aktiviti P&P dan inovasi teknologi di kalangan sektor swasta. Dalam hubungan ini, industri dijangka menerokai peluang yang luas untuk meningkatkan kedudukan daya saingan negara dalam pasaran dunia dengan meningkatkan produktiviti dan keluaran serta perkhidmatan melalui pengembangan aktiviti P&P. IKS akan digalak menggunakan inovasi dan teknologi yang telah dibangunkan bagi meningkatkan operasi mereka.

1.58 Bagi meningkatkan lagi keupayaan inovasi, Kerajaan akan menambah pelaburan dalam pendidikan saintifik dan teknologi serta membangunkan sumber manusia dalam bidang teknikal dan penyelidikan. Perhatian akan juga ditumpukan terhadap orientasi semula pendidikan sains dan teknologi bagi memupuk kreativiti dan inovasi di kalangan golongan muda. Penekanan yang lebih akan diberi kepada pembangunan kumpulan teras ahli sains, penyelidik, ahli teknologi dan pendidik yang bertaraf tinggi yang dapat memainkan peranan penting dalam memajukan teknologi dalam negeri.

## **Teknologi Maklumat**

1.59 IT akan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara terutamanya dalam meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saingan. Peranan penting maklumat dalam membuat keputusan mengenai pelaburan dan persaingan global telah meletakkan IT sebagai teraju pembangunan ekonomi. Dalam tempoh RMT, teras pembangunan IT ialah untuk memajukan lagi infrastruktur IT bagi membentuk asas yang kukuh untuk membina ekonomi perindustrian yang berasaskan pengetahuan serta membentuk masyarakat yang kaya dengan maklumat. IT akan meresap ke semua sektor dan meningkatkan sumbangan sektor-sektor tersebut kepada pertumbuhan ekonomi.

1.60 Menyedari betapa pentingnya IT sebagai pemangkin pembangunan nasional, Kerajaan telahpun memulakan pembinaan Koridor Raya Multimedia yang merentangi dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang baru di Sepang. Koridor Raya Multimedia ini akan disokong dengan infrastruktur fizikal dan maklumat yang bertaraf antarabangsa. Kerajaan akan melaksanakan pembangunan KLIA dan pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan di Putrajaya yang dilengkapi dengan teknologi komunikasi dan

infrastruktur IT yang canggih dan terkini. Sektor swasta, khasnya syarikat multimedia bertaraf dunia, akan digalak untuk menempatkan perniagaan mereka di koridor ini bagi menjalankan aktiviti pembuatan jarak jauh serta memperkenalkan barang dan perkhidmatan IT yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi bagi membolehkan Malaysia menjadi pusat IT serantau.

1.61 Sumbangan sektor pembuatan akan dipertingkatkan lagi dengan mengintegrasikan IT dalam proses pengeluaran yang akan membantu pengeluar meningkatkan pengeluaran, mengurangkan kos dan memastikan keluaran yang berkualiti. Bagi IKS, pelaburan dalam IT akan digalakkan dengan memberi kesedaran mengenai faedah yang diperolehi serta menyediakan khidmat sokongan untuk menjalankan kajian perundingan dan projek penyelidikan secara usaha sama.

1.62 Peranan sokongan sektor perkhidmatan akan terus diperkuuh melalui usaha pembangunan sektor perkhidmatan untuk menjadi sektor yang moden, cekap dan berdaya saing. Usaha tersebut sangat bergantung kepada kepesatan modenisasi dan integrasi IT bagi aktiviti sektor tersebut. Bagi sektor awam, program pembangunan IT termasuk penyediaan Pelan Sistem Maklumat terperinci untuk mewujudkan pangkalan data bagi tujuan strategik dan membuat keputusan serta memudahkan sektor swasta mendapat maklumat.

1.63 Pembangunan dalam teknologi komputer, komunikasi dan teknologi multimedia yang menyebabkan pengaliran maklumat yang tidak terhad serta perubahan struktur organisasi dan operasi di samping perubahan kawalan hakmilik, pentadbiran dan peraturan yang sedia ada memerlukan kajian semula dijalankan ke atas undang-

undang, peraturan dan mekanisme. Kajian semula tersebut adalah perlu bagi memastikan hak dan keselamatan negara, organisasi dan individu dilindungi. Pada masa yang sama, undang-undang dan peraturan semasa yang menghalang pertumbuhan IT akan dikaji semula.

1.64 Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program IT di berbagai sektor ekonomi, pembangunan sumber manusia adalah sangat perlu untuk memenuhi permintaan yang meningkat terhadap tenaga kerja yang berkemampuan dan berpengetahuan komputer. Tenaga kerja IT yang profesional perlu dipupuk untuk menampung keperluan pembangunan yang pesat dalam teknologi baru dan penggunaannya dalam bidang am dan khusus. Bagi tujuan ini, program pendidikan dan latihan akan dikaji semula untuk merangkumi kajian dan latihan dalam bidang IT di berbagai peringkat pendidikan dan latihan.

### **Penswastaan**

1.65 Pendekatan pragmatik program penswastaan telah menghasilkan kejayaan dalam pelaksanaannya dalam tempoh RME. Ini telah memberi sumbangan yang besar dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui kepesatan pelaburan, perkembangan sektor korporat, peningkatan kecekapan dan produktiviti, peningkatan daya saingan dalam beberapa sektor dan menjana kesan pengganda dalam ekonomi. Kecekapan dan produktiviti entiti yang diswastakan telah bertambah melalui peningkatan mutu perkhidmatan dan sistem pengurusan serta perkembangan sikap positif di samping perubahan minda pekerja.

1.66 Seperti yang diharapkan, program penswastaan telah mengurangkan beban pentadbiran Kerajaan dari segi pengambilan, kenaikan pangkat dan latihan kakitangan. Semenjak tahun 1983, sebanyak 11.4 peratus daripada jumlah tenaga kerja sektor awam telah dipindahkan ke sektor swasta. Program penswastaan ini telah dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan sama ada melalui perbelanjaan modal, jualan harta dan ekuiti atau daripada hasil cukai korporat yang bukan sahaja membolehkan Kerajaan mengurangkan pinjaman tetapi juga telah membolehkan penambahan sumber sedia ada untuk membiayai projek pembangunan sektor lain seperti pendidikan dan kesihatan.

1.67 Penswastaan juga telah meningkatkan keupayaan rakyat Malaysia memperolehi teknologi baru dan kepakaran sama ada melalui kontrak pengurusan, khidmat juruperunding atau pelaburan baru yang khusus dalam bidang telekomunikasi, pengangkutan dan kemudahan awam. Penglibatan Bumiputera dalam ekonomi juga dapat diperkuuhkan melalui penswastaan sebagaimana yang dapat dilihat daripada penyertaan mereka melalui pemilikan ekuiti dan pengurusan. Penswastaan juga telah memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia termasuk golongan yang berpendapatan rendah. Penglibatan secara meluas ini telah dicapai melalui

penawaran saham kepada orang awam, pekerja entiti yang telah diswasta serta pelabur institusi.

1.68 Dalam tempoh RMT, program penswastaan akan dipercepatkan bagi mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti, mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan lagi beban kewangan dan pentadbiran sektor awam. Peranan badan kawalselia akan diperkuuh untuk memastikan ianya berfungsi secara berkesan supaya kepentingan Kerajaan dan orang awam dapat dilindungi. Bagi menentukan bayaran yang dikenakan kepada pengguna adalah munasabah, Kerajaan akan mengambil berat terhadap tindakan mengenakan kos yang tidak sepatutnya ditanggung oleh orang awam. Penyertaan Bumiputera akan terus diberi penekanan dan usahawan Malaysia akan digalak untuk melibatkan diri dalam projek penswastaan di luar negara.

### **Pembangunan Mampan**

1.69 Pembangunan mampan akan terus diberi penekanan dalam tempoh RMT untuk memastikan kesejahteraan generasi masa kini tidak akan mengorbankan kepentingan generasi akan datang. Ini memerlukan integrasi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam proses pembangunan. Kualiti alam sekitar akan dipertingkatkan dan sumber akan digunakan dengan lebih cekap bagi memastikan peningkatan taraf hidup dapat dicapai tanpa mengenepikan keperluan, kepentingan dan kebajikan generasi akan datang.

1.70 Dalam tempoh RME, Malaysia telah memperkenalkan beberapa langkah untuk memulihara alam sekitar dan memelihara sumber semulajadi. Semua projek utama dikehendaki menjalankan penilaian kesan alam sekitar. Di samping itu, kualiti udara dan air telah diawasi dengan teliti. Malaysia juga telah mengambil langkah yang perlu untuk memulihara hutan melalui program menghutan semula dan mengharamkan eksport balak di samping kawalan yang ketat terhadap pembalakan secara haram. Usaha memulihara dan memelihara warisan semula jadi Malaysia telah memperluaskan kawasan rizab hutan kekal menjadikan kira-kira 59 peratus daripada keluasan negara diliputi hutan manakala 72 peratus merupakan kawasan dilitupi pokok.

1.71 Dalam tempoh RMT, Kerajaan akan terus mengimbangi objektif pertumbuhan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar. Pertimbangan terhadap alam sekitar akan lebih diambil kira dalam pembentukan dasar sektoral bagi memastikan pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan. Di samping mendapatkan keupayaan teknikal yang perlu, Kerajaan akan melaksanakan langkah pengawasan dan pengawalan dengan lebih cekap dan berkesan dari segi kos bagi mengurang dan meminimumkan tahap pencemaran serta meningkatkan kualiti hidup.

1.72 Pengurusan sumber dan alam sekitar akan berpandukan kepada Dasar Alam Sekitar Negara yang dicadangkan yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sosial dan kemajuan budaya melalui pembangunan mampan dan sesuai dari segi alam sekitar. Satu Pelan Tindakan akan dirangka untuk melaksanakan dasar tersebut yang akan memberi tumpuan kepada pembentukan rangka institusi yang kukuh, penggubalan undang-undang dan peraturan yang berkaitan serta mewujudkan jentera pengawasan dan penguatkuasaan yang cekap dan berkesan. Dalam tempoh Rancangan, langkah akan diambil untuk memperbaiki pengurusan pembuangan sampah, bahan toksik dan berbahaya serta bahan buangan radioaktif. Hasil daripada itu, tahap pencemaran udara dan air dijangka dapat dikurangkan.

1.73 Kepentingan alam sekitar akan disepadukan dengan perancangan gunatanah bagi memastikan tanah digunakan dengan sebaik-baiknya dan kawasan tадahan air serta legeh air dipelihara. Usaha pemuliharaan tanah akan dilaksanakan dengan lebih sistematik dan disepadukan dengan perancangan fizikal bagi mengelakkan pembersihan tanah dan penebangan hutan secara berleluasa serta mengawasi pembangunan tanah secara teratur. Perundangan dan garis panduan semasa yang berkaitan dengan pembangunan dan pemuliharaan tanah akan dikaji semula untuk memastikan aktiviti-aktiviti penting seperti pembinaan bangunan tinggi, pembangunan di lereng bukit dan aktiviti pembersihan tanah dilaksanakan dengan perlindungan dan kawalan yang sesuai. Pengurusan dan pembangunan hutan akan dilaksanakan secara mampan untuk mengurangkan kadar pembaziran dan oleh itu meningkatkan kecekapan industri pemprosesan kayu. Kekayaan sumber yang diwarisi daripada kepelbagaian hidupan liar di hutan Malaysia akan disenarai serta didokumentasikan untuk membentuk pangkalan data. Di samping itu, perlindungan yang secukupnya akan diberi kepada habitat yang hampir pupus untuk memulihara kepelbagaian mereka. Sumber pinggir pantai akan diuruskan secara lebih teratur dengan memperkenalkan perancangan zon pinggir pantai secara bersepadu. Carigali dan perlombongan galian juga akan dilaksanakan secara mampan.

1.74 Kejayaan usaha menjaga alam sekitar dan memastikan pembangunan mampan memerlukan penyertaan yang aktif semua golongan masyarakat. Dengan itu, pendidikan dan kempen kesedaran mengenai alam sekitar akan dipergiatkan untuk menggalak rakyat mengamalkan corak penggunaan dan gaya hidup yang lebih mesra alam. Usaha juga akan ditumpukan bagi memperbaiki dan menyelaraskan data alam sekitar dengan data sumber semula jadi untuk perancangan. Secara khususnya, aduan dan masalah kesihatan berhubung dengan alam sekitar akan diawasi dengan teliti. Pendekatan tersebut beserta dengan penggunaan perundangan yang inovatif dan instrumen serta mekanisme pasaran akan terus membantu usaha menggalakkan pembangunan mampan.

## Kualiti Hidup

1.75 Sungguhpun pembangunan ekonomi yang pesat merupakan pra-syarat untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi meningkatkan kualiti hidup, aspek sosial, kebudayaan dan psikologi adalah sama penting dan perlu digabungkan dalam keseluruhan proses pembangunan. Oleh yang demikian, penekanan akan diberi untuk menyediakan peluang yang lebih banyak bagi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, peluang untuk menimba ilmu pengetahuan, kemudahan perumahan dan perubatan yang lebih baik, alam sekitar yang bersih dan kemudahan rekreasi yang mencukupi.

1.76 Dalam tempoh RMT, pendidikan dan kesihatan yang merupakan dua komponen kualiti hidup yang penting akan terus diberi keutamaan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan. Dasar semasa memastikan setiap kanak-kanak akan menerima pendidikan sekurang-kurangnya selama sebelas tahun. Dengan meningkatnya kemudahan pendidikan awam dan swasta, enrolmen ke institusi pendidikan tinggi akan meningkat daripada kira-kira 12 peratus daripada penduduk dalam kumpulan umur 19-24 tahun pada tahun 1995 kepada kira-kira 15 peratus pada tahun 2000. Dalam bidang kesihatan, semua warganegara Malaysia akan dapat menikmati perkhidmatan pencegahan dan pemulihan kesihatan dan usaha akan diambil untuk memperbaiki lagi nisbah kakitangan perubatan dan kemudahan hospital kepada penduduk. Memandangkan perubahan gaya hidup merupakan faktor yang menyebabkan meningkatnya kemasukan ke hospital akibat penyakit jantung dan paru-paru, perhatian yang lebih akan diberikan kepada program pendidikan kesihatan bagi menggalakkan gaya hidup yang sihat dan selamat termasuk unsur pemakanan yang baik dan amalan senaman yang teratur.

1.77 Penyediaan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki merupakan satu lagi aspek penting dalam meningkatkan kualiti hidup terutamanya golongan berpendapatan rendah. Dalam tempoh RMT, sejumlah 800,000 unit rumah dijangka dibina bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan sektor swasta dijangka membina kira-kira 71 peratus daripada jumlah tersebut. Bilangan rumah yang akan dibina dalam tempoh RMT adalah merupakan kenaikan sebanyak 39.6 peratus daripada sasaran yang telah ditetapkan dalam RME. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 235,000 unit merupakan rumah kos rendah manakala 350,000 unit lagi adalah rumah kos sederhana rendah.

1.78 Tabung Perumahan Kos Rendah akan dilanjutkan bagi mempercepatkan pembangunan perumahan kos rendah. Sektor swasta akan diberi peranan utama dalam melaksanakan program ini. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga akan turut serta dalam membangunkan rumah kos rendah. Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah pendaftaran pusat di negeri masing-masing untuk mendaftar dan mengawasi permohonan dan pengagihan rumah kos rendah.

1.79 Untuk meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat Malaysia, liputan penyediaan bekalan air dan elektrik akan diperluaskan. Adalah dijangkakan menjelang akhir

tempoh RMT, liputan bekalan air bersih akan mencapai 95 peratus daripada jumlah penduduk manakala liputan bekalan elektrik akan meningkat kepada 93 peratus.

1.80 Di samping itu, program khusus bertujuan meningkatkan kualiti hidup di kawasan luar bandar akan diteruskan. Ini termasuk pengluasan liputan jalan berturap, air yang bersih dan kemudahan kebersihan, pembetungan dan bekalan elektrik serta penambahan peluang mendapatkan pendidikan menengah dan teknikal dan kemudahan kesihatan.

1.81 Usaha seterusnya akan diambil untuk memupuk nilai estetik yang lebih tinggi dalam masyarakat terutamanya dalam menghayati dan mengekalkan warisan, seni dan budaya. Kerajaan akan terus menggalakkan rakyat menghasilkan karya seni melalui penubuhan galeri seni. Bagi menggalakkan karyawan menjadi lebih kreatif dan berinovasi serta menghasilkan seni dan karya kesusasteraan yang bermutu tinggi supaya dapat memperkayakan warisan bangsa, pemberian anugerah seperti Anugerah Seni Negara dan Anugerah Sastera Negara akan diteruskan bagi mencerminkan penghargaan Kerajaan terhadap sumbangan mereka dalam pembangunan seni dan kesusasteraan negara. Kerajaan dan sektor swasta akan terus menyokong pembangunan aspek budaya ini, dengan menyediakan peruntukan bagi menyokong aktiviti kesenian, muzium, opera dan orkestra simfoni.

### **Menangani Masalah Sosial**

1.82 Kemajuan perindustrian dan peningkatan pembandaran serta penghijrahan luar bandar ke bandar telah mengakibatkan berlakunya peningkatan tingkah laku sosial yang negatif. Masalah sosial seperti penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, lepak, jenayah juvana, gaya hidup yang tidak sihat serta ketegangan dalam keluarga telah mula timbul. Dalam tahun 1994, 17,600 kes penagihan dadah, 8,938 kes AIDS, 871 kes penderaan kanak-kanak dan 4,774 kes lari dari rumah telah dilaporkan. Dengan mengambil kira kes yang tidak dilaporkan, situasi ini mungkin lebih teruk dan masalah ini boleh merosakkan moral generasi akan datang jika langkah tidak diambil untuk mengatasinya.

1.83 Dalam konteks ini, Kerajaan akan menujuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi antara agensi untuk menggubal dasar dan program bagi meningkatkan lagi pembangunan sosial dan keluarga. Sokongan institusi akan dikaji semula bagi membolehkan tumpuan yang lebih besar dan penyelarasaran program pencegahan dan pemulihan bagi kumpulan sasaran khusus seperti kanak-kanak, belia dan ibu bapa. Pendidikan agama dan moral akan dipergiatkan bagi memupuk tingkah laku yang baik dan menggalakkan gaya hidup yang sihat.

### **Nilai Moral dan Etika**

1.84 Nilai kerohanian, moral dan etika perlu dipupuk dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Sistem nilai yang murni menekankan moral dan etika berasaskan agama, adat dan tradisi. Nilai tersebut akan terus diberi penekanan sebagai komponen penting dalam menuju ke arah negara perindustrian sepenuhnya.

1.85 Bagi memupuk amalan nilai dan etika yang positif, sifat yang baik seperti berdisiplin, bekerja kuat, berintegriti, berdaya tahan, bertoleransi, berjimat, jujur dan menghormati orang yang lebih tua yang menjadi ciri kehidupan sosial masyarakat Malaysia akan terus disemai melalui sistem pendidikan, organisasi dan pertubuhan perniagaan serta program kekeluargaan. Nilai moral dan tingkah laku beretika akan diberi keutamaan dan pengiktirafan. Dalam hubungan ini, program Rakan Muda selain daripada menyarankan gaya hidup yang sihat di kalangan belia, juga merupakan salah satu cara untuk memupuk nilai positif di kalangan mereka. Semua rakyat Malaysia digalak menghormati dan menerapkan nilai ini sebagai satu kod tingkah laku.

1.86 Usaha untuk meningkatkan pembangunan masyarakat penyayang sebagai satu komponen yang melengkapi sistem nilai tersebut akan terus dilaksanakan. Dalam hubungan ini, peranan keluarga, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan sukarela dan golongan korporat adalah penting. Di dalam rumah tangga dan hidup berjiran, kemahiran keibubapaan yang baik, perasaan bertanggungjawab terhadap ahli keluarga, semangat kejiranan dan perilaku kumpulan yang sihat akan diperkuuhkan.

1.87 Langkah lain yang akan diambil untuk menggalakkan etika yang baik dan sikap tanggungjawab yang lebih tinggi termasuklah pembentukan kod etika di tempat kerja. Sebagai tambahan kepada Perintah Am dan peraturan lain yang telah dikeluarkan bagi organisasi sektor awam, sektor swasta digalak menggubal kod etika bagi kumpulan perniagaan dan profesional.

1.88 Di samping sifat mesra, kejiranan dan layanan yang baik terhadap tetamu akan terus menjadi ciri masyarakat Malaysia, usaha membina satu semangat identiti bersama dan berkongsi tujuan di kalangan semua rakyat Malaysia sangatlah penting dalam usaha pembangunan nusabangsa dan membentuk Bangsa Malaysia. Bagi mencapai hasrat tersebut adalah perlu dipupuk perasaan bangga terhadap warisan, kejayaan dan potensi negara bagi menyemai semangat kekitaan nasional. Dalam hubungan ini, usaha akan diambil untuk mempopularkan lagi sukan negara dan acara kebangsaan yang lain. Semua proses ini dijangka memupuk nilai dan sikap positif sebagai satu cara hidup di kalangan rakyat Malaysia.

### **Memajukan Pentadbiran**

1.89 Bagi meningkatkan lagi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan pembangunan sumber manusia, peranan sektor awam adalah sangat penting. Ianya

memerlukan penyertaan aktif sektor awam bukan sahaja dalam penggubalan dasar tetapi juga dalam pelaksanaan strategi dan program yang akan memudahkan pencapaian matlamat RMT. Untuk memastikan pencapaian objektif tersebut, sektor awam akan terus memberikan keutamaan yang tinggi terhadap pelaksanaan program memajukan pentadbiran yang akan menyumbang ke arah pembentukan perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan. Sektor awam akan terus memainkan peranan sebagai penggerak, fasilitator dan pengawalselia. Peranan ini memerlukan kepimpinan yang berwibawa, komitmen sepenuhnya, berdaya kreatif dan berinovasi di semua peringkat.

1.90 Kerjasama yang berterusan di antara sektor awam dan swasta melalui pelaksanaan Konsep Persyarikatan Malaysia akan mewujudkan kelebihan untuk bersaing dalam pasaran dunia. Interaksi yang lebih rapat di antara kedua-dua sektor akan dilaksanakan, antara lain, menerusi sesi dialog di peringkat kementerian, jabatan, negeri, daerah dan tempatan. Undang-undang, peraturan dan prosedur akan terus dikaji semula bagi menyokong lagi pertumbuhan dan daya saingan sektor swasta. Dalam konteks ini, sistem maklumat dan pangkalan data dalam sektor awam akan dipertingkatkan manakala Talian Perkhidmatan Awam (CSL) akan diperkembang dan dinaik taraf bagi penyebaran maklumat kepada sektor swasta.

1.91 Dalam tempoh Rancangan, proses menginstitusikan budaya penjimatatan penggunaan kertas dalam sektor awam melalui penggunaan IT yang terkini akan dipergiatkan. Usaha akan juga diambil bagi menjadikan sektor awam lebih berorientasikan tugas, dinamik dan berdaya tahan. Ini melibatkan perubahan yang besar meliputi bukan sahaja perubahan struktur dan sistem tetapi juga perubahan nilai dan cara pemikiran anggota sektor awam. Tumpuan utama adalah untuk mewujudkan pengurusan harta yang berkesan, menggalakkan budaya kecemerlangan dan menanam nilai asas seperti kualiti, produktiviti, inovasi, integriti, disiplin, akauntabiliti dan profesionalisme. Latihan dan latihan semula anggota sektor awam akan terus dijalankan khususnya dalam bidang pengurusan, P&P serta S&T dengan objektif mewujudkan sektor awam yang berkemampuan dan berkelayakan.

1.92 Sektor awam akan terus berusaha menjadikan Malaysia sebagai satu bangsa yang kaya dengan maklumat. Penguasaan maklumat awam akan terus disebar melalui sistem CSL, Perkhidmatan Maklumat Talian Terus Sawit (PALMOILIS), Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Negara-negara Selatan (SITTDEC), Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) dan SIRIMLINK. Penggunaan rangkaian komputer akan diperluaskan dengan meningkatkan bilangan pangkalan data. Usaha menaiktaraf standard IT dalam sektor awam akan dilakukan melalui Internet, pelaksanaan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (GITN), meningkatkan keselamatan komputer serta memajukan kakitangan IT dan memupuk kesedaran mengenai IT.

1.93 Sektor awam akan mewujudkan mekanisme yang boleh merealisasikan matlamat negara termasuk daya saingan negara serta pembangunan sumber manusia dan infrastruktur fizikal. Ini memerlukan tahap pelaburan awam yang mencukupi dan berkekalan serta menjaga kualiti perkhidmatan awam yang penting, khususnya pendidikan, penjagaan kesihatan yang asas dan penyelidikan. Sektor awam akan memastikan bahawa cabaran masa kini dan cabaran baru yang dihadapi oleh negara dapat diatasi sepenuhnya bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan kestabilan dan pengagihan yang saksama.

#### **IV. PENUTUP**

1.94 Tempoh RMT merupakan satu fasa yang penting untuk memulakan langkah dan strategi baru bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Cabaran utama adalah untuk menyediakan pekerja mahir yang mencukupi, menggalakkan pendalaman modal dan mewujudkan budaya berasaskan teknologi yang lebih aktif bagi menjayakan peralihan struktur ke arah ekonomi yang didorong oleh produktiviti serta operasi berskala besar. Ianya akan dibina di atas kekuatan dan kejayaan yang telah dicapai sehingga kini. Beberapa strategi akan dirangka untuk menghadapi cabaran tersebut. Kejayaan pelaksanaan strategi ini akan mengalih tahap pembangunan kepada arah laluan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, membuka peluang baru dan membina ketahanan dan dinamisme yang lebih kuat. Justeru itu, ianya akan memberi kekuatan untuk melaksanakan dasar asas bagi mencapai pembangunan seimbang dan perpaduan negara sebagaimana yang telah termaktub di bawah DPN.

1.95 Bagi memastikan dasar tersebut sentiasa sesuai dan selaras dengan perkembangan masa dan perubahan persekitaran, fleksibeliti dan pragmatisme akan terus merupakan unsur yang penting dalam melaksanakan dasar. Melalui cara tersebut, gabungan strategi yang secocok dengan kehendak masa akan terus digubal dan pilihan yang terbaik bagi pembangunan dibentuk. Kreativiti dan daya inovasi akan digalak untuk memastikan prestasi akan sentiasa meningkat bagi mencapai pembangunan nasional.

## **BAB 2 : PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI MAKRO**

### **I. PENDAHULUAN**

2.01 Prestasi ekonomi Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME) adalah memberangsangkan. Asas ekonomi yang kukuh berdasarkan pelaksanaan dasar ekonomi makro yang teguh dan peningkatan daya saing negara telah menyumbang kepada pencapaian pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan harga yang secara relatifnya lebih stabil. Ekonomi negara telah digerakkan oleh peningkatan pesat pelaburan swasta yang didorong oleh kemasukan pelaburan asing yang besar, tabungan dalam negeri yang tinggi dan kesesatan pelaksanaan program penswastaan. Sektor eksport telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan walaupun negara perindustrian utama mengalami pertumbuhan yang lembab dalam separuh pertama tempoh Rancangan.

2.02 Dengan pertumbuhan yang pesat, ekonomi negara juga menghadapi beberapa kekangan penawaran seperti kekurangan infrastruktur dan tenaga buruh serta defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang berterusan dalam tempoh tersebut. Di samping itu, kemasukan modal jangka pendek yang besar pada pertengahan tempoh Rancangan telah memberi kesan kepada pengurusan dasar kewangan. Walau bagaimanapun, dasar yang pragmatik telah dilaksanakan dan usaha yang bersungguh-sungguh telah diambil untuk mengatasi keadaan tersebut.

2.03 Memandangkan terdapatnya batasan untuk mengekalkan kadar pelaburan yang tinggi bagi menyokong pertumbuhan yang pesat, Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) akan mengalih tumpuan daripada strategi pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dengan meningkatkan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (TFP)<sup>1</sup> kepada pertumbuhan sebanyak 28.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam RME kepada 41.3 peratus dalam RMT. Penekanan akan diberikan, antara lain, kepada peningkatan kadar inovasi, pembangunan kemahiran dan kecekapan pengurusan. Memandangkan sektor swasta merupakan penggerak utama pertumbuhan ekonomi, strategi meningkatkan produktiviti dijangka akan menjadi penting dalam operasi mereka. Perubahan strategi ini akan memperkuatkan lagi asas ekonomi Malaysia serta menyumbang kepada pertumbuhan yang tinggi dan berterusan dengan harga yang stabil.

## **II. PENILAIAN PRESTASI EKONOMI MAKRO**

2.04 Dalam tempoh RME, ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 8.7 peratus setahun, mengatasi sasaran 8.1 peratus mengikut kajian separuh penggal serta sasaran asal RME iaitu sebanyak 7.5 peratus. Pertumbuhan pesat ini telah dicapai berserta dengan kestabilan ekonomi makro. Pertumbuhan yang teguh ini sebahagian besarnya adalah hasil daripada permintaan dalam negeri yang berkembang pada kadar 11.3 peratus setahun dan diperkuuhkan lagi dengan pemulihan ekonomi dunia pada akhir tempoh Rancangan. Pertumbuhan pesat ini, antara lain, telah meningkatkan pendapatan per kapita daripada RM6,099 pada tahun 1990 kepada RM9,786 pada tahun 1995 dan telah menarik kemasukan pelaburan asing yang tinggi. Sektor swasta memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi manakala sektor awam terus memainkan peranan sokongan yang aktif. Dengan prestasi ekonomi yang menggalakkan dan diikuti kutipan hasil yang lebih tinggi serta perbelanjaan yang berhemat, kedudukan kewangan Kerajaan semakin mantap. Ini membolehkan Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebihan dalam akaun keseluruhannya semenjak tahun 1993.

### **Kemajuan Ekonomi Makro**

2.05 Dalam tempoh RME, pengurusan pragmatik ekonomi makro telah meningkatkan kapasiti pengeluaran dan daya saingan Malaysia. Kejayaan Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi secara berterusan berserta kestabilan harga adalah hasil pelaksanaan dasar dan strategi ekonomi makro yang berkesan. Liberalisasi yang berterusan ke atas peraturan dan tatacara dengan disokong oleh suasana politik yang stabil telah mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi meningkatkan pelaburan swasta. Malaysia telah berjaya membayai pelaburan ini melalui tabungan dalam negeri dan kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang tinggi. Usaha ke arah pembangunan perindustrian telah menghasilkan keluaran yang lebih berkualiti, meningkatkan kecekapan dan daya saingan eksport Malaysia. Sumber telah diperuntukkan bagi pembangunan sains dan teknologi (S&T), penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta sumber manusia untuk meningkatkan produktiviti. Pasaran kewangan telah diperkuuhkan dan ini telah memudahkan penggembangan tabungan dalam negeri manakala pasaran modal pula telah dimajukan untuk memenuhi pelbagai keperluan yang semakin meningkat bagi sebuah ekonomi yang menuju ke taraf perindustrian.

2.06 Keluaran sebenar ekonomi telah berkembang dalam tempoh RME dengan sebahagian besarnya diperolehi dari pelaburan dalam infrastruktur fizikal, P&P, pendidikan dan latihan kemahiran disertai dengan kemasukan FDI yang besar. Faktor ini juga telah meningkatkan sumbangan TFP sebanyak dua kali ganda iaitu daripada 1.2 peratus atau 17.9 peratus daripada KDNK dalam tempoh 1971-90 kepada 2.5 peratus atau 28.7 peratus daripada pertumbuhan KDNK dalam tempoh RME seperti

ditunjukkan dalam Jadual 2-1. Dalam masa yang sama, sumbangan daripada faktor modal dan buruh masih penting.

2.07 Dalam tempoh tersebut, pelaburan swasta telah meningkat sebanyak 16.6 peratus setahun hasil daripada prestasi ekonomi yang lebih baik, kadar cukai korporat yang lebih rendah dan eluan pelaburan semula yang meningkat. Sebahagian daripada pelaburan ini telah disumbangkan oleh kemasukan FDI. Pada tahun 1993, Kerajaan telah melancarkan Inisiatif Pelaburan Dalam Negeri untuk meningkatkan lagi pelaburan dalam negeri. Sebahagian besar daripada pelaburan swasta telah disalurkan khususnya kepada sektor pembuatan serta minyak dan gas. Pelaburan yang besar juga telah dibuat dalam sektor perkhidmatan berikutan daripada peningkatan pelaksanaan projek secara penswastaan dalam sektor kecil kemudahan awam, pengangkutan dan komunikasi hasil daripada pelaksanaan program penswastaan yang dipercepatkan.

2.08 Dasar belanjawan berhemat Kerajaan Persekutuan telah berjaya menghasilkan lebihan keseluruhan semenjak tahun 1993. Pungutan hasil yang tinggi telah juga menyumbang kepada pencapaian ini. Pelaburan awam yang terdiri daripada pelaburan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)<sup>2</sup> telah meningkat pada kadar purata 14.7 peratus setahun, melebihi sasaran 11.1 peratus di bawah Rancangan, hasil daripada permintaan yang meningkat terhadap infrastruktur sosial dan fizikal berikutan daripada kepesatan pelaburan swasta. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada pelaburan awam tersebut telah dilakukan oleh PABK bagi membiayai program pembesaran dan pemodenannya. Sungguhpun keseluruhan pelaburan awam telah melebihi sasarannya, kedudukan akaun sektor awam dalam tempoh RME adalah jauh lebih baik. Akaun sektor awam telah mencatatkan lebihan sebanyak RM3.5 bilion atau 0.4 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Pencapaian ini disebabkan prestasi akaun Kerajaan Persekutuan yang lebih baik dan kedudukan kebanyakan PABK yang lebih kukuh berikutan daripada langkah penyusunan semula dan penyesuaian yang dilaksanakan. Sungguhpun pelaburan sektor awam adalah lebih tinggi namun pertumbuhan dan sumbangannya kepada KNK adalah lebih rendah daripada pelaburan swasta. Ini adalah selaras dengan strategi RME supaya pertumbuhan diterajui oleh sektor swasta.

2.09 Penggunaan swasta telah berkembang pada kadar 7.6 peratus setahun dan telah mengatasi sasaran Rancangan sebanyak 6.0 peratus. Peningkatan ini mencerminkan pertambahan pendapatan bolehguna berikutan daripada keuntungan korporat dan pendapatan bolehguna persendirian yang lebih tinggi hasil daripada prestasi ekonomi yang baik. Walau bagaimanapun, penggunaan awam telah berkembang tinggi sedikit daripada penggunaan swasta iaitu pada kadar purata 9.5 peratus yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan bagi meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam serta memodenkan kemudahan pertahanan.

2.10 Usaha menggembangkan tabungan negara telah berjaya dengan tercapainya kadar tabungan yang tinggi sebanyak 34.2 peratus daripada KNK di akhir tempoh tersebut berbanding dengan 30.5 peratus pada tahun 1990. Peningkatan tabungan negara adalah hasil daripada pertumbuhan penggunaan yang secara relatif lebih perlahan daripada perkembangan pendapatan negara, kenaikan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pertambahan skim unit amanah, pengenalan instrumen tabungan baru dalam sistem kewangan, pengenalan instrumen baru hutang swasta dalam pasaran modal serta penggembangan tabungan oleh sistem kewangan berasaskan prinsip Islam. Prestasi hasil yang baik dan kesungguhan Kerajaan melaksanakan dasar fiskal yang berhemat melalui kawalan perbelanjaan yang lebih ketat telah meningkatkan tabungan sektor awam dan seterusnya meninggikan lagi tabungan dalam negeri.

2.11 Sungguhpun ekonomi negara terus mencapai pertumbuhan yang pesat, kestabilan harga masih dapat dikekalkan. Kadar inflasi yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP), telah dapat dikawal pada kadar purata 4.0 peratus setahun melalui pakej anti-inflasi yang lengkap dan menyeluruh meliputi langkah kewangan, fiskal dan pentadbiran. Dasar kewangan yang ketat telah diperkenalkan untuk memperlakukan pertumbuhan permintaan agregat dengan mengawal kecairan yang berlebihan dalam pasaran. Kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal yang berhemat dengan mengawal perbelanjaan mengurus manakala perbelanjaan pembangunan pula ditumpukan kepada projek yang dapat mengatasi kekangan infrastruktur dan penawaran. Di samping itu, duti import ke atas lebih 3,700 barang telah dikurang atau dihapuskan bagi menurunkan harga barang dan kos menjalankan perniagaan. Kerajaan juga telah melancarkan kempen anti-inflasi yang lengkap dan menyeluruh untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai punca dan kesan inflasi serta peranan aktif mereka sebagai pengguna yang bijaksana dalam memerangi kenaikan harga yang tidak munasabah. Langkah pentadbiran yang bertujuan memperluaskan sebaran maklumat harga dan menggalakkan amalan perniagaan yang berhemat dan beretika telah juga dipergiatkan. Bagi tujuan memperbaiki pengukuran pergerakan harga, tahun asas IHP telah ditukar daripada tahun 1990 kepada tahun 1994 berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah, 1993/94 bagi memastikan IHP dapat mencerminkan perubahan corak penggunaan barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam pembentukan indeks komposit IHP. Di peringkat pengeluar, Indeks Harga Pengeluar yang mengukur harga input bagi ekonomi tempatan telah mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 3.4 peratus setahun disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan harga input untuk pengeluaran tempatan yang berkembang pada kadar purata 4.5 peratus setahun berbanding dengan harga import yang meningkat pada kadar purata 0.4 peratus setahun. Deflator KDNK yang mengukur harga barang pengguna dan pelaburan serta eksport dan import adalah stabil sepanjang tempoh Rancangan pada kadar purata 4.0 peratus.

2.12 Perkembangan ketara pada pertengahan tempoh Rancangan ialah kemasukan modal jangka pendek yang besar dalam bentuk pelaburan portfolio yang didorong oleh kadar faedah yang tinggi, jangkaan kenaikan kadar tukaran asing dan peluang dalam pasaran saham. Berbeza dengan modal jangka panjang yang menyumbang kepada peningkatan kapasiti pengeluaran ekonomi, modal jangka pendek yang mungkin keluar secara mendadak boleh menggugat kestabilan kewangan dan ekonomi negara. Dengan itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah pentadbiran dalam tahun 1994 untuk mengatasi secara langsung kemasukan modal spekulatif ini. Langkah tersebut termasuklah mengenakan cukai ke atas semua dana dari luar negara, mengenakan siling terhadap semua tanggungan luar negara yang bukan perdagangan bagi institusi perbankan dan melarang penjualan kertas kewangan jangka pendek kepada bukan pemastautin. Langkah berkenaan telah ditarik balik sebaik sahaja kestabilan pasaran kewangan dalam negeri tercapai bagi mengelakkan berlakunya kepincangan pasaran dan kesalahagihan sumber kewangan.

2.13 Jumlah dagangan Malaysia telah berkembang pada kadar 19.1 peratus setahun dalam tempoh tersebut seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-2. Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) merupakan rakan dagangan Malaysia yang terbesar yang meliputi 22.2 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia pada tahun 1995 dengan Singapura sebagai pasaran utama. Ini diikuti oleh Jepun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Negara ASEAN, Jepun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah terus menjadi rakan dagangan utama negara. Kesemua pasaran tersebut merupakan 75.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada tahun 1995 berbanding dengan 76.3 peratus pada tahun 1990. Pengurangan ini mencerminkan peningkatan perdagangan dengan negara Selatan hasil daripada usaha Kerajaan mempelbagaikan pasaran ke negara tersebut. Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara Selatan, tidak termasuk Singapura, telah meningkat sebanyak 20.8 peratus daripada 12.9 peratus pada tahun 1990 kepada 13.9 peratus pada tahun 1995.

2.14 Pertumbuhan ekonomi ASEAN yang kukuh dan peningkatan pelaburan intra-ASEAN telah menyumbang kepada perkembangan perdagangan intra-ASEAN yang pesat. Dalam tempoh Rancangan, perdagangan intra-ASEAN berkembang pada kadar 21.7 peratus dengan Malaysia menyumbang sebanyak 47.1 peratus dan Singapura menyumbang sebanyak 26.4 peratus daripada pertumbuhan tersebut. Eksport Malaysia ke negara ASEAN telah meningkat pada kadar 18.3 peratus manakala import pada kadar 21 peratus.

2.15 Eksport kasar telah meningkat pada kadar purata 18.4 peratus setahun, lebih tinggi daripada sasaran 13.2 peratus di bawah RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-3. Ini adalah hasil daripada pertumbuhan pesat eksport barang pembuatan sebanyak 25.8 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada sasaran 19.8 peratus berikutan daripada prestasi sektor pembuatan yang baik. Pencapaian ini menggambarkan peningkatan daya saingan keluaran eksport Malaysia. Eksport barang jentera, perkakas dan peralatan elektrik merupakan 65.7 peratus daripada

jumlah eksport barang pembuatan pada tahun 1995 berbanding dengan 56.6 peratus pada tahun 1990 seperti ditunjukkan dalam Carta 2-1.

2.16 Pengeksport Malaysia terus menggunakan kemudahan kemasukan istimewa ke dalam empat belas buah entiti pasaran yang memberi kemudahan di bawah Sistem Keistimewaan Am (GSP). Bahagian eksport GSP daripada jumlah eksport Malaysia meningkat daripada 11.9 peratus atau RM11.2 bilion pada tahun 1991 kepada 12.5 peratus atau RM23.1 bilion pada tahun 1995. Hampir separuh daripada eksport GSP Malaysia adalah ke pasaran Eropah manakala 25.8 peratus dan 13.7 peratus lagi adalah ke pasaran di Amerika Syarikat dan Jepun. Keluaran kilang dan separa kilang merupakan lebih 80 peratus daripada jumlah eksport GSP daripada Malaysia dengan keluaran elektrik dan elektronik mendapat faedah yang paling besar daripada skim GSP. Pertumbuhan eksport, peningkatan kesedaran di kalangan para pengeksport terhadap sistem tersebut dan keupayaan lebih banyak produk untuk mematuhi peraturan khusus yang ditetapkan di bawah berbagai skim telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan skim GSP.

2.17 Dalam tempoh RME, banyak negara maju telah membuat penilaian terhadap skim GSP mereka. Dalam hal ini, Kerajaan telah meneruskan usaha untuk berunding bagi menentang sebarang penarikan semula yang tidak munasabah bagi faedah skim GSP kepada Malaysia. Pada masa yang sama, pengeksport Malaysia digalakkan untuk bersedia menghadapi persaingan dengan meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi perdagangan mereka serta memperkuuhkan rantaian dengan pengimport dari negara yang memberi keistimewaan.

2.18 Sungguhpun usaha telah dilaksanakan untuk memperdalam dan memperluaskan asas perindustrian, kandungan import dalam struktur pengeluaran industri Malaysia masih lagi tinggi seperti yang dicerminkan oleh kenaikan import kasar sebanyak 19.7 peratus setahun. Walau bagaimanapun, di akhir tempoh Rancangan, sebanyak 85.3 peratus daripada import ini terdiri daripada barang perantaraan dan barang pelaburan yang digunakan untuk tujuan pengeluaran. Import barang perantaraan berkembang pada kadar purata 19.4 peratus setahun dan merupakan 44.8 peratus daripada import kasar pada akhir tempoh Rancangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-4. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan pesat aktiviti pembuatan dengan import bahan pembuatan meningkat pada kadar 21.6 peratus dan merupakan 38.8 peratus daripada import kasar pada tahun 1995. Selaras dengan kepesatan industri pembinaan dalam negara, import bahan bangunan dan binaan meningkat dengan pesat pada kadar 15.4 peratus setahun terutamanya bagi bahan binaan seperti batu kapur, simen, tanah liat, asbestos dan cermin. Begitu juga dengan import barang pelaburan yang berkembang pada kadar 21.6 peratus setahun yang merupakan 40.5 peratus daripada jumlah import pada tahun 1995. Ini menggambarkan aktiviti pelaburan yang pesat dan berterusan dalam sektor pembuatan, pembinaan dan pengangkutan. Import peralatan pengangkutan meningkat pada kadar 14.1 peratus setahun hasil daripada peningkatan import kapal

terbang dan kapal, keretapi, kenderaan perdagangan, bas dan automobil bagi memenuhi permintaan sektor pengangkutan yang meningkat. Pada masa yang sama, import jentera meningkat pada kadar 19.9 peratus setahun hasil daripada permintaan yang lebih tinggi khususnya daripada sektor pembuatan. Usaha untuk meningkat, menaiktaraf dan memodenkan infrastruktur telekomunikasi telah menyebabkan kenaikan import yang besar bagi kelengkapan telekomunikasi iaitu pada kadar 35 peratus. Berikutan daripada itu, walaupun prestasi eksport adalah memberangsangkan, sumbangan bersih sektor luar negara kepada pertumbuhan ekonomi telah turun sebanyak 2.7 peratus. Sebaliknya, nisbah harga eksport-import telah meningkat sebanyak 1.3 peratus hasil daripada harga eksport yang lebih baik.

2.19 Import yang melambung telah menyebabkan imbalan dagangan mengalami defisit pada tahun 1994 iaitu buat kali ketiga dalam sejarah. Ini disertai dengan defisit yang semakin tinggi dalam akaun perkhidmatan yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pengaliran keluar pendapatan pelaburan, tambang dan insurans serta perkhidmatan lain yang telah mengakibatkan defisit dalam akaun semasa di sepanjang tempoh RME. Akaun semasa telah mencatatkan defisit sebanyak 6.7 peratus daripada KNK atau RM53.5 bilion dalam tempoh Rancangan. Walau bagaimanapun, berikutan daripada aliran masuk modal bersih yang tinggi, imbalan keseluruhan telah mencatatkan lebihan sebanyak 4.6 peratus daripada KNK.

2.20 Prestasi perdagangan negara yang memuaskan juga adalah disebabkan oleh perkembangan perdagangan dunia yang lebih baik pada kadar purata 5.8 peratus setahun. Peningkatan aktiviti ekonomi di negara perindustrian serta perdagangan yang lebih giat di antara negara perindustrian dengan negara sedang membangun dan di kalangan negara sedang membangun sendiri telah menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan dunia yang lebih tinggi. Dalam tempoh Rancangan, rundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay di bawah naungan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) telah berjaya mencapai persetujuan dan menghasilkan pembentukan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO). Ini bertepatan dengan hasrat perdagangan pelbagai hala dan perdagangan bebas. Selain dari itu, Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) telah dimeterai, integrasi pasaran tunggal Kesatuan Eropah dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah dibentuk manakala Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) telah diperluaskan. Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) pula telah diterima oleh ASEAN dan disokong oleh kebanyakan negara Asia sebagai satu forum ekonomi bagi membincangkan kepentingan bersama. Perkembangan dalam kesatuan kerjasama ekonomi serantau ini juga dijangka menyumbang kepada peningkatan perdagangan sekiranya kesatuan tersebut berpandangan terbuka. Dalam tempoh RME, ekonomi dunia telah berkembang pada kadar purata 2.7 peratus setahun. Pertumbuhan purata bagi negara sedang membangun dan negara perindustrian masing-masing adalah pada kadar 5.8 peratus dan 1.9 peratus. Negara Asia Timur merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dunia.

2.21 Dari segi penawaran, perkembangan sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan telah menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi. Sektor pembuatan telah berkembang pada kadar purata 13.3 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada sasaran sebanyak 12.2 peratus. Dengan itu, bahagiannya daripada KDNK telah meningkat daripada 26.9 peratus pada tahun 1990 kepada 33.1 peratus pada tahun 1995. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada peningkatan kecekapan dan keupayaan pengeluaran industri berikutan daripada penyerapan dan peningkatan teknologi. Pertumbuhan ini juga disokong oleh perkembangan yang berterusan dalam industri yang berorientasikan eksport dengan penyumbang terbesar adalah sektor kecil jentera dan perkakas elektrik. Sektor kecil tersebut telah mempelbagaikan produknya kepada yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi seperti barang elektronik pengguna dan perindustrian. Begitu juga dengan industri yang berorientasikan dalam negeri seperti sektor kecil bahan kimia perindustrian dan keluaran kimia lain yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor ini terutamanya daripada pembangunan sumber petroleum dalam aktiviti hilirannya. Kewujudan syarikat multinasional yang mempunyai kemudahan latihan kemahiran dan operasi kilang yang mempunyai kekesanan kos telah membantu meningkatkan penyerapan teknologi serta daya saingan secara menyeluruh. Syarikat tersebut juga menjadi rujukan yang penting kepada syarikat tempatan untuk membuat penyesuaian segera bagi menghadapi daya saingan di peringkat antarabangsa.

2.22 Sektor pembinaan telah berkembang pada kadar purata 13.3 peratus setahun dan bahagiannya kepada KDNK telah meningkat kepada 4.4 peratus pada tahun 1995. Sebahagian besar pertumbuhan ini adalah hasil daripada pelaksanaan beberapa projek infrastruktur yang besar seperti pelabuhan, lebuhraya dan landasan keretapi di samping pembinaan bangunan kediaman, perdagangan dan perindustrian yang kian bertambah. Program penswastaan yang dipercepatkan juga telah memberi sumbangan yang bermakna kepada pertumbuhan sektor ini. Di antara projek yang telah dilaksanakan termasuk Kuala Lumpur City Centre, Menara Kuala Lumpur, Kompleks Sukan Negara dan Perkampungan Sukan Komanwel, terminal kontena Butterworth Utara, Pelabuhan Barat di Pulau Indah, Pelabuhan Selatan di Klang, Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Hubungan Tengah Utara-Selatan, Lintasan Kedua Malaysia-Singapura, Sistem Rel Transit Ringan dan projek landasan elektrik berkembar untuk perkhidmatan komuter.

2.23 Sektor perkhidmatan telah berkembang pada kadar purata 9.3 peratus setahun dengan bahagiannya daripada KDNK mencapai 43 peratus pada akhir tempoh Rancangan. Walau bagaimanapun, sektor kecil elektrik, gas dan air; perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran; serta kewangan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan telah mencatatkan pertumbuhan dua angka. Penyumbang terbesar kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah sektor kecil perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran berikutan kemasukan peniaga baru dan perkembangan perniagaan sedia ada ke bandaraya dan bandar baru disertai pula oleh

peningkatan dalam perbelanjaan pengguna hasil daripada pendapatan bolehguna yang lebih tinggi. Kempen Tahun Melawat Malaysia 1994 pula telah menyumbang kepada pertumbuhan perkhidmatan pelancongan. Pertumbuhan pesat sektor kecil elektrik adalah berikutan daripada permintaan yang meningkat terutamanya dari sektor pembuatan. Prestasi sektor kecil kewangan pula telah meningkat melalui proses pemodenan yang berterusan, pembangunan pasaran sekuriti hutang swasta, pertambahan bilangan institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan berasaskan prinsip Islam dan persekitaran perniagaan yang semakin bersaing.

2.24 Sektor pertanian telah mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 2.0 peratus setahun manakala bahagiannya daripada KDNK terus berkurang sehingga ke tahap 13.6 peratus pada akhir tempoh Rancangan. Peningkatan pengeluaran sektor kecil kelapa sawit, ternakan dan perikanan telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini. Begitu juga dengan sektor perlombongan yang telah mencapai pertumbuhan purata sebanyak 2.9 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada sasaran 1.1 peratus, hasil daripada peningkatan pengeluaran gas dan kondensat iaitu hasil sampingan gas. Walau bagaimanapun, pengeluaran timah terus berkurang dalam tempoh Rancangan. Bahagian sektor ini daripada KDNK juga telah berkurang kepada 7.4 peratus pada akhir tempoh tersebut.

2.25 Pertumbuhan ekonomi yang pesat telah meningkatkan permintaan terhadap tenaga buruh dan seterusnya mengetatkan lagi pasaran buruh. Kadar pengangguran telah turun kepada 2.8 peratus pada tahun 1995, menunjukkan bahawa ekonomi telah mencapai paras gunatenaga penuh. Kekurangan pekerja buruh mahir dan tidak mahir menjadi lebih ketara apabila bilangan pekerjaan yang diwujudkan melebihi bilangan kemasukan pekerja baru ke pasaran buruh. Kerajaan telah membenarkan pengambilan buruh asing sebagai langkah sementara dan pada masa yang sama telah berusaha meningkatkan kemahiran serta menggalakkan penggunaan automasi secara lebih meluas dan memajukan industri yang lebih berintensif modal dan teknologi.

### **III. RANGKA EKONOMI MAKRO RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH**

2.26 Dalam tempoh RMT, ekonomi negara dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan yang tinggi. Kapasiti pengeluaran produktif yang telah berkembang serta peralihan struktur akan meningkatkan lagi daya ketahanan ekonomi. Dalam rangka dasar Kerajaan untuk meneruskan dasar fiskal dan kewangan yang berhemat, sektor swasta dijangka terus memainkan peranan utama dalam menerajui pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, inisiatif sektor swasta menerusi program penswastaan yang dipercepatkan akan meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti dalam ekonomi. Pada masa yang sama, kemajuan yang dijangkakan dalam ekonomi dunia akan turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia.

#### **Strategi Ekonomi Makro**

2.27 Tumpuan pengurusan ekonomi makro dalam jangkamasa sederhana adalah untuk mengekalkan pertumbuhan yang tinggi dengan kestabilan serta meningkatkan daya saingan negara di peringkat antarabangsa. Dalam usaha mencapai pertumbuhan yang pesat, Kerajaan akan memastikan wujudnya pertumbuhan yang mampan. Memandangkan kekangan tenaga buruh yang dihadapi dan perkembangan ekonomi yang terlalu bergantung kepada pertumbuhan pelaburan, pencapaian pertumbuhan yang tinggi akan diperolehi daripada sumbangan TFP yang lebih besar yang menggambarkan kecekapan dalam penggunaan faktor pengeluaran. Ini akan membolehkan berlakunya perubahan struktur produktif dalam ekonomi yang menekankan kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti terutamanya dalam aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi termasuk industri yang lebih berintensif teknologi. Dalam tempoh RMT, pertumbuhan tinggi dengan kadar inflasi yang rendah hanya akan dapat dicapai dengan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti.

2.28 Langkah baru akan diperkenalkan bagi membolehkan ekonomi negara menghadapi cabaran tersebut. Pada masa yang sama, pelaksanaan dasar dan strategi yang sedia ada akan diperkuatkan. Strategi berikut akan dilaksanakan dalam tempoh RMT:

- o mengekalkan kestabilan ekonomi makro dengan mengamalkan dasar fiskal dan kewangan yang berhemat dan pragmatik bagi menjamin pertumbuhan yang tinggi dengan harga yang stabil;
- o menekankan dasar meningkatkan produktiviti yang merangkumi keseluruhan aktiviti ekonomi bagi membolehkan peralihan daripada ekonomi yang didorong oleh pelaburan kepada ekonomi yang didorong oleh produktiviti;

- o menggembangkan tabungan dalam negeri yang tinggi bagi menyokong pelaburan dalam negeri;
- o menekankan pengeluaran perindustrian berskala besar untuk tujuan eksport ke pasaran global bagi menikmati faedah ekonomi bidangan dan kos pengeluaran yang lebih rendah serta menyusun industri yang strategik bagi memupuk aktiviti yang berintensif modal dan teknologi serta yang berasaskan pengetahuan;
- o mengambil langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran dengan menggalakkan pengeluaran input perindustrian bagi memenuhi permintaan dalam negeri serta untuk dieksport dan memperluaskan aktiviti yang berpotensi dalam sektor perkhidmatan yang boleh dieksport bagi memperbaiki ketidakseimbangan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran; dan
- o menjalin ikatan strategik dan membuka pasaran baru yang sesuai di luar negara untuk menggalakkan pelabur Malaysia membuka perniagaan di luar negara dan mendapatkan modal dari pasaran antarabangsa dalam era operasi perniagaan yang lebih global.

### **Prospek Ekonomi Antarabangsa**

2.29 Ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar 3.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Keluaran negara berpendapatan tinggi dalam Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dijangka berkembang pada kadar 2.8 peratus berikutan daripada kejayaan sederhana yang diperolehi hasil daripada pelaksanaan reformasi struktur untuk meningkatkan penawaran dalam bidang seperti gunatenaga, dasar fiskal dan perdagangan. Inflasi dijangka pada kadar purata 2.7 peratus dalam tempoh Rancangan. Unjuran inflasi yang rendah adalah berasaskan dasar kewangan berhemat yang berterusan, dasar fiskal yang terkawal dan pengurangan ketegaran pasaran buruh dan barang. Sumbangan negara sedang membangun kepada perdagangan dan keluaran dunia yang semakin penting juga dijangka membantu meningkatkan pengeluaran negara OECD dan negara perindustrian lain. Dalam dekad akan datang, persekitaran ekonomi antarabangsa dijangka lebih memberangsangkan berikutan pemulihan ekonomi negara perindustrian yang lebih cepat daripada yang dijangkakan dan prospek yang lebih meyakinkan untuk mengekalkan pemulihan ekonomi. Ini adalah hasil daripada kemajuan dalam mengurangkan inflasi dan penerusan dasar kewangan yang berorientasikan anti-inflasi. Dasar yang gigih untuk mengawal inflasi akan memperbaiki lagi persekitaran ekonomi antarabangsa.

2.30 Dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang mampan, jumlah permintaan dunia terhadap modal akan meningkat dan kadar faedah jangka panjang sebenar dijangka berada di paras yang sederhana tinggi. Pertumbuhan aliran masuk modal ke negara

sedang membangun yang dijangka perlahan dan khidmat bayar hutang yang dijangka lebih tinggi memerlukan negara tersebut meningkatkan tabungan dalam negeri serta memperbaiki prestasi eksport mereka. Walau bagaimanapun, FDI dijangka meningkat berikutan daripada strategi yang meneruskan globalisasi korporat dari segi pengeluaran dan pengagihan, hasil daripada liberalisasi perdagangan, perubahan teknologi dan pembukaan ekonomi yang sebelum ini tertutup. Selain daripada sebagai sumber pembiayaan, aliran FDI ini akan menyumbang kepada pembangunan teknologi dan pasaran eksport. Persekutuan ekonomi antarabangsa yang lebih menggalakkan menyokong prospek pertumbuhan negara sedang membangun. Dalam tempoh tersebut, ekonomi negara sedang membangun dijangka berkembang pada kadar 4.9 peratus setahun. Prospek ini akan dipengaruhi oleh tindakbalas dasar negara sedang membangun.

2.31 Asia Timur akan kekal sebagai rantau yang paling pesat berkembang dalam dekad akan datang dengan jangkaan pertumbuhan pada kadar purata 7.7 peratus setahun. Hasil daripada pertumbuhannya yang pesat kebelakangan ini iaitu di antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus setahun berbanding dengan 2.5 peratus hingga 3.0 peratus setahun di Eropah dan Amerika Syarikat, Asia Timur kini setanding dengan Eropah Barat dan Amerika Utara dan dengan itu telah membawa kepada pengwujudan dunia tiga penjuru. Menjelang akhir tempoh Rancangan, adalah dijangka sebanyak 28.2 peratus daripada keluaran dunia dan kira-kira satu per tiga daripada dagangan dunia adalah dari Asia Timur.

2.32 Perdagangan dunia dijangka berkembang pada kadar 6.0 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Dengan berfungsinya WTO, kerjasama ekonomi global akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya akan menghasilkan perdagangan pelbagai hala yang lebih saksama dan terbuka. Rantau yang terbuka pula akan membawa kepada pertambahan perdagangan dan pelaburan dunia. Integrasi perdagangan akan juga dipermudahkan oleh inisiatif perdagangan di peringkat rantau dan rantau kecil. Tambahan pula, perdagangan perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat daripada perdagangan barang berikutan daripada kemasukan FDI yang lebih tinggi terutama dalam sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun, usaha negara maju utama menyekat penembusan pasaran dengan mengenakan syarat berkaitan dengan alam sekitar dan sosial akan menjelaskan perkembangan perdagangan dunia. Penembusan pasaran juga akan terjejas sekiranya perbalahan di kalangan negara perindustrian berakhir dengan mengenakan had dagangan. Oleh itu, peningkatan kerjasama antarabangsa, saling memahami dan komitmen terhadap perdagangan pelbagai hala amat penting sebagai penggalak kepada perdagangan dunia yang berkesan.

2.33 Perkembangan pesat pembangunan infrastruktur di rantau Asia-Pasifik akan menarik aliran masuk modal swasta yang besar dalam bentuk pembiayaan projek. Pelaksanaan AFTA akan membantu aliran masuk dana ke rantau ASEAN manakala ketidaktentuan ekonomi Jepun akan mendorong penempatan semula industri Jepun

ke rantau ini. Penggunaan modal tersebut secara berkesan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan akan membendung kemungkinan tekanan inflasi.

### **Ekonomi Malaysia**

2.34 Dengan asas ekonomi makro yang kukuh, ekonomi Malaysia dijangka berupaya mengekalkan potensi pertumbuhan keluaran seperti yang dicapai dalam tempoh RME. Pembangunan infrastruktur akan diteruskan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat manakala penawaran tenaga buruh mahir akan ditambah untuk membantu peralihan kepada aktiviti berintensif modal dan teknologi. Di samping itu, usaha perlu dibuat untuk mengurangkan kandungan import bagi barang eksport. Liberalisasi perdagangan yang lebih luas dalam pasaran antarabangsa akan memperbaiki prospek bagi meningkatkan perdagangan antarabangsa Malaysia.

### **Prospek Pertumbuhan**

2.35 Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar purata 1 peratus setahun dengan kadar inflasi yang rendah. Pertumbuhan ini akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang mana pelaburan, terutamanya pelaburan swasta, akan terus menjadi sumber yang penting bagi pertumbuhan tersebut. Pelaburan asing akan tetap penting terutamanya dalam meningkatkan teknologi, kemahiran dan kepakaran pengurusan. Sungguhpun penggunaan akan dibendung pada tahap yang berpatutan, ianya akan lebih tinggi daripada yang dicapai dalam tempoh RME. Penggunaan swasta dijangka berkembang pada kadar purata 7.4 peratus setahun dan ini mencerminkan kemakmuran negara yang meningkat. Perbelanjaan awam pula akan berkurang kepada 7.0 peratus setahun berbanding dengan 2 peratus dalam tempoh RME. Jangkaan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan tahap penggunaan yang berpatutan akan memastikan bahawa sumber dana tempatan yang mencukupi dapat disediakan untuk membiayai pelaburan dalam negeri dan pelaburan ke luar negara. Berdasarkan prospek pertumbuhan dan pencapaian setakat ini, ekonomi negara dijangka mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 8.3 peratus setahun dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), jauh melebihi jangkaan awal iaitu sebanyak 7.0 peratus.

2.36 Dalam tempoh RMT, sumbangan modal kepada pertumbuhan ekonomi akan tetap tinggi iaitu pada kadar 3.0 peratus kepada pertumbuhan keluaran dan ini menunjukkan bahawa pelaburan yang tinggi masih diperlukan bagi membolehkan struktur industri beralih kepada aktiviti yang berintensif modal dan teknologi. Walau bagaimanapun, ianya adalah lebih rendah daripada kadar 3.7 peratus yang dicapai dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-1. Begitu juga dengan sumbangan buruh kepada pertumbuhan yang dijangka berkurang kepada 1.7 peratus setelah mengambil kira jangkaan pertumbuhan gunatenaga sebanyak 2.8 peratus. Kadar pengangguran dijangka kekal pada paras 2.8 peratus pada akhir tempoh RMT, sama seperti yang dicatat pada akhir tempoh RME. Sumbangan daripada TFP

dijangka meningkat kepada 3.3 peratus atau 41.3 peratus daripada pertumbuhan keluaran berbanding dengan 2.5 peratus atau 28.7 peratus daripada pertumbuhan keluaran yang dicapai dalam tempoh RME.

2.37 Memandangkan wujudnya kekangan buruh dan modal, pertumbuhan ekonomi akan lebih bergantung kepada sumbangan TFP bagi memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai. Pertambahan sumbangan TFP memerlukan peningkatan kadar inovasi dan penyerapan teknologi, pengluasan penggunaan teknologi dan pengetahuan pengurusan, penekanan kepada pelaburan yang berkualiti, penggunaan sumber secara berkesan dan cekap serta peningkatan kualiti dan kemahiran sumber manusia. Usaha memperkuatkannya keupayaan S&T dan P&P juga merupakan prasyarat yang penting bagi memperbaiki lagi produktiviti, kualiti barang dan penghasilan produk baru. Usaha meningkatkan sumbangan TFP ini adalah selaras dengan strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti.

### **Keluaran Sektor**

2.38 Dalam tempoh RMT, pertumbuhan akan terus diterajui oleh sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-5. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar purata 10.7 peratus setahun. Walaupun jangkaan ini lebih rendah daripada yang telah dicapai dalam RME iaitu sebanyak 13.3 peratus, bahagiannya daripada KDNK dijangka meningkat kepada 37.5 peratus menjelang tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Carta 2-2. Penyumbang utama kepada pertumbuhan ini ialah sektor kecil jentera, perkakas dan peralatan elektrik hasil daripada permintaan luar negara yang kukuh. Sektor kecil ini dijangka menyumbang sebanyak 34.5 peratus kepada nilai ditambah sektor pembuatan. Sektor kecil bahan kimia perindustrian dan keluaran kimia lain, kayu dan keluaran kayu, keluaran galian bukan logam, kelengkapan pengangkutan dan keluaran logam yang direka akan memainkan peranan yang semakin penting. Perkembangan sektor kecil ini akan mencerminkan pertambahan permintaan dalam negeri yang tinggi berikutan peningkatan aktiviti pembinaan dan perindustrian.

2.39 Strategi berorientasikan eksport bagi industri pembuatan akan diberi penekanan yang lebih dalam tempoh RMT. Produk pembuatan dijangka merupakan 88.6 peratus daripada jumlah pendapatan barang eksport pada tahun 2000 berbanding dengan 79.6 peratus pada tahun 1995. Dalam hal ini, pengilang terutamanya usahawan tempatan akan digalakkan untuk menjalankan pengeluaran berskala besar untuk mendapatkan faedah ekonomi bidangan serta untuk meningkatkan kandungan tempatan dalam keluaran pembuatan. Selain daripada meningkatkan pendapatan daripada tukaran wang asing, strategi tersebut akan membawa kepada pembangunan industri yang berdaya saing sekiranya usahawan menjadikan kualiti keluaran sebagai sasaran keluaran untuk pasaran eksport.

2.40 Selaras dengan permintaan dalam negeri yang kukuh dan pertumbuhan pesat sektor utama dalam ekonomi, sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 8.4 peratus setahun dengan bahagiannya daripada KDNK meningkat kepada 43.9 peratus menjelang tahun 2000. Dasar dan strategi yang dirangka untuk membangunkan sektor ini turut mengambil kira cabaran daripada persaingan antarabangsa berikutan persetujuan untuk meliberalisasikan perdagangan dalam perkhidmatan di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan (GATS). Dengan itu, sektor perkhidmatan perlu lebih berdaya saing dan bersedia untuk memasuki pasaran antarabangsa. Sektor perkhidmatan akan menjadi sumber pertumbuhan yang semakin penting dalam proses transformasi ekonomi.

2.41 Penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah dijangka daripada sektor kecil perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; serta pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Selain daripada itu, eksport perkhidmatan pendidikan dijangka berkembang selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Industri perkhidmatan kesihatan juga boleh memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan manakala sektor kecil kewangan, pelancongan, profesional dan juruperunding mempunyai potensi untuk menjadi penyumbang penting kepada hasil pendapatan eksport dan dengan itu membantu memperbaiki kedudukan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran. Dalam jangka masa panjang, sektor kecil perkapalan dan insurans akan berkembang secukupnya untuk membantu mengatasi pergantungan kepada perkhidmatan perkapalan dan insurans luar negara yang semakin meningkat. Perkembangan sektor perkhidmatan seterusnya akan juga bergantung kepada kepesatan modernisasi dan integrasi teknologi maklumat memandangkan ianya telah diterima sebagai pemangkin penting kepada pertumbuhan khususnya sektor kecil kewangan dan perkhidmatan perniagaan.

2.42 Sektor pembinaan dijangka berkembang pada kadar 10.2 peratus setahun. Projek infrastruktur yang besar yang dilaksanakan melalui penswastaan di samping projek kediaman dan komersil serta perkembangan berterusan sektor pembuatan dijangka menyumbang kepada momentum pertumbuhan sektor pembinaan. Bahagiannya daripada KDNK dijangka mencapai 4.8 peratus pada akhir tempoh RMT berbanding dengan 4.4 peratus yang dicatat di akhir tempoh RME. Dengan ini, bahagian sektor ini daripada KDNK akan mengatasi sasaran 3.5 peratus yang ditetapkan di bawah RRJP2.

2.43 Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 2.4 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada yang dicapai dalam RME. Kelapa sawit dijangka akan memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan sektor pertanian keseluruhannya. Serentak dengan itu, penanaman tanaman yang bernilai tinggi dan perluasan aktiviti akuakultur akan digalakkan memandangkan sektor kecil tersebut mempunyai potensi untuk terus berkembang.

2.44 Sungguhpun bahagian sektor pertanian daripada KDNK merosot kepada 10.5 peratus pada akhir tempoh Rancangan, sektor tersebut dijangka tetap menjadi sektor penting yang menyumbang sebanyak 0.3 peratus kepada pertumbuhan keluaran sebanyak 8.0 peratus dalam tempoh tersebut. Memandangkan perubahan struktur yang berlaku dalam ekonomi, penilaian semula secara menyeluruh terhadap Dasar Pertanian Negara, 1992-2010 akan dijalankan. Penggunaan jentera dalam aktiviti pertanian di samping memastikan ekonomi bidangan dalam pengeluaran akan digalakkan. Penggunaan alternatif tanah pertanian kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi akan digalakkan untuk memastikan ianya diguna secara optimum dan meningkatkan pendapatan masyarakat tani.

2.45 Sektor perlombongan dijangka mengalami pertumbuhan pada kadar 2.3 peratus setahun iaitu lebih rendah daripada yang dicapai dalam RME. Sektor kecil gas dan kuari yang mengalami pertumbuhan yang menggalakkan dalam tempoh RME akan meneruskan momentum pertumbuhannya dalam tempoh RMT. Namun begitu, minyak mentah akan terus menjadi penyumbang utama kepada nilai ditambah sektor ini dengan sumbangan purata hampir 80 peratus. Pengeluaran minyak mentah adalah kira-kira 606,000 tong sehari selaras dengan Dasar Susutan Negara. Walau bagaimanapun, pengeluaran kondensat dijangka meningkat daripada kira-kira 42,000 tong sehari pada tahun 1995 kepada 95,000 tong sehari pada tahun 2000 sejajar dengan pertambahan dalam pengeluaran gas. Dengan itu, bahagian sektor ini daripada KDNK dijangka mencapai 5.7 peratus pada akhir tempoh Rancangan.

### **Permintaan Agregat**

2.46 Perkembangan ekonomi yang berterusan dalam tempoh RMT akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan pertumbuhan ekonomi dunia yang mampan. Jumlah pelaburan dijangka meningkat sebanyak 5.6 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-6. Pelaburan swasta yang berkembang pada kadar purata 7.8 peratus setahun akan terus menjadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi. Bahagiannya kepada jumlah pelaburan adalah dijangka sebanyak 73.6 peratus pada tahun 2000. Meskipun kadar pertumbuhan ini lebih rendah daripada 16.6 peratus yang dicapai dalam RME, pelaburan swasta sebanyak RM384.8 bilion pada harga semasa yang diperlukan bagi tempoh RMT adalah 85.5 peratus lebih tinggi daripada RM207.4 bilion yang telah dilaburkan dalam tempoh RME. Pelaburan awam dijangka berkembang pada kadar 0.6 peratus setahun untuk mencapai sejumlah RM150.8 bilion pada harga semasa. Pelaburan awam akan terus memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan asas seperti kesihatan, pendidikan dan kemudahan infrastruktur lain di samping meningkatkan bilangan tenaga manusia mahir dan memperdalamkan asas S&T untuk melengkapkan aktiviti serta menyokong inisiatif sektor swasta.

2.47 Jumlah penggunaan akan dikekalkan di paras yang munasabah dan dijangka berkembang pada kadar purata 7.4 peratus setahun iaitu rendah sedikit daripada

yang dicapai dalam RME. Penggunaan swasta dijangka berkembang pada kadar 7.4 peratus setahun. Dengan jangkaan peningkatan dalam pendapatan per kapita daripada RM9,786 pada akhir tahun 1995 kepada RM14,788 pada tahun 2000, penggunaan swasta per kapita dijangka meningkat daripada RM5,143 dalam tahun 1995 kepada RM7,628 dalam tahun 2000. Penggunaan awam dijangka berkembang pada kadar 7.0 peratus iaitu lebih rendah daripada yang dicatat dalam RME dan ini mencerminkan pengurusan fiskal yang berhemat oleh pihak Kerajaan.

2.48 Dari segi permintaan luar negara, eksport barang dan perkhidmatan bukan faktor dijangka berkembang pada kadar 10.9 peratus setahun berikutan daripada peningkatan daya saingan negara serta prospek perdagangan antarabangsa yang lebih baik. Pertumbuhan import barang dan perkhidmatan bukan faktor akan lebih perlahan iaitu pada kadar 9.5 peratus setahun sejajar dengan jangkaan pertambahan pengeluaran dalam negeri bagi beberapa jenis barang modal dan perantaraan yang diperlukan oleh industri. Sumbangan bersih perdagangan luar kepada ekonomi negara dijangka bertambah baik menjelang tahun 1997 seperti ditunjukkan dalam Carta 2-3.

### **Perdagangan Antarabangsa**

2.49 Eksport kasar dijangka berkembang pada kadar purata 14.4 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Permintaan yang kukuh dalam pasaran dunia berpunca daripada pertumbuhan ekonomi negara perindustrian yang berterusan dan persekitaran perdagangan antarabangsa yang lebih menggalakkan akan menjadi pendorong kepada pertumbuhan eksport Malaysia. Keupayaan bersaing keluaran Malaysia terutamanya keluaran pembuatan serta pengluasan perdagangan ke pasaran baru akan menyumbang kepada pertumbuhan ini. Dasar akan dirangka untuk mengurangkan kandungan import barang eksport. Ini akan meningkatkan lagi penggunaan input tempatan terutamanya dalam pengeluaran barang modal dan perantaraan. Ia juga akan mengurangkan import barang tersebut yang merupakan 85.3 peratus daripada jumlah import pada tahun 1995.

2.50 Eksport barang pembuatan dijangka berkembang pada kadar purata 16.9 peratus setahun dalam tempoh Rancangan dengan pendapatan eksport dijangka meningkat sekali ganda daripada RM147.5 bilion pada tahun 1995 kepada RM322.4 bilion pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-7. Eksport utama barang pembuatan termasuk keluaran elektrik dan elektronik; peralatan pengangkutan; keluaran kayu; tekstil, pakaian dan kasut; serta kimia dan keluaran kimia. Pertumbuhan eksport barang pembuatan yang ketara mencerminkan perkembangan permintaan luar negara yang berterusan berikutan pemulihan ekonomi di beberapa negara rakan dagangan utama Malaysia. Perluasan asas perindustrian Malaysia juga akan meningkatkan eksport barang pembuatan. Selain daripada itu, pertumbuhan yang berterusan di rantau Asia-Pasifik dan usaha lebih

gigih untuk menerokai pasaran bukan tradisional akan meluaskan lagi pasaran eksport barang pembuatan Malaysia.

2.51 Eksport barang pertanian dijangka berkembang pada kadar 1.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan terutamanya disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi minyak kelapa sawit dan koko. Eksport dari sektor perlombongan dijangka berkembang pada kadar 6.7 peratus setahun terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh eksport gas asli cecair iaitu sebanyak 9.9 peratus setahun. Eksport minyak mentah dijangka merosot sebanyak 3.2 peratus disebabkan oleh kenaikan permintaan dari loji penapisan tempatan.

2.52 Dengan kadar perindustrian yang pesat disertai dengan peningkatan dalam tahap pendapatan, Malaysia akan terkeluar daripada senarai negara yang layak mendapat kemudahan GSP. Penerimaan kemudahan di bawah GSP pada masa hadapan akan bergantung kepada dasar penilaian negara yang memberi keistimewaan tersebut. Amerika Syarikat bercadang untuk menamatkan pemberian kemudahan GSP kepada Malaysia menjelang bulan Januari 1997 manakala Kesatuan Eropah akan mengeluarkan empat sektor keluaran Malaysia daripada skim tersebut iaitu plastik dan getah, kayu, pakaian dan sektor kecil terpilih dalam industri elektronik menjelang bulan Januari 1998. Cadangan penghapusan keistimewaan tersebut akan memberi kesan ke atas eksport Malaysia sungguhpun kesan ini akan ditimbalbalik oleh penurunan tarif di bawah WTO.

2.53 Berasaskan jangkaan perkembangan ekonomi yang kukuh, import kasar akan meningkat pada kadar dua angka iaitu 12.8 peratus setahun. Import barang pelaburan dan perantaraan terus menjadi komponen utama. Dalam tempoh RMT, langkah akan diambil untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan struktur import dengan menggalakkan pengeluaran input dalam negeri yang kini diimport. Selaras dengan dasar mengurangkan import, usaha yang sedia ada untuk menggunakan input tempatan akan dipergiatkan dengan mengukuhkan rantaian industri dalam negeri menerusi Program Pembangunan Vendor dan meningkatkan keupayaan industri kecil dan sederhana (IKS). Bagi menikmati faedah daripada ekonomi bidangan, pengilang Malaysia akan juga digalakkan untuk mengeluarkan barang bagi pasaran eksport. Usaha tersebut akan memperkuatkan lagi akaun dagangan dalam imbalan pembayaran. Import barang penggunaan dijangka berkembang pada kadar sederhana selaras dengan perkembangan penggunaan dalam negeri dan usaha membendung inflasi serta meningkatkan tabungan.

2.54 Di samping meneruskan hubungan perdagangan dengan rakan dagangan tradisional seperti negara ASEAN, Jepun, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan, usaha akan dipergiatkan untuk meningkatkan perdagangan dan menjalin hubungan lain dengan negara rakan dagangan bukan tradisional dan negara baru muncul untuk memanfaatkan pertambahan peluang pasaran yang wujud. Dalam rantau ASEAN, perdagangan intra-ASEAN dijangka

meningkat dengan banyak dengan pelaksanaan Skim Keistimewaan Tarif Berkesan Yang Seragam (CEPT) serta meningkatnya aliran pelaburan dalam rantau ini hasil daripada pasaran yang lebih meluas. Usaha negara ahli untuk memperbaiki persekitaran ekonomi makro dan meliberalisasikan regim pelaburan mereka juga akan memberi kesan positif ke atas kemasukan FDI dan perdagangan intra-ASEAN. Tambahan pula, pelaksanaan projek di kawasan Pertumbuhan Segitiga ASEAN seperti Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT) dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) akan meningkatkan lagi perdagangan intra-ASEAN terutamanya di kalangan negara ahli.

2.55 Liberalisasi perdagangan dunia akan memberi peluang serta cabaran kepada pengekspor Malaysia. Malaysia akan mendapat manfaat daripada kemasukan yang lebih besar ke pasaran negara maju dan negara sedang membangun hasil daripada penurunan tarif dan subsidi, regim import yang lebih telus serta peraturan dan disiplin yang lebih ketat dalam sistem perdagangan pelbagai hala. Cabaran terbesar adalah untuk mengekalkan daya saingan dalam menghadapi persaingan yang semakin meningkat daripada pengeluar lain menerusi usaha merasionalkan pengeluaran dan meningkatkan kecekapan serta produktiviti. Berbagai langkah untuk menggalakkan perdagangan akan dilaksanakan untuk meningkatkan eksport Malaysia. Ini akan dipermudahkan dengan pembentukan hubungan strategik dengan syarikat asing. Kerjasama di antara sektor awam dan swasta dalam kontek Persyarikatan Malaysia akan diperkuuhkan lagi. Di samping itu, pertubuhan perdagangan dan industri dijangka memainkan peranan yang lebih penting bagi menggalakkan eksport dan penyebaran maklumat.

### **Imbangan Pembayaran**

2.56 Akaun dagangan dalam imbangan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan yang tinggi iaitu sebanyak 4.6 peratus daripada KNK berbanding dengan 3.0 peratus yang dicapai dalam tempoh RME berikutan prestasi eksport Malaysia yang lebih baik seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-8. Akaun semasa yang mengalami defisit bagi hampir keseluruhan tempoh dijangka pulih pada akhir tempoh Rancangan. Defisit ini adalah ekoran daripada defisit besar dalam akaun perkhidmatan yang dijangka berterusan pada purata 7.7 peratus daripada KNK. Walau bagaimanapun, pertumbuhan akaun dagangan yang kukuh akan menyumbang kepada lebihan dalam akaun semasa menjelang tahun 2000.

2.57 Defisit akaun perkhidmatan yang berterusan besar adalah disebabkan pengaliran keluar keuntungan dan dividen berikutan kemasukan modal asing yang tinggi. Tambahan pula, peningkatan bayaran tambang dan insurans berikutan bertambahnya perdagangan serta bayaran perkhidmatan kontrak dan profesional akan memburukkan lagi defisit tersebut. Walau bagaimanapun, lebihan yang dijangka diterima daripada akaun perjalanan akan dapat mengurangkan defisit ini.

2.58 Memandangkan defisit akaun perkhidmatan yang besar merupakan faktor utama bagi defisit akaun semasa, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah dan strategi yang bertujuan untuk mengurangkan defisit tersebut. Langkah tersebut, antara lain, termasuk memberikan galakan pelaburan semula, mengadakan program pendidikan berkembar dengan universiti luar negara serta menggalakkan eksport berdasarkan kos, insurans dan tambang (c.i.f.) dan import berasaskan percuma di atas kapal (f.o.b.). Sektor kecil pendidikan akan dibangunkan sebagai sebuah industri eksport bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan serantau. Strategi baru juga akan meliputi mempromosi eksport perkhidmatan bagi sektor kecil kewangan, pembinaan, kejuruteraan, senibina, pengurusan harta tanah, penswastaan, rekreasi dan pelancongan. Bank tempatan akan digalakkan untuk menyediakan kredit pelaburan luar negara kepada syarikat tempatan bagi membuka cawangan di seberang laut terutamanya bagi pasaran baru di negara Selatan serta mengikat perjanjian dua hala dan menjalin hubungan ekonomi dengan bank luar negara. Di samping itu, syarikat insurans yang besar dari luar negara yang khusus dalam mengendalikan perniagaan insurans semula akan digalakkan beroperasi di Malaysia. Pengenalan sistem pertukaran data elektronik dan pengangkutan pelbagai cara akan dapat mempercepatkan pemerosesan dan kelulusan kargo serta memperbaiki kemudahan pengendalian bagi meningkatkan kecekapan di pelabuhan.

### **Nisbah Harga Eksport-Import**

2.59 Nisbah harga eksport-import dijangka lebih baik dalam tempoh Rancangan berikutan daripada harga eksport yang dianggar lebih tinggi daripada harga import. Dengan peningkatan kualiti barangang eksport dan jangkaan kadar tukaran asing yang lebih stabil, harga eksport dijangka naik sebanyak 3.1 peratus setahun berbanding dengan kenaikan harga import sebanyak 2.8 peratus. Harga eksport yang lebih baik akan meningkatkan lagi pendapatan eksport dalam tempoh Rancangan. Kenaikan nisbah harga eksport-import akan meningkatkan kuasa beli sebenar pengguna pada kadar 8.5 peratus setahun.

### **Perkembangan Harga**

2.60 Dengan tumpuan yang lebih yang diberikan kepada usaha untuk mengekalkan kestabilan harga, inflasi dijangka berada pada tahap yang rendah. Langkah meningkatkan bekalan serta meliberalisasikan import akan menjamin bekalan barangang dan perkhidmatan yang mencukupi untuk memenuhi permintaan. Ini bermakna kekangan yang sedang dihadapi khususnya dalam penawaran barangang makanan akan dapat diatasi. Syarat pinjaman Skim Tabung Makanan yang lebih longgar dijangka dapat mempercepat dan meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri. Usaha tersebut juga akan dapat mengurangkan import dan seterusnya memperbaikiimbangan dagangan. Di samping itu, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar kewangan yang ketat bagi melengkapkan dasar fiskal yang berhemat. Agregat

kewangan akan diawasi dengan teliti bagi memastikan penawaran wang tidak menjadi punca inflasi. Pada masa yang sama, dasar fiskal yang berhati-hati akan meliputi kawalan yang lebih baik ke atas perbelanjaan serta pelaksanaan projek pembangunan secara terpilih bagi mengurangkan kekangan infrastruktur dan penawaran. Sebahagian daripada projek ini akan dilaksanakan secara penswastaan. Kadar perlindungan sebenar akan juga diturunkan melalui pengurangan dan penghapusan tarif secara berperingkat sejajar dengan komitmen Kerajaan ke arah perdagangan yang lebih liberal di bawah AFTA dan WTO.

2.61 Langkah akan diambil bagi menggalakkan automasi dan teknik yang menjimatkan penggunaan buruh di samping menggalakkan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga buruh bagi mengurangkan tekanan permintaan terhadap tenaga buruh dan mengawal kenaikan upah. Peningkatan produktiviti yang melebihi kenaikan upah akan digalakkan bagi memastikan kos se unit buruh dan seterusnya harga tidak meningkat. Kualiti perkhidmatan awam akan juga dipertingkatkan bagi membantu meningkatkan kecekapan sektor swasta.

2.62 Kempen anti-inflasi yang dijalankan oleh Kerajaan akan diteruskan. Ini termasuk langkah pentadbiran seperti menguatkuasa penggunaan tanda harga dan mencegah amalan perniagaan yang tidak sihat. Maklumat yang lebih sempurna mengenai harga akan disediakan untuk meningkatkan kesedaran di samping mendidik pengguna mengenai peranan mereka dalam usaha memerangi inflasi. Pada masa yang sama, IHP yang berasingan bagi golongan berpendapatan rendah akan dibentuk untuk memudahkan pengawasan perkembangan harga dan langkah yang sesuai akan dilaksanakan bagi mengekalkan kuasa beli golongan tersebut.

2.63 Walau bagaimanapun, objektif jangka panjang Kerajaan adalah untuk mencapai inflasi sifar bagi barang keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan yang merupakan sebahagian besar daripada keperluan golongan berpendapatan rendah. Harga barang tersebut akan diawasi dengan teliti bagi memastikan ianya tidak meningkat. Walau bagaimanapun, dalam proses mencapai inflasi sifar, Kerajaan akan menghadkan peningkatan penggunaan kawalan harga yang boleh mengakibatkan gangguan pasaran.

### **Imbang Sumber**

2.64 Kedudukan sumber dijangka bertambah kukuh dalam tempoh RMT. Tabungan kasar negara akan meningkat ke tahap purata 34.9 peratus daripada KNK berbanding dengan 32.5 peratus dalam tempoh RME. Tabungan swasta merupakan 24 peratus daripada KNK manakala tabungan awam pula merupakan 10.9 peratus daripada KNK seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-9. Tahap tabungan yang tinggi ini akan dapat dicapai dengan pasaran modal yang lebih canggih dengan pengenalan instrumen dan institusi tabungan yang inovatif. Walau bagaimanapun, bahagian pelaburan kasar daripada KNK dalam tempoh RMT dijangka merosot kepada 37.9 peratus daripada

39.2 peratus dalam tempoh RME. Ini akan mengurangkan jurang sumber kepada 3.0 peratus daripada KNK yang akan dibiayai oleh aliran masuk modal asing.

2.65 Kedudukan sumber sektor awam dijangka seimbang dalam tempoh RMT. Akaun Kerajaan Persekutuan dijangka mencapai kedudukan yang lebih kukuh dengan memperolehi lebihan sebanyak 0.4 peratus daripada KNK kesan daripada peningkatan hasil berikutan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pentadbiran cukai yang lebih cekap. Prestasi ekonomi PABK dijangka akan meningkat dengan penekanan yang diberikan kepada pelaburan yang berkualiti, pemodenan serta tumpuan kepada usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti. Usaha ini akan mengukuhkan lagi kedudukan PABK untuk mencatatkan lebihan semasa yang lebih tinggi.

### **Akaun Sektor Awam**

2.66 Berdasarkan jangkaan lebihan dalam akaun keseluruhannya dalam tempoh RMT, Kerajaan Persekutuan akan berupaya membayai perbelanjaan pembangunan sebanyak RM67.5 bilion atau 4.8 peratus daripada KNK. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan tidak perlu meminjam daripada sistem kewangan dan ini bermakna terdapat lebih banyak sumber untuk pelaburan sektor swasta. Dengan jangkaan kedudukan kewangan PABK yang lebih baik, akaun keseluruhan sektor awam akan mencatatkan lebihan sebanyak 0.2 peratus daripada KNK. Jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam yang disatukan ialah sebanyak RM162.5 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-10. Tahap perbelanjaan ini tidak akan menyukarkan sektor swasta mendapatkan sumber kewangan.

## **IV. PENUTUP**

2.67 Prestasi ekonomi Malaysia dalam tempoh RME adalah sangat membanggakan. Dengan pengurusan ekonomi makro yang tertumpu kepada usaha memperkuuhkan asas ekonomi dan peralihan strategi kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti, prestasi ekonomi Malaysia akan terus mantap dalam tempoh RMT. Perkembangan ekonomi akan mempunyai asas yang lebih luas yang digerakkan oleh sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan. Keluaran sektor pertanian akan bertambah dengan adanya sumber pertumbuhan yang baru manakala pertambahan pengeluaran gas akan meningkatkan pertumbuhan sektor perlombongan. Usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran dijangka akan menghasilkan lebihan menjelang akhir tempoh RMT. Dari segi permintaan pula, prestasi ekonomi akan didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan pertumbuhan ekonomi dunia yang berterusan. Inflasi akan terus dikawal supaya berada di paras yang rendah melalui berbagai usaha oleh semua sektor ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang tinggi dicapai dengan harga yang stabil.

2.68 Pelaburan dalam negeri yang tinggi dengan kemasukan pelaburan asing yang berterusan dan peningkatan kualiti sumber manusia akan menyumbang kepada keseluruhan prestasi ekonomi. Dalam masa yang sama, peningkatan mutu barang Malaysia serta perdagangan antarabangsa yang lebih liberal akan meningkatkan prestasi eksport negara. Pembangunan rangkaian global industri maklumat akan membantu penyediaan dan penyaluran maklumat yang dapat meningkatkan lagi daya saingan Malaysia.

## **BAB 3 : PENGURANGAN KEMISKINAN, PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT DAN PENGAGIHAN PENDAPATAN**

### **I. PENDAHULUAN**

3.01 Rancangan Malaysia Keenam (RME) menandakan pelancaran Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sebagai pengganti Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mencapai matlamat perpaduan negara. DPN, di samping mengekalkan ciri-ciri utama DEB, memperkenalkan beberapa dimensi baru untuk meningkatkan keberkesanannya bagi mencapai pembangunan seimbang. Dimensi baru tersebut menekankan pembasmian kemiskinan golongan termiskin, pengurangan kemiskinan relatif, peningkatan gunatenaga Bumiputera dalam bidang-bidang profesional dan pengurusan korporat serta peningkatan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang aktif. DPN juga menitikberatkan peranan yang lebih besar bagi sektor swasta dalam penyusunan semula masyarakat dan memberi tumpuan kepada kepentingan pembangunan sumber manusia sebagai asas bagi mencapai matlamat pertumbuhan dan pengagihan.

3.02 Perubahan tekanan tersebut dan peluang yang meluas hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat membolehkan beberapa kemajuan dicapai dalam memenuhi matlamat pengagihan. Kadar kemiskinan golongan termiskin dan kadar kemiskinan secara keseluruhan telah dapat dikurangkan dalam tempoh RME. Gunatenaga Bumiputera dalam beberapa profesion yang berdaftar telah bertambah pada kadar yang lebih cepat berbanding dengan kadar pertumbuhan gunatenaga profesional kumpulan etnik yang lain, sementara peratusan pengurus Bumiputera dalam sektor korporat telah mencapai tahap yang ketara. Dalam usaha mewujudkan MPPB yang aktif dan mampu bersaing secara berterusan dalam industri dan sektor ekonomi yang strategik, beberapa program baru pembangunan keusahawanan telah diperkenalkan. Pendapatan purata isirumah rakyat Malaysia pula meningkat dengan ketara. Pertambahannya adalah meluas dan memberi manfaat kepada semua kumpulan etnik dan pendapatan serta penduduk bandar dan luar bandar.

3.03 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), program pengurangan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat sedia ada akan diperluas dan diperkuatkkan untuk menambah keberkesanannya bagi mencapai matlamat dan sasaran pengagihan, termasuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan kumpulan sasar serta memperbaiki corak agihan pendapatan. Khususnya, program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan program-program membantu kumpulan miskin yang lain akan memberi tekanan yang lebih kepada projek-projek yang dapat menambah pendapatan dan memberi tumpuan kepada kawasan, kumpulan dan negeri yang mempunyai kadar kemiskinan atau golongan termiskin yang tinggi. Program-program untuk penyusunan semula masyarakat akan terus memberi

tumpuan kepada peningkatan peratusan profesional dan pengurus korporat Bumiputera serta peningkatan pembangunan MPPB. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan terus memberi penekanan yang sewajarnya terhadap pendidikan dan latihan bagi Bumiputera, meluaskan liputan program-program MPPB dan meningkatkan keupayaan Bumiputera bagi mewujudkan kekayaan baru serta mengurus dan memiliki perniagaan. Pada masa yang sama, sektor korporat dijangka melengkapi usaha Kerajaan dalam menyediakan pendidikan dan latihan kepada Bumiputera dan rakyat Malaysia yang lain di samping melibatkan diri secara aktif dalam program-program MPPB.

## **II. KEMAJUAN, 1991-1995**

3.04 Kemajuan yang berterusan telah dapat dicapai dalam usaha mengagihkan pertumbuhan yang adil di Malaysia dalam tempoh RME. Kemajuan ini sebahagian besarnya adalah hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat dan dasar-dasar Kerajaan yang telah dilaksanakan untuk memberi peluang kepada kumpulan miskin, kurang bernasib baik serta Bumiputera menyertai secara aktif dalam proses pembangunan. Kemiskinan telah dapat dikurangkan dengan ketara dan kemajuan yang berterusan juga telah dicapai dalam memenuhi objektif penyusunan semula. Walau bagaimanapun, di samping berlakunya peningkatan yang jelas dalam pendapatan purata isirumah rakyat Malaysia, ketidaksamaan pendapatan di antara kumpulan telah meluas sedikit.

### **Pengurangan Kemiskinan**

3.05 Dalam tempoh RME, program membasi kemiskinan adalah tertumpu kepada golongan termiskin. Pada masa yang sama, program untuk membasi kemiskinan secara amnya telah diteruskan. Kerajaan memainkan peranan penting dalam usaha ini dengan mengutamakan projek-projek yang dapat menambah pendapatan, menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih baik serta melaksanakan program yang dapat menerap nilai positif di kalangan golongan miskin. Bantuan kebijakan juga disediakan kepada isirumah termiskin. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan membantu pelaksanaan usaha-usaha tersebut, manakala pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta telah melengkapinya dengan melaksanakan program masing-masing untuk golongan miskin dan termiskin.

3.06 Kemiskinan am. Kadar kemiskinan rakyat Malaysia telah berkurangan daripada 16.5 peratus pada tahun 1990 kepada 8.9 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-1. Selaras dengan ini, bilangan isirumah miskin telah berkurangan daripada 574,500 kepada 370,200. Jika bukan warganegara diambil kira, kadar kemiskinan keseluruhan adalah 17.1 peratus pada tahun 1990 dan 9.6 peratus pada tahun 1995. Bukan warganegara adalah terdiri daripada kira-kira 7.0 peratus daripada jumlah golongan miskin pada tahun 1990 dan 11 peratus pada tahun 1995.

3.07 Kemajuan dalam pembasmian kemiskinan telah dapat dicapai hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat, termasuk golongan miskin dan pelaksanaan berbagai program dan projek Kerajaan yang ditujukan untuk isirumah luar bandar yang terlibat dengan pertanian. Di kawasan luar bandar, golongan miskin mendapat manfaat daripada pelaksanaan berbagai projek Kerajaan seperti Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), penyediaan infrastruktur pertanian, skim tanam semula, penyatuan dan pemulihan tanah serta khidmat sokongan. Program-program ini, antara lain, telah memperluaskan lagi penggunaan jentera dan amalan agronomik yang menghasilkan peningkatan dalam produktiviti pekerja pertanian kira-kira 6.1 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Produktiviti yang tinggi dan harga yang lebih baik bagi kebanyakan komoditi pertanian dalam tempoh Rancangan telah meningkatkan pendapatan isirumah luar bandar. Di samping itu, peningkatan pendapatan daripada aktiviti luar ladang dan bukan ladang berpunca daripada pertambahan peluang pekerjaan telah membantu mengurangkan tahap kemiskinan.

3.08 Di kawasan luar bandar, kadar kemiskinan rakyat Malaysia berkurangan daripada 21.1 peratus pada tahun 1990 kepada 15.3 peratus pada tahun 1995, sementara bilangan isirumah miskin berkurangan sebanyak 42 peratus daripada 492,500 kepada 285,600. Bagaimanapun, bagi kawasan bandar, walaupun kadar kemiskinan berkurangan daripada 7.1 peratus kepada 3.7 peratus, bilangan isirumah miskin telah meningkat sedikit daripada kira-kira 82,000 kepada 84,600. Peningkatan jumlah penduduk miskin di bandar adalah disebabkan terutamanya oleh definisi semula kawasan bandar pada tahun 1991. Isirumah miskin di kawasan tepubina atau pinggir bandar iaitu kira-kira 6.0 peratus daripada jumlah isirumah miskin yang sebelum ini ditakrifkan sebagai luar bandar, telah diklasifikasikan sebagai bandar dan seterusnya menjadi sebahagian daripada golongan miskin di bandar.

3.09 Golongan Termiskin. Usaha mengurangkan kemiskinan di kalangan golongan termiskin dalam tempoh Rancangan diterajui oleh PPRT yang diperkembang dan dilaksanakan secara lebih tersusun bagi meningkatkan keberkesanannya. PPRT yang diperkenalkan pada tahun 1989 khusus untuk menangani masalah isirumah termiskin telah dirangka bagi memenuhi pelbagai keperluan kumpulan-kumpulan kecil yang berbeza di kalangan golongan termiskin. Ianya meliputi projek untuk meningkatkan pendapatan dan menerap nilai-nilai positif seperti berdikari dan bekerja keras, di samping menyediakan bantuan kebajikan secara langsung. Kira-kira 16,740 isirumah termiskin menerima manfaat daripada projek-projek meningkatkan pendapatan, sebanyak 39,060 turut serta dalam program perubahan sikap dan 37,200 menerima bantuan kebajikan secara langsung dengan sebilangan isirumah menerima lebih daripada satu jenis bantuan.

3.10 Kerajaan telah melancarkan skim pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB)-PPRT pada tahun 1992 yang membolehkan setiap isirumah termiskin menyertai Skim

ASB melalui penerimaan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM5,000. Ini bertujuan meningkatkan pendapatan golongan isirumah termiskin. Sehingga akhir tahun 1995, sejumlah RM75.7 juta dalam bentuk dividen dan bonus telah dibayar kepada isirumah termiskin yang terlibat dalam Skim ini.

3.11 Di samping PPRT, pelaksanaan berbagai program oleh NGO, khususnya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) peringkat negeri dengan sokongan daripada syarikat swasta, turut membantu usaha Kerajaan mengurangkan jumlah golongan termiskin. Dalam tempoh Rancangan, AIM telah mengeluarkan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM77.1 juta kepada kira-kira 36,200 isirumah miskin dan termiskin bagi membolehkan mereka menceburi bidang ternakan ayam, itik, lembu dan kambing serta perniagaan secara kecil-kecilan seperti menjual barang runcit dan menyelenggara serta membaiki kenderaan. Kebanyakan perniagaan mereka telah memperolehi kejayaan sebagaimana yang dapat dilihat dalam peningkatan pendapatan isirumah peserta dan kadar pembayaran balik pinjaman hampir 100 peratus. Program-program YBK memberi tumpuan kepada latihan kemahiran dengan jaminan pekerjaan, bantuan pendidikan dan perumahan yang lebih selesa. Sektor swasta memberi sokongan kepada program-program NGO melalui bantuan kewangan dan latihan kemahiran.

3.12 Hasil daripada pelaksanaan PPRT dan program pengurangan kemiskinan yang lain, kadar kemiskinan bagi golongan termiskin rakyat Malaysia telah berkurangan daripada 3.9 peratus pada tahun 1990 kepada 2.1 peratus pada tahun 1995. Bilangan isirumah termiskin juga berkurangan daripada 137,100 kepada 88,400. Sekiranya bukan warganegara diambilkira, kadar kemiskinan bagi golongan termiskin secara keseluruhan adalah 4.0 peratus pada tahun 1990 dan 2.2 peratus pada tahun 1995. Bukan warganegara adalah terdiri daripada kira-kira 4.0 peratus daripada jumlah golongan termiskin pada tahun 1990 dan 6.0 peratus pada tahun 1995.

3.13 Kadar kemiskinan golongan termiskin di kawasan bandar dan luar bandar telah berkurangan dalam tempoh Rancangan. Sungguhpun demikian, walaupun bilangan isirumah termiskin di luar bandar telah berkurangan daripada 121,600 pada tahun 1990 kepada 69,200 pada tahun 1995, bilangan isirumah termiskin di bandar telah meningkat daripada 15,500 kepada 19,200 dalam tempoh yang sama. Keadaan ini disebabkan terutamanya definisi semula kawasan bandar, yang menyebabkan isirumah termiskin di kawasan pinggir bandar yang dahulunya ditakrif sebagai isirumah luar bandar telah digolongkan sebagai isirumah bandar. Jika definisi bandar pada tahun 1990 dikekalkan, bilangan isirumah termiskin adalah berkurangan dalam tempoh Rancangan.

3.14 Penyediaan Kemudahan Asas. Di samping pelaksanaan program yang bertujuan meningkatkan pendapatan golongan termiskin dan miskin, Kerajaan juga telah melaksanakan program untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa langkah telah diambil untuk memperluaskan liputan

kemudahan dan perkhidmatan asas terutamanya di kawasan luar bandar di mana terdapat kebanyakan isirumah miskin. Hasil daripada pelaksanaan program-program ini, kira-kira 88 peratus daripada isirumah miskin di bandar dan 72 peratus di luar bandar telah menerima bekalan elektrik pada akhir tempoh Rancangan. Di samping itu, 92 peratus daripada isirumah miskin di bandar dan 65 peratus di luar bandar mendapat bekalan air minum yang selamat. Dari segi penyediaan kemudahan kesihatan, kira-kira 88 peratus daripada golongan miskin di bandar dan 77 peratus di kawasan luar bandar berada dalam lingkungan sembilan kilometer dari klinik Kerajaan atau swasta. Kawasan luar bandar juga mendapat khidmat pasukan pergigian dan perubatan bergerak, pasukan kesihatan kampung dan perkhidmatan doktor melalui udara ke kawasan pedalaman dan terpencil.

3.15 Beberapa kemajuan juga telah dicapai dalam penyediaan kemudahan pendidikan bagi isirumah miskin. Sehingga tahun 1995, kira-kira 94 peratus daripada isirumah miskin di luar bandar dan hampir keseluruhan golongan miskin di bandar berada dalam lingkungan sembilan kilometer dari sekolah rendah, sementara kira-kira 60 peratus di kawasan luar bandar dan 96 peratus di kawasan bandar berada dalam lingkungan sembilan kilometer dari sekolah menengah. Di samping itu, beberapa bantuan lain yang berkaitan dengan pendidikan, seperti biasiswa dan pemberian buku teks, makanan dan tempat tinggal serta pakaian sekolah juga dibekalkan kepada pelajar miskin secara percuma.

### **Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera**

3.16 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai program yang dipilih secara teliti telah dilaksanakan untuk menjadi asas bagi mencapai objektif DPN mewujudkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam sektor ekonomi yang strategik. Bagi tujuan ini, program tersebut telah menetapkan syarat yang ketat bagi menyertai program pembangunan MPPB dan memberi penekanan kepada kualiti usahawan Bumiputera yang akan dipupuk dan tidak hanya menambah bilangan mereka semata-mata. Bagi meningkatkan lagi keberkesanannya, setiap program telah dipakej dengan menggabungkan pelbagai jenis kemudahan seperti latihan formal, pengalaman praktikal, saluran pemasaran, penyediaan ruang niaga, nasihat teknikal dan bantuan kewangan. Pada masa yang sama, Kerajaan dan sektor swasta terus menyediakan bantuan tidak berpakej kepada masyarakat peniaga Bumiputera.

3.17 Usaha untuk mewujudkan MPPB juga telah diperkuuhkan melalui pelaksanaan resolusi-resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang telah diadakan pada tahun 1992. Ini termasuk penubuhan Skim Usahasama Bumiputera oleh sebuah konsortium bank perdagangan untuk membiayai penubuhan usahasama tulen antara usahawan Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Resolusi-resolusi yang lain seperti memasukkan mata pelajaran tambahan mengenai etika perniagaan dalam kursus-

kursus latihan dan memperkuuhkan asas sains dan teknologi usahawan Bumiputera, telah digabungkan dalam program sedia ada dan baru.

3.18 Dengan pelaksanaan program MPPB, usahawan Bumiputera yang bertekad untuk maju telah diberi peluang menceburi aktiviti perniagaan dan industri yang strategik. Berikut daripada pengalaman kejayaan skim vendor PROTON yang diperkenalkan dalam tahun 1988, program tersebut telah dikembangkan dalam tempoh Rancangan dengan melibatkan 51 syarikat besar termasuk multinasional yang dilantik sebagai syarikat tunjang. Hasilnya, 112 syarikat Bumiputera telah dilantik sebagai vendor khususnya dalam industri elektrik dan elektronik, plastik, telekomunikasi dan perabot. Pada tahun 1993, program tersebut telah diperluaskan dengan melibatkan syarikat Kerajaan. Selaras dengan ini, 62 vendor Bumiputera telah dilantik oleh PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia untuk mengeluarkan barang berkaitan dengan petroleum, tenaga dan telekomunikasi.

3.19 Di bawah program pembangunan francais, yang dimulakan pada tahun 1992, sejumlah 56 usahawan Bumiputera menjadi pemegang francais dalam perniagaan seperti percetakan, makanan segera, pemprosesan filem, pengurusan motel, bengkel penyenggaraan kereta motor dan tayar. Pada masa yang sama, pengurusan pemasaran di bawah konsep payung yang diterajui oleh Guthrie Furniture dan Besta Distributors bagi pasaran dalam dan luar negeri terus mempertingkatkan kualiti keluaran barang. Di samping itu, di bawah skim modal teroka Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), 280 usahawan Bumiputera telah mengambil bahagian dalam pembuatan barang berdasarkan plastik dan petrokimia, komponen automotif serta aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan seperti telekomunikasi dan teknologi maklumat.

3.20 Bagi membantu mengukuhkan asas teknologi syarikat dan usahawan Bumiputera, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) telah mengambil inisiatif untuk mengkomersilkan penemuan penyelidikan melalui penubuhan lapan buah syarikat usahasama dengan penyelidik Bumiputera terlibat. Ini membolehkan penyelidik berkenaan menjadi rakan aktif dalam pengeluaran dan pengkomersilan, antara lain, jenis baru vaksin ayam itik, alat pemeriksaan tifoid dan penyediaan perkhidmatan pemberian genetik haiwan. Di bawah Program Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa yang diperkenalkan pada tahun 1993, seramai 236 kontraktor Bumiputera telah berjaya meningkatkan keupayaan mereka dari segi pengurusan dan teknikal melalui kerja-kerja kontrak yang ditawarkan oleh agensi awam dan syarikat swasta. Sejumlah 1,221 kontrak kerja bernilai RM3.6 bilion yang melibatkan pembinaan dan penyelenggaraan bangunan serta infrastruktur telah dilaksanakan dengan jayanya oleh mereka.

3.21 Dalam tempoh Rancangan, satu program khas usahawan luar bandar telah dilaksanakan untuk meningkatkan keusahawanan di kalangan penduduk luar bandar. Di bawah program ini, lebih daripada 700 usahawan luar bandar telah menerima

pelbagai jenis bantuan termasuk pemberian mesin, khidmat nasihat teknikal, latihan dan pasaran untuk membolehkan mereka terlibat dalam pengeluaran makanan, perabot, pakaian dan barang yang lain. Hasilnya, mereka telah dapat memasarkan barang mereka ke seluruh negara. Makanan diproses yang merupakan keluaran utama industri luar bandar, telah menghasilkan jumlah jualan bernilai RM8.6 juta. Di samping itu, 630 unit ruang niaga telah disediakan oleh Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah untuk membantu usahawan luar bandar.

3.22 Pada amnya, walaupun program MPPB baru sahaja diperkenalkan, ianya telah membolehkan usahawan Bumiputera menyertai PKS yang strategik dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan moden. Program tersebut berjaya mendapat sokongan syarikat Kerajaan dan yang lebih penting sokongan entiti yang diswastakan serta syarikat pembuatan persendirian untuk bertindak sebagai syarikat tunjang. Program tersebut juga berjaya mendapat sokongan institusi kewangan dalam menyediakan bantuan kewangan bagi pembangunan PKS Bumiputera. Walaupun sumbangan syarikat dan institusi ini masih kecil, ianya sangat penting bagi membolehkan pelbagai program MPPB dilancarkan. Selaras dengan penekanan baru terhadap kualiti dalam program MPPB, syarikat tunjang, institusi kewangan serta kementerian dan jabatan yang bertindak sebagai agensi pelaksana utama telah mengenakan syarat yang lebih ketat dalam pemilihan peserta dan menetapkan tahap kualiti bagi barang dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh peserta program. Sehubungan dengan ini, sikap, nilai dan etika positif terhadap perniagaan telah dimasukkan dalam program latihan dan pembangunan usahawan Bumiputera.

3.23 Bagi menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan usahawan Bumiputera pada masa hadapan, Kerajaan dengan kerjasama beberapa syarikat swasta telah meluaskan liputan program budaya keusahawanan seperti Program Usahawan Remaja, Tunas Bistari dan Kelab Teknologi Bumiputera yang memberi manfaat kepada kira-kira 21,700 pelajar Bumiputera di 189 sekolah dalam tempoh Rancangan. Kerajaan juga telah memperbaiki kurikulum institut latihan belia dengan memupuk aspek pembentukan ciri-ciri keusahawanan. Pada tahun 1993, satu daripada tujuh institut latihan belia telah dijadikan sebagai Institut Keusahawanan Belia Negara, khusus untuk melatih belia menjadi usahawan.

3.24 Di samping penyertaan usahawan Bumiputera dalam PKS melalui program berpakej MPPB, tempoh RME juga menyaksikan penambahan bilangan usahawan Bumiputera yang berkebolehan dalam mengurus dan menyertai projek dan perniagaan besar. Menerusi pengalaman yang diperolehi dalam tempoh DEB, mereka telah berupaya mengambil peluang yang disediakan oleh program penswastaan Kerajaan, kontrak Kerajaan dan perkembangan menyeluruh ekonomi. Hasilnya, usahawan Bumiputera menjadi pemilik atau rakan utama dalam pelbagai perniagaan strategik seperti penerbangan komersil, pengeluaran alat-alat telekomunikasi, penyediaan perkhidmatan telekomunikasi, pengeluaran kenderaan bermotor, pembinaan lebuhraya dan pembinaan bandar-bandar baru.

## **Penyusunan Semula Gunatenaga**

3.25 Dalam tempoh Rancangan, teras umum strategi penyusunan semula gunatenaga diteruskan ke arah pencapaian matlamat mewujudkan corak gunatenaga yang menggambarkan komposisi etnik penduduk negara. Penekanannya adalah kepada peningkatan bilangan gunatenaga Bumiputera di bidang utama profesional dan jawatan peringkat pengurusan dalam sektor korporat. Program pendidikan dan latihan yang lengkap dan menyeluruh untuk meningkatkan penawaran golongan profesional Bumiputera yang merupakan strategi utama DEB telah diteruskan. Berhubung dengan gunatenaga Bumiputera dalam sektor korporat, penyusunan semula telah ditentukan sebahagian besarnya oleh perubahan pesat yang berlaku di pasaran buruh, walaupun syarikat milik Kerajaan dan entiti yang diswastakan telah dikehendaki mengambil Bumiputera yang berkelayakan sebagai pekerja. Pada masa yang sama, penyusunan semula gunatenaga dalam sektor yang mempunyai penyertaan bukan Bumiputera yang masih rendah terus diberi perhatian sewajarnya.

3.26 Hasilnya, terdapat perubahan agihan gunatenaga Bumiputera mengikut sektor pada akhir tempoh Rancangan. Buat pertama kalinya, peratusan Bumiputera yang bekerja dalam sektor pembuatan telah melebihi peratusan Bumiputera yang bekerja dalam sektor pertanian. Pada tahun 1990, peratusan gunatenaga Bumiputera adalah 33.4 peratus dalam sektor pertanian dan 17.5 peratus dalam sektor pembuatan seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-2. Walau bagaimanapun, corak ini telah bertukar pada tahun 1995, dengan 25 peratus daripada gunatenaga Bumiputera bekerja dalam sektor pembuatan dan 21.4 peratus dalam sektor pertanian. Corak gunatenaga kumpulan etnik Cina dan India juga mengalami perubahan yang sama. Bagi kedua-dua kumpulan etnik, terdapat pengurangan peratusan gunatenaga dalam sektor pertanian dan peningkatan dalam sektor pembuatan.

3.27 Selaras dengan perubahan sektoral dalam corak gunatenaga bagi setiap kumpulan etnik, peratusan penyertaan kumpulan etnik bagi setiap sektor ekonomi juga berubah. Peratusan gunatenaga Bumiputera dalam sektor pertanian telah berkurangan daripada 67.9 peratus pada tahun 1990 kepada 62.1 peratus pada tahun 1995, manakala peratusan penyertaan mereka dalam sektor pembuatan telah meningkat daripada 46.4 peratus kepada 50.6 peratus dalam tempoh yang sama. Peratusan gunatenaga kumpulan etnik India dan Lain-lain yang bekerja dalam sektor pembuatan juga telah meningkat daripada 11 peratus dan 4.7 peratus pada tahun 1990 kepada 11.8 peratus dan 6.7 peratus pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, peratusan gunatenaga kumpulan etnik Cina dalam sektor berkenaan telah berkurangan daripada 37.9 peratus kepada 30.9 peratus, sungguhpun jumlahnya meningkat daripada 505,000 kepada 634,000. Pengurangan peratusan gunatenaga kumpulan etnik Cina di sektor pembuatan adalah disebabkan peningkatan yang lebih pesat dalam gunatenaga bagi kumpulan etnik yang lain di sektor berkenaan. Peratusan dan bilangan bagi kumpulan etnik Lain-lain, termasuk pekerja asing yang

bekerja dalam sektor pertanian juga telah meningkat dengan lebih ketara. Walaupun penambahan ini menggambarkan peningkatan pergantungan sektor pertanian kepada pekerja asing, ianya juga menunjukkan kekurangan gunatenaga yang berlaku berikutan daripada pemindahan yang agak besar gunatenaga Bumiputera daripada sektor pertanian ke sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor lain telah ditampung sebahagian daripadanya oleh pekerja asing. Ini telah dapat mengelakkan gangguan terhadap pengeluaran sektor pertanian.

3.28 Penyusunan semula gunatenaga mengikut jenis pekerjaan dalam tempoh Rancangan mencerminkan perubahan agihan kumpulan etnik dalam gunatenaga mengikut sektor. Peratusan Bumiputera yang bekerja sebagai pekerja pertanian telah berkurangan di antara tahun 1990 dan 1995, manakala peratusan mereka dalam semua pekerjaan lain telah meningkat seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-3. Secara khusus, peratusan Bumiputera dalam kategori profesional dan teknikal telah meningkat daripada 10 peratus pada tahun 1990 kepada 12.7 peratus pada tahun 1995, manakala bagi kategori pentadbir dan pengurus, peningkatannya adalah daripada 1.3 peratus kepada 1.9 peratus. Begitu juga dalam kategori profesional dan teknikal, peratusan Bumiputera terus meningkat daripada 60.5 peratus kepada 64.3 peratus dalam tempoh berkenaan. Peningkatannya adalah lebih nyata dalam kategori pentadbiran dan pengurusan. Bagi kategori ini, peratusan Bumiputera meningkat daripada kira-kira 29 peratus kepada 36.1 peratus dalam tempoh yang sama.

3.29 Selaras dengan perubahan peratusan Bumiputera dalam kebanyakan kategori umum pekerjaan, peratusan mereka dalam pekerjaan profesional terpilih juga telah meningkat seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-4. Peningkatan tersebut adalah disebabkan secara umumnya oleh kadar pertumbuhan yang pesat bagi kemasukan bilangan gunatenaga profesional Bumiputera dalam pekerjaan berkenaan. Ini adalah hasil daripada program pendidikan dan latihan yang disediakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, penyertaan gunatenaga profesional Bumiputera masih lagi rendah dalam profesion utama seperti akauntan, arkitek dan doktor.

3.30 Sebagai hasil usaha Kerajaan meningkatkan penawaran gunatenaga Bumiputera dalam kategori profesional dan teknikal, bilangan pelajar Bumiputera dalam universiti tempatan yang mengikuti kursus ekonomi dan pengurusan di peringkat ijazah telah bertambah daripada 7,188 atau 16.6 peratus daripada keseluruhan pelajar di universiti tempatan pada tahun 1990 kepada 12,700 atau 20.5 peratus pada tahun 1995. Bilangan pelajar bukan Bumiputera yang mengikuti kursus yang sama juga turut bertambah daripada 3,623 atau 8.4 peratus kepada 6,320 atau 10.2 peratus dalam tempoh tersebut. Bilangan pelajar Bumiputera yang mengikuti kursus berasas teknikal telah bertambah daripada 3,835 pada tahun 1990 kepada 5,500 pada tahun 1995 sementara bilangan pelajar bukan Bumiputera juga turut bertambah daripada 2,264 kepada 3,300 dalam tempoh berkenaan. Di samping itu, daripada sejumlah 50,600 pelajar Malaysia di luar negara pada tahun 1995, kira-kira 20,000 atau 39.5 peratus adalah pelajar yang ditaja oleh Kerajaan. Daripada jumlah ini, kira-kira 87.8

peratus adalah pelajar Bumiputera yang kebanyakannya mengikuti kursus peringkat ijazah dalam mata pelajaran seperti sains, kejuruteraan, perubatan, ekonomi, perniagaan dan pengurusan.

3.31 Berkaitan dengan gunatenaga Bumiputera di peringkat pengurusan dalam sektor korporat, kajian ke atas 290 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan 845 anak syarikatnya pada tahun 1995, menunjukkan kira-kira 38 peratus daripada eksekutif dan pengurusnya adalah Bumiputera. Peratusan ini adalah sama bagi syarikat yang dikuasai Bumiputera dan bukan Bumiputera dan ini menunjukkan kedua-dua kumpulan syarikat berkenaan pada umumnya mempunyai dasar gunatenaga yang sama. Walau bagaimanapun, dalam kategori jawatan atau pekerjaan lain dalam sektor korporat seperti pengarah, profesional, juruteknik dan pekerja am, peratusan Bumiputera umumnya lebih rendah daripada bukan Bumiputera.

### **Hakmilik dan Penguasaan Sektor Korporat**

3.32 Hakmilik. Dalam tempoh Rancangan, penyusunan semula ekuiti terus kekal sebagai bahagian penting strategi pengagihan. Walau bagaimanapun, penekanan yang lebih telah diberi kepada peningkatan keupayaan Bumiputera untuk menambah pendapatan dan mengumpulkekayaan. Selaras dengan ini, amalan memperuntukkan sebahagian saham baru sektor korporat kepada pelabur Bumiputera telah diteruskan. Di samping itu, bilangan pelabur dan usahawan Bumiputera yang diberi peluang untuk mengurus dan meningkatkan pelaburan dan perniagaan mereka terutamanya melalui program penswastaan dan MPPB telah bertambah. Pada masa yang sama, pelabur kecil Bumiputera telah juga diberi peluang memiliki ekuiti sektor korporat secara tidak langsung melalui penyertaan mereka sebagai pemegang unit saham dalam tabung amanah terutamanya ASB, Amanah Saham Nasional (ASN) dan tabung-tabung unit amanah negeri. Pada akhir tempoh Rancangan, terdapat kira-kira 6.2 juta pelabur Bumiputera dalam ASB, ASN dan tabung unit amanah yang lain dengan jumlah pelaburan sebanyak RM25.7 bilion. Kira-kira 650,000 pelabur bukan Bumiputera juga mendapat manfaat daripada penubuhan tabung amanah dengan melabur sebanyak RM6.3 bilion dalam tabung tersebut.

3.33 Hasil daripada usaha di atas, hakmilik Bumiputera dalam ekuiti korporat pada nilai par telah meningkat pada kadar purata 12.1 peratus setahun dalam tempoh Rancangan dan dianggarkan mencapai RM37 bilion atau 20.6 peratus daripada keseluruhan ekuiti korporat pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-5 dan Carta 3-1. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 16.8 peratus dalam hakmilik ekuiti korporat oleh individu dan institusi Bumiputera. Pertumbuhan ini telah membolehkan pemilikan modal saham mereka melebihi sekali ganda iaitu daripada RM15.3 bilion pada tahun 1990 kepada RM33.3 bilion pada tahun 1995. Peningkatan ini juga telah mengimbangi pengurangan bahagian pemilikan ekuiti korporat agensi amanah hasil daripada

penjualan dan penswastaan sebahagian daripada pegangan agensi berkenaan kepada individu dan institusi Bumiputera. Pertumbuhan pesat dalam pemilikan ekuiti korporat yang dipegang oleh individu dan institusi Bumiputera telah membolehkan mereka meningkatkan bahagian pemilikan ekuiti korporat mereka daripada 14.2 peratus kepada 18.6 peratus dalam tempoh Rancangan. Ini menunjukkan keupayaan masyarakat Bumiputera khususnya individu dan institusi Bumiputera mengekal dan menambah kekayaan mereka.

3.34 Jumlah ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat pada tahun 1995 sepatutnya lebih tinggi sekiranya Bumiputera terus memegang ekuiti yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada mereka. Sehubungan dengan ini, kajian ke atas 135 syarikat yang disenaraikan di BSKL dalam tempoh Rancangan menunjukkan penjualan semula bersih saham milik Bumiputera ialah sebanyak RM500 juta pada nilai par atau kira-kira 6.0 peratus daripada jumlah saham yang telah diperuntukkan Kerajaan kepada mereka. Sekiranya jumlah pegangan ini dikekalkan, jumlah pemilikan ekuiti Bumiputera akan mencapai RM37.5 bilion atau 20.8 peratus daripada keseluruhan ekuiti sektor korporat pada tahun 1995. Pada masa yang sama, harta tetap Bumiputera seperti tanah dan premis perniagaan yang bernilai RM1.2 bilion pada harga pasaran juga telah dijual semula.

3.35 Sungguhpun kadar pertumbuhan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat melebihi kadar keseluruhan 10.7 peratus dan jumlah pegangan ekuiti mereka pada tahun 1995 melebihi 77 peratus daripada pegangan pada tahun 1990, ini masih tidak mencukupi untuk menambah dengan banyak peratusan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh kadar pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pemilikan ekuiti korporat khususnya oleh rakyat asing. Peningkatan dalam pemilikan ekuiti rakyat asing pada kadar 12.6 peratus setahun dalam tempoh Rancangan adalah lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan 12.1 peratus bagi Bumiputera dan 9.0 peratus bagi bukan Bumiputera. Peningkatan ini adalah sejajar dengan kelonggaran syarat dan peraturan berkaitan dengan pemilikan ekuiti korporat yang telah diperkenalkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini untuk menarik pelaburan langsung asing yang disertai dengan kepakaran dan teknologi untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti tenaga kerja Malaysia di samping mempercepatkan pertumbuhan terutamanya dalam sektor pembuatan. Hasilnya, bahagian pemilikan ekuiti korporat yang dipegang oleh rakyat asing telah meningkat daripada 25.4 peratus pada tahun 1990 kepada 27.7 peratus pada tahun 1995.

3.36 Pemilikan ekuiti korporat bukan Bumiputera telah meningkat daripada RM50.8 bilion pada tahun 1990 kepada kira-kira RM78.0 bilion pada tahun 1995. Ini sebahagian besarnya adalah hasil peningkatan jumlah ekuiti korporat yang dipegang oleh kumpulan etnik Cina. Pemilikan ekuiti korporat kumpulan etnik Cina telah meningkat pada kadar purata 8.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Ini telah membolehkan kumpulan etnik Cina meningkatkan pemilikan ekuiti korporat mereka hingga melebihi 49 peratus daripada RM49.3 bilion pada tahun 1990 kepada

RM73.6 bilion pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, di sebalik peningkatan ini, bahagian pemilikan ekuiti korporat kumpulan etnik Cina telah berkurangan daripada 45.5 peratus kepada 40.9 peratus dalam tempoh yang sama kerana pertumbuhan tahunan jumlah ekuiti yang diperolehi mereka adalah lebih rendah daripada kumpulan etnik yang lain. Sebaliknya, jumlah ekuiti korporat yang dipegang oleh kumpulan etnik India telah meningkat hingga melebihi sekali ganda iaitu daripada RM1.1 bilion pada tahun 1990 kepada RM2.7 bilion pada tahun 1995, manakala kumpulan rakyat Malaysia di bawah kategori Lain-lain telah meningkat hingga melebihi tiga kali ganda iaitu daripada RM 0.4 bilion kepada RM 1.8 bilion.

3.37 Penguasaan. Di samping peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera di sektor korporat dalam tempoh Rancangan, kemajuan juga telah dicapai dalam meningkatkan penguasaan Bumiputera di sektor berkenaan. Pada akhir tahun 1995, bilangan syarikat yang dikuasai lebih 50 peratus daripada modal berbayarnya oleh individu Bumiputera telah mencapai hampir 19 peratus daripada keseluruhan syarikat aktif yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat berbanding dengan kira-kira 17 peratus pada tahun 1990.

3.38 Sungguhpun peningkatan bahagian syarikat yang dikuasai Bumiputera adalah kecil dalam tempoh Rancangan, Bumiputera telah mampu memperteguh dan memperbaiki kedudukan mereka dalam sektor ekonomi yang dinamik. Peratusan syarikat yang dikuasai oleh Bumiputera dalam sektor pembuatan telah meningkat daripada 9.2 peratus pada tahun 1990 kepada kira-kira 13 peratus pada tahun 1995. Bahagian mereka dalam sektor-sektor dinamik yang lain juga telah meningkat daripada 15.1 kepada 21 peratus di sektor kewangan dan daripada 14.5 peratus kepada 16 peratus dalam sektor perniagaan borong dan runcit. Dalam sektor-sektor di mana peratusan syarikat yang dikuasai oleh Bumiputera telah berkurangan, pengurangan yang dialami adalah kecil. Dalam sektor pembinaan, ianya berkurangan daripada 27.8 peratus pada tahun 1990 kepada kira-kira 26 peratus pada tahun 1995, dan di sektor pengangkutan, daripada 32.7 peratus kepada kira-kira 31 peratus dalam tempoh yang sama. Bahagian syarikat yang dikuasai oleh Bumiputera di sektor pertanian juga berkurangan daripada 19.1 peratus pada tahun 1990 kepada kira-kira 16.5 peratus pada tahun 1995.

3.39 Penyertaan aktif Bumiputera dalam sektor ekonomi moden dapat juga dilihat daripada pemilikan dan penguasaan mereka dalam syarikat awam yang disenaraikan di BSKL. Data daripada BSKL menunjukkan pada tahun 1995, berdasarkan pemilikan ekuiti syarikat melebihi 50 peratus, sebanyak 61 syarikat awam atau 13 peratus daripada jumlah bilangan keseluruhan syarikat yang disenaraikan di BSKL adalah di bawah penguasaan Bumiputera. Bumiputera juga memiliki 35 hingga 50 peratus daripada ekuiti dalam 47 syarikat atau kira-kira 10 peratus daripada syarikat awam yang disenaraikan pada tahun 1995. Jumlah modal berbayar bagi 108 syarikat tersebut adalah kira-kira RM15.4 bilion atau 23 peratus daripada jumlah modal berbayar. Dari segi penyertaan mengikut sektor pula, 35 syarikat adalah dalam sektor

pembuatan, 25 syarikat dalam perniagaan dan perkhidmatan manakala 15 syarikat lagi dalam sektor kewangan.

### **Pengagihan Pendapatan**

3.40 Selaras dengan peningkatan pendapatan per kapita negara, semua isirumah, tanpa mengira kumpulan etnik, strata atau kumpulan pendapatan telah mencatat pertumbuhan pendapatan yang positif dalam tempoh Rancangan. Pendapatan isirumah kasar bulanan purata telah meningkat daripada RM1,167 pada tahun 1990 kepada RM2,007 pada tahun 1995 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 9.5 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-6. Di samping itu, terdapat peningkatan dalam bilangan isirumah yang beralih kepada kelas pendapatan yang lebih tinggi dalam tempoh tersebut. Selaras dengan ini, peratusan isirumah yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan telah berkurangan daripada 61 peratus pada tahun 1990 kepada 36 peratus pada tahun 1995. Peratusan isirumah yang berpendapatan antara RM1,000 dan RM3,000 sebulan yang boleh dianggap sebagai kumpulan berpendapatan pertengahan telah meningkat daripada 33 peratus kepada 47 peratus dalam tempoh yang sama.

3.41 Pendapatan isirumah semua kumpulan etnik meningkat dalam tempoh Rancangan. Ini disebabkan pewujudan banyak peluang pekerjaan yang membolehkan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kumpulan etnik mendapat pekerjaan. Pendapatan purata isirumah Bumiputera meningkat pada kadar 9.3 peratus setahun daripada RM940 sebulan pada tahun 1990 kepada RM1,600 pada tahun 1995, manakala pendapatan bulanan purata isirumah kumpulan etnik Cina pula meningkat daripada RM1,631 kepada RM2,895 dalam tempoh yang sama seperti ditunjukkan dalam Carta 3-2. Pertumbuhan pendapatan isirumah Bumiputera yang lebih perlahan berbanding dengan 10 peratus pertumbuhan yang dicatatkan oleh isirumah kumpulan etnik Cina telah menyebabkan ketidakseimbangan pendapatan antara isirumah Bumiputera dan kumpulan etnik Cina meningkat sebagaimana ditunjukkan oleh kenaikan nisbah ketidaksamaan pendapatan antara Bumiputera dan kumpulan etnik Cina daripada 1:1.74 pada tahun 1990 kepada 1:1.81 pada tahun 1995. Peningkatan ketidakseimbangan pendapatan antara Bumiputera dan kumpulan etnik Cina ini sebahagian besarnya disebabkan perbezaan pertumbuhan pendapatan isirumah bagi kumpulan 20 peratus tertinggi dan 40 peratus terendah. Bagi isirumah dalam kumpulan 40 peratus pertengahan, kedua-dua Bumiputera dan kumpulan etnik Cina mencatat kadar pertumbuhan pendapatan isirumah yang hampir sama. Berkaitan dengan ketidakseimbangan pendapatan antara Bumiputera dan kumpulan etnik India, disebabkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 10.1 peratus setahun yang dicatatkan oleh kumpulan etnik India, nisbah ketidaksamaan pendapatan telah meningkat daripada 1:1.29 kepada 1:1.35 dalam tempoh yang sama.

3.42 Pendapatan isirumah luar bandar meningkat pada kadar 5.3 peratus setahun daripada RM951 sebulan pada tahun 1990 kepada RM1,300 pada tahun 1995. Kadar

pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada kadar 2.5 peratus yang dicapai dalam tempoh 1985-90. Walau bagaimanapun, kadar ini lebih perlahan berbanding dengan kadar 8.2 peratus yang dicatatkan oleh isirumah bandar dalam tempoh Rancangan. Berikutan dengan itu, nisbah ketidaksamaan pendapatan antara isirumah luar bandar dan bandar meningkat daripada 1:1.7 pada tahun 1990 kepada 1:2.0 pada tahun 1995. Kadar pertumbuhan pendapatan isirumah luar bandar yang rendah sebahagiannya berikutan langkah mendefinisi semula kawasan bandar pada tahun 1991, yang kini meliputi kawasan pinggir bandar yang dahulunya dianggap kawasan luar bandar. Sedikit sebanyak ini telah memberi kesan kepada pertumbuhan pendapatan isirumah luar bandar kerana isirumah di kawasan pinggir bandar secara relatifnya mempunyai pendapatan yang lebih tinggi.

3.43 Pendapatan isirumah purata kumpulan 40 peratus terendah meningkat daripada RM420 sebulan pada tahun 1990 kepada RM672 pada tahun 1995 yang mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus setahun. Kadar ini adalah lebih tinggi daripada kadar 3.9 peratus yang dicapai dalam tempoh 1985-90. Walau bagaimanapun, kadar ini adalah lebih rendah berbanding dengan isirumah kumpulan 20 peratus tertinggi dan 40 peratus pertengahan yang masing-masing meningkat pada kadar 10 peratus dan 9.2 peratus dalam tempoh Rancangan. Berikutan itu, terdapat sedikit peningkatan dalam ketidaksamaan pendapatan keseluruhan sebagaimana yang ditunjukkan dalam peningkatan angkali Gini daripada 0.446 pada tahun 1990 kepada 0.464 pada tahun 1995.

3.44 Ketidaksamaan pendapatan di Malaysia yang semakin meluas adalah disebabkan terutamanya oleh perbezaan kadar pertumbuhan ekonomi bandar dan luar bandar. Hampir semua sektor ekonomi moden yang berasaskan bandar mencatat kadar pertumbuhan dua angka dengan sektor pembuatan berkembang pada kadar 13.3 peratus setahun. Oleh sebab pertumbuhannya yang pesat, sektor pembuatan telah mewujudkan kira-kira 59 peratus daripada jumlah bersih pekerjaan baru dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, permintaan bagi pekerja pengeluaran yang mahir dan tidak mahir terutamanya dalam sektor pembuatan telah meningkat sebanyak 6.7 peratus setahun. Sebaliknya, sektor pertanian yang menjadi asas ekonomi luar bandar hanya berkembang pada kadar 2.0 peratus setahun. Permintaan untuk pekerja pertanian juga berkurangan disebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam keluaran sektor pertanian di samping pengaliran keluar pekerja pertanian kepada pekerjaan yang lebih menguntungkan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Selaras dengan perkembangan ini, pendapatan isirumah purata dalam sektor pembuatan adalah sebanyak RM2,264 dan perkhidmatan sebanyak RM2,462 sebulan pada tahun 1995 berbanding dengan hanya RM1,060 sebulan dalam sektor pertanian. Oleh itu, ketidakseimbangan pendapatan di antara isirumah sektor pertanian dengan bukan pertanian semakin meluas dan ini telah menyebabkan peningkatan kepada ketidaksamaan pendapatan di negara ini.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

3.45 Selaras dengan DPN, strategi pengagihan dalam RMT akan terus memberi penekanan kepada pembasmian kemiskinan bagi golongan termiskin dan juga kepada gunatenaga dan pembangunan pesat MPPB yang aktif sebagai strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera yang lebih bermakna dalam sektor ekonomi moden. Bagi mencapai matlamat pertumbuhan dan pengagihan, usaha dalam RMT akan ditumpukan kepada pembangunan sumber tenaga manusia dan sektor swasta dijangka terus meningkatkan penglibatannya dalam program penyusunan semula.

#### **Pengurangan Kemiskinan**

3.46 Dalam tempoh RMT, teras pembasmian kemiskinan akan ditujukan kepada pengurangan kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia kepada 5.5 peratus menjelang tahun 2000. Walau bagaimanapun, jika bukan warganegara diambilkira, kadar kemiskinan keseluruhan dijangka menjadi 6.0 peratus dan ini adalah lebih rendah daripada sasaran 7.2 peratus yang di anggarkan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2). Pada masa yang sama, kadar kemiskinan golongan termiskin akan hampir dibasmi sepenuhnya dengan mengurangkan kadarnya kepada kira-kira 0.5 peratus. Pertumbuhan ekonomi yang pesat terutamanya dalam sektor bukan pertanian akan menyediakan peluang kepada golongan miskin untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka dan seterusnya keluar dari kemiskinan. Di samping itu, pendidikan dan latihan kemahiran akan membolehkan golongan miskin mendapat pekerjaan di sektor-sektor ekonomi yang lebih produktif dan menguntungkan.

3.47 PPRT dan program pembasmian kemiskinan yang lain akan ditujukan kepada pembasmian kemiskinan di kawasan dan di kalangan kumpulan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Keutamaan akan diberi kepada negeri-negeri dan daerah-daerah termiskin, masyarakat Orang Asli serta golongan miskin di bandar. Di samping terus memberi perhatian kepada bantuan kebajikan secara langsung, perubahan sikap dan penyediaan kemudahan asas, program pembasmian kemiskinan akan mengutamakan projek yang dapat menambah pendapatan. Ini adalah kerana ianya merupakan cara terbaik untuk membolehkan golongan miskin keluar dari kemiskinan dan dengan itu melahirkan perasaan harga diri di kalangan mereka. Projek yang boleh menambah pendapatan adalah seperti tanaman kontan, pemeliharaan ternakan, akuakultur, perniagaan secara kecil-kecilan serta industri kampung. Usaha pembasmian kemiskinan yang ditujukan ke daerah-daerah termiskin dan masyarakat Orang Asli akan dipergiat melalui kaedah bersepadau, meliputi berbagai sektor dengan pendekatan berdasarkan kampung yang melibatkan semua kategori projek PPRT. Projek ini dijangka dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada golongan termiskin tetapi juga masyarakat keseluruhannya. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha

ini, peruntukan bagi membaikpulih dan membina semula rumah bagi golongan termiskin khususnya di luar bandar akan ditambah daripada RM3,000 kepada RM5,000 bagi sebuah rumah. Bagi golongan miskin di bandar, keutamaan akan diberi kepada projek penambahan pendapatan serta penyediaan kemudahan asas yang mencukupi termasuk perumahan kos rendah. Untuk melaksanakan projek di bawah PPRT, peruntukan sebanyak RM522 juta akan disediakan di bawah RMT dengan jumlah yang terbesar diperuntukkan bagi projek penambahan pendapatan. Di samping itu, golongan miskin akan mendapat manfaat daripada berbagai peruntukan belanjawan untuk pertanian, infrastruktur asas, pendidikan, kesihatan dan pembangunan sosial yang lain.

3.48 Bagi memaksimumkan manfaat skim ASB-PPRT, jadual pembayaran balik akan dikaji semula dengan tujuan memberi kelonggaran tempoh memulakan pembayaran balik pinjaman ASB. Ini akan membolehkan golongan termiskin memperolehi jumlah dividen dan bonus sepenuhnya dalam tempoh tersebut yang seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan isirumah.

3.49 Bagi melengkapkan usaha Kerajaan dalam pembasmian kemiskinan, NGO dan sektor swasta dijangka memperluaskan aktiviti mereka bagi membantu golongan miskin dalam tempoh Rancangan. Menyedari keberkesanan AIM dalam menyediakan pinjaman kepada isirumah termiskin dan kekurangan dalam tabung modalnya, Kerajaan akan menyediakan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM200 juta. Pinjaman ini akan membolehkan AIM memperluas aktiviti pinjamannya untuk meliputi 57,930 lagi isirumah termiskin dalam tempoh Rancangan. Firma swasta juga dijangka meningkatkan penyertaan mereka dalam pembasmian kemiskinan melalui kerjasama dengan berbagai YBK negeri dalam menganjurkan latihan kemahiran dan memberi sumbangan kewangan kepada golongan miskin.

### **Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera**

3.50 Program berpakej untuk membangun MPPB berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan, khususnya dalam PKS, akan terus diperkembangkan dalam tempoh RMT. Dengan perkembangan ini, lebih ramai usahawan Bumiputera dijangka mendapat manfaat daripada pertambahan peluang yang diwujudkan. Lebih banyak syarikat besar, termasuk multinasional, dijangka menyertai program pembangunan vendor sebagai syarikat tunjang bagi menyediakan peluang kepada kira-kira 250 vendor Bumiputera. Di samping itu, program pembangunan francais akan diperluaskan bagi meliputi lebih banyak barang dan perkhidmatan keluaran Malaysia dan mewujudkan 1,200 francais lagi. Dalam masa yang sama, skim modal teroka PUNB akan diperbesarkan dan dijangka mewujudkan 440 usahawan lagi. Program yang lain seperti Program Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa, pengurusan pemasaran di bawah konsep payung dan pengkomersilan penemuan penyelidikan oleh penyelidik Bumiputera akan terus digerakkan bagi menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera yang lebih giat.

3.51 Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus membantu kemasukan usahawan Bumiputera dalam bidang perniagaan dengan menyediakan bantuan atau menggalakkan sektor swasta menyediakan jenis bantuan tidak berpakej. Bantuan akan disediakan oleh berbagai agensi utama, perusahaan awam dan agensi amanah dalam bentuk latihan, penyelidikan dan pembangunan serta sokongan teknikal, kemudahan kredit dan infrastruktur perniagaan dan promosi produk.

3.52 Dalam tempoh Rancangan, usahawan Bumiputera akan digalakkan menyertai industri strategik seperti aerospace, automotif, kejenteraan dan kejuruteraan serta petrokimia. Dalam hal ini, sekumpulan usahawan Bumiputera akan dikenalpasti dan dibangunkan secara sistematik melalui program sedia ada untuk menerajui pertumbuhan industri tersebut. Usaha akan dipergiatkan untuk menambah bilangan usahawan Bumiputera berpotensi yang berkelayakan menyertai industri berkenaan. Penekanan akan diberi kepada latihan dan peningkatan pengetahuan teknikal, keupayaan pengurusan serta mewujudkan rasa tanggungjawab yang berterusan di kalangan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Pembangunan Usahawan, PUNB dan agensi amanah seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) akan terus mempergiat dan mempercepatkan usaha membangun usahawan Bumiputera. Dalam masa yang sama, usahawan dan syarikat Bumiputera yang telah berjaya akan digalakkan mencebur operasi berskala besar dan memasarkan hasil keluaran di peringkat antarabangsa, di samping mempelbagai dan memperluaskan operasi serta pelaburan mereka di seberang laut. Penglibatan mereka akan dapat mewujud dan memperluaskan peluang pasaran bagi PKS Bumiputera yang lain.

3.53 Usahasama tulen di antara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera dan usahawan dan pelabur asing di jangka meningkat dari segi bilangan dalam tempoh Rancangan, dengan berbagai dewan perniagaan memainkan peranan utama dalam menubuh dan mempromosikan pembentukan usahasama tulen tersebut. Kerajaan akan menggalak pembentukan usahasama sedemikian bagi mempercepatkan pembangunan keusahawanan Bumiputera. Usahasama ini dijangka memainkan peranan penting sebagai saluran untuk memindahkan pengetahuan teknikal dan pengurusan kepada rakan kongsi Bumiputera dan menyediakan peluang penglibatan Bumiputera secara langsung dalam industri dan projek baru. Di samping itu, usahasama tulen juga akan menyumbang kepada penyusunan semula gunatenaga melalui pengambilan tenaga kerja Bumiputera berkelayakan sebagai pengurus dan profesional. Kerajaan akan terus memberi pertimbangan sewajarnya kepada usahasama tulen atau konsortium dalam pemberian projek penswastaan dan kontrak Kerajaan. Dalam hubungan ini, Skim Usahasama Bumiputera, satu kemudahan kewangan dengan modal permulaan berjumlah RM280 juta yang telah dilancarkan oleh sebuah konsortium bank pada tahun 1995, dijangka digunakan oleh usahawan Bumiputera bagi memperolehi ekuiti dan membiayai projek usahasama dengan bukan Bumiputera. Pada masa yang sama, bank-bank yang menganggotai

konsortium dijangka mengkaji semula pelaksanaan Skim tersebut secara berkala untuk memastikan keberkesanannya, termasuk menentukan jumlah modalnya adalah mencukupi.

3.54 Sektor swasta dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam memupuk dan membangunkan usahawan Bumiputera bagi memastikan kejayaan program-program MPPB. Dalam hal ini, dewan perniagaan dan persatuan perdagangan dijangka memainkan peranan menggalakkan ahli mereka mengambil bahagian sepenuhnya dalam program-program MPPB. Di samping itu, Majlis Perdagangan Malaysia dan sektor swasta digalak mengemukakan cadangan program baru yang dapat membantu secara berkesan pewujudan usahawan Bumiputera yang berdaya saing dan berdaya tahan.

3.55 Bagi melengkapkan usaha Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dijangka memula dan mengembangkan program pembangunan keusahawanan Bumiputera di negeri masing-masing dalam tempoh Rancangan. Ini akan dilaksanakan dengan menggembungkan organisasi dan sumber yang terdapat di negeri-negeri seperti PKEN dan anak syarikatnya serta Baitulmal. Di samping itu, pergerakan koperasi akan memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan usahawan Bumiputera dengan meluaskan aktiviti mereka untuk menyertai projek perniagaan dan ekonomi.

3.56 Dari segi penawaran, langkah akan diambil untuk menambah bilangan usahawan Bumiputera. Selaras dengan ini, institusi-institusi latihan awam dan swasta yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan dijangka menambah pengambilan kepada kira-kira 100,000 dalam tempoh Rancangan. Institusi-institusi ini akan mengkaji semula dan memperbaiki kurikulum dengan memberi penekanan yang lebih kepada latihan praktikal. Di samping itu, Program Usahawan Remaja dan program lain yang bertujuan menanam budaya perniagaan di kalangan murid sekolah dijangka dapat memperluaskan liputan dan keberkesanannya melalui penglibatan sektor swasta dari segi pemberian khidmat nashiat dan bantuan kewangan. Program Rakan Wira Mahir-Wira Usaha dijangka mendedahkan lebih ramai belia kepada budaya keusahawanan dan amalan perniagaan.

3.57 Bagi memastikan program-program mewujudkan MPPB dilaksanakan dengan lebih selaras dan berkesan, langkah-langkah akan diambil oleh semua kementerian dan agensi berkaitan untuk menyediakan pelan terperinci berasaskan garis panduan pelan tindakan nasional yang disediakan dalam tempoh RME. Di samping itu, satu sistem pengesanan dan penyelarasan serta bank data usahawan dan perniagaan Bumiputera yang lengkap dan menyeluruh akan diwujudkan bagi memastikan keberkesanannya pengawasan program tersebut dan untuk tujuan perancangan. Bagi tujuan ini, Kementerian Pembangunan Usahawan akan menujuhkan sistem pengesanan dan penyelarasan pusat untuk memastikan kejayaan Pelan Tindakan MPPB. Ini akan dilaksanakan terutamanya melalui Majlis Pembangunan Usahawan,

Jawatankuasa Perhubungan Pembangunan Usahawan Persekutuan dan Negeri serta Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Usahawan.

### **Penyusunan Semula Gunatenaga**

3.58 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan terus diambil untuk menyusun semula corak gunatenaga dalam berbagai sektor dan pekerjaan bagi mencerminkan komposisi etnik penduduk negara. Perhatian akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan bilangan dan peratusan profesional dan pengurus Bumiputera dalam sektor korporat melalui pendidikan dan latihan. Dalam penyediaan pendidikan dan latihan, Kerajaan akan terus memainkan peranan utama manakala sektor swasta akan digalakkan memainkan peranan yang lebih besar. Pada masa yang sama, penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor di mana penyertaan mereka masih rendah akan juga diberi perhatian.

3.59 Bagi meningkatkan penawaran Bumiputera dalam pekerjaan profesional dan teknikal, Kerajaan akan mengambil langkah untuk meningkatkan bilangan pelajar Bumiputera dalam aliran sains dan teknikal di sekolah serta jurusan profesional dan teknikal di universiti. Ini akan dilaksanakan melalui pengenalan kaedah pengajaran yang lebih berkesan, kemudahan pendidikan yang lebih baik termasuk sekolah berasrama serta meneruskan penyediaan bantuan kewangan kepada pelajar Bumiputera yang layak dan yang memerlukannya. Pada masa yang sama, institusi-institusi pengajian tinggi yang sedia ada akan diperkembangkan untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada pelajar Bumiputera yang layak memasuki kursus sains, kejuruteraan dan teknikal serta kursus perniagaan, kewangan, perakaunan dan teknologi maklumat. Pengembangan institusi-institusi latihan kemahiran sedia ada dan penubuhan institusi-institusi baru yang menawarkan kursus peringkat tinggi, akan menyediakan lebih banyak peluang kepada pelajar Bumiputera mengikuti kursus kejuruteraan serta yang berkaitan dengan teknologi.

3.60 Bagi melengkapkan usaha Kerajaan, syarikat besar termasuk yang dimiliki oleh Kerajaan dan entiti yang diswastakan dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam pendidikan dan latihan Bumiputera untuk meningkatkan kemahiran dan tahap keusahawanan mereka. Ini akan dilaksanakan melalui peruntukan lebih banyak biasiswa kepada pelajar Bumiputera bagi mengikuti kursus profesional, pengurusan perniagaan dan bidang penghususan yang lain. Sektor swasta terutamanya syarikat bukan Bumiputera, dijangka mengambil lebih ramai kakitangan Bumiputera yang berkelayakan terutamanya di peringkat pengurusan dan penyeliaan. Program latihan yang lengkap dan menyeluruh akan dirangka oleh sektor swasta untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan pekerja Bumiputera mereka.

## **Hakmilik dan Penguasaan Sektor Korporat**

3.61 Dalam tempoh Rancangan, tumpuan berterusan akan diberi kepada usaha untuk mempertingkatkan penyertaan Bumiputera yang bermakna dalam sektor korporat. Bagi mencapai matlamat ini, keutamaan akan diberi kepada usaha meningkatkan keupayaan dan kemahiran Bumiputera dalam perniagaan dan pengurusan kewangan bagi membolehkan mereka mengurus, mengendali dan memiliki perniagaan secara berkesan. Pada masa yang sama, usaha akan diteruskan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dengan tujuan mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan Bumiputera.

3.62 Penswastaan akan terus digunakan sebagai satu cara bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Dalam hubungan ini, syarat sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan ekuiti Bumiputera dalam semua projek yang diswastakan akan terus dikenakan. Dalam kes-kes di mana terdapat Bumiputera yang berkeupayaan, mereka akan diberi peluang untuk memperolehi secara majoriti atau 100 peratus pemilikan dan penguasaan dalam entiti yang diswastakan. Dalam penswastaan agensi amanah dan anak syarikatnya, langkah akan diambil untuk memindah pemilikan dan penguasaannya kepada usahawan Bumiputera yang berkeupayaan terutamanya melalui mekanisme pembelian syarikat oleh pihak pengurusan. Langkah akan juga diambil bagi memastikan agensi dan syarikat berkenaan terus dimiliki dan dikuasai oleh Bumiputera.

3.63 Bagi mempercepatkan pembangunan MPPB yang berdaya maju, entiti yang diswastakan akan dikehendaki melaksanakan program yang sesuai untuk menyokong pertumbuhan usahawan Bumiputera. Bagi tujuan ini, program-program MPPB seperti pembangunan vendor dan pemberian sub-kontrak akan dimasukkan ke dalam perjanjian penswastaan projek utama. Pada masa yang sama, entiti yang diswastakan juga dikehendaki menyediakan lebih banyak peluang kepada Bumiputera dari segi latihan, pekerjaan dan pemindahan teknologi.

3.64 Dalam tempoh Rancangan, individu Bumiputera dijangka memainkan peranan utama dalam mempercepatkan pemilikan, penguasaan dan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Bagi menyokong usaha ini, agensi-agensi amanah dan institusi-institusi Bumiputera seperti PNB dan PKEN akan digerakkan dengan tujuan memperolehi pemilikan yang berkesan dan menghasilkan lebih banyak kekayaan dalam bidang dimana mereka mempunyai kelebihan dari segi kepakaran, sumber dan pasaran. Ini akan mewujudkan lebih banyak peluang kepada individu Bumiputera melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan. Bagi tujuan yang sama, mereka juga digalakkan untuk terus memperluaskan aktiviti dan menerokai pasaran baru melalui pelaburan luar negara terutamanya secara usahasama dan perkongsian pintar.

3.65 Pencapaian sekurang-kurangnya 30 peratus hakmilik ekuiti Bumiputera akan memerlukan jumlah modal Bumiputera yang besar. Oleh itu, usaha akan digerakkan

bagi meningkat dan menggembangkan tabungan Bumiputera dengan lebih berkesan melalui institusi seperti ASB, ASN, skim amanah saham negeri, Lembaga Tabung Haji dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Dalam hubungan ini, skim-skim amanah Bumiputera sebagai mekanisme untuk menggembangkan tabungan Bumiputera dan meningkatkan hakmilik ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat akan diselaras dan diawasi sepenuhnya bagi memastikan sumber milik Bumiputera digembangkan dan dilabur secara berkesan. Di samping itu, koperasi yang mengurus tabungan Bumiputera akan digalakkan menyertai secara langsung dalam sektor korporat.

3.66 Berhubung dengan sumber berasaskan Islam, langkah akan diambil untuk meningkat dan menyelaras pembangunan tanah wakaf dan dana Baitulmal selaras dengan matlamat meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Baitulmal akan digalakkan memainkan peranan lebih besar dalam aktiviti ekonomi bagi membantu pembentukan MPPB, khususnya dalam memajukan tanah wakaf sebagai ladang, premis perniagaan dan kawasan perumahan. Ini akan dilaksanakan melalui usahasama dan pemberian sub-kontrak kepada usahawan Bumiputera dan dengan kerjasama Majlis Agama Islam di setiap negeri dan agensi serta institusi Bumiputera yang lain seperti PKEN dan Lembaga Tabung Haji.

### **Pengagihan Pendapatan**

3.67 Memandangkan ekonomi negara dijangka mengekalkan pertumbuhan yang tinggi, pendapatan isirumah rakyat Malaysia, tanpa mengira kumpulan etnik dan pendapatan, akan terus meningkat dalam tempoh Rancangan. Saiz kumpulan pendapatan pertengahan dijangka bertambah dan mencapai pertumbuhan yang lebih pesat dalam pendapatan isirumah. Usaha akan diambil dalam tempoh Rancangan untuk menangani peningkatan ketidaksamaan pendapatan di antara kumpulan etnik, kumpulan pendapatan serta bandar dengan luar bandar. Dalam hal ini, penekanan yang lebih akan diberi untuk meningkatkan pendapatan isirumah dalam kumpulan 40 peratus terendah serta isirumah luar bandar. Langkah juga akan diambil untuk memastikan kesan daripada peningkatan dalam ketidaksamaan pendapatan dapat dikurangkan.

3.68 Perhatian khusus akan diberi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan strategi dan program pengagihan. Sektor awam dan swasta akan menyediakan peluang dan sokongan kepada kumpulan berpendapatan rendah, terutamanya golongan miskin dan termiskin untuk menyertai dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat. Dalam hubungan ini, antara strategi utama adalah untuk menyediakan pendidikan dan latihan yang berkualiti bagi meningkatkan prospek pekerjaan mereka.

3.69 Kerajaan akan meneruskan usaha secara aktif bagi mencapai objektif kadar inflasi sifar bagi barang keperluan dan perkhidmatan seperti barang makanan

keperluan asas harian, pengangkutan awam dan sewa bagi mengurangkan ketidaksamaan dalam pendapatan sebenar di antara kumpulan yang berpendapatan rendah dan tinggi. Kerajaan akan terus memperluas liputan dan memperbaiki kualiti pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan awam yang lain, termasuk memastikan bayaran untuk perkhidmatan tersebut dikenakan kepada kumpulan berpendapatan rendah dengan kadar yang minimum. Bagi manfaat kumpulan berpendapatan rendah, Kerajaan akan terus melaksanakan program perumahan awam kos rendah serta memperkenalkan program perumahan kos sederhana rendah untuk memenuhi permintaan rumah jenis ini dalam tempoh Rancangan.

#### **IV. PENUTUP**

3.70 Beberapa kemajuan telah dicapai dalam usaha pengurangan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dalam tempoh RME. Sektor swasta dan NGO telah memainkan peranan sokongan dalam membantu Kerajaan melaksanakan strategi pengagihan termasuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat dan menambah pendapatan isirumah yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi telah disertai dengan sedikit peningkatan dalam ketidaksamaan pendapatan. Dalam tempoh RMT, Kerajaan akan mengambil langkah sewajarnya untuk menangani ketidaksamaan pendapatan dan memastikan keberkesaan strategi pengagihan dan strategi yang berkaitan dengannya.

## **BAB 4 : KEPENDUDUKAN, GUNATENAGA DAN PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA**

### **I. PENDAHULUAN**

4.01 Teras pembangunan sumber manusia dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME) ialah untuk mewujudkan gunatenaga yang lebih produktif dan meningkatkan tahap kemahiran tenaga kerja bagi memenuhi keperluan pembangunan ekonomi yang pesat. Gunatenaga telah berkembang dengan kadar yang menggalakkan hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh terutamanya di sektor pembuatan dan pembinaan. Ini telah menyebabkan kadar pengangguran turun kepada 2.8 peratus pada tahun 1995. Penurunan ini dicapai lebih awal daripada sasaran gunatenaga penuh pada tahun 2000 seperti yang diunjurkan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2). Bagi mengurangkan tekanan dalam pasaran buruh, beberapa langkah telah dilaksanakan.

4.02 Keadaan gunatenaga penuh dijangka berterusan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT). Oleh itu, bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi seperti yang dijangkakan dalam tempoh Rancangan, tahap produktiviti yang lebih tinggi adalah diperlukan. Peningkatan kemahiran tenaga buruh, kebolehan pengurusan dan inisiatif yang lebih baik serta kemajuan di bidang sains dan teknologi merupakan usaha utama bagi mencapai objektif tersebut. Peningkatan tahap pendidikan dan latihan ke arah pembangunan kemahiran khusus dan kemahiran pengurusan bukan sahaja akan meningkatkan produktiviti tenaga buruh, malahan membantu ekonomi untuk maju ke hadapan di bidang teknologi baru yang berintensifkan pengetahuan. Dengan itu, penggunaan dan pembangunan sumber manusia yang cekap serta berterusan akan menjadi objektif utama dalam tempoh RMT.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

4.03 RME merupakan satu titik peralihan dalam ekonomi Malaysia daripada keadaan lebihan buruh kepada kekurangan buruh. Keadaan ekonomi yang kukuh pada tahun-tahun akhir lapan puluhan dan dalam tempoh Rancangan telah mewujudkan permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja di semua peringkat. Permintaan yang tinggi ini telah memberi tekanan yang kuat kepada penawaran buruh, justeru itu mengakibatkan pasaran buruh menjadi ketat. Kadar pengangguran yang merupakan satu petunjuk penggunaan buruh telah berkurangan dengan banyaknya daripada 5.1 peratus pada tahun 1990 kepada 2.8 peratus pada tahun 1995. Ini merupakan satu kadar yang terendah pernah dicapai. Kadar pertukaran pekerjaan yang tinggi juga berlaku bagi beberapa kategori pekerjaan mahir dan profesional. Sistem pendidikan

dan latihan tidak dapat memenuhi semua keperluan bagi tenaga manusia mahir. Memandangkan Malaysia secara relatif mempunyai asas penawaran buruh yang kecil, pertumbuhan ekonomi yang pesat diikuti pula dengan pertumbuhan gunatenaga telah menyebabkan berlakunya keadaan kekurangan pekerja mahir.

### **Kependudukan**

4.04 Anggaran semasa menunjukkan bahawa penduduk Malaysia berjumlah 20.69 juta orang pada tahun 1995 iaitu dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 2.7 peratus setahun bagi tempoh 1991-95 seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-1. Kadar pertumbuhan ini yang secara relatif adalah tinggi berpunca daripada peningkatan ketara penduduk bukan warganegara pada kadar 12.3 peratus setahun dalam tempoh tersebut, mencerminkan kemasukan pekerja asing yang ramai ke negara ini. Jika pekerja berkenaan tidak diambilkira, pertumbuhan penduduk tempatan hanya 2.2 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Dari segi struktur umur, kira-kira 35 peratus penduduk adalah di bawah umur 15 tahun sementara 3.7 peratus dalam kumpulan umur 65 tahun dan ke atas. Selebihnya atau 61 peratus pula berada di dalam lingkungan umur 15-64 tahun. Ini menunjukkan secara relatif, saiz penduduk yang aktif dalam ekonomi atau tenaga buruh yang berpotensi adalah besar. Umur penengah penduduk ialah 22 tahun, mencerminkan penduduk yang masih muda.

4.05 Dari segi komposisi penduduk warganegara Malaysia mengikut kumpulan etnik, penduduk Bumiputera bertambah daripada 10.73 juta orang pada tahun 1991 kepada 11.95 juta orang pada tahun 1995 iaitu pertambahan sebanyak 2.7 peratus setahun. Penduduk keturunan Cina dan India masing-masing meningkat dengan kadar 1.3 peratus dan 1.5 peratus. Dengan itu, penduduk berketurunan Cina berjumlah 1juta orang, sementara penduduk berketurunan India 1.5 juta orang pada tahun 1995.

4.06 Saiz penduduk bandar telah meningkat sebanyak 4.5 peratus setahun daripada 9.5 juta pada tahun 1991 kepada 11.3 juta pada tahun 1995. Ini telah menyebabkan peratusan penduduk yang bermastautin di kawasan bandar bertambah daripada 51 peratus pada tahun 1991 kepada 54.7 peratus pada tahun 1995. Proses pembandaran yang lebih pesat ini mencerminkan terdapatnya lebih banyak peluang ekonomi dan kemudahan sosial yang lebih baik di kawasan tersebut.

### **Analisis Banci Penduduk dan Perumahan, 1991**

4.07 Anggaran di atas dibuat berdasarkan arah aliran demografi masa lampau dan semasa, serta analisis penemuan Banci Penduduk dan Perumahan, 1991. Banci tersebut dijalankan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mengesan perubahan saiz, struktur dan ciri-ciri sosio-ekonomi penduduk. Maklumat tersebut menjadi asas perancangan pembangunan, penggubalan dan pelaksanaan dasar. Penemuan Banci menunjukkan bahawa penduduk Malaysia bertambah dengan kadar purata tahunan 2.7 peratus iaitu daripada 13.74 juta orang pada tahun 1980 kepada

18.48 juta orang pada tahun 1991. Anggaran bagi tahun 1991, walau bagaimanapun dibuat tanpa mengambilkira faktor kurang penghitungan benci bagi penduduk yang berumur 0-1 tahun.

4.08 Nisbah tanggungan iaitu jumlah tanggungan bagi setiap 100 orang penduduk dalam kumpulan umur bekerja, didapati telah berkurang daripada 76 pada tahun 1980 kepada 69 pada tahun 1991. Ini menunjukkan bahawa beban tanggungan semakin berkurangan. Pada tahun 1995, nisbah tanggungan telah turun lagi kepada 64. Penurunan nisbah tanggungan yang cepat secara relatif ini, sebahagian besarnya disebabkan oleh kurangnya bilangan penduduk yang berumur di bawah 15 tahun, kesan daripada penurunan kadar kesuburan yang berterusan. Nisbah tanggungan ialah ukuran pertalian di antara mereka yang bertanggungjawab menyara dan mereka yang bergantung kepada saraan tersebut. Nisbah tanggungan yang semakin berkurangan di peringkat makro mencerminkan potensi tabungan negara akan bertambah, kesan daripada perbelanjaan isirumah yang rendah.

4.09 Semua negeri di Malaysia mencatatkan pertambahan bilangan penduduk. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhannya berbeza di antara negeri. Bagi tempoh 1980-91, negeri-negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tertinggi ialah Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Selangor, sementara Perak, Melaka dan Pulau Pinang mengalami kadar pertumbuhan yang terendah. Kadar pertumbuhan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah masing-masing ialah 6.1 peratus dan 5.5 peratus. Ini adalah disebabkan kombinasi faktor kadar pertambahan semulajadi dan migrasi antarabangsa yang tinggi. Bagi Selangor, pertumbuhan yang tinggi iaitu 4.2 peratus setahun, adalah berpunca sebahagian besarnya daripada peningkatan migrasi masuk bersih daripada negeri-negeri yang berjiran dengannya. Kadar pertumbuhan penduduk yang rendah yang dialami oleh Perak, Melaka dan Pulau Pinang adalah disebabkan kadar pertambahan semulajadi yang rendah dan migrasi keluar yang ketara terutamanya bagi Perak.

4.10 Berasaskan klasifikasi kumpulan etnik dalam Banci 1995, pada tahun 1995, 61.7 peratus rakyat Malaysia adalah terdiri daripada Bumiputera, 27.3 peratus Cina dan 7.7 peratus India, sementara selebihnya adalah kategori Lain-lain. Di samping itu, kira-kira 6 peratus daripada jumlah penduduk adalah warganegara asing.

4.11 Banci tersebut juga menunjukkan pertambahan ketara bilangan migran-masuk dari negara luar dalam tempoh 1986-91. Jumlah mereka mencapai angka 300,000 orang berbanding dengan 119,000 dalam tempoh 1975-80 iaitu pertambahan sebanyak 152 peratus. Daripada jumlah tersebut, tiga per empat adalah dari negara-negara ASEAN iaitu Indonesia, Filipina dan Thailand. Pertambahan bilangan migran-masuk ini, sebahagian besarnya disebabkan kemasukan buruh asing bagi menampung kekurangan buruh yang mula dialami pada awal tahun 1990an. Dari segi taburan mengikut negeri, 40 peratus daripada migran-masuk ini berada di Sabah, 11 peratus di Selangor, 10.8 peratus di Johor dan 7.6 peratus di Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur. Bakinya sebanyak 30.6 peratus terdapat di negeri-negeri lain. Kecuali Sabah, yang secara tradisinya merupakan negeri penerima migran-masuk dari negara luar, pertambahan migran-masuk di Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh pasaran buruh yang ketat akibat pertumbuhan ekonomi dan gunatenaga yang tinggi di negeri-negeri berkenaan.

4.12 Banci 1991 mencatatkan sejumlah 989,000 orang atau 6.0 peratus daripada jumlah penduduk yang tinggal dalam negara ini lahir di luar Malaysia. Daripada jumlah ini, kira-kira 38 peratus adalah warganegara. Perbandingan saiz penduduk yang lahir di luar negara antara Banci 1980 dan 1991 menunjukkan peningkatan sebanyak 47 peratus. Peningkatan yang tinggi ini sebahagian besarnya berpunca daripada pertambahan ketara penduduk yang lahir di Indonesia dan Filipina.

4.13 Pembandaran merupakan proses penting dalam pembangunan yang membawa perubahan kepada kependudukan. Banci 1991 menunjukkan 51 peratus daripada penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar pada tahun 1991 berbanding dengan 34 peratus pada tahun 1980 iaitu pada kadar pertumbuhan 5.1 peratus setahun. Kadar pembandaran yang tinggi pada tahun 1991 terutamanya disebabkan oleh definisi kawasan bandar2 yang mengambilkira kawasan tepubina. Kadar yang tinggi ini juga berpunca daripada pertambahan semulajadi dan aliran migrasi. Migrasi dari luar bandar ke bandar merupakan 17 peratus daripada jumlah migrasi antara negeri dalam tempoh 1986-91 dan 23 peratus daripada jumlah migrasi antara daerah ataupun dalam negeri.

4.14 Petunjuk yang sesuai bagi kualiti sumber manusia ialah kadar celik huruf. Dengan menggunakan bilangan penduduk berumur 10 tahun dan ke atas yang pernah bersekolah sebagai ukuran celik huruf, adalah didapati kadar celik huruf di negara ini pada tahun 1991 ialah 85 peratus berbanding dengan 72 peratus pada tahun 1980. Satu pemerhatian yang menarik ialah peningkatan tahap celik huruf di kalangan kaum wanita serta pengurangan jurang perbezaan antara jantina bagi mereka yang pernah bersekolah. Pada tahun 1991, 80 peratus daripada penduduk wanita berumur 10 tahun dan ke atas pernah bersekolah berbanding dengan 64 peratus pada tahun 1980. Bagi kaum lelaki pula, peratusannya telah meningkat daripada 80 peratus pada tahun 1980 kepada 90 peratus pada tahun 1991. Oleh yang demikian, perbezaan celik huruf antara jantina telah berkurang menjadi 10 mata peratusan pada tahun 1991 berbanding dengan 16 mata peratusan pada tahun 1980. Secara keseluruhannya, kadar celik huruf telah meningkat kepada 91 peratus pada tahun 1995, hasil usaha yang berterusan dalam menyediakan peluang pendidikan kepada seluruh warga Malaysia.

### **Tenaga Buruh**

4.15 Pertumbuhan yang tinggi dan berterusan di kalangan penduduk dalam lingkungan umur bekerja, peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh daripada 65.9

peratus pada tahun 1990 kepada 66.9 peratus pada tahun 1995 serta aliran masuk buruh asing yang ketara, menyebabkan tenaga buruh meningkat dengan kadar purata 2.9 peratus setahun sepanjang tempoh tersebut. Kadar penyertaan tenaga buruh lelaki telah meningkat daripada 86.3 peratus kepada 86.8 peratus sementara bagi wanita daripada 45.8 peratus kepada 47.1 peratus. Dalam tempoh RME, kemasukan tambahan ke dalam pasaran buruh berjumlah lebih sejuta orang atau kira-kira 220,000 orang setahun. Bagi kumpulan tenaga buruh yang berumur 15-24 tahun, bahagiannya telah semakin berkurangan disebabkan penurunan kadar kesuburan yang berterusan dan juga peningkatan tempoh masa persekolahan. Pada amnya, penduduk negara ini juga menyertai pasaran buruh pada umur yang agak lewat. Analisis ke atas data pendaftaran gunatenaga aktif daripada Jabatan Tenaga Rakyat menunjukkan peratusan yang mendaftar dalam kumpulan umur 15-24 tahun telah turun daripada 78.4 peratus pada tahun 1985 kepada 71.3 peratus pada tahun 1994. Bagaimanapun, peratusan yang mendaftar dalam kumpulan umur 25-29 tahun dan 30-39 tahun masing-masing telah meningkat daripada 12.2 peratus dan 7.7 peratus pada tahun 1985 kepada 15.1 peratus dan 9.9 peratus pada tahun 1994.

4.16 Profil pendidikan tenaga buruh menunjukkan bilangan tenaga kerja berpendidikan semakin meningkat. Kira-kira 55 peratus daripada jumlah tenaga buruh pada tahun 1995 terdiri daripada lepasan pendidikan menengah berbanding dengan hanya 52 peratus pada tahun 1990. Di samping itu, 6.3 peratus daripada jumlah tenaga buruh menerima pendidikan di peringkat kolej atau universiti pada tahun 1995, berbanding dengan 5.3 peratus pada tahun 1990. Sungguhpun peratusan ini telah meningkat, secara relatif ianya masih lagi rendah. Ini menunjukkan perlunya usaha yang lebih giat lagi bagi meningkatkan penawaran tenaga manusia berpendidikan tinggi.

4.17 Satu arah aliran yang jelas dalam tempoh RME ialah peningkatan penggunaan buruh asing bagi memenuhi keperluan tenaga buruh. Ini berikutan keputusan Kerajaan pada tahun 1991 melonggarkan dasar penggajian buruh asing memandangkan wujudnya masalah kekurangan buruh pada masa itu. Sehingga penghujung tahun 1995, sejumlah 649,680 pas lawatan kerja sementara telah dikeluarkan kepada pekerja asing. Daripada jumlah ini, 76 peratus dikeluarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Sabah dan Selangor. Kira-kira dua per tiga daripada pas lawatan kerja sementara telah dikeluarkan untuk pekerjaan di sektor perladangan serta pembinaan dan 11 peratus untuk pekerjaan di sektor pembuatan. Pas kerja yang dikeluarkan untuk pembantu rumah adalah sebanyak 23 peratus.

### **Gunatenaga Mengikut Sektor**

4.18 Berbanding dengan kadar pertumbuhan tenaga buruh sebanyak 2.9 peratus, gunatenaga telah berkembang dengan kadar yang lebih cepat iaitu 3.4 peratus setahun sepanjang 1991-95 seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-2. Peningkatan permintaan buruh yang tinggi ini adalah kesan daripada keadaan ekonomi yang

kukuh yang dapat dikekalkan sepanjang tempoh tersebut. Sejumlah kira-kira 1.2 juta pekerjaan baru telah diwujudkan iaitu melebihi 1.1 juta pekerjaan yang diunjurkan dalam RME. Walaupun pertumbuhan tenaga buruh adalah tinggi, pertumbuhan gunatenaga yang lebih tinggi telah menyebabkan wujudnya kekurangan buruh dalam kebanyakan sektor ekonomi.

4.19 Sektor pembuatan yang mencatatkan pertumbuhan output yang tinggi telah menyumbangkan kira-kira satu per empat daripada jumlah gunatenaga dan mewujudkan hampir 60 peratus daripada gunatenaga baru. Permintaan buruh yang tinggi dalam sektor ini dengan kadar 9.0 peratus setahun dalam tempoh Rancangan, serta penyusunan semula industri ke arah meningkatkan keluaran dan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, telah menyebabkan wujudnya kekurangan buruh bukan sahaja di peringkat pengeluaran tetapi juga di peringkat mahir dan separuh mahir. Penggunaan teknologi moden serta kaedah yang menjimatkan buruh didapati semakin meningkat terutamanya di kilang-kilang baru, iaitu seperti penggunaan mesin kawalan numerikal berkomputer, reka bentuk berbantuan komputer, pembuatan berbantuan komputer dan robotik. Walau bagaimanapun, peralihan kepada penggunaan teknologi yang lebih meluas adalah perlahan disebabkan oleh kos modal yang tinggi, kekurangan tenaga kerja mahir terutamanya dalam bidang teknologi baru dan ketiadaan mesin serta peralatan di pasaran tempatan.

4.20 Sektor perkhidmatan menyumbang kira-kira separuh daripada jumlah gunatenaga dan merupakan 47 peratus daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh 1991-95. Penyumbang utama kepada gunatenaga sektor ini adalah sektor-sektor kecil perkhidmatan lain; perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran; dan kewangan yang mewujudkan 443,500 pekerjaan.

4.21 Gunatenaga dalam sektor pembinaan telah berkembang pada kadar purata 9.2 peratus setahun dan merupakan 19 peratus daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan. Pertumbuhan yang membanggakan ini berpunca daripada pelaburan besar-besaran dalam projek infrastruktur seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Kuala Lumpur City Centre, Menara Kuala Lumpur dan pembesaran pelabuhan-pelabuhan utama seperti Pelabuhan Kelang dan Terminal Kontena Butterworth Utara serta landasan berkembar berelektrik, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Di samping itu, terdapat pembangunan yang pesat projek harta tanah untuk perumahan dan komersil. Pertumbuhan gunatenaga yang kukuh dalam sektor pembinaan menyebabkan bahagiannya dalam jumlah gunatenaga meningkat daripada 6.3 peratus pada tahun 1990 kepada 8.3 peratus pada tahun 1995.

4.22 Gunatenaga dalam sektor pertanian telah berkurangan sebanyak 3.8 peratus setahun disebabkan pertumbuhan output yang lebih perlahan dan peningkatan penggunaan jentera dalam sektor ini. Secara mutlak, pengurangan gunatenaga

pertanian dianggarkan sebanyak 309,300 pekerjaan sepanjang tempoh tersebut. Oleh yang demikian, bahagian gunatenaga pertanian dalam keseluruhan gunatenaga telah berkurang daripada 26.0 peratus pada tahun 1990 kepada 18.0 peratus pada tahun 1995. Dari segi penawaran buruh, sektor ini masih menghadapi masalah kekurangan buruh berpunca daripada pengaliran buruh tempatan ke sektor ekonomi lain yang menawarkan upah dan prospek yang lebih baik. Bagi menangani masalah kekurangan buruh tersebut, khususnya dalam estet getah dan kelapa sawit, majikan telah meningkatkan kemudahan perumahan dan sosial supaya dapat mengekal serta menarik buruh ke sektor ini. Dalam tempoh tersebut, 8,740 unit rumah telah disediakan oleh sektor perladangan untuk pekerja mereka sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1990. Di samping itu, sektor perladangan telah meningkatkan penggunaan buruh asing.

4.23 Dalam tempoh RME, beberapa langkah telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah kekurangan buruh. Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing dalam sektor perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan yang terpilih. Bagi sektor pembuatan, majikan diberi kebenaran untuk mengambil pekerja asing di peringkat mahir dan separuh mahir, serta profesional dan teknikal berasaskan kes demi kes. Sebagai langkah tambahan, Kerajaan mengecualikan pemastautin tetap daripada perlu mendapatkan permit kerja di bawah Akta (Sekatan) Kerja, 1968 dan meningkatkan had kerja lebih masa daripada 64 jam kepada 104 jam sebulan. Langkah jangka pendek ini bertujuan menyediakan sumber buruh yang lain dan memberi masa bagi firma-firma menyesuaikan diri kepada teknologi penjimatan buruh. Pihak Kerajaan juga memberi keutamaan kepada pelaburan yang berintensifkan modal sebagai salah satu cara mengurangkan tekanan terhadap penawaran buruh. Di samping itu, berbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Ini termasuk memberi pengecualian cukai kepada majikan yang menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja atau berdekatan dengannya, penyediaan latihan dalam pekerjaan, kemudahan pengangkutan dan persekitaran tempat kerja yang lebih selesa.

### **Gunatenaga Mengikut Pekerjaan**

4.24 Selaras dengan pertumbuhan gunatenaga yang tinggi di sektor pembuatan dan perkhidmatan dalam tempoh Rancangan, permintaan pekerja bagi kategori profesional dan teknikal serta pentadbiran dan pengurusan berkembang dengan pesatnya. Kadar pertumbuhan tahunan purata pekerjaan dalam kategori profesional dan teknikal serta pentadbiran dan pengurusan masing-masing adalah 6.8 peratus dan 5.5 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-3. Ini menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap tenaga manusia berpendidikan tinggi dan mereka yang mempunyai latihan teknikal dan profesional. Kedua-dua kategori pekerjaan ini berjumlah hampir satu per empat daripada jumlah keseluruhan pekerjaan yang

diwujudkan dalam tempoh ini. Permintaan yang tinggi juga didapati bagi pekerja pengeluaran, khususnya disebabkan oleh perkembangan sektor pembuatan.

4.25 Kategori profesional dan teknikal merupakan 18.6 peratus daripada jumlah pewujudan bersih pekerjaan atau 228,900 pekerjaan dalam tempoh 1991-95. Peningkatan teknologi pengeluaran ke arah penggunaan proses berautomasi dan yang lebih canggih telah menghasilkan permintaan bagi kira-kira 36,350 jurutera dan 48,800 pembantu jurutera. Permintaan tertinggi adalah dalam bidang kejuruteraan awam, elektrik dan elektronik dan mekanikal seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-4. Terdapat juga permintaan yang tinggi bagi golongan profesional kesihatan seperti pakar perubatan, pakar bedah serta pembantu profesional kesihatan, seperti jururawat, pembantu perubatan dan juruteknologi makmal perubatan serta pembantu pergigian. Ini sebahagian besarnya berpunca daripada pertumbuhan pesat hospital swasta dan perkembangan kemudahan kesihatan awam kesan daripada peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan yang lebih baik berikutan daripada peningkatan pendapatan yang besar dalam ekonomi. Pertambahan bersih pekerjaan profesional perubatan dan kesihatan adalah sebanyak 5,200 pekerjaan sementara pembantu profesional kesihatan dan perubatan adalah sebanyak 12,500.

4.26 Bagi pekerjaan profesional dan teknikal terpilih seperti bidang kejuruteraan, kesihatan dan perguruan, didapati keluaran institusi pendidikan awam dan swasta tempatan serta luar negara tidak dapat memenuhi permintaan bagi kumpulan pekerjaan tersebut. Kekurangan ini didapati kritikal terutamanya bagi jurutera elektrik, elektronik dan mekanikal serta pembantu jurutera. Keluaran semasa jurutera dari institusi pendidikan tinggi tempatan dan luar negara di bawah tajaan Kerajaan adalah seramai 13,100 berbanding dengan permintaan seramai 36,350 dalam tempoh Rancangan. Bagi pembantu jurutera, permintaan melebihi penawaran yang berjumlah 26,600 dari institusi pengajian tinggi tempatan. Kekurangan juga dilaporkan dalam semua bidang pengkhususan kesihatan seperti psikatri, forensik, hematologi, pediatrik, obstetrik dan ginekologi. Di samping itu, terdapat juga kekurangan guru sekolah, khususnya dalam bidang matematik, pendidikan Islam, kemahiran hidup dan mata pelajaran teknikal.

4.27 Permintaan bagi kakitangan penyelidikan dan pembangunan (P&P) menjadi semakin penting dalam tempoh RME sejarar dengan matlamat Malaysia untuk membangunkan keupayaan dan kecekapan teknologi dan saintifik bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 1990, terdapat 13,600 kakitangan penyelidikan termasuk 5,600 ahli sains penyelidikan. Jumlah ahli sains penyelidikan telah meningkat kepada kira-kira 8,300 pada tahun 1995. Ini memberikan nisbah ahli sains penyelidikan sebanyak 400 bagi sejuta penduduk pada tahun 1995 berbanding dengan nisbah di antara 1,800 kepada 2,200 bagi sejuta penduduk di beberapa negara perindustrian baru. Ini menunjukkan perlunya usaha yang lebih berkesan bagi meningkatkan bilangan kakitangan P&P di Malaysia.

4.28 Permintaan untuk tenaga kerja pentadbiran dan pengurusan meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 2 peratus iaitu 4.1 peratus daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan. Pengurus-pengurus kanan yang berpengalaman amat diperlukan dalam institusi perbankan dan kewangan, hotel serta firma-firma pembuatan.

4.29 Pekerjaan dalam kategori perkhidmatan berkembang pada kadar 4.8 peratus setahun iaitu 16.6 peratus atau 203,900 pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh 1991-95. Kira-kira 40 peratus daripada pekerja ini bekerja dalam industri pelancongan seperti dalam sektor kecil penginapan, agensi pelancongan, penerbangan dan organisasi bukan pengembaraan. Perkembangan industri perhotelan yang pesat telah meningkatkan permintaan ke atas pekerja yang berkaitan dengan industri pelancongan.

4.30 Bilangan pekerjaan yang paling banyak diwujudkan ialah dalam kategori pengeluaran berjumlah 702,800 pekerjaan baru atau 57.2 peratus daripada jumlah pewujudan bersih pekerjaan dalam tempoh tersebut. Permintaan untuk pekerja pengeluaran yang mahir dan tidak mahir telah berkembang pada kadar 6.7 peratus setahun terutamanya dalam sektor pembuatan.

4.31 Permintaan untuk pekerja pertanian berkurang sebanyak 2.5 peratus setahun disebabkan pertumbuhan output yang lebih perlahan dan peningkatan penggunaan jentera dalam aktiviti pertanian. Walaupun terdapat penurunan permintaan bagi pekerja pertanian, sektor ini masih mengalami masalah kekurangan buruh kesan daripada perpindahan pekerja kepada pekerjaan yang lebih tinggi pendapatannya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

### **Upah dan Produktiviti**

4.32 Permintaan buruh yang tinggi dalam tempoh 1991-95 telah diiringi dengan peningkatan produktiviti buruh dalam semua sektor ekonomi. Bagi keseluruhan ekonomi, produktiviti buruh yang diukur dengan menggunakan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) setiap pekerja mengikut harga tetap 1978 telah meningkat sebanyak 5.1 peratus setahun daripada RM11,870 pada tahun 1990 kepada RM15,200 pada tahun 1995. Kadar pertumbuhan ini jauh melebihi kadar keseluruhan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 3.3 peratus yang tercatat bagi tempoh 1986-90. Keluaran bagi setiap pekerja di sektor pembuatan sebanyak RM19,410 pada tahun 1995 dengan pertumbuhan tahunan purata 3.9 peratus adalah lebih tinggi daripada yang dicapai oleh ekonomi keseluruhannya. Produktiviti buruh di sektor pertanian dan perkhidmatan juga meningkat, masing-masing sebanyak 6.1 peratus dan 5.9 peratus dalam tempoh tersebut. Pertumbuhan KDNK setiap pekerja dalam sektor perkhidmatan ialah 5.9 peratus setahun berbanding dengan 1.8 peratus dalam tempoh 1986-90, menunjukkan kecekapan tinggi dalam penggunaan sumber tenaga buruh, termasuk penggunaan teknologi maklumat yang meluas.

4.33 Pasaran buruh yang ketat mengakibatkan tekanan kepada upah dalam tempoh RME. Data daripada Penyiasatan Bulanan Industri Pembuatan menunjukkan purata upah nominal sektor pembuatan meningkat kira-kira 27 peratus di antara tahun 1990 hingga 1994 atau 6.2 peratus setahun. Pertumbuhan upah keluaran sebenar atau upah nominal yang diselaraskan dengan harga pengeluar dalam tempoh tersebut ialah 13.8 peratus. Sementara itu, nilai jualan sebenar setiap pekerja yang digunakan sebagai pengukur produktiviti, meningkat sebanyak 7.3 peratus dalam tempoh yang sama. Pertumbuhan upah yang mengatasi pertumbuhan produktiviti di sektor ini telah memberi tekanan kepada kos buruh seunit. Fenomena ini adalah ketara terutamanya dalam tempoh 1990-92 apabila peningkatan upah yang tinggi tanpa disertai dengan pertumbuhan produktiviti telah meningkatkan kos buruh seunit. Oleh itu, pertumbuhan produktiviti dalam sektor pembuatan mula menunjukkan arah aliran yang meningkat masing-masing 4.6 peratus dan 6.8 peratus pada tahun 1993 dan 1994. Kestabilan upah sebenar pada tahun 1994 dan 1995, kesan daripada penyesuaian dalam pasaran buruh telah menyebabkan kos buruh seunit dalam sektor pembuatan mula berkurangan dalam tempoh terakhir RME.

4.34 Berdasarkan perbandingan perspektif antarabangsa, kos buruh seunit dalam sektor pembuatan di Malaysia telah mengalami arah aliran yang menurun dalam tempoh Rancangan. Kajian terbaru yang meliputi 22 negara termasuk negara maju dan yang sedang membangun menempatkan sektor pembuatan Malaysia pada tangga ke tujuh pada tahun 1993 berbanding dengan tempat ke sepuluh pada tahun 1990. Ini adalah kesan daripada kejatuhan secara relatif kos buruh seunit dan oleh itu, menunjukkan peningkatan secara relatif daya saing kos dalam tempoh tersebut.

### **Pembangunan Tenaga Manusia**

4.35 Selaras dengan perubahan pelaburan dalam ekonomi ke arah yang berintensifkan modal, permintaan untuk tenaga manusia mahir di peringkat tinggi meningkat dengan pesatnya. Bagi memenuhi permintaan tenaga manusia di peringkat profesional dan separa-profesional, usaha yang lebih giat telah diambil untuk meningkatkan enrolmen pelajar sains dan teknikal di universiti tempatan. Usaha ini meliputi penubuhan universiti baru seperti Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Malaysia Sabah serta politeknik di Dungun, Johor Bahru, Perai dan Shah Alam, di samping peningkatan keupayaan institut pengajian tinggi yang sedia ada. Selain daripada itu, kursus-kursus yang ditawarkan oleh institut latihan yang dikendalikan oleh syarikat korporat utama seperti Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah dipertingkatkan ke peringkat ijazah terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan sains gunaan. Enrolmen pelajar di institusi pengajian tinggi dalam kursus sains dan teknikal meningkat sebanyak 10.6 peratus setahun daripada 21,580 pada tahun 1990 kepada 35,710 pada tahun 1995. Sementara itu, peratus enrolmen pelajar dalam kursus-kursus aliran sastera berkang daripada 59 peratus pada tahun 1990 kepada 55 peratus pada tahun 1995.

4.36 Pertumbuhan pesat aktiviti pembuatan terutamanya keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi, telah meningkatkan permintaan bagi pekerja mahir dan separuh mahir. Dalam tempoh 1991-95, kira-kira 149,580 tenaga manusia mahir dan separuh mahir telah dikeluarkan oleh institusi pendidikan dan latihan awam dan swasta. Jumlah keluaran telah meningkat daripada 21,170 pada tahun 1990 kepada 34,630 pada tahun 1995, atau dengan kadar pertumbuhan 10.3 peratus setahun dalam tempoh tersebut seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-5. Hampir 82 peratus daripada keluaran pada tahun 1995 adalah dalam bidang ketukangan kejuruteraan, khususnya kejuruteraan mekanikal dan elektrik. Ini menggambarkan keupayaan tindakbalas sistem pembentukan kemahiran ke arah memenuhi permintaan yang meningkat bagi pekerja mahir dan separuh mahir dalam sektor pembuatan. Sebanyak 10 peratus daripada keluaran itu adalah dalam bidang ketukangan bangunan bagi memenuhi keperluan sektor pembinaan yang semakin kukuh. Sebahagian besar bekalan tenaga manusia mahir dan separuh mahir adalah daripada institut latihan vokasional dan teknikal awam. Jumlah keluaran institut latihan awam dalam tempoh Rancangan ialah seramai 115,540 berbanding dengan sasaran terbaru iaitu seramai 105,610. Keluaran dari institusi latihan swasta telah meningkat daripada 3,300 pada tahun 1990 kepada 8,300 pada tahun 1995 dengan jumlah keluaran seramai 31,970 dalam tempoh tersebut.

4.37 Aliran masuk pelaburan asing yang tinggi ke dalam negara telah memperkenalkan proses pengeluaran dan teknologi yang baru terutamanya oleh syarikat multinasional. Keadaan ini telah mendorong negara mengeluarkan lebih ramai tenaga pekerja yang berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang khusus. Bagi memenuhi keperluan baru perindustrian, dua buah pusat latihan kemahiran di peringkat tinggi telah ditubuhkan dalam tempoh Rancangan iaitu Institut Jerman-Malaysia (GMI) dalam bidang industri elektronik dan teknologi pengeluaran serta Institut Malaysia-Perancis (MFI) dalam pemasangan peralatan elektrik, teknologi kimpalan dan sistem penyelenggaraan automatik. Di samping itu, Pusat Perniagaan Teknologi Termaju (BATC) di bawah pengurusan Universiti Teknologi Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1992 bagi mengeluarkan lebih ramai pengurus yang dapat mengintegrasikan pengetahuan teknologi terkini dengan kemahiran pengurusan perniagaan secara praktikal. Beberapa pusat pembangunan kemahiran negeri turut ditubuhkan untuk meningkatkan tahap kemahiran pekerja di peringkat wilayah iaitu di Johor, Kedah, Melaka, Pahang, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Di samping itu, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang yang ditubuhkan pada tahun 1989 telah meningkatkan kemudahan latihannya. Dalam tempoh Rancangan, seramai 17,630 pekerja telah menjalani latihan di pusat-pusat latihan negeri-negeri tersebut.

4.38 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan penawaran pekerja terlatih, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) telah ditubuhkan pada tahun 1992 dengan sumbangan geran setara daripada Kerajaan bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta untuk melatih dan melatih semula pekerja

mereka. Di bawah skim ini, firma pembuatan yang mempunyai seramai 50 pekerja dan ke atas adalah diwajibkan menyumbang satu peratus daripada gaji pekerja ke dalam tabung KWPSM. Selepas enam bulan mencarum, mereka layak menerima bantuan latihan bagi tujuan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja masing-masing. Pada tahun 1995, skim KWPSM telah diperluaskan meliputi firma-firma yang mempunyai seramai 10 hingga 49 pekerja serta modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan ke atas. Skim ini seterusnya diperluaskan kepada industri perkhidmatan terpilih iaitu industri perhotelan, pengangkutan udara, perniagaan pengendalian pengembalaan dan agensi pelancongan, telekomunikasi, penghantar barang, perkapalan, perkhidmatan pos dan penghantaran serta pengiklanan dan perkhidmatan komputer.

4.39 Sehingga akhir 1995, sejumlah RM229.9 juta levi telah dikutip oleh KWPSM. Daripada jumlah ini, sebanyak RM139.7 juta atau 60.8 peratus telah dikeluarkan dalam tempoh 1993-95 untuk program latihan selepas lantikan yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Seramai 639,110 pekerja terlibat dalam latihan semula dan peningkatan kemahiran di bawah empat skim iaitu Skim Bantuan Latihan (SBL), Skim Program Yang Diluluskan (PROLUS), Skim Pelan Latihan Tahunan (PLT) dan Skim Perjanjian Dengan Penyedia Latihan (PERLA). Skim SBL yang memberi kemudahan kepada majikan untuk menjalankan latihan di tempat kerja, mempunyai jumlah pelatih yang terbesar iaitu kira-kira 76 peratus daripada jumlah keseluruhan dan mendapat peruntukan yang terbesar sebanyak 80.8 peratus. Ini menunjukkan bahawa majikan lebih cenderung mengadakan latihan di tempat kerja berbanding dengan latihan yang dikendalikan oleh pihak luar. Lebih daripada 35 peratus pekerja telah dilatih dalam kursus berkaitan teknikal dan kualiti, manakala selebihnya dilatih dalam kursus berasaskan komputer dan program penyeliaan.

4.40 Kajian terbaru mengenai penglibatan firma-firma pembuatan dalam memberi latihan kepada pekerja mereka telah mendapati kira-kira 27 peratus daripada firma yang layak, yang mempunyai 50 atau lebih pekerja, tidak mendaftar dan mencarum kepada KWPSM. Pada amnya, firma-firma berkenaan adalah kecil yang terlibat dalam industri tradisional dan berorientasikan tempatan seperti makanan, perabut dan kayu serta kaca dan tembikar. Di samping itu, lebih satu per tiga daripada firma yang berdaftar terutamanya firma kecil, tidak membuat tuntutan bayaran balik di bawah mana-mana empat skim KWPSM. Alasan yang diberikan berhubung dengan keengganan penggunaan dana itu termasuklah sumber latihan yang terhad, penggunaan teknologi matang yang memerlukan tahap kemahiran yang rendah, penyediaan kemahiran yang memadai oleh institusi latihan dan pengambilan pekerja mahir yang secara relatifnya mudah didapati dari firma lain. Penggunaan yang rendah telah mengurangkan keberkesanan KWPSM ke arah menggalakkan latihan di peringkat firma dan juga menghalang majikan daripada memancing kakitangan di kalangan firma. Pada tahun 1995, MPSM telah mengambil langkah-langkah memudahkan prosedur pentadbiran mengenai pembayaran balik bertujuan meningkatkan kadar penggunaan dana.

4.41 Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa insentif cukai pada tahun 1995 untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam latihan teknikal dan vokasional. Ini termasuklah pelepasan 100 peratus cukai pelaburan bagi tempoh 10 tahun kepada syarikat yang menubuhkan institut latihan teknikal dan vokasional atau membuat pelaburan tambahan di dalam institusi latihan yang sedia ada. Insentif tambahan lain yang disediakan ialah pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas bahan, mesin dan peralatan yang digunakan untuk latihan.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

4.42 Pembangunan sumber manusia akan terus menjadi teras utama dalam RMT sejak dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangka kukuh sepanjang tempoh tersebut yang seterusnya akan mewujudkan permintaan tenaga kerja yang tinggi. Cabaran pembangunan sumber manusia ialah meningkatkan produktiviti dan kecekapan penggunaan buruh dan menambahkan penawaran tenaga kerja tempatan. Sistem penyampaian pendidikan dan kemahiran akan dipertingkat dan diperluaskan bagi mengeluarkan tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih mengikut keperluan ekonomi. Dalam hal ini, penekanan akan diberikan kepada pengeluaran kemahiran yang seiring dengan kemajuan teknologi berikutan daripada peralihan ekonomi ke arah struktur pengeluaran yang berdasarkan perindustrian.

#### **Kependudukan dan Tenaga Buruh**

4.43 Penduduk Malaysia yang dijangka bertambah pada kadar purata 2.3 peratus setahun dalam tempoh RMT mencapai 23.26 juta orang pada penghujung dekad ini. Kira-kira 63 peratus daripada jumlah penduduk dijangka terdiri daripada kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, menunjukkan terdapatnya potensi sumber tenaga kerja yang berterusan. Berikutan daripada kadar kesuburan yang semakin berkurangan, kumpulan umur 0-14 tahun merupakan 33 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2000 berbanding dengan 35 peratus pada tahun 1995. Menjelang penghujung dekad ini, umur penengah penduduk adalah dijangka 24 tahun. Dari segi taburan mengikut wilayah, 79 peratus daripada jumlah penduduk dijangka tinggal di Semenanjung Malaysia, 12 peratus di Sabah dan 9 peratus di Sarawak. Kadar pertumbuhan penduduk bandar dalam tempoh RMT dijangka sebanyak 3.8 peratus setahun berbanding dengan 4.5 peratus setahun sepanjang 1991-95. Menjelang tahun 2000, penduduk Bumiputera adalah dijangka merupakan 63 peratus, Cina 26 peratus dan India 7.5 peratus daripada jumlah warganegara Malaysia. Kira-kira 7.5 peratus daripada penduduk adalah bukan warganegara. Walau bagaimanapun, komponen penduduk bukan warganegara dijangka bertambah dengan kadar lebih perlahan memandangkan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada buruh asing dalam tempoh tersebut.

4.44 Tenaga buruh dijangka berjumlah kira-kira 9.3 juta pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.8 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-2. Kadar penyertaan tenaga kerja dijangka meningkat dalam tempoh Rancangan daripada 66.9 peratus kepada 67.1 peratus dengan kadar penyertaan wanita meningkat daripada 47.1 peratus kepada 47.5 peratus. Dengan bertambahnya peluang pendidikan dan penekanan yang lebih tinggi terhadap pelaburan modal manusia, tenaga buruh dijangka lebih berpendidikan dan terlatih. Tenaga buruh akan terus terdiri daripada golongan muda dengan kira-kira 60 peratus daripadanya dalam lingkungan umur 15-34 tahun.

### **Gunatenaga Mengikut Sektor**

4.45 Berasaskan gambaran masa hadapan ekonomi yang terus menggalakkan, gunatenaga dijangka berkembang pada kadar 2.8 peratus setahun dalam tempoh 1996-2000 dengan sebanyak 1.2 juta pekerjaan tambahan diwujudkan. Kadar pengangguran dijangka kekal sekitar 2.8 peratus pada tahun 2000. Kadar pertumbuhan gunatenaga yang lebih rendah berbanding dengan kadar yang dicatatkan dalam tempoh RME, adalah berasaskan kepada perubahan ekonomi yang progresif ke arah yang lebih berintensifkan modal dan peningkatan kecekapan dalam penggunaan buruh. Pelaksanaan langkah-langkah tersebut dijangka menjadi komponen penting dalam usaha firma mengubahsuai struktur pengeluaran ke arah mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh. Dengan itu, pergantungan ke atas buruh asing akan beransur berkurangan.

4.46 Semua sektor, kecuali pertanian, dijangka mencatatkan pertumbuhan gunatenaga yang positif. Sektor pembuatan akan menerajui penyediaan pekerjaan baru, diikuti oleh sektor perkhidmatan lain, pembinaan serta perniagaan borong dan runcit seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-2.

4.47 Bagi sektor pembuatan, Kerajaan akan terus menggalakkan kegiatan yang berintensifkan modal, mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan berasaskan teknologi tinggi. Strategi ini akan mempercepatkan penyusunan semula industri di samping membantu mengurangkan permintaan terhadap pekerja tidak mahir. Sektor pembuatan dijangka mewujudkan sebanyak 564,700 pekerjaan baru atau 49 peratus daripada jumlah bersih pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMT. Dengan anggaran kadar pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus setahun, sektor ini merupakan salah satu sektor yang paling cepat berkembang sepanjang tempoh tersebut. Dari segi saiz, jumlah gunatenaga di sektor pembuatan adalah lebih dua kali ganda daripada saiz gunatenaga sektor pertanian pada penghujung dekad ini.

4.48 Gunatenaga dalam sektor perkhidmatan dijangka mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 3.2 peratus dalam tempoh 1996-2000, mencerminkan kemantapan ekonomi pada keseluruhannya serta peningkatan output dalam sektor ini. Dalam sektor perkhidmatan, sektor kecil perkhidmatan lain yang merangkumi perkhidmatan

kemasyarakatan, sosial dan persendirian dijangka mencatat kadar pertumbuhan tertinggi iaitu sebanyak 6.3 peratus setahun dan merupakan 21 peratus daripada jumlah bersih pekerjaan yang diwujudkan. Pertumbuhan gunatenaga yang perlahan di dalam sektor perkhidmatan Kerajaan adalah sejajar dengan dasar pengukuhkan sektor awam yang sedang dilaksanakan dan program penswastaan.

4.49 Dengan jangkaan pertumbuhan output pertanian yang semakin perlahan dalam tempoh RMT, permintaan buruh dalam sektor ini dijangka berkurang kepada 1.2 juta pada tahun 2000. Kekurangan buruh dalam sektor ini dijangka terus meruncing akibat persaingan untuk mendapatkan pekerja oleh sektor-sektor lain yang lebih dinamik. Sungguhpun demikian, sektor pertanian dijangka terus memainkan peranan yang penting dan strategik dalam ekonomi terutamanya dari segi pendapatan eksport, jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan pembekalan bahan mentah kepada industri yang berasaskan pertanian. Dengan itu, prospek pertumbuhan sektor pertanian akan bergantung kepada keupayaan tenaga buruh untuk meningkatkan produktiviti. Memandangkan terdapatnya penawaran buruh tempatan yang terhad, pelbagai cara untuk menggunakan tenaga kerja secara lebih optimum perlu dikenalpasti. Usaha-usaha P&P ke arah teknologi penjimatan buruh akan diperhebatkan bagi mengurangkan penggunaan buruh dan meningkatkan produktiviti. Penggunaan buruh asing secara terhad dan terpilih akan dibenarkan di dalam sektor pertanian. Selain daripada itu, langkah-langkah akan diambil untuk mengekalkan pekerja, antaranya, melalui peningkatan taraf hidup pekerja terutamanya keadaan tempat tinggal mereka di estet dan kebun-kebun kecil. Menyedari terdapatnya kekurangan buruh di sektor ini, Kerajaan akan menggalakkan syarikat-syarikat perladangan Malaysia memindahkan aktiviti mereka ke negara-negara jiran yang mempunyai tanah dan lebihan buruh. Ini akan membolehkan ladang-ladang yang sedia ada di Malaysia diubah untuk kegunaan perindustrian.

### **Gunatenaga Mengikut Pekerjaan**

4.50 Permintaan tenaga manusia bagi kebanyakan kategori pekerjaan dijangka meningkat dalam tempoh 1996-2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-3. Kategori pentadbiran dan pengurusan dijangka mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sementara permintaan terhadap tenaga manusia dalam kategori profesional dan teknikal serta pekerja pengeluaran akan terus menjadi bahagian terbesar daripada keseluruhan keperluan tenaga manusia. Walau bagaimanapun, permintaan untuk pekerja pertanian dijangka terus berkurangan.

4.51 Dengan kadar pertumbuhan tahunan purata yang dijangka sebanyak 6.1 peratus bagi tempoh 1996-2000, pekerjaan dalam bidang profesional dan teknikal akan merupakan 12.1 peratus daripada jumlah pekerjaan pada tahun 2000. Tahap ini adalah setara dengan negara-negara perindustrian baru seperti Hong Kong, Republik Korea dan Singapura. Permintaan terhadap jurutera dan pembantu jurutera akan terus meningkat dengan berlakunya peralihan ke arah industri yang lebih berintensifkan

modal seperti pembuatan mesin dan kejuruteraan, pembuatan komponen kenderaan dan bahan-bahan binaan, bahan kimia perindustrian dan bahan logam bukan besi. Di samping permintaan yang tinggi untuk jurutera dan pembantu jurutera dalam bidang elektrikal dan elektronik, mekanikal dan kejuruteraan awam, terdapat juga peningkatan permintaan bagi jurutera dalam bidang bukan tradisional seperti elektromekanikal, kecekapan perindustrian, peralatan, kejuruteraan bahan dan perisian komputer. Dalam tempoh Rancangan, tambahan seramai 33,900 jurutera dan 73,600 pembantu jurutera akan diperlukan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4-4. Permintaan yang tinggi juga dijangka bagi pakar perubatan, pakar bedah, ahli farmasi dan kakitangan kesihatan lain sejajar dengan permintaan yang tinggi bagi perkhidmatan kesihatan yang lebih bermutu. Bidang-bidang kepakaran utama yang dijangka mencatat permintaan yang tinggi termasuklah kesihatan umum, pediatrik, pembedahan umum, obstetrik dan ginekologi, anestesiologi, psikatri, patologi, hematologi, perubatan forensik, ortopedik dan kardiologi. Bagi kakitangan P&P, jumlah saintis dan ahli teknologi yang diperlukan hingga tahun 2000 dijangka seramai 23,300 orang. Jumlah ini adalah berdasarkan sasaran RRJP2 iaitu seramai 1,000 saintis dan ahli teknologi bagi sejuta penduduk.

4.52 Kategori pentadbiran dan pengurusan dijangka meningkat pada kadar 6.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan iaitu merupakan 6.6 peratus daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan. Dalam kategori ini, pengurus dan penyelia yang mempunyai kemahiran komputer dan kebolehan teknikal akan diperlukan. Kategori pekerja perkeranian dan berkaitan dijangka meningkat pada kadar 3.2 peratus setahun dan merupakan 11.7 peratus daripada pekerjaan baru yang diwujudkan. Dengan bertambahnya penggunaan teknologi maklumat dalam pentadbiran dan pengurusan pejabat, kemahiran pekerja dalam kategori ini dijangka beralih kepada prosedur kerja yang lebih berautomasi. Terdapat peningkatan permintaan terhadap pekerja terlatih dalam kemahiran mengendalikan papan kekunci dan pengetahuan perisian komputer. Sebahagian besar daripada permintaan pekerja perkhidmatan adalah bagi perkhidmatan pelancongan dan keraian serta sektor kecil perkhidmatan persendirian. Kira-kira 188,000 pekerjaan baru akan diwujudkan iaitu merupakan 16.3 peratus daripada jumlah bersih pekerjaan yang diwujudkan. Dengan bertambahnya penggunaan teknologi berdasarkan komputer untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kaunter dan pentadbiran di hotel dan agensi pelancongan, kakitangan terlatih dalam kemahiran komputer akan diperlukan.

4.53 Dalam tempoh Rancangan, pekerja pengeluaran dijangka merupakan 43.2 peratus daripada tambahan permintaan terhadap tenaga manusia berbanding dengan 57.2 peratus dalam tempoh RME. Dengan bertambah pesatnya proses perindustrian dan penyusunan semula ekonomi ke arah automasi dan robotik, lebih ramai pekerja pengeluaran yang mempunyai pengetahuan komputer dan berkebolehan mengendalikan mesin automatik akan diperlukan.

4.54 Bagi kategori pekerja pertanian pula, terdapat pengurangan bersih pekerjaan sebanyak 175,400 dalam tempoh RMT. Kategori pekerjaan ini termasuk pengurus dan penyelia ladang, petani, pekerja pertanian dan penternak, pekerja perhutanan, nelayan serta pekerja tapak semaian dan tukang kebun. Jumlah pengurus dan penyelia ladang serta pekebun kecil dijangka merosot disebabkan pengurangan kawasan ladang dan tanaman makanan serta tenaga kerja sektor pertanian yang semakin tua. Walau bagaimanapun, pengusaha atau kontraktor yang menyediakan buruh ladang dan perkhidmatan pengurusan dalam pengeluaran tanaman dan penuaian akan menjadi semakin penting untuk menjaga kawasan pertanian atau kawasan pengeluaran tanaman yang masih ada. Dengan meningkatnya proses pembandaran dan bertambahnya taman rekreasi dan taman bunga, pekerja tapak semaian dan tukang kebun yang mahir untuk perkhidmatan lanskap dan hortikultur akan diperlukan bagi menambah keindahan tempat-tempat awam dan komersil.

#### **Teras Dasar Sumber Manusia Bagi RMT**

4.55 Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh RMT dan gunatenaga dijangka terus berkembang. Langkah-langkah akan diambil bagi menangani halangan dalam pasaran buruh serta membina asas sumber manusia yang kukuh pada masa hadapan. Oleh itu, teras dasar yang strategik bagi pembangunan sumber manusia adalah seperti berikut:

- o menggalakkan pengeluaran yang lebih berintensifkan modal supaya menjimatkan penggunaan buruh dan dengan itu mengurangkan pergantungan terhadap buruh asing;
- o meningkatkan penggunaan tenaga buruh tempatan, termasuk meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam pasaran buruh;
- o meningkatkan produktiviti buruh melalui usaha yang lebih giat dalam aspek latihan kemahiran dan latihan semula;
- o memperbaiki lagi sistem penyampaian pendidikan dan latihan serta menambah kemudahan pendidikan dan latihan dengan tujuan meningkatkan penawaran tenaga manusia mahir dan berpengetahuan;
- o meningkatkan penawaran kakitangan P&P termasuk saintis dan ahli teknologi;
- o menggalakkan penyertaan sektor swasta yang lebih meluas dalam pembangunan sumber manusia bagi melengkapkan lagi usaha Kerajaan;
- o menggalakkan pelaksanaan mekanisme upah yang mengaitkan upah dengan produktiviti;

- o menghapuskan halangan dalam pasaran buruh melalui sistem maklumat pasaran buruh yang lebih baik;
- o mengkaji semula undang-undang dan peraturan buruh yang tidak selaras dengan perubahan yang dinamik dalam pasaran buruh;
- o mananamkan sikap berdisiplin dan juga nilai-nilai positif sejagat yang lain di kalangan tenaga kerja; dan
- o mengorientasi semula kecenderungan masyarakat dan individu terhadap pekerjaan mahir dan teknikal yang lain.

### **Meningkatkan Intensiti Modal**

4.56 Dalam tempoh RMT, sebagai sebahagian daripada proses pengubahsuaian, firma akan terus digalakkan untuk beralih kepada kaedah dan proses pengeluaran berintensifkan modal serta menyusun semula organisasi kerja mereka supaya mudah membuat perubahan dan penyesuaian. Bagi memudahkan membuat perubahan dan penyesuaian dalam sektor pembuatan, Kerajaan akan memperkenalkan langkah baru selaras dengan Kajian Selepas Pelan Induk Perindustrian. Pembangunan industri barang modal tempatan akan juga ditingkatkan lagi untuk memastikan terdapatnya lebih banyak barang modal dalam negara. Pada masa yang sama, Kerajaan tidak akan menggalakkan lagi penubuhan industri yang berintensifkan buruh yang mempunyai modal pelaburan setiap pekerja kurang daripada RM55,000. Walau bagaimanapun, pengecualian akan diberi kepada mana-mana industri yang menepati salah satu daripada syarat-syarat berikut:-

- o mempunyai nilai ditambah melebihi 30 peratus;
- o terletak di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- o mempunyai tenaga manusia dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan melebihi 15 peratus daripada jumlah gunatenaga; dan
- o mengusahakan aktiviti yang berintensifkan teknologi dan pengetahuan yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986.

Modal pelaburan setiap pekerja dan syarat-syarat pengecualian akan dikaji semula mengikut keadaan.

4.57 Pergantungan terhadap buruh asing dijangka dapat dikurangkan dengan meningkatnya intensiti modal. Walau bagaimanapun, penggunaan buruh asing yang berterusan adalah diperlukan dalam sektor seperti pertanian, pembinaan dan perkhidmatan domestik. Bagi sektor yang lain, Kerajaan akan hanya membenarkan

kemasukan buruh asing secara terkawal dan terpilih. Pelaksanaan dasar mengenai penggajian buruh asing, yang sekarang ini berdasarkan kepada keperluan sektor, akan dihentikan secara berperingkat apabila penawaran buruh tempatan dapat memenuhi permintaan buruh dan setelah firma semakin menggunakan teknologi penjimatan buruh. Dalam melaksanakan dasar ini, Kerajaan akan memastikan keutamaan diberikan kepada warga Malaysia supaya mereka tidak akan kehilangan peluang pekerjaan dan pendapatan. Walau bagaimanapun, dasar berkaitan dengan penggajian pakar asing dan tenaga kerja asing yang berkemahiran tinggi akan diteruskan.

### **Meningkatkan Penawaran Buruh Tempatan**

4.58 Penggunaan buruh tempatan secara lebih meluas termasuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita dan penggunaan lebih ramai warga kurang upaya bagi pekerjaan yang sesuai akan digalakkan. Pesara-pesara boleh diambil bekerja semula berdasarkan kes demi kes di dalam kategori pekerjaan tertentu sama ada dalam sektor awam atau swasta dengan syarat mereka masih produktif. Kerajaan akan menubuhkan satu unit khas bagi memudahkan pesara-pesara yang mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan diambil bekerja semula untuk mengatasi kekurangan tenaga manusia. Kerajaan kini sedang mengkaji semula Akta Kerja, 1955 dengan tujuan meminda undang-undang berkaitan dengan kerja separuh masa. Ini membolehkan kaum wanita diambil bekerja secara optimum dalam pekerjaan separuh masa. Untuk meningkatkan lagi penyertaan kaum wanita, firma-firma digalak mengamalkan peraturan kerja yang fleksibel dengan memperkenalkan cuti tanpa menjelaskan kerjaya pekerja, perkongsian kerja dan kelonggaran masa bekerja bagi pekerja wanita sepenuh masa. Pendekatan yang mengambilkira kepentingan keluarga ini bertujuan memberi kelonggaran kepada kaum wanita untuk mengimbangi masa antara kerjaya dan keluarga. Di samping itu, penggunaan teknologi maklumat yang lebih meluas akan memberi peluang kepada wanita untuk bekerja dari rumah mereka. Warga Malaysia yang bekerja di luar negara akan juga digalakkan pulang bekerja di Malaysia.

### **Meningkatkan Produktiviti Buruh**

4.59 Memandangkan terdapatnya peralihan ke arah ekonomi yang didorong oleh produktiviti, teras strategi pembangunan sumber manusia dalam tempoh RMT ialah meningkatkan kecekapan penggunaan buruh melalui peningkatan produktiviti. Dalam hal ini, usaha akan dilaksanakan secara lebih aktif dalam tempoh Rancangan untuk meningkatkan kemahiran tenaga buruh melalui latihan dan latihan semula, menggalakkan peningkatan kecekapan dan inisiatif pengurusan serta memajukan pengetahuan sains dan teknologi.

4.60 Usaha akan dipergiatkan lagi untuk menyusun semula organisasi kerja dan memperbaiki amalan perhubungan perindustrian dengan tujuan meningkatkan

produktiviti buruh. Dalam hal ini, firma akan digalakkan menyusun semula amalan kerja supaya mudah diubah, kuasa membuat keputusan dapat diagih, serta penyertaan yang lebih di kalangan pekerja dapat digalakkan dalam proses pengeluaran. Firma perlu menggalakkan pembelajaran dalam organisasi supaya terdapat penyatuan antara pemikiran dan amali dalam proses pengeluaran serta menggalakkan kerja berkumpulan dan inovasi.

4.61 Memandangkan kerumitan yang timbul untuk mengurus perubahan hasil daripada pengenalan sistem kerja yang baru dan menyedari bahawa komponen sumber manusia merupakan bahagian penting dalam sistem tersebut, sebuah institusi yang khusus yang dikenali sebagai Institut Buruh Negara akan ditubuhkan dalam tempoh Rancangan. Ianya akan menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan buruh untuk meningkatkan kemahiran dan tahap profesionalisme di kalangan wakil pekerja dan majikan serta pegawai Kerajaan dalam bidang perhubungan perindustrian dan perundangan buruh.

### **Meningkatkan Sistem Penyampaian Pendidikan dan Kemahiran**

4.62 Sistem penyampaian pendidikan dan kemahiran akan dipertingkatkan dan diorientasi semula, untuk memenuhi keperluan kemahiran yang kian meningkat dalam ekonomi. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan meneruskan reformasi pendidikan yang telah pun dimulakan dalam tempoh RME. Reformasi ini termasuk penukaran secara berperingkat sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik, penyusunan semula institusi-institusi pengajian tinggi termasuk mengkorporat dan memendekkan tempoh kursus tertentu di peringkat pendidikan tinggi. Pengajaran bahasa Inggeris akan diberi penekanan yang lebih bagi meningkatkan penguasaan dalam bahasa tersebut dan seterusnya membantu dalam kemajuan kerjaya. Di samping itu, insentif-insentif baru dan perubahan kepada skim perkhidmatan akan diperkenalkan bagi menarik dan mengekalkan guru dan pengajar terutamanya bagi mata pelajaran sains dan teknikal. Peningkatan kualiti juga akan dilaksanakan melalui perubahan-perubahan dalam kurikulum, pembangunan serta penggunaan perisian komputer untuk pengajaran terutamanya dalam bidang kejuruteraan, peningkatan kemudahan latihan dan penyediaan pengajar dan guru yang lebih terlatih. Di peringkat pendidikan tinggi pula, Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 (Pindaan 1975) akan dipinda bagi membolehkan universiti memainkan peranan yang lebih dinamik dalam penyediaan pendidikan di peringkat tinggi.

4.63 Di samping usaha meningkatkan sistem penyampaian, lebih banyak peluang pendidikan dan latihan akan disediakan untuk menambah penawaran tenaga manusia berpendidikan dan mahir yang diperlukan oleh ekonomi yang pesat berkembang. Ini akan dilaksanakan melalui peningkatan kapasiti institusi yang sedia ada, penggunaan kemudahan latihan secara optimum, penubuhan institusi pendidikan dan latihan yang baru, perkembangan program pendidikan jarak jauh dan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara terutamanya dalam bidang-bidang kritikal. Institusi pendidikan awam

akan terus menjadi penyumbang utama tenaga manusia berpendidikan dan mahir. Institusi-institusi ini dijangka mengeluarkan seramai 53,250 lepasan sains dan teknikal serta bilangan yang sama bagi lepasan sastera dalam tempoh Rancangan. Kira-kira 80 peratus daripada keluaran sains dan teknikal adalah dalam kejuruteraan iaitu selaras dengan keperluan tenaga manusia mahir di peringkat tinggi. Bagi menyediakan kemahiran asas kepada mereka yang meninggalkan sistem persekolahan pada usia yang muda, Kerajaan akan mendirikan 72 buah Pusat Giat MARA di seluruh negara sebagai tambahan kepada 123 pusat yang sedia ada.

### **Menambah Kakitangan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P)**

4.64 Nisbah saintis dan ahli teknologi P&P setiap sejuta penduduk pada masa sekarang adalah rendah dan memerlukan usaha yang lebih giat bagi menambah penawaran kakitangan P&P dalam tempoh Rancangan. Dalam hal ini, institusi-institusi pendidikan tinggi perlu memainkan peranan yang penting untuk mengeluarkan saintis dan ahli teknologi yang diperlukan dalam tempoh Rancangan. Keupayaan mengajar dan P&P di institusi pendidikan tinggi akan diperkuatkan melalui peruntukan sumber yang lebih banyak. Sehubungan ini, Tabung Sains dan Teknologi Sumber Manusia sebanyak RM300 juta akan ditubuhkan bagi menyediakan biasiswa untuk pengajian lepasan ijazah dan ijazah kedoktoran serta penyelidikan di peringkat siswazah. Ini bukan sahaja akan menambah bilangan penyelidik dan saintis tetapi juga akan mewujudkan pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan teknologi. Kemudahan ini akan disediakan untuk kegunaan sektor awam serta swasta dan garis panduan pelaksanaan yang sewajarnya akan disediakan. Selain daripada pengambilan saintis asing, Kerajaan akan menggalak saintis Malaysia yang berada di luar negara kembali berkhidmat di negara ini. Bidang utama yang dikenalpasti ialah pembuatan termaju, bahan-bahan termaju, bioteknologi, elektronik, teknologi maklumat, aerospace dan tenaga serta bidang sokongan yang berkaitan.

### **Meningkatkan Penyertaan Sektor Swasta**

4.65 Kerajaan akan terus memainkan peranan sebagai penggerak utama latihan dan pendidikan, sementara sektor swasta dijangka memainkan peranan yang lebih bermakna dalam mewujudkan kemahiran baru dan membangunkan skim latihan baru dalam bidang teknologi baru muncul. Di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, 1996 sektor swasta dibenarkan menubuhkan institusi penganugerahan ijazah dan membenarkan universiti asing mendirikan kampus cawangan di Malaysia. Hasilnya, keluaran tenaga kerja berpendidikan tinggi dan berpengetahuan dijangka bertambah pada penghujung dekad ini.

4.66 Institusi-institusi latihan dan pendidikan yang diuruskan oleh syarikat-syarikat korporat utama seperti PETRONAS, TNB dan Telekom Malaysia perlu menambah kapasiti mereka terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Syarikat lain yang mempunyai kepentingan Kerajaan yang besar akan juga digalak untuk

menubuhkan kemudahan yang sama. Memandangkan bahawa teknologi baru biasanya wujud di syarikat multinasional, usaha-usaha perlu ditingkatkan bagi menggalak penubuhan institusi latihan melalui kerjasama antara Kerajaan, syarikat dan Kerajaan asing. Ke arah ini, Institut Teknikal Jepun-Malaysia yang akan memberi tumpuan kepada mekatronik, instrumentasi, sistem kawalan dan kejuruteraan pengeluaran, akan ditubuhkan dengan bantuan Kerajaan Jepun. Institut ini yang dijangka mula beroperasi pada awal tahun 1998, akan mengambil seramai 200 pelatih. Sebuah lagi institut kemahiran peringkat tinggi iaitu Institut Jepun (NIPPON) Malaysia dijangka ditubuhkan di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah untuk memenuhi keperluan tenaga manusia yang berkemahiran tinggi terutamanya dalam bidang teknologi tinggi.

4.67 Menyedari kepentingan latihan sambil bekerja terutamanya dalam kemahiran industri, satu skim perantisan baru yang diselaraskan oleh KWPSM akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan. Di bawah skim ini, firma dijangka menyediakan program latihan sambil bekerja yang teratur untuk pelajar. Sebaik sahaja tamat menjalani program latihan tersebut, firma-firma digalakkan mengambil mereka bekerja dan seterusnya menghantar mereka untuk mengikuti latihan lanjutan. Firma yang menyertai skim ini akan layak mendapat bayaran balik daripada KWPSM. Untuk memastikan terdapatnya penawaran calon bagi skim perantisan, Kerajaan telah memperkenalkan program untuk memberi pendedahan dan juga menggalakkan para pelajar peringkat menengah tinggi menceburi kerjaya dalam bidang teknikal dan perindustrian. Ia juga memberi peluang kepada pelajar menggunakan masa dengan produktif sementara menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

4.68 Bagi melengkap latihan sebelum bekerja, penekanan yang lebih akan diberi bagi menggalakkan latihan dalaman oleh firma. Dalam hal ini, liputan dan program KWPSM yang telah ditubuhkan dalam tempoh RME, akan diperluaskan bagi memenuhi keperluan kemahiran selaras dengan perubahan teknologi yang pesat serta persaingan antarabangsa yang semakin meningkat. Bagi menyokong inisiatif sektor swasta dalam pembangunan kemahiran, Kerajaan akan memperuntukkan RM100 juta di samping menyediakan kemudahan-kemudahan lain. Garis panduan berhubung dengan penggunaan peruntukan ini akan disediakan.

### **Mengaitkan Upah Dengan Produktiviti**

4.69 Memandangkan keadaan kekurangan kemahiran yang berterusan, upah dijangka meningkat dalam tempoh Rancangan. Sungguhpun upah yang meningkat akan menambah pendapatan isirumah, peningkatan upah yang tidak mencerminkan peningkatan produktiviti akan mengakibatkan tekanan yang tidak sewajarnya ke atas harga dan mengurangkan pendapatan sebenar. Oleh itu, adalah penting produktiviti buruh dipertingkatkan supaya ekonomi yang lebih berdaya saing dapat menampung tahap upah yang lebih tinggi. Usaha yang lebih giat perlu diambil dalam tempoh Rancangan bagi meningkatkan tahap produktiviti. Sehubungan ini, pembangunan

kemahiran yang bertujuan memperbaiki kualiti tenaga kerja, menambahkan penggunaan modal serta memusat dan meningkatkan penggunaan teknologi akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti individu dan firma.

4.70 Pada masa yang sama, sektor swasta perlu melaksanakan dengan segera skim upah yang mengaitkan ganjaran dengan produktiviti pekerja. Ini akan dapat membantu mengawal inflasi serta memperkuuhkan daya saingan. Satu penyiasatan yang baru3 dijalankan menunjukkan kira-kira 60 peratus daripada perjanjian bersama yang sedang berkuatkuasa mengandungi komponen yang mengambil kira produktiviti atau prestasi seperti perkongsian keuntungan, bonus insentif kualiti kecekapan, insentif kemahiran, bonus bukan kontraktual dan kenaikan gaji mengikut merit. Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta akan mengkaji beberapa skim upah dengan tujuan mengenalpasti skim alternatif bagi membolehkan firma mengaitkan upah dengan produktiviti serta menggalakkan penggunaan skim upah tersebut secara lebih meluas. Sehubungan ini, Kerajaan akan memperbaiki sistem data untuk membolehkan upah serta ukuran produktiviti diawasi dengan lebih berkesan. Definisi produktiviti yang jelas dan pengukuran yang telus adalah penting bagi penerimaan yang meluas terhadap skim upah tersebut. Garis panduan untuk pelaksanaan sistem upah yang berkaitan dengan produktiviti akan juga diperkenalkan.

### **Memperbaiki Mobiliti Pasaran Buruh**

4.71 Bagi mengatasi halangan dan menggalakkan mobiliti dalam pasaran buruh dan dengan itu memudahkan pergerakan tenaga manusia antara negeri dan pekerjaan serta tahap kemahiran, infrastruktur maklumat pasaran buruh akan diperkuuhkan. Rangkaian maklumat pasaran buruh bukan sahaja secara tradisi memberi khidmat sebagai perantara di antara majikan dan pekerja berhubung dengan aktiviti mencari pekerjaan dan menempatkan pekerja tetapi juga akan lebih proaktif dalam mengawas dan menyebarkan maklumat pasaran buruh kepada majikan, pekerja dan golongan lepasan sekolah.

4.72 Sehubungan ini, Sistem Maklumat Latihan Vokasional (VOCATIONS) sedang dirangka untuk menyediakan satu rangkaian maklumat berkomputer dan bersepada yang menghubungkan semua agensi latihan awam utama yang terlibat dalam latihan vokasional. Maklumat pasaran buruh yang akan disebar melalui sistem ini termasuk maklumat mengenai agensi latihan, program latihan serta keperluan dan keluaran tenaga manusia mahir. Sistem ini dijangka dihubungkan kepada agensi pusat, agensi negeri dan sektor swasta dalam tempoh Rancangan.

### **Mengkaji Semula Undang-Undang Buruh**

4.73 Kerajaan akan terus mengkaji semula semua undang-undang buruh di mana perlu bagi memastikan peruntukan dalam undang-undang tersebut adalah selaras dengan perubahan dinamik yang sedang berlaku dalam pasaran buruh. Sehubungan

ini, Akta Kerja, 1955 sedang dipinda bagi memudahkan pengambilan lebih ramai pekerja sambilan seperti suri rumah, pekerja sendiri dan pelajar yang memerlukan pekerjaan separuh masa atau sementara. Peruntukan bersabit dengan upah akan juga dikaji semula untuk membolehkan majikan memperkenalkan bayaran insentif kepada pekerja yang produktif. Ini akan memudahkan usaha ke arah pelaksanaan yang lebih meluas skim upah berdasarkan produktiviti di sektor swasta. Di samping itu, Kerajaan juga akan mengkaji Akta Pampasan Pekerjaan, 1952 untuk menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada pekerja.

### **Menerapkan Nilai-Nilai Positif**

4.74 Dalam usaha menuju ke arah ekonomi yang berdasarkan perindustrian, langkah untuk meningkatkan penawaran tenaga manusia mahir perlu dilengkapi dengan penerapan nilai positif sejagat termasuk etika kerja yang baik bagi membentuk tenaga buruh yang berkualiti tinggi. Warga Malaysia perlu diterapkan dengan nilai yang menitikberatkan pencapaian kecemerlangan, disiplin yang tinggi serta etika kerja positif yang lain seperti tekun, jujur dan iltizam. Nilai-nilai lain yang perlu dititikberatkan termasuk sikap toleransi, baik hati, syukur, penyayang dan kejiraninan untuk menggalakkan harmoni dan perpaduan sosial. Lebih banyak program motivasi dan pembinaan sikap perlu dibentuk bagi mengukuhkan penerapan nilai dan perubahan sikap di kalangan semua warga Malaysia untuk pembangunan negara.

### **Mengorientasi Semula Kecenderungan Masyarakat dan Individu Kepada Pekerjaan Teknikal**

4.75 Menyedari bahawa negara akan memerlukan lebih ramai tenaga manusia yang mempunyai kecekapan teknikal, usaha yang lebih akan ditumpukan ke arah meningkatkan kesedaran awam terhadap pentingnya pendidikan vokasional dan teknikal. Pada masa ini, pelajar dan ibu bapa kurang cenderung terhadap pekerjaan mahir dan teknikal yang lain. Usaha utama mengurangkan salah tanggapan terhadap pekerjaan tersebut adalah melalui pembangunan kerjaya untuk pekerja mahir yang selari dengan pembangunan kerjaya yang berasaskan akademik. Sehubungan ini, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan akan membangunkan standard pentaulahan yang sesuai bagi membolehkan pekerja mahir maju ke tahap pakar ketukangan. Dengan wujudnya pembangunan kerjaya ini, pakar ketukangan akan diberi pengiktirafan dan status yang sama dengan profesional yang terlatih secara akademik. Skim yang sama dengan standard pentaulahan yang ketat akan dirangka bagi profesi lain untuk menyediakan kemajuan kerjaya. Program kesedaran akan juga dijalankan di sekolah dan tempat awam serta melalui media massa supaya masyarakat lebih cenderung kepada pekerjaan vokasional dan teknikal.

#### **IV. PENUTUP**

4.76 Pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tempoh RME beserta dengan permintaan buruh yang meningkat telah mengakibatkan kekurangan tenaga manusia. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi meningkatkan penawaran tenaga manusia termasuk memperkenalkan reformasi pendidikan, memperbaiki sistem penyampaian kemahiran dan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pendidikan dan latihan kemahiran.

4.77 Cabaran utama kepada ekonomi dalam tempoh RMT ialah keupayaannya untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti buruh. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam jangka panjang dan peningkatan kualiti hidup warga Malaysia akan bergantung kepada kualiti sumber tenaga manusia. Oleh itu, pelaburan semasa dan akan datang hendaklah ditumpukan kepada pembentukan sumber tenaga manusia. Negara akan memperuntukkan sumber yang lebih bagi pembangunan sumber manusia agar dapat mempercepatkan proses pembangunan. Peningkatan penggunaan sumber manusia akan dicapai melalui penyesuaian permintaan dengan penawaran tenaga manusia. Di samping sektor swasta memainkan peranan yang semakin penting dalam proses latihan dan pendidikan, Kerajaan akan memberi kerjasama dengan mewujudkan suasana dasar pasaran buruh yang dinamik bagi membolehkan penggunaan sumber manusia yang lebih berkesan. Ini, antara lain, termasuklah keharmonian dalam industri serta penyediaan maklumat pasaran buruh yang lebih baik.

## **BAB 5 : PEMBANGUNAN WILAYAH**

### **I. PENDAHULUAN**

5.01 Objektif pembangunan wilayah secara keseluruhannya adalah untuk memastikan pencapaian pembangunan yang lebih seimbang menerusi pengagihan manfaat pembangunan secara lebih saksama di antara dan di dalam negeri. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), kemajuan yang memberangsangkan telah dicapai dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosio-ekonomi negeri-negeri yang telah membawa kepada pertambahan pendapatan serta peningkatan taraf dan kualiti hidup. Pada umumnya, ekonomi negeri-negeri yang terletak di koridor pantai barat Semenanjung Malaysia telah berkembang lebih tinggi daripada purata negara disebabkan pertumbuhan pesat sektor kedua dan ketiga di negeri tersebut. Negeri lain yang ekonominya terus bergantung kepada aktiviti berasaskan sektor pertama telah mencapai kadar pertumbuhan yang sederhana. Beberapa program dan projek usaha sama telah dilaksanakan di kawasan Pertumbuhan Segitiga yang dijangka mewujudkan kesan limpahan dan memanfaatkan negeri-negeri di Malaysia yang menyertai segitiga serta rantau kecil keseluruhannya.

5.02 Dari segi pembangunan sosio-ekonomi di kawasan bandar dan luar bandar, kemajuan juga telah dicapai dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk menerusi penyediaan kemudahan infrastruktur dan sosial yang mencukupi. Dalam hubungan ini, proses pemberdayaan telah memberi sumbangan yang besar kepada usaha menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik untuk penduduk bandar dan juga di kawasan pedalaman.

5.03 Teras pembangunan wilayah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) adalah untuk mencapai pembangunan wilayah yang seimbang menerusi usaha mengekalkan momentum pertumbuhan terutamanya di negeri kurang maju dengan memberi tumpuan kepada penggunaan sumber secara produktif dan cekap. Strategi pembangunan wilayah yang akan dilaksanakan dalam tempoh ini mempunyai dimensi nasional dan juga antarabangsa. Di peringkat nasional, penekanan akan diberi kepada usaha memaksimumkan penggunaan sumber yang belum diterokai dan meningkatkan potensi ekonomi negeri dan wilayah. Bagi tujuan ini, tumpuan akan terus diberi untuk mempelbagaikan asas ekonomi negeri-negeri kurang maju daripada aktiviti sektor pertanian kepada pembuatan dan perkhidmatan untuk meningkatkan potensi pertumbuhan negeri-negeri berkenaan. Tumpuan juga akan diberi bagi meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk melalui penyediaan kemudahan moden di bandar dan luar bandar. Di peringkat antarabangsa, kerjasama ekonomi rantau kecil melalui Pertumbuhan Segitiga akan dilaksanakan ke arah mewujudkan peluang perdagangan dan pelaburan yang lebih besar kepada negara keseluruhannya

dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kalangan negeri yang terlibat.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

5.04 Teras pembangunan wilayah dalam tempoh RME adalah untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi di antara wilayah dan negeri di samping meningkatkan taraf serta kualiti hidup penduduk terutamanya di negeri kurang maju. Kemajuan yang besar telah dicapai dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negeri dan memperluaskan infrastruktur fizikal, ekonomi dan sosial bagi meningkatkan pembangunan. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh, peningkatan pembandaran dan pembangunan sosio-ekonomi telah menaikkan pendapatan purata dan taraf serta kualiti hidup penduduk. Kemajuan juga telah diperolehi dalam usaha mencapai objektif kerjasama ekonomi rantau kecil melalui pembentukan dan pelaksanaan tiga kawasan Pertumbuhan Segitiga.

### **Pertumbuhan dan Taburan Penduduk mengikut Negeri**

5.05 Perubahan saiz dan taburan penduduk di peringkat subnasional boleh memberi gambaran mengenai penumpuan penduduk di sesuatu kawasan dan di mana pembangunan sepatutnya ditumpukan serta meningkatkan kefahaman mengenai proses pembandaran negara. Berdasarkan kepada Banci Penduduk dan Perumahan, 1991, Malaysia mempunyai penduduk seramai 18.55 juta pada tahun 1991 dengan empat per lima atau 14.96 juta tinggal di Semenanjung. Selangor adalah negeri yang mempunyai penduduk paling ramai iaitu 2.43 juta, diikuti oleh Johor iaitu 2.19 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-1. Kedua-dua negeri ini mencatatkan sebanyak 25 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Perak yang merupakan negeri paling ramai penduduk dalam dekad tujuh dan lapan puluhan telah merosot ke tempat ketiga disebabkan kadar pertumbuhan penduduknya yang terus rendah. Sabah yang penduduknya seramai 1.87 juta pada tahun 1991 telah melebihi penduduk Sarawak buat pertama kalinya disebabkan kadar pertumbuhan penduduknya yang tinggi. Sabah telah mengalami pertambahan penduduk yang ketara dengan bilangan penduduknya menjadi kira-kira 10 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1991 berbanding hanya 7.6 peratus pada tahun 1980.

5.06 Corak penghijrahan di antara negeri dan peningkatan kadar semulajadi penduduk telah mempengaruhi taburan dan struktur penduduk di peringkat subnasional. Dalam tempoh 1980-91, Sabah telah mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tertinggi sebanyak 5.2 peratus setahun, diikuti oleh Selangor 4.3 peratus setahun. Kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di Sabah adalah terutamanya disebabkan oleh kemasukan migran negara luar yang ramai ke negeri tersebut. Berdasarkan Banci 1991, daripada sejumlah 300,000 migran yang masuk dari negara luar ke negara ini dalam tempoh 1986-91, kira-kira 40.8 peratus telah

memasuki Sabah. Kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di Selangor sebahagian besarnya disebabkan migrasi masuk bersih yang tinggi ke negeri tersebut. Migran yang masuk ke Selangor terdiri daripada mereka yang tertarik kepada peluang pekerjaan yang semakin meningkat berikutan pertumbuhan ekonomi negeri tersebut yang pesat di samping mereka yang bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi memilih untuk menetap di Selangor. Di samping itu, Kelantan dan Terengganu, masing-masing mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi sebanyak 2.8 peratus dan 3.6 peratus setahun disebabkan kadar kesuburan yang lebih tinggi di negeri-negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, Perak mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang terendah sebanyak 0.9 peratus setahun. Di samping kadar pertumbuhan semulajadi yang rendah, Perak terus menjadi antara negeri utama yang mengalami pengaliran keluar penduduk terutama ke negeri jirannya iaitu Selangor.

5.07 Bagi tempoh 1991-95, penduduk Malaysia meningkat sebanyak 2.7 peratus setahun, mencapai 20.69 juta pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-1. Kadar pertumbuhan penduduk yang secara relatifnya tinggi ini adalah disebabkan peningkatan yang ketara penduduk bukan warganegara dalam tempoh Rancangan. Sabah terus mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tertinggi sebanyak 2 peratus setahun disebabkan kadar kesuburan dan migrasi masuk dari luar negara yang tinggi. Selangor juga telah mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi sebanyak 3.7 peratus setahun dan mencapai 2.82 juta pada tahun 1995. Dari segi migrasi, Selangor terus menjadi negeri penerima bersih dalam tempoh ini. Kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di Kelantan dan Terengganu adalah disebabkan kadar pertambahan semulajadi yang lebih tinggi di negeri-negeri berkenaan. Sebaliknya, Perak terus mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang terendah diikuti oleh Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Negeri-negeri ini terus mengalami kadar pertambahan semulajadi yang rendah. Di samping itu, migrasi keluar yang tinggi ke negeri jiran juga menyumbang kepada kadar pertumbuhan penduduk yang rendah di negeri-negeri tersebut.

### **Pembangunan Ekonomi Negeri**

5.08 Pertumbuhan ekonomi yang kukuh di peringkat negeri telah menyumbangkan kepada prestasi ekonomi Malaysia yang menggalakkan yang berkembang sebanyak 8.7 peratus setahun dalam tempoh RME. Tahap aktiviti ekonomi dan pendapatan penduduk di setiap negeri telah meningkat seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan KDNK per kapita. Tujuh negeri telah mencatat kadar pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi daripada purata negara dengan Selangor berkembang sebanyak 10.9 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-2. Johor, Pulau Pinang, Kedah dan Melaka telah berkembang melebihi 9.0 peratus setahun manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, masing-masing berkembang pada kadar 8.8 peratus setahun. Pertumbuhan ekonomi yang sederhana dialami oleh Terengganu, Perlis, Perak, Pahang, Kelantan, Sabah dan

Sarawak. Negeri-negeri berkenaan telah mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK kurang daripada purata negara iaitu di antara 5.0 peratus hingga 8.0 peratus setahun.

5.09 Dari segi kadar pertumbuhan KDNK mengikut aktiviti ekonomi, sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan telah menjadi daya penggerak utama kepada pertumbuhan di semua negeri. Sektor pembuatan yang berkembang sebanyak 13.3 peratus setahun telah mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka di kebanyakan negeri. Selangor yang merupakan negeri paling pesat berkembang terus menjadi pusat perindustrian utama negara dengan sektor pembuatan berkembang sebanyak 12.9 peratus setahun. Sektor ini menyumbang lebih separuh daripada jumlah nilai ditambah negeri dan lebih daripada satu per tiga jumlah nilai ditambah sektor pembuatan negara. Kemudahan infrastruktur yang baik di Selangor terus menjadikannya destinasi utama pelaburan sektor pembuatan khususnya industri elektrik dan elektronik, perabot, perusahaan makanan dan logam yang dibentuk. Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor juga mencatatkan kadar pertumbuhan sektor pembuatan yang tinggi di antara 11.8 peratus hingga 16.2 peratus setahun. Sektor-sektor kecil yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi di negeri-negeri berkenaan termasuklah industri elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian.

5.10 Ekonomi Negeri-negeri Sarawak, Pahang, Kedah, Sabah dan Terengganu yang berdasarkan sektor pertanian dan perlombongan juga telah mencatatkan kadar pertumbuhan sektor pembuatan yang tinggi di antara 14.7 peratus hingga 19.4 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Pertumbuhan pesat sektor pembuatan di Kedah adalah tertumpu di kawasan perindustrian Sungai Petani dan Kulim. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh kesan limpahan aktiviti pembuatan dari Pulau Pinang. Sektor pembuatan juga telah muncul sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi di Pahang, Sabah, Sarawak dan Terengganu dengan pembangunan pesat industri kayu dan yang berdasarkan kayu serta petrokimia.

5.11 Sektor pembinaan telah mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka di kebanyakan negeri. Pertumbuhan yang menggalakkan sektor ini telah didorong oleh pelaksanaan projek infrastruktur serta harta tanah kediaman dan bukan kediaman. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sektor pembinaan telah berkembang dengan memberangsangkan iaitu sebanyak 17.4 peratus setahun terutamanya berikutan daripada pelaksanaan projek-projek besar seperti Kuala Lumpur City Centre dan sistem Rel Transit Ringan. Di Selangor, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang serta pembangunan pesat bangunan komersil dan kediaman telah menyumbang kepada pertumbuhan yang kukuh sektor ini sebanyak 12.7 peratus setahun.

5.12 Sektor perkhidmatan di kebanyakan negeri berkembang pada kadar di antara 7.8 peratus hingga 10.6 peratus setahun selaras dengan perluasan sektor pembuatan dan pembinaan. Sektor perkhidmatan telah menyumbang 83 peratus daripada jumlah

nilai ditambah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan berkembang pada kadar 10.1 peratus setahun. Di Selangor, sektor tersebut juga berkembang pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak 10.6 peratus setahun dalam tempoh berkenaan. Pertumbuhan yang pesat sektor ini di kedua-dua negeri tersebut adalah hasil daripada perluasan sektor kecil kewangan, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Kedua-dua negeri ini menyumbangkan kira-kira 41 peratus daripada jumlah nilai ditambah sektor perkhidmatan di peringkat negara.

5.13 Sektor pertanian telah berkembang pada kadar 2.0 peratus setahun dalam tempoh RME dengan bahagiannya kepada KDNK negara berkurang menjadi 13.6 peratus pada tahun 1995. Namun begitu, sektor pertanian yang masih kekal sebagai sektor penting di kebanyakan negeri secara amnya berkembang pada kadar di antara 2.0 peratus hingga 3.3 peratus setahun. Sebaliknya, Sarawak pula mencatatkan kadar pertumbuhan yang negatif sebanyak 0.3 peratus setahun disebabkan kemerosotan pengeluaran kayu balak. Sekiranya pengeluaran kayu balak tidak diambil kira, kadar pertumbuhan sektor pertanian di Sarawak ialah 2.4 peratus setahun. Negeri-negeri lain seperti Pahang dan Sabah juga mencatatkan kemerosotan pengeluaran kayu balak selaras dengan dasar Kerajaan mengenai pengurusan sumber hutan yang mampan. Walau bagaimanapun, Pahang dan Sabah telah mencatat pertumbuhan sektor pertanian yang tertinggi masing-masing pada kadar 3.3 peratus dan 3.1 peratus setahun. Sektor tersebut telah menyumbangkan kira-kira satu per tiga daripada jumlah nilai ditambah negeri masing-masing. Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit yang tinggi di kedua-dua negeri tersebut, didorong oleh harga minyak sawit yang kukuh. Johor mencatatkan kadar pertumbuhan sektor pertanian sebanyak 2.4 peratus setahun disebabkan peningkatan pengeluaran minyak sawit yang berupaya mengimbangi kemerosotan pengeluaran getah.

5.14 Sektor perlombongan telah berkembang pada kadar 2.9 peratus setahun dengan pengeluaran minyak mentah dan gas asli sebagai penyumbang utama. Terengganu adalah pengeluar terbesar minyak mentah dan gas asli, diikuti Sarawak dan Sabah. Sektor perlombongan yang telah berkembang sebanyak 6.9 peratus setahun di Terengganu adalah penyumbang terpenting kepada pertumbuhan ekonominya dan menyumbangkan lebih daripada separuh nilai ditambah negeri tersebut pada tahun 1995. Sumbangan sektor perlombongan kepada jumlah nilai ditambah Sarawak dan Sabah masing-masing adalah sebanyak 28.7 peratus dan 13.7 peratus pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah di Sarawak kekal di tahap semasa manakala di Sabah telah berkurangan selaras dengan Dasar Susutan Negara untuk mengekalkan sumber petroleum. Kemerosotan pengeluaran timah yang berterusan telah menyebabkan kadar pertumbuhan negatif sektor perlombongan di Pahang, Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, peningkatan aktiviti kuari bagi menyokong perkembangan projek

pembinaan terutamanya di Johor, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Selangor telah dapat mengimbangi prestasi yang rendah sektor perlombongan di negeri berkenaan.

5.15 Struktur ekonomi negeri terus mengalami peralihan yang ketara dengan pergantungan kepada sektor pertama1 semakin berkurangan. Peralihan struktur yang paling ketara di kalangan negeri telah dialami oleh Sabah dengan sumbangan sektor kedua2 dan ketiga3 kepada jumlah nilai ditambah negeri tersebut meningkat daripada 43.5 peratus pada tahun 1990 kepada 55.4 peratus pada tahun 1995. Ini diikuti oleh Kedah yang meningkat daripada 68.1 peratus kepada 79.7 peratus dalam tempoh yang sama. Peralihan struktur juga dialami oleh negeri-negeri yang lain seperti Sarawak, Perlis, Pahang, Terengganu dan Kelantan yang dahulunya lebih bergantung kepada sektor pertama.

5.16 Berikutan daripada suasana ekonomi yang menggalakkan dalam tempoh Rancangan, gunatenaga di peringkat negeri berkembang di antara 2.1 peratus hingga 5.6 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-3. Kadar pertumbuhan gunatenaga yang tinggi ini adalah hasil daripada perluasan yang pesat aktiviti pembuatan dan pembinaan di berbagai-bagai negeri. Dari segi pewujudan pekerjaan, sebahagian besar pekerjaan baru telah diwujudkan di Johor, Sabah, Selangor dan Sarawak. Daripada sejumlah 1.2 juta pekerjaan baru yang telah diwujudkan, lebih daripada separuh adalah disumbangkan oleh sektor pembuatan, kebanyakannya di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor. Sektor pembinaan yang menyumbangkan kira-kira satu per lima daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan adalah merupakan penyumbang kedua terbesar di kebanyakan negeri.

5.17 Walaupun kadar pertumbuhan tenaga buruh adalah tinggi iaitu sebanyak 2.9 peratus setahun, namun pertumbuhan pesat ekonomi telah menyebabkan permintaan ke atas buruh secara relatifnya menjadi lebih kukuh. Berikutan daripada itu, kadar pengangguran telah berkurang agak ketara dengan beberapa negeri mencatatkan kadar yang kurang daripada 2.0 peratus pada tahun 1995. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang mencatatkan kadar pengangguran yang terendah masing-masing sebanyak 0.5 peratus dan 0.7 peratus. Permintaan yang besar ke atas buruh di beberapa negeri juga telah menimbulkan masalah kekurangan buruh bagi beberapa sektor terutamanya di negeri-negeri koridor pantai barat. Walau bagaimanapun, Sabah dan Terengganu terus mengalami kadar pengangguran yang tinggi iaitu masing-masing sebanyak 5.6 peratus dan 5.1 peratus dalam tempoh Rancangan. Walaupun permintaan ke atas buruh di negeri-negeri ini adalah tinggi tetapi bilangan pekerjaan yang diwujudkan masih tidak mencukupi untuk memenuhi penawaran buruh yang besar di negeri berkenaan.

5.18 Pertumbuhan ekonomi di beberapa negeri sebahagian besarnya disebabkan peningkatan pelaburan swasta yang ketara terutamanya bagi sektor pembuatan. Jumlah pelaburan dalam projek pembuatan yang telah diluluskan meningkat sekali

ganda daripada RM58.6 bilion dalam tempoh 1986-90 kepada RM116.2 bilion dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-4. Daripada jumlah pelaburan tersebut, Selangor menerima pelaburan modal tertinggi sebanyak RM21.6 bilion, sebahagian besarnya adalah untuk industri elektrik dan elektronik serta peralatan pengangkutan. Terengganu menerima cadangan pelaburan modal yang kedua tertinggi bernilai RM16.4 bilion terutamanya untuk industri pembuatan besi dan keluli, kimia dan keluaran kimia serta penapisan petroleum. Johor pula menarik pelaburan modal sejumlah RM13.4 bilion untuk industri seperti elektrik dan elektronik, makanan serta tekstil dan keluaran tekstil.

5.19 Langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih besar sektor swasta bagi menerajui pertumbuhan industri pembuatan di negeri-negeri pantai timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mempercepatkan pembangunan kawasan perindustrian dalam tempoh Rancangan. Sejumlah 3,926 hektar kawasan perindustrian telah dibangunkan di negeri-negeri tersebut merangkumi 41.7 peratus daripada jumlah kawasan perindustrian yang dibangunkan di seluruh negara. Daripada jumlah itu, seluas 1,284 hektar telah dibangunkan di Sarawak, sebahagian besarnya khusus untuk industri berdasarkan kayu di Estet Perindustrian Kuala Baram dan Tanjung Manis. Di samping itu, sejumlah 1,025 hektar tanah perindustrian juga telah dimajukan di Pahang dan 656 hektar di Terengganu terutamanya untuk industri petrokimia serta kayu dan yang berasaskan kayu. Selaras dengan strategi Kerajaan untuk menujuhkan pusat pembangunan kemahiran di setiap negeri melalui kerjasama sektor swasta dan Kerajaan Negeri, pusat pembangunan kemahiran juga telah ditubuhkan di Pahang, Sarawak dan Terengganu. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran teknikal tenaga kerja di negeri-negeri berkenaan.

5.20 Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan pengagihan industri yang lebih seimbang dan menarik lebih banyak pelaburan ke negeri-negeri pantai timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Syarikat yang layak mendapat taraf perintis telah diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 85 peratus daripada pendapatan berkanun mereka untuk tempoh selama lima tahun jika menempatkan kilang mereka di negeri-negeri pantai timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak berbanding dengan pengecualian hanya sebanyak 70 peratus sekiranya menempatkan kilang di kawasan yang lain. Elaun cukai pelaburan juga telah dinaikkan daripada 60 peratus kepada 80 peratus untuk projek yang ditempatkan di kawasan yang diwartakan. Di samping itu, elaun infrastruktur sebanyak 100 peratus telah diberi untuk perbelanjaan yang dikeluarkan bagi pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jeti, jambatan, jalan sambungan, kabel elektrik, penyediaan air paip dan peralatan guna semula air sisa.

5.21 Prestasi pertumbuhan ekonomi yang kukuh di peringkat negeri digambarkan oleh peningkatan KDNK per kapita seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-2. Negeri-negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi seperti

Selangor, Johor, Pulau Pinang, Kedah, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan juga telah mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK per kapita yang tinggi. Perkembangan pesat aktiviti perindustrian dan perkhidmatan telah menyumbang kepada pertumbuhan KDNK per kapita yang tinggi di negeri-negeri berkenaan. Pulau Pinang mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK per kapita yang tertinggi sebanyak 8.2 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Sebaliknya, Sabah pula mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK per kapita yang negatif iaitu sebanyak 0.8 peratus setahun berikutan daripada kadar pertumbuhan penduduknya yang tinggi iaitu sebanyak 6.2 peratus setahun. Dari segi tahap KDNK per kapita, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai KDNK per kapita yang tertinggi pada tahun 1995 iaitu sekali ganda melebihi purata negara manakala KDNK per kapita Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang adalah kira-kira setengah kali lebih tinggi daripada purata negara.

5.22 Pertumbuhan ekonomi yang kukuh telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan isirumah di semua negeri dalam tempoh Rancangan. Pendapatan bulanan purata isirumah telah berkembang di antara 3.9 peratus hingga 11.2 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-5. Perkembangan peluang pekerjaan yang pesat di dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan terutamanya di negeri-negeri pantai barat Semenanjung telah meningkatkan bilangan penerima pendapatan bagi setiap isirumah dengan ketara. Di samping itu, harga getah dan minyak sawit yang tinggi pada tahun 1995 juga telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan isirumah luar bandar di semua negeri. Selangor telah mencatatkan peningkatan pendapatan isirumah yang tertinggi sebanyak 11.2 peratus setahun diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 11 peratus setahun dan Johor sebanyak 10.7 peratus setahun. Pendapatan bulanan purata isirumah di Sarawak telah meningkat sebanyak 8.1 peratus setahun berikutan daripada perluasan aktiviti pembuatan dan pembinaan di negeri tersebut. Walau bagaimanapun, pendapatan isirumah di Sabah meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 3.9 peratus setahun. Keupayaan yang rendah untuk memperolehi pendapatan di kalangan penduduk bukan warganegara yang berjumlah kira-kira satu per lima daripada penduduk Sabah telah menyumbangkan kepada pertumbuhan yang perlahan ini. Pendapatan isirumah penduduk warganegara di Sabah meningkat sebanyak 4.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan.

5.23 Selaras dengan peningkatan tahap pendapatan isirumah, kadar kemiskinan di semua negeri juga telah berkurang dalam tempoh Rancangan. Kedah mencatatkan pengurangan kadar kemiskinan yang paling tinggi berikutan daripada perluasan peluang pekerjaan di sektor pembuatan serta pengukuh harga getah dan minyak sawit yang telah menyumbang ke arah peningkatan pendapatan isirumah luar bandar di negeri tersebut. Sarawak, Perak, Sabah, Terengganu dan Melaka juga telah mencatatkan pengurangan yang besar dalam kadar kemiskinan berbanding dengan negeri yang lain. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan kadar kemiskinan yang terendah dengan wujudnya peluang pekerjaan yang banyak di negeri tersebut.

5.24 Walaupun kadar kemiskinan di Sabah, Terengganu dan Kelantan telah berkurang dengan ketara, negeri-negeri tersebut masih mencatatkan kadar kemiskinan yang tertinggi pada tahun 1995 iaitu masing-masing sebanyak 26.4 peratus, 23.7 peratus dan 23.2 peratus. Sabah mencatatkan bilangan isirumah miskin paling ramai berjumlah 116,500 dengan satu per tiga daripadanya adalah rakyat bukan warganegara. Kadar kemiskinan di Sabah pada tahun 1995 bagi warganegara ialah 22.6 peratus manakala di kalangan bukan warganegara ialah 38.9 peratus. Kelantan telah mencatatkan bilangan isirumah miskin yang kedua paling ramai berjumlah 61,900. Kadar kemiskinan yang tinggi di negeri-negeri berkenaan disebabkan kurangnya aktiviti ekonomi yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan di sektor pembuatan dan perkhidmatan kepada ahli isirumah miskin. Di samping itu, pergantungan berterusan isirumah miskin kepada aktiviti pertanian dan luar bandar yang tradisional telah menyebabkan pulangan dan pendapatan yang rendah kepada isirumah luar bandar. Oleh yang demikian, Sabah, Terengganu dan Kelantan telah mencatatkan kadar kemiskinan yang tertinggi di kalangan isirumah luar bandar masing-masing sebanyak 34.3 peratus, 33.5 peratus dan 27.4 peratus.

5.25 Kualiti hidup penduduk di semua negeri juga telah bertambah baik hasil daripada usaha Kerajaan yang berterusan menyedia dan meningkatkan pelbagai kemudahan infrastruktur fizikal dan sosial. Keadaan ini digambarkan oleh petunjuk sosio-ekonomi seperti kadar kematian bayi, bilangan doktor setiap 10,000 penduduk, kadar celik huruf, liputan bekalan air paip dan elektrik seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-6. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor berada di tahap paling tinggi dari segi menikmati kemudahan perkhidmatan sosial manakala Sabah, Kelantan dan Sarawak adalah yang terendah. Bagi kemudahan asas, kemajuan yang besar telah dicapai dalam meningkatkan liputan kemudahan bekalan air paip dan elektrik di Sabah dan Sarawak. Peratus penduduk yang dibekalkan dengan air paip di Sabah telah meningkat daripada 64.3 peratus pada tahun 1990 kepada 77.3 peratus pada tahun 1995 manakala di Sarawak meningkat daripada 70.1 peratus kepada 85.3 peratus dalam tempoh yang sama. Peratus penduduk yang menikmati kemudahan elektrik di Sabah pula telah meningkat daripada 48 peratus pada tahun 1990 kepada 78 peratus pada tahun 1995 manakala di Sarawak meningkat daripada 52 peratus kepada 80 peratus bagi tempoh yang sama.

5.26 Dalam tempoh RME, sejumlah RM22.6 bilion atau lebih satu per tiga daripada belanjawan pembangunan telah diperuntukkan kepada projek pelbagai negeri yang memberi manfaat kepada rakyat di berbagai-bagai negeri. Di antara projek tersebut termasuk pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, lapangan terbang dan landasan kereta api. Pembangunan pesat rangkaian pengangkutan dan komunikasi bukan sahaja telah melancarkan pengaliran sumber, barang dan perkhidmatan tetapi juga membantu penyebaran dan limpahan aktiviti ekonomi dan manfaat pembangunan merentasi negeri.

5.27 Pencapaian pembangunan ekonomi negeri bukan sahaja dapat digambarkan oleh tahap aktiviti ekonomi dan pendapatan seperti yang ditunjukkan oleh perubahan KDNK dan KDNK per kapita tetapi juga merangkumi tahap dan kualiti hidup sebagaimana dapat dilihat daripada berbagai-bagai petunjuk sosio-ekonomi. Berdasarkan kepada tahap KDNK per kapita pada tahun 1995, empat negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang mencatatkan kedudukan yang lebih tinggi daripada purata negara. Berdasarkan kepada indeks komposit pembangunan<sup>4</sup> yang dibentuk daripada gabungan petunjuk pembangunan sosial dan ekonomi, tujuh negeri didapati mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada purata negara pada tahun 1995. Negeri-negeri tersebut ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan Perak. Walau bagaimanapun, Terengganu yang mencatatkan KDNK per kapita yang lebih tinggi daripada purata negara mempunyai indeks komposit pembangunan yang lebih rendah daripada purata negara. Negeri-negeri lain iaitu Sabah, Kelantan, Sarawak, Perlis, Kedah, dan Pahang juga mempunyai indeks komposit pembangunan di bawah purata negara.

### **Pembangunan Bandar**

5.28 Dalam tempoh Rancangan, kepesatan kegiatan ekonomi bandar telah memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini terjadi adalah hasil daripada perluasan aktiviti ekonomi di pusat-pusat bandar terutamanya di sektor pembuatan dan pembinaan. Asas ekonomi bandar yang disokong oleh rangkaian perdagangan, perniagaan, kewangan dan pengangkutan telah dapat menyediakan rantaian ekonomi yang penting dan ini telah membolehkan ekonomi negara bergerak secara cekap. Hasilnya, penduduk bandar telah menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan kualiti hidup yang lebih baik.

5.29 Peluang ekonomi yang lebih besar yang terdapat di pusat-pusat bandar terus menarik migrasi masuk penduduk. Ini mengakibatkan tumpuan penduduk di pusat-pusat bandar tersebut semakin meningkat. Penduduk bandar juga menjadi semakin besar berikutan daripada penakrifan semula kawasan bandar<sup>5</sup> pada tahun 1991 yang mengambil kira kawasan tepubina yang bersempadan dengannya. Oleh itu, penduduk bandar telah meningkat daripada 4.75 juta pada tahun 1980 kepada 9.47 juta pada tahun 1991. Sehubungan dengan itu, kadar pembandaran telah meningkat daripada 34.2 peratus kepada 51.1 peratus dalam tempoh yang sama seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-7. Peningkatan kadar pembandaran ini turut digambarkan oleh pertambahan bilangan bandar yang ditakrifkan sebagai kawasan bandar daripada 67 pada tahun 1980 kepada 129 pada tahun 1991.

5.30 Taburan penduduk di kalangan pusat bandar telah menunjukkan corak yang serupa di antara tahun 1980 dan 1991 dengan lebih 70 peratus daripada penduduk bandar mendiami pusat bandar yang mempunyai penduduk melebihi 75,000 orang. Tumpuan terbesar penduduk bandar ialah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan

di ibu negeri dengan 11 daripadanya mempunyai penduduk melebihi 150,000 orang. Penumpuan penduduk yang melebihi 120,000 orang juga berlaku di pusat komersil seperti Klang, Taiping, Sibu dan Tawau.

5.31 Dalam tempoh 1991-95, penduduk bandar telah berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun, menjadi 11.3 juta orang pada tahun 1995. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Perak telah mencatatkan kadar pembandaran melebihi purata negara. Dari segi pertumbuhan penduduk bandar, Sabah dan Selangor masing-masing telah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan purata yang tertinggi sebanyak 7.9 peratus dan 6.1 peratus setahun disebabkan migran masuk yang besar ke kawasan bandar.

5.32 Penduduk bandar memperolehi pendapatan yang lebih tinggi hasil daripada perluasan aktiviti ekonomi bandar. Pendapatan bulanan purata isirumah bandar meningkat pada kadar 8.1 peratus setahun daripada RM1,617 pada tahun 1990 kepada RM2,596 pada tahun 1995 berbanding dengan luar bandar yang meningkat sebanyak 5.3 peratus setahun dalam tempoh yang sama. Isirumah bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memperolehi pendapatan yang tertinggi manakala mereka yang berada di Selangor dan Sarawak memperolehi pendapatan yang lebih tinggi daripada purata negara pada tahun 1995. Walaupun isirumah bandar di Perak, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Pahang memperolehi pendapatan di bawah purata negara, pendapatan mereka juga telah meningkat di antara 4.9 peratus dan 7.9 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Faktor ekonomi terus menjadi penentu kepada pertumbuhan yang tinggi pendapatan isirumah di kawasan bandar.

5.33 Pusat bandar yang dilengkapi dengan kemudahan moden yang berkualiti seperti pendidikan, perubatan, telekomunikasi dan perkhidmatan bandar bukan sahaja menyediakan peluang ekonomi yang lebih banyak tetapi juga kualiti hidup yang lebih baik kepada penduduknya. Di samping itu, kebanyakan bandar besar juga menjadi pusat pentadbiran, aktiviti kebudayaan, sukan dan rekreasi. Pusat-pusat bandar di tiga negeri yang paling tinggi kadar pembandarannya iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang masih menjadi tempat kediaman yang menarik kerana kepadatan penduduknya tidaklah begitu sesak seperti mana yang dialami oleh bandar raya utama yang lain di dunia. Bandar besar seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru juga mempunyai pusat bandar yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan ekonomi.

5.34 Walau bagaimanapun, pertumbuhan pusat bandar ini telah menambahkan kesesakan, meningkatkan nilai harta tanah dan kos upah serta mencemarkan alam sekitar. Di antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah tersebut termasuk menyedia dan meningkatkan kemudahan infrastruktur serta melaksanakan dasar penyebaran terutamanya yang berkaitan dengan penempatan semula industri. Usaha-usaha ini telah memberi sumbangan kepada

perkembangan bandar satelit yang mengelilingi pusat bandar ini.

5.35 Bandar satelit yang telah berkembang di sekitar pusat bandar besar termasuk Petaling Jaya, Sungai Buloh, Ampang, Serdang, Sri Kembangan, Kajang dan Selayang di Lembah Klang; Sungai Ara, Perai, Gelugor, Tanjung Tokong dan Tanjung Bungah di Pulau Pinang serta Pasir Gudang, Ulu Tiram, Skudai dan Senai di Johor Bahru. Rangkaian sistem pengangkutan yang lebih baik hasil daripada pembinaan dan peningkatan jalan dan lebuh raya serta pertambahan hubungan kereta api juga membantu penyebaran penduduk ke bandar satelit. Penyebaran penduduk keluar dari pusat bandar telah menghasilkan taburan penduduk yang lebih tersebar dan membantu mengekalkan kualiti hidup di kawasan bandar. Penyebaran penduduk yang serupa juga berlaku dari Sungai Petani ke Kulim, Seremban ke Senawang, Kuantan ke Cukai dan Kerteh, Kota Kinabalu ke Donggongan serta Kuching ke kawasan pinggir bandarnya.

5.36 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa program untuk menangani isu perumahan kos rendah yang tidak mencukupi yang telah menyebabkan berlakunya peningkatan penempatan setinggan di pusat bandar. Di antara langkah yang telah diambil adalah penubuhan sebuah tabung bagi mempercepatkan pembinaan perumahan kos rendah dan keperluan bagi pemaju memperuntukkan sebanyak 30 peratus daripada skim perumahan mereka untuk pembinaan rumah kos rendah.

5.37 Usaha juga telah diambil untuk mengekalkan kualiti alam sekitar bandar dengan mengambilkira pertimbangan alam sekitar dalam perancangan bandar dan pembukaan tanah, memperbaiki sistem pembetungan negara serta aktiviti pembersihan sungai. Untuk mengurangkan berlakunya banjir kilat di bandar yang disebabkan pengaliran air yang berlebihan dan pemendapan, beberapa projek tebatan banjir telah dilaksanakan di Kuala Lumpur, Seremban, Alor Setar, Georgetown, Kota Bharu, Ipoh dan Pekan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada peruntukan Rancangan berjumlah RM315 juta untuk projek tebatan banjir di bandar telah disalurkan kepada Projek Tebatan Banjir Lembah Klang dan Program Perparitan Kuala Lumpur disebabkan masalah yang serius di kawasan berkenaan. Di samping itu, pelan induk perparitan telah disediakan untuk enam bandar iaitu Sungai Petani, Kulim, Cukai, Batu Pahat, Miri dan Sibu bagi menangani keperluan perparitan dan kawalan banjir di kawasan tersebut.

5.38 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terus memainkan peranannya dalam menangani keperluan penduduk bandar yang semakin meningkat ke arah menikmati kualiti hidup yang lebih baik. PBT telah menyediakan banyak perkhidmatan termasuk perkhidmatan am baik pulih bandar, perumahan awam dan kemudahan kemasyarakatan. Bagi membolehkan fungsi tersebut dilaksanakan dengan cekap, langkah perlu diambil untuk mempertingkatkan punca kewangan PBT. Usaha telah

diambil oleh PBT untuk meningkatkan kutipan hasil melalui pengkomputeran sistem pengutipan cukai taksiran. Usaha lain bagi menambah hasil ialah dengan meningkatkan sebanyak lapan kali ganda pemberian geran tahunan berasaskan kaedah keseimbangan di Semenanjung Malaysia daripada RM46.7 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima kepada RM386.6 juta dalam tempoh RME. Walaupun pelbagai usaha telah dibuat, PBT masih menghadapikekangan berhubung dengan modal dan sumber manusia yang telah menjasakan keupayaan dan kecekapan dalam memberi perkhidmatan mereka.

### **Pembangunan Luar Bandar**

5.39 Berikutan daripada peningkatan kadar pembandaran, penduduk luar bandar yang merupakan kira-kira 49 peratus daripada jumlah penduduk negara pada tahun 1991 telah berkurang kepada 45.3 peratus pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, penekanan terus diberi kepada pembangunan luar bandar ke arah meningkatkan produktiviti dan pendapatan isirumah luar bandar. Beberapa program seperti pembangunan pertanian, perindustrian, infrastruktur dan sumber manusia telah dilaksanakan untuk memaju dan memodenkan ekonomi luar bandar. Pelaksanaan program tersebut telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan bulanan purata isirumah luar bandar daripada RM951 pada tahun 1990 kepada RM1,300 pada tahun 1995 dan pengurangan kadar kemiskinan luar bandar daripada 21.8 peratus kepada 18 peratus bagi tempoh yang sama.

5.40 Program pembangunan tanah dan pertanian terus menjadi komponen utama pembangunan luar bandar. Dalam tempoh Rancangan, seluas 353,730 hektar telah ditanam semula dan dipulihkan sementara 290,450 hektar kawasan baru dimajukan. Seluas 305,420 hektar tanah pertanian telah ditanam semula terutamanya dengan kelapa sawit, getah, koko dan nanas untuk mendapatkan hasil yang lebih tinggi manakala 48,310 hektar telah disatu dan dipulihkan untuk mencapai ekonomi bidangan yang lebih baik. Pembangunan tanah bagi tempoh Rancangan adalah sebahagian besarnya tertumpu di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, empat Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) iaitu IADP Perlis serta fasa pertama IADP Pahang Barat, IADP Kalaka-Saribas di Sarawak dan IADP Kemasin-Semerak di Kelantan telah disiapkan dalam tempoh Rancangan yang memberi manfaat kepada 354,300 keluarga tani.

5.41 Berkaitan dengan pembangunan industri luar bandar, tapak industri baru telah dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah bagi penubuhan kilang di kawasan luar bandar. Seluas 286.7 hektar tanah industri telah dimajukan dalam tempoh Rancangan yang mewujudkan pekerjaan kepada kira-kira 12,700 orang. Di samping itu, 707 industri luar bandar yang terlibat dalam pemprosesan makanan, kayu, pembuatan tekstil dan pakaian serta pemprosesan filem dan percetakan telah menerima bantuan untuk meningkatkan proses pengeluaran. Sejumlah 14,519

pengusaha luar bandar juga telah diberi latihan bagi memperbaiki kemahiran perniagaan dan pengurusan mereka.

5.42 Penyediaan kemudahan infrastruktur fizikal dan sosial dalam tempoh Rancangan telah meningkatkan tahap dan kualiti hidup penduduk luar bandar. Dari segi infrastruktur fizikal, Kerajaan telah membina jalan baru sepanjang 5,445 kilometer. Di samping itu, kira-kira 384,200 isirumah luar bandar juga telah disediakan dengan kemudahan air paip manakala 77,440 isirumah disediakan kemudahan elektrik.

5.43 Walaupun program pembangunan luar bandar telah menyumbang ke arah meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan isirumah luar bandar, ketidaksamaan pendapatan di antara isirumah bandar dan luar bandar semakin meluas dalam tempoh Rancangan. Nisbah ketidaksamaan pendapatan di antara isirumah luar bandar dan bandar semakin meluas daripada 1:1.7 pada tahun 1990 kepada 1:2.0 pada tahun 1995. Keadaan ini terutamanya disebabkan pergantungan berterusan isirumah luar bandar kepada aktiviti pertanian sebagai sumber utama pendapatan, peluang perniagaan yang terhad di samping kekangan modal dan kurangnya daya saingan industri luar bandar.

### **Kerjasama Rantau Kecil**

5.44 Kerjasama ekonomi rantau kecil di kalangan negara yang berjiran adalah merupakan alat penting yang memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Menerusi kerjasama tersebut, adalah dijangkakan pembangunan ekonomi rantau kecil ini akan dapat dipercepatkan dengan mengeksplorasi kesalinglengkapan ekonomi dan faedah berbanding rantau berkenaan. Kerjasama sedemikian adalah penting dalam konteks kesejagatian perdagangan antarabangsa dan penyatuan di kalangan negara rantau kecil akan membolehkan Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka bersaing dengan lebih berkesan di arena antarabangsa. Kerjasama ekonomi rantau kecil melalui pembentukan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT)<sup>6</sup>, Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)<sup>7</sup> dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina(BIMP-EAGA)<sup>8</sup> telah membuka peluang perdagangan dan pelaburan yang lebih besar di kalangan negara yang terlibat. Satu daripada objektif utama Pertumbuhan Segitiga adalah untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk komponen negara yang terlibat melalui pewujudan peluang pekerjaan baru dan peningkatan pendapatan. Di antara sektor yang telah dikenalpasti untuk kerjasama ekonomi ialah pertanian, pembuatan, pelancongan, infrastruktur, tenaga, perkhidmatan kewangan dan pembangunan sumber manusia.

5.45 Sektor swasta telah diberi peranan utama dalam membangun dan melaksanakan projek usahasama di kawasan Segitiga. Sebaliknya, Kerajaan negara-negara anggota berfungsi sebagai fasilitator kepada pembangunan projek Pertumbuhan Segitiga

dengan memainkan peranan di antaranya, mengurangkan halangan perundungan dan tatacara yang menjelaskan kecekapan pergerakan faktor pengeluaran di kawasan rantau kecil ini. Suatu mekanisme yang mempunyai tiga tahap perundingan melibatkan kedua-dua sektor awam dan swasta telah ditubuhkan di kalangan negara yang terlibat. Mekanisme perundingan ini terdiri daripada mesyuarat-mesyuarat oleh Majlis Bersama Perdagangan, Pegawai Kanan Kerajaan dan Menteri yang terlibat di dalam Pertumbuhan Segitiga.

5.46 Sejak penubuhan ketiga-tiga Pertumbuhan Segitiga ini, beberapa projek usaha sama sektor swasta telah dilaksanakan manakala beberapa projek lagi sedang dipertimbangkan. Dalam hubungan ini, sejumlah 54 Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat Malaysia dengan rakan kongsi mereka dari negara-negara anggota. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 40 adalah di kawasan IMT-GT dan 14 di kawasan BIMP-EAGA.

5.47 Untuk pembangunan IMT-GT, tumpuan telah diberi kepada penyediaan infrastruktur fizikal sokongan, galakan pelancongan dan usaha memudahkan aktiviti perdagangan. Projek-projek yang sedang dilaksanakan termasuk mewujudkan hubungan udara di antara Ipoh-Medan dan Pulau Pinang-Banda Aceh. Perkhidmatan pelayaran dan perkapalan telah pun beroperasi di antara Pulau Pinang, Langkawi, Kuala Perlis di Malaysia dengan Belawan dan Lhokseumawe di Sumatera, Indonesia serta Satun di selatan Thailand. Di samping itu, perkhidmatan pengangkutan barang juga diwujudkan di antara Pulau Pinang, Bukit Kayu Hitam dan Hat Yai. Kadar bayaran telekomunikasi di kawasan IMT-GT juga telah dikurangkan untuk memudahkan urus niaga. Pelaksanaan projek tersebut telah menyumbang kepada peningkatan jumlah dagangan seperti keluaran pertanian, hasil laut dan elektronik di samping memudahkan pergerakan buruh dan modal melintasi sempadan negara-negara anggota Pertumbuhan Segitiga. Promosi pakej produk pelancongan telah dilaksanakan secara bersama oleh pertubuhan dan agensi pelancongan di kawasan IMT-GT. Sektor swasta Malaysia juga terlibat dalam beberapa projek pelaburan di kawasan IMT-GT. Projek tersebut termasuklah pembinaan 14 unit bangunan perindustrian di Kawasan Industri Medan, hotel tiga bintang di Medan dan kemudahan tempat penyimpanan sejuk di Sabang, Aceh. Malaysia juga menerima pelaburan dari negara anggota lain di rantau kecil. Dalam hubungan ini, lima projek yang melibatkan pelabur Indonesia dan Thailand telah diluluskan dalam bidang industri tekstil, bukan logam,kayu dan keluaran kayu serta makanan.

5.48 Di kawasan BIMP-EAGA, tumpuan telah diberi kepada penyediaan kemudahan sokongan dalam bentuk infrastruktur fizikal dan pembangunan industri yang berdasarkan sumber. Dalam hal ini, beberapa MOU telah ditandatangani untuk mempertingkat dan memperluaskan rangkaian hubungan udara dan telekomunikasi. Laluan kapal di antara wilayah di kawasan rantau kecil juga telah dipertingkatkan dengan pewujudan perkhidmatan feri di antara Zamboanga di Filipina dan Sandakan di Sabah serta di antara General Santos City di Filipina dan Bitung di Indonesia.

Pelabur Filipina telah melabur dalam industri pengetinan makanan dan perikanan di Sabah manakala syarikat Malaysia pula telah melabur dalam industri perladangan kelapa sawit di Kalimantan serta cari gali minyak dan gas di Mindanao.

5.49 Di kawasan IMS-GT, penekanan telah diberi kepada penyediaan kemudahan infrastruktur serta pelaksanaan projek perindustrian dan pertanian. Beberapa projek usaha sama dua hala telah dilaksanakan oleh sektor swasta negara-negara yang terlibat. Dalam tempoh Rancangan, hubungan pengangkutan dan infrastruktur di kawasan IMS-GT terus dipertingkatkan. Di samping perkhidmatan sedia ada, perkhidmatan feri yang menghubungkan Tanjung Belungkor di Johor dan Changi di Singapura serta Pasir Gudang di Johor dan Batam di Indonesia telah diwujudkan. Mengenai projek pertanian, beberapa syarikat Malaysia telah melabur di sektor perladangan kelapa sawit di Riau, Indonesia.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

5.50 Pencapaian pembangunan wilayah yang seimbang akan terus menjadi objektif penting dalam tempoh RMT. Penekanan akan diberi kepada usaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan serta meninggikan kualiti hidup terutamanya di kawasan yang kurang maju. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi kepada strategi yang boleh meningkatkan kecekapan penggunaan sumber semulajadi, tenaga manusia dan kewangan untuk menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih tinggi. Strategi pembangunan akan terus dijuruskan kepada mempelbagaikan asas ekonomi negeri kurang maju iaitu daripada pertanian kepada pembuatan dan perkhidmatan, menggalakkan kerjasama di antara negeri dan perkongsian sumber dalam projek usaha sama di samping mempertingkatkan kualiti hidup penduduk di bandar dan luar bandar. Kerjasama rantau kecil akan ditumpukan kepada usaha memaksimumkan manfaat dan kesalinglengkapan ekonomi daripada pembangunan di kawasan Pertumbuhan Segitiga.

#### **Pertumbuhan Penduduk dan Pembandaran mengikut Negeri**

5.51 Arah aliran pertumbuhan penduduk di peringkat subnasional dalam tempoh RMT dijangka tidak akan mengalami perubahan yang ketara. Negeri yang dijangka mengalami kadar pertumbuhan penduduk paling pesat ialah Sabah iaitu sebanyak 5.4 peratus setahun diikuti oleh Selangor sebanyak 3.1 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-1. Walaupun Kelantan dan Terengganu mengalami migrasi keluar bersih, kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada purata negara adalah diunjurkan bagi kedua-dua negeri tersebut berikutan daripada kadar pertambahan semulajadinya yang tinggi. Jumlah penduduk Perak, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijangka berkembang di antara 0.6 peratus dan 1.2 peratus setahun disebabkan kadar pertambahan semulajadi yang rendah dan migrasi keluar bersih yang tinggi.

5.52 Penduduk bandar diramalkan berkembang pada kadar yang rendah sedikit iaitu sebanyak 3.8 peratus setahun bagi tempoh 1996-2000. Seramai 13.7 juta atau kira-kira 58.8 peratus daripada jumlah penduduk negara dijangka mendiami kawasan bandar menjelang tahun 2000. Corak pembandaran sedia ada akan berterusan dengan negeri-negeri lebih maju dijangka mencatatkan kadar pembandaran yang lebih tinggi iaitu sebanyak 74.4 peratus berbanding dengan 41.4 peratus di negeri-negeri kurang maju. Namun begitu, beberapa negeri kurang maju seperti Kedah, Kelantan, Sarawak, Perlis dan Sabah dijangka mengalami kadar pertumbuhan penduduk bandar yang lebih tinggi daripada purata negara. Perkembangan aktiviti ekonomi yang lebih pesat di negeri-negeri berkenaan akan menarik lebih ramai penduduk ke pusat bandar. Sarawak dijangka menjadi negeri yang mengalami peningkatan kadar pembandaran paling tinggi di kalangan negeri kurang maju iaitu daripada 43.4 peratus pada tahun 1995 kepada 50.5 peratus menjelang tahun 2000.

### **Pertumbuhan Ekonomi Negeri**

5.53 Kadar pertumbuhan ekonomi di semua negeri dijangka kekal ditahap yang tinggi dalam tempoh RMT. Ekonomi negeri kurang maju diramalkan berkembang pada kadar purata 7.6 peratus setahun berbanding dengan 6.9 peratus setahun dalam tempoh RME. Di kalangan negeri kurang maju, Kedah dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi sebanyak 9.2 peratus setahun diikuti oleh Terengganu sebanyak 8.2 peratus setahun. Negeri kurang maju yang lain dijangka berkembang pada kadar yang secara relatifnya tinggi seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-2. Sektor pembuatan akan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri-negeri kurang maju seperti Kedah, Pahang, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu manakala sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Kelantan.

5.54 Pertumbuhan ekonomi bagi negeri lebih maju dijangka kekal di tahap yang tinggi dengan kadar purata sebanyak 8.2 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Walau bagaimanapun, kadar ini lebih rendah sedikit daripada yang dicapai dalam tempoh RME. Di kalangan negeri lebih maju, kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Sembilan dan Perak dijangka lebih pesat dalam tempoh RMT berbanding dengan tempoh RME. Pelaksanaan sepenuhnya projek pembuatan yang diluluskan dalam tempoh RME akan menggalakkan perluasan aktiviti ekonomi di negeri-negeri tersebut. Negeri-negeri lebih maju yang lain seperti Johor, Melaka, Selangor dan Pulau Pinang juga diunjurkan berkembang pada kadar yang sama atau lebih tinggi daripada purata negara yang berkembang sebanyak 8.0 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-2. Kira-kira separuh daripada pertumbuhan ekonomi negeri-negeri berkenaan dijangka disumbangkan oleh pertumbuhan sektor pembuatan. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijangka berkembang pada kadar 7.0 peratus setahun dengan sektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan menyumbang lebih satu per tiga daripada pertumbuhan ekonomi negeri.

5.55 Struktur ekonomi negeri kurang maju dijangka terus mengalami peralihan ke arah sektor kedua dan ketiga. Sumbangan kedua-dua sektor ini kepada ekonomi negeri kurang maju dijunur meningkat daripada purata 58.5 peratus pada tahun 1995 kepada 69.2 peratus pada tahun 2000. Peralihan struktur ekonomi yang paling ketara dijangka berlaku di Terengganu dengan sumbangan sektor pembuatan kepada jumlah nilai ditambah negeri meningkat daripada 14.7 peratus pada tahun 1995 kepada 30.6 peratus pada tahun 2000. Di Kedah, bahagian sektor pembuatan kepada jumlah nilai ditambah negeri dijangka meningkat daripada 32.7 peratus kepada 42 peratus dalam tempoh yang sama. Pertumbuhan sektor pembuatan di Terengganu dijangka kukuh hasil daripada pelaksanaan beberapa projek besi dan keluli, petrokimia dan yang berasaskan kayu manakala di Kedah, disumbangkan oleh projek-projek semikonduktor, fabrikasi wafer dan papan gentian. Sabah dan Sarawak juga dijangka mengalami peralihan struktur ekonomi ke arah sektor pembuatan. Pelaksanaan beberapa aktiviti hiliran dalam industri kayu dan yang berasaskan kayu seperti pembuatan papan lapis, venir, papan gentian dan ukiran kayu serta industri kertas akan mempercepatkan pembangunan sektor pembuatan di negeri-negeri tersebut. Peralihan struktur ini juga dapat dilihat daripada perubahan arah aliran gunatenaga yang dialami di berbagai-bagai negeri.

5.56 Kadar pertumbuhan gunatenaga dijangka menjadi lebih perlahan dalam tempoh 1996-2000 disebabkan penggunaan modal yang lebih tinggi dan tenaga buruh yang lebih cekap. Berikutan daripada usaha yang akan terus diambil untuk mempelbagaikan asas ekonomi di negeri kurang maju daripada bergantung dengan aktiviti pertanian kepada pembuatan dan perkhidmatan, pertumbuhan gunatenaga di negeri kurang maju dijangka menjadi lebih tinggi berbanding dengan negeri lebih maju. Gunatenaga dijangka berkembang pada kadar purata 3.0 peratus setahun di negeri kurang maju dan 2.5 peratus setahun di negeri lebih maju. Di kalangan negeri kurang maju, Terengganu dijangka mencatat kadar pertumbuhan gunatenaga yang tertinggi sebanyak 3.6 peratus setahun berikutan daripada perluasan industri kayu dan berasaskan kayu, besi dan keluli serta industri hiliran petrokimia. Di kalangan negeri lebih maju pula, sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan dijangka menerajui pewujudan pekerjaan baru. Sebahagian besar daripada pewujudan pekerjaan baru di negeri lebih maju ini dijangka berlaku di Selangor dan Johor berikutan daripada pertumbuhan pesat aktiviti pembuatan dan pembinaan di negeri-negeri tersebut.

### **Strategi Pembangunan Wilayah yang Seimbang**

5.57 Strategi pembangunan ekonomi di peringkat negeri akan dijurus kepada mempelbagaikan asas ekonomi negeri kurang maju untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Tumpuan akan diberi kepada usaha memperluaskan asas sektor pembuatan di negeri-negeri berkenaan terutamanya melalui pembangunan industri yang berasaskan pertanian dan kayu, petrokimia, barang galian bukan

logam dan industri berdasarkan sumber yang lain. Bagi tujuan ini, keutamaan akan diberi kepada pembangunan infrastruktur perindustrian khususnya pembangunan kawasan perindustrian. Sejumlah 10,600 hektar tanah perindustrian akan dimajukan oleh Kerajaan di bawah RMT dengan melibatkan peruntukan sejumlah RM437 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk pembangunan kawasan perindustrian terutamanya Jeli di Kelantan, Gebeng Fasa II dan Mentakab di Pahang, Taman Perindustrian Kota Kinabalu dan Taman Karamunting di Sabah, Kuala Baram dan Damak Laut di Sarawak serta Telok Kalong Fasa II di Terengganu.

5.58 Cadangan pembangunan kawasan perindustrian ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan menggalakkan pelaburan di Koridor Perindustrian Pantai Timur dan Timur-Barat di Semenanjung serta di pusat pertumbuhan utama di Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga akan terus membiayai pembangunan infrastruktur sokongan untuk kawasan perindustrian. Ini termasuklah penyediaan jalan dan perparitan serta kos sumbangan kepada Tenaga Nasional Berhad dan Lembaga Bekalan Air untuk memastikan kawasan perindustrian berkenaan dibekalkan dengan kemudahan dan infrastruktur asas yang mencukupi.

5.59 Pembangunan industri pelancongan juga akan memberi sumbangan ke arah mempelbagaikan asas ekonomi negeri kurang maju. Negeri-negeri yang memiliki aset semulajadi dan warisan budaya yang banyak mempunyai potensi yang boleh dibangunkan untuk aktiviti berkaitan dengan pelancongan. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi kepada usaha mengenalpasti dan membangunkan produk pelancongan baru serta mempertingkatkan infrastruktur pelancongan terutamanya di negeri kurang maju. Kerjasama di antara negeri dalam aktiviti pemasaran dan promosi juga akan dipergiatkan untuk membangunkan pakej pelancongan bersepadu di kalangan negeri pantai timur, Kedah dan Perlis serta Sabah dan Sarawak. Di samping itu, tumpuan akan diberi kepada usaha untuk membangunkan aktiviti pelancongan yang berasaskan ekologi dan pertanian di negeri kurang maju yang sektor pertanian masih merupakan kegiatan ekonominya yang utama.

5.60 Kemudahan infrastruktur adalah prasyarat penting dalam pembangunan sesebuah wilayah terutamanya ke arah menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan di negeri kurang maju. Di bawah RMT, Kerajaan akan memberi penekanan yang lebih kepada usaha menyedia dan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur seperti jalan serta bekalan air paip dan elektrik di negeri-negeri tersebut. Bagi tujuan ini, sejumlah RM6.79 bilion akan diperuntukkan kepada negeri-negeri berkenaan. Pelaksanaan projek infrastruktur utama oleh Kerajaan dan sektor swasta seperti Lebuhraya Pantai Timur yang akan menghubungkan Karak dan Kuala Terengganu, Lebuhraya Timur-Barat, jalan yang menghubungkan bandar-bandar di Sabah, Lebuhraya Pan Borneo dan Jalan Utama Pinggir Pantai di Sarawak akan menjadi pemangkin kepada pembangunan seterusnya di negeri-negeri yang berkenaan.

5.61 Usaha yang berterusan akan dilaksana untuk memperluaskan liputan berbagai-bagi kemudahan sosial dan keperluan asas seperti kesihatan dan pendidikan serta bekalan air paip dan elektrik terutamanya di negeri kurang maju. Langkah akan diambil untuk memperluaskan penyediaan kemudahan kesihatan dan pendidikan melalui penubuhan hospital, pusat kesihatan dan poliklinik di samping kampus cawangan, politeknik serta institut latihan vokasional dan perindustrian yang baru.

5.62 Dalam tempoh RMT, sejumlah RM24.8 bilion akan diperuntukkan kepada program dan projek pelbagai negeri yang akan memberi manfaat kepada rakyat merentasi negeri. Pada masa yang sama, kerjasama di antara negeri dan perkongsian sumber dalam projek bersama akan digalakkan untuk memaksimumkan penggunaan sumber. Dalam hubungan ini, Program Bantuan Teknikal kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri akan menggalakkan kajian yang merentasi sempadan untuk membantu negeri yang terlibat mengenalpasti kawasan dan program yang berpotensi untuk dibangunkan. Di samping itu, langkah juga akan diambil untuk berkongsi sumber tenaga buruh di kalangan negeri bagi menangani masalah kekurangan buruh. Dalam hubungan ini, satu mekanisme yang sesuai akan ditubuhkan untuk memudahkan pergerakan buruh dari negeri yang mempunyai lebih buruh seperti Sabah ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang mengalami kekurangan buruh. Pertukaran maklumat dan perhubungan di antara negeri juga akan dipertingkatkan menerusi Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (GITN) yang akhirnya akan menghubungkan semua peringkat pentadbiran Kerajaan daripada peringkat persekutuan kepada negeri dan daerah.

5.63 Bagi mempercepatkan pembangunan negeri kurang maju, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM20.8 bilion atau 30.8 peratus daripada belanjawan pembangunan kepada negeri-negeri berkenaan dalam tempoh RMT berbanding dengan RM15.9 bilion atau 27.2 peratus di bawah RME. Memandangkan tahap pembangunan yang secara relatifnya lebih rendah di Kelantan, Sabah dan Sarawak maka bahagian yang lebih besar daripada peruntukan pembangunan tersebut akan diagihkan kepada negeri-negeri tersebut. Di bawah RMT, Kelantan akan menerima sebanyak 2.7 peratus, Sabah 6.7 peratus dan Sarawak 6.7 peratus berbanding dengan masing-masing 2.6 peratus, 4.4 peratus dan 5.4 peratus yang telah diterima di bawah RME.

5.64 Strategi pembangunan bandar akan terus memberi tumpuan kepada penyebaran pembangunan bandar dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas pusat bandar utama dan meningkatkan kualiti hidup. Dalam hubungan ini, penekanan juga akan diberi kepada pembangunan bandar kecil dan sederhana yang terletak di lingkaran luar<sup>10</sup> yang mengelilingi bandar besar seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru. Bandar yang lain seperti Melaka, Kuantan, Ipoh, Kuching dan Kota Kinabalu yang terletak jauh di luar dari ketiga-tiga bandar besar tersebut juga dijangka berkembang.

5.65 Dalam tempoh Rancangan, bandar-bandar kecil melalui rantaianya dengan kawasan bandar dan luar bandar dijangka memainkan peranan yang lebih penting dalam menyokong pertumbuhan pusat bandar yang besar. Daya usaha Kerajaan untuk menempatkan semula industri kecil dan sederhana di samping menujuhan taman perindustrian serta institut latihan perindustrian dan kemahiran di bandar kecil dijangka menyumbangkan kepada pertumbuhan bandar-bandar tersebut. Peningkatan penggunaan teknologi maju dalam telekomunikasi serta rangkaian infrastruktur yang bertambah baik akan membantu menyebarkan aktiviti ekonomi dari pusat bandar utama sedia ada ke bandar yang lebih kecil.

5.66 Keputusan Kerajaan memindahkan jentera pentadbiran Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Putrajaya akan menyumbang kepada pertumbuhan koridor pembangunan yang baru di antara Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sepang di samping memperbaiki kualiti alam sekitar bandar di Kuala Lumpur. Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru akan dibangun berdasarkan konsep Bandaraya Taman dan pendekatan perancangan bandar yang inovatif dengan kos dianggarkan sebanyak RM20.09 bilion. Putrajaya akan dilengkapi dengan berbagai-bagai keperluan untuk mewujudkan jentera kerajaan yang berkesan dan cekap serta dibantu oleh kemudahan telekomunikasi, pengangkutan dan infrastruktur yang canggih. Dalam hubungan ini, Putrajaya akan dibangunkan sebagai bandar pintar yang dilengkapi dengan kemudahan pelbagai media. Putrajaya akan menjadi sebahagian koridor raya pelbagai media di antara Kuala Lumpur dengan KLIA di Sepang. Rangkaian telekomunikasi bersepadu yang boleh dihubungkan dengan lebuh raya maklumat negara akan membuka laluan perhubungan di antara Putrajaya dengan komunikasi elektronik sedunia. Perkembangan ini akan membolehkan pewujudan rangkaian telekomunikasi yang lebih baik di kalangan agensi Kerajaan serta di antara sektor awam dan swasta. Ianya juga akan membantu sektor awam ke arah menjuruskan kepada pentadbiran yang kurang menggunakan kertas.

5.67 Pembangunan Putrajaya akan dilaksanakan oleh sebuah konsortium iaitu Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.. Putrajaya dan persekitarannya akan meliputi kawasan seluas 14,780 hektar dengan 4,400 hektar daripadanya diperuntukkan untuk pembangunan pusat utama, kejiranan, taman dan kemudahan sokongan lain. Pusat utama terdiri daripada lima bahagian yang setiap satunya mempunyai ciri yang berdasarkan fungsi utama masing-masing iaitu kegiatan kerajaan, komersil, sivik dan kebudayaan, sukan dan rekreasi serta pembangunan campuran. Putrajaya dan persekitarannya dijangka berupaya menampung penduduk seramai 570,000 dengan 250,000 daripadanya menetap dalam kawasan Putrajaya. Kira-kira 76,000 kakitangan sektor awam dan 59,000 kakitangan sektor swasta akan bekerja di Putrajaya. Sebuah badan korporat yang telah ditubuhkan iaitu Perbadanan Putrajaya akan mengurus dan mentadbirkan Putrajaya. Pada masa yang sama, Kuala Lumpur pula akan terus dibangunkan sebagai pusat perdagangan dan kewangan negara.

5.68 Bandar kecil dan sederhana yang lain seperti bandar yang mempunyai kelebihan ekonomi tertentu tetapi kurang sesuai untuk pembangunan perindustrian dan komersil juga akan dimajukan. Bandar-bandar tersebut termasuklah yang berasaskan pelancongan seperti Melaka dan Kuah serta bandar-bandar sempadan seperti Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar. Bandar perangan pulau dan tanah tinggi yang dikenalpasti sesuai bagi pembangunan pelancongan juga akan diberi galakan untuk dibangunkan.

5.69 Bagi memastikan kualiti hidup yang tinggi untuk penduduk bandar, penekanan akan terus diberi untuk meningkatkan bekalan perumahan kos rendah serta memperbaiki persekitaran bandar terutamanya melalui program tebatan banjir dan peningkatan infrastruktur di bandar. Berhubung dengan tebatan banjir, strategi utama termasuklah melaksanakan langkah struktural dan menggubal pelan induk perparitan di samping mengkaji semula pelan sedia ada dengan mengambil kira pembangunan bandar yang baru. Langkah struktural termasuklah memperbaiki aliran sungai dan membina kolam takungan di kawasan bandar yang sentiasa mengalami banjir kilat. Pelan induk perparitan untuk pusat bandar utama akan dirangka dan dikaji semula secara berterusan selaras dengan perluasan bandar.

5.70 Peningkatan pembandaran dan pembangunan perindustrian yang pesat di sekitar pusat bandar akan menimbulkan permintaan lebih besar ke atas perkhidmatan, reka bentuk bandar dan perancangan guna tanah yang perlu disediakan oleh PBT. Kawasan yang memerlukan perkhidmatan bandar telah berkembang mele过asi keupayaan yang mampu disediakan oleh PBT manakala kawasan perindustrian dan Zon Perdagangan Bebas (FTZ) di sekitar bandar juga memerlukan perhatian PBT. Walau bagaimanapun, PBT tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk melaksanakan tanggungjawabnya terutama mengenai pengurusan dan penjagaan kawasan perindustrian dan FTZ. PBT juga menghadapi kekangan sumber hasil yang terhad untuk memenuhi keperluan pembangunan yang pesat. Dalam hubungan ini, agensi Kerajaan yang sesuai akan terus membantu PBT dalam penyediaan kemudahan bandar dan penyelenggaraan jalan. Pada masa yang sama, Kerajaan akan menimbang untuk menubuhkan satu perbadanan di kawasan PBT yang terpilih bagi melaksanakan fungsi dan aktivitinya yang akan membantu pembangunan pesat kawasan berkenaan. Secara khususnya, perbadanan berkenaan akan ditubuhkan untuk mengurus dan menyelenggara kawasan khas seperti kawasan perindustrian dan FTZ. Penubuhan perbadanan ini serta kemungkinan menswastakan pengurusan kawasan PBT akan dikaji. Oleh itu, PBT akan menumpukan usaha mereka kepada fungsi perundangan dan penguatkuasaan.

5.71 Strategi pembangunan luar bandar akan ditumpukan kepada tujuh prinsip utama iaitu pembangunan sumber manusia, pengukuhan nilai kekeluargaan, pembangunan masyarakat berdikari, penyediaan infrastruktur berkualiti, pembangunan ekonomi luar bandar yang mampan, sistem penyampaian yang berkesan dan pewujudan institusi yang lebih bertanggungjawab untuk pembangunan luar bandar. Prinsip-

prinsip ini akan menjadi teras kepada pembangunan kawasan luar bandar. Pelaksanaan strategi pembangunan luar bandar dijangka terus meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk luar bandar.

5.72 Kawasan luar bandar akan dipermoden untuk menggalakkan penduduk luar bandar terus menetap di kawasan berkenaan. Bagi tujuan ini, kualiti hidup penduduk luar bandar akan dipertingkatkan menerusi penyediaan kemudahan moden. Sejumlah RM5.98 bilion akan diperuntukkan di bawah RMT bagi penyediaan jalan, jambatan, air paip dan elektrik di kawasan luar bandar. Di samping itu, penyediaan kemudahan yang lain seperti perubatan dan pendidikan juga akan diberi penekanan. Pembangunan rantaian pengangkutan dan telekomunikasi juga akan membolehkan penduduk luar bandar menikmati lebih banyak perkhidmatan dan kemudahan bandar. Ini dijangka dapat membantu mengintegrasikan ekonomi bandar dan luar bandar.

5.73 Usaha akan diambil untuk meningkatkan produktiviti luar bandar menerusi pemodenan dan pengkomersilan aktiviti pertanian serta pembangunan industri kecil luar bandar. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi kepada usaha mempelbagaikan asas ekonomi luar bandar dan meningkatkan pendapatan luar kebun menerusi pelaksanaan pendekatan satu kampung satu keluaran. Di bawah pendekatan ini, setiap kampung atau sekumpulan kampung akan digalakkan untuk mengkhususkan pengeluaran kepada satu jenis keluaran sama ada pertanian, pembuatan atau perkhidmatan yang mereka memiliki faedah berbanding dan dapat menikmati ekonomi bidangan. Sehubungan dengan itu, sektor swasta akan digalak untuk memainkan peranan yang aktif dalam memperluaskan unit pengeluarannya ke kawasan terpilih di luar bandar dan mewujudkan saluran pemasaran.

5.74 Pertimbangan juga akan diberi kepada penubuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) di kawasan luar bandar untuk membantu perluasan aktiviti ekonomi di kawasan terpilih. Usaha akan ditumpu bagi mengenalpasti kampung yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai PPD. Dalam hubungan ini, pertimbangan akan diberi kepada potensi ekonomi, saiz penduduk dan keperluan infrastruktur bagi kampung-kampung tersebut. Untuk mempercepatkan pelaksanaan PPD pula, pelan tindakan yang komprehensif dan sistematik akan disediakan bagi setiap PPD.

5.75 Pelaksanaan strategi kerjasama rantau kecil dijangka memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup yang lebih tinggi kepada komponen yang terlibat. Strategi ini termasuklah usaha meningkatkan kesalinglengkapan ekonomi di dalam rantau kecil, menggalakkan penggunaan sumber yang cekap serta menarik pelaburan tempatan dan asing ke rantau berkenaan. Penekanan yang berterusan akan diberi kepada penyediaan kemudahan infrastruktur yang bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan rantau kecil. Memandangkan negara

menghadapi kekangan tenaga buruh, penekanan akan diberi kepada penempatan industri yang berasaskan modal di negeri-negeri yang terlibat dengan kerjasama ini.

5.76 Dalam tempoh RMT, projek yang akan dilaksanakan di kawasan IMT-GT termasuklah teleport dan stesen televisyen wilayah di Langkawi, jambatan darat yang menghubungkan Pelabuhan Pulau Pinang dan Songkhla, plaza selamat datang di Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam, jalan penghubung di antara Kuala Perlis dan Satun serta zon pembangunan sempadan di Bukit Kayu Hitam. Bagi tempoh yang sama, sektor swasta Malaysia akan melabur dalam projek pembinaan jalan tol sepanjang 25 kilometer, hospital, kawasan perindustrian di Medan; pembuatan bahan binaan dan pemprosesan keluaran yang berasaskan pertanian di Aceh serta pembangunan projek tenaga di selatan Thailand. Selain daripada itu, satu kajian oleh Bank Pembangunan Asia (ADB) telah mengenalpasti lebih daripada 90 projek yang sesuai dilaksanakan di kawasan IMT-GT. Beberapa projek yang dikenalpasti oleh ADB untuk dilaksanakan meliputi sektor pelancongan, perdagangan, telekomunikasi, tenaga, pertanian, pengangkutan, infrastruktur dan pembangunan sumber manusia.

5.77 Bagi kawasan BIMP-EAGA, beberapa projek yang dikenalpasti oleh sektor swasta akan dilaksanakan dalam tempoh ini. Kajian Selidik oleh ADB untuk BIMP-EAGA yang akan siap pada tahun 1996 dijangka mengenalpasti projek pertanian, pengangkutan dan telekomunikasi, perdagangan dan pelancongan, tenaga dan kuasa, perkhidmatan kewangan serta pembangunan sumber manusia. Pelaksanaan projek jangka panjang seperti pembangunan infrastruktur dan perladangan akan memerlukan sumber kewangan yang lebih banyak. Dalam hubungan ini, langkah memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) akan membolehkan Malaysia memainkan peranan aktif dalam menyediakan perkhidmatan kewangan kepada BIMP-EAGA.

5.78 Bagi IMS-GT, lebih banyak peluang pelaburan sektor swasta dijangka wujud di sekitar Gelang Patah, Johor yang menempatkan projek hubungan kedua di antara Singapura dan Johor. Bagi meningkatkan lagi peluang pelaburan dan pengaliran maklumat di kalangan sektor swasta di kawasan IMS-GT, sebuah Majlis Bersama Perdagangan akan ditubuhkan pada tahun 1996.

## **IV. PENUTUP**

5.79 Strategi pembangunan wilayah di bawah RME telah memberi sumbangan ke arah meningkatkan tahap pembangunan negeri terutama di negeri kurang maju. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh yang dihasilkan sebahagian besarnya oleh pelaburan swasta dalam aktiviti pembuatan dan perkhidmatan telah menambah peluang pekerjaan di peringkat negeri. Peningkatan pembandaran bukan sahaja membolehkan perkhidmatan yang lebih baik dan kemudahan moden disediakan kepada penduduk tetapi juga membantu penyebaran aktiviti ekonomi dari pusat bandar utama ke kawasan pedalamannya. Penyediaan infrastruktur sosial dan fizikal juga membolehkan pembangunan yang berterusan dinikmati oleh setiap negeri. Berikutan daripada itu, penduduk telah menikmati pendapatan yang lebih tinggi, taraf hidup yang lebih baik dan kualiti hidup yang meningkat dalam tempoh tersebut.

5.80 Pembangunan seimbang akan terus menjadi objektif utama pembangunan wilayah dalam tempoh RMT. Pembangunan kawasan yang kurang maju akan dipergiatkan menerusi usaha mempelbagaikan asas ekonomi secara berterusan dan menyediakan infrastruktur sokongan yang baik. Strategi pembangunan bandar dan luar bandar akan terus dilaksanakan untuk mencapai taraf dan kualiti hidup penduduk yang lebih tinggi. Di samping itu, kerjasama rantau kecil melalui inisiatif Pertumbuhan Segitiga juga dijangka mendorong kepada penggunaan sumber dengan lebih cekap di kawasan rantau kecil ini dan memberi sumbangan ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di negeri-negeri yang terlibat.

## **BAB 6 : PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN**

### **I. PENDAHULUAN**

6.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), Kerajaan telah meneruskan dasar fiskal secara berhemat dan pengurusan kewangan sektor awam dengan berdisiplin. Pelaburan sektor awam telah menyumbang ke arah pengembangan kapasiti pengeluaran ekonomi negara terutamanya melalui pembangunan sumber manusia dan penyediaan infrastruktur untuk mengatasikekangan penawaran. Kedudukan hasil yang lebih kukuh berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat serta beban kewangan yang semakin berkurangan hasil daripada program penswastaan dan perbelanjaan yang dikawal telah membawa kepada lebihan dalam akaun Kerajaan Persekutuan bagi separuh kedua tempoh Rancangan.

6.02 Tumpuan kewangan sektor awam dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) adalah untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan, selaras dengan strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Ini akan dapat dicapai dengan memperluaskan kemudahan infrastruktur, peningkatan kualiti tenaga kerja, kemajuan teknologi serta pertambahan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (P&P). Sektor awam akan terus menyokong peranan sektor swasta sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi dan memastikan tercapainya matlamat pembangunan yang seimbang dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Usaha ini akan dilengkapi dengan dasar fiskal yang berhemat bagi membantu menstabilkan harga dan meningkatkan kecekapan serta mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam. Di samping itu, program penswastaan yang dipercepatkan juga akan menyumbang kepada pengukuhan kedudukan kewangan sektor awam. Peranan sektor awam di dalam pembangunan akan dilengkapkan lagi oleh sektor swasta yang dijangka mengambil bahagian di dalam program dan aktiviti sosio-ekonomi negara.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

6.03 Perbelanjaan pembangunan keseluruhan sektor awam dalam tempoh RME adalah sebanyak RM117.7 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-1. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM54.7 bilion atau 46.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan sektor awam. Ini menunjukkan kekurangan dalam perbelanjaan sebanyak 6.5 peratus berikutan daripada peningkatan keupayaan perancangan dan pelaksanaan. Sebaliknya, perbelanjaan pembangunan bagi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Badan Berkanun telah melebihi peruntukan yang dipinda disebabkan kepesatan pembangunan dan pembandaran serta perolehan harta tetap. Begitu juga perbelanjaan pembangunan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) sebanyak RM48.5 bilion adalah 6.7 peratus lebih tinggi daripada anggaran asal berikutan usaha meningkatkan kapasiti dan pemodenan.

6.04 Dalam tempoh RME, bilangan PABK telah dikaji semula. Ini adalah berikutan daripada program penswastaan yang menyebabkan pelepasan semua atau sebahagian ekuiti Kerajaan dalam entiti berkenaan. Di akhir tempoh Rancangan, sebanyak 32 entiti masih terdapat dalam senarai seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-2.

### **Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor**

6.05 Bagi memastikan program dan projek dilaksanakan mengikut jadual, berbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan keupayaan pelaksanaan agensi. Langkah tersebut termasuk meningkatkan pengawasan ke atas program dan projek di peringkat persekutuan, negeri dan daerah dengan lebih rapi. Keadaan ini juga memerlukan penyusunan semula keutamaan program dan projek bagi mengurangkan ketidakupayaan berbelanja oleh agensi. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dalam tempoh RME adalah sebanyak RM54.7 bilion atau 93.5 peratus daripada jumlah peruntukan seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-3.

6.06 Perbelanjaan program ekonomi dan sosial merupakan bahagian yang terbesar daripada perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan untuk sektor ekonomi adalah sebanyak RM27.7 bilion atau 50.6 peratus, sektor sosial sebanyak RM13.6 bilion atau 24.8 peratus, sektor keselamatan sebanyak RM11 bilion atau 20.1 peratus dan pentadbiran am sebanyak RM2.4 bilion atau 4.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan.

6.07 Dalam sektor ekonomi, perbelanjaan untuk sektor kecil pengangkutan, komunikasi, tenaga dan sumber air berjumlah RM16.6 bilion atau 30.3 peratus daripada perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan ini terutamanya untuk meningkatkan kapasiti kemudahan infrastruktur bagi mengatasi kekangan

penawaran serta meningkatkan kecekapan operasi. Dalam tempoh Rancangan, tumpuan terus diberi kepada projek pengluasan dan pemodenan rangkaian jalan raya, pelabuhan dan lapangan terbang serta projek landasan kereta api. Dalam usaha ini, kira-kira 10,330 kilometer jalan raya baru dan sebuah lapangan terbang baru telah disiapkan, 29 pengkalan kapal baru dibina serta tiga landasan kapalterbang telah dinaiktaraf. Di samping itu, landasan kereta api sepanjang 440 kilometer telah dibaikpulih manakala 400 kilometer landasan tunggal telah dibina, dinaiktaraf dan dibekalkan dengan elektrik bagi perkhidmatan kereta api komuter.

6.08 Dalam sektor kecil tenaga, perbelanjaan bagi elektrik telah ditumpukan terutamanya untuk membekalkan elektrik luar bandar bagi meningkatkan liputan penggunaan elektrik kepada penduduk luar bandar. Dalam sektor kecil sumber air, tumpuan diberi kepada peningkatan kapasiti bekalan air dengan menaiktaraf dan meningkatkan kecekapan kemudahan bekalan air sedia ada untuk memenuhi keperluan domestik dan perindustrian. Kapasiti pengeluaran bagi kawasan bandar telah meningkat sebanyak 54.7 peratus daripada 6,103 juta liter sehari (jlh) pada tahun 1990 kepada 9,442 jlh pada tahun 1995, manakala tambahan sebanyak 1,300 skim di bawah program bekalan air luar bandar telah dilaksanakan. Program ini telah meningkatkan liputan bekalan air bagi seluruh negara kepada kira-kira 89 peratus pada akhir tempoh Rancangan dengan liputan di bandar adalah sebanyak 99 peratus dan luar bandar sebanyak 77 peratus.

6.09 Perbelanjaan untuk program pembangunan pertanian adalah sebanyak RM6.3 bilion atau 11.6 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan ini sebahagian besarnya adalah untuk pembangunan in-situ serta pembangunan tanah baru dan wilayah. Dalam tempoh Rancangan, pembangunan in-situ termasuk program penanaman semula kira-kira 305,420 hektar terutama bagi getah dan kelapa sawit serta penyatuan dan pemulihan semula 48,310 hektar dan pembangunan bagi 1.8 juta hektar di bawah Program Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP). Kira-kira 290,450 hektar telah dibangunkan di bawah program pembangunan tanah baru. Di samping itu, perbelanjaan tersebut juga adalah bagi sistem pengairan dan saliran terutamanya untuk tebatan banjir dan mencegah hakisan pantai. Perbelanjaan untuk khidmat sokongan pertanian adalah penting bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti keluaran pertanian. Perkhidmatan ini meliputi latihan, khidmat pengembangan, penyediaan kemudahan kredit dan perkhidmatan pemasaran serta pengenalan teknologi baru.

6.10 Perbelanjaan untuk sektor kecil perdagangan dan perindustrian adalah sebanyak RM4.0 bilion atau 7.4 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Program utama yang dilaksanakan dalam tempoh RME meliputi penubuhan kawasan perindustrian oleh agensi awam, penyediaan kemudahan kewangan dan penubuhan lima taman perindustrian kecil dan sederhana serta 18 kawasan baru industri luar bandar bagi menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS). Begitu

juga pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan, tempat bersejarah dan monumen serta program pengindahan dan kebersihan telah dilaksanakan.

6.11 Perbelanjaan untuk sektor sosial yang terdiri daripada pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan perkhidmatan sosial lain adalah sebanyak RM13.6 bilion atau 24.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Pendidikan dan latihan merupakan bahagian terbesar sektor ini terutamanya bagi program melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi serta memupuk nilai positif di kalangan mereka. Tambahan sebanyak 9,530 bilik darjah untuk sekolah rendah, 3,960 bilik darjah untuk sekolah menengah, 11 sekolah menengah vokasional, empat politeknik baru dan dua kampus universiti baru sedang dalam pembinaan. Perbelanjaan untuk sektor kecil kesihatan juga agak besar, menunjukkan kepentingan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang lengkap dan menyeluruh. Dalam hubungan ini, sebanyak 31 hospital dan 29 pusat kesihatan baru telah dibina. Perbelanjaan untuk perumahan telah diberi penekanan dan ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan dalam memenuhi keperluan perumahan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Sebanyak 46,497 unit rumah kos rendah telah dibina oleh sektor awam.

6.12 Perbelanjaan untuk sektor keselamatan adalah sebanyak RM11 bilion atau 20.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan ini terutamanya adalah untuk pembelian kelengkapan ketenteraan bagi menggantikan peralatan sedia ada dan program pemodenan angkatan tentera. Ini adalah untuk meningkatkan kemampuan angkatan tentera dan polis bagi menjaga keselamatan negara. Di samping itu, perbelanjaan juga dibuat bagi melengkapkan pasukan pengaman Malaysia di Bosnia-Herzegovina, Kampuchea, Namibia dan Somalia.

6.13 Perbelanjaan untuk pentadbiran am adalah merupakan bahagian terkecil daripada jumlah perbelanjaan pembangunan iaitu sebanyak RM2.4 bilion. Perbelanjaan ini bertujuan meningkatkan kecekapan dan produktiviti jabatan serta agensi Kerajaan melalui pembelian peralatan pejabat yang moden termasuk sistem komputer di beberapa agensi terpilih. Perbelanjaan juga adalah untuk pembinaan, pengubahsuaian dan penyelenggaraan bangunan pejabat.

### **Perbelanjaan Pembangunan Luar Bandar**

6.14 Sebanyak RM15 bilion telah dibelanjakan bagi pembangunan luar bandar dalam tempoh RME terutamanya bagi program IADP, penanaman semula, pembangunan tanah, perkhidmatan kesihatan, jalan, bekalan air dan elektrik. Penekanan juga telah diberi untuk meningkatkan rangkaian jalan di luar bandar. Di bawah program jalan luar bandar, sejumlah 5,445 kilometer jalan baru telah dibina dan kualiti jalan sedia ada dipertingkatkan. Dalam program bekalan elektrik luar bandar, 92 peratus isirumah telah mendapat bekalan elektrik pada akhir tempoh Rancangan berbanding dengan 80 peratus pada tahun 1990. Di samping itu, program perumahan luar bandar

juga telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan untuk menyediakan perumahan dan kehidupan yang lebih selesa kepada penduduk luar bandar. Program ini meliputi Program Pertapakan dan Kemudahan, Program Pengumpulan Semula Kampung Tradisional dan Program Pemulihan Rumah Usang bagi kumpulan berpendapatan rendah dan golongan termiskin. Kesemua program ini bertujuan memupuk nilai positif, berdikari dan berdaya tahan di kalangan masyarakat luar bandar serta memperbaiki taraf hidup mereka supaya tidak tercicir dalam arus pembangunan.

### **Perbelanjaan Pembangunan untuk Pengurangan Kemiskinan**

6.15 Dalam tempoh RME, penekanan telah diberi kepada berbagai program untuk membasmi kemiskinan keseluruhan. Pertumbuhan ekonomi yang pesat telah menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan daripada aktiviti luar ladang dan bukan ladang yang telah membantu mengurangkan tahap kemiskinan negara. Dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), sebanyak 16,740 isirumah termiskin telah mendapat manfaat daripada berbagai projek yang menjana pendapatan, seramai 39,060 telah terlibat dengan program merubah sikap dan 37,200 telah menerima bantuan kebajikan secara langsung. Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB)-PPRT yang bertujuan meningkatkan pendapatan isirumah termiskin telah menyediakan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM5,000 kepada setiap isirumah termiskin bagi membolehkan mereka menyertai skim tersebut.

6.16 Pelaksanaan program Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terutamanya oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) yang diasaskan oleh Kerajaan Negeri telah melengkapkan lagi usaha Kerajaan mengurangkan kemiskinan. Dalam masa yang sama, sektor swasta turut terlibat dalam usaha ini dengan memberi sumbangan kewangan dan latihan kemahiran. Kerajaan juga melaksanakan program meningkatkan kualiti hidup golongan miskin. Di akhir tempoh Rancangan, 88 peratus isirumah miskin di bandar dan 72 peratus isirumah miskin di luar bandar telah mendapat bekalan elektrik, manakala 92 peratus daripada isirumah miskin di bandar dan 65 peratus daripada isirumah miskin di luar bandar telah mendapat bekalan air bersih.

### **Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Negeri**

6.17 Perbelanjaan bagi Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka adalah sebanyak RM17.5 bilion atau 31.9 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-4. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut dibelanjakan untuk projek seperti pusat pentadbiran baru Putrajaya, lapangan terbang, jalan raya, bekalan air, kemudahan pendidikan tinggi, hospital baru dan projek IADP.

6.18 Perbelanjaan pembangunan bagi Kedah, Sarawak, Pahang, Sabah, Terengganu, Kelantan dan Perlis adalah sebanyak RM15.1 bilion atau 27.7 peratus. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk menyediakan infrastruktur asas dan melaksanakan program pertanian serta pembangunan luar bandar. Di antara projek besar yang dilaksanakan adalah jalan raya, lapangan terbang, sekolah, hospital, bekalan air, pembangunan dan pemulihan tanah serta IADP.

6.19 Sejumlah RM22.1 bilion atau 40.4 peratus telah dibelanjakan bagi projek pelbagai negeri yang memberi manfaat kepada seluruh negara. Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk bekalan air luar bandar, jalan raya dan lebuhraya serta perkhidmatan kereta api komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan pengambilan balik tanah untuk projek Rel Transit Ringan.

### **Perbelanjaan Semasa**

6.20 Perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak 7.9 peratus setahun dalam tempoh RME lebih tinggi daripada kadar yang dijangkakan iaitu sebanyak 7.2 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-5. Kenaikan ini sebahagian besarnya adalah untuk membiayai pelaksanaan Sistem Saran Baru dan pengambilan kakitangan untuk memenuhi kekosongan dalam perkhidmatan perlu terutamanya pendidikan dan kesihatan. Di samping itu, dengan penekanan untuk meningkatkan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan awam serta memperbaiki penyelenggaraan harta Kerajaan telah mengakibatkan meningkatnya perbelanjaan. Pada masa yang sama, perbelanjaan bagi bantuan pendidikan dan biasiswa juga adalah lebih tinggi disebabkan pertambahan bilangan pelajar yang menuntut di dalam dan luar negara. Kerajaan juga terus menswastakan agensi dan perkhidmatan sektor awam bagi tujuan mengurangkan beban kewangannya.

### **Sumber Hasil**

6.21 Dalam tempoh RME, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan telah meningkat pada kadar 11.5 peratus setahun daripada RM29.5 bilion pada tahun 1990 kepada RM50.9 bilion pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-6. Buat pertama kali dalam sejarah Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah mencapai belanjawan keseluruhan berimbang pada tahun 1993 serta dapat mengekalkannya pada tahun 1994 dan 1995. Oleh itu dalam tempoh Rancangan imbalan keseluruhan telah mencatatkan lebih 0.3 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

6.22 Kecekapan pungutan cukai, pengluasan asas cukai dan prestasi ekonomi yang baik telah menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan. Begitu juga, penguatkuasaan undang-undang cukai yang lebih baik, publisiti dan kempen pendidikan awam termasuk minggu perkhidmatan cukai pendapatan telah meningkatkan kutipan cukai. Hasil Kerajaan Persekutuan terus bergantung kepada cukai langsung yang berkembang pada kadar 16.9 peratus setahun. Bahagiannya

kepada jumlah hasil meningkat daripada 35.3 peratus pada tahun 1990 kepada 44.6 peratus pada tahun 1995. Cukai korporat merupakan komponen utama kepada peningkatan cukai langsung sungguhpun kadar cukai telah berkurangan daripada 35 peratus pada tahun 1991 kepada 30 peratus pada akhir tempoh Rancangan. Bahagian cukai korporat kepada jumlah cukai langsung meningkat daripada 43.2 peratus pada tahun 1990 kepada 51.6 peratus pada tahun 1995. Sungguhpun kadar cukai pendapatan individu telah diturunkan, kutipan hasil daripada sumber ini telah meningkat pada kadar 19.9 peratus setahun. Walau bagaimanapun, hasil daripada cukai pendapatan petroleum telah berkurangan sebanyak 3.7 peratus setahun disebabkan kejatuhan harga minyak mentah daripada USD23.50 se tong pada tahun 1990 kepada USD18.30 pada tahun 1995 dan penurunan kadar cukai daripada 45 peratus kepada 40 peratus mulai tahun 1994. Berikutan daripada itu, bahagiannya kepada jumlah hasil telah berkurang daripada 9.0 peratus pada tahun 1990 kepada 4.3 peratus pada tahun 1995.

6.23 Dalam tempoh RME, cukai tidak langsung telah berkembang sebanyak 11.8 peratus setahun berikutan daripada kutipan cukai jualan yang lebih tinggi. Peningkatan penggunaan swasta yang berpunca daripada peningkatan pendapatan boleh guna swasta yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pertumbuhan berkenaan. Pengluasan asas cukai perkhidmatan meliputi perkhidmatan pergigian, kawasan letak kereta, veterinar dan perkhidmatan penghantaran juga telah menyumbang kepada kenaikan tersebut. Faktor penyumbang yang lain ialah pertambahan kemasukan pelancong sempena kempen Tahun Melawat Malaysia 1994. Peningkatan dalam jumlah import seperti kereta dan alat ganti, mesin dan alat ganti, diesel dan pakaian serta kadar duti import yang lebih tinggi bagi tembakau, rokok dan minuman keras telah menyumbang kepada peningkatan kutipan duti import. Ini telah dapat dicapai sungguhpun duti import ke atas lebih daripada 3,700 barang telah dihapus atau dikurangkan. Walau bagaimanapun, bahagian duti eksport kepada jumlah hasil telah berkurangan daripada 6.7 peratus pada tahun 1990 kepada 1.7 peratus pada tahun 1995. Pengurangan ini adalah kesan daripada kejatuhan harga dan jumlah eksport minyak mentah serta penurunan kadar duti eksport minyak mentah daripada 25 peratus kepada 20 peratus pada tahun 1995. Bahagian cukai tidak langsung kepada jumlah hasil telah meningkat daripada 36.7 peratus pada tahun 1990 kepada 37.2 peratus pada tahun 1995.

6.24 Hasil bukan cukai terus memberi sumbangan yang penting kepada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dengan bahagiannya sebanyak 16.6 peratus di akhir tempoh Rancangan. Sumbangan ini adalah daripada hasil kutipan yang lebih tinggi daripada bayaran lesen, permit dan cukai jalan serta pendapatan pelaburan dan bayaran dividen oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS).

## **Pembiayaan Sektor Awam Yang Disatukan**

6.25 Peningkatan hasil berikutan daripada prestasi ekonomi yang lebih baik dan perbelanjaan berhemat telah membolehkan Kerajaan Persekutuan mengurangkan pergantungan kepada pinjaman dalam dan luar negeri serta membuat pembayaran balik lebih awal bagi pinjaman luar negeri yang lebih mahal. Hutang dalam negeri telah meningkat sedikit pada kadar 11.4 peratus daripada RM70 bilion pada tahun 1990 kepada RM78 bilion pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, bahagiannya daripada KNK telah berkurangan dengan banyak iaitu daripada 63.3 peratus kepada 38.5 peratus. Begitu juga dengan hutang luar negeri yang turut berkurangan daripada RM24.7 bilion atau 22.3 peratus daripada KNK kepada RM13.3 bilion atau 6.6 peratus daripada KNK dalam tempoh yang sama.

6.26 Beberapa PABK yang utama terus membuat pelaburan modal yang besar dalam tempoh RME khususnya dalam sektor tenaga, telekomunikasi dan petroleum. Antara aktiviti utama yang dilaksanakan ialah membangunkan loji penjanakuasa serta menaiktaraf rangkaian penghantaran dan pengagihan oleh Tenaga Nasional Berhad bagi memenuhi permintaan tenaga elektrik yang semakin meningkat daripada sektor perdagangan dan industri. Telekom Malaysia Berhad telah melabur dalam sistem kabel gentian optik dasar laut untuk menghubungkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak bagi menyediakan kemudahan infrastruktur telekomunikasi yang canggih. PETRONAS telah melabur dalam kemudahan huluan dan hiliran petroleum termasuk pembinaan paip sepanjang 730 kilometer bagi Projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) Fasa II, pemasangan tiga kilang pemprosesan gas di Kerteh, Terengganu dan pembinaan loji gas asli cecair yang kedua di Bintulu, Sarawak.

6.27 Secara kumpulan, PABK telah mencatatkan lebihan semasa sebanyak RM49.5 bilion yang berkembang pada kadar purata 21.8 peratus setahun dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-7. Bahagian lebihan semasa daripada KNK telah meningkat daripada 5.2 peratus pada tahun 1990 kepada 7.7 peratus pada tahun 1995. Kedudukan kewangan yang lebih baik ini adalah hasil daripada pelbagai aktiviti, kenaikan keuntungan, kejayaan penyusunan semula kebanyakan syarikat dan perkembangan ekonomi yang terus kukuh. Walau bagaimanapun, usaha meningkatkan kapasiti yang ketara telah memerlukan pinjaman yang mengakibatkan kepada pertambahan hutang luar negeri PABK daripada RM11.8 bilion pada tahun 1990 kepada kira-kira RM27.9 bilion pada tahun 1995.

6.28 Dalam tempoh Rancangan, akaun sektor awam mencatatkan lebihan semasa sebanyak RM121.2 bilion atau 15.3 peratus daripada KNK. Ini membolehkan Kerajaan membiayai perbelanjaan pembangunannya dan mencapai lebihan keseluruhan sebanyak RM3.5 bilion atau 0.4 peratus daripada KNK seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-7, berbanding dengan defisit 4.0 peratus daripada KNK yang dianggarkan dalam tempoh RME.

6.29 Kerajaan terus mengawasi keadaan pasaran bagi mengambil peluang menurunkan kos keseluruhan daripada portfolio pinjaman. Sebahagian besar daripada pinjaman luar negeri telah dapat dikurangkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui pembayaran balik awal bagi hutang yang lebih mahal. Pada masa yang sama, pinjaman luar negeri terutamanya oleh PABK telah diawasi bagi memastikan pinjaman diperolehi pada syarat yang memuaskan. Walau bagaimanapun, kenaikan nilai yen telah menjelaskan usaha ini. Dalam tempoh RME, hutang yen dalam nilai ringgit telah meningkat sebanyak 8.6 peratus daripada RM13.7 bilion pada akhir tahun 1990 kepada RM14.9 bilion pada akhir tahun 1995, berbanding dengan penurunan sebanyak 12.1 peratus dalam nilai yen.

### **III. PROGRAM DAN PEMBIAYAAN, 1996-2000**

6.30 Dalam tempoh RMT, Kerajaan akan mengekalkan dasar pengurusan fiskal yang berhemat bagi mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada projek yang akan menyokong strategi pertumbuhan yang diterajui sektor swasta terutamanya dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi memenuhi keperluan ekonomi moden dan masyarakat yang semakin berkemampuan. Di samping itu, penekanan akan diberi kepada pembangunan sumber manusia untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga manusia mahir yang semakin meningkat bagi menyokong strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Dalam tempoh RMT, keutamaan akan diberi kepada usaha meningkatkan kualiti hidup di samping mencapai pembangunan seimbang di antara negeri dan wilayah serta memastikan pembangunan akan mengekalkan kestabilan ekologi.

#### **Peruntukan Pembangunan**

6.31 Bagi tempoh RMT, jumlah peruntukan pembangunan sektor awam adalah sebanyak RM162.5 bilion, dengan bahagian Kerajaan Persekutuan sebanyak 41.5 peratus, Kerajaan Negeri 7.4 peratus, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun 4.9 peratus dan PABK 46.2 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-1. Jumlah peruntukan ini adalah 38.3 peratus lebih tinggi daripada peruntukan dipinda RME. Sungguhpun pertambahan peruntukan ini agak besar, bahagiannya daripada KNK adalah 11.5 peratus lebih rendah berbanding dengan 14.8 peratus dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-8.

#### **Peruntukan Pembangunan Mengikut Sektor**

6.32 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi RMT berjumlah RM67.5 bilion, iaitu pertambahan sebanyak 15.4 peratus lebih tinggi daripada peruntukan RME. Peruntukan ini adalah untuk projek yang bertujuan mempercepatkan pembangunan kemudahan infrastruktur, tenaga manusia serta sains dan teknologi

(S&T). Di samping itu, keutamaan akan diberi kepada projek yang dapat meningkatkan kapasiti baru, mengurangkankekangan penawaran serta program yang akan dapat menyediakan peluang ekonomi yang baru di negeri kurang maju dan kawasan luar bandar. Bagi program dan projek pentadbiran Kerajaan, tumpuan akan diberi kepada usaha meningkatkan kecekapan dan hasil di samping mengurangkan keperluan tenaga manusia melalui automasi serta pengkomputeran.

6.33 Dalam tempoh RMT, sektor ekonomi akan diberi peruntukan terbesar sebanyak RM33.7 bilion atau 50 peratus seperti ditunjukkan dalam Carta 6-1. Sektor sosial akan diperuntukkan sebanyak RM19.8 bilion atau 29.3 peratus, sektor keselamatan RM9.2 bilion atau 13.6 peratus dan pentadbiran RM4.8 bilion atau 7.1 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-3.

6.34 Peruntukan lebih besar untuk sektor ekonomi menunjukkan iltizam Kerajaan bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi selaras dengan objektif meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan. Dalam sektor ekonomi, sektor kecil pengangkutan dan komunikasi akan diperuntukkan sebanyak RM15.8 bilion atau 23.4 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan. Penekanan yang diberi kepada sektor kecil ini bertujuan memastikan kemudahan infrastruktur dapat disediakan mendahului permintaan. Dalam hubungan ini, keutamaan akan diberi untuk menambah kapasiti serta meningkatkan kecekapan bagi infrastruktur dan rangkaian utiliti serta perkhidmatan. Di antara lain, pengluasan rangkaian infrastruktur akan memudahkan penglibatan sektor swasta yang lebih giat di samping meningkatkan peluang penduduk luar bandar untuk turut serta dalam proses pembangunan.

6.35 Sektor kecil pembangunan pertanian akan diperuntukkan sebanyak RM5.5 bilion atau 8.1 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan. Selaras dengan teras pembangunan sektor ini, sebahagian besar peruntukan akan disediakan untuk program pembangunan tanah in-situ. Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan sokongan bagi meningkatkan keberkesanan sektor ini bertujuan memastikan sektor ini terus menyumbang kepada pembangunan nasional. Di samping itu, Kerajaan juga akan menyediakan panduan dasar dan peraturan yang sesuai untuk menggalakkan penglibatan yang lebih sektorswasta bagi meningkatkan lagi produktiviti dan daya saing pertanian.

6.36 Peruntukan untuk sektor kecil perdagangan dan perindustrian adalah sebanyak RM5.9 bilion atau 8.7 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan. Peruntukan ini akan digunakan untuk melengkap dan mempercepatkan penglibatan sektor swasta melalui program khidmat sokongan perindustrian dan menyediakan berbagai kemudahan infrastruktur untuk menggalakkan lagi industri pelancongan. Keutamaan akan diberi kepada latihan dan pembangunan kemahiran dalam berbagai bidang industri, pembangunan IKS serta program sokongan bagi IKS yang berorientasikan eksport, menaiktaraf agensi yang berkaitan dengan perindustrian,

sokongan bagi pembangunan infrastruktur untuk kawasan industri baru dan pembangunan kawasan perindustrian khusus.

6.37 Sektor kecil utiliti akan diperuntukkan sejumlah RM5.1 bilion atau 7.6 peratus daripada peruntukan pembangunan, dengan memperuntukkan 6.0 peratus daripadanya kepada projek sumber air dan selebihnya untuk projek tenaga. Peruntukan bagi sektor kecil sumber air adalah untuk menambah bekalan air di bandar dan luar bandar terutamanya pemasangan loji rawatan serta memperbaiki sistem pengagihannya. Walaupun sebahagian besar daripada projek tenaga akan diambil alih oleh entiti yang diswastakan, peruntukan sebanyak RM1.1 bilion akan disediakan untuk menambah bekalan elektrik luar bandar serta membiayai projek elektrik di Sabah.

6.38 Peruntukan bagi aktiviti P&P sebanyak RM1.2 bilion atau 1.8 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan adalah hampir sekali ganda daripada peruntukan RME. Ini mencerminkan keutamaan yang diberi terhadap usaha membangunkan infrastruktur yang berkaitan dengan S&T, menambah bilangan tenaga manusia bagi menyokong dan menggalakkan aktiviti P&P yang lebih intensif serta meningkatkan kemajuan teknologi. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi kepada program yang dapat meningkatkan kemampuan teknologi tempatan dan mengkomersilkan penemuan P&P serta membangunkan tenaga manusia dalam bidang S&T ke tahap yang lebih tinggi.

6.39 Sektor sosial akan diperuntukkan sebanyak RM19.8 bilion atau 29.3 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan. Peratusan ini merupakan bahagian tertinggi pernah diperuntukkan berbanding dengan beberapa Rancangan yang lalu, dan ini menggambarkan kepentingan yang lebih diberikan oleh Kerajaan kepada sektor ini. Dalam tempoh RMT, program pendidikan dan latihan adalah bertujuan menyediakan tenaga kerja yang mencukupi, berpendidikan, berkemahiran tinggi, bermotivasi serta bermoral dan beretika tinggi. Tumpuan yang lebih diberikan dalam usaha memperluaskan kursus dalam bidang S&T terutamanya di peringkat tinggi. Lebih banyak peluang pendidikan akan disediakan untuk pelajar di kawasan luar bandar dan pedalaman.

6.40 Peruntukan bagi sektor kecil kesihatan adalah sebanyak RM2.7 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk program Pencegahan dan pemulihan sebagai sebahagian daripada usaha memperluas dan memperbaiki infrastruktur kesihatan. Namun demikian, peruntukan bagi Pencegahan dan penggalakan penjagaan kesihatan akan terus diberi penekanan. Usaha juga akan diteruskan untuk memperkuuhkan lagi perkhidmatan kesihatan yang cekap dan saksama. Di antara lain, hospital wilayah akan ditubuhkan dengan menaiktaraf hospital yang sedia ada di ibu negeri terpilih. Sebagai usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, kemudahan di hospital yang sesak akan dialihkan ke hospital baru di bandar utama. Penjagaan pemulihan yang lengkap dan

menyeluruh akan juga disediakan terutamanya bagi keperluan warga tua serta rawatan kardiovaskular dan mangsa kemalangan.

6.41 Sektor keselamatan akan diperuntukkan sebanyak RM9.2 bilion atau 13.6 peratus daripada jumlah peruntukan. Sebahagian besar peruntukan adalah untuk pembelian kelengkapan ketenteraan selaras dengan program pemodenan angkatan tentera serta pembinaan infrastruktur yang berkaitan. Peruntukan ini juga bertujuan membiayai penglibatan Malaysia dalam operasi pengaman di peringkat antarabangsa. Peruntukan sebanyak RM2.2 bilion akan diagihkan untuk keselamatan dalam negeri dengan RM1.3 bilion adalah untuk Polis DiRaja Malaysia.

6.42 Pentadbiran am akan diperuntukkan sebanyak RM4.8 bilion iaitu pertambahan sebanyak 77.5 peratus berbanding dengan peruntukan RME. Pertambahan ini mencerminkan usaha Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor awam, terutamanya dengan mempercepatkan pengkomputeran dan automasi serta menyediakan kemudahan fizikal yang lebih baik untuk anggota sektor awam dan orang awam. Penggunaan teknologi maklumat akan diperluaskan sejajar dengan objektif meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam sektor awam. Penekanan akan diberi kepada pembangunan infrastruktur teknologi maklumat dan meningkatkan penggunaan maklumat dalam usaha ke arah budaya penjimatan penggunaan kertas dalam sektor awam. Ini akan dibantu dengan penekanan yang lebih kepada program pembangunan sumber manusia serta pembangunan dan penggunaan pangkalan data terutamanya untuk tujuan perancangan strategik dan membuat keputusan.

### **Peruntukan Pembangunan Luar Bandar**

6.43 Dalam tempoh RMT, program pembangunan luar bandar akan diperuntukkan sebanyak RM18.2 bilion. Peruntukan ini terutamanya untuk infrastruktur luar bandar sebanyak RM6.7 bilion, pertanian RM3.3 bilion serta pendidikan dan latihan RM3.1 bilion. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada program yang menjana pendapatan melalui pelbagai aktiviti ekonomi dan mengurangkan pergantungan kepada aktiviti pertanian. Penyediaan kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan sosial akan diperluaskan. Dalam hubungan ini, jalan luar bandar akan diperuntukkan sebanyak RM1.8 bilion, bekalan air RM500 juta dan elektrik RM431 juta. Di samping itu, program perumahan luar bandar akan terus dilaksanakan melalui Program Pengumpulan Semula Kampung Tradisional dan Program Pemulihan Rumah Usang bagi kumpulan berpendapatan rendah dan golongan termiskin. Program tebatan banjir serta saliran dan talair juga akan dilaksanakan.

### **Peruntukan Pembangunan untuk Pengurangan Kemiskinan**

6.44 Dalam tempoh RMT, Kerajaan akan terus melaksanakan program membasmi kemiskinan yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan

rakyat Malaysia kepada 5.5 peratus menjelang tahun 2000. Pertumbuhan ekonomi yang pesat akan menyediakan peluang bagi golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka, di samping itu pendidikan dan latihan yang diberikan akan membolehkan mereka mendapat pekerjaan di sektor ekonomi yang lebih produktif.

6.45 Usaha yang bersungguh-sungguh akan dilakukan untuk membasmi kemiskinan golongan rakyat termiskin dengan mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5 peratus menjelang tahun 2000. Peruntukan sebanyak RM722.4 juta akan disediakan, daripada jumlah tersebut RM522.4 juta untuk program PPRT dan RM200 juta untuk AIM. Di bawah program PPRT, sebahagian besar peruntukan adalah bagi projek yang menjana pendapatan terutamanya di negeri dan daerah termiskin serta masyarakat Orang Asli dan golongan miskin di bandar. Manakala peningkatan pinjaman tanpa faedah yang disediakan di bawah AIM pula akan meluaskan lagi aktiviti pinjaman kepada golongan termiskin. Di samping itu, berbagai program seperti pertanian, pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur akan memberi manfaat kepada golongan termiskin. Pada masa yang sama, jadual pembayaran balik skim ASB-PPRT akan dikaji semula bagi memastikan golongan termiskin menerima sepenuhnya dividen dan bonus semasa tempoh memulakan pembayaran balik pinjaman. NGO dan sektor swasta dijangka meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam aktiviti yang dapat membantu mengurangkan kemiskinan.

### **Peruntukan Pembangunan Mengikut Negeri**

6.46 Dalam tempoh RMT, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut negeri mencerminkan usaha Kerajaan mencapai objektif pembangunan yang lebih seimbang di antara negeri seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-4. Peruntukan tersebut mengambil kira tahap pembangunan negeri masa kini, potensi pertumbuhan, sumber yang ada dan kemampuan pelaksanaan negeri tersebut. Sektor swasta dijangka terlibat secara aktif dalam pembangunan di peringkat negeri dan rantau kecil.

6.47 Negeri lebih maju akan diperuntukkan sebanyak RM21.9 bilion atau 32.4 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan iaitu pertambahan sebanyak 9.3 peratus daripada peruntukan RME. Sebahagian besar peruntukan ini adalah untuk pendidikan dan latihan, pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian. Di antara projek besar yang akan disiapkan dalam RMT adalah beberapa persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur, kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa di Selangor, Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantina untuk Laluan Kedua Malaysia-Singapura, jalan raya dan lebuh raya di Pulau Pinang serta Empangan Kelinch di Negeri Sembilan. Projek baru termasuk pembinaan jalan kereta api ke Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor, politeknik di Melaka dan Perak serta Pusat Latihan Kemahiran Teknikal Lanjutan di Selangor.

6.48 Peruntukan bagi negeri kurang maju berjumlah RM20.8 bilion iaitu peningkatan sebanyak 30.9 peratus daripada peruntukan RME. Peruntukan terbesar adalah bagi

sektor kecil pengangkutan diikuti dengan pembangunan pertanian serta pendidikan dan latihan. Di antara projek yang akan dilaksanakan adalah pembinaan jalan dan lebuh raya serta bekalan elektrik luar bandar. Di samping itu, kampus baru akan dibina bagi Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Likas dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Samarahan. Peruntukan yang besar juga disediakan untuk pelaksanaan projek IADP dan projek di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah.

6.49 Sejumlah RM24.8 bilion atau 36.8 peratus daripada peruntukan pembangunan akan disediakan untuk projek pelbagai negeri. Di antara lain, projek ini meliputi pembiayaan aktiviti P&P, pembelian tambahan unit kereta api elektrik untuk perkhidmatan kereta api komuter KTMB, pembinaan lebuh raya dan empangan serta pembelian kelengkapan ketenteraan.

### **Perbelanjaan Semasa**

6.50 Dalam tempoh RMT perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM252.8 bilion atau 17.9 peratus daripada KNK iaitu lebih rendah daripada 20.7 peratus seperti yang dicatatkan dalam tempoh RME. Ini menggambarkan dasar fiskal berhemat dan berdisiplin yang berterusan dalam pengurusan kewangan sektor awam. Komponen utama perbelanjaan ini termasuk emolumen yang merupakan 41.1 peratus, bekalan dan perkhidmatan sebanyak 16.3 peratus dan bayaran khidmat hutang 12.5 peratus.

### **Sumber Hasil**

6.51 Berdasarkan jangkaan kekuuhan prestasi ekonomi dalam tempoh RMT, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat pada kadar 7.1 peratus setahun iaitu berjumlah RM319.4 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-6. Sumber utama hasil Kerajaan terdiri daripada cukai langsung yang merupakan sebanyak 42.4 peratus dan cukai tidak langsung 40.6 peratus. Sumbangan cukai tidak langsung dijangka meningkat dalam tempoh Rancangan berbanding dengan cukai langsung berikutnya usaha gigih Kerajaan mengurangkan pergantungan kepada cukai langsung dan pengluasan asas cukai. Pengurangan pergantungan kepada cukai pendapatan sebagai sumber hasil adalah selaras dengan usaha Kerajaan mengekalkan struktur cukai yang kompetitif supaya dapat memperbaiki lagi suasana pelaburan dan merendahkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia.

6.52 Hasil cukai langsung dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 5.6 peratus setahun dalam tempoh RMT berbanding dengan 16.9 peratus dalam tempoh RME. Bahagian cukai langsung kepada jumlah hasil dijangka turun sedikit daripada 44.6 peratus pada tahun 1995 kepada 41.6 peratus pada tahun 2000. Ini adalah selaras dengan usaha menggalakkan inisiatif dan pelaburan swasta bagi memantapkan lagi perkembangan ekonomi yang akan mendatangkan hasil yang lebih tinggi pada masa hadapan. Memandangkan jangkaan pertumbuhan ekonomi

yang pesat, cukai pendapatan korporat dijangka meningkat pada kadar 2peratus sungguhpun kadar cukai tersebut telah dikurangkan. Hasil cukai pendapatan individu dijangka meningkat pada kadar 4.1 peratus setahun.

6.53 Cukai tidak langsung dijangka menjadi sumber hasil utama dengan bahagiannya kepada jumlah hasil meningkat daripada 37.2 peratus pada tahun 1995 kepada 42 peratus pada tahun 2000 dan ini memperluaskan lagi asas cukai. Pada masa yang sama, bahagian duti import kepada jumlah cukai tidak langsung akan berkurangan daripada 29.6 peratus pada tahun 1995 kepada 23.7 peratus pada tahun 2000. Pengurangan ini sebahagiannya berikutan jangkaan import dan tarif yang lebih rendah hasil daripada liberalisasi perdagangan di bawah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan ini adalah selaras dengan perjanjian antarabangsa yang lain. Walau bagaimanapun, bahagian cukai jualan dan perkhidmatan kepada jumlah hasil akan meningkat daripada 11.5 peratus pada tahun 1995 kepada 18.1 peratus pada akhir tempoh Rancangan. Ini mencerminkan penggunaan barang dan perkhidmatan yang dijangka meningkat.

### **Pembiayaan Sektor Awam Yang Disatukan**

6.54 Prestasi hasil yang lebih baik dalam tempoh RMT dijangka menyumbang kepada lebihan semasa Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi berjumlah RM66.6 bilion. Dalam tempoh RMT Kerajaan Persekutuan akan dapat membiayai peruntukan pembangunan dan mencatatkan lebihan keseluruhan sebanyak 0.4 peratus daripada KNK seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-5. Dengan ini, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh di sepanjang tempoh Rancangan. Dengan usaha yang berterusan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti PABK, lebihan semasa PABK dijangka berjumlah RM76.3 bilion dalam tempoh RMT berbanding dengan RM49.5 bilion dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-7.

6.55 Lebihan semasa sektor awam akan berjumlah RM165.7 bilion setelah mengambilkira lebihan semasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun serta PABK. Ini merupakan peningkatan keseluruhan sebanyak 36.7 peratus daripada lebihan semasa yang dicatat dalam tempoh RME sebanyak RM121.2 bilion. Dengan peruntukan pembangunan keseluruhan berjumlah RM162.5 bilion, sektor awam akan terus mencapai lebihan sebanyak RM3.2 bilion atau 0.2 peratus daripada KNK dalam tempoh RMT berbanding dengan RM3.5 bilion atau 0.4 peratus daripada KNK dalam tempoh RME.

#### **IV. PENUTUP**

6.56 Perbelanjaan pembangunan bagi tempoh RMT dijangka meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran yang produktif dalam ekonomi. Agihan peruntukan akan memberi penekanan kepada program dan projek yang bertujuan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi dan kualiti hidup penduduk serta menyediakan perkhidmatan lebih baik bagi memenuhi harapan yang lebih tinggi daripada masyarakat yang lebih berkemampuan. Di samping itu, keutamaan akan diberi kepada program dan projek yang akan membawa lebih keseimbangan di antara negeri dan wilayah. Sektor awam akan terus membantu penyertaan sektor swasta dalam menyediakan kemudahan utiliti dan infrastruktur. Dengan program penswastaan yang akan dipercepatkan serta perbelanjaan semasa yang terkawal, lebih banyak sumber akan dapat digembangkan bagi melaksanakan lebih banyak aktiviti untuk memenuhi keperluan ekonomi moden di samping mengelakkan tekanan di luar jangkaan terhadap kedudukan kewangan sektor awam. Pengurusan akaun sektor awam yang lebih bijaksana akan terus menjadi penting dalam menjayakan pelaksanaan strategi mencapai pertumbuhan tinggi dengan kestabilan sebagaimana yang termaktub dalam Rancangan ini.

## **BAB 7: PENSWASTAAN**

### **I. PENDAHULUAN**

7.01 Penswastaan melibatkan pemindahan kepada sektor swasta aktiviti dan fungsi yang secara tradisinya merupakan tanggungjawab sektor awam. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), program penswastaan terus menjadi teras kepada keseluruhan strategi ke arah meningkatkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara. Ia juga telah menyumbang kepada kepesatan pertumbuhan ekonomi serta membantu pencapaian matlamat penyusunan semula di samping meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Pertambahan bilangan projek yang diswastakan dalam tempoh Rancangan telah mengurangkan beban pentadbiran serta kewangan Kerajaan dengan ketara dan ini membolehkan Kerajaan mengagihkan lebih banyak sumber kepada sektor yang lebih kritikal. Penswastaan telah berjaya meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mewujudkan persaingan dalam beberapa sektor seperti pelabuhan, tenaga dan telekomunikasi.

7.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), program penswastaan akan terus dipertingkatkan lagi meliputi projek di bawah sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan di samping sektor perkhidmatan terutamanya pendidikan dan latihan, perkhidmatan kesihatan serta penyelidikan dan pembangunan (P&P). Dalam usaha melicinkan pelaksanaan program tersebut, langkah akan diambil untuk memantapkan proses pelaksanaan. Ini meliputi usaha meningkatkan lagi proses mengenalpasti projek, mengemaskinikan undang-undang yang berkaitan dan mengukuhkan rangka kerja kawalselia serta mengkaji semula bentuk bantuan yang boleh diberi oleh Kerajaan. Penekanan akan diberi dalam melaksanakan tanggungjawab sosio-ekonomi yang lebih besar oleh entiti yang diswastakan melalui peningkatan program seperti pembangunan vendor, rangkaian pemasaran, latihan, pemindahan teknologi dan P&P. Penyertaan Bumiputera melalui program penswastaan akan terus diberi penekanan. Usahawan Malaysia juga akan digalakkan mengambil bahagian dalam projek penswastaan yang berpotensi di luar negara sebagai sebahagian daripada strategi mengeksport perkhidmatan tempatan khususnya dalam bidang pengurusan projek dan perkhidmatan perunding.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

7.03 Dalam tempoh RME, pelaksanaan program penswastaan berjaya mencapai matlamatnya dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Di bawah program ini, sejumlah 204 projek telah diswastakan. Kebanyakan projek tersebut adalah dalam bidang infrastruktur yang telah dapat menyumbang ke arah pengurangankekangan keupayaan infrastruktur. Langkah telah diambil untuk menggalakkan persaingan dalam beberapa industri tertentu yang mendorong kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti, dengan itu memberi manfaat kepada pengguna dari segi penyediaan perkhidmatan yang lebih baik.

### **Pelan Induk Penswastaan**

7.04 Pelan Induk Penswastaan (PIP) yang diperkenalkan pada tahun 1991 adalah sebagai panduan dalam pelaksanaan program penswastaan. PIP merangkumi antara lain rangka kerja dasar yang menyeluruh mengenai program penswastaan, prosedur pelaksanaan dan penentuan susunan keutamaan projek yang akan diswastakan. Program penswastaan yang terkandung dalam PIP mempunyai lima matlamat utama iaitu membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi; mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan Kerajaan; meningkatkan kecekapan dan produktiviti; mengecilkan saiz dan mengurangkan penglibatan sektor awam dalam ekonomi serta membantu pencapaian matlamat penyusunan semula yang terkandung dalam Dasar Pembangunan Nasional. PIP mengenalpasti beberapa kaedah penswastaan seperti penjualan aset, penjualan ekuiti, pajakan aset, pembelian syarikat oleh pengurusan (MBO), bina-milik-kendali (BMK) dan bina-kendali-pindah (BKP). Dalam pelaksanaan program penswastaan, dua pendekatan telah diterimapakai iaitu berdasarkan projek yang dikenalpasti oleh Kerajaan dan projek yang dicadangkan oleh pihak swasta. Projek yang dicadangkan oleh pihak swasta adalah bertujuan khususnya untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan ke atas daya usaha dan inovasi mereka. PIP mengandungi 246 projek yang dikenalpasti sesuai untuk diswastakan dan mengikut susunan keutamaan.

7.05 Satu unsur penting dalam PIP ialah Pelan Tindakan Penswastaan (PTP) dwitahunan yang boleh dipinda, bertujuan membantu melaksanakan program bagi setiap tahun. PTP mengandungi senarai projek yang dikenalpasti untuk diswastakan dan projek yang memerlukan penyusunan semula atau penyediaan sebelum diswastakan. Ianya membolehkan PTP tersebut dikaji semula pada setiap tahun bagi mengenalpasti halangan pelaksanaan supaya langkah yang sesuai boleh diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan program. PTP juga mengambil kira persediaan sebelum penswastaan iaitu bermula dengan komersilisasi, diikuti dengan pengkorporatan dan seterusnya penswastaan entiti yang berkenaan. Dalam tempoh Rancangan, lima PTP telah digubal. Bagi PTP 1995/96, sejumlah 200 projek telah dirancang untuk diswasta atau dikorporatkan berbanding dengan 37 projek untuk

PTP 1991/92 atau pertambahan sebanyak 163 projek seperti ditunjukkan dalam Carta 7-1.

### **Projek Yang Diswastakan**

7.06 Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 204 projek telah diswastakan yang terdiri daripada 56.4 peratus projek Kerajaan Persekutuan dan 43.6 peratus projek Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 138 adalah projek sedia ada dan 66 projek baru. Pertambahan yang ketara dapat dilihat daripada jumlah projek yang diswastakan sepetimana dalam Carta 7-2 yang menunjukkan peningkatan momentum pelaksanaan program ini terutamanya bagi tempoh separuh kedua Rancangan. Pertambahan jumlah projek yang diswastakan adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan keupayaan dan penglibatan sektor swasta secara dinamik di samping berbagai bentuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan seperti pinjaman mudah, galakan cukai dan kemudahan lain bagi beberapa projek terpilih. Bantuan tersebut diberi khususnya kepada projek yang mempunyai komponen sosial yang tinggi seperti Sistem Rel Transit Ringan (LRT), lebuh raya yang mempunyai kepadatan trafik yang rendah dan perkhidmatan pembetungan untuk menjamin supaya perkhidmatan yang diberi selepas penswastaan dikenakan pada kadar harga yang berkemampuan kepada pengguna.

7.07 Program penswastaan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan merangkumi keseluruhan sektor ekonomi. Dari segi pembahagian mengikut sektor, sebahagian besar projek-projek yang diswastakan adalah dalam sektor pembinaan sebanyak 22.5 peratus, diikuti sektor pembuatan 15.2 peratus serta sektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran sebanyak 11.3 peratus seperti ditunjukkan dalam Carta 7-3. Projek utama yang diswastakan termasuklah projek LRT di Kuala Lumpur, Kompleks Sukan Negara, Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON), Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Laluan Kedua ke Singapura dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

7.08 Dalam tempoh Rancangan, kebanyakan projek diswastakan melalui kaedah penjualan ekuiti iaitu sebanyak 46.1 peratus daripada keseluruhan projek, 16.2 peratus melalui penjualan aset dan 10.3 peratus melalui kaedah BKP. Pecahan projek mengikut sektor dan kaedah penswastaan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-1.

7.09 Selain daripada kaedah yang dinyatakan di dalam PIP, kaedah penswastaan yang baru telah diperkenalkan termasuk bina-pindah (BP) dan kaedah pertukaran aset bagi memudahkan penswastaan pembangunan tanah. Pengenalan kaedah baru ini timbul berikutan daripada perluasan skop penswastaan dan juga bagi memenuhi keperluan cadangan yang lebih inovatif oleh pihak swasta.

7.10 Pelaksanaan program penswastaan dalam tempoh RME telah dipertingkatkan dengan penggunaan prosedur pentadbiran penswastaan yang baru. Ini melibatkan penyelarasan prosedur pelaksanaan melalui perancangan berpusat dan pelaksanaan yang diagih-agihkan, penyeragaman terma dan syarat-syarat penswastaan, pengukuhan Jawatankuasa Penswastaan bagi memudahkan pelaksanaan dan meneruskan pendekatan yang berdasarkan kepada projek yang dikenalpasti oleh Kerajaan atau yang dicadangkan oleh pihak swasta. Pendekatan penswastaan atas daya usaha sektor swasta telah dapat membantu mempercepatkan proses pelaksanaan serta menggalakkan sektor swasta mengemukakan cadangan bagi pertimbangan Kerajaan. Dalam hubungan ini, daripada sejumlah 234 cadangan projek yang dikemukakan oleh sektor swasta, sebanyak 109 projek telah dapat diswastakan.

7.11 Dalam tempoh Rancangan, beberapa kekangan terutamanya berkaitan dengan isu tanah dan perundangan telah menjaskan pelaksanaan program penswastaan. Untuk mempercepatkan pelaksanaan program, Kerajaan telah mengkaji semula perundangan yang mengekang proses penswastaan dan berikutan itu, beberapa perundangan baru telah digubal dan pindaan juga telah dibuat ke atas perundangan yang sedia ada. Selain daripada pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan, Akta Pekerjaan, 1955 (Pindaan 1981) dan Akta Pencen, 1980, beberapa perundangan baru termasuk Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan), 1993 dan Akta Perkhidmatan Pembetungan, 1993 telah diperkenalkan. Pindaan juga dibuat ke atas beberapa perundangan termasuk Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 serta Akta Kawalan Padi dan Beras, 1994.

### **Manfaat Penswastaan**

7.12 Penswastaan dan Pertumbuhan. Penswastaan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan yang lebih besar yang membawa kepada pengembangan sektor korporat. Pertumbuhan juga berlaku melalui peningkatan kecekapan oleh kerana lebih banyak output dapat dikeluarkan melalui penggunaan sumber yang lebih kecil. Penswastaan juga telah memberi kesan gandaan kepada ekonomi. Pembinaan lebuh raya umpamanya telah membawa kepada peningkatan pertumbuhan dalam aktiviti pembuatan yang berkaitan dengan industri berdasarkan pembinaan di samping menjimatkan masa perjalanan dan mengurangkan kos kendalian kenderaan. Melalui program penswastaan, lebih banyak sumber dapat dibelanjakan oleh Kerajaan untuk sektor lain dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sektor tersebut.

7.13 Penjimatan. Jumlah penjimatan perbelanjaan modal hasil daripada projek yang diswastakan dalam tempoh Rancangan adalah RM51.6 bilion atau 70.9 peratus daripada jumlah penjimatan secara keseluruhan semenjak tahun 1983 iaitu RM72.8 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-2. Penjimatan ke atas belanja mengurus tahunan sebagaimana di akhir tempoh Rancangan adalah sebanyak RM6.9 bilion.

Walaupun objektif penswastaan bukanlah untuk mendapatkan hasil, program penswastaan telah memberi sumbangan pendapatan RM14.1 bilion kepada Kerajaan daripada penjualan aset dan ekuiti. Jumlah ini tidak termasuk pungutan daripada cukai korporat yang mungkin tidak dapat dipungut jika projek berkenaan tidak diswastakan. Berdasarkan kepada analisis ke atas 17 syarikat yang diswastakan, pungutan cukai korporat sahaja berjumlah RM2.3 bilion dalam tempoh Rancangan. Pendapatan berulang dalam bentuk sewa pajakan melalui projek penswastaan juga telah menyumbang kepada hasil Kerajaan. Penjimatan dan hasil daripada penjualan aset dan ekuiti serta cukai korporat membolehkan Kerajaan mengurangkan pinjaman di samping dapat mengagihkan semula sumber kepada sektor lain seperti pendidikan dan kesihatan. Ianya juga menyumbang kepada belanjawan berimbang dan dengan itu mengukuhkan kewangan sektor awam.

7.14 Pengurangan Beban Pentadbiran. Pelaksanaan program penswastaan telah mengurangkan beban pentadbiran Kerajaan dari segi pengambilan, kenaikan pangkat dan latihan kakitangan. Semenjak tahun 1983, seramai 96,756 anggota atau 11.4 peratus daripada jumlah anggota sektor awam telah dipindahkan kepada sektor swasta seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-2. Jumlah ini tidak termasuk kakitangan syarikat milik Kerajaan yang telah diswastakan. Bagi tempoh RME, seramai 43,038 anggota sektor awam telah dipindahkan kepada sektor swasta yang merupakan 44.5 peratus daripada keseluruhan anggota yang dipindahkan semenjak tahun 1983. Bilangan anggota mengikut kategori yang diserapkan oleh beberapa entiti utama yang telah diswastakan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-3.

7.15 Kecekapan dan Produktiviti. Penswastaan telah menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti entiti yang diswastakan melalui penyediaan perkhidmatan dan sistem pengurusan yang lebih baik. Ini dapat dilihat melalui petunjuk yang digunakan untuk mengukur kecekapan dan produktiviti entiti yang diswastakan seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 7-4. Pencapaian keseluruhan entiti yang diswastakan telah bertambah baik hasil daripada penambahan keupayaan dan rangkaian perkhidmatan di samping perolehan dan penggunaan peralatan dan teknologi moden. Selain daripada itu, perubahan sikap yang lebih positif serta pembaharuan minda di kalangan kakitangan entiti yang diswastakan telah menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti.

7.16 Manfaat kepada Kakitangan. Penswastaan memberi manfaat kepada kakitangan yang memilih untuk berkhidmat dengan entiti yang diswastakan, memandangkan kebanyakan entiti tersebut mengamalkan skim saraan berdasarkan prestasi pencapaian. Peningkatan prestasi entiti yang diswastakan memberi manfaat kepada kakitangan dalam bentuk bonus dan kenaikan gaji. Faedah lain kepada kakitangan termasuk tawaran pembelian saham syarikat di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan dan Skim Opsyen Saham Kesetiaan Kakitangan. Penswastaan melalui kaedah MBO memberi peluang kepada mereka untuk turut serta memegang ekuiti yang besar dan melibatkan diri dalam pengurusan entiti yang diswastakan.

Penglibatan pihak pengurusan dan kakitangan dalam program penswastaan melalui pemegangan ekuiti secara minoriti juga digalakkan. Di samping itu, entiti yang diswastakan telah dapat menerokai aktiviti lain yang membolehkan mereka menempatkan semula kakitangan yang berlebihan dalam aktiviti tersebut dengan memberi latihan yang sesuai.

### **Penyertaan Bumiputera**

7.17 Penswastaan telah digunakan sebagai wahana utama dalam mempertingkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi. Untuk memastikan penglibatan Bumiputera yang aktif, dasar penswastaan telah menetapkan penglibatan minimum ekuiti Bumiputera sebanyak 30 peratus dalam semua entiti yang diswastakan. Walau bagaimanapun, dalam beberapa entiti yang diswastakan penglibatan Bumiputera telah melebihi 51 peratus dan ada diantaranya mencapai 100 peratus. Pemilikan ekuiti Bumiputera juga meningkat dalam sektor korporat dengan pengapungan 24 syarikat Kerajaan yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Jumlah ekuiti Bumiputera dalam syarikat ini pada Disember 1994 bernilai RM2.2 bilion yang merupakan 19.6 peratus daripada keseluruhan ekuiti, sementara sebanyak RM1.6 bilion atau 14.7 peratus dimiliki oleh bukan Bumiputera dan RM5.5 bilion atau 50.2 peratus oleh Kerajaan.

7.18 Penswastaan juga memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk golongan yang berpendapatan rendah. Penglibatan yang menyeluruh ini telah dicapai melalui tawaran awam kepada orang ramai dan juga pelabur institusi seperti amanah saham negeri, Koperasi Polis Di Raja Malaysia, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

7.19 Pemilikan Bumiputera juga telah meningkat melalui penswastaan entiti Kerajaan secara MBO. Jumlah ekuiti Bumiputera dalam projek yang telah diswastakan secara MBO bernilai RM119 juta. Melalui kaedah ini, bilangan usahawan Bumiputera yang terlibat dalam projek penswastaan juga meningkat selaras dengan program mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

7.20 Usaha untuk meningkatkan penglibatan secara langsung dan aktif kontraktor Bumiputera dalam projek penswastaan dilaksanakan melalui penetapan syarat dalam perjanjian konsesi supaya sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kontrak kerja dikhaskan kepada Bumiputera. Dalam tempoh Rancangan, kontraktor Bumiputera telah diberikan kontrak kerja dalam projek penswastaan meliputi sektor pembinaan, pembetungan, telekomunikasi dan utiliti. Di samping itu, bagi membantu syarikat Bumiputera memiliki dan menguruskan entiti yang diswastakan, mereka digalakkan bekerjasama dengan pelabur institusi seperti Koperasi Polis Di Raja Malaysia, LTAT, LTH dan agensi amanah negeri. Walaupun penswastaan telah digunakan sebagai wahana bagi mempertingkatkan penglibatan Bumiputera, ia juga telah memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang lain melalui projek usaha sama Bumiputera

dengan bukan Bumiputera serta menawarkan kontrak dan sub-kontrak kepada bukan Bumiputera. Di samping itu, bukan Bumiputera juga mendapat manfaat daripada penyenaraian entiti yang diswastakan di BSCL.

7.21 Analisis ke atas 101 syarikat yang diswastakan sebelum Disember 1994 menunjukkan kepentingan Bumiputera dalam beberapa projek yang diswastakan telah merosot walaupun berbagai langkah telah diambil untuk memperkuuh dan mengekalkan penglibatan Bumiputera melalui program penswastaan. Pengurangan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam entiti yang diswastakan telah berlaku melalui penjualan saham dan pengambilalihan syarikat. Analisis tersebut menunjukkan dalam tempoh 1991 hingga 1994, jumlah modal berbayar yang dimiliki oleh Bumiputera tidak termasuk pegangan Kerajaan telah merosot daripada 49.7 peratus semasa diswastakan kepada 42.2 peratus pada 30 September 1995. Kemerosotan dalam pegangan Bumiputera ini lebih ketara dalam jangka panjang seumpama analisis yang dibuat ke atas entiti yang diswastakan bagi tempoh 1983 hingga 1990 mendapati secara keseluruhan kepentingan Bumiputera tidak termasuk pegangan Kerajaan telah merosot daripada 65.3 peratus semasa diswastakan kepada 38 peratus pada 30 September 1995. Ini jelas menunjukkan Bumiputera kurang mempunyai kemampuan mengekalkan pegangan ekuiti dalam jangka panjang di samping beberapa faktor lain termasuk keinginan untuk mendapatkan keuntungan jangka pendek dan juga penyusunan semula syarikat.

7.22 Dalam tempoh Rancangan, berbagai langkah telah diperkenalkan untuk menjaga dan mengekalkan kepentingan Bumiputera selepas penswastaan. Di antara langkah yang diperkenalkan ialah mengenakan syarat yang ketat dalam memilih usahawan dan institusi Bumiputera yang berkelayakan dan sesuai serta menyekat semua syarikat konsesi daripada menjual ekuiti Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam tempoh tiga tahun selepas perjanjian penswastaan.

7.23 Program Pembangunan Vendor. Selaras dengan usaha untuk membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS), beberapa entiti utama yang diswastakan dikehendaki mewujudkan program pembangunan vendor dengan mengadakan syarat khusus mengenai perkara ini dalam perjanjian konsesi. Dalam hubungan ini, PROTON telah melaksanakan Skim Program Komponen dengan mendapatkan bekalan alat automobil daripada 64 vendor IKS. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. telah menujuhkan lima IKS bagi mengeluarkan bahan input untuk pembinaan sistem pembetungan. Beberapa jenis program vendor yang telah dilaksanakan oleh beberapa syarikat terpilih yang diswastakan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-5.

### **Pembiayaan**

7.24 Bilangan projek penswastaan yang banyak dan saiznya yang besar memerlukan penggembangan sumber kewangan sektor swasta secara besar-besaran daripada

institusi kewangan dan perbankan serta melalui pinjaman dan pembiayaan ekuiti daripada pelabur institusi termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, LTH dan LTAT. Semenjak program penswastaan dilaksanakan, entiti yang diswastakan telah memperolehi dana melalui penggembangan sumber pembayaran dari pasaran ekuiti dan hutang tempatan serta penggunaan kaedah yang inovatif. Dalam hubungan ini, Petronas Dagangan Berhad dan Petronas Gas Berhad telah mendapatkan pembiayaan melalui Sekuriti Hutang Islam. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan juga telah menyediakan pinjaman mudah berjumlah RM4.8 bilion bagi projek yang mempunyai komponen sosial yang tinggi.

7.25 Bagi mendapatkan dana dengan terma yang lebih menarik dan kompetitif, entiti yang diswastakan juga menerokai pasaran modal antarabangsa. Pembiayaan daripada pasaran modal antarabangsa diperolehi antara lainnya, melalui Yankee Bond dan Euro Bond. Projek besar yang mempunyai penyertaan asing berupaya mendapatkan dana dari luar negara melalui rakan usaha sama asing.

### **Pasaran Modal**

7.26 Entiti yang diswastakan telah memperolehi pembiayaan daripada pasaran ekuiti dengan pengapungan saham di BSKL. Sejumlah 24 syarikat yang diswastakan telah disenarai di BSKL dan daripada jumlah tersebut, 12 telah disenaraikan dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-6. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 901 juta saham telah diperuntukkan kepada pelabur atau institusi Bumiputera yang diluluskan, 207 juta saham kepada kakitangan syarikat yang diswastakan dan 834 juta saham kepada orang awam. Daripada jumlah saham yang diperuntukkan kepada orang awam, sekurang-kurangnya 30 peratus telah dilanggan oleh Bumiputera. Penyenaraian syarikat yang diswastakan telah mempertingkatkan prestasi BSKL dari segi jumlah permodalan pasaran dan bilangan kaunter yang didagangkan dan dengan itu menambahkan lagi jumlah saham serta memperluaskan pasaran modal. Penyenaraian syarikat ini telah memberi banyak pilihan kepada pelabur tempatan dan asing. Pengluasan pasaran BSKL amat ketara dengan pengenalan beberapa kaunter baru iaitu utiliti, telekomunikasi, penyiaran, perkapalan dan penerbangan. Penyenaraian TNB pada tahun 1992, HICOM Holdings Berhad pada tahun 1993, Petronas Dagangan Berhad pada tahun 1994 dan Petronas Gas Berhad pada tahun 1995 telah menyumbang kepada pertambahan pasaran modal kerana saham yang ditawarkan adalah besar bilangannya. Pada 31 Disember 1995, permodalan pasaran bagi syarikat yang diswastakan berjumlah RM124.7 bilion atau 22.1 peratus daripada jumlah keseluruhan permodalan pasaran di BSKL.

7.27 Kebanyakan saham syarikat yang diswastakan telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan harga tawaran asal. Harga seunit saham TMB yang didagangkan telah meningkat sebanyak 296 peratus daripada RM5.00 harga tawaran kepada RM19.80 pada akhir tahun 1995. Harga seunit saham TNB juga telah meningkat sebanyak 122 peratus daripada RM4.50 harga tawaran kepada RM10.00

pada akhir tahun 1995. Kenaikan harga saham ini telah memberi manfaat kepada para pelabur dan dengan nilainya yang tinggi, ia juga digunakan sebagai cagaran untuk memperolehi dana tambahan bagi tujuan pelaburan seterusnya.

7.28 Dalam tempoh Rancangan, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah memperkenalkan garis panduan baru penyenaraian Syarikat Projek Infrastruktur (IPC) bagi mendapatkan pembiayaan daripada pasaran modal dalam bentuk ekuiti untuk membiayai projek yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Di bawah garis panduan tersebut, IPC layak disenaraikan di BSKL tanpa perlu memenuhi rekod prestasi dengan syarat syarikat berkenaan diberi konsesi atau lesen oleh Kerajaan Pusat atau agensi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek sama ada di dalam atau di luar negara manakala baki tempoh konsesi tidak kurang daripada 18 tahun pada masa cadangan penyenaraian dikemukakan kepada SC. IPC sedia ada yang telah diberi konsesi atau lesen sebelum garis panduan ini diperkenalkan boleh juga diberi pertimbangan untuk disenaraikan dengan syarat baki tempoh konsesi atau lesen tidak kurang daripada 15 tahun dari masa cadangan penyenaraian dikemukakan kepada SC. Di antara syarat lain yang diperlukan termasuklah kos projek hendaklah bernilai tidak kurang daripada RM500 juta dan projek tersebut berupaya menghasilkan pendapatan yang mencukupi untuk memberi kadar pulangan yang munasabah kepada pemegang saham. Jenis IPC yang boleh dipertimbang untuk disenaraikan termasuklah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan syarikat induk yang mempunyai anak syarikat atau syarikat sekutu yang mengendalikan projek infrastruktur di dalam dan luar negara. Syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia dan melaksanakan projek infrastruktur di luar negara yang ekuiti dan kakitangan penting syarikat tersebut dikuasai oleh rakyat Malaysia akan juga diberi pertimbangan untuk disenaraikan.

### **Pemindahan Teknologi**

7.29 Penswastaan telah membolehkan rakyat Malaysia mendapatkan teknologi dan kepakaran baru melalui penyertaan bersama dengan pemegang ekuiti asing, kontrak pengurusan atau penyediaan khidmat perunding. Penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan telah mendedahkan rakyat Malaysia kepada teknologi, kemahiran dan kepakaran baru di dalam pembinaan dan penyenggaraan lebuh raya. Jurutera tempatan memperolehi teknologi terkini mengenai reka bentuk dan pembinaan penurapan konkrit serta penggunaan bahan yang dikitar semula bagi penurapan jalan. Pembinaan Menara Kuala Lumpur telah juga membolehkan rakyat Malaysia menerima dan menyesuaikan diri dengan teknik terkini dalam bidang reka bentuk dan pembinaan secara Climbing Slip Form. Rakyat Malaysia juga berkeupayaan untuk mengendali dan mengurus teknologi baru dalam bidang tertentu mengenai teknologi telekomunikasi dan pembinaan LRT.

## **Program Latihan**

7.30 Sebahagian daripada entiti yang diswastakan dikehendaki melaksanakan program latihan yang bersesuaian dengan keperluan syarikat serta menyediakan latihan amali kepada mereka yang baru memasuki pasaran buruh. Untuk memenuhi keperluan ini, TNB telah mempertingkatkan kemudahan latihan dengan menyediakan latihan khusus dalam bidang elektronik dan elektrik. Syarikat Linkedua Sdn. Bhd. yang melaksanakan projek penswastaan laluan kedua ke Singapura menyediakan program latihan sambil kerja kepada 102 jurutera pelatih dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia. Dalam tempoh Rancangan, entiti utama yang diswastakan telah memperuntukkan sebanyak RM397.7 juta bagi tujuan latihan seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-7.

## **Badan Kawalselia**

7.31 Badan kawalselia ditubuhkan untuk mengekalkan standard dan melindungi kepentingan pengguna dari segi harga, mewujudkan dan menentukan perkhidmatan yang diberikan berkualiti serta memastikan pembangunan industri berkembang dengan sihat. Sejumlah 11 badan kawalselia telah ditubuhkan dalam tempoh Rancangan yang meliputi bidang seperti bekalan elektrik dan gas, pelabuhan, penerbangan, lebuh raya, pos, telekomunikasi, kereta api dan pembetungan.

7.32 Dalam tempoh Rancangan, beberapa langkah telah diambil untuk memperkuatkan badan kawalselia supaya dapat melaksanakan peranan yang lebih bermakna. Peranan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas menjadi lebih penting dengan adanya liberalisasi industri bekalan elektrik melalui pengenalan Penjana Kuasa Elektrik Persendirian (IPP). Pada tahun 1994, Jabatan berkenaan telah memperkenalkan Kod Grid Malaysia yang menggariskan perancangan jangka pendek dan panjang bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi, spesifikasi teknologi mengenai sambungtara loji janakuasa dengan sistem transmisi serta peraturan operasi untuk memastikan sistem bekalan dilaksanakan secara yang paling ekonomik. Jabatan berkenaan juga telah mengadakan beberapa standard berhubung dengan kualiti perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh syarikat pengeluar tenaga. Jabatan tersebut juga telah mengkaji semula cadangan TNB mengenai beberapa caj termasuk tarif bagi menjamin kepentingan pengguna dan pembekal. Peraturan mengenai standard keselamatan dan spesifikasi teknikal bagi retikulasi gas telah diperkenalkan pada tahun 1995 bertujuan melindungi kepentingan pengguna.

7.33 Badan kawalselia tidak dapat berfungsi secara berkesan disebabkan khususnya kesukaran beroperasi dalam keadaan persekitaran teknologi yang sentiasa berubah dengan pesatnya. Kekurangan tenaga kerja dan kepakaran juga telah menjelaskan badan kawalselia berfungsi dengan berkesan. Berbagai usaha telah diambil untuk mempertingkatkan prestasi dan keberkesanannya badan kawalselia termasuk

menggunakan khidmat sektor swasta. Dalam hubungan ini, Jabatan Telekom umpamanya telah menggunakan khidmat pihak swasta untuk menjalankan ujian ke atas kelengkapan dan peralatan bagi menentukan supaya piawaian dipatuhi. Melalui pendekatan ini, masa yang diambil untuk meluluskan jenis kelengkapan dan peralatan tersebut telah dikurangkan daripada enam bulan kepada dua bulan.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

7.34 Dalam tempoh RMT, penswastaan akan terus menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui peningkatan kecekapan dan produktiviti. Pelaksanaan program penswastaan akan dipertingkatkan melalui strategi berikut:-

- o mempercepatkan proses mengenalpasti dan menilai projek dan entiti yang akan diswastakan serta menyeragamkan pelaksanaannya;
- o memperluas dan mempertingkatkan peranan entiti yang diswastakan bagi memenuhi matlamat sosio-ekonomi;
- o memudahcepaskan pemindahan teknologi dengan menggalakkan usaha P&P oleh syarikat besar yang diswastakan;
- o memastikan penglibatan yang lebih meluas di kalangan syarikat tempatan khususnya bagi penswastaan projek infrastruktur;
- o menggalakkan penggunaan bahan tempatan secara meluas dalam projek penswastaan untuk memastikan industri dan perkhidmatan tempatan berkembang;
- o memperluaskan penglibatan Bumiputera dalam pengurusan syarikat yang diswastakan serta melaksanakan penyusunan rangkaian pemasaran dan program pembangunan vendor;
- o mengenalpasti dan menggalakkan instrumen dan sumber pembiayaan baru bagi entiti yang diswastakan;
- o memperbaiki rangka kerja badan kawalselia untuk memastikan keberkesanannya;
- o memperkuuhkan mekanisme pengesanan dan penilaian prestasi entiti yang diswastakan; dan
- o menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan yang telah diswastakan mengambil bahagian dalam projek penswastaan di luar negara.

## **Pengukuhan Proses Pelaksanaan**

7.35 Pengenalpastian, Pengawasan dan Penilaian Projek. Dalam tempoh RMT, walaupun penekanan terus diberi kepada penswastaan bagi projek dalam sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan, usaha akan terus diambil untuk menswastakan projek dalam bidang lain termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan dan perkhidmatan lain serta P&P. Dalam bidang seperti pendidikan dan kesihatan yang secara tradisinya adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan, program penswastaan akan dirancang secara lebih menyeluruh untuk memastikan sebahagian besar penduduk mendapat perkhidmatan berkenaan pada harga yang mampu dibayar. Garis panduan akan digubal bagi memudahcepatkan penswastaan projek dalam bidang pendidikan, kesihatan dan P&P bagi menentukan supaya berbagai obligasi sosial yang berkaitan dengan projek tersebut dilaksanakan secara berkesan oleh syarikat yang diswastakan. Di samping itu, syarikat yang diswastakan dikehendaki juga menyediakan perkhidmatan yang tidak berdaya maju daripada segi ekonomi melalui unsur subsidi silang. Kerajaan akan terus terlibat dalam industri strategik, berteknologi dan berisiko tinggi serta dalam projek yang memerlukan pelaburan yang besar dan tempoh pulangan yang panjang. Ini adalah disebabkan ciri projek tersebut mungkin tidak cukup menarik minat untuk sektor swasta melabur. Kerajaan akan terus juga memegang ekuiti dalam syarikat tertentu bagi menjaga kepentingan awam dan mengawasi prestasi entiti yang diswastakan.

7.36 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus mengkaji semula PTP untuk memudahcepatkan pelaksanaan program penswastaan. Usaha ini beserta dengan bertambahnya minat yang ditunjukkan oleh sektor swasta dijangka meningkatkan dengan banyaknya jumlah projek yang dapat diswastakan dalam tempoh Rancangan. Dalam menswastakan projek yang besar, pertimbangan yang sewajarnya akan diberi kepada berbagai faktor termasuk keupayaan penyerapan pasaran modal dan kedudukan ekonomi secara keseluruhan. Entiti dan projek utama yang dikenalpasti untuk diswastakan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-8. Di samping itu, terdapat beberapa entiti yang telah dikorporatkan termasuk pelabuhan, Pos Malaysia Berhad dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad akan dipertimbang untuk diswastakan.

7.37 Badan Kawalselia. Peranan badan kawalselia terutamanya yang berkaitan dengan penentuan harga, standard dan kualiti perkhidmatan adalah sangat penting untuk menentukan kepentingan awam dilindungi sewajarnya selepas penswastaan. Selain daripada itu, badan kawalselia juga berperanan memastikan entiti yang diswastakan menjalankan aktiviti yang tidak menguntungkan melalui subsidi silang untuk melaksanakan projek seperti pembekalan elektrik, air dan perkhidmatan telefon ke luar bandar. Memandangkan pentingnya badan kawalselia, peranannya akan diperkuuh melalui pengambilan khidmat kepakaran yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, kajian akan dilaksanakan dalam tempoh RMT untuk merangka beberapa pendekatan dan strategi baru bagi meningkatkan keberkesanannya.

badan kawalselia. Selaras dengan peranan pembangunan badan kawalselia, kajian tersebut akan meneliti dan memperakukan antara lain mekanisme dan petunjuk harga untuk penentuan dan kajian semula kadar tarif di samping memperkuuhkan peranan penguatkuasaan bagi memastikan syarat dalam perjanjian penswastaan dipatuhi oleh entiti yang telah diswastakan. Kajian ini juga akan meneliti kemungkinan menyatakan berbagai badan kawalselia mengikut sektor atau sebagai badan kawalselia tunggal di samping memperakukan langkah yang membolehkan badan kawalselia berdikari melalui sumber kewangannya sendiri. Badan kawalselia akan juga dikehendaki membentuk satu mekanisme pengesanan dan penilaian prestasi bagi entiti di bawah kawalannya.

7.38 Perundangan. Bagi melicinkan penswastaan badan berkanun dan jabatan Kerajaan pada masa yang lalu, undang-undang baru telah digubal dan undang-undang yang sedia ada telah dipinda. Untuk mempercepatkan pelaksanaan program penswastaan dalam tempoh RMT, undang-undang sedia ada akan dikaji semula dan pindaan yang bersesuaian akan dibuat bagi melicinkan proses penswastaan. Dalam hubungan ini, kajian semula akan dibuat bagi menggubal satu undang-undang tunggal yang akan menjadi undang-undang am bagi merangkumi penswastaan kesemua badan berkanun dan jabatan Kerajaan termasuk entiti di bawah kawalan Kerajaan Negeri.

7.39 Penggunaan Tanah. Penswastaan juga melibatkan pemberian hak bagi membangunkan rezab sungai, ruang udara dan lapisan bawah tanah kepada syarikat konsesi. Undang-undang sedia ada tidak menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi membolehkan hak tersebut dikendalikan oleh pihak swasta dan ini telah membataskan pembinaan projek di lokasi tersebut serta penggunaan tanah di sekitar kawasan berkenaan. Dengan demikian, usaha akan diambil untuk menggubal undang-undang yang sesuai bagi memasukkan peruntukan hak pembangunan ke atas rezab sungai, ruang udara dan lapisan bawah tanah.

7.40 Hubungan Kerajaan Persekutuan-Negeri. Penswastaan memerlukan kerjasama dan hubungan rapat di antara Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ini adalah bagi memastikan penyelarasan dan keseragaman pelaksanaan di setiap peringkat kerajaan. Kerajaan Negeri mungkin tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi mengadakan perkhidmatan tertentu seperti pengurusan sisa pepejal dengan cara yang lebih berkesan dan dengan itu adalah lebih menguntungkan sekiranya proses penswastaan perkhidmatan tersebut dilaksanakan di peringkat nasional. Dalam tempoh Rancangan, usaha akan diambil bagi mengenalpasti projek yang akan diswastakan di peringkat nasional atau peringkat wilayah bagi membolehkan faedah ekonomi bidangan dinikmati dan kaedah yang lebih fleksibel serta subsidi silang dilaksanakan. Penyelarasannya di kalangan negeri perlu dipertingkatkan terutamanya dalam penswastaan projek yang melibatkan perkongsian sumber di antara beberapa negeri seperti projek lebuh raya dan bekalan air.

## **Pembangunan Tenaga Manusia**

7.41 Dalam tempoh RMT, penswastaan akan terus digunakan sebagai salah satu wahana bagi menggalakkan lagi sektor swasta mengadakan latihan. Peruntukan khusus akan diadakan dalam perjanjian penswastaan bagi memastikan syarikat konsesi yang melaksanakan projek yang besar mengadakan latihan kemahiran. Selain daripada itu, syarikat konsesi akan digalak mewujudkan di mana sesuai program latihan bersama dengan institusi pendidikan tinggi. Di samping memberi penekanan kepada program latihan bagi mempertingkatkan kemahiran, ia juga menyediakan latihan kepada pengurus muda korporat Bumiputera dalam bidang pengurusan perniagaan.

## **Pemindahan Teknologi serta Penyelidikan dan Pembangunan**

7.42 Penswastaan akan terus digunakan sebagai satu cara bagi memperolehi dan membangunkan teknologi. Dalam hubungan ini, garis panduan akan digubal di mana syarikat konsesi khususnya yang melaksanakan pembangunan projek besar dikehendaki mengadakan program pemindahan teknologi yang komprehensif kepada rakyat Malaysia. Di samping itu, rakyat Malaysia akan terus memperolehi teknologi terkini dan kepakaran asing melalui projek penswastaan. Dalam perjanjian penswastaan pada masa hadapan, penekanan akan diberi dengan mengadakan peruntukan khusus supaya syarikat konsesi mematuhi syarat tersebut dan melaksanakannya.

7.43 Malaysia perlu memperluaskan lagi program P&P sedia ada dan memperolehi teknologi baru untuk bersaing di pasaran antarabangsa di samping mengambil bahagian dalam projek penswastaan di seberang laut. Dalam hubungan ini, syarikat konsesi yang melaksanakan projek yang memerlukan P&P secara berterusan dikehendaki meningkatkan prestasi supaya sentiasa berada pada tahap teknologi terkini. Syarikat tersebut dikehendaki mengadakan program P&P yang sistematik. Untuk memastikan impak program P&P yang lebih luas, syarikat konsesi digalakkan bekerjasama dengan berbagai institusi P&P bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang khusus.

## **Penyertaan Bumiputera**

7.44 Dalam tempoh Rancangan, penswastaan akan terus digunakan sebagai wahana bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat dengan menyediakan lebih banyak peluang kepada Bumiputera menyertai semua projek yang diswastakan. Di samping itu, syarikat yang diswastakan dikehendaki menawarkan sub-kontrak kepada para profesional dan usahawan Bumiputera yang tidak mempunyai sumber mencukupi untuk mengambil bahagian dalam program penswastaan.

7.45 Beberapa langkah akan diambil bagi memastikan kepentingan Bumiputera terus dikekalkan dan dipertingkatkan. Dalam hubungan ini, bagi memastikan penyertaan Bumiputera secara yang lebih berkesan, satu mekanisme akan diwujud dan diselaraskan oleh Kementerian yang berkaitan. Bagi menjaga kepentingan Bumiputera selepas penswastaan, ekuiti Bumiputera yang tidak diambilalih oleh Bumiputera lain akan ditawarkan kepada agensi amanah pada harga yang akan ditentukan oleh Kerajaan. Garis panduan dan mekanisme akan juga digubal dengan menghendaki agensi amanah menjual kepentingan mereka secara terancang dan teratur. Syarat-syarat akan dikenakan untuk memastikan kepentingan Bumiputera dilindungi bagi penswastaan agensi amanah dan anak syarikatnya.

7.46 Program Pembangunan Vendor. Selaras dengan matlamat meningkatkan pembangunan IKS, Kerajaan akan memberi penekanan yang lebih ke atas program pembangunan vendor dan pengwujudan usahawan Bumiputera melalui agensi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad. Ini akan mewujudkan peluang kepada usahawan Bumiputera bagi menyertai projek penswastaan utama. Usaha akan juga diambil bagi menggalakkan penyertaan bersama di antara syarikat besar yang telah diswastakan dengan usahawan perseorangan serta syarikat kecil. Bagi memastikan keberkesanan program ini, setiap syarikat yang mengemukakan cadangan penswastaan dikehendaki di mana sesuai menyediakan program pembangunan vendor yang terperinci dalam cadangan mereka. Perjanjian penswastaan bagi entiti utama yang diswastakan akan memasukkan peruntukan bagi memastikan program ini dilaksanakan secara berkesan.

### **Pembangunan Pasaran Modal**

7.47 Dalam tempoh Rancangan, penswastaan akan terus memainkan peranan penting bagi mengukuh dan menambah bilangan saham dalam pasaran modal melalui penyenaraian entiti yang diswastakan di BSKL. Ini akan membolehkan entiti tersebut mendapatkan dana pada kos yang rendah. Penyenaraian ini akan juga memperkenalkan sektor baru yang menyumbang kepada pertumbuhan pasaran modal. Dengan adanya garis panduan baru mengenai penyenaraian syarikat IPC di BSKL, bilangan syarikat penswastaan yang disenaraikan di BSKL dijangka bertambah dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan dalam tempoh Rancangan. SC akan juga memperkenalkan instrumen kewangan yang baru seperti bon sekuriti yang dikaitkan dengan aliran tunai bagi projek yang berpendapatan tetap dan dengan itu dapat menyediakan dana tambahan kepada syarikat yang diswastakan.

7.48 Bagi mengelakkan berlakunya kesan himpitan dalam pasaran modal, penyenaraian projek yang diswastakan akan terus dilaksanakan secara lebih terancang dan tersusun. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan terus memastikan supaya penyenaraian projek penswastaan yang besar dihadkan kepada satu atau dua

projek sahaja dalam sesuatu tahun. Dalam tempoh Rancangan, di antara syarikat utama yang bersedia untuk disenaraikan di BSKL adalah projek infrastruktur yang besar seperti lebuh raya, pelabuhan, IPP, LRT dan entiti yang dikorporatkan seperti Pos Malaysia Berhad.

#### **IV. PENUTUP**

7.49 Semenjak program penswastaan dilancarkan, ia telah dapat mengukuhkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara, mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan membantu pencapaian matlamat penyusunan semula bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Dalam tempoh RMT, pelaksanaan program penswastaan akan dipergiatkan lagi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Usaha akan terus diambil bagi memastikan syarikat konsesi utama memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi bagi memenuhi sebahagian daripada kehendak masyarakat. Di samping itu, usaha akan diambil bagi mengukuhkan perundangan yang sedia ada untuk memudahcepat proses penswastaan dan mempertingkatkan lagi peranan badan kawalselia.

## **BAB 8 : PEMBANGUNAN PERTANIAN**

### **I. PENDAHULUAN**

8.01 Pembangunan sektor pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME) terus berpandukan kepada Dasar Pertanian Negara. Sektor ini berkembang pada kadar yang lebih rendah daripada sasaran yang dipinda seperti yang ditetapkan dalam Kajian Separuh Penggal RME. Dalam tempoh yang sama, sektor ini menghadapi pelbagai kekangan terutamanya kekurangan buruh, kekurangan tanah yang sesuai, tahap harga yang rendah bagi beberapa komoditi dan tahap pelaburan yang secara relatifnya rendah. Kesemua kekangan tersebut telah menghalang pembangunan sektor ini walaupun usaha-usaha melaksanakan berbagai program telah dijalankan di samping disediakan berbagai sumber yang mencukupi.

8.02 Memandangkan peralihan ekonomi ke arah negara perindustrian dan kelemahan struktur yang wujud dalam sektor pertanian, pendekatan yang lebih strategik akan diamalkan untuk memampangkan pertumbuhannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) dan seterusnya. Tumpuan pembangunan pertanian adalah dalam bidang-bidang yang mempunyai daya saingan dan menawarkan pulangan ekonomi yang lebih tinggi. Sehubungan ini, penanaman tanaman bernilai tinggi serta perkembangan aktiviti akuakultur akan diberi penekanan yang lebih memandangkan bidang-bidang ini mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Usaha yang bersungguh-sungguh ke arah meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan pertanian akan dilaksanakan manakala sektor awam akan menyediakan sokongan yang perlu, sebahagian besarnya melalui khidmat teknikal dan nasihat. Strategi dan program sebagaimana yang terkandung dalam Dasar Pertanian Negara termasuk dasar gunatanah akan dikaji semula. Bagi meningkatkan daya saingan dan kemampuan sektor pertanian, Kerajaan di antara lainnya akan meneliti kemungkinan menarik balik pemberian subsidi secara beransur-ansur terutamanya dalam bidang yang kos pengeluarannya semakin meningkat. Usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (P&P) ke atas aktiviti hiliran akan dipergiatkan untuk menghasilkan lebih banyak keluaran akhir dan seterusnya meningkatkan kegunaan komoditi pertanian.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

8.03 Pembangunan pertanian dalam tempoh RME adalah berpandukan kepada Dasar Pertanian Negara yang bertujuan memaksimumkan pendapatan, memperluaskan rantaian di antara sektor pertanian dengan sektor lain, mencapai pembangunan yang seimbang serta menggalakkan industri berasaskan makanan yang dinamik. Dasar ini juga bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pertanian moden dan komersil serta dalam perniagaan tani.

### **Prestasi Pertumbuhan**

8.04 Dalam tempoh Rancangan, sektor pertanian berkembang pada kadar 2.0 peratus setahun, lebih rendah daripada sasaran yang dipinda sebanyak 2.1 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-1. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh beberapa kekangan seperti kekurangan buruh, kepupusan sumber pertanian, kekurangan tanah yang sesuai dan harga yang rendah untuk komoditi tertentu terutamanya koko dan lada sulah yang terus membantut pertumbuhan sektor ini.

8.05 Bahagian sektor ini daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah merosot daripada 18.7 peratus dalam tahun 1990 kepada 13.6 peratus dalam tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Carta 8-1. Arah aliran ini adalah serupa dengan apa yang telah dialami oleh kebanyakan negara maju semasa mereka melalui peralihan ekonomi yang sama. Walau bagaimanapun, dari segi nilai mutlak, jumlah nilai ditambah sektor ini terus meningkat dengan ketara daripada RM14,827 juta dalam tahun 1990 kepada RM16,406 juta dalam tahun 1995. Pada masa yang sama, sumbangan sektor ini kepada jumlah hasil eksport dan gunatenaga masing-masing telah merosot daripada 22.2 peratus dan 26 peratus kepada 13.1 peratus dan 18 peratus.

8.06 Bahagian komoditi pertanian untuk industri daripada jumlah nilai ditambah pertanian telah merosot daripada 73.5 peratus dalam tahun 1990 kepada 68.5 peratus dalam tahun 1995. Sebaliknya, prestasi yang baik bagi komoditi makanan terutamanya perikanan dan ternakan telah menghasilkan peningkatan dalam sumbangannya kepada jumlah nilai ditambah pertanian daripada 18.4 peratus kepada 21.4 peratus dalam tempoh yang sama.

8.07 Sektor kecil kelapa sawit kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor ini dengan menyumbang 41.5 peratus daripada keseluruhan nilai ditambah pertanian dalam tahun 1995. Walaupun bahagian sektor kecil ternakan dan perikanan kepada jumlah nilai ditambah pertanian masing-masing hanya 5.1 peratus dan 12.2 peratus, ianya telah memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan keseluruhan sektor ini. Sebaliknya, getah, koko dan kayu balak telah mengalami pertumbuhan yang negatif dalam tempoh ini.

## **Pelaburan Swasta**

8.08 Pelaburan swasta terus digalakkan dalam tempoh Rancangan untuk meningkatkan pertumbuhan pertanian terutamanya dalam pengeluaran komoditi makanan dan keluaran pertanian bernilai tinggi seperti bunga-bungaan, buah-buahan dan sayur-sayuran serta keluaran akuakultur dan ternakan. Paras pelaburan swasta telah meningkat sebanyak 44 peratus daripada RM6.6 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) kepada RM9.5 bilion dalam tempoh RME. Walau bagaimanapun, bahagiannya kepada jumlah pelaburan merosot daripada 8.4 peratus kepada 4.6 peratus, menunjukkan satu peningkatan yang besar pelaburan swasta di sektor ekonomi yang lain. Di samping itu, beberapa syarikat perladangan yang besar bukan sahaja mempelbagaikan kepada aktiviti bukan pertanian di dalam negeri tetapi juga melibatkan diri dalam pelaburan pertanian di beberapa negara luar yang mempunyai sumber asli dan buruh yang banyak seperti Indonesia, Kemboja, Papua New Guinea dan Vietnam.

## **Gunatenaga**

8.09 Gunatenaga dalam sektor pertanian merosot sebanyak 3.8 peratus setahun daripada 1.7 juta dalam tahun 1990 kepada 1.4 juta dalam tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-2, manakala produktiviti buruh telah meningkat sebanyak 6.1 peratus setahun daripada RM8,531 dalam tahun 1990 kepada RM11,483 setiap pekerja dalam tahun 1995. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh produktiviti buruh yang tinggi dalam sektor kecil kelapa sawit dan perikanan masing-masing mencapai RM18,920 dan RM26,110 setiap pekerja dalam tahun 1995. Nisbah tanah-buruh telah meningkat daripada 3.4:1 dalam tahun 1990 kepada 4.2:1 dalam tahun 1995 terutamanya disebabkan oleh mekanisasi ladang dan pelaksanaan program penyatuan tanah dan perladangan berkelompok. Mobiliti buruh yang tinggi ke aktiviti bukan pertanian yang menawarkan kadar upah yang lebih tinggi serta suasana kerja yang lebih selesa dan keengganan golongan muda bekerja di sektor pertanian telah menyebabkan kekurangan buruh dalam sektor tersebut. Memandangkan keadaan ini, buruh asing terus digunakan untuk menampung kekurangan tersebut. Dalam tahun 1995, kira-kira 432,000 pekerja asing telah digunakan dalam sektor ini iaitu merupakan 41 peratus daripada jumlah pekerja asing dalam negara. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1995 sektor perladangan masih menghadapi kekurangan kira-kira 45,000 pekerja terutamanya penoreh, penuai dan perumput.

## **Pengeluaran Pertanian**

8.10 Dalam tempoh RME, teras program pengeluaran pertanian ialah bagi meningkatkan daya saingan komoditi pertanian untuk industri, memperkembangkan pengeluaran komoditi makanan dan menggalakkan penanaman keluaran pertanian seperti bunga-bungaan, buah-buahan dan sayur-sayuran serta keluaran akuakultur

dan ternakan. Program ini telah mencatatkan prestasi yang berbeza-beza seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-3.

### **Komoditi Pertanian Untuk Industri**

8.11 Minyak sawit terus menerajui pembangunan komoditi pertanian untuk industri. Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit meningkat masing-masing pada kadar 5.1 peratus dan 5.4 peratus setahun, melebihi kadar sasaran 4.0 peratus dan 3.4 peratus setahun. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan daya pengeluaran serta harga yang memberangsangkan di pasaran antarabangsa. Daya pengeluaran minyak sawit mentah telah meningkat daripada 3.5 tan sehektar dalam tahun 1990 kepada 3.9 tan sehektar dalam tahun 1995, manakala harga puratanya telah meningkat daripada RM796 kepada RM1,472 setan. Di samping itu, peningkatan pengeluaran adalah juga disebabkan pertambahan kawasan tanaman sebanyak 4.1 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-4. Pertambahan dalam keluasan adalah hasil daripada pembangunan tanah baru dan penukaran ladang getah dan koko kepada penanaman kelapa sawit.

8.12 Komoditi pertanian untuk industri yang lain terutamanya getah, koko dan kayu balak terus menunjukkan arah aliran pengeluaran yang merosot. Sungguhpun harga getah mencapai ke paras yang tinggi bagi tempoh separuh kedua Rancangan, pengeluarannya telah merosot pada kadar 3.0 peratus setahun. Kemerosotan ini disebabkan terutamanya pokok yang tidak ditoreh berikutan daripada kekurangan buruh serta pengurangan kawasan tanaman. Pada masa yang sama, pengeluaran koko telah merosot pada kadar 9.3 peratus setahun disebabkan harga yang rendah secara berterusan dan telah mengakibatkan pokok koko ditinggalkan tanpa penjagaan di samping pengurangan kawasan tanaman daripada 419,790 hektar dalam tahun 1990 kepada 275,000 hektar dalam tahun 1995.

8.13 Dalam tempoh Rancangan, sumber perhutanan terus dibangun dan diuruskan dengan penekanan kepada pemuliharaan biodiversiti dan perlindungan alam sekitar. Selaras dengan ini, Dasar Perhutanan Negara telah dikemaskinikan dan sumber perhutanan terus diurus secara mampan di mana semua negeri dikehendaki mematuhi kadar tebangan tahunan. Berikutan daripada itu, pengeluaran balak telah merosot sebanyak 4.3 peratus setahun. Dalam tahun 1995, jumlah keluasan tanah negara yang diliputi hutan berada pada paras 59 peratus. Walau bagaimanapun, sekiranya pokok-pokok tanaman diambilkira, jumlah kawasan tanah negara yang diliputi hutan dan pokok adalah lebih tinggi iaitu 72 peratus. Pengwujudan penalti yang lebih tinggi dalam Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993) dapat mencegah dan mengurangkan lagi aktiviti pembalakan haram. Di samping itu, petunjuk dan aktiviti untuk pengurusan hutan secara mampan telah digubal oleh Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Pengurusan Hutan Secara Mampan yang ditubuhkan pada tahun 1994. Pada masa yang sama, seluas 2.1 juta hektar hutan telah diberi rawatan silvikultur hasil daripada aktiviti pemuliharaan hutan, manakala 117,000

hektar tanah hutan degrad telah dihutan semula terutamanya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Di samping itu, seluas 27,000 hektar tanah hutan telah diperkayakan dengan tanaman rotan.

8.14 Pengeluaran bunga-bungaan telah meningkat daripada 56.5 juta kuntum dalam tahun 1990 kepada 112.9 juta kuntum dalam tahun 1995, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 14.9 peratus setahun. Pertumbuhan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh penanaman bunga di kawasan baru di tanah tinggi, peningkatan kualiti bunga-bungaan melalui pengwujudan gred dan standard, perkhidmatan fumigasi yang berkesan serta usaha yang lebih giat dalam pemasaran dan promosi.

### **Komoditi Makanan**

8.15 Pertumbuhan komoditi makanan telah menyumbang secara ketara kepada pembangunan sektor pertanian dalam tempoh Rancangan. Tahap kecukupan diri telah meningkat bagi beberapa keluaran seperti ditunjukkan dalam Jadual 8.5.

8.16 Pengeluaran perikanan laut telah meningkat pada kadar 4.4 peratus setahun disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang besar dalam pendaratan ikan laut dalam. Kemudahan pendaratan ikan laut dalam yang sedia ada, walau bagaimanapun, masih belum mencukupi untuk menarik lebih banyak kapal laut dalam untuk mendarat di dalam negeri. Di samping itu, ia terus menghadapi masalah kepupusan sumber perikanan pantai. Sementara itu, pengeluaran akuakultur berkembang dengan ketara pada kadar 19 peratus setahun disebabkan penyertaan yang lebih banyak oleh perusahaan milik asing dan Kerajaan. Hasil eksport keluaran ikan meningkat daripada RM607 juta dalam tahun 1990 kepada RM848 juta dalam tahun 1995, mencerminkan peningkatan sebanyak 6.9 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-6.

8.17 Pengeluaran hasil-hasil ternakan seperti daging lembu, daging kambing, daging ayam-itik, daging khinzir, telur dan susu telah berkembang pada berbagai kadar di antara 3.2 peratus hingga 10.9 peratus setahun. Keluaran ternakan terutamanya daging lembu dan khinzir serta telur telah berkembang lebih tinggi daripada sasaran dalam RME. Peningkatan pengeluaran daging lembu dan kambing adalah disebabkan oleh penyertaan yang lebih besar agensi pembangunan tanah dalam ternakan lembu dan biri-biri serta perkhidmatan veterinar dan pengembangan yang berkesan. Faktor lain yang meningkatkan pengeluaran hasil ternakan ialah pemansuhan secara beransur-ansur duti import ke atas makanan haiwan mulai tahun 1991. Negara telah mengekalkan tahap kecukupan diri dalam pengeluaran daging ayam-itik, daging khinzir dan telur disebabkan penyertaan yang aktif oleh syarikat swasta. Singapura terus menjadi pasaran eksport utama daging ayam-itik, daging khinzir dan telur.

8.18 Pengeluaran padi mengalami pertumbuhan yang kecil iaitu 1.4 peratus walaupun dengan penerusan pemberian harga sokongan dan subsidi baja. Tahap kecukupan diri

untuk beras telah berkurangan daripada 80 peratus dalam tahun 1990 kepada 75 peratus dalam tahun 1995 disebabkan oleh pertambahan penduduk.

8.19 Usaha-usaha yang lebih intensif dalam pengeluaran dan pemasaran keluaran buah-buahan telah berjaya meningkatkan pengeluarannya pada kadar 7.4 peratus setahun. Penyertaan aktif syarikat perladangan dan syarikat Kerajaan juga telah menyumbang kepada pertumbuhan ini. Walau bagaimanapun, pengeluaran sayur-sayuran telah mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada kadar 2.7 peratus setahun terutamanya disebabkan oleh perkembangan yang perlahan dalam kawasan penanamannya dan penggunaan yang rendah dalam teknik pengeluaran baru. Oleh yang demikian, pengeluaran sayur-sayuran hanya dapat memenuhi 87 peratus daripada permintaan tempatan.

8.20 Dalam tempoh Rancangan, nilai eksport komoditi makanan kekal dalam lingkungan RM4 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-6. Walau bagaimanapun, import makanan telah meningkat sebanyak 8.0 peratus setahun daripada RM4.5 bilion dalam tahun 1990 kepada RM6.7 bilion dalam tahun 1995. Peningkatan dalam import makanan adalah disebabkan terutamanya pertambahan dalam import makanan haiwan, keluaran perikanan, haiwan hidup serta buah-buahan dan sayur-sayuran.

### **Pemprosesan Tempatan**

8.21 Dalam tempoh RME, peranan sektor pertanian yang penting sebagai pembekal bahan mentah kepada industri berdasarkan pertanian terus diberi penekanan. Pembangunan yang pesat dalam industri berdasarkan pertanian telah meningkatkan nilai ditambahnya dan memperkuatkannya lagi rantaian di antara sektor pertanian dan sektor pembuatan. Jumlah komoditi pertanian yang digunakan untuk menghasilkan keluaran akhir telah meningkat pada kadar di antara 7.4 peratus hingga 12.5 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-7. Pertumbuhan yang pesat industri berdasarkan pertanian sedikit sebanyak telah mengurangkan pergantungan negara kepada pasaran luar untuk mengeksport keluaran pertanian.

8.22 Sejumlah 7.6 juta tan minyak sawit diproses (PPO) telah dihasilkan dalam tahun 1995 dengan 16 peratus daripadanya telah digunakan untuk menghasilkan keluaran akhir. Pemprosesan tempatan getah asli kepada Getah Asap Berbunga (GAB), Getah Mutu Malaysia (GMM) dan gred lain telah berkurangan daripada 1.3 juta tan dalam tahun 1990 kepada 1.1 juta tan dalam tahun 1995 disebabkan kemerosotan pengeluaran. Walau bagaimanapun, penggunaan getah asli untuk menghasilkan keluaran akhir seperti kasut, sarung tangan, tayar dan keluaran getah yang lain telah meningkat dengan banyaknya pada kadar 11.2 peratus setahun daripada 188,000 kepada 320,000 tan dalam tempoh yang sama. Pemprosesan tempatan kayu balak kepada kayu gergaji, venir dan papan lapis telah meningkat daripada 11 juta meter padu dalam tahun 1990 kepada 15 juta meter padu dalam tahun 1995. Dalam masa

yang sama, industri berasaskan kayu tempatan telah mengalami perkembangan yang pesat. Penggunaan kayu gergaji dalam pengeluaran kayu kumai dan perabot meningkat daripada 720,000 meter padu dalam tahun 1990 kepada 1.3 juta meter padu dalam tahun 1995. Ini merupakan 13.7 peratus daripada jumlah pengeluaran kayu gergaji.

8.23 Jumlah biji koko yang telah digunakan untuk keluaran akhir terutamanya coklat telah meningkat daripada 13,000 tan dalam tahun 1990 kepada 23,000 tan dalam tahun 1995. Ini adalah sejajar dengan objektif menjadikan Malaysia sebagai pusat pemprosesan dan perdagangan koko bagi Rantau Asia-Pasifik. Walau bagaimanapun, pengisaran koko telah berkurang daripada 84,000 tan dalam tahun 1990 kepada 64,000 tan dalam tahun 1995. Pemprosesan tempatan lada sulah kepada lada putih dan lada hitam telah berkurangan disebabkan oleh paras pengeluaran yang rendah.

8.24 Penggunaan ikan untuk keluaran akhir telah meningkat sebanyak 26 peratus daripada 67,630 tan dalam tahun 1990 kepada 85,000 tan dalam tahun 1995 disebabkan peningkatan khidmat sokongan dan pembangunan infrastruktur. Sebahagian besar penggunaannya adalah untuk pengeluaran tepung ikan, baja, makanan yang dikaleng dan surimi.

### **Program Pertanian**

8.25 Dalam tempoh RME, strategi pembangunan tanah in-situ terus diberi penekanan. Memandangkan kepada tanah yang terhad di Semenanjung Malaysia, pembukaan tanah baru tertumpu di Sabah dan Sarawak. Khidmat sokongan pertanian yang terdiri daripada P&P, khidmat pemasaran, penyediaan kemudahan kredit serta latihan dan khidmat pengembangan telah diperluaskan lagi untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti keluaran pertanian.

### **Pembangunan In-situ**

8.26 Di bawah program penanaman semula, kira-kira 305,420 hektar tanah telah ditanam semula dalam tempoh Rancangan, melebihi sasarannya seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-8. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah mencapai kejayaan yang menggalakkan dalam program penanaman semulanya. Kawasan seluas 204,870 hektar atau hampir 100 peratus daripada kawasan yang disasarkan telah ditanam semula yang memberi manfaat kepada 118,900 pekebun kecil getah. Berikutan daripada itu, pendapatan bulanan purata pekebun kecil getah telah meningkat daripada RM456 dalam tahun 1990

kepada RM769 dalam tahun 1995. Di bawah program ini, tumpuan yang lebih akan terus diberikan kepada projek penanaman semula secara berkelompok dan estet mini. FELDA telah menanam semula kira-kira 43,280 hektar getah dan kelapa sawit, manakala Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah menanam semula 4,450 hektar tanah pekebun kecil. Di samping itu, kira-kira 11,900 hektar kelapa sawit,

getah dan koko telah ditanam semula oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) secara usahasama dengan sektor swasta.

8.27 Sejumlah 48,310 hektar tanah atau 43 peratus daripada kawasan yang disasarkan di bawah program penyatuan dan pemulihan tanah telah dimajukan dengan pelbagai tanaman. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) berkeupayaan memajukan hanya 24,490 hektar tanah disebabkan keberatan pemilik tanah menyertai program ini serta kesukaran kerana tuan tanah tidak dapat dikesan. Peserta di bawah skim FELCRA memperolehi pendapatan bulanan di antara RM390 hingga RM770. Di samping itu, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) telah memulihkan 14,270 hektar tanah untuk tanaman kelapa sawit, manakala Kementerian Pertanian telah memulihkan 5,250 hektar tanah, terutamanya sawah padi.

8.28 Dalam tempoh Rancangan, tanah pertanian seluas 1.8 juta hektar di pelbagai negeri telah diuruskan di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP). Tiga fasa baru IADP dengan tanah pertanian berjumlah 644,400 hektar telah dilaksanakan manakala lima yang lain masih dalam peringkat perancangan. Projek ini telah meningkatkan kualiti tanah pertanian serta menggiatkan penggunaan tanah. Komersilisasi terus diberi penekanan melalui pelaksanaan 141 projek estet mini dan 261 projek perladangan berkelompok. Projek ini memberi manfaat kepada 354,300 keluarga tani yang memperolehi pendapatan bulanan di antara RM450 hingga RM780 dan juga berjaya menggalakkan tahap mekanisasi yang lebih tinggi terutamanya bagi sektor kecil padi dan mengurangkan masalah kekurangan buruh.

### **Pembangunan Tanah Baru**

8.29 Program pembangunan tanah baru yang telah dijalankan oleh kedua-dua sektor swasta dan awam dalam tempoh Rancangan telah berjaya memajukan tanah baru seluas 290,450 hektar atau 91 peratus daripada sasaran seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-9. Agensi Kerajaan negeri seperti PKEN dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN), Agensi-agensi Kemajuan Tanah Negeri Sabah dan Sarawak serta syarikat swasta telah memajukan 85 peratus atau 247,330 hektar tanah baru. Memandangkan tanah yang terhad di Semenanjung Malaysia, FELDA telah memajukan 14,930 hektar tanah baru di bawah skim perladangan di Sabah. Peserta FELDA memperolehi pendapatan bulanan di antara RM491 hingga RM1,374 bergantung kepada jenis dan usia tanaman. Organisasi ini menumpukan usahanya dalam menguruskan skim yang sedia ada dengan penekanan diberi kepada penanaman semula, pembangunan peserta, pengurusan ladang, keusahawanan dan latihan kemahiran serta penyediaan kemudahan sosial. Di samping itu, FELDA menguruskan 13 anak syarikat yang terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti pemprosesan, pengangkutan dan pemasaran keluaran pertanian. Syarikat-syarikat ini menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat peneroka. Sejajar dengan peningkatan permintaan ke atas tanah untuk aktiviti bukan pertanian,

Kerajaan telah membenarkan skim FELDA yang berpotensi diubah kegunaannya bagi tujuan tersebut.

### **Khidmat Sokongan Pertanian**

8.30 Dalam tempoh Rancangan, aktiviti P&P memberi tumpuan kepada penghasilan beberapa jenis tanaman, klon dan biji benih berhasil tinggi serta memperbaiki lagi amalan agronomi, membangunkan kaedah pengurusan ladang yang lebih cekap, memajukan teknologi pemprosesan yang lebih baik dan mempelbagaikan keluaran akhir. Sejumlah RM273.8 juta atau 47 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan di bawah program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Keutamaan (IRPA) telah diperuntukkan bagi aktiviti P&P dalam sektor pertanian.

8.31 Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) telah menggiatkan aktiviti penyelidikannya terutama dalam pembibitan jenis benih baru yang berhasil tinggi seperti Siri PORIM 1 dan 2, meningkat dan mempelbagaikan penggunaan minyak sawit, memperbaiki kecekapan pengeluaran dan menggalakkan penggunaan minyak sawit untuk tujuan bukan makanan. PORIM juga menyerahkan kepada universiti dan institusi terkenal di dalam dan luar negara beberapa projek penyelidikan ke atas aspek pemakanan daripada minyak sawit. Di samping itu, aktiviti P&P telah juga dijalankan ke atas mekanisasi khususnya dalam penggunaan pengangkut di ladang dan pemotong buah tandan baru. Bagi meningkatkan aktiviti P&P hiliran, PORIM telah mewujudkan sebuah Pusat Teknologi Oleokimia. Bagi melengkapkan usaha institusi P&P sektor awam, beberapa syarikat perladangan telah juga meningkatkan aktiviti P&P mereka. Dalam hubungan ini, satu kejayaan telah dicapai oleh sektor swasta dalam memaju dan menggunakan baja sebatian potassium nitrat kompleks secara betul yang membawa kepada hasil pengeluaran buah kelapa sawit yang lebih tinggi.

8.32 Berhubung dengan P&P ke atas getah asli, Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) telah menumpukan usahanya terhadap pengeluaran getah asli dalam bentuk baru dan penggunaan baru bagi getah. Aktiviti P&P juga telah dijuruskan ke arah meningkatkan produktiviti melalui pengubahan teknik penjimatan buruh seperti sistem torehan berintensiti rendah, REACTORRIM dan RRIMFLOW. Klon getah baru yang berhasil tinggi daripada siri RRIM 900 dan RRIM 2000 yang mempunyai tempoh matang yang lebih pendek serta kualiti susu dan kayu getah yang lebih tinggi telah dihasilkan. Di samping itu, jenis getah yang baru iaitu Getah Asli Nyahprotein (DPNR), Getah Asli Cecair (LNR) dan Getah Asli Terepoksida Cecair (LENR) yang dihasilkan melalui teknologi kejuruteraan genetik dan sesuai untuk kegunaan tertentu telah diperkenal dan dipatenkan. Penyelidikan ke atas tayar juga telah digiatkan untuk meningkatkan penggunaan getah asli.

8.33 Aktiviti P&P Lembaga Koko Malaysia (LKM) memberi tumpuan ke atas pemprosesan koko, teknologi selepas tuai dan pembangunan keluaran akhir. Sehubungan ini, coklat yang berperasa herba telah diperkenalkan dalam pasaran dan menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Dalam mempelbagaikan penggunaan serbuk koko, hasil penyelidikan menunjukkan penggunaan serbuk koko dalam kuih tradisional adalah didapati sesuai. Mengenai lada sulah, usaha-usaha P&P oleh Jabatan Pertanian Sarawak telah berjaya mengenalpasti benih tanaman lada sulah berhasil tinggi, teknologi pengeluaran penjimatan kos, kawalan serangga bersepodu dan amalan agronomi yang lebih baik. Di samping itu, Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) telah memajukan pelbagai kegunaan akhir lada sulah dalam bentuk bukan tradisional dan kaedah baru dalam pembungkusan lada sulah serta menghasilkan keluaran nilai ditambah yang lebih tinggi dengan tahap mikrobial yang rendah untuk eksport.

8.34 Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) terus memberi tumpuan P&Pnya ke arah menghasilkan pelbagai benih baru dan memajukan pengurusan ladang serta teknologi pemprosesan yang cekap berkaitan dengan sektor makanan. Dalam tempoh Rancangan, MARDI memajukan pelbagai jenis padi berhasil tinggi dan tahan penyakit iaitu MR123, MR127, MR159, MR167 dan mutant mahsuri. Di samping itu, pelbagai jenis durian yang baru telah dihasilkan iaitu MDUR 78, MDUR 79 dan MDUR 88 serta jenis nanas yang baru termasuk A20-3, A24-34, A52-47 dan A54-47. Jenis tembakau yang baru, TAPM 26 telah diagihkan dan teknologi pengawetan tembakau yang lebih maju menggunakan sistem jaket udara panas dan Gas Petroleum Cecair (LPG) sebagai bahan api telah diperkenalkan. MARDI juga memajukan teknologi pemprosesan yang lebih cekap dan moden, meningkatkan kepelbagaian dan komersialisasi industri berdasarkan pertanian dan menggiatkan pemindahan teknologi serta mewujudkan kaedah pembungkusan yang baru. Dalam tahun 1992, MARDI telah menujuhkan sebuah anak syarikat bagi mempercepatkan komersialisasi hasil penyelidikan melalui usahasama dengan sektor swasta. Sehingga akhir tahun 1995, anak syarikat tersebut telah melabur modal usahaniaga sebanyak RM1.6 juta dalam empat buah syarikat.

8.35 Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menumpukan aktiviti P&Pnya ke atas perladangan hutan, tenaga daripada biomas, teknologi pemprosesan kayu, keluaran akhir hutan yang baru, kepelbagaian genetik dan sistem pembiakan berbagai spesis pokok untuk tujuan pemuliharaan. Aktiviti ini menghasilkan beberapa penemuan terutamanya dalam mewujudkan spesis tempatan yang cepat membesar dan menghasilkan kayu yang berkualiti iaitu jelutong, meranti, merawan dan sesenduk. Penemuan lain termasuklah penggunaan secara cekap balak bergaris pusat kecil dan sisa kayu serta pengeluaran karbon teraktif dan kayu briket. Di samping itu, FRIM mengkomersilkan penemuan P&Pnya dan memudahkan pemindahan teknologi kepada sektor swasta.

8.36 Dalam tempoh Rancangan, program pemasaran oleh pelbagai agensi telah dijuruskan ke arah memperkuuhkan pasaran tradisional, menembusi pasaran baru dan menggalakkan keluaran baru. Program penggalakan eksport minyak sawit telah menghasilkan peningkatan dalam eksport minyak sawit daripada 5.7 juta tan dalam tahun 1990 kepada 6.7 juta tan dalam tahun 1995. Kira-kira RM22.3 bilion telah dikeluarkan menerusi skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) untuk memudahkan eksport minyak sawit. Pasaran baru bagi minyak sawit telah diwujudkan di Algeria, Brazil, Cuba, Cyprus, El Salvador, Ethiopia, Sierra Leone dan Vietnam. Bagi menggalakkan eksport minyak sawit ke negara-negara sedang membangun, Tatacara Kredit dan Pembayaran Minyak Sawit (POCPA) telah diwujudkan dalam tahun 1992. Di bawah tatacara ini, kira-kira RM443 juta telah dikeluarkan dalam tempoh tersebut yang mana berjaya meningkatkan eksport minyak sawit ke negara-negara seperti Algeria, Iran, Iraq, Myanmar dan Pakistan. Penglibatan sektor swasta dalam program galakan pasaran telah dipertingkatkan melalui Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOPC).

8.37 Pasaran untuk getah dalam rantau Asia-Pasifik terus diperluaskan manakala pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah diperkuuhkan menerusi aktiviti galakan pasaran. Walau bagaimanapun, eksport getah telah merosot daripada 1.3 juta tan dalam tahun 1990 kepada 1 juta tan dalam tahun 1995 berikutan daripada peningkatan penggunaan tempatan dan pengeluaran yang berkurangan. Usaha galakan telah juga dilaksanakan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) untuk meningkatkan penggunaan keluaran kayu yang lebih banyak. Ini telah menghasilkan peningkatan nilai eksport keluaran kayu seperti kayu balak, kayu gergaji, papan lapis, venir, kayu kumai dan perabot daripada RM8.9 bilion dalam tahun 1990 kepada RM16 bilion dalam tahun 1995. Walau bagaimanapun, eksport kayu balak telah merosot sebanyak 18 peratus setahun daripada 20.4 juta meter padu dalam tahun 1990 kepada 7.7 juta meter padu dalam tahun 1995 berikutan daripada pengeluaran yang berkurangan.

8.38 Berhubung dengan koko, LKM terus menggalakkan pemasaran koko di luar negara, memperkuuhkan pasaran tradisional seperti Belanda, Jerman dan Perancis serta menembusi pasaran baru terutamanya di Republik Rakyat China. Dalam tempoh Rancangan, JPLH bukan sahaja telah menggiatkan program galakan di pasaran luar negara tetapi juga memulakan jualan langsung kepada pengguna akhir di negara pengguna sebagai sebahagian dari programnya untuk mengeluar dan memasarkan keluaran lada sulah yang istimewa. JPLH juga mengawasi pasaran lada sulah dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan petani menerima harga yang berpatutan. Walaupun jumlah eksport lada sulah telah berkurang daripada 29,210 tan dalam tahun 1990 kepada 20,000 tan dalam tahun 1995, hasil eksportnya meningkat daripada RM118 juta kepada RM119 juta dalam tempoh yang sama disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi keluaran nilai ditambahnya. Singapura, Jepun dan Jerman terus menjadi pasaran utama lada sulah Malaysia.

8.39 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menggalakkan keluaran hortikultur terutamanya buah-buahan dan bunga-bungaan ke Afrika Selatan, Asia Timur, Eropah dan Timur Tengah melalui penyertaan dalam pameran antarabangsa, misi perdagangan dan promosi di premis perniagaan. Nilai eksport bunga keratan telah meningkat pada kadar 8.0 peratus setahun daripada RM33 juta dalam tahun 1990 kepada RM49 juta dalam tahun 1995. Di samping itu, penyertaan petani dalam pemasaran secara langsung keluaran hortikultur telah meningkat melalui penubuhan 166 pasar tani. Jumlah jualan dari pasar tani meningkat daripada RM155 juta dalam tempoh RML kepada RM396 juta dalam tempoh RME. Bagi memperkuatkannya lagi aktiviti komersil FAMA, sebuah anak syarikat telah ditubuhkan dalam tahun 1993 untuk mengambil alih fungsi ini. Syarikat ini menubuhkan kedai runcit di tempat yang strategik untuk memasarkan keluaran pertanian dan keluaran yang diproses pada harga yang berpatutan.

8.40 Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) telah ditubuhkan dalam tahun 1994 berikutan dengan pengkorporatan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Penubuhan BERNAS adalah untuk meningkatkan kecekapan dalam pemprosesan dan pemasaran beras dalam negeri. Sehubungan dengan ini, pengenalan sistem pukal, pengwujudan pusat belian dan gudang beras serta pemasangan tambahan mesin pembersihan dan pembungkusan beras di beberapa kompleks beras telah meningkatkan lagi pengendalian lepas tuai padi.

8.41 Kredit pertanian telah disediakan oleh Bank Pertanian Malaysia (BPM), bank perdagangan dan syarikat kewangan. BPM terus menjadi sumber utama kredit kepada petani dan nelayan. BPM telah meluluskan 254,300 permohonan yang melibatkan pinjaman sebanyak RM1.6 bilion melalui berbagai skim pinjaman. Daripada jumlah ini, RM52 juta telah dipinjamkan kepada 4,370 petani berskala kecil untuk mengembangkan aktiviti pertanian yang sedia ada serta menerokai bidang yang baru. Dalam tempoh Rancangan, pinjaman pertanian oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan telah diberikan terutamanya kepada syarikat perladangan. Dalam tahun 1995, jumlah baki pinjaman sektor pertanian yang diberi oleh institusi-institusi ini adalah RM4.3 bilion.

8.42 Tabung Bagi Makanan telah dilancarkan dalam tahun 1993 untuk meningkatkan pelaburan dalam pengeluaran makanan asas dan menggalakkan pengagihan makanan dan keluaran makanan yang cekap. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan memperuntukkan RM300 juta yang disalurkan melalui bank perdagangan dan BPM. Walau bagaimanapun, hanya kira-kira RM60 juta telah dikeluarkan dari Tabung tersebut dalam tempoh 1993-94 disebabkan sambutan yang kurang menggalakkan daripada petani dan usahawan. Memandangkan keadaan tersebut, kriteria untuk mendapatkan pinjaman dari Tabung ini telah dikaji semula pada tahun 1995. Berikut daripada kajian semula ini, kadar faedahnya dikurangkan daripada 7.75 peratus kepada 4.0 peratus setahun, tempoh pembayaran balik telah dipanjangkan daripada lima kepada lapan tahun dan kos minimum projek dikurangkan daripada

RM50,000 kepada RM10,000. Di samping itu, jumlah peruntukan Tabung tersebut telah dipertingkatkan kepada RM600 juta. Sehingga akhir tahun 1995, pinjaman terkumpul Tabung tersebut meningkat kepada RM260 juta bagi membiayai 758 buah projek.

8.43 Berbagai program latihan dan khidmat pengembangan terus disediakan oleh agensi pertanian. Program latihan tersebut meliputi beberapa bidang seperti amalan agronomi, pengurusan ladang, pemasaran, pengendalian selepas tuai, pemprosesan dan perniagaan tani. Dalam tempoh Rancangan, seramai 838,200 petani, nelayan dan kakitangan pertanian telah dilatih. Bagi memenuhi keperluan kemudahan latihan tambahan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), FAMA dan RRIM telah membina pusat latihan baru. Khidmat pengembangan termasuk teknik dan teknologi baru pertanian telah disediakan untuk petani bagi menggalakkan sistem perladangan yang lebih komersil dan cekap. Menerusi latihan dan khidmat pengembangan ini, bilangan petani dan nelayan yang mengamalkan teknik dan teknologi yang meningkatkan produktiviti telah bertambah.

8.44 Program pembangunan institusi terus diberi penekanan bagi memodenkan lagi sektor kecil pekebun kecil menerusi penyertaan aktif para petani dan nelayan dalam proses pembangunan. Sehingga akhir tahun 1995, sebanyak 278 pertubuhan peladang, 79 persatuan nelayan dan 470 koperasi peladang telah ditubuhkan di peringkat nasional, negeri dan daerah. Institusi ini mempunyai ahli seramai 935,800 orang dengan saham bernilai RM105 juta. Dalam tempoh Rancangan, Pertubuhan Peladang Kawasan telah melaksanakan kira-kira 1,000 projek yang meliputi aktiviti perniagaan tani, industri berdasarkan pertanian dan perladangan secara kontrak. Jumlah jualan institusi ini meningkat daripada RM433.3 juta dalam tahun 1990 kepada RM654.9 juta dalam tahun 1995.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

8.45 Dalam tempoh RMT, sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 2.4 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-1. Walau bagaimanapun, bahagian sektor ini daripada jumlah KDNK dijangka berkurang daripada 13.6 peratus dalam tahun 1995 kepada 10.5 peratus dalam tahun 2000 sejajar dengan peralihan struktur yang berterusan dalam ekonomi negara. Sungguhpun demikian, dari segi nilai sebenar, jumlah nilai ditambah sektor ini akan meningkat daripada RM16,406 juta dalam tahun 1995 kepada RM18,460 juta dalam tahun 2000.

#### **Arah Hala Dasar**

8.46 Memandangkan kepada peralihan ekonomi yang pesat dan persaingan global, adalah didapati perlu supaya Dasar Pertanian Negara dikaji semula. Dalam tempoh Rancangan, pembangunan pertanian akan memberi tumpuan kepada peningkatan

produktiviti melalui penggunaan sepenuhnya sumber pertanian secara lebih cekap berasaskan kepada pendekatan-pendekatan seperti berikut:

- o menggalakkan peningkatan penyertaan sektor swasta dalam pertanian secara berskala besar terutamanya dalam pengeluaran komoditi makanan dan keluaran bernilai tinggi dengan Kerajaan menyediakan khidmat sokongan yang diperlukan;
- o mengorientasikan semula kaedah pengeluaran untuk meningkatkan daya saingan dalam konteks suasana pasaran yang lebih liberal;
- o menggembangkan kawasan penanaman getah, kelapa sawit dan koko dengan tujuan mengorientasikan semula sebahagian besar pengeluaran bagi memenuhi keperluan industri berdasarkan pertanian tempatan;
- o mempercepatkan penggunaan teknik-teknik penjimatan buruh, mekanisasi dan automasi dengan tujuan meningkatkan pengeluaran di samping mengurangkan pergantungan kepada buruh asing;
- o menggalakkan usahasama dalam perikanan laut dalam dan membangunkan lebih banyak kompleks pendaratan dan pemprosesan ikan yang bersepada serta mempercepatkan pengluasan aktiviti akuakultur dan pemeliharaan ikan laut dalam sangkar;
- o menggalakkan pelaburan di luar negara dalam pengeluaran komoditi pertanian dan meninggalkan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah;
- o mempergiatkan usaha-usaha P&P terutamanya dalam aktiviti hiliran untuk meningkatkan industri berdasarkan pertanian dan menghasilkan lebih banyak keluaran akhir;
- o mengkaji semula tarif yang masih wujud yang dikenakan ke atas input pertanian serta menarik balik secara beransur-ansur unsur-unsur subsidi dan menggalakkan kecekapan pasaran yang lebih tinggi; dan
- o menyusun semula semua agensi pertanian dengan tujuan menyelaras fungsi-fungsi mereka bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya.

### **Pengeluaran Pertanian**

8.47 Dalam tempoh RMT, program pengeluaran pertanian akan dijuruskan ke arah meningkatkan daya saingan komoditi pertanian. Pembangunan komoditi pertanian untuk industri akan berpandukan kepada dorongan pasaran dan pengurangan kos. Sebaliknya, bagi komoditi makanan, tumpuan akan diberi ke atas peningkatan pengeluaran untuk menambahkan bekalan makanan dan mengurangkan tekanan ke

atas harga. Pengeluaran komoditi pertanian bernilai tinggi seperti keluaran hortikultur dan akuakultur akan terus dipertingkatkan untuk memenuhi permintaan dalam negeri dan eksport.

8.48 Sektor kecil minyak sawit akan terus memberi sumbangan yang ketara kepada pertumbuhan sektor pertanian disebabkan oleh kemampunan daya saingannya. Sumbangannya kepada jumlah nilai ditambah pertanian diunjur meningkat daripada 41.5 peratus dalam tahun 1995 kepada 43.1 peratus menjelang tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-1. Pengeluaran minyak sawit mentah dijangka meningkat pada kadar 3.2 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-3 terutamanya melalui peningkatan produktiviti disebabkan oleh klon baru yang berhasil tinggi dan amalan pengurusan ladang yang lebih baik. Dalam tempoh Rancangan, perhatian akan ditumpukan bagi mempelbagaikan lagi penggunaan minyak sawit dan keluaran sampingan serta pokok kelapa sawit.

8.49 Pengeluaran getah dijangka merosot pada kadar 1.7 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Usaha akan diambil untuk meningkatkan produktiviti melalui penyatuan kebun-kebun kecil getah serta pelaksanaan sistem torehan berkekapan rendah. Di samping itu, penanaman klon balak-lateks akan digiatkan melalui aktiviti penanaman semula yang akan dilaksanakan secara usahasama dengan sektor swasta. Khidmat pengembangan yang lebih berkesan akan dilaksanakan untuk memindahkan teknologi baru dan teknologi yang telah ditingkatkan kepada pekebun kecil.

8.50 Pengeluaran koko dijangka meningkat kepada 156,000 tan menjelang tahun 2000 memandangkan harganya yang bertambah baik. Produktiviti koko akan dipertingkatkan menerusi aktiviti P&P yang lebih intensif manakala kawasan penanaman koko akan dikurangkan dan ditanam semula dengan tanaman bernilai tinggi. Pada masa yang sama, penekanan yang lebih akan diberi untuk mempelbagaikan penggunaan koko dalam keluaran akhir. Usaha memajukan Malaysia sebagai pusat pemprosesan dan perdagangan koko di Rantau Asia-Pasifik akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta memperluaskan pasarananya.

8.51 Sejajar dengan iltizam Kerajaan untuk memulihara alam sekitar dan sistem ekologi, sumber perhutanan akan terus diurus secara berkekalan dan penguatkuasaan untuk mencegah pembalakan haram akan terus dipergiatkan. Sehubungan ini, kadar penebangan tahunan di Semenanjung Malaysia dijangka dikurangkan lagi daripada 52,250 hektar kepada 46,040 hektar manakala pengeluaran kayu balak akan dikurangkan kepada 27 juta meter padu menjelang tahun 2000. Di samping itu, kira-kira 1.5 juta hektar hutan akan diberi rawatan silvikultur manakala 153,900 hektar tanah hutan degrad akan dihutan semula dalam tempoh Rancangan. Sebanyak 31,230 hektar tanah lagi akan diperkayakan dengan rotan di kawasan hutan asli dan di ladang getah sebagai tanaman selingan. Bagi memperkayakan lagi sumber-sumber perhutanan, spesis pokok yang cepat membesar seperti meranti tembaga,

merawan dan sesenduk akan ditanam. Di samping itu, penanaman pokok bernilai tinggi terutamanya kayu jati dan pokok-pokok lain untuk pulpa dan kertas akan digalakkan. Sehubungan ini, penyertaan sektor swasta yang lebih besar dalam sektor kecil perhutanan akan digalakkan melalui penyediaan khidmat sokongan dan tanah oleh Kerajaan Negeri.

8.52 Dalam tempoh Rancangan, penekanan akan juga diberi kepada pengeluaran bunga-bungaan termasuk jenis tanah tinggi dan tanah rendah. Sehubungan ini, pengeluaran bunga jenis tanah tinggi seperti teluki, mawar dan kekwa serta bunga jenis tanah rendah iaitu orkid akan digalakkan. Pengeluaran dijangka meningkat satu kali ganda daripada 113 juta kuntum dalam tahun 1995 kepada 239 juta kuntum dalam tahun 2000, menunjukkan peningkatan sebanyak 16.2 peratus setahun. Pengendalian lepas tuai akan dipertingkatkan lagi untuk mengekalkan kualiti menerusi pembungkusan yang sesuai serta penyediaan bilik sejuk dan pengangkutan berhawa dingin manakala kerjasama daripada syarikat penerbangan dalam negeri akan diperolehi untuk menyediakan ruang tambahan kargo udara pada kadar yang berdaya saing bagi memudahkan eksport. Usaha P&P ke atas florikultur akan dipergiatkan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti serta membangunkan teknologi yang mempunyai keberkesanan kos untuk penanaman bunga tanah rendah yang berkualiti tinggi untuk eksport. Pelaburan asing akan terus digalakkan bagi membawa masuk teknologi yang lebih maju dan menyediakan laluan di pasaran antarabangsa.

8.53 Pengeluaran komoditi makanan terutamanya yang mempunyai daya saingan akan dipertingkatkan menerusi penggalakan teknik pengeluaran yang lebih cekap dan pengurusan ladang yang lebih berkesan. Sehubungan ini, lebih banyak estet mini dan perladangan berkelompok serta perladangan kontrak akan dilaksanakan. Sektor swasta terutamanya syarikat perladangan akan digalakkan menyertai dalam pengeluaran secara berskala besar melalui penggunaan yang lebih banyak Tabung Bagi Makanan. Bagi meningkatkan daya saingan pengeluaran komoditi makanan, sektor makanan akan diliberalisasikan untuk mencapai kecekapan pasaran yang lebih tinggi. Berkaitan dengan ini, pemberian pelbagai subsidi input dan harga sokongan untuk padi akan dikaji bagi merasionalisasikan program tersebut. Sawah padi di kawasan bukan jelapang akan ditukarkan kepada kawasan tanaman bernilai tinggi seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta aktiviti akuakultur. Pengurusan sawah padi di kawasan jelapang akan terus dipertingkatkan melalui penubuhan lebih banyak estet mini dan perladangan berkelompok. Usaha yang bersungguh-sungguh akan diteruskan untuk meningkatkan hasil melalui penyerataan tanah yang lebih baik, pengurusan air yang cekap, penggunaan benih berhasil tinggi, peningkatan intensiti penanaman serta pengurangan kerugian lepas tuai. Sebagai permulaan, satu operasi komersil secara sepenuhnya dalam penanaman padi akan dilaksanakan. Pengeluaran beras disasarkan untuk memenuhi 65 peratus daripada penggunaan dalam negeri manakala baki daripada permintaan akan dipenuhi melalui import.

8.54 Prospek bagi buah-buahan dan sayur-sayuran dijangka cerah dalam tempoh Rancangan. Pengeluarannya masing-masing akan meningkat kepada 3.3 juta dan 1 juta tan menjelang tahun 2000 bagi memenuhi permintaan tempatan dan eksport. Penekanan akan diberi kepada penggalakan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara berskala besar berdasarkan konsep pengezonan dan pengurusan estet. Ini bertujuan untuk memudahkan penyediaan khidmat pengembangan, infrastruktur pertanian dan khidmat pasaran yang lebih baik. Tumpuan akan diberi kepada pengeluaran sayur-sayuran bermutu tinggi yang selamat untuk kegunaan tempatan dan eksport. Teknik lindungan hujan serta pertanian tanpa berasaskan tanah akan digunakan secara meluas dalam pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran. Syarikat perladangan akan digalakkan untuk menerokai dalam penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara berskala besar. Usaha P&P akan terus dipergiatkan bagi mewujudkan teknik dan teknologi yang maju untuk menyokong pembangunan komoditi makanan tersebut.

8.55 Sektor kecil perikanan dijangka berkembang pada kadar 3.7 peratus setahun. Akuakultur yang merupakan satu komponen yang penting bagi sektor kecil perikanan akan dipergiatkan lagi. Sehubungan ini, potensi penternakan ikan dalam sangkar di laut menggunakan kaedah termaju akan terus dieksplotasi manakala penggunaan perangkap ikan akan digalakkan. Aktiviti perikanan laut dalam akan terus dimajukan terutamanya melalui usahasama dengan sektor swasta dari luar negara. Latihan dalam perikanan laut dalam akan dipergiatkan bagi melahirkan nelayan yang lebih mahir. Suasana latihan yang disediakan seharusnya menyamai dengan keadaan yang sebenar. Di samping itu, nelayan tradisional akan digalakkan untuk menyertai aktiviti perikanan laut dalam serta aktiviti selain dari penangkapan ikan.

8.56 Lebih banyak kompleks pendaratan dan pemprosesan ikan yang bersepadu akan dinaiktaraf di lokasi yang strategik seperti Chendering dan Kuantan manakala kompleks baru akan dibina di lokasi seperti di Endau-Rompin, Kuala Kedah, Kuala Linggi dan Labuan untuk mempercepatkan pembangunan perikanan laut dalam. Bagi menarik nelayan untuk mendaratkan penangkapan mereka, kompleks ini akan dilengkapi dengan kilang air batu, dewan jualan, pejabat penjual, landasan kapal serta khidmat penyelenggaraan dan pemberian kapal. Di samping itu, kompleks tersebut akan diintegrasikan dengan taman pemprosesan ikan yang akan dibangunkan oleh sektor swasta. Usaha-usaha memulihara sumber perikanan pantai akan diteruskan melalui pengwujudan lebih banyak tukun tiruan. Selain daripada itu, langkah-langkah pemuliharaan akan dilaksanakan melalui pengurusan sumber laut yang lebih baik.

8.57 Dengan meningkatnya pendapatan per kapita penduduk, permintaan terhadap keluaran ternakan dijangka bertambah dalam tempoh Rancangan. Selaras dengan ini, pengeluaran hasil ruminan seperti daging lembu dan kambing masing-masing dijangka meningkat kepada 18,700 tan dan 1,300 tan, manakala importnya akan meningkat kepada 73,140 tan dan 19,833 tan bagi memenuhi permintaan menjelang

tahun 2000. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada kekurangan padang rugut, peningkatan dalam pengeluaran daging lembu dan kambing akan dicapai terutamanya menerusi sistem penternakan secara feedlot dan pengintegrasian pemeliharaan ternakan dengan tanaman saka. Penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran ternakan akan digalakkan secara aktif dan penswastaan ladang ternakan dan pusat penyembelihan sektor awam akan dilaksanakan. Pembangunan keluaran bukan ruminan terutamanya daging ayam-itik akan dipergiatkan melalui pendekatan moden dan perladangan kontrak secara berskala besar bagi memenuhi permintaan tempatan dan eksport. Subsidi Kerajaan dalam sektor kecil ternakan akan ditarik balik secara beransur-ansur.

### **Pelaburan Swasta**

8.58 Dalam tempoh Rancangan, pelaburan sektor swasta yang lebih besar adalah diperlukan untuk mengembangkan keupayaan serta memekanisasikan aktiviti pertanian. Sektor swasta dijangka melabur RM16.8 bilion dalam sektor pertanian yang mana sebahagian besarnya adalah untuk projek kelapa sawit, hortikultur, akuakultur, perikanan laut dalam dan penghutanan semula. Bagi mencapai sasaran pelaburan ini, Kerajaan Negeri digalak untuk menyediakan lebih banyak tanah kepada sektor swasta. Lebih banyak kelonggaran kadar tarif terhadap input pertanian yang diimport akan diberi pertimbangan bagi tujuan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saingan.

8.59 Sektor swasta akan digalakkan bagi mewujudkan usahasama dengan pertubuhan peladang, persatuan nelayan dan koperasi peladang untuk menghasilkan keluaran pertanian bernilai tinggi serta menceburi projek agro-tourism. Di samping itu, sektor swasta dijangka menyertai secara aktif bagi membantu petani dalam aktiviti pengeluaran ayam-itik, akuakultur, bunga-bungaan, buah-buahan dan sayur-sayuran menerusi konsep payung. Syarikat Bumiputera digalakkan untuk memajukan tanah terbiar bagi aktiviti pertanian menerusi konsep landlord-in-trust.

### **Gunatenaga**

8.60 Dalam tempoh Rancangan, gunatenaga dalam sektor pertanian dijangka berkurang pada kadar 3.6 peratus setahun daripada 1.4 juta dalam tahun 1995 kepada 1.2 juta dalam tahun 2000. Sektor pertanian akan memerlukan bekalan buruh yang berterusan untuk menyokong pertumbuhannya. Walau bagaimanapun, keadaan kekurangan buruh yang berlaku sekarang dijangka menjadi lebih genting memandangkan proses mekanisasi yang perlahan dan keadaan ini akan bertambah buruk dengan keengganahan golongan muda bekerja dalam sektor ini. Produktiviti buruh pertanian dijangka meningkat pada kadar 6.2 peratus setahun dalam tempoh RMT berbanding dengan 6.1 peratus setahun dalam RME dengan nisbah tanah-buruh meningkat daripada 4.2:1 kepada 4.7:1. Di samping itu, masalah ketua isirumah petani

yang umurnya semakin meningkat dijangka berterusan dengan 64.1 peratus daripada mereka berumur melebihi 45 tahun seperti ditunjukkan dalam Carta 8-2.

8.61 Bagi menambah keperluan buruh dalam sektor pertanian, penggunaan buruh asing akan diteruskan berasaskan pemilihan tertentu. Bilangan buruh asing yang tidak mahir dalam sektor ini akan dikurangkan secara beransur-ansur. Bagi mengurangkan penggunaan buruh asing dalam sektor tersebut, strategi jangka panjang akan dijuruskan ke arah meningkatkan nisbah tanah-buruh dan mempercepatkan proses mekanisasi di berbagai peringkat daripada pengeluaran sehingga pemprosesan yang mana sebahagian besarnya dilaksanakan menerusi usaha-usaha P&P.

### **Penggunaan Tanah Terbiar dan Kegunaan Tanah**

8.62 Dalam tempoh Rancangan, maklumat mengenai tanah terbiar akan dipertingkatkan dan diurus dengan cekap bagi tujuan penggunaan sumber-sumber dengan lebih berkesan. Perlaksanaan konsep landlord-in-trust akan dipergiatkan lagi bagi menggalakkan penggunaan tanah terbiar. Di samping itu, Pertubuhan Peladang Kawasan juga digalak memainkan peranan yang lebih aktif dalam membangunkan tanah tersebut bagi tujuan ekonomi. Usaha penyatuan dan pemulihan tanah akan dipercepatkan bagi meningkatkan produktiviti tanah tersebut. Kerajaan-kerajaan Negeri akan juga digalakkan untuk menguatkuasakan peruntukan yang sedia ada berkaitan dengan tanah terbiar. Selanjutnya dasar kegunaan tanah akan dikaji semula bagi membolehkan penggunaan sumber tanah secara fleksibel dan sepenuhnya terutamanya melalui liberalisasi syarat dan peraturan yang diperlukan untuk pertukaran penggunaan tanah.

### **Penyusunan Semula Agensi Pertanian**

8.63 Agensi pertanian akan disusun semula bagi memperbaiki kecekapan dan keberkesanannya. Melalui penyusunan semula ini, peranan beberapa agensi seperti BPM, FAMA dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) akan dikaji semula dengan tujuan memansuh atau menswastakannya. Di samping itu, penyusunan semula ini akan juga melibatkan penyatuan pejabat cawangan dan stesyen penyelidikan. Berikutan dari keputusan membubarkan lima buah LKW iaitu Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), sebahagian daripada fungsi mereka akan diambilalih oleh agensi awam lain manakala fungsi-fungsi yang lain akan diswastakan. Bagi melaksanakan keputusan ini, rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri akan diadakan.

8.64 Kemudahan infrastruktur pertanian seperti jeti perikanan dan pusat penyembelihan akan diswastakan. Di samping itu, program penswastaan juga akan merangkumi khidmat sokongan pertanian.

### **Program Pertanian**

8.65 Dalam tempoh Rancangan, program pertanian akan dijurus ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saingan sektor pertanian serta memoden dan mengkomersilkan sektor kecil pekebun kecil. Sejakar dengan ini, pembangunan in-situ akan dipergiatkan. Di bawah strategi ini, IADP akan disusun semula. Program penanaman semula, penyatuan dan pemuliharan tanah serta pembangunan tanah baru akan dilaksanakan terutamanya oleh sektor swasta. Di samping itu, taman teknologi pertanian akan dibangunkan untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti pertanian menggunakan teknologi yang maju manakala program industri berdasarkan pertanian akan dilaksanakan untuk menghasilkan lebih banyak keluaran akhir. Khidmat sokongan pertanian seperti aktiviti P&P, latihan dan khidmat pengembangan serta aktiviti pemasaran akan disusun dan diberi tumpuan semula bagi meningkatkan keberkesanannya. Pertubuhan peladang dan persatuan nelayan akan diperkuuhkan bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan pertanian.

### **Pembangunan In-situ dan Tanah Baru**

8.66 Pelaksanaan IADP akan disusun semula berdasarkan kepada konsep integrasi secara menegak pelbagai komponen pembangunan pertanian termasuk pengagihan input, pengeluaran, pemprosesan, pemasaran dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Projek tersebut akan mengkhusus kepada pengeluaran satu atau beberapa komoditi tertentu bergantung kepada kesesuaian tanah dan keadaan geografi. Di samping itu, aktiviti ekonomi luar ladang seperti pemprosesan pertanian, industri berdasarkan pertanian serta industri kecil-kecilan akan juga digabungkan sebagai pakej di bawah projek ini untuk memberi pendapatan tambahan kepada petani. Pengurusan projek ini akan disusun semula atau diswastakan bagi meningkatkan keberkesanannya. Berkaitan dengan ini, pertubuhan peladang akan digalakkan untuk menyertai dalam penswastaan projek ini.

8.67 Program penanaman semula akan melibatkan sejumlah 245,870 hektar tanah pertanian dan dibiayai terutamanya oleh sektor swasta dan sumber tabung agensi sendiri seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-8. Di bawah program ini, penanaman semula secara berkelompok dan penggunaan teknologi moden dan amalan agronomi yang lebih baik oleh pekebun kecil akan diberi perhatian yang lebih besar. Ini akan memoden dan mengkomersilkan kebun-kebun kecil serta meningkatkan produktiviti. RISDA dan FELDA masing-masing dijangka menanam semula 60,000 hektar dan 97,060 hektar tanah dengan getah dan kelapa sawit. Program penanaman semula getah yang akan dilaksanakan secara usahasama dengan sektor swasta akan

diorientasikan semula bagi memenuhi keperluan industri berdasarkan pertanian tempatan terutamanya dalam pengeluaran perabot dan kertas. Pengurangan dalam keluasan kawasan tanaman akan ditampung melalui penggalakan penanaman getah di luar negara oleh syarikat tempatan.

8.68 Program penyatuan dan pemulihan tanah akan dilaksanakan bagi memperbaiki pengurusan ladang dan kecekapan pengeluaran kebun kecil dan memajukan tanah terbiar. Seluas 29,490 hektar tanah dijangka disatu dan dipulihkan dengan menggunakan tabung agensi sendiri atau melalui usahasama dengan sektor swasta seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-8. FELCRA sebagai agensi yang utama bertanggungjawab kepada program ini dijangka membangunkan 15,000 hektar tanah manakala SALCRA akan memajukan sebanyak 9,000 hektar lagi di Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah melalui penyertaan sektor swasta secara komersil. Sehubungan ini, FELCRA akan dikorporatkan untuk mempercepatkan lagi pengkomersilan sektor kecil pekebun kecil. Di samping itu, sektor swasta akan digalak menyertai program ini terutamanya dalam menguruskan skim tanah yang telah dimajukan oleh agensi pembangunan tanah. Program ini akan merangkumi aktiviti penyusunan semula kampung yang bertujuan meningkatkan taraf hidup petani melalui peningkatan pendapatan daripada aktiviti luar ladang dan membolehkan penggunaan infrastruktur serta kemudahan awam yang lebih baik. Penyusunan semula kampung akan dilaksanakan menerusi penggalakan perindustrian luar bandar dan pengwujudan bandar kecil dalam kawasan tersebut.

8.69 Di bawah program pembangunan tanah baru, sejumlah 180,750 hektar tanah telah dikenalpasti untuk dibangunkan terutamanya di Sabah dan Sarawak seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-9. Lebih banyak lagi infrastruktur pertanian akan disediakan di negeri-negeri tersebut untuk memudahkan pelaksanaan program ini. Sektor swasta dijangka memajukan lebih separuh daripada jumlah keluasan sasaran. FELDA tidak akan lagi membuka tanah baru tetapi akan terus memberi tumpuan dalam menguruskan skim yang sedia ada dan membangunkan sumber manusia. Integrasi mendatar di antara tanaman saka dengan pemeliharaan ternakan yang mempunyai potensi berdaya maju akan digalakkan lagi untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dalam skim tersebut.

### **Taman Teknologi Pertanian**

8.70 Taman teknologi pertanian akan dibangunkan di beberapa negeri untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti pertanian berteknologi tinggi oleh sektor swasta. Di samping itu, tanah kepunyaan agensi pertanian seperti MARDI dan RRIM serta Kerajaan Negeri akan dibangunkan menjadi taman tersebut. Dengan pembangunan taman tersebut, plot tanah akan dijual dan disewa kepada sektor swasta untuk melaksanakan aktiviti pertanian moden termasuk hortikultur dan akuakultur. Bagi meningkatkan intensiti penggunaan tanah, teknik penanaman baru terutamanya pelindung hujan dan pertanian tanpa tanah akan digalakkan bagi penanaman buah-

buah dan sayur-sayuran yang bernilai tinggi. Di samping itu, pengeluaran anak pokok yang dihasilkan melalui teknologi yang maju seperti teknologi kejuruteraan genetik dan metabolic pathway engineering akan juga digalakkan di taman tersebut.

### **Pembangunan Industri Berasaskan Pertanian**

8.71 Pembangunan industri berasaskan pertanian akan dipercepatkan lagi untuk meningkatkan nilai ditambah bagi komoditi pertanian dalam tempoh Rancangan. Tumpuan akan diberikan kepada aktiviti pemprosesan yang menambah nilai terutamanya yang melibatkan pengeluaran barang akhir. Penggunaan komoditi pertanian untuk menghasilkan keluaran akhir dijangka meningkat dengan banyaknya seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-7. Ini adalah selaras dengan objektif Pelan Induk Perindustrian yang menggalakkan industri berasaskan sumber serta memperkuuhkan rantaian di antara sektor.

8.72 Sektor swasta akan digalak memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan industri berasaskan pertanian. Pengembangan seterusnya industri berasaskan pertanian akan dilaksanakan oleh syarikat besar serta pengusaha kecil dan sederhana di kawasan luar bandar. Sehubungan ini, pertubuhan peladang dan persatuan nelayan akan digalakkan lagi untuk mencebur dalam industri berasaskan pertanian secara individu atau usahasama bagi mempelbagaikan sumber pendapatan mereka. Penekanan akan dijurus ke arah mengeluar dan mempelbagaikan lebih banyak keluaran akhir daripada minyak sawit, getah, kayu balak, koko, lada sulah dan ikan yang diproses.

8.73 Di bawah program ini, institusi penyelidikan pertanian seperti FRIM, MARDI, PORIM dan RRIM akan menyediakan teknik dan teknologi pemprosesan yang maju serta khidmat teknikal dan perundingan kepada usahawan. Pada masa yang sama, institusi penyelidikan ini akan mengadakan latihan berkaitan dengan pemprosesan keluaran pertanian dan pengeluaran barang akhir. Institusi ini akan juga menyediakan kemudahan ujian untuk meningkatkan kualiti keluaran tersebut. Di samping itu, tanah kepunyaan MARDI dan RRIM telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai estet industri berasaskan pertanian.

### **Khidmat Sokongan Pertanian**

8.74 Aktiviti P&P akan dijurus ke arah pembangunan keluaran akhir yang baru dan penggunaan komoditi pertanian yang lebih banyak supaya dapat memampangkan pengeluaran serta meningkatkan pemprosesan tempatan. Dalam tempoh RMT, penggunaan teknik dan teknologi moden akan diberi penekanan. Ini meliputi usaha mengurangkan tempoh matang tanaman, menghasilkan jenis tanaman yang dapat memudahkan aktiviti penuaian dan menyenangkan kegiatan pertanian. Komersialisasi aktiviti penyelidikan akan dipergiatkan lagi melalui penyelidikan kontrak, sementara usahasama dengan sektor swasta akan diwujudkan untuk mengkomersilkan

penemuan penyelidikan. Komersialisasi penemuan P&P juga akan dipergiatkan melalui penyediaan modal teroka yang mencukupi.

8.75 Aktiviti P&P PORIM akan memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti dan pembangunan keluaran serta meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kualiti pemakanan minyak sawit. PORIM akan terus melaksanakan penyelidikan ke atas klon berhasil tinggi yang mengurangkan tempoh matang dan melaksanakan penyelidikan ke arah penggunaan sepenuhnya pokok kelapa sawit seperti batang, pelepas, daun dan keluaran sampingannya. Di samping itu, tumpuan akan juga diberi kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan mekanisasi dalam aspek membaja, menuai dan merumput dalam sektor kecil kelapa sawit. Usaha P&P akan juga memberi tumpuan memajukan keluaran pertengahan dan akhir seperti vitamin, minyak pelincir dan minyak enjin serta meningkatkan industri pemprosesan hiliran terutamanya industri oleokimia. Sehubungan ini, sebuah kilang pemprosesan minyak sawit bagi tujuan percubaan akan dibina di dalam tempoh RMT.

8.76 RRIM akan memberi penekanan kepada aktiviti P&P hiliran bagi meningkatkan pemakaian teknologi getah dalam industri serta menambahkan penggunaan getah asli. Memandangkan kepada pertumbuhan yang menggalakkan industri kayu getah, RRIM akan mempergiatkan penyelidikan yang menggunakan teknik yang maju untuk menghasilkan klon-klon baru yang mempunyai tempoh matang yang singkat dan mampu menghasilkan lateks dan kayu getah di tahap maksimum. Penyelidikan ke atas teknik penjimatan buruh serta jenis lateks dan keluaran getah yang baru akan dikembangkan untuk meningkatkan produktiviti serta mempelbagaikan penggunaan getah. RRIM juga akan menyebar penemuannya dengan lebih luas menerusi Program Pembangunan Terselia. Di bawah program ini, RRIM dan agensi pelaksana lain akan menyelia penggunaan penemuan baru.

8.77 FRIM akan memberi tumpuan kepada usaha P&P bagi mengoptimumkan penggunaan sumber perhutanan. Ini termasuk membangunkan model perladangan hutan berdasarkan kepada spesis tempatan, meningkatkan amalan silvikultur dan pengurusan hutan serta melaksanakan penyelidikan ke atas tanaman ubat-ubatan, penanaman rotan dan biodiversiti hutan. Di samping itu, P&P dalam pembangunan keluaran akan dipergiatkan menerusi penubuhan Taman Teknologi Kayu.

8.78 P&P ke atas komoditi makanan dan tanaman bernilai tinggi akan dipergiatkan terutamanya melalui teknik bioteknologi dan kejuruteraan genetik. Penyelidikan ke atas sayur-sayuran akan tertumpu kepada membangunkan teknik dan teknologi penanaman yang lebih baik manakala penyelidikan ke atas buah-buahan akan memberi tumpuan ke atas penghasilan klon berhasil tinggi. Aktiviti penyelidikan akan juga dijuruskan ke arah meningkatkan produktiviti dan memodenkan sektor kecil perikanan dan ternakan. MARDI akan menumpukan aktiviti P&Pnya kepada pemprosesan pemakanan, automasi dan mekanisasi pengeluaran, penanaman bunga

di tanah rendah untuk eksport serta meningkatkan keberkesanan pemindahan teknologi.

8.79 Dalam tempoh RMT, penyelidikan dan analisis pasaran komoditi pertanian untuk industri akan diberi penekanan bagi memperkuatkan permintaan dalam pasaran tradisional dan menembusi pasaran baru. Di samping itu, aktiviti galakan pasaran akan dipergiatkan melalui penyertaan dalam pameran perdagangan, lawatan perdagangan dan khidmat sokongan teknikal yang baik.

8.80 Pemasaran pelbagai komoditi makanan akan dipertingkatkan melalui sistem pemasaran yang bersepadu dan penyediaan infrastruktur pemasaran yang lebih baik. Di samping itu, rangkaian maklumat pasaran akan dipertingkatkan bagi menyediakan maklumat terkini kepada petani, nelayan dan peniaga. Empat buah pusat perdagangan ternakan akan ditubuhkan dalam skim pembangunan tanah bagi meningkatkan infrastruktur pemasaran ternakan. Lebih ramai petani digalakkan untuk menyertai pasar tani dan melibatkan diri dalam pemasaran secara langsung. Sebilangan pasar tani yang sedia ada akan diubahsuai menjadi pasar tetap yang dilengkapi dengan struktur fizikal dan kemudahan sokongan. Penyertaan pertubuhan peladang dan persatuan nelayan dalam pemasaran akan terus digalakkan melalui jualan kontrak.

8.81 Dalam tempoh Rancangan, jumlah pelaburan dalam sektor pertanian akan diperolehi terutamanya daripada sektor swasta. Bank perdagangan dan syarikat kewangan akan terus menyediakan kemudahan kredit yang mencukupi kepada para pelabur. Di samping itu, BPM akan terus menyediakan kredit kepada petani dan pertubuhan peladang bagi membolehkan mereka mencebur dalam aktiviti pertanian yang baru serta mengembangkan operasinya. Kemudahan kredit konsesional akan terus disediakan menerusi skim pinjaman yang lebih tertumpu terutamanya untuk mekanisasi dan automasi serta untuk perniagaan tani dan pembangunan keusahawanan. Lebih ramai usahawan dijangka menyertai bidang pengeluaran dan pemprosesan makanan disebabkan had kredit yang lebih tinggi, kadar faedah lebih rendah dan tempoh bayaran balik lebih panjang yang disediakan di bawah Tabung Bagi Makanan.

8.82 Pemberian pinjaman kepada industri berasaskan pertanian akan diberi penekanan bagi membolehkan pembangunan selanjutnya industri tersebut dalam tempoh Rancangan. BPM akan memberi tumpuan aktivitinya kepada pemberian kredit untuk penghasilan keluaran bernilai tinggi seperti bunga-bungaan, buah-buahan, sayur-sayuran serta keluaran akuakultur dan ternakan.

8.83 Dalam tempoh Rancangan, latihan dan khidmat pengembangan akan tertumpu kepada mengorientasikan semula petani ke arah pengkomersilan menerusi pengalaman pengurusan ladang serta pemprosesan keluaran dan pemasaran yang moden. Program tersebut juga akan membantu mewujudkan kesedaran di kalangan

petani tentang terdapatnya teknologi baru dan amalan yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran pertanian. Di samping itu, agensi tertentu akan meningkatkan lagi kemahiran kakitangan dan pekerja pengembangan pertanian bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik.

8.84 Dalam tempoh Rancangan, peranan organisasi peladang dan persatuan nelayan akan ditingkatkan lagi bagi melengkapinya usaha-usaha Kerajaan. Institusi-institusi ini dijangka menyertai dalam projek penswastaan. Di samping itu, institusi-institusi ini boleh bertindak sebagai nuklei dalam perlادangan kontrak dan menyediakan pasaran kepada ahli-ahlinya. Lebih ramai petani dan nelayan akan digalak untuk menambahkan saham mereka dan menyertai secara aktif dalam institusi-institusi tersebut.

#### **IV. PERUNTUKAN**

8.85 Sektor pertanian akan diperuntukkan sebanyak RM7,566.3 juta bagi memainkan peranannya secara berkesan dalam ekonomi negara seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-10. Peruntukan tersebut merupakan 11.2 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi RMT berbanding dengan 14.9 peratus bagi RME. Sejajar dengan teras pembangunan sektor ini, program pembangunan tanah in-situ akan diberi bahagian peruntukan yang terbesar iaitu sebanyak 22.9 peratus daripada jumlah peruntukan sektor pertanian. Peruntukan bagi pembangunan tanah baru dikurangkan dengan ketara menjadi 7.8 peratus daripada jumlah peruntukan pertanian dan akan hanya menyediakan infrastruktur asas. Kerajaan akan juga memperuntukkan 16.1 peratus kepada program khidmat sokongan pertanian bagi meningkatkan lagi keberkesanannya.

## **V. PENUTUP**

8.86 Sektor pertanian terus memainkan peranannya dalam menyumbang ke arah pembangunan negara dalam tempoh RME. Di samping sumbangannya kepada KDNK, gunatenaga dan hasil eksport, sektor tersebut turut menyediakan bahan mentah untuk industri berdasarkan pertanian tempatan serta makanan kepada penduduk. Pada masa yang sama, sektor tersebut juga memberi sumbangan ke arah pemuliharaan ekologi dan alam sekitar serta memastikan pembangunan yang mampan.

8.87 Dalam tempoh RMT, dasar, strategi dan program yang berkaitan akan dikaji semula bersesuaian dengan perubahan suasana ekonomi. Pertumbuhan yang disasarkan untuk sektor pertanian akan diperolehi melalui peningkatan produktiviti, kecekapan dan pemodenan. Sektor swasta dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan pertanian dan dengan itu mengurangkan peranan sektor awam dalam pertanian. Sehubungan ini, agensi pertanian akan disusun semula bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya. Perubahan ini dijangka mempelopori peralihan sektor pertanian serta melepaskan sumber-sumber yang ada kepada sektor lain di dalam ekonomi.

## **BAB 9 : PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**

### **I. PENDAHULUAN**

9.01 Strategi pembangunan sektor perindustrian dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME) merangkumi perakuan utama Pelan Induk Perindustrian (PIP) yang memberi tumpuan kepada pertumbuhan eksport sektor pembuatan melalui kepelbagaian perindustrian, kewujudan persekitaran pelaburan yang liberal dan peningkatan rantaian di antara pelbagai industri. Berasaskan strategi ini, pembangunan perindustrian telah mencapai kemajuan yang pesat dengan sektor swasta memainkan peranan utama sementara Kerajaan menyediakan suasana pelaburan yang menggalakkan untuk memusatkan lagi pembangunan sektor pembuatan sebagai sektor utama dalam ekonomi. Dalam tempoh Rancangan, sektor ini telah mencapai kadar pertumbuhan pengeluaran yang tinggi, melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini disebabkan terutamanya oleh permintaan yang kukuh dan berterusan dari dalam dan luar negara bagi keluaran sektor pembuatan. Berikutan daripada perkembangan sektor ini, sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), gunatenaga dan pendapatan eksport turut meningkat.

9.02 Untuk mengekalkan pertumbuhan yang tinggi ini, dasar dan strategi yang bertujuan mempercepatkan kepelbagaian industri dan membangun satu asas perindustrian yang lebih berdaya tahan ke arah pencapaian Wawasan 2020 akan digubal dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT). Untuk menghadapi cabaran yang timbul kesan daripada peningkatan globalisasi dan pasaran buruh yang ketat, keutamaan akan terus diberi kepada usaha meningkatkan daya saing industri melalui peningkatan produktiviti, penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta penyediaan infrastruktur sokongan yang mencukupi. Satu pendekatan yang lebih tepat dan terselaras akan juga dilaksanakan untuk memperluas dan memperkuatkukan asas perindustrian khususnya melalui pembangunan industri barang modal dan perantaraan. Strategi dan program untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi industri kecil dan sederhana (IKS) akan diteruskan dengan lebih giat lagi bagi menjadikan IKS lebih berkesan sebagai industri sokongan kepada firma yang lebih besar.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

9.03 Dari segi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi, sektor pembuatan telah mendahului sektor lain dengan meningkatnya pengeluaran bagi kebanyakan sektor kecilnya berikutan permintaan yang tinggi dari pasaran domestik dan eksport. Pelaburan swasta telah meningkat dengan pesatnya bagi menyokong perkembangan sektor tersebut dan ini mencerminkan keyakinan sektor swasta terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

### **Prestasi Pertumbuhan mengikut Industri**

9.04 Pertumbuhan pengeluaran sektor pembuatan telah meningkat pada kadar purata sebanyak 13.3 peratus setahun, mengatasi sasaran RME sebanyak 12.2 peratus setahun. Sektor pembuatan merupakan sektor utama dalam ekonomi dengan sumbangan pengeluaran kepada KDNK sebanyak 33.1 peratus pada akhir tempoh RME. Industri bukan berasaskan sumber telah mencapai kadar perkembangan yang tinggi sebanyak 18.3 peratus setahun sementara industri yang berasaskan sumber pula berkembang pada kadar 9.1 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-1. Kadar pertumbuhan yang tinggi oleh industri bukan sumber adalah selaras dengan permintaan dunia yang meningkat bagi keluaran tersebut seperti elektronik pengguna, komputer dan persian yang kebanyakannya dikaitkan dengan kemunculan ekonomi berasaskan maklumat dan peningkatan kesejahteraan penduduk.

9.05 Di antara industri yang berorientasikan pasaran domestik, sektor kecil industri keluaran logam yang dibentuk, industri asas besi dan keluli serta industri galian bukan logam mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka dalam pengeluaran iaitu masing-masing sebanyak 36 peratus, 15.7 peratus dan 12.8 peratus setahun. Pertumbuhan sektor kecil industri ini berkait rapat dengan perkembangan pesat sektor pembinaan dan pembuatan serta pelaksanaan projek yang berkaitan dengan infrastruktur.

9.06 Bagi industri yang berorientasikan eksport, sektor kecil industri yang menerajui pertumbuhan ialah keluaran elektrik dan elektronik, getah, tekstil dan kayu. Prestasi pertumbuhan yang kukuh oleh industri keluaran elektrik dan elektronik dengan kadar pertumbuhan sebanyak 19 peratus setahun berpunca daripada bertambahnya pengeluaran dan permintaan bagi mesin penyejuk dan penyaman udara serta radio dan televisyen. Permintaan untuk keluaran ini meningkat di pasaran eksport seperti Amerika Syarikat, Singapura, Jepun dan Republik Rakyat China serta pasaran domestik disebabkan kuasa beli pengguna yang lebih tinggi.

9.07 Walaupun sektor pembuatan menunjukkan prestasi yang cemerlang, ianya masih dikuasai oleh sektor kecil keluaran elektrik dan elektronik dengan sumbangannya sebanyak 30.3 peratus kepada jumlah nilai ditambah sektor

pembuatan pada tahun 1995 berbanding dengan 23.7 peratus pada tahun 1990. Namun begitu, kemajuan yang positif dalam sektor kecil ini ialah kepelbagaian dalam keluaran yang nilai ditambahnya lebih tinggi, membawa kepada pertambahan pengeluaran barang elektronik pengguna dan perindustrian.

### **Eksport Barang Sektor Pembuatan**

9.08 Dalam tempoh Rancangan, eksport barang sektor pembuatan telah berkembang pada kadar purata sebanyak 25.8 peratus setahun, mengatasi sasaran RME sebanyak 19.8 peratus setahun. Sumbangan eksport barang sektor pembuatan kepada jumlah eksport telah meningkat daripada 58.8 peratus pada tahun 1990 kepada 79.6 peratus pada tahun 1995. Sumber utama pendapatan eksport adalah industri keluaran elektrik dan elektronik dengan sumbangan sebanyak 65.7 peratus daripada jumlah eksport barang pembuatan pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-2. Ini menunjukkan bahawa kelebihan ruang pasaran bagi barang Malaysia adalah dalam eksport semikonduktor, perkakas elektrik dan keluaran telekomunikasi.

9.09 Walaupun sumbangan keluaran elektrik dan elektronik adalah paling besar dari segi jumlah eksport, analisis ke atas arah aliran eksport telah menunjukkan kemajuan dalam kepelbagaian dan pengluasan asas eksport barang pembuatan. Angka eksport menunjukkan walaupun sumbangan industri baru muncul yang berorientasikan eksport seperti kelengkapan pengangkutan, kimia dan keluaran kimia dan perabot masih kecil, sektor kecil tersebut mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi. Ini adalah satu arah aliran yang menggalakkan berikutnya peningkatan pelaburan dalam sektor kecil tersebut serta kejayaan pemasaran dalam pasaran eksport.

9.10 Amerika Syarikat, Singapura, Jepun dan Kesatuan Eropah kekal sebagai pasaran utama eksport sektor pembuatan dengan sumbangan sebanyak 74 peratus kepada jumlah eksport barang sektor tersebut pada tahun 1995, seperti ditunjukkan dalam Carta 9-1. Di kalangan negara ASEAN, Singapura terus menjadi pasaran terbesar untuk eksport barang pembuatan dengan jumlah eksport sebanyak RM32.8 bilion atau 80 peratus daripada jumlah eksport barang sektor pembuatan. Pengeksport Malaysia telah berjaya memasuki pasaran Hong Kong dan Taiwan dengan eksport bernilai RM13.6 bilion pada tahun 1995 berbanding dengan RM2.9 bilion pada tahun 1990 seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-3. Selain daripada itu, jumlah eksport ke negara-negara Selatan seperti Brazil, Mesir, Mexico, Nigeria dan Papua New Guinea telah bertambah iaitu daripada RM1.4 bilion pada tahun 1990 kepada RM9.0 bilion pada tahun 1995, menunjukkan kejayaan pengeksport Malaysia menembusi pasaran baru.

9.11 Dalam tempoh RME, usaha yang berterusan telah dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi eksport Malaysia dan memasuki pasaran bukan tradisional.

Dalam hal ini, Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang ditubuhkan pada tahun 1993 telah menyediakan maklumat pasaran dan memberikan sokongan kepada pengeksport Malaysia melalui rangkaian pejabatnya di seluruh dunia. Usaha ini dilengkapkan lagi dengan penubuhan Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia di Rotterdam dan empat buah Syarikat Perdagangan Am (GTC). Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia ditubuhkan sebagai pusat pemasaran bagi tujuan menjual dan mengedar keluaran Malaysia secara terus ke pasaran Eropah sementara peranan GTC pula ialah untuk meningkatkan eksport barang dan perkhidmatan Malaysia terutamanya ke negara-negara Selatan. Di samping itu, GTC telah menjalankan kajian kemungkinan, menganjur misi bagi mendapatkan maklumat pasaran, mengiklan dan menubuhkan pusat pengedaran bagi menggalakkan eksport barang Malaysia.

### **Gunatenaga dalam Sektor Pembuatan**

9.12 Dengan pertumbuhan pesat sektor pembuatan, permintaan untuk tenaga buruh telah meningkat pada kadar 9.0 peratus setahun dengan jumlah gunatenaga sebanyak 2.1 juta pada akhir tahun 1995. Sektor ini merupakan penyumbang utama dari segi pengwujudan pekerjaan baru dalam ekonomi. Selaras dengan arah aliran pelaburan dan pengeluaran, sektor kecil yang mempunyai kadar pertumbuhan gunatenaga yang tinggi adalah keluaran elektrik dan elektronik, kayu dan keluaran kayu, penapisan petroleum, kelengkapan pengangkutan, keluaran plastik dan keluaran logam yang dibentuk. Kadar pertumbuhan dalam sektor kecil ini adalah dalam lingkungan 10 peratus hingga 23 peratus setahun.

9.13 Keadaan pasaran buruh yang ketat yang dialami dalam tempoh RME telah menambah tekanan ke atas upah dan kos buruh seunit (ULC). Kadar upah sebenar sektor pembuatan telah meningkat lebih pesat daripada produktiviti buruh terutamanya di antara tahun 1991 dan 1992. Berikutan dari itu, ULC telah meningkat sebanyak 10.7 peratus dalam tempoh tersebut. Kestabilan upah sebenar berserta peningkatan produktiviti yang bermula pada tahun 1993 telah menyederhanakan peningkatan ULC dan membawa kepada pengurangan ULC menjelang akhir tempoh Rancangan. Langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki produktiviti buruh termasuk menggalakkan industri beralih kepada proses pengeluaran yang berintensif modal, memberi latihan semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja melalui program yang diperkenalkan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran (PPK), Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) serta Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Selain daripada itu, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing secara terpilih untuk mengurangkan masalah kekurangan tenaga buruh dalam sektor pembuatan.

9.14 Permintaan tenaga buruh dalam sektor pembuatan seperti yang dapat dilihat melalui data gunatenaga industri pembuatan menunjukkan permintaan adalah paling tinggi untuk pekerja dalam kategori tidak mahir. Kira-kira 34 peratus daripada

permintaan adalah untuk kategori ini dan 26 peratus lagi untuk pekerja mahir seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-4. Bilangan pekerjaan yang paling banyak adalah bagi pekerja pengeluaran terutamanya untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat dalam sektor kecil keluaran elektrik dan elektronik, kayu dan keluaran kayu serta logam yang dibentuk.

9.15 Memandangkan perlunya industri dipermodenkan dan beralih kepada kaedah pengeluaran yang lebih berintensifkan modal, insentif elauan pelaburan semula telah dipinda untuk menggalakkan industri mempermoden kilang dan kelengkapan serta mengautomasi proses pengeluaran. Untuk memudahkan proses peralihan ini, elauan pelaburan semula dalam Belanjawan 1994 telah dinaikkan daripada 40 peratus kepada 50 peratus daripada jumlah modal perbelanjaan yang dibelanjakan oleh syarikat untuk aktiviti tersebut. Dengan menggunakan nisbah pelaburan untuk setiap pekerja sebagai petunjuk intensiti modal, didapati nisbah secara keseluruhan telah meningkat iaitu daripada RM99,352 bagi setiap pekerja dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) kepada RM183,217 bagi setiap pekerja dalam tempoh RME.

9.16 Penyertaan secara aktif sektor swasta dalam penubuhan pusat latihan bagi mengendalikan kursus yang diperlukan oleh industri telah digalakkan. Sebanyak lapan buah PPK telah ditubuhkan di Johor, Kedah, Melaka, Pahang, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu sementara PPK di Pulau Pinang diperbesarkan. Kerajaan Pusat telah mengeluarkan sebanyak RM18.9 juta dalam bentuk geran untuk pembelian kelengkapan dan memberi pinjaman mudah sebanyak RM5 juta kepada pusat-pusat ini. Sementara itu, sumbangan daripada Kerajaan negeri adalah dalam bentuk tanah dan bangunan manakala sektor swasta menyumbangkan wang dan kelengkapan serta tenaga pelatih. Program latihan termasuk kursus dalam pengautomasian perindustrian, reka bentuk acuan plastik, pemesinan persisan dan reka bentuk berbantuan komputer memberi manfaat kepada seramai 17,627 peserta. Selain daripada itu, untuk menggalakkan penyertaan Persatuan Perniagaan dan Industri dalam latihan kemahiran, Kerajaan telah memberi geran pelancaran sebanyak RM1.45 juta untuk penubuhan Pusat Tekstil Malaysia oleh Persatuan Tekstil dan Pengeluar Malaysia. Penubuhan pusat ini melengkapkan usaha institusi latihan sektor awam dalam mengeluarkan pekerja mahir yang diperlukan oleh industri.

### **Pelaburan Sektor Pembuatan**

9.17 Dalam tempoh RME, pelaburan swasta dalam sektor pembuatan adalah menggalakkan dan berjumlah kira-kira RM84 bilion, mengatasi sasaran RME sebanyak RM80 bilion. Jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM116.2 bilion yang merupakan peningkatan sebanyak 98.3 peratus berbanding dengan jumlah yang diluluskan dalam tempoh RML seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-5. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan telah berkurang kepada RM27.8 bilion pada tahun 1992 dan RM13.8 bilion pada tahun 1993 berbanding dengan jumlah yang lebih tinggi yang dicatatkan pada tahun 1991 sebanyak RM30.8 bilion, seperti ditunjukkan

dalam Carta 9-2. Jumlah pelaburan yang tertinggi pada tahun 1991 yang tidak pernah tercapai sebelumnya adalah disebabkan terutamanya oleh kemasukan beberapa projek yang berintensif modal dalam sektor kecil petroleum dan keluaran asas logam. Setelah mengalami pengurangan pada tahun 1993, cadangan modal pelaburan telah meningkat semula dengan peningkatan sebanyak 65.9 peratus pada tahun 1994. Ini menunjukkan negara masih kekal sebagai satu lokasi yang menarik untuk pelabur asing dan tempatan.

9.18 Memandangkan persaingan yang semakin meningkat dalam usaha memperolehi pelaburan langsung asing, Kerajaan telah melancarkan Inisiatif Pelaburan Domestik (DII) pada tahun 1993 untuk menggalakkan pertumbuhan pelaburan domestik yang lebih tinggi. Di antara strategi DII ini termasuk mengendalikan kempen dan seminar dalam negeri bagi meningkatkan pelaburan domestik, menggalakkan penggunaan lebih banyak bahan tempatan dalam pengeluaran sektor pembuatan, memperkuuh dan memperdalamkan pasaran modal tempatan untuk menyokong pelaburan domestik serta membangunkan syarikat tunjang domestik dan IKS untuk mewujudkan rantaian yang lebih kukuh di antara industri.

9.19 Jumlah pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 1993 telah melebihi jumlah pelaburan asing yang diluluskan sebanyak 19 peratus. Ini adalah satu perkembangan yang penting memandangkan pelaburan asing telah mengatasi pelaburan domestik sejak tahun 1987. Dari segi sumber pelaburan langsung asing, Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat, Perancis dan Singapura telah menyumbang sebanyak 65.8 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-6.

9.20 Pelaburan yang diluluskan bagi industri berdasarkan sumber iaitu sebanyak 58 peratus daripada jumlah pelaburan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelaburan dalam industri yang bukan berdasarkan sumber. Walau bagaimanapun, sekiranya pelaburan besar yang berintensifkan modal dalam industri penapisan petroleum dan gas asli tidak diambilkira, pelaburan dalam industri yang berdasarkan bukan sumber petroleum ialah sebanyak 37 peratus. Ini menunjukkan arah aliran yang berkurangan bagi pelaburan dalam industri berdasarkan sumber. Ianya adalah selaras dengan arah aliran pasaran antarabangsa bagi tempoh sepuluh tahun yang lalu yang menunjukkan pertumbuhan industri berdasarkan sumber bukan petroleum telah mula berkurangan akibat rendahnya permintaan di Amerika Utara dan Eropah Barat berbanding dengan permintaan industri yang bukan berdasarkan sumber.

9.21 Satu arah aliran yang menggalakkan dalam tempoh Rancangan ialah peningkatan pelaburan semula dalam bentuk pembesaran dan kepelbagai projek. Ini mencerminkan prospek pertumbuhan yang menggalakkan untuk sektor pembuatan dan komitmen pelabur untuk membesarlagi perniagaan mereka di Malaysia. Jumlah projek yang melibatkan pelaburan semula dan pembesaran telah meningkat sebanyak 228 peratus berbanding dengan pencapaian dalam tempoh RML. Pelaburan

modal telah meningkat sebanyak enam kali ganda iaitu daripada RM4.8 bilion kepada RM29.5 bilion dengan kira-kira 47 peratus adalah daripada sumber asing.

9.22 Analisis ke atas lokasi yang dipilih oleh pelabur menunjukkan Selangor, Johor dan Pulau Pinang terus mendapat projek yang terbanyak, membuktikan kawasan perindustrian yang maju tetap menjadi kawasan pilihan utama. Sebanyak 2,121 projek atau 62 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan terdapat di negeri-negeri ini. Dari segi cadangan pelaburan modal yang diluluskan, kira-kira 44 peratus adalah di Selangor, Terengganu dan Johor. Pertambahan pelaburan yang tinggi di Terengganu adalah berikutan pembangunan yang pesat sektor kecil petroleum di negeri ini.

9.23 Sektor perbankan dan pasaran modal telah menyokong pertumbuhan pelaburan di sektor pembuatan. Pinjaman daripada sektor perbankan meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 17.7 peratus dalam tempoh 1991-95 dengan pinjaman terkumpul berjumlah RM48.8 bilion sehingga tahun 1995. Bank perdagangan kekal sebagai sumber utama kewangan dan telah memberi pinjaman sebanyak RM42.3 bilion atau 86.7 peratus daripada jumlah pinjaman yang terkumpul. Dari segi portfolio pinjaman bank perdagangan, pinjaman kepada sektor pembuatan adalah sebanyak 23.2 peratus, kebanyakannya untuk industri keluaran elektrik dan elektronik yang pesat berkembang diikuti pula oleh industri kayu dan keluaran kayu seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-7.

### **Langkah-langkah Menggalakkan Pembangunan Industri**

9.24 Dalam tempoh RME, Kerajaan terus melaksanakan dasar yang liberal untuk memperbaiki iklim pelaburan negara. Sehubungan dengan ini, insentif telah dikaji semula untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri yang berdaya saing.

#### **Insentif Pelaburan**

9.25 Insentif pelaburan telah dikaji semula dengan tujuan untuk menggalakkan pelaburan yang lebih terpilih, memansuhkan insentif yang kurang berkesan serta memberi lebih tumpuan kepada peningkatan kandungan tempatan dan nilai ditambah, pembangunan teknologi dan rantai perindustrian. Dalam hal ini, pengubahsuaian ke atas insentif taraf perintis, elaun pelaburan semula, pengurangan pendapatan larasan dan elaun untuk eksport telah dilaksanakan. Untuk memperbaiki lagi iklim pelaburan, kadar cukai korporat telah dikurangkan daripada 34 peratus pada tahun 1991 kepada 30 peratus pada tahun 1995. Selain daripada kajian semula secara berterusan ke atas insentif fiskal, pemberian insentif bukan fiskal juga telah diberi penekanan. Ini termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur, mengukuhkan pembangunan sumber manusia dan menggalakkan P&P.

### **Penyusunan Semula dan Usaha Merasionalisasi Industri**

9.26 Di samping Elaun Penyelarasan Perindustrian<sup>1</sup>, Tabung Penyelarasan Perindustrian (TPP) telah dilancarkan pada tahun 1991 untuk membantu industri melaksanakan penyelarasan struktur bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan daya saingan. Tiga sektor kecil industri yang dikenalpasti untuk diselaraskan ialah industri keluaran kayu, tekstil, mesin dan kejuruteraan. Aktiviti di bawah program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap teknologi dan produktiviti serta keberkesanan penggunaan sumber asli dan sumber tenaga manusia. Namun begitu, daripada RM500 juta jumlah tabung ini, hanya RM66 juta yang melibatkan 18 projek telah diluluskan sehingga akhir tempoh RME. Lebih daripada 67 peratus permohonan adalah daripada sektor kecil tekstil yang menunjukkan usaha penyusunan semula telah dibuat oleh pengilang dalam sektor kecil ini bagi menghadapi cabaran global dalam industri tersebut. Memandangkan kurangnya penggunaan tabung ini, Kerajaan dalam Belanjawan 1995 telah menggabungkan tabung yang sedia ada termasuk TPP ke dalam Dana Pelaburan Domestik (DIF) yang baru ditubuhkan. Dana yang berjumlah RM1 bilion ini bertujuan terutamanya untuk menggalakkan pembangunan industri sokongan, meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan, memperluaskan pasaran keluaran Malaysia serta meningkatkan P&P dan pembangunan teknologi.

### **Dasar Tarif**

9.27 Selaras dengan dasar liberalisasi perdagangan dan ke arah pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) pada tahun 2003, struktur tarif negara telah dikaji semula dan kadar tarif untuk berbagai jenis keluaran telah dikurangkan. Dalam jangka masa pelaksanaan, kadar tarif yang disasarkan iaitu daripada sifar hingga lima peratus untuk program bergerak cepat, dijangka akan dicapai dalam tempoh lima hingga tujuh tahun manakala program bergerak biasa akan dicapai dalam tempoh tujuh hingga sepuluh tahun. Kerajaan telah mengadakan berbagai dialog dengan sektor swasta untuk memperolehi komitmen mereka terhadap rancangan untuk mengurangkan lagi kadar tarif ke atas barang yang ditetapkan. Dalam hal ini, pengilang tempatan perlulah berusaha untuk mempertingkatkan kecekapan dan kemampuan bersaing. Dalam tempoh rancangan RME, Akta Duti Timbal Balas dan Antilambakan, 1993, yang merangkumi prinsip Antilambakan dan Kod Subsidi dibawah Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) telah diperkenalkan. Dengan pelaksanaan Akta ini, pengilang Malaysia mempunyai satu mekanisme yang berkesan bagi membendung amalan perdagangan yang tidak adil.

### **Kawasan Perindustrian**

9.28 Pembangunan kawasan perindustrian terus menjadi aktiviti penting dalam usaha menarik pelaburan dan penyebaran industri ke negeri kurang maju. Pemaju swasta terlibat secara aktif dalam pembangunan kawasan perindustrian di Melaka, Negeri

Sembilan dan Selangor manakala agensi Kerajaan khususnya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) adalah pemaju utama di negeri kurang maju. Sejumlah 54 kawasan perindustrian yang meliputi kawasan seluas 4,920 hektar telah dimajukan oleh pemaju swasta manakala sejumlah 46 kawasan perindustrian yang melibatkan kawasan seluas 10,091 hektar telah dibangunkan oleh PKEN dan agensi Kerajaan yang lain dalam tempoh Rancangan.

9.29 Di Semenanjung Malaysia, pembangunan kawasan perindustrian baru tidak lagi tertumpu di koridor pantai barat tetapi telah tersebar ke koridor pantai timur, terutamanya di Pahang dan Terengganu. Pembangunan kawasan perindustrian baru di Sabah tertumpu di sekitar pusat pertumbuhan Kota Kinabalu sementara di Sarawak di sekitar pusat pertumbuhan Kuching-Kota Samarahan dan Bintulu. Ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan menggalakkan penyebaran industri ke koridor pantai timur serta juga kawasan pertumbuhan utama di Sabah dan Sarawak. Untuk menggalakkan penempatan industri di kawasan ini, Kerajaan telah menyediakan kemudahan infrastruktur dan insentif cukai yang menarik.

9.30 Bagi memastikan kawasan perindustrian dilengkapkan dengan infrastruktur dan kemudahan asas khususnya di negeri kurang maju, Kerajaan telah menyediakan sebanyak RM192 juta pinjaman dan RM99 juta dalam bentuk geran kepada PKEN untuk membayai pengambilan tanah, kerja tapak, jalan dan perparitan serta sumbangan kos kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan Lembaga Bekalan Air. Sehingga akhir tahun 1995, pinjaman dan geran masing-masing berjumlah RM185 juta dan RM22 juta telah diluluskan kepada PKEN.

### **Teknologi Perindustrian dan P&P**

9.31 Dalam tempoh RME, sektor swasta telah meningkatkan sumbangannya terhadap pengluasan aktiviti penyelidikan berbanding dengan tempoh RML. Hasil Penyiasatan Ketua Eksekutif, 1995 oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia menunjukkan terdapat pertambahan bilangan firma yang menjalankan P&P dengan tujuan memperbaiki keluaran, proses dan perkhidmatan perindustrian. Di samping itu, selaras dengan permintaan terhadap teknologi penjimatan kos dan buruh yang berkesan, terdapat peningkatan yang ketara dalam penggunaan program-program rekabentuk berbantuan komputer (CAD), pengeluaran berbantuan komputer (CAM) dan kejuruteraan berbantuan komputer (CAE) serta robotik. Semua ini memainkan peranan dalam meningkatkan kecekapan perindustrian dan produktiviti, terutamanya dalam industri moden dan berautomasi. Bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap program tersebut, satu kemudahan latihan CAD/CAM/CAE telah ditubuhkan di Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dengan sokongan agensi lain yang berkaitan serta juga sektor swasta.

9.32 Insentif fiskal dan kewangan yang lebih menarik serta kemudahan infrastruktur teknologi telah disediakan bagi menggalakkan aktiviti P&P dan inovasi teknologi

dalam sektor swasta khususnya bagi IKS yang berintensif teknologi. Sejumlah 200 syarikat telah mendapat manfaat daripada geran setara yang disediakan di bawah Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF) bagi menyokong skim pembangunan keluaran dan reka bentuk termasuk skim peningkatan kualiti dan produktiviti. Lebih daripada 60 syarikat baru yang berdasarkan teknologi berpeluang menggunakan kemudahan gunasama pada kos yang minimum di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, Selangor sementara 15 syarikat lagi telah mendapat manfaat daripada kemudahan inkubator perindustrian yang disediakan oleh SIRIM. Sehingga akhir tahun 1995, sejumlah 18 cadangan telah diterima daripada syarikat yang berteknologi tinggi untuk menempatkan kilang serta aktiviti P&P di Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim (KHTP), Kedah.

9.33 Kemajuan telah dicapai dalam meningkatkan rantaian P&P di kalangan institusi penyelidikan, universiti dan sektor swasta. Tumpuan P&P perindustrian adalah kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti khususnya di kalangan IKS. Usaha penyelidikan oleh SIRIM telah memberi tumpuan ke atas pembangunan teknologi tempatan dan penyesuaian serta pemindahan teknologi perindustrian yang diimport untuk kegunaan perusahaan tempatan. SIRIM memperolehi keupayaan teknologi yang membolehkannya menyediakan kemudahan teknologi prototaip segera untuk kegunaan industri bertujuan mempercepatkan pembangunan keluaran baru. Dengan adanya kemudahan ini, SIRIM menyumbangkan reka bentuk, prototaip serta fabrikasi kepada industri seramik, logam dan plastik. Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT), telah memperkenalkan antara lain, satu kaedah baru penggunaan teknologi sinaran yang tepat dan sesuai bagi memastikan keluaran perindustrian diproses mengikut spesifikasi teknik yang ditetapkan. Teknologi ini bernilai komersil kerana ianya mempunyai kegunaan yang meluas dalam loji penyinaran bagi beberapa industri khususnya dalam pengeluaran sarung tangan pembedahan dan perubatan. Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) menjalankan P&P dan latihan dalam rekabentuk Litar Bersepadu Skala Sangat Besar (VLSI) yang merupakan teknologi asas dalam keluaran mikroelektronik. Di samping itu, MIMOS telah membantu industri dalam merekabentuk papan litar bercetak (PCB), menjalankan aktiviti fabrikasi dan pemasangan termasuk analisis kegagalan litar bersepadu dan menyediakan aktiviti khidmat teknologi maklumat (IT). Di peringkat universiti, aktiviti pembangunan teknologi ditumpukan kepada bidang baru dan yang baru muncul seperti pengurusan dan teknologi yang berkaitan dengan alam sekitar, kejuruteraan aeronautik, bahan termaju, teknologi laser dan juga optik kepersisan serta automasi industri dan sistem pintar.

9.34 Bagi industri berdasarkan sumber, beberapa institusi seperti Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah memberi sumbangan yang bermakna dalam meningkat dan menghasilkan keluaran yang lebih berkualiti serta berdaya saing untuk pasaran domestik dan antarabangsa. RRIM telah menjalankan

penyelidikan secara intensif bagi mengatasi alahan protin dalam keluaran susu getah dengan tujuan membantu industri getah mengeluarkan keluaran getah berprotein rendah yang lebih selamat untuk pengguna. Usaha penyelidikan oleh PORIM telah menyumbang kepada peningkatan dalam permintaan minyak sawit dan keluaran minyak sawit di pasaran domestik dan antarabangsa. FRIM telah meningkatkan lagi P&P dan menyediakan garis panduan bagi pemprosesan dan penggunaan kayu getah oleh usahawan dalam industri perabot. Penyelidikan penggunaan hiliran bagi pemprosesan kayu balak yang kurang permintaan dan sumber hutan bukan balak telah dipertingkatkan untuk mempelbagaikan potensi kegunaan bahan tersebut. MARDI telah berjaya mengkomersilkan beberapa projek penyelidikan bagi memajukan industri pemprosesan makanan tempatan.

### **Industri Kecil dan Sederhana**

9.35 Hasil Penyiasatan Tahunan Industri Pengilangan, 1992 menunjukkan IKS adalah merupakan 84 peratus daripada jumlah perusahaan di sektor pembuatan. Sungguhpun IKS merupakan sebahagian besar daripada jumlah perusahaan pembuatan, sumbangannya kepada nilai ditambah dan gunatenaga adalah masing-masing hanya 28 peratus dan 33 peratus, menunjukkan sumbangannya kepada pembangunan keseluruhan sektor pembuatan adalah kurang berkesan berbanding dengan industri besar. Ini disebabkan saiznya yang kecil telah menghalang IKS daripada menggunakan teknologi tinggi, memperolehi tenaga kerja mahir, meningkat keupayaan pengeluaran, memperluaskan pemasaran dan menikmati ekonomi skala.

9.36 Untuk membangunkan pangkalan data IKS yang terkini dan menyeluruh, Kajian Industri Kecil dan Sederhana di seluruh negara telah dijalankan dalam tahun 1994. Hasil Kajian ini menunjukkan terdapat 12,108 IKS yang mempunyai modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta dan pekerja sepenuh masa di antara 5 hingga 75 orang. IKS terdiri daripada 10,400 industri kecil dan 1,708 industri sederhana. Kebanyakan IKS terlibat dalam sektor kecil makanan, minuman dan tembakau, keluaran logam yang dibentuk, mesin dan kelengkapan, kayu dan keluaran kayu, tekstil serta pakaian dan keluaran kulit. Penumpuan IKS dalam sektor kecil tersebut menunjukkan bahawa mereka agak terasing daripada arus utama perindustrian dan sekiranya keadaan ini berterusan, IKS tidak akan dapat memberi sokongan yang berkesan kepada industri besar.

9.37 Sebahagian besar IKS dimiliki oleh rakyat Malaysia, manakala pelabur asing memiliki 23 peratus daripada pertubuhan industri sederhana dan 3.0 peratus pertubuhan industri kecil. Kira-kira 47 peratus industri sederhana mengeksport hasil keluarannya berbanding dengan hanya 15 peratus industri kecil. Ini menunjukkan bahawa saiz yang sesuai adalah pra-syarat penting bagi membangunkan keluaran berorientasikan eksport.

9.38 IKS telah menghasilkan jumlah barang perantaraan yang terhad untuk kegunaan industri yang lebih besar. Ini menggambarkan rantaian industri yang tidak kukuh dan tidak meluas dalam sektor pembuatan. Dalam hubungan ini, hasil Kajian ke atas IKS telah menunjukkan hanya 20 peratus daripada mereka terlibat dalam aktiviti subkontrak. Aktiviti ini ketara di sektor kecil automotif, keluaran elektrik dan elektronik dan makanan yang melibatkan penyertaan Kerajaan secara proaktif. Adalah dianggarkan terdapat 60 IKS yang terdiri daripada 48 industri sederhana dan 12 industri kecil terlibat dalam pengeluaran alat dan komponen untuk syarikat utama pemasangan kereta. Jumlah ini adalah kurang daripada separuh jumlah 129 syarikat yang terlibat dalam aktiviti subkontrak untuk syarikat utama pemasangan kereta. Ini menunjukkan bahawa industri sokongan dikuasai oleh syarikat yang lebih besar.

9.39 Strategi pembangunan IKS dalam tempoh RME menekankan pembentukan rantaian di antara IKS dan industri yang lebih besar dan membantu IKS menembusi pasaran eksport. Strategi ini telah dilaksanakan melalui program-program baru seperti penyediaan infrastruktur perindustrian serta skim pinjaman mudah untuk membantu perkembangan dan pemodenan IKS. Di samping itu, program sedia ada seperti pembangunan vendor, pemasaran bersepadu, skim kilang bimbingan dan ITAF diteruskan. Program sokongan ini telah menyumbang ke arah pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

9.40 Program pembangunan vendor yang bermula dalam tahun 1988 dengan pelaksanaan Skim Komponen Proton telah diperluaskan kepada sektor kecil industri yang lain seperti elektrik dan elektronik, industri berasaskan kayu dan juga sektor kecil kejuruteraan dalam tempoh RME. Kerjasama tiga pihak iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), syarikat tunjang dan institusi kewangan telah diperkenalkan untuk mempercepatkan pelaksanaan program tersebut. Di bawah program ini yang diselaraskan oleh MITI, syarikat tunjang memberi jaminan pasaran kepada vendor manakala institusi kewangan menyediakan kemudahan pinjaman. Semenjak dilancarkan, program pembangunan vendor berjaya mewujudkan 63 vendor yang membekalkan alat dan komponen kepada syarikat tunjang. Di samping itu, pembangunan vendor yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan yang melibatkan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), TMB dan TNB telah mewujudkan peluang perniagaan untuk 60 syarikat dalam tempoh RME. Konsep pemasaran bersepadu terus menyediakan saluran pemasaran untuk pengusaha Bumiputera dalam industri makanan dan perabot. Sejumlah 155 vendor beroperasi di bawah skim pemasaran bersepadu ini dengan jualan sebanyak RM348 juta dalam tempoh RME.

9.41 Untuk menggalakkan pembangunan IKS secara teratur, Kerajaan telah membantu dalam penyediaan tapak perindustrian pada harga yang berpatutan melalui pengwujudan Taman Perindustrian IKS. Peruntukan sebanyak RM55 juta telah disediakan di bawah RME dengan Malaysian Industrial Estate Sdn. Bhd. (MIEL) diberikan tanggungjawab sebagai pemaju. Sehingga akhir tahun 1994, sebanyak lima

projek di Bentong, Ipoh, Kemaman, Kuching dan Sungai Petani yang melibatkan kawasan seluas 10 hektar dan 71 unit bangunan kilang telah siap dibina. Di samping itu, sebanyak 22 unit bangunan kilang telah dibina di bawah fasa pertama Kompleks Industri IKS di Kampung Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sementara fasa kedua 86 unit tambahan bangunan kilang sedang dilaksanakan. Sebanyak enam projek lagi yang meliputi kawasan seluas 234 hektar dan 1,315 unit bangunan kilang bertempat di Johor Bahru, Kemaman, Kuantan, Masjid Tanah, Pedas dan Sungai Petani adalah dalam berbagai peringkat pembinaan.

9.42 Untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam industri perabot, program perkampungan perabot telah dilancarkan. Di bawah program ini, Kerajaan Persekutuan membiayai kerja tapak, infrastruktur asas dan kemudahan gunasama manakala Kerajaan Negeri menyedia tapak kawasan dan pengusaha pula bertanggungjawab mendirikan kilang. Sehingga akhir tahun 1995, pembinaan 46 kilang dalam perkampungan perabot di Setiu, Terengganu, di Temerloh, Pahang dan di Ulu Yam, Selangor adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

9.43 Bagi melengkapkan kemudahan kredit yang diurus oleh Bank Negara dan bank perdagangan, Kerajaan telah menyediakan RM140 juta untuk dua skim pinjaman khas iaitu Pinjaman Mudah untuk Modernisasi dan Automasi (SLMA) dan Pinjaman Mudah untuk Mempertingkatkan Kualiti. Kedua-dua skim ini menyediakan pinjaman untuk membeli mesin dan peralatan. Sehingga Disember 1995, skim SLMA yang diuruskan oleh Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF) telah memberi pinjaman berjumlah RM30.8 juta kepada 78 syarikat. Dalam tempoh yang sama, pinjaman berjumlah RM51.1 juta telah diluluskan kepada 114 syarikat dibawah Skim Mempertingkatkan Kualiti yang diuruskan oleh Bank Pembangunan.

9.44 Industri luar bandar telah dimajukan bagi mempertingkatkan pendapatan penduduk luar bandar serta menyediakan asas untuk pembangunan IKS. Untuk tujuan ini, beberapa program sokongan seperti pemberian mesin, penyediaan latihan, kemudahan pasaran dan infrastruktur telah dilaksanakan. Sejumlah 700 usahawan luar bandar dalam industri pemprosesan makanan, tekstil dan pakaian serta dua perkhidmatan khusus seperti percetakan dan pemprosesan filem telah diberi mesin yang diperlukan untuk meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran. Di samping itu, program latihan yang bertujuan memperbaiki perniagaan dan kemahiran pengurusan telah memberi manfaat kepada sejumlah 14,160 usahawan luar bandar. Pemasaran dan pengedaran makanan diproses yang merupakan hasil utama industri luar bandar telah diuruskan oleh koperasi NASCO Industri Sdn. Bhd dengan mencatatkan jualan sebanyak RM9 juta. Kawasan perindustrian juga telah diwujudkan di kawasan luar bandar oleh beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) untuk menyediakan tapak yang sesuai bagi membangunkan industri. Sejumlah 18 kawasan perindustrian baru seluas 433 hektar telah dibangunkan oleh beberapa LKW. Seramai 12,730 orang telah mendapat pekerjaan dalam industri yang ditempatkan di kawasan perindustrian ini.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

9.45 Tempoh RMT merupakan satu fasa penting dalam usaha negara menuju ke arah mencapai taraf negara perindustrian. Sektor pembuatan perlulah berubah menjadi satu sektor yang lebih dinamik, mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan industri yang berintensifkan modal, berteknologi tinggi serta juga berintensifkan kemahiran dan pengetahuan supaya dapat mencapai pertumbuhan produktiviti dan berdaya saing.

#### **Perkembangan dalam Persekutaran Antarabangsa**

9.46 Berikutan penyelesaian Pusingan Uruguay, ekonomi negara dijangka lebih berkait rapat dengan ekonomi dunia. Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia antaranya adalah kemunculan persaingan yang lebih daripada pelbagai negara yang menggunakan strategi pertumbuhan yang sama iaitu berdasarkan penarikan pelaburan langsung asing. Sebagai persediaan bagi menghadapi suasana persaingan berikutan daripada penubuhan AFTA dan penarikan balik taraf Sistem Keutamaan Am, firma tempatan perlulah merasionalisasi seluruh aktiviti dan proses mereka dan menjadi inovatif untuk meningkatkan kecekapan. Cabaran lain ialah kemajuan yang pesat dalam teknologi yang menyebabkan luasnya jurang di antara negara maju dan sedang membangun. Dalam hubungan ini, usaha yang lebih gigih adalah perlu untuk merapatkan jurang tersebut dan industri digalak mendapatkan cara pengeluaran baru serta menggunakan bahan termaju. Memandangkan pemuliharaan alam sekitar merupakan isu sejagat, industri dikehendaki menggunakan teknologi pengeluaran yang dapat mengurangkan pencemaran serta membangunkan keluaran yang mesra alam sekitar.

9.47 Pembangunan perindustrian dalam negara akan juga dipengaruhi oleh senario pertumbuhan antarabangsa di samping menghadapi cabaran di atas. Dalam hubungan ini, terdapat peluang untuk pertumbuhan berikutan pemulihan ekonomi dunia yang dijangka berkembang pada kadar purata 3.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Perdagangan dunia dianggar berkembang pada kadar 6.0 peratus setahun pada tempoh yang sama sementara pelaksanaan Perjanjian Pusingan Uruguay dijangka meningkatkan jumlah dagangan barang perkilangan dunia sebanyak USD200-USD300 bilion setahun. Aliran modal pelaburan dunia ke negara sedang membangun dijangka mencapai kira-kira USD80 bilion dari segi nilai sebenar pada tahun 2000.

## **Prospek Pertumbuhan Sektor Pembuatan**

9.48 RMT menetapkan sasaran pertumbuhan pengeluaran yang tinggi untuk sektor pembuatan pada kadar purata sebanyak 10.7 peratus setahun. Dengan itu, sumbangan sektor ini kepada KDNK dijangka meningkat daripada 33.1 peratus pada tahun 1995 kepada 37.5 peratus pada tahun 2000. Jumlah pelaburan dalam sektor ini dijangka mencapai RM110 bilion, sebahagian besarnya ditumpukan untuk menyokong peralihan kepada industri yang berintensifkan modal dan teknologi. Pelaburan domestik dijangka melebihi pelaburan asing berikut pelaksanaan DII yang berterusan. Berdasarkan nisbah pelaburan domestik kepada pelaburan asing iaitu 60:40, pelaburan domestik diunjur berjumlah kira-kira RM66 bilion.

9.49 Eksport sektor pembuatan dijangka menerajui pertumbuhan eksport barang dan disasarkan berkembang pada kadar purata sebanyak 16.9 peratus setahun. Dengan pertumbuhan ini, sumbangan eksport sektor pembuatan kepada jumlah eksport dijangka meningkat daripada 79.6 peratus pada tahun 1995 kepada 88.6 peratus pada tahun 2000.

## **Teras Strategik**

9.50 Dalam tempoh RMT, penyesuaian dasar akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran pertumbuhan sektoral, menghadapi cabaran persaingan perdagangan dunia dan mengatasi kekangan seperti kekurangan pekerja mahir, peningkatan kos bahan mentah dan keupayaan pengeluaran tempatan yang terhad. Dalam hal ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian baru PIP untuk mengesyorkan dasar dan strategi bagi menyelesaikan isu serta menghadapi cabaran jangka masa sederhana dan panjang di sektor pembuatan. Kajian ini akan menganalisis kelompok industri yang sedia ada seperti elektronik dan tekstil serta kelompok industri yang berpotensi seperti kimia dan keluaran kimia, aerospace, bahan dan bahan termaju untuk meningkatkan lagi daya saingan industri-industri tersebut. Di bawah kajian baru PIP ini, pengesanan dan penilaian yang berterusan terhadap pembangunan perindustrian melalui rangka kerja pelan pusingan akan dilakukan. Ini merupakan perubahan besar dalam pendekatan berbanding dengan kajian PIP sebelum ini dan memerlukan penglibatan sepenuhnya kedua-dua sektor awam dan swasta dalam pelaksanaan dan pengesanan strategi yang telah dikenalpasti.

9.51 RMT akan memperkenalkan strategi-strategi yang menekankan kepelbagai, pemodenan dan pengukuhan asas perindustrian seperti berikut:

o mengorientasikan semula dasar perindustrian supaya memberi tumpuan kepada menggalakkan industri menjalankan pengeluaran berskala besar bermula di peringkat awal pelaksanaan projek bagi menikmati ekonomi bidangan serta membekalkan pengeluaran untuk pasaran eksport. Ini memerlukan pengeluaran barang bertaraf dunia serta kegiatan pemasaran yang meluas dan agresif;

- o menggalakkan pengilangan barang modal dan perantaraan, bukan sahaja untuk sektor pembuatan tetapi juga untuk sektor lain seperti pembinaan dan tenaga, bagi mengurangkan pergantungan kepada komponen dan kelengkapan yang diimport, dan seterusnya menyumbang kepada pengurangan defisit dalamimbangan pembayaran;
- o mengembangkan pertumbuhan industri baru seperti petrokimia dan aerospace;
- o menggalakkan peningkatan rantaian di dalam dan di antara industri terutamanya bagi keluaran elektrik dan elektronik, telekomunikasi, automotif serta industri besi dan keluli yang dibentuk;
- o menggalakkan peningkatan pelaburan industri yang berdasarkan sumber khususnya dalam aktiviti hiliran seperti keluaran koko dan makanan, oleokimia, petrokimia, palpa dan kertas, minyak sawit, petroleum, keluaran kayu dan getah;
- o mempergiatkan usaha untuk memperolehi teknologi dan mengkomersilkan teknologi baru dan yang lebih baik;
- o melaksanakan pendekatan sasaran eksport bertujuan meningkatkan bahagian pasaran eksport Malaysia;
- o menggalakkan penyertaan yang lebih besar oleh persatuan industri dalam latihan kemahiran;
- o memperluaskan rancangan offset;
- o memberi tumpuan kepada pembangunan IKS supaya menjadi industri sokongan yang kukuh kepada syarikat yang lebih besar dan lebih berorientasikan eksport;
- o memberi penekanan kepada pembangunan kawasan perindustrian khusus; dan
- o memperolehi manfaat sepenuhnya daripada pelaburan di luar negara.

### **Memperkuuh Struktur dan Daya Saingen Industri**

9.52 Dalam suasana ekonomi antarabangsa yang berubah dengan pesat, komponen kritikal bagi ekonomi yang berorientasikan eksport seperti Malaysia ialah daya saingen industrinya. Mengikut World Competitiveness Report 1995, Malaysia menduduki tempat kedua di kalangan negara perindustrian baru dan yang ke 21 daripada 49 negara yang diliputi dalam laporan ini. Laporan tersebut juga menyatakan pada tahap perindustrian semasa, dua faktor kritikal iaitu sumber manusia serta sains dan teknologi perlu dipertingkatkan dengan segera bagi

memperkuuhkan daya saingen negara. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil dalam tempoh RMT untuk menambah penawaran tenaga mahir serta mempertingkatkan keupayaan teknologi. Langkah ini dijangka meningkatkan produktiviti dan membantu pengeluaran barang yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan seterusnya akan memperkuuhkan daya saingen industri.

9.53 Pendekatan baru dasar perindustrian ialah mengorientasikan semula industri, terutamanya industri berat dan strategik tempatan supaya menjuruskan pengeluaran ke pasaran eksport di peringkat awal pelaksanaan projek lagi. Ini memerlukan pengeluaran berskala besar bagi menikmati ekonomi bidangan dan perlu dilengkapi dengan promosi dan pemasaran yang meluas serta agresif di pasaran baru dan tradisional. Selain daripada peningkatan eksport, strategi ini akan mengurangkan kos seunit dan menghindarkan berlakunya kekurangan di pasaran domestik disebabkan amalan pertambahan pengeluaran yang berhati-hati oleh pengilang bagi barang seperti simen dan automobil. Kerajaan, melalui agensi eksport khas seperti MATRADE dan Bank Eksport-Import (Bank EXIM), masing-masing akan menyediakan sokongan yang perlu dalam pemasaran strategik dan pembiayaan eksport. Di samping itu, Kerajaan akan menimbang untuk memperkenalkan langkah sokongan seperti pembiayaan kajian kemungkinan bagi menggalak dan memudahkan pengeluaran berskala besar. Dalam hubungan ini, industri yang sedia ada dikehendaki menubuhkan usaha sama dan konsortium untuk mengukuhkan kedudukan daya saingen mereka di pasaran eksport.

9.54 Untuk menjayakan strategi ini, adalah perlu disediakan suasana perdagangan yang liberal dengan mengurangkan perlindungan industri domestik secara berperingkat bagi memastikan daya saingen mereka di pasaran eksport. Di samping itu, mengambilkira tahap teknologi dan kemahiran semasa, perlu juga dilaksanakan program perindustrian yang lebih inovatif serta menumpukan kepada pembangunan industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, berintensifkan modal dan berorientasikan eksport. Tujuannya ialah untuk beralih kepada industri yang berintensifkan kemahiran dan menggunakan teknologi yang canggih supaya dapat menghasilkan berbagai jenis keluaran, mempunyai reka bentuk yang lebih baik dan kompetitif untuk memenuhi kehendak pasaran global.

### **Industri Mesin dan Kejuruteraan**

9.55 Industri mesin dan kejuruteraan meliputi sektor kecil mesin dan kelengkapan, logam dibentuk dan faundi yang menjalankan aktiviti seperti penuangan, penempaan, perawatan logam, perawatan permukaan, kejuruteraan dan penuangan acuan dan beracuan. Pembangunan industri ini adalah penting bukan sahaja untuk industri pengeluaran lini seperti industri automotif dan perkakasan rumah tetapi juga untuk industri lain yang memerlukan perkhidmatan kejuruteraan. Sektor ekonomi lain seperti pembinaan dan tenaga yang pada masa ini bergantung kepada perkhidmatan mesin dan kejuruteraan yang diimport akan juga mendapat manfaat daripada

kemajuan sektor kecil ini. Pada tahun 1995, pelaburan yang diluluskan bagi industri ini ialah kira-kira RM869 juta menyumbang hanya sebanyak 4.0 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan. Industri ini masih belum mencapai pembangunan yang memuaskan disebabkan kebanyakan industri faundri dan kejuruteraan sokongan beroperasi secara kecil dan tidak mempunyai peralatan yang mencukupi. Memandangkan negara sedang menuju ke arah pencapaian taraf negara maju, keutamaan hendaklah diberi untuk mempertingkatkan lagi keupayaan teknologi perusahaan dalam sektor kecil ini.

9.56 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan berusaha meningkatkan produktiviti dan daya saingan industri ini. Dalam hubungan ini, satu pelan tindakan dan juga satu pakej khas insentif akan dirangka untuk menangani isu seperti ekonomi bidangan, teknologi, kewangan, kualiti keluaran dan pengurusan. Penubuhan taman perindustrian kejuruteraan untuk industri acuan dan beracuan, faundri dan kejuruteraan serta penyelenggaraan logam akan digalakkan. Pengumpulan industri dalam sebuah taman perindustrian khusus dijangka dapat memudahkan institusi P&P membantu industri mempertingkatkan teknik pengeluaran dan mempergiatkan aktiviti P&P dan latihan. Perkhidmatan sokongan yang lain seperti kemudahan pengujian dan gudang penyimpanan akan juga disediakan dalam taman perindustrian ini. Di samping membangunkan keluaran baru, syarikat dalam sektor kecil mesin dan kejuruteraan perlulah membaiki dan membaik pulih mesin berat yang terbiar supaya dapat mengurangkan import mesin baru. Seterusnya, fabrikasi tempatan bagi alat dan komponen mesin ini serta pembuatan perkakas mesin akan digalakkan.

### **Industri Keluaran Elektrik dan Elektronik**

9.57 Industri keluaran elektrik dan elektronik merupakan sektor kecil yang utama dalam sektor pembuatan dari segi pengeluaran, pendapatan eksport dan gunatenaga. Prospek pertumbuhan industri ini adalah cerah dalam jangka masa sederhana memandangkan permintaan dunia adalah kukuh bagi keluaran elektrik perniagaan dan pengguna. Permintaan untuk keluaran elektronik pengguna seperti komputer, televisyen, stereo kereta dan perakam video banyak bergantung kepada kemewahan pengguna dan citarasa yang sentiasa berubah serta keinginan memiliki keluaran yang canggih. Sistem telekomunikasi yang moden dan canggih dijangka mendorong meningkatkan permintaan terhadap barang elektronik pengguna. Berikutan kemajuan yang pesat dalam era maklumat dan masyarakat yang berpengetahuan, permintaan dunia untuk perkakasan dan perisian komputer dijangka turut meningkat.

9.58 Pada masa ini, industri elektrik dan elektronik Malaysia dikuasai oleh sebilangan kecil syarikat multinasional dan banyak bergantung kepada alat dan komponen yang diimport. Pada tahun 1995, import alat dan komponen elektronik adalah sebanyak RM39 bilion dan merupakan 44.3 peratus daripada jumlah import barang perantaraan. Oleh yang demikian, strategi utama RMT ialah pembangunan industri

alat dan komponen elektronik tempatan serta penggalakan integrasi ke belakang industri semikonduktor melalui penubuhan kilang fabrikasi wafer.

9.59 Dalam usaha membangunkan perindustrian negara, fabrikasi wafer adalah sangat strategik memandangkan ianya merupakan teknologi teras dalam industri semikonduktor. Penubuhan kilang fabrikasi wafer akan juga mengukuhkan rantaian dalam industri melalui pembangunan kepersisan alat dan komponen seperti kelengkapan hampa gas, kepersisan injap di samping menggalakkan aktiviti P&P. Kesan limpahan lain termasuk pembangunan kemahiran dalam penyelenggaraan kelengkapan persian mekanik, elektro mekanik dan mekatronik seperti robotik serta pengwujudan pembekal tempatan untuk bahan kimia dan gas yang mempunyai ketulenan tinggi. Memandangkan keluaran elektronik merupakan sebahagian daripada peralatan yang diperlukan oleh industri lain seperti mesin dan kejuruteraan, automotif dan aerospace, pelaksanaan projek fabrikasi wafer akan menggalakkan pembangunan industri yang berteknologi tinggi dalam negara.

9.60 Langkah untuk menambah pengilangan komponen elektronik tempatan adalah termasuk mengadakan pakatan strategik dengan syarikat multinasional, memperkuuhkan keupayaan penyerapan tempatan untuk proses yang berteknologi tinggi melalui latihan dan meluaskan program pembangunan vendor. Usaha akan juga dipergiatkan untuk menggalakkan pembangunan jenama Malaysia bagi keluaran elektronik pengguna. Untuk menggalakkan pelaburan dalam kilang fabrikasi wafer, satu pakej insentif akan disediakan termasuk taraf perintis selama 10 tahun ke atas 100 peratus pendapatan berkanun atau 100 peratus Elaun Cukai Pelaburan serta penyediaan geran latihan khusus dan tanah pada harga yang berpatutan.

### **Industri Automotif**

9.61 Industri automotif terdiri daripada kenderaan penumpang dan perdagangan, motosikal serta industri alat dan komponen. Saiz pasaran tempatan bagi kenderaan penumpang dan perdagangan dianggarkan sebanyak 185,000 unit dan 80 peratus daripada permintaan ini adalah untuk kenderaan penumpang. Meskipun pasaran eksport adalah kompetitif, Malaysia telah berjaya menembusinya dengan mengeksport 86,600 kenderaan penumpang dan 2,600 kenderaan perdagangan dalam tempoh Rancangan. Walaupun terdapat perkembangan dalam pasaran tempatan, pertumbuhan industri automotif dalam jangka masa panjang akan bergantung kepada kebolehan pengeluar kenderaan menembusi pasaran eksport. Tambahan pula, dalam sistem perdagangan terbuka berbagai hala, pasaran domestik bukan lagi merupakan pasaran yang terjamin untuk pemasang tempatan kecuali mereka mula mengambil strategi baru yang berdaya saing.

9.62 Kemampuan untuk menembusi pasaran eksport dengan jayanya banyak bergantung kepada kebolehan membekal alat dan komponen yang berkualiti tinggi pada kos yang berdaya saing. Oleh kerana industri alat dan komponen belum begitu

maju, strategi pelaburan tempatan dalam tempoh RMT akan memberikan penekanan bagi memperkuatkan asas pengeluaran alat dan komponen yang penting termasuk komponen kecil utama seperti yang berkaitan dengan enjin, gantungan dan stereng, brek dan penghantaran kuasa. Untuk pasaran eksport, pengeluar komponen mempunyai potensi yang tinggi untuk menceburi bidang pengeluaran peralatan kawalan elektronik seperti unit kawalan enjin, stereng berkuasa dan unit kawalan penghantaran kuasa. Pelaburan swasta dalam pengeluaran komponen utama dan komponen kecil akan digalakkan melalui beberapa strategi seperti menubuh usahasama dengan syarikat luar negara, memperolehi teknologi asing, menyusun semula industri sokongan yang kecil dalam sektor automotif serta memupuk pembangunan vendor yang sedia ada dan yang berpotensi. Di samping itu, pengeluar akan digalakkan menceburi bidang pengeluaran kenderaan perdagangan bagi pasaran eksport serta kenderaan berat untuk sektor keselamatan. Langkah ini akan diambil untuk mempromosikan dengan lebih giat lagi sektor kecil automobil sebagai industri utama yang mengeluarkan automobil serta alat dan komponen untuk pasaran domestik dan eksport.

### **Industri Aerospace**

9.63 Industri aerospace akan digalakkan sebagai satu sektor pertumbuhan yang baru memandangkan pembangunan industri ini akan menyumbangkan ke arah pembentukan teknologi dan kemahiran yang lebih tinggi yang sebahagian besarnya boleh digunakan oleh sektor lain dalam ekonomi. Prospek dari segi potensi pasaran adalah cerah memandangkan pengangkutan udara untuk tujuan perdagangan dan persantaian dijangka bertambah berikutan daripada peningkatan globalisasi dan kemewahan. Ruang pasaran terpilih bagi Malaysia adalah di dalam pembuatan kapal terbang kecil, pengeluaran alat dan komponen untuk kapal terbang kecil serta pembangunan industri avionik dan industri perkhidmatan yang berkaitan. Sehubungan dengan ini, SME Aerospace telah berjaya mengeluarkan kapal terbang pelatih pertama iaitu MD3-160, dan syarikat milik

Malaysia iaitu Eagle Aircraft Pty. Ltd. telah mengeluarkan Eagle XTS, kapal terbang penerbangan awam komposit berkapasiti dua penumpang. Di samping itu, untuk memusatkan lagi pembangunan sektor kecil ini, lebih banyak projek aerospace perlu dimajukan dalam tempoh RMT.

9.64 Menyedari betapa pentingnya sektor kecil ini dalam ekonomi negara, Kerajaan akan mempromosikan Malaysia sebagai hub serantau bagi penerbangan antarabangsa, penyelenggaraan dan kejuruteraan serta lokasi bagi persidangan dan pameran syarikat-syarikat pengeluar pesawat terkemuka antarabangsa seperti pameran Maritim dan Aerospace Antarabangsa Langkawi (LIMA). Langkah akan diambil untuk memperbaiki suasana perdagangan bagi tujuan menarik pelaburan baru dan menggalakkan pertumbuhan syarikat sedia ada. Dalam hubungan ini, tiga langkah utama akan dilaksanakan dalam jangka masa singkat iaitu mengukuhkan Jabatan Penerbangan Awam, menguatkuasakan Peraturan Penerbangan Awam

Malaysia dan mempergiatkan latihan kemahiran tenaga kerja yang diperlukan dalam industri aerospace. Rancangan offset akan digalakkan untuk meningkatkan lagi pembangunan syarikat aerospace tempatan.

### **Industri Petrokimia**

9.65 Pembangunan perindustrian yang pesat telah meningkatkan permintaan untuk bahan baru dan termaju yang dibuat daripada keluaran petrokimia. Bahan termaju ini merupakan bidang baru dalam pembangunan perindustrian dan usaha akan dipertingkatkan bagi mengeluar bahan seperti ini serta memastikan perkembangan industri petrokimia seiring dengan perubahan dan keperluan pasaran baru. Berpandukan dasar yang menggalakkan penggunaan sumber gas negara sebagai bahan mentah, industri petrokimia berpotensi untuk memberi sumbangan kepada pertumbuhan keluaran yang berintensif modal, berteknologi tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi terutamanya industri plastik dan baja. Ini akan menjamin penggunaan yang lebih bahan mentah yang berasaskan gas asli seperti etilena, propilena dan amonia. Selain daripada itu, peningkatan keupayaan kilang penapis minyak mentah domestik, telah menghasilkan satu lagi sumber bahan mentah negara yang penting untuk mengeluarkan lebih banyak jenis keluaran petrokimia seperti aromatik yang merupakan satu elemen utama bagi pengilangan keluaran hiliran termasuk gentian, filem, botol dan perkakasan dapur. Ini akan membuka peluang baru untuk penyertaan sektor swasta tempatan dalam industri petrokimia iaitu bagi kedua-dua aktiviti utama dan hiliran.

9.66 Strategi pembangunan untuk mempercepatkan pertumbuhan industri petrokimia termasuk memperluaskan pasaran tempatan dan serantau melalui penyebaran maklumat dan risikan pasaran yang lebih baik serta menggalakkan pengilang mengeluarkan keluaran terpilih yang berkualiti tinggi pada harga yang berdaya saing. Asas pengeluaran bahan mentah tempatan perlu juga diperkuuhkan bagi mencapai tahap pengeluaran yang lebih tinggi untuk mengganti import dan seterusnya mengurangkan pergantungan negara kepada bahan kimia yang dimport. Memandangkan teknologi untuk mengeluarkan bahan termaju dikuasai oleh negara maju, adalah penting untuk industri petrokimia membentuk pakatan strategik dengan syarikat multinasional supaya dapat memperolehi teknologi ini secara lebih berkesan.

### **Industri Besi dan Keluli**

9.67 Industri besi dan keluli negara terlalu tertumpu kepada jenis keluaran yang terhad dengan hanya mengeluarkan keluaran asas besi seperti rod kawat, dan batang keluli. Akibatnya, semua keperluan domestik untuk keluaran rata gelek panas seperti gegelung gelek panas, plat dan kepingan, perlu diimport. Untuk menyusun semula struktur industri supaya lebih cekap dan produktif serta menggalakkan pengeluaran bahan asas untuk keluaran gelek sejuk seperti kepingan galvani dan plat timah,

Kerajaan telah menggalakkan sektor swasta menubuh kilang keluaran rata gelek panas dalam negara. Keluaran rata bermutu ini adalah penting untuk industri pembuatan lain dan industri berat seperti elektronik pengguna, automotif dan pembinaan kapal. Kejayaan pelaksanaan kilang ini akan menyumbang kepada pembangunan keluli yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan membantu mewujudkan rantaian dalam dan antara industri yang lebih kukuh.

9.68 Selaras dengan dasar baru perindustrian untuk menggalakkan pengeluaran berskala besar bagi industri berat dan strategik seperti besi dan keluli, Kerajaan akan menggalakkan sektor swasta menubuhkan satu kilang keluli bersepadu untuk memenuhi peningkatan permintaan dalam pasaran domestik dan serantau bagi keluaran keluli dan besi waja tahan karat yang dibentuk. Kilang keluli bersepadu seperti ini yang akan menggunakan proses pengeluaran secara berterusan daripada bahan mentah sehingga keluaran akhir, akan meningkatkan nilai ditambah tempatan dalam industri besi dan keluli serta membolehkan penggunaan sumber tenaga secara lebih berkesan.

### **Industri Berasaskan Sumber**

9.69 Teras dasar dalam tempoh Rancangan ialah pembangunan yang berterusan bagi industri yang berasaskan sumber seperti keluaran koko dan makanan, petrokimia, palpa dan kertas, getah serta kayu. Perkembangan aktiviti hiliran yang menggunakan sumber asli negara akan menyumbang ke arah pengilangan keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti bahan seramik termaju, perabot dan oleokimia serta menggalakkan rantaian antara industri. Dalam hal ini, syarikat besar yang mempunyai sumber memperolehi kelebihan bersaing untuk menerokai pengeluaran hiliran sumber tersebut dan menggunakan bioteknologi dan teknologi mesra alam sekitar. Kerajaan akan terus memberi bantuan kewangan melalui DIF untuk mempertingkat dan mempermodenkan industri tersebut. Institusi penyelidikan sektor awam akan juga memberi sokongan melalui penyelidikan secara kontrak dan pengkomersilan hasil penemuan P&P. Di samping itu, MATRADE akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk mendapat pasaran baru bagi keluaran ini.

### **Industri Berintensif Teknologi Tinggi**

9.70 Komponen penting dalam transformasi struktur industri yang sedang berlaku ialah peralihan kepada aktiviti perindustrian yang berintensif teknologi. Untuk mencapai matlamat ini, satu aspek yang kritikal ialah penggunaan teknologi termaju bagi menyegerakan perubahan struktur dalam industri baru dan tradisional yang akan meningkatkan keseluruhan produktiviti, pertumbuhan dan kepelbagaian sektor pembuatan. Penggunaan dan pemakaian teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan akan menambah ruang bagi inovasi perindustrian, mewujudkan peluang yang lebih besar untuk pelaburan dalam aktiviti yang dapat menghasilkan pendapatan serta memperluaskan asas teknologi.

9.71 Beberapa pendekatan akan diambil secara serentak. Pada umumnya, tindakan dasar tersebut termasuklah langkah bagi menggalakkan aliran pelaburan ke industri berteknologi tinggi yang disasarkan, menyokong pembangunan dan pengkomersilan teknologi tempatan serta menggalakkan peningkatan kemahiran saintifik dan teknologi. Selain daripada memperkemas insentif yang sedia ada, insentif baru akan diperkenalkan bagi menggalakkan pembangunan keluaran dan aktiviti berteknologi tinggi. Syarikat pengilangan dijangka mempelbagai aktiviti mereka bagi menghasilkan keluaran dan proses baru yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, sementara perniagaan yang mempunyai nilai ditambah yang rendah dijangka menempatkan semula aktiviti mereka ke negara lain. Industri utama dan firma berteknologi tinggi akan digalak untuk mengambil alih syarikat teknologi dan P&P, menjalankan penyesuaian dan peningkatan teknologi serta inovasi termasuk pengkomersilan teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan. Dengan meningkatnya globalisasi, pakatan strategik dengan syarikat luar negara dalam industri berintensif modal dan berteknologi tinggi akan digalakkan bagi membantu industri domestik mendapat akses kepada teknologi dan pasaran baru.

9.72 Bagi menyokong usaha Kerajaan ke arah membangunkan industri yang menggunakan teknologi yang lebih tinggi, sektor swasta dijangka mengambil usaha yang lebih dalam meningkatkan keupayaan teknologi mereka. Usaha tersebut termasuklah menyepadukan amalan pengurusan teknologi terbaik dalam perancangan korporat, menambah kemudahan P&P, memperluaskan khidmat perundingan kejuruteraan dan reka bentuk, meningkatkan standard dan kawalan kualiti serta menyediakan modal risiko. Memandangkan bahawa penyelidikan saintifik dan kejuruteraan yang mempunyai kos yang tinggi dan kompleks, syarikat perlu mengadakan kerjasama penyelidikan dengan universiti dan institusi penyelidikan dalam projek yang mempunyai kepentingan bersama. Langkah ini akan memastikan agensi penyelidikan sektor awam memberi sumbangan yang lebih berkesan ke arah menghasilkan keluaran P&P yang berorientasi permintaan yang diperlukan oleh industri.

### **Menggalakkan Industri Berorientasikan Eksport**

9.73 Dalam tempoh RMT, tumpuan akan terus diberi kepada strategi yang berorientasikan eksport. Langkah menjadikan iklim perdagangan antarabangsa lebih liberal dan penarikan balik Skim Sistem Keutamaan Am oleh Amerika Syarikat pada tahun 1997 akan menyediakan peluang dan pada masa yang sama menimbulkan cabaran kepada eksport negara. Sehubungan dengan ini, masih terdapat ruang yang luas untuk meningkatkan eksport sektor pembuatan memandangkan pada masa ini bahagian eksport sektor pembuatan negara dalam pasaran dunia merupakan kira-kira 1.0 peratus sahaja. Untuk mengekalkan pertumbuhan industri yang berorientasikan eksport, usaha akan dilaksanakan untuk mengukuhkan lagi kelebihan berbanding yang sedia ada, mempelbagaikan eksport di samping menembusi pasaran baru.

Peluang eksport ini akan digandingkan dengan pelaksanaan dasar serta program perdagangan dan eksport yang cekap dan berorientasikan pasaran. Dalam hubungan ini, MATRADE perlu memberi perkhidmatan yang lebih dinamik kepada pengekspor.

9.74 Promosi perdagangan melalui penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa akan terus digalak dengan memberi tumpuan yang lebih kepada kualiti barang yang dipamerkan. Usaha akan juga diambil untuk mempromosikan keluaran jenama Malaysia melalui pengiklanan dan pemasaran yang lebih intensif. GTC yang baru ditubuhkan akan menjalankan kajian pasaran dan menganjur misi bagi mendapatkan maklumat pasaran terutama di pasaran baru. Maklumat mengenai peluang pasaran akan disebarluaskan melalui seminar yang melibatkan sektor swasta. MATRADE juga akan membantu mendapatkan sumber bahan mentah dan keluaran separuh siap yang diperlukan sebagai input untuk sektor pembuatan supaya dapat mengurangkan kos pengeluaran.

9.75 Pendekatan sasaran eksport yang lebih tertumpu akan dilaksanakan bagi meningkatkan sumbangan eksport barang Malaysia terutamanya di pasaran luar negara yang mempunyai potensi permintaan yang tinggi untuk keluaran negara. Dalam hal ini, MATRADE akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk mempromosikan keluaran Malaysia terutamanya keluaran berasaskan sumber di pasaran luar dan menganjurkan pameran untuk keluaran ini. MATRADE akan juga berusaha mempertingkatkan keupayaan pemasaran sektor swasta melalui latihan dan perundingan mengenai berbagai aspek seperti reka bentuk keluaran, pembungkusan dan pelabelan.

9.76 Sebagai sebahagian daripada daya usaha eksport, Bank EXIM yang baru ditubuhkan akan melengkapi usaha bank perdagangan dalam pembiayaan eksport. Bank EXIM akan memberi pinjaman jangka masa sederhana dan panjang untuk menggalakkan eksport keluaran sektor pembuatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Di samping itu, Bank ini juga akan menggalakkan pelaksanaan projek di luar negara seperti projek pembinaan infrastruktur dan perkhidmatan. Bank tersebut juga akan menyediakan khidmat pemasaran, pembiayaan, penerangan dan nasihat untuk memudahkan pengekspor Malaysia memasuki pasaran baru terutama di negara-negara Selatan.

### **Tenaga Manusia Yang Mahir**

9.77 Dalam tempoh RMT, berikutan peralihan industri kepada aktiviti pengilangan yang canggih dan berteknologi lebih tinggi, lebih ramai tenaga manusia yang terlatih dan mahir adalah diperlukan untuk mempertingkatkan daya saingan industri tempatan di pasaran dunia. Penyusunan semula industri ke arah automasi dan robotik akan memerlukan lebih ramai pekerja pengeluaran yang cekap komputer dan berkeupayaan mengendali mesin automasi serta berkebolehan dalam bidang kejuruteraan untuk membuat penyelenggaraan kelengkapan dan mesin.

9.78 Sungguhpun jurang bekalan buruh mahir dan separuh mahir yang sedia ada dijangka berkurangan dengan bertambahnya graduan tenaga mahir dan separuh mahir daripada pusat teknikal dan vokasional, sektor swasta perlu meningkatkan penyertaannya dengan memberi latihan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Bagi tujuan ini, strategi dalam tempoh Rancangan adalah untuk menggalakkan persatuan industri memulakan program latihan yang diperlukan oleh industri tertentu. Bagi menyokong strategi ini, Kerajaan akan menimbang untuk memberi bantuan kewangan kepada sektor swasta bagi menubuhkan institusi latihan seperti ini. Syarikat korporat yang mempunyai kemudahan latihan sepatutnya menawarkan juga kemudahan tersebut kepada pelatih yang bukan pekerja yang menambah bekalan tenaga pekerja yang terlatih. Penggalakan penyertaan yang lebih dalam kerjaya ketukangan mahir memerlukan perubahan sistem nilai dalam syarikat melalui kemajuan kerjaya yang lebih cerah untuk kakitangan yang berkemahiran teknikal serta pengwujudan suasana kerja teknikal dan kejuruteraan yang lebih menarik.

### **Rancangan Offset**

9.79 Rancangan offset adalah sebahagian daripada perjanjian kontrak yang dirangka untuk membantu pembeli memperolehi pemindahan teknologi yang diperlukan di samping menyediakan pekerjaan kepada rakyat tempatan. Perjanjian ini digunakan dalam keluaran pertahanan dan penjualan pesawat besar perdagangan. Rancangan ini merangkumi pengeluaran bersama, pengeluaran berlesen, subkontrak, pemindahan teknologi, latihan dan pembelian timbal balas. Untuk mengoptimum dan menyebarkan manfaat program ini, kumpulan sasaran akan diperluaskan bagi merangkumi lebih banyak syarikat swasta di sektor pembuatan khususnya industri aerospace dan maritim serta IKS dalam sektor kecil mesin dan kejuruteraan. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan merangka satu pelan tindakan untuk memandu dan membantu pelaksanaan rancangan offset. Di samping menetapkan jadual pelaksanaan, pelan tindakan tersebut perlu mengandungi maklumat mengenai teknologi kritikal, syarikat berpotensi dan kaedah pembiayaan. Kerajaan akan menggalakkan entiti seperti PETRONAS, TNB, Penerangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM) serta syarikat multinasional tempatan untuk menggunakan program offset dalam perolehan dan pelaksanaan projek besar.

### **Penyusunan Semula Strategi Pembangunan IKS**

9.80 Tumpuan strategi pembangunan IKS pada masa lepas adalah kepada pembangunan industri kecil yang berorientasikan pasaran tempatan terutamanya untuk pengwujudan MPPB. Dalam tempoh RMT, usaha akan diambil untuk membantu pembangunan industri sederhana yang menunjukkan potensi pertumbuhan yang kukuh. Selaras dengan dasar perindustrian untuk menggalakkan eksport, IKS yang kukuh, berdaya maju dan moden serta berorientasikan eksport

akan diberi penekanan bagi memastikan wujudnya struktur industri negara yang seimbang dan cekap. Dalam hubungan ini, strategi pembangunan IKS akan disusun semula dengan melaksanakan pendekatan serampang dua mata. Pendekatan pertama adalah untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran manakala yang kedua, memperkuuh dan memperluaskan liputan program IKS yang sedia ada. Dari segi strateginya, pendekatan ini bertujuan memajukan IKS sebagai industri yang berdaya saing dan berupaya membekal alat serta komponen kecil untuk pasaran domestik dan global.

9.81 Fungsi institusi pembangunan IKS sedia ada akan diperkemaskan dalam tempoh Rancangan. Dalam hubungan ini, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) akan ditubuhkan untuk memberi kepimpinan yang berkesan serta merangka program pembangunan yang lebih mantap. Perbadanan ini akan diberi kuasa yang mencukupi untuk menguruskan perancangan operasi serta pelaksanaan dan penyelarasannya keseluruhan.

9.82 Industri berorientasikan eksport seperti keluaran elektrik dan elektronik, mesin dan kejuruteraan serta alat dan komponen mempunyai potensi pertumbuhan masa depan yang baik untuk IKS. Peralihan daripada pasaran tempatan kepada pasaran eksport adalah satu langkah penting untuk IKS dan pada peringkat awal, mereka akan memerlukan bantuan kepakaran untuk memasarkan keluaran mereka ke luar negara. Dalam hubungan ini, skim pembangunan pasaran eksport akan diperkenalkan untuk membantu pengeksport IKS yang baru membangunkan kepakaran mereka dalam pemasaran, penggalakan, pengedaran, penetapan harga, pembungkusan dan pengangkutan. SMIDEC bersama MATRADE akan ditugaskan untuk melaksanakan skim ini.

9.83 Program sokongan yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan akan diperluaskan lagi bagi membolehkan lebih banyak IKS dipertingkat dan diserapkan ke dalam aliran utama sektor pembuatan. Untuk melengkapkan lagi usaha ini, dua program baru iaitu Program Pembangunan Teknologi serta Program Perolehan Teknologi akan diperkenalkan.

9.84 Program pembangunan keusahawanan akan ditumpukan kepada memupuk pembangunan usahawan dan perusahaan melalui latihan, memberi peluang perniagaan serta pembiayaan dan infrastruktur sokongan bagi usahawan Bumiputera yang memerlukan khidmat tersebut. Perkhidmatan ini akan disediakan dalam pakej bersepadu dan akan dipromosikan bersama dengan program sokongan sedia ada bagi mengatasi masalah tertentu dalam bidang kewangan, latihan dan pemasaran.

### **Kawasan Perindustrian**

9.85 Kerajaan akan terus menggalakkan penglibatan aktif pemaju swasta untuk membangunkan kawasan perindustrian secara persendirian serta usaha sama dengan

agensi kerajaan. Selaras dengan ini, penglibatan agensi kerajaan secara terus dalam membangunkan kawasan perindustrian akan dikurangkan kecuali di negeri kurang maju. Sektor swasta, khususnya syarikat perladangan besar yang mempunyai tanah yang luas di kawasan yang strategik akan memainkan peranan lebih aktif bagi membangunkan kawasan perindustrian. Dalam tempoh RMT, pinjaman sebanyak RM486 juta akan diperuntukkan terutamanya untuk membangunkan kawasan perindustrian di negeri kurang maju seperti Taman Perindustrian Damak Laut di Sarawak, Taman Perindustrian Kota Kinabalu di Sabah, Taman Perindustrian Gebeng Fasa II di Pahang dan Taman Perindustrian Telok Kalong Fasa II di Terengganu.

9.86 Keperluan infrastruktur perindustrian dan perkhidmatan sokongan akan menjadi lebih khusus berikutan dengan kepelbagaian struktur industri Malaysia. Untuk memenuhi keperluan ini, Kerajaan akan menggalakkan pemaju swasta mewujudkan kawasan perindustrian yang khusus seperti KHTP di Kedah. Di samping KHTP fasa II dan III, empat projek yang seumpama iaitu Taman Perindustrian Aerospace Subang, di Selangor, Bandar Teknologi Komposit Batu Berendam di Melaka, Taman Sumber Asli Kuching di Sarawak dan Bandar Automotif Tanjong Malim di Perak dijangka akan beroperasi dalam tempoh RMT. Taman Perindustrian Aerospace Subang akan memberi tumpuan kepada pembangunan perkhidmatan berkaitan dengan aerospace dan penerbangan am, manakala Bandar Teknologi Komposit akan menarik pelaburan dalam pengeluaran barang berdasarkan bahan komposit termasuk aerospace dan bukan aerospace.

9.87 Bandar Automotif akan menggalakkan lagi pembangunan industri automotif dan rantaian di antara firma di kalangan syarikat pemasang kenderaan dan pengeluar komponen. Di samping itu, Bandar Automotif juga akan menarik pelaburan baru dalam industri automotif dan yang berkaitan dengannya melalui penyediaan kemudahan sokongan khusus dan kemudahan pengujian, pusat maklumat perdagangan, gudang penyimpanan serta kemudahan perumahan. Taman Sumber Asli akan berfungsi sebagai pusat utama teknologi dan pembangunan perindustrian dalam bidang sumber asli serta bioteknologi.

### **Pelaburan Di Luar Negara**

9.88 Dengan meningkatnya globalisasi dan peluang pelaburan baru, lebih ramai usahawan Malaysia melabur di luar negara seperti Afrika Selatan, Kemboja, Republik Rakyat China, Vietnam dan Papua New Guinea. Pelaburan Malaysia di luar negara telah meningkat daripada RM1.4 bilion pada tahun 1990 kepada RM5.4 bilion pada tahun 1995. Dalam tempoh RMT, pelaburan di luar negara dijangka meningkat. Peningkatan ini adalah ekoran pengalaman yang diperolehi oleh usahawan Malaysia dalam aktiviti penswastaan terutamanya dalam membangunkan projek infrastruktur dan janakuasa yang akan memberi lebih keyakinan kepada mereka untuk melaksanakan projek sedemikian di luar negara. Usahawan Malaysia yang melabur di

luar negara seharusnya memperolehi sumber dana dari luar negara bagi mengurangkan pengaliran keluar dana modal domestik.

9.89 Untuk memastikan negara mendapat manfaat yang maksimum daripada pelaburan di luar negara, Kerajaan telah menggalakkan syarikat membawa pulang pendapatan tersebut dengan memberi pengecualian cukai sebanyak 100 peratus pendapatan yang diperolehi daripada usaha ini. Langkah lain yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMT termasuk penggalakan penggunaan barang dan perkhidmatan Malaysia apabila melaksanakan projek di luar negara, penyediaan kemudahan pukalan dan punggahan serta penempatan semula industri yang berintensif buruh dan berteknologi rendah yang kurang berdaya saing di dalam negara ke wilayah yang kos operasinya lebih rendah termasuk ke kawasan pertumbuhan segitiga.

#### **IV. PERUNTUKAN**

9.90 Belanjawan pembangunan untuk menyokong pembangunan perindustrian dalam tempoh RMT ialah sebanyak RM2.5 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-8. Peruntukan ini akan digunakan untuk melengkapi usaha sektor swasta meningkatkan daya saingan industri. Dalam hubungan ini, tumpuan yang lebih akan diberi kepada pembangunan dan perolehan teknologi, pengkomersilan hasil penemuan P&P, peningkatan infrastruktur perindustrian serta penyediaan program sokongan untuk IKS. Bidang keutamaan yang lain termasuk pembangunan industri luar bandar, latihan dan pembangunan kemahiran oleh industri dan memperkuatkannya agensi yang berkaitan dengan industri supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih cekap kepada sektor swasta.

#### **V. PENUTUP**

9.91 Pembangunan perindustrian negara telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh RME dan memperlihatkan kejayaan strategi yang berorientasikan eksport. Negara memerlukan asas perindustrian yang lebih kukuh untuk menyokong usaha mempercepatkan pembangunan sektor perindustrian ke arah pencapaian Wawasan 2020. Oleh itu, teras dasar dalam tempoh RMT termasuk meningkatkan daya saingan industri melalui pengeluaran berskala besar bagi memenuhi permintaan pasaran dunia dan menggalakkan pelbagai jenis keluaran sektor pembuatan dalam pasaran baru dan tradisional serta pembangunan IKS yang berorientasikan eksport. Dalam hubungan ini, dasar, strategi dan program untuk pembangunan perindustrian terutamanya yang berkaitan dengan keperluan tenaga kerja mahir dan teknologi akan terus disusun semula bagi melengkapkan usaha sektor swasta dalam sektor yang dinamik ini.

## **BAB 10 :PENDIDIKAN DAN LATIHAN**

### **I. PENDAHULUAN**

10.01 Pendidikan dan latihan kemahiran telah diberi keutamaan yang tinggi dalam pembangunan negara untuk menyediakan secukupnya tenaga kerja yang berpendidikan, berkemahiran dan bermotivasi tinggi di samping melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, bermoral dan beretika. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), program dan projek pendidikan serta latihan telah ditumpukan ke arah meningkatkan keupayaan institusi dan memperbaiki kualiti tenaga manusia. Di samping itu, peningkatan peluang dan penyertaan golongan berpendapatan rendah dalam pendidikan dan latihan telah juga diberi penekanan.

10.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), beberapa perubahan besar akan diperkenalkan dalam sistem pendidikan dan latihan bagi memperkuuh dan memperbaiki sistem berkenaan. Usaha ini dijangka dapat memperbaiki kualiti dan menambah kuantiti keluaran bagi memenuhi keperluan tenaga manusia terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Di samping itu, penekanan yang berterusan akan diberi bagi meningkatkan peluang pendidikan untuk penduduk di kawasan luar bandar dan terpencil.

10.03 Latihan kemahiran di institusi latihan awam dan swasta akan dijalankan secara besar-besaran dengan tujuan meningkatkan enrolmen dan keluaran tenaga kerja mahir dalam bidang teknikal. Institusi latihan akan melaksanakan lebih banyak kursus kemahiran peringkat tinggi sejajar dengan perubahan struktur ekonomi negara yang menuju ke arah teknologi termaju dan kegiatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

#### **Program Pendidikan**

10.04 Dalam tempoh RME, teras pendidikan secara keseluruhannya adalah untuk menambah keupayaan dan meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan di semua peringkat, memperkuuhkan sistem penyampaian dan memperbaiki kualiti pendidikan. Pembangunan kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum memberi penekanan kepada objektif melahirkan warganegara yang berpengetahuan, berinovasi dan memiliki nilai positif, dan oleh itu dapat menyertai secara aktif serta menyumbang kepada pembangunan negara. Sehubungan dengan ini, sektor swasta dan agensi

awam yang diswastakan telah digalak untuk meningkatkan keupayaan mereka dan menyediakan pendidikan yang berkualiti.

10.05 Pengluasan program pendidikan telah meningkatkan enrolmen di semua peringkat pendidikan. Walau bagaimanapun, beberapa masalah masih wujud terutamanya yang berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar dan enrolmen dalam aliran sains di peringkat menengah. Di samping itu, hanya sebahagian kecil pelajar dalam kumpulan umur berkaitan yang meneruskan pengajian ke peringkat ijazah di institusi pendidikan tinggi awam.

### **Pendidikan Pra-sekolah**

10.06 Menyedari pentingnya pendidikan pra-sekolah dalam menyediakan asas yang kukuh di kalangan kanak-kanak di peringkat awal usia, usaha telah diambil untuk meningkatkan kemudahan dan memperbaiki kualiti pendidikan pra-sekolah. Oleh kerana sektor swasta lebih aktif dalam menubuhkan pusat pra-sekolah di kawasan bandar, agensi sektor awam terus menyediakan peluang pendidikan pra-sekolah untuk kanak-kanak di luar bandar dan mereka yang datang daripada keluarga miskin di bandar. Usaha oleh sektor awam dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah meningkatkan bilangan pusat pra-sekolah daripada 6,960 pada tahun 1990 kepada 10,350 pada tahun 1995. Sejajar dengan ini, bilangan kanak-kanak dalam kategori umur 5-6 tahun yang mendaftar di pusat ini telah meningkat daripada 328,800 pada tahun 1990 kepada 420,600 pada tahun 1995 iaitu peningkatan sebanyak 27.9 peratus. Sektor awam adalah penyedia terbesar pusat pra-sekolah iaitu sebanyak 8,446 atau 81.6 peratus, manakala bakinya disediakan oleh sektor swasta dan NGO. Daripada jumlah pusat pra-sekolah yang diwujudkan oleh Kerajaan, kira-kira 80 peratus berada di kawasan luar bandar dan telah memberi manfaat kepada 204,100 kanak-kanak luar bandar.

10.07 Peningkatan kualiti pendidikan pra-sekolah telah dicapai melalui semakan semula garis panduan kurikulum, peningkatan latihan perguruan dan penetapan kelayakan minimum bagi guru pra-sekolah. Kurikulum yang disemak semula tersebut menekankan kepelbagaiannya kaedah mengajar untuk menjadikan kaedah tersebut lebih menarik kepada kanak-kanak. Kaedah tersebut termasuk penerokaan alam semulajadi, penggunaan bahan mengajar yang lebih menarik dan menggalakkan guru membiasakan kanak-kanak menggunakan Bahasa Malaysia yang betul serta penggunaan secara mudah perkataan Inggeris dalam komunikasi dan kegiatan harian mereka.

### **Pendidikan Rendah**

10.08 Pembangunan pendidikan rendah terus memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan keupayaan, memperbaiki kemudahan sedia ada, meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan bagi semua kanak-kanak dalam kumpulan umur 6 -

11 tahun termasuk yang kurang upaya dan memperbaiki pencapaian pelajar terutamanya di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil. Langkah telah diambil untuk meningkatkan kualiti secara keseluruhan termasuk meningkatkan bilangan guru yang berpengalaman dan berkelayakan terutama di sekolah luar bandar serta membangun dan memperbaiki bahan pengajaran dan pembelajaran. Bagi menanam minat terhadap sains sejak peringkat awal usia, unsur sains telah diperkenalkan di dalam kurikulum Tahun I bermula dengan sesi persekolahan 1994/95, sementara sains sebagai satu mata pelajaran berasingan telah diperkenalkan untuk Tahun IV. Di samping itu, bagi meningkatkan penguasaan matematik, sukanan pelajaran yang lebih terperinci untuk pengajaran matematik Tahun I dan IV telah disediakan pada tahun 1994.

10.09 Pendidikan rendah universal dikekalkan sepanjang tempoh Rancangan. Enrolmen sekolah rendah telah meningkat sebanyak 16.7 peratus daripada 2.4 juta pada tahun 1990 kepada 2.8 juta pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-1. Walaupun kejayaan dalam pendidikan universal telah dicapai, bilangan pelajar yang tercicir daripada sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan adalah agak besar. Daripada jumlah pelajar dalam kumpulan umur enam hingga 11 tahun yang mendaftar di sekolah-sekolah ini, kira-kira 4.0 peratus atau 18,000 pelajar tidak menamatkan pendidikan di sekolah rendah. Bagaimanapun, sebilangan besar daripada kanak-kanak tersebut meneruskan pengajian di sekolah rendah swasta sebagaimana ditunjukkan oleh peningkatan enrolmen sekolah berkenaan dalam tempoh Rancangan.

10.10 Bagi menampung pertambahan enrolmen, mengurangkan kesesakan di sekolah di kawasan bandar dan menggantikan kemudahan yang telah usang di luar bandar, sejumlah 9,530 bilik darjah tambahan telah dibina yang memberi manfaat kepada 353,000 pelajar. Dengan ini, nisbah bilik darjah-pelajar bertambah baik daripada 1:38.3 pada tahun 1990 kepada 1:36.4 pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh peningkatan enrolmen yang besar, terutamanya di kawasan bandar, 28 peratus atau 23,363 bilik darjah mempunyai enrolmen melebihi 40 pelajar dalam satu bilik darjah. Bagi mengurangkan masalah kekurangan bilik darjah, sekolah berkenaan telah mengadakan kelas sesi petang. Bilangan sekolah yang mengadakan kelas sesi petang telah meningkat daripada 15.5 peratus pada tahun 1990 kepada 18.3 peratus daripada jumlah sekolah rendah pada tahun 1994.

10.11 Pembaikan kemudahan pendidikan dan peluang golongan miskin dan penduduk di kawasan luar bandar mendapatkan pendidikan terus diberi keutamaan dalam tempoh Rancangan. Kemudahan pendidikan di kawasan luar bandar telah ditingkatkan dan diperbaiki bagi menyediakan suasana pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif. Bagi sekolah kecil yang mempunyai enrolmen kurang daripada 150 pelajar, usaha juga telah diambil untuk membekalkan kemudahan yang lebih sempurna seperti bilik darjah baru bagi menggantikan bilik darjah usang, perpustakaan, bahan pengajaran dan pembelajaran serta guru yang terlatih.

10.12 Kemudahan asrama terus disediakan di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil untuk pelajar yang tinggal jauh daripada sekolah bagi membolehkan mereka mendapatkan peluang pendidikan dan persekitaran pembelajaran yang lebih baik. Di samping itu, asrama juga dibina di kawasan bandar bagi menempatkan pelajar luar bandar. Dengan kemudahan asrama ini, pelajar luar bandar dapat menikmati suasana pembelajaran yang lebih selesa dan kemudahan pembelajaran yang lebih baik di kawasan bandar. Dalam tempoh Rancangan, kemudahan asrama telah diperluaskan yang memberi faedah kepada 59,330 pelajar sekolah rendah. Di samping itu, pelajar yang berpotensi daripada luar bandar juga telah diberi peluang melanjutkan pelajaran menengah di sekolah berasrama penuh. Sekolah ini menawarkan kemudahan yang lebih sempurna serta guru yang terlatih dan berpengalaman yang memberikan bimbingan dan pengawasan.

10.13 Langkah untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak luar bandar dan mengekalkan mereka dalam sistem pendidikan termasuk penyediaan bantuan kewangan dan pinjaman buku teks serta program kesihatan dan pemakanan. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah RM182 juta telah dibelanjakan sebagai bantuan kewangan kepada kira-kira 0.5 juta murid daripada keluarga miskin dan RM339.4 juta untuk program pinjaman buku teks bagi 2.6 juta murid sekolah. Sejumlah RM139.4 juta dibelanjakan untuk program makanan tambahan bagi kira-kira 0.5 juta murid miskin.

10.14 Sebagai insentif untuk menarik guru yang berkelayakan dan berpengalaman berkhidmat di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman, lebih banyak kuarters guru disediakan. Dalam tempoh RME, sejumlah 5,100 unit kuarters guru telah dibina untuk 5,250 guru. Walau bagaimanapun, jumlah kuarters yang disediakan masih belum cukup untuk memenuhi permintaan keseluruhannya dan nisbah guru-kuarters guru kekal pada paras rendah iaitu 1:0.07 dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, pertukaran guru yang kerap daripada sekolah di luar bandar ke sekolah di bandar masih wujud terutamanya selepas mereka berkhidmat beberapa tahun di luar bandar. Ini telah sedikit sebanyak menjaskankan kualiti pengajaran di luar bandar.

10.15 Bagi menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti dan peluang pendidikan yang lebih luas kepada kanak-kanak Orang Asli, tanggungjawab menyediakan pendidikan telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 1995. Dengan ini, guru terlatih, kemudahan sekolah serta bahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik disediakan untuk kanak-kanak berkenaan.

10.16 Langkah telah diambil untuk menambah peluang pendidikan kepada kanak-kanak kurang upaya dan yang mempunyai masalah pembelajaran. Sehubungan dengan ini, program pendidikan khas telah dijalankan di 26 sekolah khas untuk kanak-kanak kurang upaya dan yang mengalami masalah pembelajaran. Di samping itu, di

bawah program pendidikan percantuman, kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran dan penglihatan telah ditempatkan bersama dengan kanak-kanak biasa di 139 sekolah. Pada penghujung tempoh Rancangan, seramai 7,090 kanak-kanak kurang upaya telah ditempatkan di sekolah berkenaan. Sebelas sekolah khas baru dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk kanak-kanak kurang upaya berada di berbagai peringkat pelaksanaan.

10.17 Walaupun usaha telah diambil untuk memperbaiki keseluruhan pencapaian akademik pelajar sekolah rendah, jurang pencapaian di antara sekolah luar bandar dan bandar masih wujud. Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) menunjukkan bahawa pencapaian sekolah bandar adalah lebih baik daripada sekolah luar bandar. Analisis pencapaian UPSR tahun 1995 mengikut mata pelajaran menunjukkan hanya 18.8 peratus pelajar di luar bandar mencapai gred cemerlang dalam bahasa Inggeris berbanding dengan 41.8 peratus pelajar di bandar. Pencapaian gred cemerlang dalam mata pelajaran matematik di kalangan pelajar luar bandar juga rendah dengan hanya 35.4 peratus daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran matematik mencapai gred cemerlang berbanding dengan 47.8 peratus bagi pelajar kawasan bandar.

10.18 Bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar, Kerajaan terus melaksanakan pendidikan pemulihan untuk memperbaiki prestasi keseluruhan pelajar lemah terutamanya di luar bandar. Antara tindakan yang diambil ialah mengumpulkan pelajar dalam kumpulan berasingan berasaskan pencapaian akademik, memperkenalkan kaedah pengajaran yang lebih mudah dan berkesan serta menggunakan bantuan alat pandang dengar. Sehubungan dengan ini, usaha juga telah diambil untuk meningkatkan bilangan guru pemulihan dengan memperbanyak kursus dalam perkhidmatan yang dirangka khusus untuk pendidikan pemulihan. Pada tahun 1995, terdapat sejumblah 1,918 guru pemulihan dan ini menunjukkan nisbah guru pemulihan-pelajar 1:1,442 adalah kurang daripada nisbah sasaran seorang guru pemulihan bagi setiap 500 pelajar.

### **Pendidikan Menengah**

10.19 Enrolmen di peringkat sekolah menengah Kerajaan dan bantuan Kerajaan meningkat sebanyak 23.1 peratus daripada 1.3 juta pada tahun 1990 kepada 1.6 juta pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-1. Di peringkat menengah rendah, enrolmen meningkat sebanyak 19.2 peratus berikutan daripada peningkatan dalam kadar peralihan sekolah rendah ke sekolah menengah daripada 87 peratus pada tahun 1990 kepada 91.3 peratus pada tahun 1995. Enrolmen di peringkat menengah atas juga meningkat sebanyak 38.5 peratus berikutan dasar untuk melaksanakan secara beransur-ansur lanjutan pendidikan asas daripada sembilan kepada sebelas tahun. Dengan pelaksanaan secara beransur-ansur dasar ini dalam tempoh RME, kadar peralihan daripada peringkat menengah rendah ke menengah atas meningkat daripada 68 peratus pada tahun 1990 kepada 83 peratus pada tahun

1995, sementara kadar penyertaan di peringkat menengah atas pula meningkat daripada 50.4 peratus pada tahun 1990 kepada 63.7 peratus pada tahun 1995.

10.20 Penekanan yang berterusan telah diberi bagi menambah kemudahan, meningkatkan penyertaan dan mengurangkan kadar keciciran supaya nisbah enrolmen dapat ditingkatkan sejajar dengan matlamat pendidikan menengah universal. Keutamaan juga telah diberikan untuk memperbaiki kualiti keseluruhan pendidikan menengah dengan menambah bilangan guru berijazah mengajar di peringkat menengah. Usaha juga dijalankan untuk menambah dan memperbaiki bahan pengajaran dan pembelajaran termasuk buku teks.

10.21 Dalam tempoh RME, sejumlah 5,280 bilik darjah tambahan telah dirancang untuk dibina bagi menampung peningkatan enrolmen dan mengurangkan kesesakan bilik darjah terutamanya bagi sekolah di bandar. Walau bagaimanapun, hanya 75 peratus atau 3,960 bilik darjah telah di bina sehingga akhir tempoh RME. Dengan kelewatan pembinaan bilik darjah baru dan peningkatan enrolmen, nisbah kelas-bilik darjah hanya meningkat daripada 1:0.69 pada tahun 1990 kepada 1:0.75 pada tahun 1995. Bagi mengatasi kekurangan bilik darjah, kira-kira separuh atau 721 sekolah menengah terus mengadakan kelas sesi petang. Di samping itu, 14.3 peratus daripada kelas ini mempunyai lebih daripada 40 pelajar setiap kelas.

10.22 Walaupun langkah pemberaan telah dijalankan, pencapaian dan peratusan pelajar yang memilih mata pelajaran sains di peringkat menengah atas masih membimbangkan. Dalam tempoh Rancangan, peratusan penuntut peringkat menengah atas di sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan yang mengikuti aliran sains dan teknikal telah berkurang daripada 22.8 peratus pada tahun 1990 kepada 21.3 peratus pada tahun 1995. Pencapaian ini adalah di bawah sasaran untuk mencapai 60 peratus pelajar menengah atas memasuki aliran sains.

10.23 Prestasi akademik terutamanya pelajar luar bandar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) amat membimbangkan. Kadar kegagalan pelajar dalam peperiksaan SPM di peringkat nasional pada keseluruhannya adalah 33.9 peratus pada tahun 1993 dan 32.9 peratus pada tahun 1995. Daripada jumlah kegagalan pada tahun 1995, kira-kira 58.3 peratus adalah pelajar luar bandar. Analisis pencapaian akademik mengikut mata pelajaran menunjukkan lebih separuh daripada pelajar luar bandar gagal dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan 38.5 peratus bagi matematik. Daripada jumlah pelajar luar bandar yang menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran-mata pelajaran sains tulen, didapati 3.5 hingga 5.1 peratus mendapat gred cemerlang berbanding dengan 9 hingga 12 peratus bagi pelajar di bandar.

### **Pendidikan Teknikal dan Vokasional**

10.24 Usaha yang berterusan telah diambil bagi menambah penawaran tenaga kerja berkemahiran melalui peningkatan pengambilan ke sekolah menengah teknik dan

vokasional. Pada tahun 1995, terdapat sembilan sekolah menengah teknik (SMT) dan 69 sekolah menengah vokasional (SMV) berbanding dengan 58 SMV pada tahun 1990. Enrolmen di sekolah-sekolah ini telah meningkat melebihi separuh iaitu daripada 30,940 pada tahun 1990 kepada 48,800 pada tahun 1995, sementara keluaran SMT berjumlah seramai 13,500 dan SMV seramai 82,700. Sebahagian besar daripada pelajar SMT telah melanjutkan pelajaran ke berbagai institusi pengajian tinggi, manakala lepasan SMV memasuki pasaran tenaga kerja. Aliran kemahiran di SMV telah mengeluarkan sejumlah 23,500 lulusan yang menyumbang kepada penawaran tenaga kerja separuh mahir.

10.25 Sejajar dengan keperluan meningkatkan tenaga kerja sains dan teknikal, langkah telah diambil untuk meningkatkan bilangan pelajar yang mempunyai asas yang kukuh dalam matematik, sains dan mata pelajaran berkaitan dengan bidang teknikal bagi membolehkan mereka mengikuti kursus berasaskan sains dan teknikal di peringkat pendidikan tinggi. Selaras dengan ini, 20 SMV telah ditukar menjadi SMT mulai sesi persekolahan 1996. Dengan perubahan ini, pengambilan pelajar ke aliran vokasional dan kemahiran di sekolah-sekolah berkenaan telah dikurangkan.

10.26 Bagi menyediakan peluang kepada pelajar sekolah menengah mengambil mata pelajaran teknologi kejuruteraan dan lukisan kejuruteraan, mata pelajaran tersebut telah diperkenalkan di sekolah menengah terpilih. Ini adalah untuk membiasakan pelajar dengan mata pelajaran teknikal dan menanam minat serta membolehkan mereka bersedia meneruskan pelajaran dalam berbagai kursus sains dan yang berasaskan teknologi di peringkat pengajian tinggi.

### **Pendidikan Guru**

10.27 Pendidikan guru bertujuan mengeluarkan guru terlatih untuk peringkat rendah dan menengah. Penekanan diberi untuk mengeluarkan guru berkualiti, inovatif, dedikasi, bertanggungjawab dan bermotivasi. Bagi tujuan ini, kurikulum latihan perguruan dan kegiatan ko-kurikulum ditumpukan kepada kaedah mengajar dan perolehan pengetahuan dalam berbagai mata pelajaran serta kepada pemupukan nilai positif dan disiplin. Di samping itu, kursus komputer telah diwajibkan untuk semua pelatih dalam maktab perguruan mulai tahun 1994.

10.28 Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 48,090 guru bukan siswazah telah dilatih di 31 maktab latihan perguruan, sementara 22,770 guru siswazah dilatih oleh maktab-maktab tersebut dan universiti. Walau bagaimanapun, bilangan guru terlatih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan keseluruhan. Dalam tahun 1995, sekolah rendah mengalami kekurangan guru terlatih sejumlah 9,780 orang. Pada peringkat menengah, terdapat kekurangan 4,600 guru terutamanya untuk mata pelajaran matematik, bahasa Inggeris dan sains. Kekurangan ini sebahagiannya telah ditampung melalui pengambilan guru sementara serta perlantikan semula 2,930 guru yang telah bersara. Masalah kekurangan guru dan guru yang tidak terlatih telah

menjejaskan kualiti pengajaran dan penyampaian pendidikan. Di sekolah bandar yang kadar murid dalam satu kelas adalah lebih tinggi berbanding dengan sekolah di luar bandar, guru menghadapi masalah beban serta tekanan yang berlebihan.

10.29 Bagi sekolah menengah, tumpuan telah diberi kepada pengeluaran lebih ramai guru berijazah bagi mencapai objektif untuk membekalkan hanya guru berijazah mengajar di peringkat menengah. Bagi mencapai tujuan ini, sejumlah 20 maktab perguruan telah diberi tanggungjawab menjalankan Program Latihan Guru lepasan Ijazah yang membawa kepada penganugerahan Diploma Pendidikan. Tujuh maktab perguruan telah menawarkan program berkembar dengan universiti tempatan bagi guru yang sedang berkhidmat untuk mendapatkan kelayakan ijazah. Pada tahun 1995, seramai 50,670 atau 58 peratus daripada jumlah guru sekolah menengah terdiri daripada siswazah berbanding dengan 36 peratus pada tahun 1990. Konsep Guru Pemimpin telah diperkenalkan pada tahun 1995 dengan tujuan mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada guru yang cemerlang dan memberi sumbangan yang ketara kepada peningkatan prestasi sekolah.

10.30 Usaha telah dijalankan untuk memperkuuh dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengajar mata pelajaran sains dan matematik. Sehubungan dengan ini, dalam tempoh Rancangan, sejumlah 280 guru yang sedang berkhidmat telah dihantar mengikuti latihan di Pusat Serantau Bagi Sains dan Matematik di Pulau Pinang. Bagi memastikan guru sekolah rendah mempunyai asas yang kukuh dalam sains dan matematik, sebuah maktab perguruan telah ditubuhkan di Bintulu, Sarawak pada tahun 1994 bagi mengeluarkan guru sains dan matematik untuk sekolah rendah. Di samping itu, pelatih di maktab perguruan dikehendaki mendapat sekurang-kurangnya lima kepujian serta lulus mata pelajaran matematik pada peringkat SPM kecuali mereka yang mengajar mata pelajaran pengajian Islam, bahasa Inggeris dan muzik.

10.31 Langkah yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mengajar guru yang sedang berkhidmat telah juga dijalankan. Dalam tempoh Rancangan, kira-kira 45 peratus guru di peringkat rendah dan menengah telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan dalam pelbagai mata pelajaran. Di samping empat pusat sumber pendidikan negeri yang sedia ada, 350 pusat kegiatan guru telah diwujudkan di peringkat daerah dan sekolah untuk memberi kemudahan kepada guru dalam memperbaiki kaedah mengajar dan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran melalui perbincangan dan bengkel.

### **Pendidikan Tinggi**

10.32 Untuk memenuhi keperluan tenaga manusia bagi sebuah ekonomi yang berkembang pesat, pendidikan tinggi telah ditumpukan kepada usaha meningkatkan enrolmen pada peringkat ijazah, diploma dan sijil terutamanya dalam kursus sains, perubatan, kejuruteraan dan teknikal. Usaha telah dijalankan untuk meningkatkan

pengambilan ke institusi pengajian tinggi awam dengan menambah kemudahan fizikal di kampus sedia ada dan menubuhkan universiti baru iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, hospital pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Cheras dan empat politeknik baru di Dungun, Johor Bahru, Seberang Prai dan Shah Alam adalah dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

10.33 Enrolmen di peringkat ijazah, diploma dan sijil telah bertambah sebanyak 52.7 peratus daripada 100,590 pada tahun 1990 kepada 153,610 pada tahun 1995. Daripada jumlah enrolmen tahun 1995, 58.3 peratus adalah dalam kursus ijazah, 30.5 peratus dalam kursus diploma dan bakinya dalam kursus sijil seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-1. Di peringkat ijazah pertama, jumlah gabungan enrolmen aliran sains dan teknik bertambah daripada 41 peratus pada tahun 1990 kepada 45 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-2. Keadaan ini juga wujud pada peringkat diploma seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-3. Di samping itu, peluang bagi Bumiputera melanjutkan pengajian di peringkat tinggi telah dipertingkatkan di Institut Teknologi MARA (ITM) di mana enrolmen telah bertambah daripada 27,500 pada tahun 1990 kepada 32,480 pada tahun 1995.

10.34 Dari segi keluaran institusi pengajian tinggi awam, graduan sastera melebihi graduan sains dan teknikal. Dalam tempoh Rancangan, 58 peratus daripada siswazah ijazah pertama adalah dalam aliran sastera berbanding dengan 63 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Peningkatan enrolmen dan keluaran aliran sains dan teknikal mencerminkan kejayaan ke atas langkah-langkah yang telah diambil untuk menambah enrolmen dalam kursus-kursus berkenaan.

10.35 Pengambilan ke kursus peringkat ijazah pertama bertambah daripada kira-kira 11,000 pada tahun 1990 kepada 17,000 pada tahun 1995. Kapasiti institusi tempatan awam yang terhad mengakibatkan hanya lebih kurang 50 peratus pemohon diterima masuk ke kursus peringkat ijazah. Dengan ini, bilangan mereka dalam kumpulan umur 19-24 tahun yang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama masih rendah iaitu kira-kira 3.5 peratus pada tahun 1995. Walaupun terdapat sedikit peningkatan iaitu daripada hanya 2.6 peratus pada tahun 1990, kadar enrolmen 3.5 peratus pada tahun 1995 adalah sangat rendah berbanding dengan negara maju.

10.36 Dalam tempoh Rancangan, sebilangan pelajar Malaysia telah meneruskan pengajian di luar negara. Dalam tahun 1995, dianggarkan 50,600 pelajar atau 20 peratus daripada pelajar peringkat pendidikan tinggi telah mendaftar di pelbagai institusi luar negara. Daripada jumlah ini, kira-kira 20,000 pelajar atau 39.5 peratus merupakan pelajar tajaan Kerajaan. Dalam kumpulan ini, seramai 18,300 adalah pelajar ijazah pertama, yang mana, 59.8 peratus daripadanya mengikuti kursus sains, perubatan, kejuruteraan dan kursus yang berkaitan dengan teknikal.

## **Program Latihan**

### **Latihan Kemahiran**

10.37 Program latihan kemahiran adalah bertujuan menyediakan bekalan pekerja mahir yang mencukupi, terutamanya untuk memenuhi keperluan sektor industri yang makin berkembang. Dalam tempoh Rancangan, institusi latihan awam terus menjadi sumber utama bekalan pekerja mahir. Pelbagai langkah telah diambil untuk menambah kapasiti latihan melalui pertambahan kemudahan sedia ada dan penubuhan institusi baru. Pengambilan pelatih juga telah ditingkatkan melalui pengenalan sesi latihan dua syif dan pelaksanaan kelas hujung minggu. Langkah ini telah meningkatkan pengambilan pelatih daripada 22,220 pada tahun 1990 kepada 43,100 pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-4. Dalam tempoh Rancangan, keluaran tenaga manusia mahir dan separuh mahir daripada institusi latihan awam tempatan berjumlah 145,670. Daripada jumlah ini, 92,250 atau 63.3 peratus adalah dalam bidang kejuruteraan dan 11 peratus dalam bidang pembinaan.

10.38 Bagi memenuhi keperluan tenaga manusia mahir dalam bidang kemahiran baru di peringkat tinggi dan untuk memperolehi teknologi tinggi dari negara maju, institusi latihan kemahiran peringkat tinggi telah diwujudkan dengan kerjasama Republik Persekutuan Jerman, Perancis dan Jepun. German-Malaysian Institute (GMI), yang menyediakan latihan kemahiran peringkat tinggi terutamanya dalam teknologi pengeluaran dan elektronik industri, telah diwujudkan pada tahun 1992. Institut ini, dengan kapasiti enrolmen maksimum 450 pelatih, telah mengeluarkan 57 graduan kumpulan pertama pada tahun 1995. Malaysia-France Institute yang memulakan operasi dalam bulan Oktober 1995, mempunyai kapasiti 600 pelatih dan menawarkan kursus peringkat tinggi dalam bidang seperti penyelenggaraan sistem mekanikal automasi dan penyelenggaraan mesin, pemasangan kelengkapan elektrik dan teknologi kimpalan. Di samping itu, penubuhan Japan-Malaysian Technical Institute (JMTI) adalah dalam peringkat perancangan.

10.39 Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) bersama dengan sektor swasta telah membuat semakan semula ke atas piawaian kemahiran sedia ada bagi semua bidang kemahiran. Dengan semakan ini, Piawaian Kebangsaan Mengenai Kemahiran Pekerjaan (NOSS) telah diperkenal untuk menggantikan Piawaian Kebangsaan Mengenai Kemahiran Berdasarkan Ketukangan (NTSS). Pada penghujung Rancangan, sejumlah 42 NOSS meliputi Tahap 1 hingga 3 telah disiapkan. Satu skim persijilan baru, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), yang merangkumi pentaulahan pengajian dan pencapaian terdahulu telah diperkenalkan oleh MLVK pada tahun 1993. Sistem baru ini telah memberi pengiktirafan terhadap kemahiran yang diperolehi melalui latihan dan pengalaman kerja. Dalam tempoh Rancangan, skim ini meliputi Tahap 1, 2 dan 3. Pengwujudan NOSS dan pengenalan skim persijilan baru adalah sejajar dengan objektif untuk menyediakan tenaga manusia mahir yang bersesuaian dengan

kehendak industri. Ia juga akan memastikan graduan daripada institusi latihan mempunyai keterampilan yang dikehendaki dalam bidang kemahiran yang berkaitan.

10.40 Program promosi juga dijalankan oleh pelbagai institusi latihan untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai program latihan yang ditawarkan serta peluang kerjaya dan prospek dalam pekerjaan yang berasaskan kemahiran. Aktiviti promosi ini termasuk pertunjukan video, pertunjukan bergerak dan pameran, lawatan ke institusi latihan dan sesi taklimat kepada penuntut sekolah menengah, penerbitan dan penyebaran maklumat yang berkenaan melalui media massa, pusat maklumat dan di tempat awam terpilih. Di peringkat kebangsaan, pertandingan kemahiran telah dijalankan setiap tahun bertujuan menggalakkan daya cipta di kalangan pelatih, dan mendedahkan orang ramai kepada bidang kemahiran yang ada dan prospek kerjayanya. Pertambahan sebanyak 60 peratus bilangan pemohon untuk mengikuti latihan di institut latihan kemahiran MARA mencerminkan kejayaan kegiatan promosi berkenaan. Keadaan yang serupa juga dialami oleh institusi latihan kemahiran yang lain.

### **Latihan Pengurusan**

10.41 Tumpuan program latihan bagi kakitangan sektor awam ialah untuk memperbaiki kebolehan pengurusan, meningkatkan keberkesanan dan meninggikan produktiviti perkhidmatan awam. Dalam tempoh Rancangan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang merupakan penyedia utama latihan untuk kakitangan awam telah melatih sejumlah 103,000 kakitangan sektor awam. Daripada jumlah ini, 67 peratus adalah dalam kumpulan pentadbiran dan pengurusan. Di samping itu, sejumlah 2,715 kakitangan awam telah dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang di peringkat lepasan ijazah. Sejajar dengan dasar Persyarikatan Malaysia, beberapa program telah dijalankan dengan kerjasama firma Eropah dan Amerika yang bertujuan memupuk hubungan rapat antara kakitangan awam dan swasta. Pegawai Kerajaan yang terpilih telah didedahkan kepada pengurusan korporat di sektor swasta melalui program latihan dan penempatan di firma asing luar negeri. Dalam tempoh RME, seramai 67 pegawai telah menyertai program Persatuan Perindustrian dan Perdagangan British Malaysia (BMITA), sementara 51 pegawai telah menyertai modul Eropah dan Amerika.

10.42 Dalam tempoh Rancangan, latihan dalam perkhidmatan juga telah dijalankan oleh institut latihan khas untuk pegawai sektor awam. Kursus dalam perkhidmatan untuk lebih kurang 95,300 kakitangan pendidikan telah dijalankan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB). Kursus dalam perkhidmatan untuk menaikkan taraf profesionalisma dan meningkatkan kemahiran diplomatik bagi diplomat dan mereka yang terlibat dalam hubungan luar telah dijalankan oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL). Sejumlah 4,200 pegawai, termasuk 255 diplomat asing dari negara membangun telah dilatih oleh IDHL.

10.43 Latihan untuk jurutera dan juruteknik telah dijalankan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) bagi sejumlah 21,850 kakitangan Jabatan Kerja Raya. Latihan untuk 159 pegawai dan kakitangan Jabatan Penilaian telah juga dijalankan di Institut Penilaian Negara (INSPEN). Program latihan khusus yang lain termasuk latihan untuk 3,750 pegawai Kastam dan Imigresen.

### **Teknologi Maklumat dalam Pendidikan**

10.44 Dalam tempoh RME, satu program literasi komputer telah dilancarkan dengan objektif mendedahkan pelajar kepada pengetahuan asas dalam literasi komputer. Pada peringkat rendah, program pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer telah dilaksanakan pada tahun 1994 sebagai projek perintis bagi pelajar Tahun IV, V dan VI di 15 buah sekolah di Selangor. Perisian komputer untuk matematik dan bahasa Inggeris telah diwujudkan sementara perisian untuk mata pelajaran lain adalah di dalam peringkat perancangan. Satu penilaian prestasi bagi mata pelajaran matematik penuntut Tahun V yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan program ini telah membantu pelajar mendapatkan kemahiran dalam mata pelajaran matematik.

10.45 Satu projek perintis literasi komputer untuk peringkat menengah telah dilaksanakan di 60 sekolah menengah, kebanyakannya di luar bandar. Mata pelajaran literasi komputer yang telah ditawarkan kepada pelajar Tingkatan I dan II di sekolah tersebut telah membekalkan pengetahuan asas komputer dan aplikasi di mana mereka telah diperkenalkan kepada pemprosesan data dan perkataan. Penuntut di sekolah menengah teknik juga telah diajar menggunakan komputer dalam aspek merekabentuk, pembuatan dan mengatur program melalui Reka Bentuk Berbantuan Komputer (CAD).

10.46 Di samping menyediakan program komputer untuk pembelajaran dan pengajaran, sekolah juga digalak untuk menubuhkan kelab komputer sebagai sebahagian daripada kegiatan ko-kurikulum dengan kerjasama Persatuan Ibubapa dan Guru serta sektor swasta. Sebagai sebahagian daripada program literasi komputer, penggunaan komputer di maktab perguruan telah dipertingkatkan. Mulai tahun 1994, kursus komputer telah diwajibkan untuk semua pelatih di maktab-maktab perguruan.

10.47 Langkah juga telah diambil untuk membangunkan satu sistem maklumat pengurusan bagi Kementerian Pendidikan dan jabatan yang berkaitan. Satu kajian telah dijalankan untuk membangunkan Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) yang akan mewujudkan suatu jaringan komputer dalam Kementerian Pendidikan dengan pelbagai jabatan pendidikan negeri, maktab perguruan, pusat sumber pendidikan negeri, pusat kegiatan guru dan sekolah. Selain daripada itu, usaha yang sama juga telah diambil oleh universiti tempatan dan institusi latihan untuk membangunkan rangkaian komputer yang menyeluruh dan lengkap yang

mempunyai talian yang mencukupi dalam kampus, antara kampus serta dihubungkan dengan maklumat antarabangsa melalui rangkaian Rangkaian Bersama bagi Penyelidikan Maju yang Bersepadu (JARING).

### **Penyertaan Sektor Swasta dalam Pendidikan dan Latihan**

10.48 Usaha Kerajaan dalam memperkembangkan kemudahan pendidikan dan latihan di semua peringkat telah dibantu oleh sektor swasta. Di peringkat rendah, enrolmen di sekolah swasta telah meningkat sebanyak 106.4 peratus daripada 12,140 pada tahun 1990 kepada 25,060 pada tahun 1995. Enrolmen di sekolah agama swasta telah bertambah daripada 4,020 pelajar pada tahun 1990 kepada 6,400 pelajar pada tahun 1995. Enrolmen di sekolah rendah agama swasta merupakan 25.5 peratus daripada jumlah enrolmen sekolah rendah swasta. Enrolmen di sekolah menengah swasta juga telah meningkat sebanyak 47.6 peratus daripada 110,700 pelajar pada tahun 1990 kepada 163,400 pelajar pada tahun 1995. Daripada jumlah enrolmen pada tahun 1995, enrolmen di sekolah agama swasta merupakan 42.2 peratus, sementara di sekolah swasta Cina adalah 36.8 peratus.

10.49 Penyertaan sektor swasta adalah lebih ketara di peringkat pendidikan tinggi di mana kursus telah ditawarkan di peringkat sijil, diploma dan ijazah yang kebanyakannya dalam bidang sastera gunaan. Di peringkat ijazah, kursus yang ditawarkan kebanyakannya melalui program berkembar dengan institusi asing. Dalam tempoh Rancangan, dua kolej perubatan telah diwujudkan oleh sektor swasta bagi menyediakan kursus perubatan peringkat ijazah. Di samping itu, syarikat awam seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB) juga menjalankan kursus pada peringkat tinggi dengan memberi tumpuan kepada bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat. Penyediaan kemudahan oleh sektor swasta di peringkat pendidikan tinggi telah meningkatkan enrolmen daripada 42,680 penuntut pada tahun 1990 kepada 50,840 penuntut pada tahun 1995. Enrolmen pada tahun 1995 merupakan 25 peratus daripada jumlah enrolmen pendidikan tinggi institusi awam dan swasta tempatan.

10.50 Peranan sektor swasta dalam membantu usaha Kerajaan memperkembangkan peluang latihan kemahiran telah diperkuuhkan lagi melalui penglibatan berterusan sektor tersebut dalam mengembang dan menubuhkan institusi latihan kemahiran. Pada tahun 1995, terdapat 65 institusi latihan kemahiran swasta berbanding dengan hanya 25 pada tahun 1990. Kursus yang ditawarkan adalah dalam bidang seperti kejuruteraan mekanikal, elektrikal dan awam, kejuruteraan audio, kejuruteraan komputer serta teknologi maklumat. Graduan daripada institusi latihan kemahiran swasta telah bertambah dengan banyaknya daripada 3,260 pada tahun 1990 kepada 8,300 pada tahun 1995.

10.51 Penglibatan syarikat swasta dalam latihan kemahiran juga telah dipermudahkan melalui pengenalan pengaturan penswastaan sektor masa dengan institusi latihan

kemahiran awam. Di bawah kaedah ini, pelbagai kursus seperti perkhidmatan elektromekanik, elektronik pembuatan automatik dan elektronik industri telah dijalankan pada waktu petang dan pada hujung minggu untuk pekerja industri. Pada akhir tempoh Rancangan, sejumlah 3,200 pekerja telah dilatih dalam institusi ini.

10.52 Dalam tempoh Rancangan, beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam program latihan. Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) yang diwujudkan pada tahun 1993 telah memudahkan syarikat swasta menjalankan latihan untuk pekerja mereka. Pada akhir tempoh Rancangan, 639,100 pekerja dilatih dalam pelbagai institusi latihan menggunakan dana berjumlah RM139.7 juta. Dalam tahun 1995, Akta Pembangunan Sumber Manusia telah dipinda untuk membolehkan KWPSM digunakan untuk melatih pekerja yang terlibat dalam sektor perkhidmatan seperti pelancungan, hotel dan penyajian makanan serta perkapanan. Akta ini juga membolehkan syarikat yang mempunyai kurang daripada 50 pekerja dan modal berbayar lebih daripada RM2.5 juta menyertai HRDF.

10.53 Latihan pengurusan juga telah dijalankan oleh institusi sektor swasta. Sehubungan ini, Institut Pengurusan Malaysia (MIM) telah melatih kira-kira 325 kakitangan pentadbiran daripada pelbagai pertubuhan, sementara Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) melatih sejumlah 37,400 kakitangan, yang mana 48.5 peratus merupakan penyelia daripada pelbagai syarikat swasta.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

10.54 Objektif program pendidikan dan latihan kemahiran dalam tempoh RMT adalah mengeluarkan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan berkualiti bagi memenuhi keperluan tenaga manusia serta melahirkan warganegara yang berdisiplin, memiliki nilai moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik. Langkah-langkah yang akan diambil termasuk:-

- o meningkatkan keupayaan institusi sedia ada dan menubuhkan institusi baru, terutamanya dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknikal;
- o memperkuatkan sistem penyampaian dengan menyediakan guru dan pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman serta meningkatkan penggunaan teknologi moden dan komputer bagi memperbaiki kualiti secara menyeluruh;
- o menambah peluang bagi meningkatkan penyertaan di semua peringkat pendidikan melalui penambahan kemudahan fizikal dan program pendidikan jarak jauh;

- o memperbaiki pengurusan dan pelaksanaan program pendidikan dan latihan melalui peningkatan keupayaan pengurusan serta memperkuatkan sistem pengawasan dan penilaian;
- o memperbanyak kemudahan pendidikan tinggi untuk menghasilkan lebih ramai tenaga manusia profesional serta memperbaiki pengurusan kewangan dan operasi pendidikan tinggi melalui pengkorporatan dan lain-lain cara;
- o mempergiatkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) di institusi pendidikan tinggi sedia ada serta bekerjasama dengan institusi P&P tempatan dan luar negara;
- o menambah bilangan tenaga manusia dalam bidang sains dan teknikal terutamanya untuk P&P;
- o menyediakan insentif yang sesuai bagi meningkatkan enrolmen dalam jurusan sains;
- o memperbaiki kemudahan pendidikan di luar bandar untuk mengurangkan kecinciran dalam sistem pendidikan, manakala pada masa yang sama memperbaiki prestasi pelajar luar bandar;
- o menyatukan sekolah-sekolah kecil yang mempunyai murid kurang daripada 150 orang di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil ke komplek-komplek sekolah yang baru untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan dengan menyediakan kemudahan pendidikan dan asrama yang lebih sempurna kepada pelajar-pelajar berkenaan;
- o menanam nilai dan sikap positif serta berinovasi, dan mempunyai kemahiran berkomunikasi dan menganalisis di kalangan pelajar dan pelatih;
- o meningkatkan moral serta prestasi guru dengan menilai semula skim persijilan, menyediakan insentif, mengenalpasti anugerah dan memberi pengiktirafan yang sesuai kepada guru yang berdedikasi disamping mempertingkatkan kebajikan guru;
- o menggalakkan pengambilan semula guru bersara untuk mengatasi masalah kekurangan guru dalam mata pelajaran yang kritikal;
- o memperkuatkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua sekolah dan institusi pengajian tinggi dan pada masa yang sama mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris; dan
- o menggalakkan pelaburan sektor swasta di dalam pendidikan dan latihan bagi melengkapkan usaha sektor awam.

## **Program Pendidikan**

10.55 Penambahan kemudahan fizikal akan dilaksanakan di semua peringkat pendidikan terutamanya untuk menampung pertambahan enrolmen dan melahirkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa. Usaha yang lebih gigih akan dilaksanakan bagi menambah enrolmen pelajar di peringkat ijazah pertama terutamanya di dalam kursus sains dan teknikal. Sektor swasta akan juga memainkan peranan yang lebih besar di dalam pembangunan pendidikan tinggi.

10.56 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan mempercepatkan pembinaan sekolah baru dan kuarters guru. Sehubungan dengan ini, reka bentuk bangunan sekolah dan piawaian bagi kemasan akan diperbaiki sementara pembinaan sekolah dalam kawasan perumahan akan dijadikan tanggungjawab pemaju.

10.57 Berbagai program yang bertujuan untuk memperbaiki kualiti pendidikan akan dilaksanakan. Ini termasuk menilai semula kandungan kurikulum dan memberi penekanan yang lebih kepada pengajaran mata pelajaran sains, matematik dan mata pelajaran yang berkaitan dengan teknikal dan memperbaiki latihan guru bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan mereka. Sikap bertolak ansur dan saling menghormati nilai serta semangat sukarela akan ditekankan dalam kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum. Kurikulum bagi pengetahuan Islam di semua peringkat pendidikan akan dikaji semula supaya penekanan yang lebih besar diberikan kepada penerapan etika yang baik dan nilai moral yang tinggi di kalangan pelajar Muslim.

10.58 Kerajaan akan melaksanakan secara progresif sekolah satu sesi supaya pelaksanaan kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum dapat dijalankan secara lebih teratur dan tersusun. Masa yang lebih lama bagi pelajar bersama guru di sekolah akan membolehkan masa belajar ditambah bagi mata pelajaran penting seperti pendidikan komputer, matematik dan sains. Di samping itu, sekolah satu sesi juga akan membolehkan kurikulum pendidikan Islam dilaksanakan secara lebih berkesan, memperkuuhkan pembelajaran di sekolah serta mengurangkan penglibatan pelajar dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

10.59 Langkah-langkah akan diambil untuk menyemai kesedaran di kalangan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan seimbang, keperluan sokongan mereka ke atas pembangunan pendidikan anak-anak serta penyertaan ibu bapa dalam kegiatan sekolah. Untuk tujuan ini, keberkesanan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan dipertingkatkan dengan menambah kegiatan yang dapat menarik penyertaan ibu bapa seperti mengadakan seminar berkaitan dengan pembangunan akademik dan moral anak-anak dan kursus keibubapaan bagi memupuk kemahiran di kalangan ibu bapa dalam menangani pembangunan anak-anak mereka. Selain daripada itu, usaha bersama antara guru, ibu bapa dan masyarakat akan dipertingkatkan bagi menyelesaikan masalah tertentu yang berhubung dengan kemajuan akademik dan disiplin pelajar.

10.60 Bagi meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan dan memperkuatkan rangka kerja perundangan, suatu Akta baru yang dipanggil Akta Pendidikan, 1996 telah diluluskan. Antara lain, Akta tersebut akan memperkuatkan konsep sistem pendidikan kebangsaan dengan mengambil kira semua peringkat dan jenis pendidikan; meliputi pendidikan pra-sekolah, lepasan menengah dan pendidikan khas. Di peringkat rendah dan menengah, institusi pendidikan awam dan swasta dikehendaki menggunakan kurikulum kebangsaan.

10.61 Akta Pendidikan, 1996 akan memperkenalkan satu pendekatan yang lebih anjal dari segi tempoh persekolahan peringkat rendah iaitu antara lima hingga tujuh tahun. Selain daripada itu, satu kajian akan dijalankan untuk menentukan kesesuaian menurunkan umur kemasukan kanak-kanak ke peringkat rendah daripada enam kepada lima tahun. Ini akan membolehkan pelajar menamatkan pendidikan menengah dan menyertai pendidikan tinggi atau memasuki pasaran tenaga kerja di peringkat umur yang lebih muda.

### **Pendidikan Pra-sekolah**

10.62 Pendidikan pra-sekolah akan diperkuatkan lagi dalam tempoh RMT untuk memastikan penyertaan sekurang-kurangnya 65 peratus daripada kanak-kanak dalam kumpulan umur 5-6 tahun. Satu dasar yang lengkap akan digubal bagi pembangunan pendidikan pra-sekolah yang akan merangkumi aspek utama seperti kurikulum, kemudahan fizikal dan latihan perguruan. Dengan adanya dasar ini, penyelaras dan mutu pendidikan pra-sekolah di sektor awam dan swasta akan dipertingkatkan.

10.63 Sektor swasta termasuk NGO akan digalak untuk menyediakan lebih banyak kemudahan pra-sekolah terutamanya di pinggir bandar dan di luar bandar. Usaha akan diambil bagi mempertingkatkan kesedaran ibu bapa mengenai pentingnya pendidikan pra-sekolah dalam proses perkembangan anak-anak mereka. Sehubungan dengan ini, penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan anak-anak mereka akan digalakkan.

### **Pendidikan Rendah**

10.64 Tumpuan utama pendidikan rendah dalam tempoh RMT adalah untuk menambah kemudahan sekolah terutamanya di luar bandar, mewujudkan asas yang kukuh di dalam mata pelajaran matematik, sains dan bahasa Inggeris serta etika dan disiplin yang baik di kalangan pelajar sekolah. Bagi memastikan pendidikan rendah universal diperlengkapkan, bilik darjah tambahan akan dibina bagi menampung enrolmen pelajar yang dijangka bertambah daripada 2.8 juta pada tahun 1995 kepada 2.9 juta pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-1. Penambahan 9,140 bilik darjah akan memperbaiki lagi nisbah kelas-bilik darjah daripada 1:0.86 pada

tahun 1995 kepada 1:0.90 pada tahun 2000. Peningkatan nisbah berkenaan menunjukkan bahawa peratus bilik darjah yang akan digunakan di sebelah petang berkurangan daripada 14 peratus kepada 10 peratus dalam tempoh Rancangan. Ini adalah selaras dengan dasar untuk menghapuskan secara beransur-ansur kelas yang diadakan di sebelah petang.

10.65 Bagi meningkatkan mutu pendidikan di luar bandar dan kawasan terpencil serta mengurangkan kadar keciciran, Kerajaan akan mencantumkan sekolah-sekolah kecil yang mempunyai kurang daripada 150 murid dan menempatkan pelajar berkenaan di komplek-komplek sekolah yang baru. Komplek sekolah tersebut akan dilengkapkan dengan kemudahan sekolah yang lebih sempurna, guru yang terlatih dan berpengalaman serta kemudahan asrama. Usaha akan juga diambil bagi memperkenalkan konsep sekolah yang baru seperti menempatkan pelajar Tahun IV hingga tahun VI di sekolah-sekolah kecil ke sekolah terpilih yang disediakan dengan kemudahan asrama dan mendirikan sekolah rendah dan menengah dalam kawasan yang sama.

10.66 Mengenai pengajaran matematik, sukatan pelajaran matematik yang baru akan diperluaskan kepada Tahun II, III, V dan VI, dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1997. Bagi memperbaiki pencapaian keseluruhan pelajar dalam mata pelajaran matematik, penekanan akan diberikan kepada pembentukan kaedah mengajar yang baru. Sukatan pelajaran baru yang memberi lebih penekanan kepada pengalaman amali dan penggunaan berbagai bahan mengajar akan memudahkan pemahaman mata pelajaran berkenaan dan mengekalkan minat pelajar. Bagi tujuan ini, kaedah mengajar dan pembelajaran juga akan diperbaiki bagi membolehkan pelajar menguasai mata pelajaran berkaitan dengan lebih baik. Pada masa yang sama usaha akan diambil untuk melaksanakan secara berkesan program memasukkan unsur sains untuk Tahun I hingga Tahun III dan sains sebagai satu mata pelajaran untuk Tahun IV hingga VI. Langkah lain yang akan diambil termasuk memperbaiki buku teks, kemahiran mengajar serta pendidikan pemulihan untuk pelajar lemah dan yang rendah pencapaiannya. Memandangkan perlunya keterampilan bahasa Inggeris dipertingkatkan, seramai 1,500 guru bahasa Inggeris yang sedang berkhidmat akan dilatih semula bagi meningkatkan kemahiran mereka melalui program berkembar dengan sebuah konsortium institusi pendidikan tinggi British.

### **Pendidikan Menengah**

10.67 Enrolmen di peringkat menengah di sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan dijangka meningkat sebanyak 25 peratus, daripada kira-kira 1.6 juta pada tahun 1995 kepada 2.0 juta pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-1. Peningkatan akan lebih ketara di peringkat menengah atas apabila pendidikan asas dilanjutkan daripada sembilan kepada 11 tahun. Bagi menampung peningkatan enrolmen dan mengurangkan kesesakan serta menggantikan bilik darjah yang telah usang, sejumlah 9,770 bilik darjah baru akan dibina.

10.68 Usaha akan dipergiatkan dalam tempoh RMT untuk menambah bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran sains dan matematik. Bagi meningkatkan minat serta keupayaan pelajar dalam mata pelajaran ini, kaedah mengajar yang mudah, praktikal dan menarik akan diteruskan. Insentif yang bersesuaian akan disediakan kepada pelajar sains bagi meningkatkan enrolmen dalam aliran sains. Kaunseling dan panduan kerjaya akan ditingkatkan untuk menggalakkan pelajar mengambil elektif sains dan teknikal. Di samping itu, kem matematik dan sains, pertandingan dan pameran akan diadakan. Topik baru, iaitu Rekacipta, akan digabungkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah bermula daripada sesi persekolahan 1996 dengan matlamat menghasilkan pelajar yang kreatif, berinovasi dan inventif. Aspek lain termasuk menggunakan pakej komputer di dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains. Langkah akan juga diambil untuk mengemaskini kandungan buku teks matematik dan sains dengan mengambilkira pembangunan teknologi terkini serta menambah bahan bacaan di bidang sains.

10.69 Usaha yang lebih gigih akan diambil bagi memperbaiki pencapaian akademik pelajar sekolah menengah secara menyeluruh. Keutamaan akan diberi untuk mempertingkatkan keterampilan pelajar dalam Bahasa Malaysia, sementara usaha yang berterusan akan dibuat untuk memperbaiki pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua serta kebolehan menganalisis di kalangan pelajar. Penggunaan komputer di sekolah menengah akan digalakkan untuk membina asas yang kukuh bagi sebuah masyarakat yang literasi komputer.

10.70 Dengan pelaksanaan sepenuhnya pendidikan asas 11 tahun, pelajar-pelajar akan mengikuti pelajaran secara berterusan daripada Tahun I hingga ke Tingkatan V. Sehubungan dengan ini, pengawasan dan penilaian terhadap pencapaian pelajar secara menyeluruh di semua peringkat akan dilaksanakan termasuk menggunakan secara lebih meluas Ujian Rujukan Kriteria (CRT) yang akan memperluaskan lagi cara pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pencapaian akademik pelajar terutamanya di tahun-tahun awal persekolahan. Ini akan membolehkan pelajar yang lemah dan rendah pencapaiannya dikesan lebih awal dan langkah pemulihan dapat dilaksanakan bagi memperbaiki prestasi mereka. Langkah ini juga akan mendorong pelajar untuk berusaha mencapai kecemerlangan dan menyumbang ke arah meningkatkan kadar kejayaan pelajar di berbagai peringkat.

### **Pendidikan Menengah Teknik**

10.71 Matlamat pendidikan menengah teknik adalah untuk melahirkan golongan pelajar berkelayakan yang mencukupi dan cemerlang dalam mata pelajaran matematik dan sains serta asas kejuruteraan. Pelajar ini dijangka meneruskan pengajian dalam kursus sains dan yang berasaskan teknologi di peringkat diploma dan ijazah serta kursus kemahiran lanjutan.

10.72 Berikutan kekurangan jurutera dan pekerja mahir yang meruncing, Kerajaan akan melancarkan usaha besar-besaran untuk menukar kesemua 69 SMV kepada SMT. Penukaran SMV ini akan selesai apabila kementerian-kementerian yang dipertanggungjawab menjalankan latihan vokasional telah mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk mengambil alih sepenuhnya fungsi ini daripada Kementerian Pendidikan. Menjelang tahun 2000, semua SMT dijangka mempunyai enrolmen seramai 89,440 pelajar. Di samping SMT, mata pelajaran kejuruteraan juga akan diperkenalkan di 15 sekolah berasrama penuh dan di sekolah menengah terpilih yang akan memanfaatkan sejumlah 7,000 pelajar pada tahun 2000.

### **Pendidikan Guru**

10.73 Dalam tempoh Rancangan, objektif utama pendidikan guru adalah untuk menambah bilangan guru yang berkelayakan di peringkat rendah dan menengah terutamanya guru matematik, sains dan bahasa Inggeris. Kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum bagi pendidikan guru akan terus menekankan penyediaan guru yang berkualiti yang bukan sahaja berpengetahuan dan berinovasi tetapi juga mempunyai disiplin yang tinggi, bermotivasi dan berdedikasi.

10.74 Langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki kualiti guru serta memperkenalkan insentif dan kemudahan yang wajar bagi meninggikan moral guru dan menjadikan profesyen perguruan lebih menarik. Langkah-langkah tersebut termasuk mengkaji semula skim saraan dan kenaikan pangkat, menentukan elauan yang berpatutan dan kemudahan kepada guru yang mengajar mata pelajaran kritikal dan mereka yang mengajar di kawasan pedalaman serta mengenalpasti anugerah yang sesuai kepada guru-guru yang berdedikasi. Peluang bagi guru untuk melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan ijazah akan diperluaskan. Sehubungan dengan ini, pengetua sekolah rendah berpeluang mengikuti kursus di peringkat diploma, manakala pengetua sekolah menengah pula akan berpeluang mengikuti kursus lepasan ijazah. Tahap latihan perguruan bagi guru sekolah rendah akan juga dinaikkan daripada peringkat sijil ke peringkat diploma.

10.75 Beberapa program akan dilaksanakan untuk meningkatkan bilangan guru terlatih termasuk pembinaan empat maktab perguruan yang baru, peningkatan pengambilan ke maktab dan institusi pengajian tinggi sedia ada serta pengembangan Program Latihan Perguruan Lepasan Ijazah. Bagi meningkatkan bilangan guru berijazah di peringkat menengah, guru tanpa ijazah yang sedang berkhidmat akan diberi peluang meneruskan pengajian mereka ke peringkat ijazah. Pada akhir tempoh Rancangan, seramai 99,900 guru berijazah dan tanpa ijazah akan dikeluarkan, seterusnya mengatasi masalah kekurangan guru semasa serta dapat memenuhi keperluan guru tambahan. Daripada jumlah tersebut, 62,050 guru adalah untuk sekolah rendah, sementara bakinya 37,850 merupakan guru berijazah bagi sekolah menengah. Penambahan bilangan guru berijazah ini akan meningkatkan nisbah guru

berijazah yang mengajar di peringkat menengah daripada 58 peratus pada tahun 1995 kepada 73.5 peratus pada tahun 2000.

10.76 Usaha untuk mempercepatkan penyediaan guru berpengalaman dan untuk mengatasi kekurangan guru dalam mata pelajaran kritikal akan juga dijalankan melalui pengambilan semula guru yang telah bersara. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan menentukan syarat baru perkhidmatan bagi guru dalam kumpulan tersebut.

10.77 Langkah-langkah akan juga diambil untuk meningkatkan secara berterusan pengetahuan dan memperbaiki kemahiran mengajar melalui pengukuhan program latihan dalam perkhidmatan untuk guru dan meningkatkan keupayaan guru pelatih. Selain daripada kemahiran mengajar, peluang yang lebih besar akan juga diberi kepada guru untuk memperbaiki kemahiran mereka di bidang pengurusan sekolah. Sehubungan dengan itu, lebih banyak kursus pengurusan sekolah akan diadakan di IAB.

10.78 Dalam tempoh Rancangan, penyediaan perumahan guru akan terus diberi keutamaan, terutamanya di luar bandar dan pedalaman bagi menarik serta mengekalkan guru yang berkelayakan dan berpengalaman di kawasan berkenaan. Kuarters guru akan juga dibina di bandar-bandar terpilih yang mempunyai kadar sewa yang tinggi. Sehubungan dengan ini, sejumlah 80,000 kuarters guru sedang dirancang untuk memenuhi permintaan kuarters guru.

### **Pendidikan Tinggi**

10.79 Permintaan terhadap tenaga kerja yang berpendidikan dan mahir akan meningkat selaras dengan kepesatan perindustrian negara. Sehubungan dengan ini, pembangunan pendidikan tinggi dalam tempoh RMT akan ditumpukan kepada perkara-perkara berikut:

- o Meningkatkan keupayaan bagi memenuhi permintaan tempatan pendidikan tinggi yang semakin bertambah serta membangunkan pendidikan tinggi sebagai industri eksport;
- o Memperbaiki kualiti dan kesesuaian kursus yang ditawarkan supaya sejajar dengan keperluan tenaga manusia negara;
- o Meningkatkan enrolmen peringkat ijazah pertama di institusi awam tempatan di kalangan mereka yang berumur 19-24 tahun daripada 3.5 peratus pada tahun 1995 kepada 5.6 peratus pada tahun 2000;

- o Meningkatkan kapasiti enrolmen dalam kursus sains, kejuruteraan dan kursus berkaitan dengan teknikal bagi menambah pengeluaran tenaga manusia yang berpengetahuan sains dan teknikal;
- o Meningkatkan kapasiti kursus lepasan ijazah daripada 11.5 peratus daripada jumlah enrolmen peringkat ijazah pada tahun 1995 kepada sekurang-kurangnya 14 peratus pada tahun 2000;
- o Meningkatkan kapasiti dan keupayaan untuk menjalankan P&P, terutamanya yang berkaitan dengan keperluan sektor industri dan perkhidmatan; dan
- o Meningkatkan penyertaan sektor swasta bagi membantu usaha Kerajaan dalam menambah peluang pendidikan tinggi, manakala pada masa yang sama dapat mengurangkan perbelanjaan awam bagi pendidikan yang semakin meningkat.

10.80 Dalam tempoh Rancangan, enrolmen keseluruhan pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi awam dianggarkan bertambah sebanyak 63.5 peratus, daripada kira-kira 153,600 pada tahun 1995 kepada 251,100 pada tahun 2000 seperti ditunjukkan di Jadual 10-1. Dari segi pengagihan, adalah dianggarkan 66.9 peratus berada di peringkat ijazah, 24.7 peratus di peringkat diploma dan bakinya di peringkat sijil. Sehubungan dengan ini, jumlah enrolmen dalam kursus sains dan teknikal di institusi pendidikan tinggi akan bertambah daripada 76,300 pada tahun 1995 kepada 132,050 menjelang tahun 2000. Walau bagaimana pun, dalam aliran sastera, enrolmen bagi kursus sastera gunaan adalah mencukupi bagi menampung keperluan tenaga manusia dalam sektor perkhidmatan.

10.81 Keluaran peringkat ijazah pertama dijangka mencapai peratusan yang sama di antara pelajar sastera dengan pelajar sains dan teknikal. Kira-kira 56.4 peratus daripada graduan sains dan teknikal di peringkat ijazah pertama akan dikeluarkan oleh Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), di mana setiap universiti masing-masing akan mengeluarkan seramai 11,310, 10,120 dan 9,010 seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-5. Menjelang tahun 2000, adalah dianggarkan gabungan jumlah keluaran graduan sains dan teknikal di peringkat diploma dan ijazah akan juga sama dengan peratusan graduan sastera seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-2 dan Jadual 10-3. Perimbangan ini adalah suatu kemajuan berbanding dengan keadaan dalam Rancangan-rancangan yang terdahulu, di mana sebahagian besar graduan merupakan graduan sastera. Arah aliran keluaran yang baru ini adalah sejajar dengan dasar untuk meningkatkan graduan sains dan teknikal.

10.82 Pertambahan enrolmen akan dicapai melalui pembesaran institusi sedia ada serta siapnya kampus-kampus baru, iaitu UIA di Gombak, kampus perubatan UIA di Kuantan, UNIMAS di Samarahan dan UMS di Likas. Institusi baru yang lain termasuk kampus cawangan ITM di Machang, Merbok dan Seberang Jaya, empat politeknik

baru di Dungun, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Shah Alam dan kampus cawangan KTAR di Pulau Pinang dan Segamat. Pada masa yang sama, kemudahan institusi pendidikan tinggi sedia ada akan ditambah untuk menyediakan lebih banyak tempat dalam kursus sains, kejuruteraan dan kursus yang berkaitan dengan teknologi serta perniagaan, kewangan, perakaunan dan teknologi maklumat. Menjelang tahun 2000, adalah menjadi matlamat semua universiti, kecuali UMS dan UNIMAS untuk mempunyai 20,000 pelajar sepenuh masa.

10.83 Penyertaan Bumiputera dalam pendidikan tinggi akan terus meningkat melalui penambahan kapasiti dan pengenalan kursus baru di ITM. Enrolmen di institusi ini dijangka meningkat, daripada 32,480 pelajar pada tahun 1995 kepada 52,500 pelajar pada tahun 2000 dengan tumpuan utama diberi kepada kursus sains dan yang berkaitan dengan teknikal serta sektor perkhidmatan. ITM akan juga mempergiatkan pelaksanaan program berkembar dengan institusi pendidikan tinggi tempatan dan luar negara bagi menawarkan kursus peringkat ijazah. Program lepasan ijazah di ITM akan menekankan kepada pengembangan dan kemahiran profesional berbanding dengan pencapaian akademik.

10.84 Dalam tempoh RMT, program pendidikan jarak jauh, yang telah dijalankan secara sederhana di ITM, USM dan UKM akan terus diperluas dan turut dilaksanakan di universiti lain. Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada golongan dalam kumpulan umur 19-24 tahun dan membolehkan mereka yang sedang bekerja mengikuti kursus peringkat pengajian tinggi, terutamanya di peringkat ijazah. Program ini juga akan meliputi kursus jangka pendek, yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi tenaga kerja, terutamanya di peringkat pengurusan dan penyeliaan. Program ini akan dirangka dengan lebih baik, teratur dan dijalankan secara lebih meluas melalui kerjasama yang rapat antara universiti dan sektor swasta. Bidang pengajian baru, terutamanya sains, teknologi dan pengurusan akan diperkenalkan. Langkah akan diambil untuk mengukuhkan sistem dan mekanisme pelaksanaan bagi membolehkan program ini dimulakan secepat mungkin. Dalam melaksanakan program ini, institusi pendidikan tinggi akan menyelaraskan usaha, berkongsi sumber dan kemudahan serta mengambil manfaat daripada infrastruktur teknologi komunikasi yang akan disediakan. Sehubungan ini, institusi pendidikan dan latihan sedia ada di seluruh negara akan dipilih dan digunakan sebagai pusat pendidikan jarak jauh.

10.85 Dengan bertambahnya pengambilan dan enrolmen di institusi awam dan swasta tempatan, bilangan pelajar Malaysia peringkat ijazah pertama yang belajar di luar negara dijangka berkurang. Pelajar tajaan Kerajaan di peringkat lepasan ijazah akan terus dihantar ke universiti luar negara bagi mengikuti kursus-kursus terpilih seperti di dalam bidang sains dan teknologi, perubatan dan sastera gunaan. Pengurangan pergantungan kepada pendidikan luar negara dan jangkaan pertambahan pelajar asing yang melanjutkan pelajaran dalam kursus ijazah di dalam negeri akan membantu mengurangkan defisitimbangan pembayaran.

10.86 Bagi meningkatkan kegiatan P&P dan memenuhi permintaan tenaga pengajar, kapasiti dan enrolmen bagi kursus lepasan ijazah dan kursus lepasan doktor falsafah, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi akan dipertingkatkan. Enrolmen peringkat lepasan ijazah di institusi pendidikan tinggi tempatan dijangka meningkat daripada 11.5 peratus daripada jumlah enrolmen peringkat ijazah pada tahun 1995 kepada 14 peratus pada tahun 2000. Daripada jumlah pelajar lepasan ijazah, 41.5 peratus akan mengikuti kursus-kursus di bidang sains dan teknologi.

10.87 Untuk melahirkan golongan profesional yang sesuai dan mencukupi terutamanya dalam sektor industri berteknologi tinggi dan perkhidmatan, institusi pendidikan tinggi awam akan memperkenalkan kursus baru dan akan mengkaji semula kursus sedia ada selaras dengan keperluan semasa dan akan datang. Kursus baru di peringkat ijazah pertama termasuklah kejuruteraan marin dan mikrobiologi industri, sementara di peringkat lepasan ijazah, kursus kejuruteraan bio-mekanikal, kejuruteraan teknologi pembuatan serta kursus baru perubatan seperti bioperubatan, perubatan geriatrik dan kardiologi pediatrik akan diperkenalkan. Sebagai sebahagian daripada usaha memastikan graduan memiliki bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan tetapi juga mempunyai nilai moral yang tinggi, kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum akan memberikan penekanan yang lebih kepada pembinaan keyakinan diri dan nilai positif lain seperti disiplin dan daya tahan.

10.88 Dari segi objektif untuk menjadikan institusi pendidikan tinggi tempatan sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang P&P dan perkhidmatan perundingan, usaha akan diambil untuk mengukuhkan kegiatan P&P dalam bidang seperti teknologi maklumat, mikroelektronik, teknologi bahan termaju, pembuatan termaju, bioteknologi, aerospace, teknologi berdasarkan tenaga dan alam sekitar serta teknologi komunikasi. Institusi akan mengenalpasti bidang kecemerlangan yang akan menjadi tumpuan kegiatan P&P dan perkhidmatan perundingan dalam tempoh lima tahun akan datang. Langkah juga akan diambil untuk mengukuhkan jentera pelaksanaan P&P dan perkhidmatan perundingan serta perkongsian kepakaran dan sumber antara fakulti, universiti dan sektor swasta. Dalam tempoh RMT, penekanan akan diberi bagi menggalakkan kerjasama lebih erat antara Kerajaan dan badan profesional bagi memastikan semua kegiatan P&P serta kursus yang ditawarkan di institusi awam diiktiraf dan sesuai dengan keperluan sektor swasta.

10.89 Institusi pendidikan tinggi awam akan mengambil peluang daripada infrastruktur teknologi maklumat (IT) sedia ada dengan memperluaskan penggunaan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan IT. Ini akan dijalankan melalui penggunaan komputer secara lebih intensif dan kaedah elektronik yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, semua institusi pengajian tinggi awam akan mewujudkan perpustakaan elektronik untuk memudahkan pengajar dan penuntut mendapatkan lebih banyak bahan pengajian dan rujukan. Kemudahan

perpustakaan elektronik akan dihubung dengan institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi luar negara melalui rangkaian JARING.

10.90 Penyusunan semula sistem pendidikan tinggi akan dilaksanakan untuk membolehkannya menangani permintaan dan keperluan yang sentiasa berubah. Penyusunan semula ini akan memberi penekanan kepada penstrukturkan semula institusi dan penyediaan langkah pengawalseliaan untuk membolehkan penyertaan yang lebih besar oleh sektor swasta. Penyusunan semula juga akan mewujudkan suatu mekanisme untuk meningkatkan penyelarasan dan memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh sektor swasta.

10.91 Sebagai sebahagian daripada proses penyusunan semula, Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 yang telah dipinda pada tahun 1995 akan membolehkan institusi-institusi pendidikan tinggi awam diperbadankan. Pengkorporatan ini akan membolehkannya diberi kuasa autonomi yang lebih besar bagi mengurus dan mengelolakan institusi mereka secara lebih dinamik dan proaktif, serta peka kepada keperluan dan kehendak yang sentiasa berubah. Dengan kuasa autonomi ini, institusi pengajian tinggi akan mempunyai lebih banyak kelonggaran dalam mendapatkan sumber kewangan sendiri, meningkatkan kapasiti perkhidmatan perundingan dan mengkomersilkan hasil penyelidikan serta perlantikan dan saraan tenaga pengajar.

10.92 Pelaksanaan sepenuhnya usaha pengkorporatan ini dijangka akan menyelesaikan secara beransur-ansur masalah masa kini mengenai pengaliran keluar pakar dan pensyarah yang berpengalaman daripada institusi pengajian tinggi awam. Walau bagaimanapun, institusi ini akan terus mendapat panduan daripada dasar dan objektif Kerajaan secara keseluruhannya. Pihak Kerajaan akan memastikan bahawa institusi ini akan terus dapat memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dan yang tidak berkemampuan melalui penyediaan bantuan kewangan yang bersesuaian.

10.93 Majlis Pendidikan Tinggi yang baru ditubuhkan dengan ahli daripada sektor awam dan swasta akan memastikan penyelarasan yang lebih baik dapat diwujudkan dalam perancangan dan pembangunan pendidikan tinggi dalam tempoh RMT. Majlis ini akan menentukan arah dasar serta merancang dan menyelaras pembangunan kesemua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Selain daripada itu, Jabatan Pendidikan Tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 1995 akan diperkuuhkan dengan kepakaran yang bersesuaian supaya dapat memberi sokongan yang dikehendaki kepada Majlis berkenaan.

10.94 Sejajar dengan dasar negara, Kerajaan akan mengembang dan memperbaiki penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Walau bagaimanapun, di samping menekankan penggunaan Bahasa Malaysia, keterampilan dalam bahasa lain juga akan digalakkan terutamanya bahasa Inggeris yang telah dikenalpasti sebagai bahasa antarabangsa dan komersil. Pengwujudan institusi pendidikan tinggi swasta

dan penggalakan sektor pendidikan sebagai industri eksport akan mempergiatkan penggunaan bahasa Inggeris terutamanya dalam institusi sektor swasta. Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak akan menjelaskan kedudukan dan kepentingan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Pelajar Malaysia yang memasuki institusi sektor swasta akan dikehendaki mempelajari Bahasa Malaysia, manakala pelajar asing akan juga digalakkan mempelajari bahasa ini.

## **Program Latihan**

### **Latihan Kemahiran**

10.95 Dalam tempoh RMT, keutamaan akan diberi kepada peningkatan keupayaan latihan kemahiran khususnya dalam kursus kejuruteraan dan teknikal. Di samping itu, usaha akan dibuat ke arah memperbaiki mutu latihan dan memperkenalkan latihan dalam bidang baru serta memperkembangkan kursus peringkat tinggi. Sehubungan dengan ini, keupayaan institusi sedia ada akan diperbesarkan dan kemudahan akan ditambah. Institusi latihan baru akan ditubuhkan bagi menyediakan kursus dalam bidang kemahiran baru serta kursus peringkat tinggi. Sektor swasta akan digalakkan membina lebih banyak institusi latihan dan menyediakan latihan kemahiran untuk pekerja mereka.

10.96 Sejajar dengan objektif untuk meningkatkan keupayaan latihan dalam bidang baru serta dalam kemahiran peringkat tinggi, institusi latihan sedia ada akan diperkembangkan untuk menyediakan kursus sedemikian. Dalam tempoh Rancangan, sembilan institusi latihan kemahiran baru akan diwujudkan, sebahagiannya dengan kerjasama syarikat multinasional bagi menawarkan kursus peringkat tinggi. Institusi baru berkenaan termasuk dua institut peringkat tinggi di Johor Bahru dan Klang, JMTI di Pulau Pinang dan Japanese (Nippon) Malaysia Institute di Kulim. Kursus yang ditawarkan termasuklah kemahiran baru dalam bidang elektronik, telekomunikasi dan teknologi maklumat, teknologi pengeluaran, pembuatan komponen kapalterbang, kimia gunaan dan peralatan serta perkhidmatan pembinaan dan membaik pulih kapal.

10.97 Dengan penukaran SMV kepada SMT, jumlah pengambilan ke institusi latihan kemahiran akan hanya bertambah sebanyak 6.1 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-4. Bagi menyediakan peluang latihan asas kepada penuntut tercicir dan yang rendah pencapaian, peruntukan berjumlah RM409 juta akan disediakan bagi membina 72 Pusat Giat MARA tambahan, enam institut kemahiran belia negara dan lima institut latihan perindustrian. Menjelang hujung tempoh Rancangan, sejumlah 200,000 pekerja mahir dijangka dikeluarkan oleh kesemua institusi latihan kemahiran awam seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-4.

10.98 Latihan kemahiran melalui program tajaan akan diperkuuhkan lagi. Bagi tujuan ini, usahasama di antara institusi latihan awam dan entiti utama yang telah

diswastakan seperti TNB dan TMB akan digalakkan. Institusi pendidikan tinggi tempatan yang menawarkan kursus teknikal seperti UTM, ITM dan KTAR juga akan digalakkan untuk mengadakan usahasama dengan institusi latihan kemahiran awam dalam menjalankan program latihan kemahiran.

10.99 Usaha memperkenalkan pentingnya kemahiran teknikal akan terus dilaksanakan bagi menambah kesedaran orang ramai mengenai latihan kemahiran dan untuk menarik lepasan sekolah menyertai program latihan kemahiran. Program promosi yang bersesuaian seperti kempen awam, pengiklanan, pertunjukan bergerak dan pameran akan diatur secara besar-besaran untuk menarik calon yang berpotensi, termasuk mereka yang menunjukkan prestasi yang baik dalam peperiksaan SPM. Dalam hal ini, satu program perantisan baru akan dijalankan bagi membolehkan lepasan sekolah pada peringkat SPM ditempatkan di industri sementara menunggu keputusan SPM. Program jangka pendek bagi membiasakan diri tersebut akan memberi manfaat kepada pelatih dan juga majikan kerana calon yang sesuai boleh ditawarkan pekerjaan dan latihan lanjutan.

10.100 Sejajar dengan permintaan yang lebih besar terhadap kemahiran peringkat tinggi, langkah segera akan diambil oleh MLVK bagi membangunkan Piawaian Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan Tahap 4 dan 5. Kurikulum untuk latihan kemahiran akan disusun semula dengan memberi keutamaan kepada mata pelajaran yang berkaitan dengan teknologi tinggi untuk memenuhi permintaan industri yang digalakkan seperti industri kejenteraan dan kejuruteraan, penerangan dan aerospace serta elektronik dan teknologi maklumat.

10.101 Usaha juga akan dijalankan untuk menambah bilangan tenaga pengajar dalam institusi latihan awam. Walaupun skim saraan tenaga pengajar telah bertambah baik, ianya masih tidak mencukupi untuk menarik minat dan mengekalkan tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman. Untuk tujuan ini, satu kajian semula yang terperinci akan dijalankan bagi memperbaiki terma dan syarat perkhidmatan tenaga pengajar termasuk mereka yang berkhidmat secara kontrak bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar dalam institusi sedia ada serta institusi baru yang akan dibina. Satu program latihan pengajar peringkat negara akan dilaksanakan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) untuk mengeluarkan 200 tenaga pengajar dengan kemahiran peringkat tinggi setiap tahun. Usaha akan dilaksanakan oleh kementerian dan institusi latihan berkenaan untuk menambah pengambilan tenaga pengajar asing secara kontrak.

### **Latihan Pengurusan**

10.102 Peningkatan mutu dan produktiviti perkhidmatan awam adalah sebahagian daripada program penyusunan semula pentadbiran Kerajaan yang diberi penekanan dalam tempoh Rancangan. Untuk tujuan ini, INTAN akan memperluaskan lagi program latihan kakitangan sektor awam melalui pengendalian kursus pengurusan

yang diberi keutamaan bersesuaian dengan keperluan semasa dan masa hadapan sektor ini. Kursus ini termasuk Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), siri piawaian ISO 9000, program pengurusan lanjutan bagi pegawai tinggi, pengurusan teknologi, pengurusan kewangan serta kursus komputer yang berkaitan. Dalam tempoh Rancangan, INTAN akan melatih 150,000 kakitangan awam. Di samping itu, INTAN akan memperkenalkan kursus baru komputer serta mengembangkan lagi kursus yang sedia ada bagi meningkatkan literasi komputer di kalangan kakitangan sektor awam di semua peringkat. Untuk tujuan ini, INTAN akan mempertingkatkan kemudahan komputernya serta mewujudkan talian dengan institusi latihan yang lain.

10.103 Kemahiran pengurusan dalam bidang tertentu untuk kakitangan sektor awam akan dipertingkatkan dalam tempoh RMT. Kemahiran pengurusan dan pengetahuan kakitangan pendidikan akan dipertingkatkan lagi melalui kursus yang dijalankan oleh IAB. Sehubungan dengan ini, Institut tersebut akan mengembangkan lagi program berkembar dengan universiti tempatan dan luar negara bagi kursus pengurusan peringkat lepasan ijazah. Semua program berkembar ini akan ditumpukan kepada kepakaran dalam pengurusan pendidikan dan kecekapan dalam bahasa Inggeris.

10.104 Latihan untuk kakitangan sektor awam yang lain seperti mereka yang terlibat dalam hubungan diplomatik, bidang ikhtisas dan teknikal, penilaian, kastam dan imigresen akan terus dijalankan oleh institusi latihan masing-masing. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 7,200 pegawai diplomatik dan hubungan luar negara akan dilatih oleh IDHL, 24,000 kakitangan ikhtisas dan teknikal akan dilatih oleh IKRAM, sementara latihan untuk kakitangan Imigresen dan Kastam akan melibatkan 5,680 pegawai dan kakitangan. Selain daripada itu, bidang latihan untuk kakitangan penilaian di INSPEK akan diperkuatkan melalui pengenalan kursus-kursus baru seperti teknologi maklumat, pengurusan harta tanah dan pengurusan korporat. Latihan untuk kira-kira 5,000 kakitangan sektor awam dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan akan dijalankan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Dari segi latihan bagi kakitangan awam yang terlibat dengan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) akan ditubuhkan dalam tempoh Rancangan.

### **Teknologi Maklumat dalam Pendidikan dan Latihan**

10.105 Program literasi komputer serta pengajaran dan pembelajaran berbantu komputer akan diperluaskan ke semua sekolah dan institusi latihan dalam masa lima tahun akan datang. Penggunaan komputer di institusi pendidikan dan latihan akan mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran serta membantu mengurangkan masalah kekurangan guru terlatih dan pengajar dalam berbagai mata pelajaran termasuk bahasa. Bagi tujuan ini, usaha akan diambil untuk membangunkan perisian yang berkenaan. Pengembangan program pendidikan jarak jauh dan pelaksanaan perpustakaan elektronik di institusi pendidikan tinggi akan mempertingkatkan lagi penggunaan komputer di peringkat pendidikan tinggi. Cara penyampaian program

pendidikan jarak jauh akan diperkembangkan kepada penggunaan kaedah telesidang dan mel elektronik.

### **Penyertaan Sektor Swasta dalam Pendidikan dan Latihan**

10.106 Sektor swasta dijangka memainkan peranan yang lebih aktif di semua peringkat pendidikan tetapi pertambahan yang utama dijangka berlaku di peringkat pendidikan tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan akan menggalakkan sektor swasta menumpukan usaha mereka dalam menyediakan kursus yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Pelaksanaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, 1996 akan membolehkan sektor swasta menubuhkan institusi yang menganugerahkan ijazah. Ia juga akan membolehkan universiti asing menubuhkan kampus cawangan dalam negara ini. Ini akan meningkatkan lagi enrolmen dan keluaran di peringkat ijazah dan diploma.

10.107 Untuk membantu usaha Kerajaan, perbadanan awam dan entiti utama yang telah diswastakan akan digalak memperluaskan kemudahan latihan sedia ada dan menubuhkan institusi pendidikan tinggi yang baru. Dalam hal ini, perbadanan awam termasuk Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), TNB dan TMB dijangka meningkatkan kapasiti institusi latihan mereka bagi kursus berkaitan dengan sains dan kejuruteraan peringkat ijazah. Gabungan usaha institusi latihan awam dan swasta dalam menyediakan kursus peringkat ijazah akan meningkatkan kadar penyertaan golongan dalam kumpulan umur 19-24 tahun kepada kira-kira 6.7 peratus dalam tahun 2000 berbanding dengan 4.2 peratus dalam tahun 1995.

10.108 Dengan jangkaan meningkatnya bilangan institusi sektor swasta yang menawarkan pendidikan tinggi, keperluan timbul bagi memastikan kemudahan dan pengajaran adalah bermutu tinggi. Bagi tujuan ini, sebuah Lembaga Pentaulahan Kebangsaan akan ditubuhkan untuk menyediakan garis panduan dan piawaian bagi kawalan mutu.

10.109 Peranan sektor swasta dalam menyediakan peluang latihan kemahiran juga dijangka mengalami peningkatan yang besar. Kos latihan yang tinggi di luar negara dan permintaan pasaran yang semakin meningkat bagi pekerja mahir akan menggalakkan sektor swasta menubuhkan institusi latihan dan mengembangkan program latihan. Syarikat swasta juga dijangka memperkuatkkan kegiatan latihan mereka melalui penggunaan yang lebih besar KWPSM dan penyertaan dalam pusat pembangunan kemahiran yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri. Di samping itu, persatuan perdagangan dan perindustrian akan digalakkan untuk mengadakan latihan kemahiran yang berkaitan dengan industri.

10.110 Institusi latihan swasta terutamanya MIM akan mempertingkatkan usaha mereka dalam menjalankan kursus pengurusan. Bagi mencapai tujuan ini, Institut ini akan mengembangkan kursus peringkat diploma dan ijazah melalui program

berkembar dengan institusi pendidikan tinggi luar negara. Selain daripada itu, NPC akan menyediakan lebih banyak peluang latihan untuk kategori pengurusan dan penyeliaan. Dalam tempoh Rancangan, NPC dijangka melatih kira-kira 50,000 kakitangan yang kebanyakannya daripada sektor swasta.

#### **IV. PERUNTUKAN**

10.111 Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan bagi pendidikan dan latihan dalam tempoh RME dan RMT adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-6. Peruntukan bagi pendidikan dan latihan dalam tempoh RMT berjumlah RM10.1 bilion atau 15.4 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor awam berbanding dengan 13 peratus dalam tempoh RME. Daripada jumlah peruntukan sektor pendidikan, 45.6 peratus akan digunakan untuk membina sekolah baru dan bilik darjah tambahan di peringkat rendah dan menengah dan 35.1 peratus lagi untuk mengembangkan kapasiti pendidikan tinggi, terutamanya di peringkat ijazah. Bakinya akan diguna untuk menyediakan, antara lain, kemudahan latihan guru, kuarters guru serta asrama sekolah rendah dan menengah. Di bawah peruntukan bagi program latihan, RM1.3 bilion atau 78.4 peratus akan disediakan untuk menuahkan insitusi latihan kemahiran yang baru serta mempertingkat dan mengembangkan institusi sedia ada. Peruntukan latihan kemahiran yang merupakan sekali ganda berbanding dengan Rancangan lalu adalah selaras dengan strategi latihan peringkat kebangsaan untuk menambah pengeluaran tenaga manusia yang terlatih terutamanya di peringkat tinggi dan dalam bidang kemahiran yang baru.

#### **V. PENUTUP**

10.112 Dalam tempoh RME, program pendidikan dan latihan kemahiran telah diperkembangkan dan diperbaiki. Program ini telah menyumbang kepada pertumbuhan dan produktiviti, terutamanya dalam sektor industri dan perkhidmatan. Selain daripada program sektor awam, penyertaan sektor swasta dalam mengeluarkan pekerja mahir bagi memenuhi permintaan pasaran telah meningkat. RMT akan terus memberi keutamaan kepada usaha menambahkan kemudahan, meningkatkan kebolehan mendapatkan pendidikan dan latihan dan memperbaiki mutu. Program pendidikan dan latihan dijangka mengeluarkan bukan sahaja tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan literasi komputer tetapi juga dipupuk dengan disiplin, nilai moral yang tinggi dan etika kerja yang baik. Dalam kesemua usaha ini, pihak swasta akan menjadi rakan yang aktif dalam membantu usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

## **BAB 11 : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

### **I. PENDAHULUAN**

11.01 Satu rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap dan bersepadu adalah merupakan antara pra-syarat penting untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Penyediaan rangkaian ini, yang meliputi sektor kecil pengangkutan, telekomunikasi, pos, bekalan air dan pembetungan, telah membantu memusatkan pembangunan ekonomi negara. Pertumbuhan yang pesat ini telah menyebabkan permintaan yang lebih tinggi ke atas keupayaan, penyaluran dan kecekapan sektor ini. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), tumpuan yang berterusan telah diberi kepada usaha untuk membesar, menaiktaraf dan memperbaiki rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam negara. Di samping itu, pembesaran rangkaian infrastruktur ke kawasan luar bandar juga telah memberi peluang yang lebih kepada penduduk luar bandar menyertai arus pembangunan. Penglibatan aktif sektor swasta telah melengkapkan usaha sektor awam dalam mempercepatkan pembangunan infrastruktur dan telah memperbaiki aksesibiliti dan pembekalan perkhidmatan yang disediakan.

11.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), tumpuan akan diberi kepada usaha menambah keupayaan dan memperbaiki produktiviti dan kecekapan melalui perancangan yang lebih bersepadu dan tersusun. Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam akan memberi penekanan kepada penyediaan perkhidmatan yang terjamin dan selamat dengan penglibatan yang aktif oleh sektor swasta serta menambah dan menaiktaraf kemudahan di kawasan luar bandar supaya dapat meningkatkan mobiliti barang dan penduduk.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

11.03 Teras pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh RME ialah untuk menambah kapasiti dan memperbaiki kecekapan perkhidmatan infrastruktur. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan telah mengakibatkan kekangan kapasiti yang memerlukan langkah segera untuk mengatasinya seperti mengurangkan masa memproses dan kaedah pembinaan yang lebih cepat. Justeru itu, beberapa projek utama yang baru telah dilancarkan sementara projek yang sedang dalam pelaksanaan dipercepatkan. Pelaksanaan projek infrastruktur ini telah menambah kapasiti jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang, telekomunikasi, bekalan air dan pembetungan yang telah menyumbang kepada kepesatan pertumbuhan ekonomi.

## **Jalan Raya**

11.04 Dalam tempoh RME, pembangunan jalan raya termasuk jambatan adalah berdasarkan kepada strategi serampang tiga mata, iaitu menambah rangkaian jalan raya terutamanya untuk memperbaiki hubungan antara bandar, mengatasi kekangan kapasiti dan menambah rangkaian jalan raya untuk membangun pusat pertumbuhan baru dan kawasan luar bandar. Rangkaian jalan raya bertambah sebanyak 19.2 peratus daripada 53,984 kilometer pada tahun 1990 kepada 64,328 kilometer pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-1. Daripada rangkaian ini, 75.4 peratus adalah jalan raya berturap berbanding dengan 70 peratus pada tahun 1990.

11.05 Selaras dengan usaha memperbaiki hubungan sedia ada dan menambah rangkaian jalan raya, beberapa projek utama telah siap atau sedang dalam berbagai peringkat pembinaan. Bagi koridor timur-barat, pembinaan tiga projek utama sedang berjalan, iaitu bahagian barat Lebuhraya Timur-Barat, Jalan Simpang Pulai-Lojing-Kuala Berang dan menaiktaraf Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak kepada dua lorong-dua hala. Bagi Lembah Klang, pembinaan Lebuhraya Shah Alam yang akan menjadi hubungan penting di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang telah dipercepatkan. Sementara itu, pembinaan lebuh raya Hubungan Tengah Utara-Selatan yang akan menghubungkan Lembah Klang dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang baru di Sepang, telah dimulakan dalam tempoh Rancangan. Jalan Penghubung Pertama yang menghubungkan bandar-bandar utama Sematan, Kuching, Bintulu, Sibu dan Miri di Sarawak telah disiapkan. Projek utama lain yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-2.

11.06 Dalam tempoh RME, Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang 847 kilometer antara Bukit Kayu Hitam di Kedah dan Johor Bahru telah siap lebih awal dan dibuka pada permulaan tahun 1994. Dengan siapnya lebuh raya ini bukan sahaja tempoh masa perjalanan telah dapat dikurangkan kepada separuh, malah ianya lebih selamat dan selesa. Di samping itu, terdapat pengurangan ketara pada kos jangkaan yang meliputi kos operasi kenderaan dan kos penjimatan masa. Satu kajian perbandingan kos jangkaan dari Johor Bahru ke Changkat Jering menunjukkan, secara purata, terdapat pengurangan dalam kos operasi kenderaan dan kos penjimatan masa daripada RM418.80 kepada RM316.70 atau 32 peratus bagi satu perjalanan. Selepas mengambilkira bayaran tol yang dikenakan ke atas kereta yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan, masih terdapat pengurangan sebanyak 25 peratus pada kos operasi berbanding dengan mereka yang menggunakan laluan lama bagi jarak yang sama. Di samping itu, Lebuhraya Utara-Selatan yang mempunyai sebanyak 72 persimpangan telah membantu pembangunan sepanjang laluannya dengan kemunculan kawasan perindustrian dan perumahan serta kemudahan rekreasi dan bandar yang baru.

11.07 Strategi untuk mengurangkan kesesakan jalan raya telah dilaksanakan melalui menaiktaraf dan pelebaran jalan raya sedia ada serta pembinaan jalan raya baru. Kesesakan sepanjang jalan raya utama utara-selatan telah banyak berkurangan dengan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan. Laporan bagi tahun 1993 mengenai Jumlah Lalulintas Jalan Malaysia menunjukkan jumlah lalu lintas di beberapa bahagian jalan raya utama itu telah berkurangan, tidak berubah atau bertambah sedikit sahaja walaupun bilangan kenderaan meningkat. Ini menunjukkan bahawa Lebuhraya Utara-Selatan telah menyerap sebahagian daripada lalu lintas biasa utara-selatan. Di samping itu, projek seperti jalan pintas dan pelebaran jalan raya di Alor Setar, Johor Bahru, Kuching, Melaka dan Sungai Petani membantu mengatasi kesesakan lalu lintas. Selanjutnya, pembinaan 43 stesen penimbang di lokasi terpilih di lebuh raya dan jalan raya yang sedia ada membolehkan penguatkuasaan yang lebih berkesan ke atas kenderaan yang membawa muatan berlebihan. Berikutan daripada perkembangan ini, jangka tahan permukaan jalan raya telah dapat dipanjangkan sementara keselamatan dan keselesaan perjalanan telah dipertingkatkan.

11.08 Usaha bagi menambah rangkaian jalan raya di luar bandar telah diberi penekanan. Di bawah program jalan luar bandar, sepanjang 5,445 kilometer jalan baru telah dibina dan dengan demikian menambah aksesibiliti dan membolehkan penglibatan yang lebih oleh penduduk luar bandar dalam pembangunan sosio-ekonomi. Projek lain seperti Lebuhraya Timur-Barat, Jalan Simpang Pulai-Lojing-Kuala Berang, Jalan Penghubung Pertama di Sarawak, Jalan Beaufort-Sindumin dan Jalan Telupid-Sandakan di Sabah telah juga menyumbang kepada objektif ini. Mutu jalan luar bandar telah bertambah baik dengan peratus jalan raya belum berturap berkurang daripada 30 peratus kepada 25 peratus dalam tempoh Rancangan.

11.09 Pembangunan jalan raya di negara ini yang diukur melalui Densiti Jalan, Indeks Pembangunan Jalan dan Tahap Khidmat Jalan bagi beberapa Rancangan yang lalu adalah seperti ditunjukkan dalam Carta 11-1. Sepanjang tempoh 1985-95, Densiti Jalan yang merupakan ukuran panjang jalan raya dibahagi dengan jumlah keluasan, meningkat daripada 0.12 kepada 0.2 kilometer jalan raya bagi setiap kilometer persegi. Ini menunjukkan pertambahan liputan dan aksesibiliti jalan raya dalam sesuatu kawasan sebanyak 67 peratus. Indeks Pembangunan Jalan yang merupakan ukuran tahap pembangunan jalan raya yang mengambil kira keluasan dan jumlah penduduk negara, juga meningkat dengan ketara daripada 0.54 pada tahun 1985 kepada 0.80 pada tahun 1995 iaitu peningkatan sebanyak 48.2 peratus. Tahap Khidmat Jalan mengandungi tiga petunjuk yang masing-masing mengukur jumlah panjang jalan kepada jumlah penduduk, jumlah kenderaan dan setiap RM100 juta Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Tahap Khidmat Jalan mengikut nisbah panjang jalan raya kepada penduduk meningkat sebanyak 30.9 peratus daripada 2.46 kilometer setiap 1,000 orang pada tahun 1985 kepada 3.22 kilometer jalan raya bagi setiap 1,000 orang pada tahun 1995. Dari segi panjang jalan raya setiap RM100 juta KDNK, ia itu telah meningkat daripada 4.92 kepada 5.39 kilometer dalam tempoh yang sama. Sebaliknya, panjang jalan raya bagi setiap 10,000 kenderaan telah

menunjukkan pengurangan sebanyak 15 peratus dalam tempoh 1990-95 disebabkan kadar pertumbuhan kenderaan yang lebih tinggi yang meningkat sebanyak 41 peratus berbanding pertambahan jalan raya sebanyak 19 peratus.

### **Pengangkutan Bandar**

11.10 Dalam tempoh RME, penggunaan kenderaan persendirian yang kian bertambah mengakibatkan masalah kesesakan lalu lintas dan memerlukan langkah bagi mewujudkan suatu sistem pengangkutan bandar yang bersepadu, cekap serta terjamin terutamanya di Lembah Klang serta pusat bandar utama lain seperti Georgetown, Ipoh dan Johor Bahru. Kesesakan lalu lintas semakin ketara di kebanyakan pusat bandar termasuk Kuantan dan Kuala Terengganu manakala keadaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus meruncing. Pada tahun 1995, dianggarkan 1.4 juta kenderaan menggunakan jalan raya di Bandaraya Kuala Lumpur pada hari kerja. Ini adalah melebihi anggaran penduduk bandaraya yang berjumlah 1.3 juta. Bilangan purata kenderaan yang memasuki bandaraya adalah dianggarkan 740,000 setiap hari, bertambah pada kadar purata tahunan 17.5 peratus dalam tempoh RME berbanding dengan 7.4 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML). Peningkatan jumlah kenderaan persendirian yang ketara di semua pusat bandar adalah berpunca dari kemewahan dan taraf hidup yang lebih tinggi serta sistem pengangkutan awam yang kurang cekap.

11.11 Pertambahan projek jalan bandar yang telah dilaksana bertujuan meningkatkan kapasiti jalan raya dan memperbaiki aliran serta mempercepatkan penyuraian lalu lintas untuk mengurangkan kesesakan. Projek tersebut meliputi kerja pembinaan jalan lingkaran, persimpangan, jalan pintas dan menaiktaraf serta pembesaran jalan jajaran di pusat bandar utama. Di antara projek yang dilaksanakan ialah Jalan Lingkaran Dalam dan persimpangan bertingkat di Johor Bahru, Jalan Pintas Timur Sungai Petani dan projek Jambatan Sungai Terengganu-Jalan Lapangan Terbang Kuala Terengganu.

11.12 Projek utama yang dilaksanakan di Lembah Klang termasuk pembinaan Jalan Lingkaran Tengah II, Jalan Istana Negara-Salak Selatan, Jalan Puchong-Sungai Besi dan lima persimpangan bertingkat di bawah skim penswastaan. Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, sistem kawalan lampu isyarat lalu lintas dinamik dan responsif terhadap kenderaan telah dipasang di 98 persimpangan jalan sebagai sebahagian daripada usaha bersepadu beserta langkah pengurusan lalu lintas yang lain.

11.13 Kerajaan telah memulakan fasa pertama pembinaan sistem bersepadu pengangkutan awam yang memberi penekanan kepada ciri-ciri multimodal dan mesra alam sekitar. Dalam hubungan ini, perkhidmatan rel komuter metropolitan yang pertama di negara ini iaitu sistem Rel Transit Ringan (LRT) telah dilaksanakan secara penswastaan. Sistem LRT I Fasa 1 dari Ampang ke Jalan Sultan Ismail dengan jarak 12

kilometer hampir siap dibina. Pembinaan Fasa 2 dengan laluan tambahan sepanjang 15 kilometer dari pusat bandar ke Bukit Jalil dan Sentul telah bermula pada Ogos 1995. Untuk meluaskan liputan sistem LRT sebagai suatu pilihan pengangkutan awam yang berkesan, Kerajaan telah meluluskan pembinaan Sistem LRT II yang akan meliputi jarak 29 kilometer dari Petaling Jaya ke Gombak. Kerja awal untuk projek ini yang melibatkan pembinaan terowong sepanjang 4.28 kilometer di pusat bandar telah bermula pada akhir tahun 1994. Di samping itu perkhidmatan komuter elektrik landasan berkembar oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah memulakan perkhidmatan komersilnya pada Ogos 1995.

11.14 Bagi menggalakkan multimodalisme dan menarik lebih banyak penggunaan pengangkutan awam, penggabungan lapan syarikat bas yang sedia ada di Kuala Lumpur menjadi dua konsortium bas telah dilaksanakan pada tahun 1994. Langkah yang telah diambil adalah untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan bas termasuk merasionalisasikan laluan dan memperbaiki reka bentuk bas bagi kemudahan dan keselesaan penumpang. Dua konsortium bas tersebut juga telah memulakan usaha memperbaiki terminal serta depo bas dan kini berada di berbagai peringkat kemajuan.

### **Pengangkutan Kereta Api**

11.15 Teras keseluruhan program pembangunan sektor kereta api dalam tempoh RME bertujuan meningkatkan keupayaan pengangkutan dan keselamatan operasi perkhidmatan barang dan penumpang. Projek utama yang dilaksanakan dalam tempoh tersebut termasuk pembinaan landasan berkembar elektrik, baikpulih landasan, pemodenan sistem semboyan dan komunikasi, pembaikan dan pembinaan jambatan, stesen dan perhentian serta pembelian stokereta tambahan. Di utara Semenanjung, stesen kereta api yang baru di Padang Besar telah disiapkan pada tahun 1994. Di samping itu, landasan sepanjang 327 kilometer iaitu di antara Paloh-Bukit Timah dan Slim River-Seremban serta landasan sejauh 113 kilometer antara Ipoh dan Bukit Merah telah siap dibaikpulih.

11.16 Perkhidmatan penumpang kereta api telah meningkat daripada purata 1.6 bilion penumpang-kilometer setahun berbanding 1.5 bilion penumpang-kilometer dalam tempoh RML yang membawa tambahan hasil sebanyak 18.3 peratus. Pengangkutan barang telah bertambah daripada 18.8 juta tan dalam tempoh RML kepada 22.3 juta tan dalam tempoh RME dengan mencatatkan pertumbuhan 18.6 peratus. Dari segi trafik kontena, jumlahnya telah bertambah sebanyak 27 peratus daripada 94,403 unit bersamaan dengan dua puluh kaki (TEU) pada tahun 1990 kepada 120,000 TEU pada tahun 1995. Jumlah hasil tambang daripada pengangkutan barang telah meningkat sebanyak 36.7 peratus daripada RM76.1 juta kepada RM104 juta dalam tempoh yang sama.

11.17 Untuk memenuhi jumlah pertambahan pergerakan kontena, dua depo kontena daratan (ICD) telah dibina di Ipoh dan Padang Besar dalam tempoh Rancangan. Operasi pengendalian kontena telah juga diperbaiki di depo dan terminal kontena yang sedia ada di Butterworth, Kuala Lumpur dan Pasir Gudang melalui peningkatan pengkomputeran dan penggunaan gerabak rata khusus untuk kontena. Sebanyak 300 gerabak rata khusus untuk kontena yang baru telah ditambah untuk membolehkan perkhidmatan pengangkutan kontena yang lebih cepat, selamat dan cekap. KTMB juga telah melaksanakan program pakej logistiknya dengan penyediaan perkhidmatan penghantaran kontena secara penyerahan pintu ke pintu, penyimpanan kontena, kemudahan pergudangan dan pembungkusan, pemeriksaan kastam serta perkhidmatan penghantaran barang. Langkah tersebut membantu menggalakkan multimodalisme dan memperbaiki perkhidmatan penghantaran barang dari segi kemudahan, kekerapan dan jarak liputannya. Mengikut petunjuk produktiviti, pengangkutan barang telah meningkat sebanyak 30.3 peratus daripada 165,000 tan-kilometer setiap pekerja pada tahun 1990 kepada 215,000 tan-kilometer setiap pekerja pada tahun 1995. Perolehan jualan setiap pekerja bagi perkhidmatan barang dan penumpang telah juga bertambah sebanyak 39.3 peratus daripada RM18,660 pada tahun 1990 kepada RM26,000 pada tahun 1995.

11.18 Sebagai suatu perubahan ke atas perkhidmatan sedia ada untuk penumpang antara bandar, keutamaan telah diberi kepada pembangunan kereta api sebagai satu sistem alternatif pengangkutan komuter wilayah. Dalam hubungan ini, perkhidmatan tren komuter elektrik di antara Rawang-Kuala Lumpur-Seremban dan Sentul-Pelabuhan Klang yang dimulakan pada akhir tempoh RML telah disiapkan. Projek perkhidmatan tren komuter ini melibatkan berbagai komponen termasuk pembinaan, membaikpulih dan elektrifikasi landasan tunggal sepanjang 400 kilometer dan pembelian 18 unit kereta api elektrik (EMU). Perkhidmatan komuter yang pertama di antara Rawang-Kuala Lumpur telah bermula pada 14 Ogos 1995 sementara perkhidmatan di sektor lain dilaksanakan secara berperingkat dengan sektor terakhir antara Kajang-Seremban beroperasi pada 18 Disember 1995.

## **Pelabuhan**

11.19 Dalam tempoh RME, kemudahan pelabuhan sedia ada telah dipertingkatkan dan kemudahan baru dibangunkan bagi memenuhi pertambahan permintaan yang pesat dalam aktiviti perdagangan dan industri. Tumpuan juga diberi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi pelabuhan dengan merasionalisasikan proses dan prosedur pemeriksaan kargo. Bagi aktiviti perkapalan, usaha berterusan telah dilaksana untuk meningkatkan jumlah kargo Malaysia yang diangkut oleh kapal yang berdaftar di negara ini.

11.20 Dalam tempoh Rancangan, projek utama pembesaran pelabuhan telah dilaksanakan di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor. Di samping itu, kerja meningkatkan kemudahan lain juga dilaksanakan di pelabuhan

Kuantan, Kemaman dan Bintulu. Dengan siapnya pembinaan dermaga tambahan dan kemudahan lain, kapasiti pelabuhan meningkat sebanyak 7.6 peratus setahun, iaitu daripada 120.5 juta tan pada tahun 1990 kepada 174.1 juta tan pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-3.

11.21 Pelabuhan di negara ini mengendalikan lebih daripada 90 peratus perdagangan antarabangsa dan ini telah banyak membantu perkembangan perdagangan melalui laut. Jumlah tan kargo yang dikendalikan telah meningkat 8.1 peratus setahun, iaitu daripada 103.4 juta tan pada tahun 1990 kepada 152.3 juta tan pada tahun 1995, melibatkan terutamanya kargo kontena dan kargo pukal cecair seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-4. Jumlah pengendalian kargo kontena telah meningkat sebanyak 19.2 peratus setahun, iaitu daripada 15.7 juta tan pada tahun 1990 kepada 37.8 juta tan pada tahun 1995.

11.22 Bilangan kapal yang singgah di pelabuhan negara ini meningkat 6.7 peratus setahun, iaitu 50,721 buah pada tahun 1990 kepada 70,098 pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-4. Kapal yang lebih besar singgah di pelabuhan Malaysia telah bertambah terutamanya di Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Klang termasuk kapal post-panamax yang beratnya melebihi 60,000 tan deadweight (dwt) yang singgah di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.

11.23 Langkah untuk meningkatkan kecekapan pengendalian kapal dan kargo di pelabuhan telah juga dijalankan dalam tempoh Rancangan. Antaranya ialah pelaksanaan konsep Pertukaran Data Elektronik (EDI) di Pelabuhan Klang, pelaksanaan Sistem Pemeriksaan Lebih Awal Imigresen dan pemeriksaan lebih awal kastam bagi operasi kontena serta usaha mempermudahkan peraturan memproses dokumen perdagangan dan sistem pemeriksaan di pelabuhan lain.

11.24 Kerja menaiktaraf jeti-jeti kargo dan penumpang di Kuala Kedah, Kuala Perlis dan Lumut telah siap. Ini membantu meningkatkan aksesibiliti pengguna serta membantu pembangunan yang lebih pesat di sekitar kawasan tersebut. Pembinaan terminal feri di Tanjung Belungkor, Johor dan di Teluk Utara Changi, Singapura yang membantu menggalakkan pelancongan telah disiapkan. Di samping itu, bot dan linci telah dibeli untuk meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti Jabatan Laut. Di samping kerja pengorekan dan penyelenggaraan pelabuhan di Sabah, kerja meningkatkan peralatan bantuan pelayaran juga telah dilaksanakan di Sabah dan Sarawak.

11.25 Selaras dengan dasar penswastaan, beberapa pelabuhan termasuk Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Johor telah diswastakan, manakala pelabuhan Bintulu dan Pulau Pinang telah dikorporatkan. Pelabuhan Kemaman, Kuantan dan Labuan serta jeti Teluk Ewa dan Kuah di Langkawi sedang dalam proses diswastakan.

11.26 Bilangan kapal dagang yang didaftarkan di Malaysia meningkat sebanyak 14.8 peratus setahun, iaitu daripada 301 pada tahun 1990 kepada 600 buah kapal pada tahun 1995. Kebanyakan kapal tersebut adalah jenis kecil kecuali kapal kepunyaan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC), Perbadanan Perkapalan Nasional Berhad (PNSL), Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Global Maritime Ventures Berhad (GMVB), iaitu syarikat yang baru ditubuhkan untuk mengurus sebahagian daripada Tabung Perkapalan. Bilangan kapal MISC telah bertambah daripada 48 pada tahun 1990 kepada 60 buah kapal pada tahun 1995 manakala PNSL menambahkan bilangan kapalnya daripada 10 kepada 14 buah kapal. PETRONAS dan GMVB masing-masing membeli tiga kapal tangki dengan jumlah kapasiti sebanyak 310,400 dwt. Sehubungan dengan itu, jumlah kapasiti perkapalan Malaysia meningkat daripada 2.9 juta dwt pada tahun 1990 kepada 3.9 juta dwt pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, jumlah tan kargo yang dikendalikan oleh kapal Malaysia hanya meningkat sedikit daripada 16.9 juta tan atau 16.4 peratus pada tahun 1990 kepada 28.6 juta tan atau 18.8 peratus pada tahun 1995. Justeru itu, penglibatan syarikat perkapalan Malaysia dalam pengangkutan barang dagangan negara adalah masih rendah berdasarkan formula perkongsian pengangkutan kargo 40:40:20 Kod Perkapalan tahun 1991 yang ditetapkan oleh Persidangan Pembangunan dan Perdagangan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD).

### **Lapangan Terbang**

11.27 Dalam tempoh RME, program pembangunan lapangan terbang menjurus kepada peningkatan kapasiti lapangan terbang dan kemudahan bagi menampung pertambahan jumlah penumpang dan kargo. Trafik penumpang telah meningkat sebanyak 47.7 peratus manakala trafik kargo meningkat sebanyak 63.5 peratus. Pertambahan ini menghasilkan peningkatan 43.2 peratus dalam pergerakan pesawat perdagangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-5. Bagi mengendalikan peningkatan jumlah trafik, kerja-kerja seperti pemanjangan landasan terbang, kawasan pemakir dan bangunan terminal telah dijalankan di lapangan terbang utama di Subang, Kota Kinabalu, Kuching dan Langkawi. Lapangan terbang baru telah dibina di Sibu dan Mulu manakala beberapa landasan terbang termasuk Bario, Belaga dan Long Akah dipertingkatkan.

11.28 Menyedari wujudnya kekangan fizikal di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang yang mempunyai keupayaan pengendalian maksimum sebanyak 16 juta penumpang setahun (mppa), KLIA di Sepang telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pengangkutan udara jangka panjang. KLIA, dengan kapasiti awal mengendalikan sebanyak 25 mppa dan sejuta tan kargo setahun, dijangka bersedia memainkan peranan sebagai hub di rantau Asia Pasifik. Pembinaan fasa satu KLIA telah dimulakan pada tahun 1994. Sebanyak 97 peratus kerja tanah telah disiapkan dan pembinaan bangunan terminal utama telah dimulakan pada November 1995.

11.29 Keutamaan juga ditumpukan kepada pemodenan dan peningkatan perkhidmatan trafik udara serta keselamatan penerbangan. Fasa satu projek pemodenan ini yang bertujuan menyediakan liputan radar menyeluruh bagi ruang udara negara telah dilaksanakan. Projek ini merangkumi pemasangan sistem radar utama dan sokongan di Subang, Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Bahru serta pembinaan dan penggunaan pusat kawalan trafik udara yang baru di Subang.

11.30 Pertumbuhan trafik penumpang dan pelancongan telah bertambah berikutan dengan pembesaran syarikat penerbangan kebangsaan, Penerbangan Malaysia (MAS) yang telah diswastakan sepenuhnya dan telah mengembangkan rangkaian antarabangsanya daripada 46 destinasi pada tahun 1990 kepada 68 pada tahun 1995. Rangkaian penerbangan domestiknya meliputi 36 destinasi, kebanyakannya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. MAS juga menumpukan kepada program pemodenan pesawat, di mana bilangan pesawatnya telah bertambah daripada 62 pada tahun 1990 kepada 81 buah pada tahun 1995. Keupayaan MAS mengendalikan kargo udara telah juga ditingkatkan melalui pengubahsuaian dua pesawat penumpang berbadan lebar menjadi pesawat kargo, menambahkan pesawat kargo kepada empat buah kesemuanya.

11.31 Syarikat penerbangan berjadual lain yang beroperasi terutama di laluan domestik, telah mengembangkan operasi mereka dalam tempoh RME untuk membantu dan melengkapkan perkhidmatan MAS. Penerbangan turut diperluaskan ke Acheh, Medan, Padang, Palembang dan Hat Yai dan perkhidmatan ini telah menggalakkan pelancongan serantau.

### **Telekomunikasi**

11.32 Matlamat sektor kecil telekomunikasi dalam tempoh RME adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan dan memoden serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti untuk memenuhi permintaan. Selaras dengan perkembangan pesat teknologi, tumpuan telah berubah daripada menyediakan telefon asas kepada perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah termasuk integrasi pelbagai media seperti suara, teks, data, grafik dan gambar. Lesen telah dikeluarkan kepada pengusaha baru untuk menyediakan perkhidmatan rangkaian asas, laluan antarabangsa, radio awam darat bergerak, satelit dan Very Small Aperture Terminal (VSAT). Di samping itu, peraturan bagi perkhidmatan kelui, selular dan perkhidmatan nilai ditambah yang lain telah dilonggarkan untuk menggalakkan persaingan dan meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan tersebut.

11.33 Dalam tempoh Rancangan, kadar penetrasi negara meningkat daripada 9.3 telefon Talian Terus Ibusawat bagi setiap 100 orang pada tahun 1990 kepada 16.6 pada tahun 1995. Kadar penetrasi bandar adalah lebih tinggi, iaitu 16.6 pada tahun 1990 dan 24.8 pada tahun 1995 manakala kadar penetrasi luar bandar adalah 2.2 pada tahun 1990 dan 5.5 pada tahun 1995. Perkhidmatan selular yang kini lebih liberal telah

meningkatkan bilangan pelanggan daripada 78,000 pada tahun 1990 kepada 700,000 pada tahun 1995. Oleh yang demikian, perkhidmatan selular yang lebih mudah diperolehi telah melengkapkan perkhidmatan telefon talian asas, terutamanya di kawasan bandar. Pada tahun 1995, terdapat 3.5 telefon selular bagi setiap 100 orang seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-6.

11.34 Pertambahan dalam kadar penetrasi telefon adalah berpunca terutamanya daripada peningkatan rangkaian sedia ada melalui hasil teknologi baru seperti digital, gentian optik, teknologi tanpa talian dan broadband termasuk Asynchronous Transfer Mode, Synchronous Digital Hierarchy dan Integrated Services Digital Network. Sebagai tambahan, beberapa jenis perkhidmatan baru telah diperkenalkan seperti Rangkaian Perhubungan Peribadi (PCN), persidangan menerusi video, EDI dan telebanking.

11.35 Bagi meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan telefon, teknologi baru seperti Multi Access Radio System (MARS), Radio in Local Loop (RiLL) dan fixed wireless telah diperkenalkan. Hasilnya, kos pemasangan telefon di kawasan luar bandar, iaitu dalam lingkungan RM7,000 hingga RM25,000 bagi setiap talian sebelum tahun 1994 telah dapat dikurangkan kepada RM5,000 pada akhir tempoh Rancangan. Perkhidmatan pertama telefon RiLL telah diperkenalkan di Pendang, Kedah. Pada akhir tahun 1995 terdapat 40,000 pelanggan yang menggunakan telefon RiLL.

11.36 Melalui digitalisasi rangkaian dan peningkatan peralatan, keupayaan dan kualiti perkhidmatan telah bertambah baik. Bilangan pemohon yang menunggu perkhidmatan telefon berkurangan sebanyak 46 peratus daripada 81,780 pada tahun 1990 kepada 44,383 pada tahun 1995. Bilangan aduan telah berkurangan daripada 31,600 pada tahun 1990 kepada 14,400 pada tahun 1995. Kira-kira 97 peratus daripada kerosakan telah dipulihkan dalam tempoh 24 jam pada tahun 1995 berbanding dengan 92 peratus pada tahun 1990. Kesesakan talian telah berkurangan daripada 15 peratus pada tahun 1990 kepada 3.0 peratus pada tahun 1995.

11.37 Penggabungan teknologi telekomunikasi dengan teknologi maklumat telah menghasilkan pertumbuhan perkhidmatan baru dan canggih dengan menggunakan talian telefon asas. Selaras dengan perubahan tersebut, Dasar Telekomunikasi Negara (DTN) telah dilancarkan pada tahun 1994 untuk menentukan arah tuju pembangunan sektor telekomunikasi serta meletakkan objektif menjadi hub serantau telekomunikasi dan Teknologi Maklumat (IT). Di antara lain, DTN bertujuan menggalakkan pengeluaran tempatan peralatan telekomunikasi, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta menetapkan sasaran jangka panjang untuk pengluasan perkhidmatan termasuk IT.

### **Perkhidmatan Pos**

11.38 Dalam tempoh RME, penekanan telah diberi untuk mengembang dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pos serta memperluaskan liputannya. Jabatan Pos telah dikorporatkan pada 1 Januari 1992 untuk meningkatkan kecekapan dan membolehkan autonomi dalam perancangan dan pelaksanaan projeknya. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 50 pejabat pos dan 146 pejabat pos mini yang baru telah diwujudkan. Di samping itu, kemudahan bagi 55 daripada 545 pejabat pos sedia ada telah dipertingkatkan. Sepuluh pejabat Pos 2020 yang menyediakan perkhidmatan yang lebih luas termasuk penjualan alat tulis telah diperkenalkan di Lembah Klang. Sebagai langkah untuk meningkatkan keselesaan pelanggan, sebanyak sembilan pejabat pos di kawasan bandar telah melanjutkan waktu perkhidmatan sehingga jam 10 malam dan lebih daripada 2,500 wakil penjual setem telah dilantik. Enam kaunter pandu bayar telah juga diperkenalkan. Perkhidmatan kaunter telah diperluaskan meliputi urusan menjelaskan saman trafik, pembaharuan lesen memandu, cukai jalan dan pendaftaran perniagaan serta penjualan borang-borang agensi kerajaan seperti kastam, imigresen dan kemasukan ke universiti. Kecekapan memproses mel dan perkhidmatan kaunter telah dipertingkatkan melalui automasi dan pengkomputeran. Pada akhir tahun 1995, sebanyak 95 peratus pejabat pos terlibat dengan pengkomputeran dan dengan itu mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan kaunter di pejabat pos.

11.39 Industri perkhidmatan kurier telah berkembang pesat dalam tempoh Rancangan dengan mengendalikan lebih kurang 56,000 kiriman tempatan dan 10,000 penghantaran antarabangsa bagi setiap hari bekerja. Kiriman ini termasuk dokumen, bungkusan dan muatan khas yang peka masa untuk syarikat yang mengamalkan cara pembuatan tepat masa dan proses perolehan global.

### **Perkhidmatan Kajicuaca**

11.40 Dalam tempoh RME, kualiti ramalan cuaca dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan cuaca telah dipertingkatkan untuk menjamin keselamatan operasi darat, laut dan udara. Dalam hubungan ini, pungutan data di enam stesen udara lapisan atas dan 15 buah stesen kajicuaca utama telah diautomasi sementara pungutan, penyebaran dan penyimpanan data telah dinaiktarafkan melalui projek telekomputeran. Stesen radar di Semenanjung Malaysia telah digabung untuk membolehkan pungutan data masa sebenar manakala radar amaran ribut di Kota Bharu dan Kuantan telah diganti. Sistem Penerimaan Satelit telah siap dilaksanakan bagi menghubungkannya dengan satelit National Oceanic And Atmospheric Administration (NOAA) untuk menerima data atmosfera mengenai gambaran awan. Untuk mengawal kualiti udara negara, satu Sistem Pemerhatian Kajicuaca Automatik telah dilaksanakan di Lembah Klang. Usaha ini telah menyumbang ke arah memperbaiki kualiti ramalan cuaca dan meningkatkan penggunaan data kajicuaca

oleh orang awam seperti yang ditunjukkan melalui peningkatan lapan kali ganda dalam tempoh 20 tahun permintaan terhadap data kajicuaca pada tahun 1995.

### **Bekalan Air**

11.41 Dalam tempoh RME, beberapa projek sumber air telah dimajukan untuk memenuhi keperluan domestik, perindustrian dan juga pengairan. Usaha juga telah dijalankan untuk mempertingkatkan pengurusan serta memastikan pengagihan sumber air yang lebih serata di antara beberapa lembangan sungai bagi mengimbangkan bekalan dan permintaan air. Sehingga akhir tempoh Rancangan, tiga empangan telah siap menjadikan jumlah empangan yang beroperasi meningkat kepada 72 dengan kapasiti takungan sebanyak 25 bilion meter padu manakala tiga lagi sedang dalam peringkat pembinaan. Daripada jumlah tersebut, kira-kira separuh dibina untuk bekalan air, 16 bagi pelbagai guna manakala bakinya untuk tujuan pengairan dan kuasa hidro.

11.42 Selaras dengan keperluan membekalkan air minum yang selamat, beberapa program bekalan air bandar dan luar bandar telah dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan dan peningkatan kerja-kerja sumber, tangki simpanan dan loji rawatan air serta membaikpulih sistem pengagihan. Usaha juga telah diambil untuk mempertingkatkan penyaluran air di antara negeri, seperti dari Sungai Muar di Johor ke Empangan Durian Tunggal di Melaka dan dari Empangan Kelinchi di Lembangan Sungai Muar ke Empangan Terip di Lembangan Sungai Linggi, Negeri Sembilan.

11.43 Beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan kecekapan sistem bekalan serta kualiti air dengan mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) yang berada dalam lingkungan di antara 20 peratus hingga 61 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-7. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 32 daerah dikenalpasti di bawah program untuk membaikpulih dan mempertingkatkan loji rawatan air dan sistem pengagihan. Program berkenaan, sedang di berbagai peringkat pelaksanaan bagi 12 daerah, meliputi kerja menggantikan meter dan paip air serta membaikpulih loji rawatan air. Pelaksanaannya telah mengurangkan kadar NRW negara daripada 43 peratus pada tahun 1990 kepada 38 peratus pada tahun 1995.

11.44 Program bekalan air luar bandar telah diperluaskan lagi untuk membekalkan air minum yang selamat kepada lebih ramai penduduk luar bandar terutamanya di kawasan terpencil. Kira-kira 1,300 skim telah dilaksanakan, kebanyakannya di Sabah, Sarawak dan Terengganu. Skim ini meliputi pemasangan sistem retikulasi dan penyambungan ke paip utama yang sedia ada dan paip baru.

11.45 Bagi memenuhi peningkatan permintaan air dari kawasan bandar terutamanya di kawasan Lembah Klang dan Johor Bahru, berbagai projek bekalan air telah disiapkan. Ini termasuklah projek bekalan air Sungai Terip Fasa II, Sungai Selangor

Peringkat I Fasa I dan Johor Bahru Fasa II. Dengan siapnya projek tersebut, kapasiti pengeluaran telah meningkat sebanyak 54.7 peratus daripada 6,103 juta liter sehari (jlh) pada tahun 1990 kepada 9,442 jlh pada tahun 1995 yang melebihi permintaan.

11.46 Liputan bekalan air di seluruh negara telah meningkat daripada 80 peratus pada tahun 1990 kepada 89 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-7. Bagi bekalan air bandar, liputan di kebanyakan negeri melebihi atau bersamaan dengan peratus liputan bekalan air bandar seluruh negara yang meningkat daripada 96 peratus pada tahun 1990 kepada 99 peratus pada tahun 1995. Liputan bekalan air luar bandar seluruh negara juga meningkat daripada 67 peratus pada tahun 1990 kepada 77 peratus pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, kawasan luar bandar di Kelantan, Sabah, Sarawak dan Terengganu masih berada di bawah tahap liputan bekalan air luar bandar seluruh negara.

11.47 Dalam tempoh RME, beberapa kajian yang berkaitan dengan sumber air telah disiapkan, termasuk Kajian Sumber-Sumber Air Negeri Pahang dan Pelan Induk Sumber-Sumber Air Sabah. Kajian tersebut mengenalpasti sumber air baru untuk dimajukan pada masa hadapan di negeri Pahang manakala di Sabah, ianya telah mendorong pelaksanaan program bekalan air secara lebih cepat. Di samping itu, beberapa kajian pengurusan sungai seperti Pelan Pengurusan Menyeluruh Lembangan Sungai Muda dan Kajian Muara Sungai Seluruh Negara telah dijalankan. Beberapa syor daripada kajian ini seperti pembaikkan saliran dan pengindahan kawasan persekitaran sungai telah dilaksanakan.

11.48 Beberapa projek bekalan air telah diswastakan dalam tempoh RME. Pembinaan projek bekalan air Ipoh dan Kawasan Sekitar Peringkat II dan Krian, Larut dan Matang Fasa II secara Bina-Kendali-Pindah (BOT) telah disiapkan manakala beberapa loji rawatan air di Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor telah diswastakan. Program berkenaan telah menjimatkan pelaburan modal Kerajaan serta meningkatkan kecekapan operasi dan penyelenggaraan loji rawatan air. Pada tahun 1994, Jabatan Bekalan Air Johor menjadi pihak berkuasa air negeri yang pertama dikorporatkan di negara ini.

### **Pembetungan**

11.49 Kerajaan terus menyediakan kemudahan asas pembetungan sebagai usaha untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup penduduk. Dalam hubungan ini, berbagai jenis sistem telah digunakan meliputi sistem pembetungan berpusat, tangki septik individu dan tandas curah. Pada akhir tempoh Rancangan, peratusan isi rumah yang mendapat kemudahan pembetungan meningkat daripada 42.3 peratus pada tahun 1990 kepada 52.7 peratus pada tahun 1995.

11.50 Bagi mempertingkatkan perkhidmatan pembetungan serta mengurangkan pencemaran sungai akibat sisa kumbahan domestik dan haiwan, sistem

pembetungan telah diswastakan pada tahun 1993. Projek penswastaan tersebut melibatkan pelaburan sebanyak RM6.27 bilion bagi tempoh 18 tahun yang meliputi kerja-kerja pembinaan sistem pembetungan baru multipoint serta peningkatan dan pemberian sistem pembetungan yang sedia ada, akan menyumbang ke arah pemodenan dan pemusatan sistem pembetungan di seluruh negara. Di samping itu, pengurusan sistem pembetungan bagi 82 daripada 143 pihak berkuasa tempatan di seluruh negara telah diserahkan kepada syarikat swasta.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

11.51 Pembangunan sektor infrastruktur dan kemudahan awam akan dipertingkat bagi mengekalkan kepesatan pertumbuhan ekonomi. Dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangka berkembang pada kadar 8.0 peratus setahun dalam tempoh RMT, peranan sokongan infrastruktur dan kemudahan awam akan terus menjadi penting. Bagi menghadapi cabaran ini secara berkesan, program menaiktaraf dan membaikpulih secara berterusan terhadap keupayaan sedia ada serta pelaburan dalam kapasiti baru perlu dilaksanakan. Di samping itu, tumpuan semasa terhadap usaha memperbaiki kecekapan dan produktiviti bagi memperkuatkannya keupayaan sedia ada dan daya saingan negara akan diberi keutamaan yang lebih dalam sektor ini. Penekanan pembangunan sektor dalam tempoh RMT akan berpandukan kepada strategi berikut:

- o Menjadikan pendekatan didorong oleh penawaran sebagai asas pertambahan keupayaan infrastruktur yang mengambil kira permintaan jangka panjang, projek pembangunan dan pertumbuhan ekonomi bagi memastikan bekalan yang mencukupi apabila terdapat permintaan. Pendekatan ini akan digunakan terutamanya bagi projek infrastruktur yang besar yang tidak boleh dibahagikan kepada komponen yang lebih kecil dan memerlukan tempoh persediaan dan pelaksanaan yang panjang;
- o Menerima perancangan jangka panjang yang bersepadan yang merangkumi pendekatan menyeluruh dalam perancangan infrastruktur bagi mengukuhkan penyelaras dan memastikan pembangunan dan pelaksanaan infrastruktur lebih sistematik, lengkap dan teratur;
- o Menggalakkan lagi multimodalisme dalam sektor pengangkutan supaya dilakukan dengan aktif bagi meningkatkan hubungkait semua jenis pengangkutan serta perkhidmatan berkenaan untuk menambah kecekapan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan;
- o Meluaskan kemudahan infrastruktur ke kawasan luar bandar bagi meningkatkan lagi aksesibiliti selaras dengan dasar pengagihan yang lebih seimbang dan saksama; dan

- o Menyemak semula dan menguatkuaskan secara berterusan standard prestasi serta spesifikasi teknikal yang lebih ketat bagi projek infrastruktur untuk memperbaiki produktiviti, kecekapan dan kualiti hidup.

### **Jalan Raya**

11.52 Program pembesaran jalan raya akan dilaksanakan secara pragmatik dan seimbang dengan menggabungkan pembinaan jalan raya baru serta menaiktaraf dan membaikpulih jajaran yang sedia ada. Dalam hubungan ini, perancangan dan pelaksanaan projek dalam tempoh Rancangan akan diasaskan kepada keperluan meningkatkan kapasiti serta keselesaan perjalanan. Justeru itu, penekanan akan diberi kepada penggunaan dan penerapan teknologi baru dalam pembinaan, memperbaiki tahap khidmat jalan raya, keselamatan jalan raya dan memperluaskan lagi rangkaian jalan luar bandar.

11.53 Pembinaan jalan raya akan terus dipergiatkan melalui kaedah secara cepat terutamanya melalui penswastaan. Indeks Pembangunan Jalan akan digunakan sebagai asas rujukan dalam membangunkan keupayaan jalan raya baru. Sehubungan dengan itu, pelaburan besar yang berterusan untuk pembangunan jalan raya perlu dilakukan bagi membolehkan Malaysia mencapai Indeks Pembangunan Jalan yang lebih tinggi selaras dengan hasrat negara untuk mencapai tahap negara maju. Dalam hubungan ini, tambahan 16,100 kilometer jalan raya yang akan dibina dalam tempoh Rancangan oleh sektor awam dan sektor swasta melalui penswastaan akan meningkatkan Indeks Pembangunan Jalan kepada 0.94. Ini tidak termasuk program menurap dan menaiktaraf jalan luar bandar yang dilaksanakan secara berterusan.

11.54 Dalam usaha memperbaiki Tahap Khidmat Jalan, langkah akan diambil bagi memastikan nisbah jumlah lalu lintas kepada kapasiti setiap jalan raya tidak melampaui tahap perkhidmatan C1. Selaras dengan ini, kesesakan jalan raya boleh dikurang dan dihadkan kepada masa puncak tertentu sahaja. Langkah seperti ini akan mengurangkan kos operasi kenderaan dan pengangkutan, dan dengan demikian, mengukuhkan daya saingan Malaysia. Dalam hubungan ini, perancangan dan reka bentuk jalan raya hendaklah mengambilkira tahap perkhidmatan. Adalah dijangka Tahap Khidmat Jalan akan meningkat daripada 3.22 kilometer pada tahun 1995 kepada 3.82 kilometer pada tahun 2000 dan Densiti Jalan daripada 0.2 kepada 0.25 kilometer setiap kilometer persegi dalam tempoh yang sama seperti ditunjukkan dalam Carta 11-1.

11.55 Di samping pembinaan jalan raya baru, penekanan juga akan diberi untuk menaiktaraf jalan raya sedia ada, meningkatkan jalan raya kepada dua lorong-dua hala dan memperbaiki jajaran, permukaan dan geometrik jalan raya bagi menjamin keselamatan dan kualiti jalan raya. Daripada sejumlah 272 bahagian jalan yang dikenalpasti kerap berlaku kemalangan, sebanyak 147 bahagian akan diperbaiki dan dinaiktaraf. Bagi memastikan keselesaan perjalanan, standard geometrik minimum

yang sedia ada bagi lebuh raya dan jalan raya baru termasuk yang dibina secara persendirian yang digunakan oleh orang awam, akan dikuatkuasakan dengan lebih ketat. Di samping itu, pembinaan jalan raya dua lorong-dua hala ke bandar utama, jalan pintas dan jalan lingkar akan dilaksanakan. Adalah dijangka dengan siapnya stesen penimbang, peraturan mengenai muatan akan dikuatkuasakan secara lebih berkesan bagi mengurangkan kadar kerosakan jalan raya serta memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

11.56 Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan yang telah memberi pengetahuan dan pengalaman yang berfaedah mengenai pembinaan jalan raya dan kaedah pelaksanaan projek, akan menjadi rujukan pembangunan jalan raya pada masa akan datang terutamanya yang dikenalpasti untuk penswastaan. Di mana sesuai, teknik pembinaan yang lebih mesra alam sekitar, seperti pembinaan terowong dan jambatan untuk jalan raya utama di tanah tinggi dan kawasan bukit serta kaedah cakar ayam yang sesuai dengan keadaan tempatan seperti paya bakau, akan digunakan. Di samping itu, usaha akan ditumpukan ke arah mengguna, menerap dan memajukan teknologi baru bagi mengurangkan kos dan masa sambil memperbaiki kualiti pembinaan jalan raya. Di antara teknologi ini ialah penggunaan bitumen cepat kering dan struktur konkrit pratuang yang paling sesuai untuk lebuh raya ternaik, persimpangan dan terowong. Penggunaan teknologi sedemikian akan dapat mempercepatkan pembinaan dan penyiapan projek jalan raya serta mengurangkan kesulitan kepada pengguna jalan raya dalam tempoh pembinaan. Pada masa yang sama, kepakaran dan perkhidmatan seumpama itu boleh dieksport ke negara sedang membangun yang lain.

11.57 Untuk memperbaiki lagi dan meluaskan sistem pengangkutan di luar bandar, usaha akan terus dilakukan ke arah meningkatkan liputan dan memperbaiki rangkaian jalan raya dalam kawasan ini. Dalam hubungan ini, jalan raya luar bandar akan dibina mengikut reka bentuk, permukaan dan standard geometrik yang lebih tinggi bagi memastikan tempoh boleh guna yang lebih lama dan kos penyelenggaraan yang lebih rendah manakala jalan raya yang sedia ada akan dinaiktaraf kepada standard yang sama. Standard yang lebih tinggi ini juga akan menyumbang kepada pengluasan aktiviti industri baru di kawasan luar bandar dan memudahkan pergerakan kenderaan komersil dan kenderaan berat yang lebih besar yang memberi perkhidmatan kepada industri tersebut dan seterusnya memusatkan pembangunan luar bandar dan wilayah. Selain daripada pembinaan jalan raya baru pesisir pantai, penekanan akan diberi bagi menyiapkan Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Miri dengan Limbang, Jalan Simpang Pulai-Lojing-Kuala Berang serta pembinaan bahagian timur-barat Lebuhraya Pantai Timur yang menghubungkan Karak dengan Kuantan. Projek-projek ini yang merentasi koridor baru akan membuka kawasan baru serta menambah aksesibiliti kawasan luar bandar.

11.58 Pada keseluruhannya, pembangunan jalan raya dalam tempoh RMT akan berpandukan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, 1993. Antara projek utama

ialah menyiapkan bahagian Titi Karangan-Grik daripada Lebuhraya Timur-Barat, menaiktaraf Jalan Bentong-Kuala Lipis dan Lebuhraya Kuala Kangsar-Grik di Semenanjung. Pembinaan Jalan Lingkaran Luar Butterworth, Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru dan Lebuhraya Ternaik di atas Sungai Gombak melalui penswastaan akan juga disiapkan dalam tempoh Rancangan. Jalan raya lain yang akan mula dibina dalam tempoh RMT termasuklah Jalan Beaufort-Mempakul, Jalan Merotai-Kalabakan, Jalan Tamparuli-Ranau-Telupid di Sabah serta Jalan Pantai Matu-Igan-Oya di Sarawak seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-8. Jumlah pelaburan untuk projek jalan raya yang diswastakan adalah dianggarkan RM17.5 bilion yang merupakan penjimatan tidak langsung kepada Kerajaan.

### **Pengangkutan Bandar**

11.59 Dalam tempoh RMT, strategi pengangkutan bandar akan memberi tumpuan seterusnya kepada pembangunan sistem pengangkutan awam yang cekap, bersepadu, multimodal dan mesra alam sekitar bagi menarik lebih banyak penumpang serta mengurangkan kesesakan lalu lintas yang disebabkan penggunaan kenderaan persendirian. Dengan siapnya projek utama infrastruktur pengangkutan dan juga langkah pelengkap yang bertujuan menggalak integrasi berbagai jenis pengangkutan, nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan persendirian akan meningkat.

11.60 Fasa pertama Sistem LRT I di Kuala Lumpur dijadualkan siap pada pertengahan tahun 1996 dan fasa kedua pada tahun 1998. Fasa kedua akan menyediakan perkhidmatan penumpang yang cekap dan selesa ke Kompleks Sukan Bukit Jalil, tempat berlangsungnya Sukan Komanwel 1998. Sistem LRT II dijangka beroperasi sepenuhnya di pertengahan tahun 1999. Pada akhir tempoh Rancangan, sistem LRT akan meliputi jarak laluan sepanjang 56 kilometer di Lembah Klang. Di samping itu, koridor baru LRT di Lembah Klang akan dikenalpasti untuk pelaksanaan pada masa hadapan. Pelaksanaan sistem LRT yang sama di kawasan bandar yang lain seperti Johor Bahru dan Pulau Pinang akan juga dikaji.

11.61 Bagi menggalakkan multimodalisme dan penggunaan pengangkutan awam yang lebih meluas ke arah kecekapan dan keselesaan, Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah mengintegrasikan infrastruktur, sistem dan operasi pengangkutan secara teratur. Integrasi fizikal akan memastikan perhentian bas dan teksi serta tempat letak kereta berada berhampiran dengan stesen kereta api. Integrasi laluan akan dicapai melalui penyediaan perkhidmatan bas sokongan untuk perkhidmatan LRT dan tren komuter. Integrasi tambang akan dilaksanakan melalui pengenalan sistem tiket bersepadu yang meliputi perkhidmatan kereta api dan bas.

11.62 Penggabungan syarikat-syarikat bas di Kuala Lumpur akan meningkatkan kecekapan, jaminan dan kualiti perkhidmatan bas. Seiring dengan ini, usaha juga akan diambil bagi menaikkan taraf terminal dan depo, mewujudkan reka bentuk bas yang

menarik dan selamat serta memperbaiki tanda jalan dan sistem maklumat laluan bas. Langkah-langkah yang sama akan dipertimbangkan untuk bandar lain bergantung sebahagian besarnya kepada daya usaha sektor swasta.

11.63 Pembaikan infrastruktur jalan raya yang memudahkan aliran lalu lintas akan terus dilaksanakan mengikut keutamaan. Dengan demikian, pembinaan jalan lingkaran dan persimpangan serta menaiktaraf dan membesararkan jalan jajaran di pusat bandar utama akan dilaksanakan. Di Kuala Lumpur, sistem kawalan lampu isyarat lalu lintas dinamik dan responsif terhadap kenderaan akan dilaksanakan sepenuhnya dengan tambahan pemasangan sistem tersebut di 150 persimpangan berbanding dengan pemasangan sekarang di 98 persimpangan. Sebagai sebahagian daripada langkah bersepadu bagi memperbaiki pengangkutan bandar, kaedah pengurusan lalu lintas akan dikaji. Kajian ini meliputi pewujudan lebih banyak jalan sehala, pengurangan tempat letak kereta di tepi jalan raya, peningkatan kadar bayaran letak kereta dan penjadualan perjalanan kenderaan berat komersil ke pusat bandaraya untuk mengoptimum penggunaan jalan raya. Langkah lain yang akan dipertimbangkan termasuk pengenalan usaha mengutamakan perkhidmatan bas seperti mengadakan lorong serta menghaskan laluan dan ruang membekok untuk bas.

11.64 Bagi memastikan pembangunan pengangkutan bandar yang lebih bersepadu dan selaras, pihak berkuasa tempatan perlu menggabungkan pembangunan rangkaian jalan raya dan strategi pengangkutan dengan pelan struktur. Melalui penggabungan ini, keperluan pencegahan banjir dan pemeliharaan alam sekitar perlu dimasukkan sebagaimana disyaratkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) semasa pelan struktur dirangka. Dalam hubungan ini, Kajian Pengangkutan Bandar 1995 yang meliputi tiga buah bandar, iaitu Ipoh, Johor Bahru dan Sungai Petani telah menghasilkan manual prosedur yang boleh dijadikan panduan oleh pihak berkuasa tempatan dalam penyediaan pelan pengangkutan bandar yang lengkap dan menyeluruh serta strategi khusus untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar. Perakuan yang telah dipertimbangkan bagi pelaksanaan termasuk membina jalan raya berdasarkan kepada prinsip susunlapis, misalnya jalan lingkaran bagi penyuraian lalu lintas, mengenalpasti jalan utama dan jalan jajaran serta menempatkan semula terminal pengangkutan awam di luar pusat bandar. Kajian ini akan menjadi satu garis panduan yang berguna kepada pihak berkuasa tempatan untuk memperbaiki mutu jalan bandar, perancangan dan pengurusan lalu lintas serta perkhidmatan pengangkutan awam.

### **Pengangkutan Kereta Api**

11.65 Teras pembangunan sektor kereta api dalam tempoh Rancangan akan memberi penekanan kepada peningkattan mutu dan kecekapan perkhidmatan serta keselamatan operasi bagi memperbaiki daya saing kereta api sebagai pilihan jenis pengangkutan untuk penumpang dan barang. Kelebihan daya saing pengangkutan

kereta api dalam menyediakan perkhidmatan pelengkap yang cekap dan murah akan diberi penekanan.

11.66 Bagi meningkatkan kapasiti perkhidmatan pengangkutan komuter, sebanyak 44 EMU akan dibeli sebagai tambahan kepada 18 unit yang sedia ada untuk memenuhi jangkaan permintaan kira-kira 150,000 penumpang sehari terhadap perkhidmatan tren komuter elektrik di Lembah Klang. Berhubung dengan trafik penumpang antara negeri, usaha akan diambil bagi meningkatkan tahap jaminan perkhidmatan dan kelajuan kereta api untuk menyaingi pengangkutan jalan raya dan udara. Ini akan dicapai melalui penyediaan landasan berkembar, pengukuhan dan elektrifikasi landasan di sektor tertentu, pemodenan sistem semboyan dan komunikasi serta pembelian stokereta laju. Dalam hubungan ini, segmen landasan daripada Kulai ke Johor Bahru akan diberi keutamaan dan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan. Ini akan juga melibatkan pembelian tambahan 21 EMU lagi. Seterusnya, kajian ke atas teknologi tilting train yang telah dimulakan pada tahun 1995 akan mengenalpasti berbagai pilihan untuk melaksanakan perkhidmatan penumpang antara negeri yang lebih cepat dan selesa. Bagi meningkatkan keselamatan operasi, lebih banyak lintasan bertingkat dan jejantas pejalan kaki dan laluan bawah tanah akan dibina bagi menggantikan lintasan rata kereta api.

11.67 Peranan KTMB dalam menggalakkan intermodalisme terus diperkuuhkan dengan peningkatan jumlah trafik kontena yang akan memerlukan tambahan kapasiti melalui penggunaan landasan berkembar. Sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran, KTMB akan terus mengalih pasarannya kepada kargo kontena serta mengukuhkan paras produktiviti dan prestasi operasi kemudahan yad dan terminal. Di mana didapati lebih berdaya maju, lebih banyak ICD dan terminal akan dibina secara bersama dengan sektor swasta bagi meningkatkan kapasiti, kecekapan dan kualiti perkhidmatan pengangkutan barang. Sementara itu, satu kajian mengenai keberkesanan kos memajukan pengangkutan barang secara meluas melalui kereta api sebagai suatu pilihan pengangkutan darat akan dijalankan.

11.68 Pembesaran yad kontena di Padang Besar serta peningkatan kecekapan logistik dan operasi akan ditumpukan ke arah pertambahan pengangkutan kontena antara Selatan Thailand dengan Pulau Pinang berikutan pembangunan Pertumbuhan Segitiga Indonesia -Malaysia -Thailand (IMT-GT). Pengangkutan barang akan terus diperkuuhkan dengan pembinaan sambungan rel ke Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor.

11.69 Satu lagi pembangunan utama dalam tempoh Rancangan ialah pembinaan secara penswastaan Kuala Lumpur Central, iaitu kompleks kereta api bersepadu di Brickfields yang akan dilengkapi dengan kemudahan terkini dan kapasiti yang lebih besar berbanding dengan Stesen Besar Keretapi Kuala Lumpur yang sedia ada. Kompleks kereta api yang dicadangkan itu adalah terminal pengangkutan awam yang

bersepadu yang menemukan perkhidmatan tren komuter KTMB, LRT, bas, teksi dan Hubungan Kereta Api Ekspres (ERL) yang diswastakan bagi perkhidmatan terus ke KLIA. Stesen Kuala Lumpur Central tersebut akan juga mengandungi sebuah terminal perkhidmatan udara bandar bagi menyediakan kemudahan pemeriksaan masuk penumpang udara.

### **Pelabuhan**

11.70 Pembangunan pelabuhan akan terus ditumpukan kepada usaha meningkatkan keupayaan, menambah peralatan dan kemudahan serta memperbaiki kecekapan perkhidmatan yang berkaitan. Dari segi tambahan kapasiti, pendekatan perancangan bersepadu akan dilaksanakan bertujuan menggalakkan multimodalisme serta menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang lengkap dan menyeluruh di darat. Suatu mekanisme untuk menggalakkan pertambahan bilangan pengendali pelbagai jenis pengangkutan yang menawarkan perkhidmatan terus dari pintu ke pintu akan dikaji. Penswastaan aktiviti pelabuhan dan perkhidmatan yang berkaitan akan dipercepatkan lagi untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pengurusan ke atas kemudahan tersebut. Di samping itu, langkah-langkah akan terus dilaksanakan untuk menambah bilangan kapal dagang domestik dan meningkatkan penyertaan serta penggunaan syarikat perkapalan Malaysia bagi perdagangan dalam negeri dan antarabangsa.

11.71 Bagi tujuan pembesaran pelabuhan, termasuk Pelabuhan Klang, pemilihan tapak pelabuhan perlu memenuhi konsep pusat pemunggahan untuk mengurangkan pembaziran dan pertindihan di dalam penyediaan infrastruktur utama serta memastikan kecekapan operasi dan pengurusannya. Tumpuan yang lebih akan diberi kepada aspek penyediaan dan susunatur kemudahan di darat serta perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan jalan, ICD, pusat pengagihan, kemudahan gudang, zon perdagangan bebas, pembinaan dan pemberian kapal, bekalan minyak dan air serta perkhidmatan perbankan dan insurans. Di samping itu, susunatur dan penyediaan semua aktiviti berkaitan pelabuhan yang terancang akan mendorong kepada pelaksanaan intermodalisme sepenuhnya dan meningkatkan kecekapan logistik, pentadbiran dan pengurusan serta membantu mengatasi suasana kesesakan. Laluan keluar masuk melalui jalan raya dan kereta api ke NBCT, Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas seperti Lebuhraya Butterworth-Kulim dan Lebuhraya Shah Alam akan memperlengkapkan lagi rangkaian infrastruktur.

11.72 Berbagai projek pelabuhan, terutamanya Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang, akan dilaksana dengan kaedah pembinaan yang cepat dan murah seperti menggunakan cerucuk konkrit bagi mempercepatkan penambahan kapasiti pelabuhan dan juga untuk mengawal kos projek. Ini termasuk pembinaan pelabuhan baru di Ranca-Ranca, Labuan; lima dermaga pelabuhan swasta di Tanjung Pelepas; jeti ketiga bagi gas asli cecair (LNG) di Pelabuhan Bintulu; jeti kargo merbahaya di

Pelabuhan Kemaman; pembinaan tiga dermaga tambahan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang serta Fasa II projek NBCT. Oleh kerana permintaan trafik penumpang melalui laut dijangka meningkat, terminal kapal pelayaran dan kapal pesiar akan dibina di Pelabuhan Klang dan di destinasi pelancongan lain yang terkenal seperti Langkawi dan Pulau Pinang.

11.73 Sebagai sebahagian daripada projek menambah kapasiti dan memajukan pengangkutan melalui sungai, beberapa projek berkaitan pelabuhan di Sabah dan Sarawak yang dimulakan pelaksanaannya dalam tempoh RME dijangka siap pada akhir tempoh RMT. Ini termasuk pembinaan pelabuhan air dalam yang baru di Kampung Senari, Kuching; Pelabuhan Tanjung Manis, Rajang dan dermaga sepanjang 390 meter bagi terminal pelbagai guna di Pelabuhan Miri, Sarawak serta pembesaran Pelabuhan Lahad Datu dan kerja-kerja tebusguna tanah di pelabuhan-pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan, Sabah.

11.74 Pada akhir tempoh Rancangan, jumlah kapasiti di semua pelabuhan Malaysia yang dirancang dijangka meningkat kepada kira-kira 280 juta tan berbanding dengan 174.1 juta tan pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-3. Jumlah kargo yang dikendalikan dijangka meningkat daripada 152.3 juta tan pada tahun 1995 kepada kira-kira 255 juta tan pada tahun 2000 yang merupakan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 10.8 peratus. Bilangan kapal yang singgah dijangka meningkat sebanyak 4.6 peratus setahun iaitu daripada 70,098 kapal pada tahun 1995 kepada kira-kira 87,900 kapal pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-4. Pertumbuhan dan perkembangan industri perkapalan akan diawasi dengan lebih rapi supaya dapat membuat ramalan yang lebih tepat ke atas peningkatan permintaan perkhidmatan perkapalan dan pelabuhan. Di samping itu, beberapa langkah akan diambil untuk menambah keupayaan dan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan berkaitan dengan pelabuhan dalam usaha untuk memenuhi kemajuan perkapalan dan jangkaan pertumbuhan trafik laut.

11.75 Usaha untuk memperbaiki kecekapan dan produktiviti operasi pelabuhan akan diteruskan melalui peningkatan automasi dan pengkomputeran bagi mempertingkatkan cara dan prosedur pengurusan terutamanya dalam pengendalian kargo. Langkah-langkah juga akan diambil untuk mengkaji semula amalan, proses dan prosedur termasuk penyediaan perkhidmatan pemaliman dan bot tunda bagi memendekkan ship turnaround time. Skim Keutamaan Penggunaan Dermaga, Sistem Pemeriksaan Lebih Awal Imigresen dan pemeriksaan lebih awal kastam untuk operasi kontena serta program EDI akan diperluaskan ke semua pelabuhan utama. Semua pelabuhan akan menjalankan kerja penyelenggaraan berjadual serta menyediakan pelan kontigensi yang dilengkapkan dengan kemudahan sokongan untuk memastikan peralatan adalah mencukupi pada setiap masa. Di samping itu, sistem pengkomputeran di terminal kontena dan pembelian tambahan kren pelbagai guna dan kren kontena post-panamax akan dilaksanakan oleh pelabuhan yang berkaitan. Bagi memperbaiki lagi sistem pengendalian kargo, pelaksanaan beberapa syor kajian

ke atas sistem pengangkutan kontena yang sedang dijalankan dijangka dapat memperbaiki sistem pengangkutan.

11.76 Usaha yang lebih gigih akan diambil untuk memajukan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan hub. Kargo daripada pelabuhan lain yang beroperasi sebagai pelabuhan sokongan di negara ini seberapa boleh akan dikumpul dan diangkut melalui Pelabuhan Klang yang mempunyai perkhidmatan perkapalan yang lebih kerap dan mudah diperolehi. Bagi tujuan ini, hubungan yang rapat akan diwujudkan dengan pelabuhan Sabah dan Sarawak serta pelabuhan serantau melalui kadar bayaran perkhidmatan perkapalan sokongan yang berdaya saing. Di samping itu, penyediaan kemudahan sokongan yang cekap serta pewartaan zon perdagangan bebas bagi Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang akan dilaksanakan. Strategi promosi lain seperti memberi rebat, menstruktur semula tarif, memaksimumkan penyediaan peralatan dan kemudahan bantuan, memberi diskain mengikut jumlah kargo dikendalikan serta membenarkan penyertaan ekuiti asing dalam Skim Terminal Dermaga Khas untuk menjadikan Pelabuhan Klang lebih menarik sebagai pusat pemunggahan kargo akan dipertimbangkan.

11.77 Langkah mengorporat dan menswastakan lebih banyak pelabuhan dengan menjadikan beberapa lembaga pelabuhan sebagai badan kawalselia dijangka diteruskan dengan penswastaan Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan. Bagi memberikan lebih perhatian terhadap strategi dan polisi pembangunan pelabuhan serta mempertingkatkan profesionalisme di sektor maritim, satu Lembaga Pelabuhan Kebangsaan dengan tenaga pakar yang perlu akan ditubuhkan untuk menggantikan badan-badan kawalselia tersebut. Dengan adanya satu badan kawalselia yang kukuh untuk mengawasi pembangunan di sektor maritim, kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang berkaitan dengan pelabuhan menjadi lebih baik dan menepati standard prestasi yang ditetapkan.

11.78 Dalam sektor kecil perkapalan, tumpuan akan diberi untuk menambah bilangan kapal dagang domestik dengan memperluaskan penggunaan Tabung Perkapalan yang berjumlah RM1.1 bilion iaitu terdiri daripada RM500 juta untuk Kemudahan Usaha Niaga Perkapalan dan RM600 juta untuk Kemudahan Pembiayaan Kapal. Di samping itu, Kerajaan juga akan mengambil berbagai langkah bagi meningkatkan pengangkutan kargo negara oleh kapal dagang Malaysia dengan tujuan memperbaiki imbalan pembayaran. Salah satu langkah yang dipertimbangkan ialah pembinaan kapal pelbagai guna khas yang boleh mengangkut kargo kontena dan bukan kontena bagi mengendalikan eksport dan import negara.

11.79 Dalam tempoh Rancangan, bilangan kapal dagang yang berdaftar di Malaysia dijangka bertambah dengan pembelian sebanyak 22 dan sembilan buah kapal masing-masing oleh MISC dan PNSL. Kapal-kapal baru tersebut terutamanya adalah untuk membawa kargo khas seperti LNG dan kargo pukal cecair lain. PETRONAS akan membeli dua buah kapal tangki tambahan dengan kapasiti sebanyak 313,600 dwt. Di

samping itu, GMVB akan menambah bilangan kapal terutamanya kapal kargo pukal secara usahasama. Bilangan kapal dagang di Malaysia dijangka meningkat daripada 600 buah kapal atau 3.9 juta dwt pada tahun 1995 kepada kira-kira 900 buah kapal atau tujuh juta dwt pada tahun 2000. Dengan peningkatan kapasiti perkapalan tempatan ini, pengangkutan kargo oleh kapal yang berdaftar di Malaysia dijangka meningkat daripada 28.6 juta tan atau 18.8 peratus pada tahun 1995 kepada kira-kira 56 juta tan atau 22 peratus pada tahun 2000.

11.80 Usaha mengatasi kekurangan tenaga kerja maritim yang terlatih dan mahir akan juga diberi tumpuan. Sehubungan dengan ini, amalan pihak pelabuhan dan industri berkaitan dengan maritim yang mengendalikan sendiri secara tidak terancang program latihan serta penyertaan dalam kursus jangka pendek tempatan dan luar negara akan diselaras dan diubahsuaikan supaya dapat meningkatkan kemahiran dan profesionalisme sektor ini. Bagi tujuan ini, Akademi Laut Malaysia (ALAM) yang akan diswastakan, dijangka dapat memainkan peranan penting sebagai pusat kecemerlangan bagi memenuhi keperluan latihan maritim negara.

### **Lapangan Terbang**

11.81 Dalam tempoh Rancangan, trafik penumpang dan kargo udara dijangka meningkat masing-masing pada kadar 8.0 dan 9.0 peratus setahun. Dianggarkan seramai 37 juta penumpang termasuk 38 peratus daripadanya penumpang antarabangsa akan menggunakan lapangan terbang Malaysia pada tahun 2000. Bagi trafik kargo udara pula, ianya dijangka meningkat kepada 608,000 tan, yang mana 74 peratus daripadanya merupakan kargo antarabangsa. Sehubungan dengan ini, usaha untuk mempertingkatkan keupayaan dan kemudahan akan diteruskan bagi memenuhi pertambahan permintaan untuk perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan kargo udara. Pada masa yang sama, pengurusan trafik udara akan memberi penekanan kepada pemodenan dan keselamatan penerbangan.

11.82 Fasa pertama KLIA yang dijangka siap pada tahun 1997 akan mempunyai dua landasan terbang terletak secara staggered dengan setiap satu panjangnya empat kilometer, bangunan terminal utama yang dihubungkan dengan bangunan satelit oleh sistem transit rel dan 80 pier penghubung pesawat serta berbagai kemudahan infrastruktur utama. Di samping itu, terdapat sistem sokongan seperti sistem pengendalian bagasi yang canggih bagi membolehkan bagasi dipindahkan lebih cepat daripada pesawat ke balai ketibaan, Sistem Pengurusan Menyeluruh Lapangan Terbang (TAMS) secara masa sebenar dan penggunaan Teknologi Maklumat terkini akan menjamin ketepatan operasi. KLIA akan dibina berdasarkan konsep hubungan manusia dengan alam. Dengan demikian, KLIA akan dibina sebagai Lapangan Terbang Di Tengah Hutan serta kehijauan dalam kompleks lapangan terbang. Langkah lain yang turut diambil untuk menjadikan KLIA sebagai hub udara serantau adalah dengan mengenakan kadar bayaran yang berdaya saing bagi pengisian minyak dan pendaratan serta perkhidmatan penyediaan makanan untuk menggalakkan lebih

banyak syarikat penerbangan menggunakan KLIA sebagai pusat operasi mereka. KLIA yang terletak di sepanjang Koridor Raya Multimedia (MSC) akan dibangunkan sebagai hub global maklumat, hiburan dan pusat membeli belah untuk menarik minat pengembara udara. Bagi memudahkan lagi laluan ke KLIA, tiga lebuh raya termasuk salah satu daripadanya lebuh raya khas dan ERL akan menghubungkan KLIA dengan Kuala Lumpur serta pusat pentadbiran baru di Putrajaya. Ini akan membolehkan tempoh perjalanan dari Kuala Lumpur ke KLIA mengambil masa 30 minit.

11.83 Sebagai langkah persediaan menghadapi pertambahan keperluan pengangkutan kargo udara, keupayaan perkhidmatan tersebut akan dipertingkat melalui perolehan lebih banyak pesawat kargo dan juga hak pendaratan. Berbagai langkah akan diambil bagi meningkatkan kecekapan pengendalian daratan seperti mengadakan perkhidmatan EDI di semua lapangan terbang bagi mengurangkan kerohan birokrasi dan penggunaan kertas dalam urusniaga. Penghantar fret dan agen kargo tempatan adalah digalakkan menyusun semula kaedah dan struktur perkhidmatan mereka untuk memberi perkhidmatan bersepada dari pintu ke pintu kepada pengguna. Sebuah zon perdagangan bebas juga akan diwujudkan di sekitar KLIA bagi membolehkannya menjadi pusat utama pergerakan kargo. Kompleks kargo di Lapangan Terbang Pulau Pinang yang sedia ada juga akan dipertingkatkan.

11.84 Kerja peningkatan lapangan terbang Labuan dan Langkawi bagi membolehkannya mengendalikan pesawat berbadan lebar akan siap dalam tempoh Rancangan. Ini akan membantu pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) serta mempromosikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang utama. Dengan siapnya kerja peningkatan lapangan terbang di Pulau Tioman dan Mulu serta pembinaan lapangan terbang baru yang dipercepatkan di Bintulu dan Tawau akan menyumbang ke arah memusatkan lagi pertumbuhan industri pelancongan.

11.85 Berasaskan jangkaan pertambahan permintaan bagi pengangkutan yang pantas dan cekap, terutamanya oleh sektor perniagaan dan pelancongan hasil kerjasama serantau, akan meningkatkan permintaan untuk perkhidmatan eksekutif dan sewa khas udara berikutan dengan adanya peraturan yang semakin liberal dalam sektor udara domestik. Sebagai tambahan kepada lapangan terbang, padang terbang luar bandar akan juga diselenggara dan dipertingkatkan bagi menampung pertambahan permintaan untuk penerbangan awam.

11.86 Aspek keselamatan penerbangan akan diberi keutamaan dalam tempoh Rancangan. Sistem kawalan trafik udara, alat panduarah dan komunikasi akan terus dipertingkat dan diperluaskan bagi meliputi lapangan terbang kecil domestik. Menjelang tahun 2000, keseluruhan ruang udara Malaysia akan diliputi oleh sistem radar bagi memenuhi keperluan keselamatan penerbangan dan memelihara kedaulatan ruang udara negara dengan pemasangan dan integrasi radar baru di Bukit

Larut, Kota Bharu dan Miri. Dalam tempoh Rancangan, sebuah kolej baru akan dibina wal trafik udara dalam penggunaan peralatan dan teknologi terkini.

### **Telekomunikasi**

11.87 Dalam tempoh Rancangan, sektor kecil telekomunikasi dijangka menjadi salah satu sektor ekonomi yang mempunyai pertumbuhan tertinggi berikutan dengan kemajuan dalam teknologi telekomunikasi. Teras sektor kecil ini adalah untuk menambah keupayaan serta memperkenalkan perkhidmatan baru melalui teknologi baru dan peningkatan rangkaian sedia ada. Pelaburan dalam teknologi baru dijangka merangsang pertumbuhan infrastruktur telekomunikasi dan perkhidmatan untuk membolehkan negara mendapat kelebihan daya saingan dalam IT.

11.88 Dalam usaha membangunkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat, pembangunan Lebuhraya Maklumat pada amnya dan MSC khususnya, melalui infrastruktur telekomunikasi, akan diberi keutamaan. Pihak swasta dijangka melabur sejumlah RM25.4 bilion untuk sektor kecil ini dalam tempoh Rancangan. Penggunaan gentian optik, stesen bumi dan satelit, kabel darat dan dasar laut, teknologi pancaran tanpa talian dan selular serta teknologi broadband dan digital yang bersama-sama membentuk infrastruktur telekomunikasi, akan membolehkan penghantaran secara meluas aplikasi IT seperti video, grafik, suara, multimedia, cetakan desk-top, perniagaan secara virtual, pendidikan jarak jauh, telemedicine dan aplikasi IT yang lain. Pelancaran satelit milik Malaysia, iaitu Malaysia East Asia Satellite (MEASAT) 1 pada 13 Januari 1996 dan MEASAT 2 dalam bulan Oktober 1996, akan membolehkan perkhidmatan telekomunikasi, penyiaran dan IT diperolehi secara langsung dan serentak dari satu tempat ke satu tempat dan dari satu tempat ke pelbagai tempat ke seluruh pelusuk negara serta hampir keseluruhan Asia Timur. Adalah dijangka apabila semua ini dilaksanakan, negara akan mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan telekomunikasi dan ITnya.

11.89 Untuk melengkapkan DTN, Pelan Induk Telekomunikasi akan dibentuk untuk memberi panduan yang lebih jelas bagi pembangunan industri tersebut secara lebih teratur termasuk dasar mengenai standard dan penempatan menara pemancar. Dengan wujudnya sektor kecil telekomunikasi yang lebih liberal dan terdapatnya beberapa pengusaha, khususnya bagi rangkaian asas, Pelan Induk ini akan menetapkan tahap persaingan serta cara untuk memperkemaskan sektor kecil ini dan menyediakan garis panduan untuk persaingan, caj penyambungan, kadar tarif, formula perkongsian kos dan tanggungjawab sosial, pembangunan rangkaian serta penggunaan sumber. Pada masa yang sama, peranan dan fungsi Badan Kawalselia perlu dikaji semula untuk menghadapi cabaran yang kian bertambah di bidang telekomunikasi berikutan dengan usaha menjadikan sektor kecil tersebut lebih liberal.

11.90 Dengan pelaburan yang dirancang terutamanya dalam teknologi baru, kadar penetrasi telefon negara dijangka mencapai 24.7 bagi setiap 100 orang menjelang tahun 2000. Bagi meningkatkan penetrasi telefon di luar bandar kepada 9.5, pembekalan perkhidmatan ke luar bandar oleh pengusaha akan dikaji semula. Dengan inovasi teknologi dan persaingan yang boleh menurunkan harga serta meningkatkan perkhidmatan dan keupayaan, penggunaan telefon selular persendirian dijangka akan bertambah. Kadar penetrasi telefon selular dijangka meningkat kepada 16.5 bagi setiap 100 penduduk iaitu mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 74 peratus setahun hasil daripada kemudahan yang dinikmati oleh sektor perniagaan dan komersil.

11.91 Penggabungan teknologi telekomunikasi, penyiaran dan komputer akan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan telekomunikasi serta membawa perubahan dalam gaya hidup dan pengurusan perniagaan. Pakatan strategik antarabangsa di kalangan pengusaha telekomunikasi, kabel dan video, penyiaran dan komputer akan menambahkan manfaat sinergi yang dihasilkan daripada penggabungan teknologi ini. Melalui saling-hubungan multimedia di sepanjang Lebuhraya Maklumat, perjalanan fizikal akan dikurangkan dengan adanya persidangan menerusi video, telemedicine, pendidikan jarak jauh, video atas permintaan serta perbankan dan membeli-belah dari rumah. Rangkaian yang dipermudahkan melalui kemajuan infrastruktur telekomunikasi akan membawa kepada peningkatan kualiti hidup.

### **Perkhidmatan Pos**

11.92 Perkhidmatan pos akan terus diperluas dan dipermodenkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya. Pos Malaysia, yang akan diswastakan sepenuhnya dalam tempoh Rancangan, akan terus mempertingkatkan kemudahannya. Dalam hubungan ini, beberapa pusat memproses mel yang berteknologi tinggi akan dibina di Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sepang serta sistem pengangkutan dan penghantaran akan dinaiktaraf dan diperluaskan. Usaha akan diambil untuk memperolehi teknologi pos yang terbaru serta menubuhkan sistem maklumat yang cekap untuk mengurus pejabat pos.

11.93 Perkhidmatan pos di luar bandar akan diperluas bagi mencapai matlamat mengadakan sebuah pejabat pos bagi setiap 6,000 penduduk. Perkhidmatan yang disediakan oleh pejabat pos ini akan diperluas untuk merangkumi perkhidmatan kaunter seperti pemindahan tunai, pembayaran bil, perkhidmatan kurier dan urusan dengan agensi kerajaan.

11.94 Industri perkhidmatan kurier dijangka berkembang dengan pesat dan memainkan peranan penting bagi memudahkan penyertaan Malaysia dalam perdagangan antarabangsa ke atas barang dan perkhidmatan, terutamanya dalam bidang teknologi tinggi dan pembuatan global yang peka masa. Matlamat industri ini dalam tempoh Rancangan adalah untuk mencapai sasaran penyerahan pada

keesokan hari kerja ke mana-mana negara Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan negara Asia tertentu, dan tidak lebih daripada dua hari ke beberapa tempat lain di dunia. Untuk mencapai matlamat ini, syarikat perkhidmatan kurier perlu memperbaiki prosedur memproses dan meningkatkan produktiviti melalui automasi serta penggunaan teknik yang inovatif dalam pengurusan operasi dan sumber manusia.

### **Perkhidmatan Kajicuaca**

11.95 Dalam tempoh Rancangan, Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia akan terus memodenkan peralatannya untuk mempertingkatkan kualiti, jenis, keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan seperti ketepatan ramalan cuaca dan ketepatan masa amaran di samping memperluaskan perkhidmatannya. Satu sistem amaran awal mengenai keadaan cuaca yang memberi kesan ke atas pengeluaran tanaman akan diwujudkan. Projek lain yang akan dilaksanakan termasuklah penyatuan radar di Sabah dan Sarawak serta automasi stesen cuaca dan stesen sokongan kaji cuaca pertanian. Sistem memungut, memproses dan mengawasi data pencemaran udara, gempa bumi, amaran ribut dan keadaan laut akan terus dipertingkat melalui pengkomputeran dan penggunaan peralatan yang canggih. Data yang dikumpul akan dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Geografi. Pertukaran data melalui Sistem Telekomunikasi Global dengan negara-negara jiran di bawah program ramalan cuaca akan dipertingkatkan.

### **Bekalan Air**

11.96 Teras pembangunan sektor kecil ini untuk membekalkan air bersih bagi kegunaan domestik serta memenuhi keperluan sektor industri dan pertanian akan diteruskan. Sehubungan dengan ini, penekanan akan diberi bagi melindung dan memulihara punca air bersih yang berpotensi untuk memperbaiki kualiti air serta menaiktaraf dan membaikpulih sistem bekalan air yang sedia ada. Di samping itu, skop dan liputan pembangunan projek penyaluran air di antara negeri dan antara lembangan juga akan diperluaskan untuk mengatasi masalah pengagihan sumber air yang tidak serata, terutamanya di negeri yang mengalami kekurangan sumber air dan bagi memastikan pengekalan bekalan air jangka panjang.

11.97 Penggunaan air untuk domestik dan perindustrian dijangka bertambah sebanyak 3.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Walaupun kapasiti sedia ada dan yang sedang dirancang adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan yang meningkat, perancangan dan pembangunan jangka panjang sumber air akan diberi tumpuan. Ini adalah penting memandangkan negeri yang mengalami kekurangan sumber air seperti Kedah, Pulau Pinang dan Selangor dijangka menghadapi masalah bekalan air selepas tahun 2000. Dalam hubungan ini, Kajian Sumber-Sumber Air Negara, 1982 akan dikaji semula untuk menyediakan maklumat sumber air yang kemaskini bagi perancangan dan pembangunan jangka panjang sumber air secara

menyeluruh dan bersepada dengan mengambilkira imbangan keseluruhan sumber air negara.

11.98 Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang pesat di beberapa negeri, perancangan yang lebih sistematik untuk menyelaraskan sumber air yang tidak serata agihannya akan dijalankan melalui projek penyaluran air di antara negeri. Projek seumpama ini bagi wilayah utara adalah melibatkan pembinaan Empangan Sungai Rui di Perak bagi menyalurkan air mentah ke Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Sementara itu, empangan Kelau dan Telemong di Pahang akan dibina untuk menyalurkan air ke Selangor dan Negeri Sembilan. Pembinaan projek-projek tersebut merupakan rancangan jangka panjang bagi memenuhi keperluan air di negeri-negeri yang mengalami kekurangan sumber air di wilayah utara dan Lembah Klang.

11.99 Di samping itu, beberapa projek sumber air seperti empangan Kelinch, Pergau dan Sungai Buloh akan disiapkan manakala pembinaan empangan Gemencheh dan Sungai Lembing akan dimulakan. Pada akhir tempoh Rancangan, empangan tersebut dengan jumlah takungan kira-kira 350 juta meter padu akan menyumbangkan tambahan keupayaan sebanyak kira-kira 280 jlh.

11.100 Selain daripada pembangunan sumber air, beberapa projek bekalan air yang baru seperti pembinaan loji rawatan dan tangki takungan air di Kuala Terengganu, Kuantan dan Sungai Terip akan dimulakan. Projek tersebut akan menyumbang tambahan kapasiti pengeluaran kira-kira 1,620 jlh. Selaras dengan dasar untuk meningkatkan bekalan air bersih ke luar bandar, pemasangan sistem retikulasi baru untuk mengagihkan air bagi keperluan isi rumah di luar bandar akan dilaksanakan. Kira-kira 3,600 projek akan dilaksanakan, meliputi kebanyakannya di kawasan terpencil luar bandar untuk memberi manfaat kepada kira-kira 262,400 isi rumah.

11.101 Program mempertingkat dan membaikpulih bekalan air akan diperluaskan kepada 20 daerah lagi dalam tempoh RMT. Pada akhir tempoh Rancangan, kadar NRW akan dikurangkan kepada 28 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-7. Dengan ini, pengeluaran dan hasil jualan air akan lebih hampir menyamai kapasiti yang dirancang di samping penjimatan kira-kira 950 jlh atau kira-kira RM210 juta setahun akan dicapai. Program ini juga akan menyumbang ke arah mengukuh kedudukan kewangan entiti bekalan air berkenaan dan mengurangkan keperluan segera bagi pembangunan sumber air baru secara besar-besaran. Di samping itu, kualiti air juga akan diperbaiki dengan mengurangkan mendapan dan meningkatkan tekanan air.

11.102 Dengan siapnya projek baru bekalan air, pengeluaran bagi memenuhi keperluan negara akan dipertingkatkan. Kapasiti pengeluaran dijangka meningkat daripada 9,442 jlh pada tahun 1995 kepada kira-kira 11,800 jlh pada tahun 2000, manakala kuantiti yang dibekalkan kepada pengguna dijangka meningkat daripada 7,704 jlh kepada kira-kira 9,160 jlh pada tempoh yang sama. Kira-kira 95 peratus

daripada jumlah penduduk negara dijangka akan menikmati bekalan air paip pada akhir tempoh Rancangan. Liputan bekalan air bagi kawasan bandar dijangka mencapai 100 peratus bagi kebanyakan negeri manakala bagi kawasan luar bandar pula dijangka meningkat daripada 77 peratus pada tahun 1995 kepada 83 peratus pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-7.

11.103 Kerajaan akan menubuhkan Majlis Air Negara bagi menyelesaikan isu berkaitan perundungan, institusi dan kewangan dalam usaha memperbaiki dan menyelaras pembangunan dan pengurusan lembangan sungai bagi memastikan bekalan air yang berkekalan untuk jangka panjang di peringkat nasional. Mekanisme tersebut, di antara lain akan memberi tumpuan ke atas isu berkaitan dengan pembangunan sumber air dan pengurusan sungai serta memaksimumkan potensi pembangunannya dengan tujuan melindungi kawasan tadahan dan pengaliran air. Di samping itu, satu kajian akan dijalankan untuk mengenalpasti kemungkinan mengadakan sistem agihan dan retikulasi bekalan air yang berasingan bagi industri dan kegunaan umum pada kadar tarif yang munasabah.

11.104 Dalam tempoh RMT, pihak swasta dijangka akan memainkan peranan yang lebih giat dalam pembangunan dan pengurusan bekalan air. Bagi memastikan pembangunannya secara lebih teratur, penswastaan bekalan air hendaklah dilaksanakan menerusi pendekatan menyeluruh dan lengkap meliputi pembinaan kerja-kerja punca air, loji rawatan, sistem agihan dan kutipan hasil. Penswastaan bekalan air di beberapa negeri menyebabkan wujudnya badan-badan kawalselia dan masing-masing bertindak mengikut keupayaan yang berbeza dan standard yang tidak seragam. Dengan bertambahnya projek bekalan air yang diswastakan, standard dan garis panduan bekalan air, jaminan dan kualiti air perlu ditentukan dalam perjanjian konsesi bagi memastikan kepentingan rakyat diberi perhatian.

### **Pembetungan**

11.105 Program untuk merasionalisasi, menaiktaraf dan membaik pulih serta membina kemudahan baru untuk memperkemaskan sistem pembetungan sedia ada akan terus dijalankan oleh syarikat swasta yang berkenaan. Dalam tempoh Rancangan, sistem pembetungan multipoint akan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan pemasangan 15,000 kilometer paip pembetungan baru dan penyelenggaraan 2,000 loji rawatan pembetungan di seluruh negara. Sistem pembetungan yang menggunakan tangki septik berasingan dan juga sistem pembetungan berpusat yang moden akan dilaksanakan. Dengan adanya kemudahan ini, pencemaran organik daripada sisa kumbahan domestik dan haiwan dijangka berkurangan dan kualiti air sungai akan meningkat pada akhir tempoh Rancangan. Menerusi usaha ini, 79 peratus daripada penduduk akan mendapat kemudahan perkhidmatan pembetungan yang moden.

## **IV. PERUNTUKAN**

11.106 Menyedari hakikat bahawa infrastruktur dan kemudahan awam yang cekap dan terjamin adalah penting bagi pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan daya saingan negara, pelaburan yang besar adalah diperlukan bagi pembangunan sektor ini. Sejumlah RM19.2 bilion akan diperuntukkan oleh Kerajaan untuk sektor ini, sementara sektor swasta pula akan melabur sejumlah yang besar terutamanya melalui projek penswastaan seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-9. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM9.8 bilion adalah untuk pembangunan jalan raya. Peruntukan bagi sektor kecil lapangan terbang dan pelabuhan, masing-masing adalah sebanyak RM1.3 bilion dan RM486.8 juta. Bagi sektor kecil rel dan pengangkutan bandar, masing-masing diperuntukkan sebanyak RM3.4 bilion dan RM522.6 juta, sementara sektor kecil komunikasi dan kemudahan awam akan diperuntukkan sebanyak RM3.7 bilion. Penyaluran sumber kewangan sektor awam yang besar ini juga menawarkan peluang yang luas kepada sektor swasta yang terlibat dalam pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan infrastruktur pengangkutan dan kemudahan awam. Pada masa yang sama, pelaburan sektor swasta bagi projek infrastruktur yang diswastakan dijangka berjumlah RM68.3 bilion.

## **V. PENUTUP**

11.107 Dalam tempoh Rancangan Keenam pembangunan infrastuktur dan kemudahan awam telah mencapai kemajuan yang membanggakan dengan siap dan bermulanya beberapa projek utama khususnya melibatkan jalan raya, lapangan terbang dan pengangkutan bandar yang mana kebanyakannya dilaksanakan secara penswastaan. Projek-projek ini telah dan akan memberi sumbangan ke arah meningkatkan kapasiti dan kecekapan rangkaian infrastruktur. Pertumbuhan ekonomi yang dijangka pesat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh terus memberi tekanan ke atas kapasiti dan kecekapan rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam serta perkhidmatannya. Justeru itu, tumpuan akan diberi kepada pembangunan sektor ini melalui pendekatan berteraskan penawaran, mengutamakan kualiti dan jaminan serta peningkatan kecekapan selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memperbaiki produktiviti sebagai asas mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan.

## **BAB 12 : TENAGA**

### **I. PENDAHULUAN**

12.01 Sektor tenaga memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi kerana penyediaan bekalan tenaga yang mencukupi adalah diperlukan bagi menggerakkan aktiviti ekonomi. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), sektor tenaga telah menyediakan input penting untuk sektor industri yang berkembang pesat. Ia memberikan sumbangan yang besar kepada hasil Kerajaan di samping meningkatkan pendapatan eksport. Objektif utama sektor tenaga adalah memastikan bekalan tenaga yang mencukupi dan terjamin disediakan dengan kos yang berkesan, sumber-sumber tenaga diguna dengan cekap serta kesan negatif terhadap alam sekitar diminimumkan. Pembangunan sektor tenaga telah diberi perhatian yang lebih utama memandangkan permintaan tenaga pada keseluruhannya meningkat pada kadar 8.6 peratus setahun dan terdapat masalah bekalan dalam sektor kecil elektrik.

12.02 Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), usaha yang lebih padu akan diambil bagi memastikan pembangunan sumber tenaga akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan negara. Langkah akan dijuruskan kepada usaha membangunkan sumber yang boleh susut secara mampan di samping terus mempelbagaikan sumber tenaga. Dengan keperluan negara bagi penjanaan elektrik dipenuhi secukupnya melalui program pemasangan kapasiti baru oleh pihak utiliti dan penjanakuasa elektrik persendirian (IPP), tumpuan akan diberi untuk meluas dan mempertingkatkan infrastruktur penghantaran dan pengagihan.

12.03 Memandangkan tempoh yang lama diperlukan untuk melaksana projek tenaga, perancangan jangka panjang akan ditekankan. Usaha akan terus diambil bagi memperbaiki lagi operasi sektor tenaga dengan tujuan meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Bagi memastikan daya saing negara dikekalkan dan ditingkatkan, usaha yang berterusan akan diambil bagi meningkatkan sistem sokongan bekalan dan perkhidmatan tenaga yang berkualiti, terjamin dan cekap.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

12.04 Dalam tempoh RME, tumpuan sektor ini adalah untuk memastikan bekalan tenaga yang mencukupi dan terjamin serta menggunakan sumber dengan cekap di samping mengambil kira kepentingan alam sekitar. Strategi negara bagi mengurangkan penggantungan kepada minyak sebagai sumber tenaga telah menghasilkan pembangunan pesat sumber gas asli yang mesra alam sekitar. Dalam tempoh tersebut, penyusunan semula sektor bekalan elektrik telah dilaksanakan dengan pemberian lesen kepada tujuh IPP untuk menjana elektrik. Pada masa yang sama, usaha awal telah diambil untuk menjimatkan sumber tenaga negara melalui pembangunan dan penggalakan untuk mencapai kecekapan dalam sistem, proses, kelengkapan dan bangunan.

### **Permintaan Tenaga**

12.05 Tenaga Komersil. Penggunaan akhir tenaga komersil meningkat pada kadar purata 8.6 peratus setahun dalam tempoh Rancangan, selaras dengan pertumbuhan pesat sektor pembuatan dan pengangkutan seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-1. Intensiti penggunaan tenaga negara meningkat daripada 6.96 gigajoule (GJ) atau 0.166 tan metrik minyak (toe) bagi setiap ribu Ringgit Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam tahun 1990 kepada 7.07 GJ atau 0.169 toe bagi setiap ribu Ringgit KDNK dalam tahun 1995. Penggunaan tenaga per kapita meningkat sebanyak 6.6 peratus kepada 41.1 GJ atau 0.98 toe dalam tahun 1995. Dari segi campuran sumber tenaga, terdapat peralihan daripada minyak mentah dan barang petroleum kepada sumber tenaga alternatif hasil kejayaan dasar kepelbagaiannya empat bahan api. Penggunaan akhir gas asli, arang batu dan elektrik masing-masing meningkat pada kadar 17.8 peratus, 13.3 peratus dan 12.8 peratus setahun.

12.06 Sektor pengangkutan terus menjadi sektor pengguna tenaga yang terbesar dan mengguna 39.1 peratus daripada jumlah permintaan tenaga komersil dalam tahun 1995, diikuti oleh sektor pembuatan pada kadar 35.7 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-2. Dengan jumlah kenderaan bermotor bertambah pada kadar 7.0 peratus setahun, permintaan tenaga dalam sektor pengangkutan meningkat pada kadar 8.1 peratus setahun dalam tempoh RME. Permintaan tenaga oleh sektor pembuatan meningkat pada kadar 9.7 peratus setahun disebabkan pertumbuhan pesat dalam aktiviti yang menambah nilai di sektor tersebut. Sektor komersil dan kediaman mengguna lebih sedikit sepuluh peratus daripada jumlah permintaan tenaga.

### **Bekalan Tenaga**

12.07 Bekalan tenaga komersil asas meningkat pada kadar 2 peratus setahun dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-3. Penggantungan kepada minyak

mentah dan keluaran petroleum terus berkurangan menunjukkan kejayaan dalam pencapaian dasar kepelbagaian empat bahan api negara. Sumbangan minyak mentah dan barang petrolem kepada jumlah bekalan tenaga telah berkurang daripada 71.4 peratus pada tahun 1990 kepada 55.3 peratus pada tahun 1995, manakala sumbangan gas asli telah meningkat daripada 15.7 peratus kepada 33.8 peratus dalam tempoh yang sama. Peningkatan bekalan gas adalah sebahagian besarnya hasil daripada aktiviti pengeluaran yang pesat oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan kontraktor perkongsian pengeluarannya untuk memenuhi permintaan gas yang meningkat dalam sektor elektrik dan bukan elektrik.

### **Minyak Mentah**

12.08 Rezab, Carigali dan Pengeluaran. Rezab minyak mentah negara meningkat kira-kira 41 peratus daripada 2.9 bilion tong kepada 4.1 bilion tong dalam tempoh Rancangan seperti ditunjukkan dalam Carta 12-1. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kejayaan kegiatan carigali yang berterusan di luar pantai negara.

12.09 Sebelum tahun 1993, semua kegiatan carigali telah dijalankan di pelantar benua negara ini. Usaha carigali di kawasan laut dalam telah dimulakan pada tahun 1993 dengan termeterainya dua kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) yang mengandungi syarat yang lebih menarik bagi menggalakkan carigali di kawasan berisiko lebih tinggi. Dengan pemberian insentif fiskal tambahan iaitu penurunan duti eksport ke atas minyak mentah daripada 25 peratus kepada 20 peratus dan cukai pendapatan petroleum daripada 45 peratus kepada 40 peratus, Malaysia mempunyai kedudukan yang lebih menarik bagi pelaburan carigali petroleum.

12.10 Selaras dengan Dasar Susutan Negara yang bertujuan melanjutkan jangka hayat bekalan rezab minyak mentah, purata pengeluaran adalah kira-kira 631,000 tong sehari dalam tempoh Rancangan. Pengeluaran meningkat daripada 601,000 tong sehari pada tahun 1990 kepada 664,000 tong sehari pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Carta 12-2. Pengeluaran yang melebihi purata pada tahun 1995 adalah sebahagian besarnya hasil daripada prestasi pengeluaran yang lebih baik dari lapangan minyak yang sedia ada. Di samping itu, pengeluaran kondensat iaitu satu komponen minyak mentah yang didapati daripada aliran gas asli, meningkat hampir sekali ganda daripada 22,000 tong sehari pada tahun 1990 kepada 42,000 tong sehari pada tahun 1995.

12.11 Penggunaan. Minyak mentah tempatan adalah berkualiti tinggi kerana kandungan sulfurnya yang rendah. Sebahagian besar daripadanya telah dieksport. Walau bagaimanapun, jumlah eksport berbanding jumlah pengeluaran telah berkurang dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam Carta 12-2. Ini selaras dengan peningkatan dalam pemprosesan oleh loji penapisan tempatan.

12.12 Dalam tempoh Rancangan, kapasiti penapisan minyak mentah tempatan telah meningkat sebanyak 72 peratus kepada 356,000 tong sehari. Ini adalah kerana bermulanya operasi loji penapisan PETRONAS di Melaka berkapasiti 100,000 tong sehari pada tahun 1994 serta pembesaran loji penapisan sedia ada. Berikutan ini, jumlah minyak yang ditapis di dalam negeri bertambah sebanyak 45 peratus kepada kira-kira 121 juta tong atau 16 juta tan metrik minyak pada tahun 1995.

12.13 Dengan peningkatan kapasiti penapisan minyak mentah dalam negeri, negara bergerak ke arah pengeluaran barang petroleum seperti minyak bahan bakar, diesel dan petrol yang mencukupi untuk kegunaan sendiri. Walaupun jumlah import beberapa barang petroleum terus bertambah pada kadar 6.1 peratus setahun daripada 5.4 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 7.3 juta tan metrik pada tahun 1994, ianya kemudian berkurang dengan ketara kepada 1.9 juta tan pada tahun 1995. Jumlah besar bekalan barang petroleum meningkat pada kadar 4.7 peratus setahun dalam tempoh Rancangan kepada 15.8 juta tan metrik pada tahun 1995.

12.14 Harga. Harga runcit beberapa barang petroleum terus ditentukan oleh Mekanisma Harga Automatik (APM). Mekanisma ini mengambil kira kos, cukai dan harga barang petroleum di loji penapis di Singapura. Dalam tempoh Rancangan, harga minyak petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) adalah stabil di tahap kira-kira RM1.10 seliter bagi gasolin, RM0.65 seliter bagi diesel dan RM1.18 sekilogram bagi LPG. Walaupun harga barang petroleum di Singapura sentiasa turun naik, harga runcit tempatan dikekalkan melalui pengubahsuaian cukai yang dikenakan kepada barang petroleum.

### **Gas Asli**

12.15 Rezab, Carigali dan Pengeluaran. Hasil daripada kejayaan kegiatan carigali, rezab gas asli Malaysia meningkat kepada 85 trilion kaki padu pada tahun 1995, seperti ditunjukkan dalam Carta 12-3. Daripada jumlah ini, 83 peratus adalah gas tidak bersekutu. Peningkatan yang mendadak terhadap permintaan gas asli di semenanjung telah membawa kepada pembangunan dan permulaan tugas lapangan gas Jerneh pada tahun 1992. Lapangan gas tidak bersekutu ini mempunyai rezab 3.4 trilion kaki padu. Pengeluaran gas asli dalam negeri bertambah hampir sekali ganda daripada 1,865 juta kaki padu sehari (jkps) pada tahun 1990 kepada 3,476 jkps pada tahun 1995, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-4.

12.16 Penggunaan. Dalam tempoh Rancangan, penggunaan gas telah meningkat dengan ketara, terutamanya untuk menjana elektrik dan eksport, seperti ditunjukkan dalam Carta 12-4. Gas asli dari luar pantai Terengganu diproses di loji memproses gas (GPP) bagi mengeluarkan beberapa komponen untuk kegunaan sebagai bahan bakar dan bahansua. Metana, satu komponen yang kebanyakannya digunakan sebagai bahan bakar, dihantar melalui sistem Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) ke loji janakuasa elektrik di timur, selatan dan barat semenanjung serta dieksport ke

Singapura seperti ditunjukkan dalam Carta 12-5. Komponen lain iaitu etana, propana dan butana, digunakan sebagai bahansua oleh beberapa industri petrokimia yang mengeluarkan antara lain, methyl-tertiary-butyl-ether (MTBE), etiliana dan propiliana.

12.17 Sebahagian besar gas asli yang dikeluarkan di luar pantai Sabah terus digunakan oleh loji metanol dan loji hot briquette iron sebagai bahansua. Gas yang dikeluarkan di luar pantai Sarawak terus diguna bagi menghasilkan gas asli cecair (LNG) untuk dieksport ke Jepun dan Korea Selatan. Pengeluaran LNG meningkat daripada 6.5 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 11.9 juta tan metrik pada tahun 1995. Walaupun gas asli yang diguna untuk mengeluarkan LNG meningkat daripada 964 jkps pada tahun 1990 kepada 1,518 jkps pada tahun 1995, peratusannya daripada jumlah besar penggunaan gas berkurang daripada 95 peratus kepada 88 peratus dalam tempoh yang sama. Ini adalah disebabkan oleh meningkatnya penggunaan gas bagi menjana elektrik serta bermulatugasnya loji komersil middle distillate synthesis (MDS) yang pertama di dunia pada tahun 1993. Loji tersebut yang terletak di Bintulu, Sarawak menggunakan sebanyak 100 jkps gas asli.

12.18 Untuk mempelbagaikan lagi penggunaan gas dalam negara serta mempertingkatkan penggunaan bahan bakar pengangkutan yang lebih bersih, penggunaan gas sebagai bahan bakar untuk kenderaan telah digalakkan. Di bawah program penggalakan gas asli untuk kenderaan (NGV), bahan bakar ini dikecualikan daripada duti eksis supaya harga runcitnya di stesen NGV adalah setengah daripada harga petrol premium. Di samping itu, alat pengubahsuaian yang membolehkan enjin petrol menggunakan gas dikecualikan daripada duti import dan cukai jualan. Dalam tempoh Rancangan, enam stesen NGV telah dibina di Lembah Klang dan sebuah di Miri sementara 923 kenderaan yang menggunakan petrol, terutamanya teksi telah diubahsuai untuk membolehkan dua jenis bahan bakar digunakan. Ujian perjalanan sebuah bas NGV yang diimport telah dilaksanakan untuk menguji kemungkinan menggunakan dalam sistem pengangkutan awam tempatan. Satu projek yang diterajui oleh PETRONAS bagi membina sebuah kereta prototaip NGV telah dilancarkan pada tahun 1995.

12.19 Gas telah diagihkan ke industri dan pusat komersil serta kawasan kediaman. Mulai tahun 1992, pengagihan gas di semenanjung dilaksanakan oleh sebuah syarikat utiliti gas yang telah merentang saluran paip sepanjang 162 kilometer dan membekalkan 24 jkps gas, sebahagian besarnya kepada industri.

12.20 Bagi menjamin pembangunan sumber gas yang mampan, had penggunaan jangka panjang sebanyak 2,000 jkps gas yang diproses telah diterimapakai di semenanjung pada tahun 1993. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,300 jkps gas disediakan untuk menjana elektrik manakala sebahagian besar bakinya digunakan sebagai bahansua industri petrokimia serta dieksport ke Singapura. Namun begitu, dalam tempoh Rancangan penggunaan gas di sektor hiliran adalah kurang daripada had 2,000 jkps seperti ditunjukkan dalam Carta 12-4.

12.21 Harga. Harga gas yang dibekalkan untuk penjanaan elektrik serta pengagihan di semenanjung dikaitkan dengan harga minyak bahan bakar sederhana (MFO) di Singapura. Harga gas bagi industri dan pengguna pukal dirundingkan kes demi kes. Sementara harga gas di Sabah berdasarkan pengiraan pulangan bersih, harga LNG Sarawak pula dikaitkan dengan harga beberapa jenis minyak mentah yang diimport oleh Jepun bagi kegunaan negara tersebut.

12.22 Pelaburan. Kira-kira RM19 bilion telah dilaburkan bagi kegiatan carigali dan pembangunan rezab petroleum dalam tempoh Rancangan. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 16 peratus telah dibelanjakan bagi usaha carigali manakala selebihnya untuk kegiatan pembangunan dan pengeluaran. PETRONAS Carigali, iaitu kontraktor perkongsian pengeluaran milik Malaysia yang tunggal, telah melabur sebanyak 8.0 peratus daripada jumlah besar yang dibelanjakan oleh negara untuk usaha carigali. Penyertaan syarikat tempatan banyak tertumpu kepada pembekalan bahan dan perkhidmatan, khususnya setelah PETRONAS mensyaratkan kontraktor memperolehnya daripada pembekal tempatan. Pada tahun 1995, kira-kira 74 peratus daripada jumlah nilai kontrak yang ditawar bagi kegiatan huluan telah diberi kepada syarikat tempatan berbanding dengan 54 peratus pada tahun 1990. Sebanyak 39 peratus daripada jumlah kontrak yang diberi pada tahun 1995 adalah kepada syarikat Bumiputera berbanding dengan 36 peratus pada tahun 1990.

12.23 Penyertaan syarikat tempatan dalam pembekalan barang hiliran meningkat dengan pesat dalam tempoh Rancangan. Pada tahun 1990, kontrak berjumlah RM1.9 bilion telah diberi oleh anak syarikat dan syarikat sekutu PETRONAS. Daripada jumlah tersebut, hanya 15 peratus telah diberi kepada syarikat tempatan kerana mereka kekurangan teknologi, modal dan kepakaran yang diperlukan. Pada tahun 1995, bahagiannya telah meningkat dengan ketara kepada 92 peratus, terutamanya berikutan pelaksanaan dasar perolehan dan program vendor. Walaupun pencapaian ini adalah memberangsangkan, kontraktor tempatan masih mengimpor sebahagian besar bahan, teknologi dan kepakaran disebabkan ketiadaannya di pasaran tempatan.

12.24 Projek gas terbesar yang disiapkan dalam tempoh Rancangan adalah projek PGU yang bernilai RM3.3 bilion yang dilaksanakan oleh PETRONAS Gas Berhad. Projek tersebut melibatkan pembinaan saluran paip PGU II sepanjang 730 kilometer dan pemasangan tiga buah GPP masing-masing berkapasiti 250 jkps di Kerteh, Terengganu. PETRONAS juga melabur kira-kira RM3 bilion bagi pembinaan loji petrokimia yang mengeluarkan resin seperti etiliana dan propiliana untuk industri hiliran serta RM2.2 bilion bagi loji penapisan minyak mentah di Tangga Batu, Melaka.

12.25 Di samping membangunkan industri petroleum tempatan, PETRONAS telah mengembangkan aktivitinya ke luar negara dengan memanfaatkan pengetahuan, kepakaran dan ikatan strategiknya ke arah pembentukan sebuah syarikat

multinasional yang bersepada. Anak syarikatnya melaksanakan kegiatan carigali petroleum di luar pantai Myanmar, Filipina, Republik Rakyat China, Syria, Vietnam dan Yaman. PETRONAS telah menyertai kegiatan hiliran seperti pemasaran dan pengedaran barang petroleum di Filipina, India, Kemboja, Republik Rakyat China, Seychelles, Thailand, Vietnam dan Zimbabwe. PETRONAS juga memperolehi ekuiti dalam industri penyaluran dan pengagihan gas di Argentina dan Australia. Syarikat swasta turut melabur dalam industri gas di Pakistan dan membangunkan sebuah lapangan minyak di Uzbekistan.

12.26 Pada tahun 1992, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (PBBMT) telah ditubuhkan untuk mencarigali dan mengusahahasil sumber petroleum di kawasan bertindih di luar pantai timur semenanjung seperti ditunjukkan dalam Carta 12-5. Di bawah skim kerjasama yang unik ini, Kerajaan Malaysia dan Thailand berkongsi secara saksama segala kos dan faedah. Beberapa PSC telah ditandatangani di antara PBBMT dengan tiga kontraktor perkongsian pengeluaran pada tahun 1994. Berikut itu, kira-kira RM132 juta telah dibelanjakan bagi kegiatan carigali di kawasan pembangunan bersama (JDA) ini.

### **Arang Batu**

12.27 Dalam tempoh RME, Dasar Mineral Negara telah digubal untuk memudah dan mempercepatkan pengluasan dan kepelbagaian sektor mineral di samping untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan pembangunan serta pengurusan sumber mineral negara termasuk arang batu. Pada masa ini, jumlah sumber arang batu dalam negara dianggarkan sebanyak 982 juta tan metrik. Rezab terbukti arang batu pada tahun 1995 adalah berjumlah 175.5 juta tan metrik dan sebanyak 97.3 peratus daripadanya didapati di Sarawak dan bakinya di Sabah. Enam lesen mencarigali dan melombong telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan satu lesen mencarigali oleh Kerajaan Negeri Sabah. Kira-kira RM51 juta telah dilaburkan dalam tempoh tersebut untuk aktiviti carigali dan pembangunan. Walaupun kos pengeluaran arang batu tempatan adalah agak berdaya saing, kos pengangkutan yang tinggi disebabkan oleh kedudukan sumber arang batu jauh di kawasan pedalaman telah menghalang aktiviti perlombongan seterusnya. Walau bagaimanapun, pengeluaran dari lombong yang sedia ada telah meningkat lebih sekali ganda daripada 98,600 tan metrik pada tahun 1990 kepada 200,000 tan metrik pada tahun 1995.

12.28 Selaras dengan dasar kepelbagaian berdasarkan empat bahan api, penggunaan arang batu tempatan sebagai sumber tenaga telah digalakkan. Daripada jumlah pengeluaran pada tahun 1995, kira-kira 65 peratus telah dicampurkan dengan arang batu yang diimport untuk kegunaan stesen Janakuasa Sultan Abdul Aziz di Kapar, Selangor. Walaupun eksport arang batu telah meningkat sedikit daripada 26,000 tan metrik pada tahun 1990 kepada 35,000 tan metrik pada tahun 1995, keperluan tempatan terus dipenuhi dengan arang batu import yang telah meningkat daripada

1.8 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 2.4 juta tan metrik pada tahun 1995. Selain daripada penjanakuasa, pengguna arang batu utama yang lain adalah industri simen.

### **Hidro**

12.29 Anggaran kasar potensi kuasa hidro negara pada akhir tempoh Rancangan adalah sebanyak 29,000 megawatt (MW). Daripada jumlah ini, sebanyak 1,414 MW telah dimajukan sehingga tahun 1990 yang melibatkan loji besar seperti Projek Hidroelektrik Kenyir dengan kapasiti 400 MW dan projek-projek mini hidro dengan kapasiti di antara 100 kilowatt (kW) hingga 10 MW. Kira-kira 69 peratus daripada potensi kuasa hidro yang belum lagi dimajukan terdapat di Sarawak, 17.2 peratus di Sabah dan 13.8 peratus di semenanjung. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 70 MW kuasa hidro tambahan telah dimulatugas oleh Tanaga Nasional Berhad (TNB) di Sungai Piah, Perak. Kerja pembinaan Projek Hidroelektrik Pergau yang berkapasiti 600 MW oleh TNB diteruskan dalam tempoh Rancangan. Jumlah elektrik yang dijana oleh kuasa hidro telah meningkat daripada 4,001 gigawattjam (GWj) pada tahun 1990 kepada 4,424 GWj pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, bahagian kuasa hidro daripada keseluruhan penjanaan elektrik telah berkurang daripada 17.6 peratus kepada 10.6 peratus dalam tempoh yang sama.

### **Elektrik**

12.30 Penjanaan. Kapasiti baru telah dipasang oleh TNB, Lembaga Letrik Sabah (LLS), Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (SESCO) dan IPP untuk memenuhi permintaan yang bertambah pada kadar 12.8 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Sejumlah 5,535 MW kapasiti penjanaan baru telah ditambah kepada sistem TNB dan 33.5 peratus daripadanya dilaksanakan secara cepat sebagai tindakbalas kepada gangguan bekalan yang serius yang berlaku di semenanjung pada September 1992. Daripada jumlah kapasiti baru ini, sebanyak 51 peratus telah dibangunkan oleh TNB dan bakinya oleh IPP. Rezab margin TNB telah berkurang daripada kira-kira 33 peratus pada tahun 1990 kepada 18 peratus pada tahun 1993 dan kemudian bertambah kepada 61.1 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-5.

12.31 Kapasiti penjanaan terpasang LLS telah meningkat dengan kadar 17.2 peratus setahun daripada 303 MW pada tahun 1990 kepada 671 MW pada tahun 1995. Dalam tempoh Rancangan, sebahagian besar sistem bekalan elektrik LLS masih tidak bersepada. Sebahagian besar pusat permintaan di pantai barat Sabah dihubungi oleh rangkaian talian penghantaran voltan tinggi, manakala kawasan pantai timur masih dibekalkan oleh sistem yang tidak bersepada. Secara keseluruhan, sistem yang tidak bersepada memerlukan rezab margin yang lebih tinggi oleh kerana rezab tidak dapat dikongsi. Permintaan puncak bagi elektrik di Sabah bertambah sebanyak 9.6 peratus setahun daripada 204 MW kepada 323 MW dalam tempoh yang sama. Rezab margin

LLS telah meningkat daripada 48.5 peratus pada tahun 1990 kepada 107.7 peratus pada tahun 1995. Langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menambah kapasiti melalui projek yang dibangunkan oleh LLS dan IPP. LLS telah memasang unit turbin gas aeroderivative 20 MW setiap satu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Di samping itu, IPP telah diberi lesen untuk memasang loji penjanaan minyak berkapasiti 50 MW di Melawa dan sebuah loji berkapasiti 36 MW di Tawau.

12.32 Kapasiti penjanaan SESCo adalah lebih daripada mencukupi untuk memenuhi permintaan. Jumlah kapasiti terpasang bertambah sebanyak 12.3 peratus setahun dan permintaan puncak sebanyak 14.2 peratus setahun menjadikan rezab margin sebanyak 71.1 peratus pada tahun 1995. SESCo telah memulatugas loji-loji turbin gas di Bintulu, Kuching dan Miri dengan kapasiti berjumlah 210 MW. Di samping itu, sebuah anak syarikat milik penuh SESCo telah diberi lesen untuk membina loji janakuasa menggunakan arang batu berkapasiti 100 MW di Sejingkat. Loji ini yang direkabentuk menggunakan arang batu dari Merit Pila akan bermulatugas dalam tempoh RMT.

12.33 Campuran Penjanaan. Selaras dengan dasar kepelbagaiannya empat bahan api, penggunaan gas untuk menjana elektrik dalam negeri bertambah daripada 26.2 peratus pada tahun 1990 kepada 68.4 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-6. Sumbangan oleh gas dalam sistem bekalan TNB jelas meningkat daripada 27.1 peratus pada tahun 1990 kepada 70.3 peratus pada tahun 1995. Pertambahan penggunaan gas adalah disebabkan bermulatugasnya loji janakuasa berdasarkan gas milik TNB di Connaught Bridge, Pasir Gudang, Pelabuhan Klang, Serdang dan Tanjung Kling serta loji IPP di Paka, Pasir Gudang, Port Dickson dan Telok Gong dalam tempoh tersebut seperti ditunjukkan dalam Carta 12-5. Sumbangan gas untuk penjanaan elektrik bagi SESCo bertambah dengan banyak daripada 19 peratus pada tahun 1990 kepada 68.3 peratus pada tahun 1995, hasil daripada tambahan kapasiti berdasarkan gas di Bintulu dan Miri. Semasa tempoh Rancangan, campuran penjanaan LLS tidak banyak berubah. Dengan perkembangan ini, terdapat pengurangan secara keseluruhan sumbangan minyak bahan bakar daripada 41.9 peratus pada tahun 1990 kepada 11.2 peratus pada tahun 1995, sejajar dengan peningkatan dalam sumbangan gas.

12.34 Penghantaran. Sejajar dengan peningkatan kapasiti penjanaan, rangkaian talian penghantaran dan pengagihan diperluaskan bagi meningkatkan kawasan liputan dan juga memperbaiki sistem supaya lebih stabil dan terjamin. Peningkatan rangkaian talian penghantaran TNB melibatkan pemasangan talian voltan tinggi antara 132 kilovolt (kV) hingga 275 kV sepanjang 5,029 kilometer-litaran (km-litaran) dan pengurangan talian 66kV daripada 892 km-litaran pada tahun 1990 kepada 274 km-litaran pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-7. Di samping itu TNB mula melaksanakan satu projek utama talian penghantaran 500 kV pada tahun 1995.

12.35 Dalam tempoh tersebut LLS telah menyiapkan sistem talian penghantaran 33 kV di Tuaran dan telah memulakan kerja pembinaan talian 33 kV dari Patau-Patau ke

Sungai Berdaun dan pencawang yang berkaitan. Di antara projek talian penghantaran yang dilaksanakan oleh SESCo ialah talian penghantaran 275 kV sepanjang 198 kilometer yang menghubungkan Bintulu dan Miri dan talian penghantaran 132 kV sepanjang 56 kilometer dari Kemantan ke Tanjung Manis dalam Bahagian Sarikei.

12.36 Pengagihan. Rangkaian pengagihan utiliti mengandungi talian berkapasiti 33 kV, 22 kV, 11 kV dan 0.415 kV. Rangkaian TNB yang melibatkan tiga kapasiti yang tertinggi telah diperluaskan daripada 25,765 km-litaran kepada 44,276 km-litaran dalam tempoh RME seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-8. Sistem TNB telah diperteguhkan dengan penambahan sebanyak 8,753 pencawang. LLS memperluaskan rangkaian talian pengagihan bagi kapasiti yang sama daripada 2,850 km-litaran pada tahun 1990 kepada 3,555 km-litaran pada tahun 1995. Peningkatan keupayaan pengagihan ini juga telah melibatkan penubuhan 351 pencawang. Bagi SESCo pula, rangkaian talian yang sama bertambah sebanyak 1,351 km-litaran. Dengan pembesaran rangkaian pengagihan tersebut, ketiga-tiga syarikat utiliti berupaya memberi perkhidmatan kepada 1.37 juta pengguna baru.

12.37 Bekalan Elektrik Luar Bandar. Menjelang akhir tempoh Rancangan, 92 peratus daripada isirumah luar bandar di Malaysia mendapat bekalan elektrik berbanding dengan 80 peratus pada tahun 1990 seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-9. Daripada jumlah perbelanjaan bagi bekalan elektrik luar bandar oleh Kerajaan Persekutuan, 87 peratus adalah untuk projek penyambungan grid dan bakinya untuk projek secara berasingan yang melibatkan pemasangan janakuasa disel dan sistem berkuasa solar. Di samping itu, TNB membelanjakan sebanyak RM100 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar di semenanjung.

12.38 Pelaburan. Untuk memenuhi pertambahan permintaan, sejumlah RM25.1 bilion telah dilaburkan dalam sektor elektrik oleh utiliti dan IPP untuk menambah kapasiti dan memperbaiki jaminan sistem bekalan seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-10 berbanding RM15.4 bilion yang disasarkan dalam tempoh RME. Daripada jumlah pelaburan tersebut, 71.1 peratus adalah untuk penjanaan, 13.9 peratus untuk sistem penghantaran dan 15 peratus untuk sistem pengagihan. Pelaburan untuk penjanaan adalah bagi projek yang dimulatugas dalam tempoh RME dan yang akan dimulatugas dalam tempoh RMT. Daripada jumlah kapasiti yang dimulatugas dalam tempoh RME, bahagian TNB adalah sebanyak 45.6 peratus atau 2,823 MW, LLS sebanyak 6.0 peratus atau 368 MW, SESCo sebanyak 4.6 peratus atau 282 MW dan IPP sebanyak 43.8 peratus atau 2,712 MW. Kos asing merupakan kira-kira 75 peratus daripada jumlah pelaburan.

12.39 Kecekapan dan Produktiviti. Pertumbuhan permintaan elektrik di luar jangka terutama di semenanjung telah menimbulkan tekanan terhadap sistem TNB yang menyebabkan berlakunya gangguan bekalan pada awal tempoh Rancangan. Langkah segera telah diambil untuk meningkatkan jaminan dan kualiti bekalan melalui pembesaran kapasiti sistem penjanaan serta peningkatan dan pembesaran rangkaian

talian penghantaran dan pembahagian. Pada masa yang sama peningkatan kecekapan telah dicatatkan di beberapa bidang seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-11. Tekanan permintaan juga dialami oleh sistem LLS. Langkah yang sama telah diambil dan ini telah menghasilkan peningkatan ketara dalam jaminan dan kualiti bekalan. Kecekapan dan produktiviti SESCo telah meningkat ke tahap yang memuaskan dalam tempoh Rancangan.

12.40 Harga. Berikutan penswastaan TNB harga elektrik dikawalselia oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas (JBEG) yang mengambil kira kos dan pulangan kepada industri. Tarif purata sistem TNB telah stabil pada kadar kira-kira 18.7 sen sekilowattjam (kWj) dalam tempoh Rancangan. Kos bekalannya yang tinggi telah mengakibatkan tarif purata LLS dan SESCo lebih tinggi daripada TNB. Walaupun tarif purata LLS adalah lebih tinggi berbanding dengan TNB, ianya telah berkurangan daripada 25.7 sen/kWj pada tahun 1990 kepada 24.6 sen/kWj pada tahun 1995. Ini terutamanya disebabkan pengurangan tarif di Labuan pada tahun 1992 untuk menyamai kadar tarif di semenanjung. Tarif purata SESCo meningkat daripada 27.4 sen/kWj pada tahun 1990 kepada 28.2 sen/kWj pada tahun 1995.

### **Tenaga Bukan Lazim**

12.41 Malaysia dianugerahkan bukan sahaja dengan sumber tenaga yang boleh susut tetapi juga dengan sumber tenaga bukan lazim yang boleh diperbaharui seperti biomass, solar dan angin. Walau bagaimanapun, kos memanfaatkannya adalah tinggi. Penggunaan sumber ini bertambah pada kadar 7.4 peratus setahun daripada 92.5 PJ pada tahun 1990 kepada 132.3 PJ pada tahun 1995. Sebahagian besar sumber ini adalah terdiri daripada biomass, seperti sisa buangan kelapa sawit dan kayu yang digunakan untuk mengeluarkan kuasa wap bagi aktiviti pemprosesan dan juga untuk menjana elektrik. Dalam tempoh tersebut, satu loji ujian menggunakan kuasa angin dengan kapasiti sebanyak 150 kW telah dibina di sebuah pulau berhampiran Sabah. Kerajaan juga telah melaksanakan sebanyak 32 projek untuk menjana elektrik dengan menggunakan teknologi solar yang memanfaatkan kira-kira 800 isirumah luar bandar, sebahagian besarnya di Sabah dan Sarawak.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

12.42 Teras RMT akan terus menumpu kepada usaha untuk memastikan bekalan tenaga yang mencukupi, terjamin dan pada kos yang berkesan serta mengguna sumber tenaga dengan cekap di samping meminimumkan kesan negatif ke atas alam sekitar. Objektif menjamin bekalan tenaga yang mencukupi akan terus ditekankan melalui usaha mengguna pelbagai sumber tenaga selaras dengan dasar kepelbagaian empat bahan api. Objektif bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga di samping mengurangkan pembazirannya akan diteruskan. Kandungan import dalam kelengkapan dan mesin berkaitan tenaga akan dikurangkan menerusi peningkatan pengeluaran komponen buatan tempatan bagi kegunaan dalam negeri di samping untuk dieksport. Pertimbangan alam sekitar akan terus diambil kira dalam usaha memanfaat dan menggunakan sumber tenaga.

#### **Permintaan Tenaga**

12.43 Tenaga Komersil. Dalam tempoh RMT, permintaan keseluruhan tenaga komersil dijangka meningkat pada kadar 8.9 peratus setahun daripada 836.7 PJ pada tahun 1995 kepada 1,279.4 PJ pada tahun 2000, manakala intensiti penggunaan tenaga ekonomi dijangka meningkat daripada 7.07 GJ atau 0.169 toe bagi setiap ribu Ringgit KDNK kepada 7.34 GJ atau 0.175 toe bagi setiap ribu Ringgit KDNK dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan kemajuan ekonomi ke arah industri intensif tenaga di samping peningkatan kemakmuran hidup penduduk. Penggunaan per kapita dijangka meningkat pada kadar 6.4 peratus setahun daripada 41.1 GJ pada tahun 1995 kepada 56.1 GJ pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-1. Walaupun bahagian arang batu dan coke dijangka terus kecil daripada jumlah permintaan tenaga komersil akhir, pertumbuhan permintaannya dijangka bertambah dengan lebih pesat berbanding dengan sumber-sumber tenaga lain disebabkan oleh peningkatan penggunaannya bagi pengeluaran simen. Dengan perkembangan infrakstruktur bekalan gas kepada sektor bukan elektrik, yang mengandungi pengguna komersil, industri dan kediaman, pertumbuhan permintaan bagi gas asli dijangka meningkat pada kadar 12.7 peratus setahun.

12.44 Permintaan kuasa elektrik dijangka berkembang pada kadar 11 peratus setahun dan dengan ini telah meningkatkan bahagiannya dalam jumlah permintaan tenaga kepada 17.3 peratus pada tahun 2000. Penggunaan elektrik per kapita akan turut meningkat pada kadar 8.9 peratus setahun kepada kira-kira 2,800 kWj pada tahun 2000. Selaras dengan dasar mempelbagaikan bahan api, bahagian barang petroleum daripada jumlah permintaan tenaga komersil dijangka merosot kepada 61 peratus pada tahun 2000. Walaupun demikian, permintaan untuk barang petroleum dijangka berkembang pada kadar 6.7 peratus berikutan daripada meningkatnya permintaan terutamanya untuk kegunaan kendaraan bermotor.

12.45 Sektor pengangkutan akan terus mengekalkan kedudukannya sebagai sektor utama pengguna tenaga utama selaras dengan perkembangannya yang pesat yang dijangka dalam tempoh RMT. Sumber tenaga baru yang digunakan oleh sektor ini adalah kuasa elektrik, terutamanya dengan pengenalan sistem pengangkutan berdasarkan elektrik seperti Transit Rel Ringan dan perkhidmatan keretapi komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Permintaan tenaga oleh sektor ini dijangka berkembang pada kadar 8.4 peratus setahun dan akan menyumbang sebanyak 38.3 peratus daripada jumlah permintaan tenaga pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-2. Dengan permintaan tenaga komersil oleh sektor pembuatan dijangka meningkat pada kadar 10.3 peratus setahun, bahagiannya dalam jumlah permintaan tenaga akan menyamai sektor pengangkutan pada tahun 2000. Bagi sektor kediaman pula, permintaan tenaga akan berkembang dengan kadar 4.6 peratus setahun selaras dengan peningkatan pendapatan.

### **Bekalan Tenaga**

12.46 Bekalan tenaga yang terjamin akan dipastikan melalui campuran bahan api yang berhemat dengan sebahagian besarnya berdasarkan kepada sumber tempatan. Sehubungan dengan ini, usaha yang berterusan akan dijalankan bagi melahirkan suasana yang sihat ke arah menggalakkan aktiviti carigali dan pengeluaran sumber tenaga boleh susut di samping memperolehi potensi tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui. Bekalan tenaga komersil asas dijangka berkembang pada kadar 7.2 peratus setahun seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-3.

### **Minyak Mentah**

12.47 Carigali dan Pengeluaran. Dalam usaha untuk meningkatkan rezab minyak mentah Malaysia, kegiatan carigali akan diteruskan terutamanya di kawasan laut dalam. Di samping itu kaedah pembangunan bersepadan yang cekap dari segi kos akan dimajukan untuk menggantikan pendekatan pembangunan lapangan secara berasingan. PETRONAS juga akan terus bergiat dalam kegiatan huluan di luar negara untuk mendapatkan sumber alternatif minyak mentah bagi membantu rezab tempatan. Purata pengeluaran minyak mentah dianggarkan 606,000 tong sehari dalam tempoh RMT manakala pengeluaran kondensat pula dijangka kira-kira 89,000 tong sehari.

12.48 Penggunaan. Bagi mengekalkan kedudukan minyak mentah Malaysia sebagai minyak mentah rujukan di pasaran antarabangsa, kira-kira 43 peratus daripada jumlah yang dikeluarkan akan terus dieksport manakala bakinya akan ditapis di dalam negeri. Negara akan mempunyai kapasiti penapisan minyak yang mencukupi untuk kegunaan sendiri dengan bermulatugasnya loji penapisan kedua yang berkapasiti 100,000 tong sehari di Tangga Batu, Melaka pada tahun 1997. Malaysia pada masa itu akan memiliki enam loji yang berupaya menapis 456,000 tong sehari dan keluaran yang berlebihan daripada keperluan tempatan akan dieksport. Pembinaan saluran paip pelbagai

barangan petroleum dari loji penapisan di Melaka dan Port Dickson ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang serta sebuah terminal pukal di Sepang akan memastikan bahawa barangan petroleum akan disalurkan ke kawasan ini dengan selamat. Peningkatan pemerosesan loji penapisan yang sedia ada akan membolehkan penghasilan keluaran seperti nafta yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.

### **Gas Asli**

12.49 Carigali dan Pengeluaran. Langkah yang berterusan seperti mengkaji semula syarat fiskal dan perkongsian pengeluaran akan diambil apabila perlu untuk menggalakkan pembangunan lapangan gas. Strategi seperti mencarigali di kawasan laut dalam dan pembangunan bersepadu lapangan sedia ada akan juga dilaksanakan untuk mempercepatkan pembangunan gas dan memastikan bekalan yang mencukupi. Pengeluaran gas dalam tempoh Rancangan dijangka meningkat sebanyak 12.4 peratus setahun kepada 6,238 jkps pada tahun 2000. Satu kemungkinan sumber gas baru ialah JDA yang diuruskan oleh PBBMT dan dijangka memulakan pengeluaran pada tahun 1999.

12.50 Penggunaan. Usaha akan diambil bagi memastikan bekalan gas untuk keperluan pengguna adalah mencukupi dan memenuhi spesifikasi kualiti. Menjelang tahun 2000, kira-kira 1,300 jkps atau 65 peratus daripada jumlah metana yang dikeluarkan di Terengganu dijangka digunakan untuk menjana elektrik seperti ditunjukkan dalam Carta 12-6. Baki sebanyak 35 peratus akan dieksport ke Singapura di samping digunakan oleh industri tempatan sebagai bahan bakar atau bahansua. Komponen lain daripada gas yang diproses akan digunakan untuk memenuhi keperluan pembesaran loji etiliana dan propiliana. PETRONAS juga akan membina sebuah loji aromatik dan loji vinyl-chloride-monomer di Kerteh, Terengganu serta sebuah loji urea di Gurun, Kedah. Keluaran daripada loji petrokimia akan memberi manfaat kepada industri hiliran seperti industri plastik dalam usaha menghasilkan keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.

12.51 Walaupun loji metanol dan hot briquette iron akan terus merupakan pengguna utama gas di Sabah, penggunaan gas untuk penjanaan elektrik juga akan meningkat dalam tempoh Rancangan. Di Sarawak, penggunaan gas akan meningkat dengan siapnya loji LNG ketiga yang dijangka memulakan operasinya pada tahun 2000. Kapasiti loji ini ialah 6.8 juta tan metrik setahun. Menjelang akhir tempoh Rancangan, kira-kira 93 peratus daripada gas yang dikeluarkan di Sarawak akan digunakan oleh loji LNG manakala bakinya disalurkan ke loji petrokimia dan janakuasa elektrik di Bintulu serta ke sebuah loji janakuasa elektrik, rumah kediaman dan pusat komersil di Miri.

12.52 Bagi pengagihan gas, kira-kira 250 kilometer rangkaian saluran paip akan dibina, sebahagian besarnya di Lembah Klang dengan tujuan untuk membekal gas kepada pengguna industri, komersil dan rumah kediaman serta stesen runcit NGV. Industri

pengagihan gas adalah tertakluk kepada Akta Bekalan Gas, 1993 dan peraturan-peraturannya, kedua-duanya di bawah kawalseliaan JBEG. Pada asasnya, fungsi dan tanggungjawab jabatan ini adalah bagi melindungi kepentingan pengguna dengan memastikan harga gas yang berpatutan serta menguatkuaskan piawaian keselamatan dan spesifikasi teknikal.

12.53 Pelaburan. Kira-kira RM32 bilion dijangka dilaburkan dalam kegiatan huluan dan hiliran industri petroleum oleh PETRONAS, kontraktor perkongsian pengeluaran dan rakan usahasamanya. Daripada jumlah ini, kira-kira 52 peratus adalah untuk membayai aktiviti carigali, pembangunan dan pengeluaran di perairan Malaysia. Di samping itu, kontraktor PBBMT dijangka melabur kira-kira RM3 bilion bagi aktiviti carigali dan pembangunan gas di JDA.

12.54 Sejumlah kira-kira RM15 bilion akan dibelanjakan oleh PETRONAS bagi kegiatan hiliran dalam tempoh Rancangan dengan sebahagian besarnya untuk kegiatan berkaitan gas. Perbelanjaan modal tersebut termasuk kira-kira RM1.3 bilion untuk membina saluran paip PGU III yang bermula dari Meru, Selangor menuju ke utara melalui Perak, Pulau Pinang dan Kedah sehingga ke Perlis. Saluran PGU III akan menyalurkan gas kepada negeri-negeri tersebut pada pertengahan tahun 1998. Di samping itu, sebanyak RM1.2 bilion akan dilaburkan bagi pembinaan saluran paip selari dengan bahagian PGU II yang merentangi dari Kerteh ke Lembah Klang melalui Segamat. Saluran selari yang akan siap pada tahun 1998 akan menambah kapasiti penyaluran gas ke Lembah Klang yang mempunyai kadar tertinggi penggunaan gas. Kira-kira RM3.2 bilion akan dilaburkan bagi pembinaan dua GPP untuk meningkatkan lagi keupayaan memproses gas kepada lebih 2,000 jkps pada tahun 1999. PETRONAS juga dijangka membelanjakan kira-kira RM4.4 bilion untuk berbagai projek petrokimia dan RM4.9 bilion bagi loji penapisan minyak mentah yang kedua di Tangga Batu, Melaka.

### **Arang Batu**

12.55 Selaras dengan usaha untuk mencapai dasar mempelbagaikan bahan api dalam konteks perancangan berasaskan kos terendah, peranan arang batu akan diperingkatkan dalam tempoh Rancangan. Carigali dan penilaian sumber arang batu akan dipergiatkan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan sektor swasta, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pembangunan enapan arang batu yang telah dikenalpasti dijangka diperingkatkan memandangkan wujudnya permintaan yang tinggi bagi arang batu dalam penjanaan elektrik dan pembuatan simen. Kira-kira 90 peratus daripada jumlah keperluan arang batu negara yang dianggarkan sebanyak 5.5 juta tan metrik setahun akan ditampung oleh import. Dengan adanya kemudahan infrakstruktur yang lebih baik ke kawasan enapan arang batu, pengeluaran arang batu tempatan dijangka terus meningkat. Pengeluaran arang batu tempatan dijangka meningkat daripada 200,000 tan metrik pada tahun 1995 kepada 510,000 tan metrik pada tahun 2000 dan kebanyakannya akan digunakan dalam negeri. Dua loji

janakuasa elektrik menggunakan arang batu akan bermulatugas, satu oleh TNB iaitu stesen janakuasa di Klang, Selangor yang berkapasiti 1,000 MW dan juga berkeupayaan menggunakan gas dan satu lagi oleh anak syarikat SESCo, berkapasiti 100 MW di Sejinkat, Sarawak. Di samping itu, penggunaan arang batu sebagai bahan bakar akan meningkat dengan beroperasinya empat kilang simen yang baru. Kilang simen di Kuching, Sarawak dijangka menggunakan arang batu tempatan manakala kilang di Gua Musang, Kelantan, di Bahau, Negeri Sembilan dan di Bukit Sagu, Pahang dijangka menggunakan arang batu yang diimport.

12.56 Dengan pelaksanaan Dasar Mineral Negara, sektor swasta dijangka memainkan peranan utama dalam membangunkan sumber arang batu negara dengan penglibatannya yang lebih besar dalam kegiatan carigali, pembangunan dan pengeluaran. Walau bagaimanapun, disebabkan jangka waktu pembangunan yang panjang, manfaat daripada inisiatif yang diterajui oleh sektor swasta ini hanya akan dapat dinikmati selepas tahun 2000. Usaha akan diambil untuk meningkatkan bilangan tenaga pakar dan kepakaran terutamanya dalam bidang perlombongan bawah tanah. Memandangkan kebanyakannya enapan arang batu terletak jauh di kawasan pedalaman, perhatian sewajarnya akan diberikan bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan, pengagihan dan penyimpanan mineral ini. Langkah akan diambil bagi memastikan pengeluaran dan penggunaan arang batu dapat menepati piawaian alam sekitar.

### **Hidro**

12.57 Memandangkan penjanaan hidroelektrik adalah bertepatan dengan tujuan dari segi mesra alam sekitar dan bagi mencapai tujuan dasar kepelbagaian berasaskan empat bahan api, langkah akan diambil untuk menggalakkan pembangunan sumber kuasa hidro negara. Projek Hidroelektrik Pergau yang dijangka bermulatugas pada tahun 1996 akan meningkatkan tenaga yang dijana oleh sumber hidro kepada 5,204 GWj menjelang tahun 2000 dan ini merupakan 7.5 peratus daripada jumlah kuasa elektrik yang dijana dalam negara.

12.58 Pembinaan Projek Hidroelektrik Bakun yang mempunyai kapasiti 2,400 MW dan bercirikan hidrologi terbaik dijangka dimulakan dalam tempoh Rancangan dan bermulatugas sepenuhnya pada tahun 2003. Projek ini mengandungi antara lain, empangan jenis isianbatu bermuka konkrit dengan ketinggian 205 meter dan talian kabel dasar laut arus langsung sepanjang 670 kilometer yang menghubungkan Sarawak dengan semenanjung. Empangan dan kabel dasar laut masing-masing akan menjadi yang tertinggi dan terpanjang di dunia. Loji hidro projek ini yang mempunyai faktor beban yang tinggi, iaitu sebanyak kira-kira 80 peratus akan memenuhi keperluan asas di semenanjung dan Sarawak. Ianya dijangka membekalkan 12,850 GWj tenaga elektrik setahun atau kira-kira 1,553 MW dari segi kapasiti teguh ke semenanjung dan 875 GWj setahun kepada sistem SESCo atau kira-kira 100 MW dari segi kapasiti teguh. Pada tahap faktor beban sebanyak 80 peratus, projek ini

berupaya menjimatkan penggunaan kira-kira 5.5 juta tan metrik arang batu setahun bernilai kira-kira RM560 juta mengikut harga tahun 1995. Penyiapan projek ini akan menandakan bermulanya rancangan penggabungan sistem elektrik bagi semenanjung, Sabah dan Sarawak.

12.59 Selain daripada Projek Hidroelektrik Bakun, kerja rekabentuk Projek Hidroelektrik Liwagu di Sabah yang mempunyai kapasiti 165 MW dijangka disiapkan dalam tempoh Rancangan. Projek ini yang dijangka bermulatugas dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan akan berfungsi sebagai loji yang memenuhi permintaan puncak. Di samping itu, tiga projek mini hidro di Pukak, Tagap dan Tenompok dengan kapasiti berjumlah 950 kW akan dilaksanakan di Sabah.

### **Elektrik**

12.60 Keperluan tenaga elektrik negara akan dapat dipenuhi dalam tempoh RMT oleh syarikat utiliti serta sembilan IPP iaitu lima untuk sistem TNB dan empat untuk sistem LLS. Syarikat utiliti akan memberi tumpuan yang lebih kepada pengluasan dan peningkatan rangkaian talian penghantaran dan pengagihan.

12.61 Penjanaan. Dalam tempoh Rancangan, tambahan kapasiti sebanyak 4,066 MW akan dimulatugas oleh TNB, LLS, SESCo dan IPP. Sistem TNB akan diperkuuhkan lagi dengan penambahan sebanyak 3,437 MW menjadikan jumlah kapasiti penjanaan di semenanjung sebanyak 13,548 MW pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-5. Antara projek utama adalah loji milik IPP berkapasiti 1,300 MW berdasarkan gas di Lumut, Perak, loji milik TNB berkapasiti 1,000 MW yang menggunakan arang batu di Pelabuhan Klang, Selangor dan loji hidroelektrik berkapasiti 600 MW di Pergau, Kelantan. Dengan permintaan diunjurkan meningkat pada kadar 11 peratus setahun, rezab margin dijangka berkurang kepada 29.7 peratus pada tahun 2000.

12.62 Pada tahun 2000 kapasiti terpasang sistem LLS akan meningkat kepada kira-kira 960 MW. Dengan permintaan puncak meningkat pada kadar 11.4 peratus setahun, rezab margin dijangka berada di paras 73 peratus. Beberapa projek IPP akan bermulatugas dalam tempoh Rancangan. Ini termasuk loji berdasarkan gas berkapasiti 120 MW di Karambunai dan tiga loji berdasarkan minyak di Melawa, Sandakan dan Tawau dengan kapasiti terpasang masing-masing sebanyak 50 MW, 60 MW dan 36 MW. Pembinaan Projek Hidroelektrik Liwagu yang berkapasiti 165 MW akan dimulakan dalam tempoh Rancangan. Kapasiti terpasang sistem SESCo akan meningkat kepada 985 MW pada tahun 2000 dengan siapnya tiga loji, iaitu dua loji menggunakan gas dan satu menggunakan arang batu. Dengan kapasiti ini, rezab marginnya akan dipertingkatkan kepada 42.3 peratus berdasarkan permintaan puncak 692 MW. Rezab margin yang tinggi bagi sistem LLS dan SESCo adalah disebabkan sistem yang tidak bersepadan mengakibatkan rezab tidak dapat dikongsi.

12.63 Campuran Penjanaan. Pada tahun 2000, sebahagian besar, iaitu 69.2 peratus campuran bahan bakar bagi penjanaan elektrik akan berasaskan gas seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-6. Gas akan terus menjadi sumber utama dalam campuran penjanaan sistem TNB pada kadar 71.5 peratus. Bahagian minyak pula dijangka berkurang daripada 9.2 peratus pada tahun 1995 kepada 4.0 peratus pada tahun 2000, sementara bahagian arang batu meningkat daripada 10.7 peratus kepada 17.3 peratus dalam tempoh yang sama. Bagi sistem LLS, oleh sebab terhadnya sumber gas, minyak akan terus menjadi bahan bakar utama pada kadar 66.3 peratus daripada jumlah sumber penjanaan pada tahun 2000. Campuran penjanaan sistem SESCo pada tahun 2000 akan mengandungi 69.2 peratus gas, 16 peratus arang batu, 10.6 peratus hidro dan bakinya minyak. Dalam tempoh RMT, sumber tenaga alternatif akan dikenalpasti bagi memastikan negara ini akan menggunakan campuran bahan api yang berhemat dalam jangka panjang.

12.64 Penghantaran. Usaha akan diambil untuk memperbaiki dan mengukuhkan sistem talian penghantaran dan pengagihan negara bagi meningkat kecekapan operasi dan kejaminan sistem. Di pantai barat semenanjung, Grid Nasional akan diperkuuhkan lagi dengan pelaksanaan talian penghantaran 500 kV utara-selatan. Fasa pertama yang terdiri daripada sektor Pelabuhan Klang-Rawang-Lumut-Gurun dan sektor Pasir Gudang-Yong Peng akan disiapkan dalam tempoh Rancangan. Bagi mempertingkat dan memastikan keberkesanan grid tersebut, Pusat Muatan Beban Kebangsaan (NLDC) dan Pusat Kawalan Wilayah (RCC) akan diperbaiki lagi. Ini akan meminimumkan gangguan dan mengurangkan kehilangan elektrik semasa penghantaran.

12.65 Talian penghantaran sistem LLS akan dipertingkatkan dengan pelaksanaan berbagai projek termasuk projek Sambungtara 132 kV Beaufort-Sipitang, Kota Belud-Kudat serta Simpudu-Kimanis. SESCo pula akan meningkatkan operasi dan kejaminan sistem penghantarannya dengan penggabungan sistem Miri melalui pemasangan talian penghantaran 275 kV sepanjang 198 kilometer.

12.66 Bagi meningkatkan kerjasama bekalan elektrik di kalangan negara ASEAN, penyediaan infrastruktur untuk pertukaran bekalan akan diperbaiki lagi. Sambungtara sedia ada dengan Thailand dan Singapura dijangka dipertingkatkan masing-masing kepada 300 MW dan 250 MW. Sambungtara ini akan membentuk sebahagian daripada Grid ASEAN selaras dengan matlamat kerjasama serantau.

12.67 Pengagihan. Sistem pengagihan TNB akan diperbesar dan ditingkatkan untuk memastikan operasi rangkaian pengagihan yang lancar dan terjamin dengan tumpuan kepada matlamat membekal elektrik yang berkualiti tinggi seperti voltan yang stabil. Di semenanjung langkah-langkah berterusan akan diambil bagi mengawasi sistem bekalan melalui penubuhan Sistem Penyeliaan Perolehan Data dan Kawalan (SCADA) di peringkat wilayah dan juga tempatan. Unit pengawasan khas kualiti elektrik yang sedia ada akan terus ditingkatkan bagi memenuhi kehendak

khusus industri-industri yang sensitif kepada kualiti elektrik yang dibekalkan seperti industri pembuatan wafer dan mikroprosesor dalam industri elektronik. Langkah-langkah akan dilaksanakan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan melalui perancangan yang proaktif, sesi dialog, usaha pemasaran dan penggunaan teknologi terkini. Sistem pengagihan LLS dan SESCo akan diperkuatkan lagi dengan penambahan talian 11 kV dan 33 kV sepanjang 3,736 km-litaran untuk LLS dan 2,343 km-litaran untuk SESCo.

12.68 Bekalan Elektrik Luar Bandar. Dalam tempoh Rancangan program elektrik luar bandar akan terdiri daripada sambungan grid dan penjanaan melalui loji kecil yang mengguna kuasa solar, hidro-mikro dan hidro-mini serta pelbagai sistem campuran. Sejumlah RM469 juta akan diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk program elektrik luar bandar yang dijangka memanfaatkan kira-kira 137,000 isirumah luar bandar. Di samping itu TNB akan terus menyokong program ini di semenanjung selaras dengan tanggungjawab korporatnya. Sabah dan Sarawak akan menerima lebih daripada 75 peratus daripada jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan. Menjelang akhir tempoh Rancangan liputan elektrik di kawasan luar bandar dijangka meningkat kepada 93 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-9.

12.69 Pelaburan. Selaras dengan matlamat mewujudkan sistem yang lebih stabil dan terjamin, kira-kira RM34 bilion dijangka dilaburkan untuk sistem bekalan elektrik di semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pelaburan ini adalah untuk memenuhi keperluan dalam tempoh RMT dan seterusnya. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 43 peratus adalah untuk aktiviti penjanaan, 35 peratus sistem penghantaran dan 22 peratus untuk sistem pengagihan. Pelaburan ini akan dibuat oleh pihak utiliti dan juga IPP. Dalam tempoh tersebut adalah dianggarkan sebanyak RM6.7 bilion akan dilaburkan dalam Projek Hidroelektrik Bakun.

12.70 Meningkatkan Operasi Sektor. Aktiviti penjanaan elektrik telah dilonggarkan dengan kemasukan IPP. Dengan wujudnya beberapa pihak yang menjana elektrik di semenanjung, langkah akan diambil untuk menjadikan pengendali sistem grid (GSO) badan yang bebas. Di samping mengurus dan menguatkuasakan Kod Grid Malaysia, GSO dijangka merancang perkembangan sistem rangkaian penghantaran dan penjanaan serta menguruskan sistem penghantaran secara optimum. GSO juga dijangka memastikan penghantaran elektrik secara ekonomik dan mengekalkan kestabilan sistem sepanjang masa.

### **Tenaga Bukan Lazim**

12.71 Penggunaan tenaga bukan lazim, yang sejumlah besarnya merupakan biomass, dijangka berkurangan daripada 132.3 PJ pada tahun 1995 kepada 124.2 PJ pada tahun 2000. Pengurangan ini adalah disebabkan meningkatnya penggantian biomass dengan bahan api yang lebih cekap dan bersih seperti gas dan elektrik. Walau bagaimanapun, penggunaan tenaga bukan lazim yang lain seperti solar, hidro-mikro

dan sistem campuran dijangka meningkat memandangkan daya maju teknikal dan ekonomiknya bagi membekalkan tenaga ke kawasan pedalaman.

### **Peningkatan Produktiviti**

12.72 Selaras dengan teras pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dalam ekonomi, usaha akan diambil untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran tenaga asas, penukaran daripada tenaga asas kepada tenaga sekunder, penyaluran tenaga kepada pengguna akhir serta penggunaan tenaga oleh pengguna akhir. Di samping itu, usaha juga akan diambil untuk menggalakkan penggunaan produktif tenaga. Memandangkan negara akan terus menghadapi masalah kekurangan buruh, kaedah intensif modal dan automasi akan digalakkan dalam proses pengeluaran dan ini akan meningkatkan penggunaan kuasa elektrik. Oleh kerana tenaga merupakan satu input yang penting dalam proses pengeluaran, penggunaannya secara lebih cekap akan mempertingkatkan daya saingan eksport Malaysia. Dalam jangkamasa panjang, selaras dengan pertambahan permintaan tenaga, negara dijangka menjadi pengimpor bersih tenaga dan ini akan memberi kesan buruk kepada imbalan pembayaran. Disebabkan faktor tersebut, adalah penting kecekapan penggunaan tenaga dipertingkatkan. Justeru itu, langkah yang sesuai akan diambil untuk mencapai objektif ini.

### **Pertimbangan Alam Sekitar**

12.73 Pertimbangan alam sekitar akan terus diambilkira dalam perancangan dan penggubalan dasar mengenai tenaga untuk mengurangkan kesan negatif pengeluaran dan penggunaan sumber tenaga ke atas alam sekitar. Penggunaan sumber hidro untuk menjana elektrik akan semakin diberi penekanan. Penggunaan gas asli yang mesra alam sekitar akan digalakkan dengan lebih giat lagi dalam sektor pengangkutan dan pembuatan termasuk penggunaan untuk bas dan industri bagi menggantikan bahan bakar yang lebih mencemar. Sehubungan ini, aspek alam sekitar akan diberi perhatian dalam penggubalan dasar negara mengenai bahan bakar untuk pengangkutan. Di samping itu, sistem pengangkutan awam di bandar berdasarkan elektrik yang tiada pelepasan asap akan diperluaskan lagi oleh sektor swasta dengan galakan Kerajaan.

### **Penyelidikan dan Pembangunan**

12.74 Penekanan yang lebih akan diberikan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) dengan tujuan mengeluar dan menggunakan sumber tenaga dengan cekap. Bagi memperkuatkukan struktur institusi, penubuhan Pusat Penyelidikan Tenaga untuk menyelaras aktiviti P&P yang kini dilaksanakan secara berasingan oleh berbagai agensi akan dipertimbangkan. Pusat ini akan menyusun semula dan menyelaras aktiviti P&P bagi institusi-institusi seperti universiti dan anak

syarikat PETRONAS dan TNB serta bekerjasama dengan institusi penyelidikan luar negara.

#### **IV. PERUNTUKAN**

12.75 Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) untuk RME dan RMT adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-12. Daripada keseluruhan belanjawan sebanyak RM43.3 bilion yang diperuntukkan bagi pembangunan program tenaga dalam tempoh RMT, 60.7 peratus adalah untuk pembangunan sektor elektrik dan bakinya untuk sektor petroleum.

#### **V. PENUTUP**

12.76 Peningkatan permintaan tenaga dalam tempoh RME adalah disebabkan pertumbuhan ekonomi yang pesat terutamanya dalam sektor pembuatan dan pengangkutan. Ini telah mengakibatkan kekurangan bekalan kerana jangkamasa yang lama diperlukan bagi menyediakan bekalan baru tenaga. Walau bagaimanapun, berbagai tindakan telah diambil untuk memastikan bekalan tenaga mencukupi dan terjamin termasuk menerusi peningkatan kapasiti penjanaan elektrik oleh IPP.

12.77 Bagi tempoh RMT, sektor tenaga akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan dan perkembangan sektor-sektor ekonomi yang lain. Usaha yang padu akan diambil untuk mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan sektor tenaga bagi memastikan kuantiti dan kualiti tenaga yang diperlukan akan dibekalkan pada harga yang berpatutan. Amalan mengambilkira pertimbangan alam sekitar dalam perancangan dan pembangunan tenaga akan diteruskan. Beberapa program akan dilaksanakan untuk menyepedu dan mengukuhkan sektor tersebut. Ini termasuk mempertingkatkan rangkaian penghantaran dan pengagihan dalam sektor elektrik, menggalakkan peningkatan penggunaan gas dalam sektor bukan elektrik dan meningkatkan lagi program bekalan elektrik luar bandar.

## **BAB 13 : SAINS DAN TEKNOLOGI**

### **I. PENDAHULUAN**

13.01 Keutamaan yang tinggi akan terus diberi bagi menggalakkan sains, penyelidikan dan inovasi teknologi yang merupakan teras penting strategi pembangunan Kerajaan untuk mengekalkan kadar pertumbuhan yang pesat dan meningkatkan taraf hidup. Ini adalah perlu memandangkan sains dan teknologi (S&T) membolehkan peningkatan dalam kemajuan ekonomi dan daya saingan di peringkat antarabangsa.

13.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), perhatian yang lebih telah diberi bagi melaksanakan perubahan dalam organisasi, pengurusan dan strategi selaras dengan usaha Kerajaan meningkatkan keupayaan teknologi dan menjadikan program penyelidikan dan pembangunan (P&P) sektor awam berorientasi permintaan dan menepati keperluan industri. Sektor swasta telah memberi sumbangan yang lebih besar kepada pengluasan aktiviti penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam sektor pembuatan, berbanding dengan tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML).

13.03 Kebanyakan daripada perubahan baru ini akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) bagi membolehkan S&T memberi sumbangan yang lebih kepada pertumbuhan dan pembangunan berasaskan produktiviti serta peralihan ke arah industri dan perkhidmatan berintensif teknologi. Usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saingan negara akan mendorong ke arah mewujudkan inovasi proses dan produk yang lebih besar, menyebarkan perubahan teknologi dengan lebih cepat di dalam dan di antara sektor serta mempercepatkan perubahan di peringkat institusi dan organisasi.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

13.04 Dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan teguh bagi tempoh RME, kejayaan yang bermakna telah dicapai dalam bidang pembangunan S&T negara. Ini dapat dilihat bukan sahaja dari segi saiz perbelanjaan P&P dan tahap aktiviti pembangunan teknologi tetapi juga daya usaha dalam dasar dan pengurusan S&T.

#### **Dasar S&T**

13.05 Seperti yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan RME, matlamat dasar S&T negara ialah untuk memastikan pembangunan saintifik dan teknologi yang berterusan bagi menyokong dan

mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, mempercepatkan pembangunan perindustrian secara menyeluruh serta menyediakan asas bagi mewujud masyarakat yang maju dari segi sains dan teknologi menjelang tahun 2020. Menyedari bahawa aktiviti S&T sangat dipengaruhi oleh peningkatan globalisasi dan persaingan yang timbul daripada teknologi baru dan pembangunan produk, tumpuan dasar ialah untuk menggalakkan inovasi teknologi, menambahkan tenaga manusia teknikal dan penyelidikan yang berkemahiran tinggi, mendorong peningkatan produktiviti yang lebih serta menggunakan sumber dengan lebih baik dan mengkomersilkan penemuan S&T sektor awam.

### **Pengurusan S&T**

13.06 Jentera perancangan dan pelaksanaan S&T dalam sektor awam telah diperkuuh dan diselaraskan dengan tujuan mengadakan satu pendekatan yang lebih tersusun dan berkesan ke arah mempertingkatkan keupayaan teknologi negara. Di antara langkah utama ialah penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai S&T yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, bagi memberi panduan dasar berhubung dengan isu-isu S&T. Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah diperkuuh dan disusun semula pada permulaan tempoh RME. MPKSN berperanan dan bertanggungjawab menyelaras serta mengesan aktiviti penyelidikan, sains dan teknologi melalui proses interaktif di kalangan institusi penyelidikan, universiti dan juga sektor swasta. Di samping itu, MPKSN menyelia pengurusan dan pelaksanaan program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Keutamaan (IRPA). MPKSN juga dibantu oleh kumpulan-kumpulan kerja yang diberi tugas mencadangkan langkah-langkah khusus bagi mempertingkat keupayaan dalam teknologi penting iaitu mikroelektronik, bahan termaju, bioteknologi, teknologi maklumat dan teknologi pembuatan termaju serta teknologi yang berkaitan tenaga dan alam sekitar.

13.07 Beberapa langkah lain bagi memperluas struktur sokongan institusi untuk S&T telah dilaksanakan. Selain daripada memperkuuh institusi dan agensi P&P sedia ada yang menjalankan penyelidikan dalam berbagai bidang, beberapa pusat dan jawatankuasa baru telah ditubuh bagi meningkatkan aktiviti berorientasi teknologi dalam bidang khusus. Ini termasuk Majlis Teknologi Maklumat Negara, Direktorat Bioteknologi, Akademi Sains, Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), Pusat Kajian Sains Angkasa serta Majlis Rekabentuk Malaysia. Rancangan juga sedang dibuat untuk membina Pusat Pengukuran Kebangsaan di Taman Teknologi Malaysia (TTM), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pusat Penyelidikan Bahan Termaju di Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim (KHTP), Kedah.

13.08 Kerajaan telah menggalakkan penggunaan sistem penyelidikan kontrak di institusi penyelidikan sektor awam dan universiti. Ini adalah selaras dengan perakuan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian supaya organisasi

penyelidikan awam diubah menjadi organisasi penyelidikan kontrak bagi mencapai matlamat 65 peratus pembiayaan sendiri menjelang tahun 2000. Penubuhan sistem penyelidikan kontrak akan memerlukan perubahan besar dalam cara organisasi P&P diuruskan. Ianya memerlukan penilaian semula yang lengkap dan menyeluruh terhadap sistem pengurusan, strategi, struktur organisasi serta cara aktiviti P&P dipilih dan dibiayai. Pada prinsipnya, institusi penyelidikan serta unit perundingan di universiti perlu beroperasi secara komersil. Garis panduan telah disediakan untuk memandu institusi penyelidikan menuju ke arah matlamat ini secara berperingkat dan memastikan supaya infrastruktur organisasi dalam agensi sektor awam yang menjalankan P&P selaras dengan perubahan permintaan dan teknologi yang berlaku dalam ekonomi.

13.09 Kerajaan telah mula mengorporatkan beberapa institusi penyelidikan sebagai sebahagian daripada usaha negara mempertingkat keberkesanan dan kecekapan organisasi sektor awam. Proses untuk mengorporatkan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) dan TTM telah dimulakan bagi membolehkan institusi-institusi tersebut menghadapi cabaran P&P dalam dunia perniagaan. Melalui penyusunan semula ini, organisasi penyelidikan dijangka akan lebih bersedia untuk memberi perkhidmatan P&P kepada sektor swasta dan membantu industri terpilih untuk melaksanakan inovasi serta membangun proses dan produk baru.

13.10 Bagi mewujudkan persekitaran yang lebih menarik untuk sektor swasta melaksanakan inovasi produk, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menggalakkan penglibatan industri dengan lebih meluas dalam aktiviti P&P. Ini termasuk menyediakan insentif fiskal dan infrastruktur seperti TTM dan KHTP serta menggalakkan kerjasama di kalangan sektor swasta, universiti dan institusi penyelidikan. Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Kumpulan Industri-Kerajaan untuk Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) yang ditubuhkan bagi menjalin kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta dalam pembangunan perindustrian telah memulakan beberapa daya usaha bagi memperkenalkan penggunaan secara meluas teknologi yang baru muncul. Usaha ini diambil untuk membina daya saingan dalam industri seperti telekomunikasi, automobil, farmaseutikal, kesihatan dan pembinaan. Jawatankuasa Kerja bagi S&T di bawah naungan Majlis Perdagangan Malaysia (MBC) telah mengaturkan beberapa dialog di antara sektor awam dan sektor swasta bagi merangka strategi untuk peningkatan teknologi.

### **Perbelanjaan P&P Negara**

13.11 Hasil penyiasatan<sup>1</sup> perbelanjaan P&P yang dijalankan oleh Kerajaan menunjukkan bahawa sejumlah RM552 juta telah dibelanjakan untuk penyelidikan dan pembangunan dalam tahun 1992. Jumlah ini menunjukkan bahawa perbelanjaan P&P Malaysia hanya 0.4 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Peratusan ini

dianggap rendah memandangkan tahap yang lazim diterima bagi membolehkan P&P menyokong secara berkesan pembangunan sosioekonomi sesebuah negara ialah sekurang-kurangnya 1.0 peratus daripada KNK. Umumnya, ini mencerminkan keperluan untuk menambahkan perbelanjaan P&P negara bagi mempercepat peningkatan P&P domestik dan keupayaan teknologi negara.

13.12 Sungguhpun perbelanjaan P&P berada pada tahap yang rendah, perbelanjaan ke atas P&P yang formal semata-mata tidak boleh dijadikan ukuran keupayaan negara bagi mengguna teknologi untuk pertumbuhan dan pembangunan. Adalah disedari bahawa pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi telah turut disokong oleh pembangunan lain yang mempunyai kandungan teknologi yang tinggi. Ini termasuk pelaburan, pembangunan infrastruktur dan peningkatan dalam penggunaan buruh dan modal serta produktiviti faktor keseluruhan (TFP). TFP mengukur sumbangan residual terhadap pertumbuhan ekonomi selain daripada sumbangan buruh dan modal. Sumbangan ini termasuk kemajuan teknikal, kepakaran pengurusan, kemahiran dan keusahawanan. Oleh yang demikian, TFP mengandungi unsur-unsur penting penyerapan dan penggunaan teknologi. Daripada 8.7 peratus pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tempoh RME, TFP telah menyumbang sebanyak 2.5 peratus atau 28.7 peratus daripada pertumbuhan.

13.13 Umumnya, peningkatan pertumbuhan TFP mempunyai kaitan dengan peningkatan pelaburan. Dalam hal ini, peningkatan pelaburan yang besar khususnya pelaburan asing secara langsung (FDI) telah menjadi saluran bagi teknologi baru memasuki proses pengeluaran. Pertumbuhan pelaburan yang berterusan sejak beberapa tahun yang lalu telah membawa kepada perolehan, penyerapan dan penyebaran teknologi dan inovasi yang lebih cepat dalam negara. Ini telah dinyatakan dalam satu kajian baru-baru ini mengenai daya saingan Malaysia yang mana negara telah diberi kedudukan yang tinggi dari segi tahap pelaburan dan kemampuan untuk menyebar, menyerap dan menggunakan teknologi yang diimport. Walau bagaimanapun, pembangunan dan penggunaan teknologi tempatan dalam proses pengeluaran masih ketinggalan. Ini menunjukkan negara perlu meningkatkan keupayaan tempatan dalam pembangunan teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan untuk industri.

13.14 Namun begitu, menyedari bahawa perbelanjaan P&P secara formal merupakan petunjuk prestasi yang penting, penyiasatan P&P negara bagi tahun 1992 telah dijalankan untuk mengukur saiz dan skop aktiviti penyelidikan dalam negara. Penyiasatan tersebut menunjukkan bahawa sektor awam menyumbang sebanyak 55 peratus daripada perbelanjaan P&P dan sektor swasta sebanyak 45 peratus. Dari segi jenis penyelidikan, kira-kira separuh daripada keseluruhan perbelanjaan dibuat terutamanya untuk penyelidikan gunaan dan 38 peratus untuk penyelidikan pembangunan. Perbelanjaan penyelidikan strategik adalah sebanyak 9.0 peratus dan penyelidikan asas kira-kira 4.0 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan. Daripada perspektif ekonomi, usaha P&P amnya tertumpu kepada bidang pengeluaran

tanaman, produk utama dan penternakan haiwan, diikuti sektor pembuatan. P&P sektor awam memberi tumpuan yang lebih dalam bidang tanaman dan ternakan haiwan, di samping meningkatkan aktiviti penyelidikan dalam teknologi maklumat, komputer dan komunikasi. P&P sektor swasta pula tertumpu kepada sektor pembuatan, khususnya elektronik dan perkakasan komputer, pengangkutan dan jentera, komunikasi serta minuman dan keluaran makanan yang diproses.

13.15 Kemajuan yang ketara ialah peningkatan lebih tiga kali ganda pelaburan sektor swasta dalam P&P sejak akhir tempoh RML. Sektor swasta melaporkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM246.4 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM67.8 juta dibelanjakan untuk personel yang menjalankan penyelidikan, RM57.6 juta untuk perbelanjaan operasi yang lain dan RM121 juta untuk tanah, bangunan dan kelengkapan. Memandangkan hampir separuh daripada keseluruhan perbelanjaan merupakan pembentukan modal, ini menandakan kemungkinan meningkatnya aktiviti penyelidikan dan keupayaan teknologi perindustrian dalam sektor swasta pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, penyiasatan tersebut mendapat bahawa sebahagian besar perbelanjaan oleh sektor swasta bagi P&P telah dibuat oleh entiti asing manakala perbelanjaan oleh syarikat tempatan masih kecil.

13.16 Perbelanjaan P&P oleh sektor swasta yang secara relatifnya lebih tinggi mencerminkan sambutan yang menggalakkan oleh sektor tersebut terhadap insentif yang disediakan oleh Kerajaan. Skim insentif tersebut termasuk potongan dua kali ke atas perbelanjaan untuk P&P, pengecualian cukai selama lima tahun bagi syarikat P&P, pengurangan duti import bagi kelengkapan penyelidikan dan elaun cukai pelaburan sehingga 100 peratus bagi perbelanjaan modal yang berkaitan dengan P&P yang layak.

13.17 Industri kecil dan sederhana (IKS), yang umumnya dikuasai oleh pelabur domestik, terus mengalami berbagai masalah seperti teknologi yang rendah dan teknik pengeluaran dan proses yang kurang cekap. Peningkatan keupayaan yang dibuat sebahagian besarnya adalah merupakan penyesuaian yang kecil bagi memenuhi keperluan tempatan, manakala reka bentuk asal dan pembangunan produk baru adalah terhad. Ini menunjukkan keperluan untuk memperkuuh keupayaan inovasi, reka bentuk dan kejuruteraan tempatan.

### **Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-Bidang Keutamaan**

13.18 Dalam tempoh RME, peruntukan P&P secara langsung bagi sektor awam berjumlah RM629 juta. Peruntukan ini meliputi aktiviti P&P yang menggunakan peruntukan IRPA tetapi tidak termasuk perbelanjaan modal dan mengurus yang berkaitan. Sejumlah RM567.1 juta atau 90 peratus daripada peruntukan telah dibelanjakan untuk bidang penyelidikan utama seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-4. Daripada keseluruhan perbelanjaan, sebanyak 49.2 peratus dibelanjakan untuk sains pertanian, 30 peratus untuk sains dan teknologi gunaan dan 8.8 peratus untuk sains

perubatan seperti ditunjukkan dalam Carta 13-1. Tumpuan penyelidikan yang berterusan dalam pertanian, di samping mencerminkan kelebihan negara dalam P&P pertanian, terutamanya berkaitan dengan tanaman saka, menunjukkan keperluan untuk menyalur sumber ke arah P&P perindustrian hiliran bagi menghasilkan aktiviti komersil yang berpotensi mewujudkan nilai ditambah yang lebih tinggi.

13.19 Sebagai susulan, satu penilaian<sup>2</sup> terhadap manfaat dari penyelidikan yang dibiayai di bawah program IRPA telah dijalankan bagi menilai keberkesanan usaha P&P semasa, terutamanya dalam konteks sumbangannya kepada aktiviti yang menghasilkan pendapatan. Penemuan daripada penilaian tersebut menunjukkan peningkatan ketara dalam kualiti output teknikal, yang meliputi bidang pembangunan dan gunaan, menghasilkan pengetahuan, kaedah, teknik dan aplikasi yang baru bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Kira-kira 40 peratus daripada projek telah menghasilkan penemuan teknikal yang mendapat pengiktirafan di peringkat negara dan antarabangsa, sebagai sumbangan utama yang dihasilkan oleh aktiviti S&T. Aplikasi S&T yang baru dan yang dipertingkatkan ini menunjukkan wujudnya potensi pengluasan aktiviti penyelidikan hiliran pada masa hadapan bagi pembangunan proses dan produk pengguna akhir. Di samping itu, P&P dalam sains asas menambahkan keupayaan asas yang diperlukan oleh agensi penyelidikan dan universiti bagi mengendalikan teknologi teras seperti bioteknologi, bahan termaju dan mikroelektronik.

13.20 Sungguhpun kemajuan teknikal yang menggalakkan telah dicapai, penilaian yang dijalankan mengesahkan pemerhatian bahawa P&P tempatan secara amnya tidak berorientasi pasaran. Projek IRPA tidak selalunya relevan dari segi ekonomi dan oleh yang demikian tidak dieksplotasi untuk penggunaan komersil. Daripada 200 projek yang dinilai, kira-kira satu per empat daripadanya mempunyai potensi bagi menghasilkan produk dan proses yang boleh dipasarkan. Hasil penyelidikan berpotensi komersil seperti ditunjukkan oleh bilangan paten yang diberi atau yang sedang dipertimbangkan, meliputi 7.0 peratus daripada jumlah bilangan projek yang dinilai. Rantaian dengan industri pada kebiasaannya tidak formal, manakala usaha sama atau kerjasama dalam P&P masih tidak meluas. Dengan ini, perlunya hubungan yang rapat dengan sektor swasta bagi menghasilkan lebih banyak projek P&P yang mempunyai potensi komersil.

13.21 Sebagai persediaan untuk RMT, mekanisme IRPA telah dikaji semula dan diperkemaskan. Ianya bertujuan untuk mengadakan satu sistem yang lebih berkesan bagi penggunaan sumber yang dijuruskan khususnya bagi meningkatkan P&P berorientasi pasaran dan aktiviti pembangunan teknologi.

### **Kemasukan Teknologi**

13.22 Di samping tumpuan untuk membina dan membangunkan asas teknologi tempatan yang lebih kukuh, pemindahan teknologi dari negara luar terus diberi

keutamaan. Dalam tempoh RME, seiring dengan peningkatan pelaburan dalam industri berintensif modal dan teknologi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, teknologi yang diimport juga turut meningkat. Perubahan struktur perindustrian mempengaruhi permintaan yang bertambah terhadap berbagai teknologi dari negara luar, khususnya bagi teknologi yang digunakan dalam bidang pertumbuhan baru seperti industri automobil, minyak dan gas serta aerospace. Malah dalam kategori produk elektrik dan elektronik yang sedia ada, terdapat keperluan untuk mendapatkan teknologi lebih tinggi bagi pembangunan proses dan sistem yang intensif.

13.23 Kemasukan teknologi berdasarkan bilangan perjanjian kontrak yang diluluskan oleh Kerajaan dalam tempoh RME adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-1 dan Jadual 13-2. Walau bagaimanapun, petunjuk ini hanyalah menggambarkan perjanjian seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Penyelarasaran Perindustrian (ICA), 1975 atau Akta Penggalakan Pelaburan (PIA), 1986 atau apabila secara khusus disyaratkan di bawah peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

13.24 Bayaran bagi perolehan teknologi dari negara luar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 34 peratus dalam tempoh 1991-95, daripada kira-kira RM240 juta pada tahun 1990 kepada kira-kira RM1.0 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan 24 peratus dalam tempoh RML. Bayaran ini terdiri daripada royalti dan yuran terutamanya untuk perolehan francais, penggunaan jenama antarabangsa dan bayaran kerana penggunaan teknologi baru dan yang dipertingkatkan. Berbagai bayaran, yang mana dicatatkan sebagai pengaliran keluar bagi akaun perkhidmatan dalam imbangan pembayaran, menunjukkan kepentingan secara relatif perolehan teknologi dari luar negara. Bayaran royalti dan yuran ini tidak termasuk import teknologi yang terkandung dalam jentera dan kelengkapan serta bayaran kontrak dan profesional kepada personel asing.

### **Standardisasi dan Jaminan Kualiti**

13.25 Selaras dengan strategi negara untuk mengekal dan meningkatkan daya saingan eksport, Kerajaan telah mengambil langkah menambah penyediaan perkhidmatan teknikal oleh agensi sektor awam yang berkaitan bagi membantu sektor swasta memastikan kualiti barang dan perkhidmatan Malaysia di pasaran antarabangsa. Sejajar dengan permintaan yang semakin meningkat bagi skim jaminan kualiti oleh rakan dagang utama, syarikat tempatan telah digalakkan menerimapakai dan melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dalam tempoh RME, lebih daripada 700 syarikat telah berjaya memperolehi standard siri ISO 9000. Untuk memastikan aktiviti pendaftaran mendapat pengiktirafan antarabangsa, Majlis Akreditasi Malaysia (MAC) telah ditubuhkan bagi menyedia satu sistem pengiktirafan kepada badan-badan yang melaksanakan pendaftaran sistem kualiti dan akreditasi makmal di Malaysia. Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menggalakkan penyertaan dalam aktiviti standardisasi antarabangsa. Dalam

hubungan ini, Malaysia telah menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Teknikal mengenai Getah dan Keluaran Getah dan menjadi ahli dalam beberapa jawatankuasa teknikal lain yang dianggap penting kepada negara.

### **Tenaga Manusia S&T**

13.26 Walaupun usaha telah diambil dalam pembangunan kemahiran yang tinggi dan khusus, khasnya tenaga manusia dalam bidang saintifik dan teknologi, ketidakseimbangan masih terus wujud di antara jenis dan bilangan tenaga manusia yang dikeluarkan dan yang diperlukan oleh negara. Secara khususnya, pertambahan dalam tenaga manusia P&P, yang menjadi unsur penting dalam usaha negara ke arah kemajuan teknologi, adalah tidak selari dengan peningkatan permintaan untuk personel saintifik, kejuruteraan dan teknikal yang terlatih.

13.27 Analisis ke atas siswazah lepasan dari institusi pendidikan tinggi tempatan bagi tempoh 1985-95, mendapati bilangan siswazah sastera terus tinggi berbanding dengan siswazah sains dan teknikal seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-3. Sebahagian besar daripada jumlah siswazah dalam tempoh RML dan RME adalah siswazah sastera iaitu masing-masing 53 peratus dan 62 peratus. Sebagai perbandingan, bahagian siswazah sains daripada keseluruhan siswazah yang dikeluarkan telah menunjukkan kemerosotan, daripada 33 peratus kepada 25 peratus bagi kedua-dua tempoh tersebut. Bahagian siswazah teknikal pula kekal pada kira-kira 14 peratus untuk kedua-dua tempoh berkenaan. Ini bermakna pada akhir tempoh RME, institusi awam tempatan mengeluarkan lebih ramai siswazah sastera berbanding dengan siswazah sains dan teknikal, satu aliran yang tidak menggalakkan ke arah pembentukan asas teknologi yang kukuh.

13.28 Bahagian siswazah sains yang secara relatifnya lebih kecil, walaupun ditambah dengan siswazah Malaysia yang dilatih di seberang laut telah memberi kesan terhadap bilangan personel berkelayakan untuk aktiviti P&P. Pada masa ini terdapat kira-kira 8,300 penyelidik dan ahli sains sepenuh dan separuh masa. Ini memberikan nisbah 400 bagi sejuta penduduk, yang mana dianggap rendah berbanding dengan nisbah di antara 1,000 bagi sejuta hingga 1,500 bagi sejuta penduduk di beberapa Negara Perindustrian Baru (NIE) ketika mereka berada di peringkat pembangunan ekonomi seperti Malaysia sekarang. Jumlah kakitangan sokongan termasuk sub-profesional dan juruteknik dianggarkan kira-kira 12,450. Sektor awam merupakan sumber terbesar tenaga manusia P&P di negara ini dan sebahagian besarnya terlibat dalam penyelidikan pembangunan atau gunaan. Nisbah personel P&P dalam penyelidikan berorientasi pasaran adalah terhad, menyebabkan impak P&P yang rendah ke atas industri. Bilangan personel P&P dalam sektor swasta adalah terlalu kecil untuk mendorong penyelidikan tempatan yang berorientasi pasaran.

13.29 Berdasarkan keperluan untuk memperluas asas sumber manusia P&P, Kerajaan telah mengkaji semula program latihan bagi personel P&P sektor awam. Selain

daripada memperkuuh program yang sedia ada, Program Pembangunan Teknologi Perindustrian dan Pengurusan telah dilancarkan bagi menyediakan latihan lanjutan kepada personel P&P dari berbagai agensi penyelidikan dan universiti. Program ini menambahkan peluang latihan lepasan ijazah dan lepasan ijazah kedoktoran terutamanya dalam bidang teknologi baru dan penyelidikan perindustrian. Di samping menambah bilangan biasiswa di peringkat ijazah dalam bidang P&P yang diberi keutamaan, latihan khas dalam bidang teknikal khusus juga disediakan. Program ini telah melatih seramai 1,617 personel daripada 17 institusi penyelidikan dan universiti pada peringkat ijazah dan bukan ijazah. Institusi penyelidikan dan universiti juga menggunakan sumber kewangan di bawah program ini bagi mengambil pakar S&T jangka pendek dan pakarunding dari negara luar untuk memberi latihan di tempat kerja kepada personel mereka.

13.30 Pada tahun 1994, Kerajaan telah memperkenalkan program untuk membawa balik ahli sains dan jurutera Malaysia yang bekerja di seberang laut, serta membenarkan institusi penyelidikan dan universiti tempatan, di mana perlu, mengambil personel P&P yang terdiri daripada rakyat asing. Matlamat program ini adalah untuk mengatasi kekurangan kepakaran khusus yang diperlukan oleh institusi penyelidikan awam, universiti dan sektor swasta, ke arah mempercepatkan kadar pemindahan teknologi dan meningkatkan keupayaan P&P tempatan. Walau bagaimanapun pada ketika ini, masih terlalu awal untuk menilai impak dan potensi sumbangan program berkenaan.

### **Komersilisasi Penyelidikan dan Teknologi**

13.31 Sungguhpun aktiviti P&P sektor awam memberi sumbangan yang bermakna kepada peningkatan teknikal, kemajuan dalam pengkomersilan output berkenaan adalah terhad. Keadaan ini sebahagian besarnya berpunca daripada masalah berkaitan dengan kurangnya projek P&P yang menepati keperluan industri dan sumber kewangan untuk membiayai berbagai peringkat komersilisasi, bermula dari makmal hingga ke pasaran. Setakat ini, daripada RM1 bilion yang diperuntukkan di bawah mekanisme IRPA dalam RML dan RME, sejumlah 2,000 projek P&P telah disiapkan. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 240 projek telah dikenalpasti berpotensi untuk dikomersilkan.

13.32 Projek P&P yang berpotensi komersil tersebut sedang berada di berbagai peringkat pelaksanaan. Institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT), Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), SIRIM serta universiti telah meneliti lebih daripada 150 projek, sementara 55 lagi berada di peringkat akhir untuk dikomersilkan. MTDC menerima lebih daripada 100 cadangan yang berpotensi untuk dikomersilkan daripada agensi penyelidikan sektor awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 cadangan telah berjaya dikomersilkan dan yang lain sedang diteliti lebih

lanjut lagi. Selain daripada itu, MTDC telah melabur dalam 28 syarikat yang berdasarkan teknologi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM54.6 juta di bidang pembuatan termaju, bioteknologi, elektronik, teknologi maklumat dan pembuatan persisan. MIGHT telah menganjurkan aktiviti untuk menggalakkan kerjasama di antara sektor awam dan swasta menggunakan teknologi baru yang berpotensi mewujudkan peluang perniagaan dan pelaburan terutamanya bagi industri telekomunikasi, bahan termaju dan aerospace.

### **Menyedar, Menggalak dan Mempopularkan S&T**

13.33 Aktiviti bagi meningkatkan minat, kesedaran dan kefahaman yang lebih terhadap S&T dan peranannya dalam pembangunan negara telah dianjurkan di berbagai peringkat di sepanjang tempoh RME. Aktiviti persidangan dan pameran sains, anugerah pencapaian cemerlang S&T, lawatan sambil belajar dan bengkel yang bercorak pendidikan dan program alam sekitar telah diadakan untuk ahli sains, pelajar dan orang awam. Sebagai sebahagian daripada aktiviti penggalakan, pelajar didorong untuk mengambil bahagian secara aktif dalam peraduan yang mempunyai kaitan dengan sains, iaitu mengarang esei, menulis cerita rekaan, mengambil bahagian dalam kuiz dan pertandingan merekacipta serta aktiviti membangun perisian komputer dan grafik. Pihak media massa, terutamanya televisyen dan akhbar, memberi liputan yang memuaskan terhadap S&T dengan mengambil masa dan ruang yang ada. Planetarium Negara yang mula dibuka kepada orang ramai pada tahun 1994 menyediakan cara yang inovatif untuk orang ramai menghayati sains. Pusat Sains Negara (PSN) yang baru, sekarang dalam peringkat akhir pembangunannya, menyediakan berbagai tema dengan menggunakan acara dan pameran yang interaktif bagi tujuan menarik minat dan menggalakkan S&T, terutamanya di kalangan pelajar sekolah. Sebahagian daripada bahan pameran tersebut dibiayai oleh sektor swasta.

13.34 Penyiasatan Kesedaran S&T Nasional 1994, merupakan percubaan pertama untuk mengukur tahap kesedaran S&T di kalangan rakyat Malaysia serta kesan aktiviti penggalakan S&T yang dijalankan oleh berbagai organisasi di negara ini. Penyiasatan tersebut menunjukkan bahawa pada amnya terdapat tahap minat yang tinggi dalam S&T di kalangan masyarakat awam, remaja yang berumur di antara 15 hingga 20 tahun dan kanak-kanak yang berumur 12 hingga 14 tahun. Rakyat Malaysia menyedari sumbangan kritikal S&T ke arah pertumbuhan dan pembangunan ekonomi terutamanya dalam pencapaian matlamat Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, dari segi pilihan kerjaya, bidang perniagaan dan ekonomi secara relatifnya telah diberi keutamaan yang tinggi dalam senarai pilihan oleh semua pelajar. Penyiasatan tersebut merupakan satu petunjuk yang berguna untuk merancang kurikulum sekolah dan memperkenalkan skim insentif yang khusus bagi menggalak minat yang lebih di kalangan pelajar terhadap S&T. Ini bertujuan untuk merangka strategi yang lebih berkesan bagi menggalakkan pilihan kerjaya berdasarkan S&T pada masa hadapan dan yang lebih penting untuk menambah bilangan personel S&T dalam

negara. Di samping itu, penyiasatan tersebut menunjukkan bahawa media massa, PSN dan Planetarium Negara seharusnya digunakan dengan lebih meluas sebagai saluran penting untuk meningkatkan minat dan kesedaran umum terhadap S&T.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

13.35 Adalah disedari bahawa Malaysia mesti bergerak seiring dengan kemajuan yang pesat dalam teknologi baru dan beralih kepada penggunaan secara intensif teknologi generasi baru yang sedang muncul bagi menggalakkan industri dan perkhidmatan yang berorientasikan inovasi, memandangkan teknologi tersebut merupakan bidang pertumbuhan masa hadapan. Selaras dengan ini, Kerajaan akan terus memberi keutamaan yang tinggi terhadap pembangunan perindustrian yang berasaskan inovasi dan teknologi. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan lagi sumbangan inovasi dan teknologi kepada pertumbuhan yang mampan dalam tempoh jangka panjang, pembangunan dan keupayaan daya saingan ekonomi. Perusahaan asing akan terus menjadi punca utama kepada teknologi yang akan dijadikan asas bagi meningkatkan penyertaan Malaysia dalam aktiviti perindustrian dan perkhidmatan yang berintensif teknologi tinggi.

#### **Teras Pembangunan S&T**

13.36 Teras pembangunan S&T di bawah RMT ialah untuk membantu mencapai objektif pertumbuhan berasaskan produktiviti dan daya saingan. Pembangunan Malaysia dalam jangka panjang, antara lain, akan bergantung kepada peningkatan penggunaan teknologi, pengetahuan dan kemahiran bagi mempertingkat kecekapan dan produktiviti perindustrian serta meningkatkan taraf hidup. Penekanan yang lebih akan diberi bagi mempertingkat keupayaan inovasi tempatan dan mempercepat pembangunan strategik teknologi perindustrian. Tumpuan akan diberi bagi menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembangunan teknologi yang saling melengkap dan seimbang di antara penawaran dan permintaan untuk peningkatan teknologi. Oleh itu, penekanan akan diberi bukan sahaja untuk memperkuuh infrastruktur teknologi tetapi juga kepada pengukuhan permintaan dan keupayaan untuk menggunakan teknologi oleh firma. Ini akan dilaksanakan terutamanya dengan:-

- o melaksanakan dasar dan pembaharuan institusi yang sesuai bagi memperkuuh sistem perancangan dan pengurusan S&T;
- o mengoptimumkan penggunaan kemahiran dan modal dengan menggalakkan penyesuaian dan penggunaan teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan, menjalankan P&P yang lebih berorientasi komersil dan meningkatkan keupayaan untuk membuat inovasi, merekabentuk dan memasarkan teknologi tempatan;

- o menambahkan pelaburan dalam P&P serta pendidikan dan latihan S&T dengan tujuan untuk mewujudkan sekumpulan kritikal ahli sains, jurutera dan penyelidik, memupuk kreativiti dan sifat inovatif di kalangan generasi muda dan meningkatkan minat dan kesedaran umum terhadap S&T;
- o membina keupayaan teknologi tempatan dalam teknologi baru yang berpotensi untuk menghasilkan pulangan ekonomi lebih tinggi. Ini, di antara lain, termasuklah meningkatkan amalan pengurusan teknologi dan penyediaan sebuah peta teknologi negara bagi mengenalpasti sasaran pembangunan teknologi jangka panjang;
- o memupuk kerjasama yang lebih erat dalam P&P dan pembangunan teknologi di kalangan dan di antara industri, universiti dan institusi penyelidikan;
- o menggalakkan penyertaan yang lebih oleh sektor swasta dalam perolehan, pembangunan dan pemindahan teknologi baru dan teknologi khusus;
- o menyediakan persekitaran yang menarik bagi syarikat multinasional dan konglomerat tempatan untuk melabur, mengembang dan mempelbagaikan industri kepada industri berteknologi tinggi yang baru dengan kandungan tempatan dan rantaian yang lebih;
- o menjalankan program khas untuk meningkatkan keupayaan teknologi di kalangan IKS;
- o menyediakan rantaian strategik dan usaha sama melalui kerjasama antarabangsa dalam S&T; dan
- o memupuk inovasi dan ciptaan tempatan dalam konteks persekitaran antarabangsa yang kian berubah untuk pemindahan teknologi.

13.37 Bagi mengukuhkan arah aliran pertumbuhan semasa dan peningkatan produktiviti dalam ekonomi, teras utama akan ditumpu untuk meningkatkan TFP. Pembangunan yang seiring dan saling melengkapi mesti berlaku dari berbagai punca TFP bagi membolehkannya memberi kesan yang meluas ke atas ekonomi secara keseluruhan, khususnya industri. Ini bermakna sektor awam dan sektor swasta mesti berusaha mengoptimumkan penggunaan potensi buruh dan modal dengan meningkatkan kualiti modal, tenaga kerja dan sistem kerja. Oleh yang demikian bidang penting yang akan diberi tumpuan meliputi isu-isu berhubung dengan pendidikan dan latihan, kemajuan teknikal, pembangunan keusahawanan, penggunaan teknologi baru dan yang dipertingkatkan, keperluan menjalankan P&P yang lebih berorientasi komersil dan peningkatan keupayaan untuk membuat inovasi.

13.38 Kecekapan dan kesesuaian kegunaan P&P akan dipertingkatkan dengan mengorientasi semula aktiviti tersebut untuk keperluan ekonomi. Dalam hubungan

ini, usaha yang lebih akan dibuat bagi memastikan P&P sektor awam lebih peka dalam memenuhi keperluan pasaran dan menghasilkan limpahan ekonomi. Di samping penyelidikan asas yang terus diberi sokongan, penekanan yang lebih akan diberi bagi memastikan sumber yang dikhaskan untuk aktiviti P&P digunakan dengan lebih berkesan dan produktif. Ini termasuk juga menggalakkan pembiayaan bersama dan kerjasama di antara sektor awam dan swasta dalam mengkomersilkan penemuan penyelidikan serta peningkatan dan pembangunan teknologi. Untuk tujuan tersebut, dasar dan pembaharuan institusi yang sewajarnya akan dilaksanakan bagi memperkuuh perancangan dan pengurusan S&T. Selain daripada itu, unit-unit perniagaan dan perundingan di institusi penyelidikan dan universiti akan disusun semula bagi menjalankan peranan komersil dan mempromosi perkhidmatan P&P mereka, khususnya kepada sektor swasta.

13.39 Selaras dengan permintaan terhadap tenaga manusia saintifik dan teknologi yang dijangkakan dalam tempoh RMT dan selepasnya, satu dasar jangka panjang akan digubal bagi pembangunan sumber tenaga manusia saintifik dan teknologi untuk mempertingkat keupayaan teknologi. Ini adalah bagi memastikan wujudnya kumpulan tenaga manusia S&T peringkat tinggi yang diperlukan oleh industri, terutamanya untuk menguasai teknologi teras bagi mendapat kelebihan bersaing, bagi menjalan dan meneruskan P&P perindustrian serta menghasilkan teknologi tempatan.

13.40 Bagi memastikan pembangunan teknologi perindustrian yang berterusan dan berdaya saing, sektor swasta mesti memainkan peranan lebih besar dalam perolehan, pemindahan dan komersilisasi teknologi. Selaras dengan ini, industri akan digalak mengkhusus dalam teknologi baru dan yang berpotensi dengan memberi tumpuan kepada strategi khusus. Ini merupakan sebahagian daripada usaha ke arah penubuhan industri berteknologi canggih yang mengeluarkan produk yang lebih berkualiti dan kompetitif bagi memenuhi permintaan baru. Firma tempatan, khususnya syarikat besar akan digalak untuk menubuhkan sistem P&P dan inovasi mereka sendiri.

13.41 Bidang pembangunan teknologi akan mengandungi strategi untuk mengeksloitasi sepenuhnya potensi kecekapan yang dapat diserap daripada pemindahan teknologi antarabangsa. Dalam hubungan ini, firma tempatan yang besar dijangka memainkan peranan penting. Dengan membawa masuk teknologi yang diperlukan, firma tersebut menjadi saluran yang berpotensi untuk meningkatkan keupayaan P&P tempatan dan untuk melaksanakan projek berisiko tinggi. Peranan ini akan diperkembangkan melalui sistem insentif yang lebih menarik dan usaha perkongsian risiko dalam teknologi utama.

13.42 Bagi tempoh jangka sederhana dan panjang, tumpuan strategik ialah membina kecekapan dalam teknologi yang menghasilkan pertumbuhan, terutamanya dalam bidang bahan termaju, IT dan mikroelektronik, teknologi pembuatan termaju,

bioteknologi serta teknologi yang berkaitan tenaga dan alam sekitar. Teknologi sasaran ini dijangka mencambahkan bidang pertumbuhan baru dalam industri. Dalam hubungan ini, adalah penting untuk membangunkan pusat-pusat kecemerlangan dengan sumber yang mencukupi bagi menjalankan aktiviti P&P dalam bidang teknologi termaju ini pada masa hadapan.

13.43 Keutamaan akan diberi bagi menyalurkan bantuan kewangan dan teknikal kepada IKS yang sedia ada dan yang lebih penting untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat baru berdasarkan teknologi. Perkhidmatan teknikal yang disediakan oleh berbagai agensi Kerajaan bagi meningkatkan sumbangan IKS kepada ekonomi akan diperkembang dan diperkuuhkan.

### **Program-program**

#### **P&P dalam Bidang-bidang Keutamaan**

13.44 Sokongan akan diberi kepada P&P dan teknologi yang menggalakkan pertumbuhan, meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saingan perindustrian, menghasilkan teknologi tempatan dengan barang dan perkhidmatan berjenama tempatan dan meningkatkan kualiti kehidupan. Dalam hubungan ini, mekanisme IRPA yang disusun semula baru-baru ini adalah untuk memastikan sumber P&P negara dilaburkan dalam bidang yang boleh menghasilkan manfaat terbanyak. Ini akan dilaksanakan melalui penyelaras yang lebih berkesan serta penilaian dan pemilihan aktiviti P&P yang lebih ketat. Satu perubahan yang penting ialah pengurusan pembiayaan IRPA oleh sebuah entiti bagi memastikan sumber penyelidikan diguna secara optimum. Komponen baru yang lain ialah penubuhan mekanisme yang cekap bagi mengesan prestasi projek yang sedang dijalankan serta menilai dan merancang projek baru untuk masa hadapan.

13.45 Dalam urusan mengagih dan menggunakan sumber untuk P&P, satu proses penilaian yang baru akan diperkenalkan, di mana agensi penyelidikan dan universiti tertakluk kepada proses pemilihan projek secara bersaing. Institusi penyelidikan dan universiti akan dipelawa mengemukakan cadangan untuk mendapatkan pembiayaan bagi projek-projek yang meliputi berbagai objektif sosioekonomi dan bidang penyelidikan utama. Ini bertujuan mengagihkan peruntukan kepada cadangan yang terbaik di samping mengurangkan pertindihan aktiviti penyelidikan dan pembaziran sumber. Seberapa yang boleh, dalam proses menilai dan memilih cadangan projek penyelidikan, penekanan yang lebih akan diberi bagi memastikan potensi output projek berkenaan diperlukan oleh pelanggan khusus, sama ada Kerajaan ataupun industri.

13.46 Satu pendekatan nasional ke arah mempercepat pembangunan teknologi strategik akan diambil memandangkan tingginya risiko dan kos yang terlibat dalam pelaburan di bidang tersebut. Institusi penyelidikan tertentu, secara bersendirian

atau bersama dengan rakan kongsi dari industri, akan diberi peruntukan untuk membangun teknologi yang ditentukan bagi memajukan sektor khusus seperti mikroelektronik, bahan termaju dan aerospace. Keutamaan akan juga diberi kepada pembangunan teknologi yang inovatif, tetapi mudah dan praktikal, yang akan menyumbang ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dengan mengambilkira, antara lain, gaya hidup penduduk tempatan serta keadaan alam sekitar dan iklim. Pembangunan projek P&P bersifat nasional yang berkenaan akan melibatkan pasukan penyelidik dari pelbagai disiplin dan institusi serta penyertaan dari sektor swasta.

13.47 Bagi mempertingkat P&P dan pembangunan teknologi, kerjasama antarabangsa dalam bidang S&T terpilih akan terus diperkuuhkan. Rancangan kerjasama akan diperluas bagi meningkatkan pertukaran maklumat teknologi serta pembangunan bersama dalam teknologi perindustrian dan latihan dalam bidang S&T yang khusus. Ini meliputi aktiviti yang memberi manfaat bersama seperti pertukaran maklumat teknikal mengenai penyelidikan asas dan gunaan serta pertukaran penyelidik dan ahli sains dalam teknologi tertentu.

### **Teknologi Strategik dan Industri Baru Muncul**

13.48 Beberapa teknologi termaju sedang dibangunkan bagi menyokong pelaksanaan strategi perindustrian berdasarkan teknologi. Pembangunan dalam bidang ini, di peringkat tempatan dan antarabangsa, dijangka dapat mewujudkan peluang pelaburan baru bagi ekonomi secara keseluruhan dan industri secara khusus. Teknologi teras tersebut, antara lain, adalah seperti berikut:-

a. teknologi maklumat dan komunikasi

- pengiraan berprestasi tinggi
- rangkaian
- komunikasi
- gambaran imej digital
- multimedia
- paparan definisi tinggi
- ruang simpanan kepadatan tinggi
- perisian
- pemodelan dan simulasi

b. mikroelektronik

- teknologi sensor
- litar mikroelektronik dan bahan semikonduktor
- optoelektronik
- avionik
- perkakasan semikonduktor termaju

c. bioteknologi dan sains hayat

- bahan dan pemprosesan bioteknologi
- perkakasan perubatan dan diagnostik
- teknologi perubatan

d. teknologi pembuatan termaju

- pembuatan komputer bersepada yang fleksibel
- robotik dan kepintaran mesin
- fabrikasi mikro dan nano
- teknologi pengurusan sistem

e. bahan termaju

- komposit
- seramik
- bahan fotonik, litar mikroelektronik dan bahan semikonduktor
- sintesis dan pemprosesan bahan
- superkonduktor
- logam dan aloi berprestasi tinggi

f. alam sekitar dan berkaitan tenaga

- bahan hijau
- sisa berasaskan pertanian
- tenaga diperbaharui semula
- tenaga mudah alih
- pemulihan dan pengurusan sisa serta meminimumkan pencemaran Teknologi termaju tersebut mempunyai kesan penting bukan sahaja ke atas industri baru tetapi juga ke atas industri sedia ada, yang mana proses pengeluaran dan pola permintaan dijangka akan berubah secara mendadak.

13.49 Dalam mengenalpasti teknologi untuk dimajukan, matlamatnya ialah untuk membina kecekapan dalam beberapa bidang terpilih bagi membolehkan industri meningkat dengan mengeksploitasi sepenuhnya kemajuan dalam teknologi mutakhir. Satu strategi pembangunan teknologi yang lebih terperinci akan digubal untuk mencapai matlamat ini. Sebagai langkah permulaan, satu kajian pemetaan kecekapan negara akan dijalankan dengan tujuan, antara lain, untuk mengkaji semula dan mengenalpasti keperluan teknologi dalam konteks dasar pembangunan negara dan

untuk mengadakan strategi khusus bagi pengluasan bidang teknologi terpilih pada masa hadapan.

13.50 Malaysia telah mula menceburi beberapa bidang tersebut sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang perindustrian berasaskan teknologi. Walau bagaimanapun, proses mewujudkan pra-syarat pembangunan perlu dipercepatkan, terutamanya dari segi infrastruktur S&T, tenaga manusia yang berkaitan dan P&P domestik yang mencukupi. Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan teknologi, Malaysia akan terus bergantung, sebahagian besarnya kepada syarikat multinasional yang mempunyai rangkaian yang luas di seluruh dunia dalam penyelidikan dan projek berasaskan teknologi, termasuk loji pengeluaran moden, sistem dan perkhidmatan berkaitan. Ini akan menjadi daya penggerak, menyediakan input dan kepakaran kepada proses pembelajaran oleh industri domestik.

13.51 Bagi menggalakkan pembangunan industri yang mempunyai kandungan teknologi tinggi ini, beberapa langkah akan dilaksanakan bagi menarik pelaburan dan sumber yang lain ke dalam bidang tersebut. Kerajaan akan memperkemas pakej insentif dan bantuan yang sedia ada untuk industri berteknologi tinggi. Di antara lain, projek pelaburan berkongsi risiko antara Kerajaan dan industri akan digalakkan untuk mengurangkan risiko yang tinggi dalam usaha seperti itu. Usaha tertentu akan diambil bagi mengenalpasti peluang untuk membantu sektor swasta menuju ke perkongsian pintar dan pakatan strategik di seberang laut bagi membolehkan industri tempatan memperolehi teknologi, perkhidmatan dan pasaran baru serta bersaing dari segi kos dalam persekitaran global. Di samping itu, Kerajaan akan mengkaji semula mekanisme yang sedia ada bagi perolehan, penyebaran dan pemindahan teknologi dengan tujuan untuk memperkuatkan mekanisme tersebut. Usaha ini akan memupuk pembangunan aktiviti berteknologi tinggi dan nilai ditambah yang lebih.

### **Komersilisasi Penyelidikan dan Teknologi**

13.52 Kerajaan akan memperkenalkan strategi yang komprehensif bagi mengkomersilkan P&P tempatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempercepat pembangunan teknologi dalam negara. Usaha yang gigih akan diambil bagi membangun dan mengeksloitasi secara komersil penemuan penyelidikan yang sebahagian besarnya masih belum dimanfaatkan di dalam agensi penyelidikan sektor awam dan universiti. Ini bertujuan bagi memastikan supaya Malaysia memperolehi sepenuhnya manfaat komersil daripada penyelidikan tempatan dan seterusnya mewujudkan peluang pelaburan baru.

13.53 Bagi tujuan ini, kerangka kerja organisasi, perundangan dan pentadbiran di peringkat institusi akan dirombak. Antara lain, unit-unit komersil dan pelaburan di institut penyelidikan dan universiti akan disusun semula dan dikorporatkan secara berperingkat. Agensi penyelidikan dan universiti kini wajar mengambil peranan utama

dalam mengenalpasti dan memasarkan harta intelek yang mempunyai potensi komersil dan mencadangkan cara baru untuk berkongsi hak harta intelek dengan pencipta dan penyelidik. Bagi menarik penglibatan yang lebih dalam aktiviti penyelidikan, insentif tambahan akan diperkenalkan untuk memastikan personel P&P, terutamanya mereka yang menyumbang kepada usaha penyelidikan yang berjaya dikomersilkan, diberi ganjaran sewajarnya, termasuk ditawarkan opsyen saham dalam subsidiari institut penyelidikan yang dikorporatkan atau dalam syarikat tempat mereka berkhidmat.

13.54 Di peringkat nasional pula, satu mekanisme penyelarasan dan pengurusan yang berkesan bagi aktiviti mengkomersilkan P&P akan dibentuk. Dalam hubungan ini, MTDC dikehendaki melaksanakan peranan ini. Sektor swasta akan digalakkan untuk menyertai aktiviti tersebut melalui usaha sama dan penubuhan program kerjasama P&P dengan agensi penyelidikan.

13.55 Bantuan teknikal dan sumber kewangan kerap kali diperlukan di berbagai peringkat proses komersilisasi memandangkan risiko yang tinggi dan tempoh pembangunan yang lama. Bagi tujuan ini, sebuah tabung khas akan dibentuk khususnya untuk membiayai fasa pasaran dalam proses komersilisasi. Tabung ini dijangka membantu MTDC dan unit perniagaan di universiti dan institut penyelidikan mempergiatkan pembangunan dan pemasaran teknologi tempatan.

### **Strategi bagi Pelaburan Sektor Swasta dalam P&P**

13.56 Usaha memajukan teknologi oleh sektor swasta akan terus disokong oleh Kerajaan melalui berbagai cara. Pelaburan yang lebih besar dalam P&P oleh sektor swasta akan diberi galakan secara langsung melalui berbagai insentif, penyediaan infrastruktur dan dalam bentuk bantuan yang lain. Insentif berkaitan akan diperluas lagi bagi merangkumi bidang baru seperti perolehan teknologi, pengkomersilan hasil penyelidikan daripada agensi tempatan, pemindahan teknologi dan pembangunan tenaga manusia yang berkaitan dengan penyelidikan.

13.57 Di samping menyediakan insentif fiskal, Kerajaan akan menimbangkan pemberian geran secara langsung dan pinjaman jangka panjang dengan kadar faedah yang rendah kepada perusahaan yang melabur dalam pembangunan dan pengkomersilan teknologi baru, terutamanya dalam industri strategik. Perusahaan besar dijangka memainkan peranan penting dalam usaha ke arah pembangunan industri yang mempunyai kandungan teknologi tinggi yang boleh mengeluarkan barang dan perkhidmatan jenama tempatan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Syarikat yang lebih besar ini dijangka, antara lain, akan memberi sumbangan yang bermakna bagi membina keupayaan perindustrian dalam bidang seperti kejuruteraan persisan, teknologi pembuatan termaju, pengantaramukaan proses produk dan reka bentuk produk. IKS yang keperluan teknikalnya berbeza daripada konglomerat besar dijangka terus dibantu melalui program khas

pembangunan teknologi. Bagi tujuan ini, peruntukan permulaan berjumlah RM100 juta akan disediakan dan keutamaan akan diberi kepada pembinaan keupayaan teknologi tempatan melalui penyerapan, pengubahsuaian dan penyesuaian teknologi, khususnya dalam pembangunan produk, proses dan perkhidmatan yang inovatif dan dipertingkatkan.

13.58 Bagi menggalakkan perkembangan perusahaan berasaskan teknologi, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan dalam bentuk ekuiti dan memupuk projek teknologi pada peringkat awal, semasa projek tersebut melalui berbagai tahap inovasi teknologi, bermula dari peringkat inkubator dan komersilisasi hingga memasuki pasaran dan di tahap pengembangan. Selain daripada itu, Kerajaan akan menimbangkan penubuhan papan sekuriti ketiga bagi penyenaraian syarikat berorientasi teknologi yang memerlukan dana untuk pelaburan. Di samping itu, syarikat swasta yang berorientasi teknologi akan digalak mewujud rantaian dengan pelabur luar negara dalam bidang khusus seperti telekomunikasi, aerospace dan farmaseutikal serta produk perubatan dan kimia. Bidang ini boleh mewujudkan penggunaan teknologi khusus dalam berbagai industri dan dengan itu menyediakan lebih banyak peluang untuk pelaburan.

13.59 Kerajaan akan terus membuat pelaburan yang besar dalam infrastruktur teknologi bagi menyokong pembangunan keupayaan teknologi perindustrian. Pembesaran TTM bukan sahaja akan menyediakan kemudahan untuk syarikat kecil yang berasaskan teknologi tetapi juga untuk perusahaan besar yang melaksanakan pembangunan produk dan kejuruteraan proses pembuatan. Institut penyelidikan awam yang utama seperti MIMOS dan Pusat Pengukuran Kebangsaan akan ditempatkan di TTM. Manakala KHTP di Kedah, Bandar Teknologi Komposit di Melaka serta Taman Perindustrian Aerospace Subang dan Taman Avionik di Selangor akan memainkan peranan penting dalam membina asas teknologi tinggi bagi negara. Taman ini dijangka akan menempatkan penyewa korporat, akademik dan Kerajaan yang mengkhusus dalam aktiviti P&P yang berkaitan dengan elektronik, telekomunikasi, bahan-bahan baru dan bioteknologi. Pendekatan ini akan mewujudkan sinergi yang diperlukan di kalangan industri, universiti dan sektor awam dalam meningkat dan menambahkan keupayaan teknologi. Cadangan menubuahkan Pusat Teknologi di KHTP dijangka menyediakan perkhidmatan sokongan khusus kepada P&P seperti rangkaian dan pertukaran maklumat, perundingan teknikal dan latihan serta rantaian dengan pusat teknologi tinggi yang utama di peringkat antarabangsa. Di samping itu, Taman Sumber Asli di Sarawak serta Taman Sains di Pulau Pinang dan di Johor dijangka menghasilkan aktiviti inovasi dan P&P yang luas, masing-masing khususnya di bidang bioteknologi tumbuhan, mikroelektronik dan komunikasi. Sektor swasta pula akan digalak menubuahkan taman perniagaan yang memberi tumpuan kepada aktiviti P&P.

13.60 Usaha yang lebih akan dijalankan bagi mengukuh dan menginstitusi kerjasama P&P tidak formal yang wujud di kalangan universiti, agensi penyelidikan dan industri.

Langkah menginstitusi sistem penyelidikan kontrak secara berperingkat dalam agensi penyelidikan dan universiti serta mengkorporatkan sebahagian atau keseluruhan institusi penyelidikan yang terpilih akan memudahkan sektor swasta menggunakan lebih lagi perkhidmatan P&P yang disediakan oleh agensi berkenaan. Pembaharuan ini akan menyediakan sinergi dan rantaian yang lebih kukuh di antara permintaan industri terhadap teknologi dan P&P yang lebih maju, serta menyumbang ke arah pembentukan sindiket penyelidikan di kalangan sektor awam dan swasta.

### **Tenaga Manusia S&T**

13.61 Aspek yang diberi perhatian utama dalam pembangunan tenaga manusia S&T ialah memastikan supaya pengluasan dan peningkatan dalam pendidikan dan latihan, akan dapat menambah keupayaan teknologi secara berkesan dalam bidang-bidang strategik. Dalam hubungan ini, peruntukan berjumlah lebih RM1.6 bilion akan disediakan kepada universiti dan institut pendidikan tinggi untuk menghasilkan tenaga manusia S&T peringkat tinggi yang diperlukan oleh negara terutamanya untuk aktiviti P&P serta pengurusan dan pembangunan teknologi. Penekanan akan diberi bagi memastikan bilangan keluaran siswazah yang mencukupi di bidang sains dan kejuruteraan, yang dijangka bertambah lebih sekali ganda dalam tempoh RMT seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-3. Bekalan tenaga manusia S&T dijangka bertambah melalui peningkatan bilangan siswazah tempatan yang mendapat latihan dalam bidang sains dan kejuruteraan di seberang laut serta, di mana yang sesuai, melalui pengambilan saintis, ahli teknologi dan penyelidik asing.

13.62 Berasaskan keperluan untuk membina keupayaan teknologi, penekanan yang lebih besar akan diberi kepada pengajaran dan pembelajaran sains asas dan pengajaran yang berorientasi teknikal di peringkat pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Peningkatan dan pengubahsuaian kurikulum akan dibuat supaya sejajar dengan perkembangan ilmu, pengetahuan dan aplikasi terutamanya dalam bidang matematik, sains dan teknologi. Sumber yang lebih dari segi tenaga manusia dan kemudahan yang lebih lengkap akan disediakan untuk sekolah dan institusi pendidikan tinggi bagi memperkuuh proses pengajaran dan pembelajaran sains dan matapelajaran yang berkaitan.

13.63 Bagi memastikan institusi penyelidikan dan universiti terus menjadi sumber penting untuk pakar teknologi dan P&P, program pendidikan dan latihan yang sedia ada seperti latihan dalam perkhidmatan, pengajian luar kampus dan pengajian jarak jauh akan terus diperluaskan. Di samping itu, sebuah tabung baru untuk sumber tenaga manusia S&T, dengan peruntukan permulaan sebanyak RM300 juta akan ditubuhkan bagi menambah keupayaan dalam bidang teknologi yang ditentukan secara berterusan. Usaha ini akan menyumbang kepada peningkatan daya saingan dan pertumbuhan industri. Tabung tersebut akan menyediakan biasiswa khususnya pada peringkat lepasan ijazah dan lepasan ijazah kedoktoran serta fellowship untuk penyelidikan siswazah dan pengajian lanjutan di dalam dan di luar negara. Di samping

itu, latihan sambil kerja dan latihan di tempat kerja serta latihan secara formal akan disediakan kepada tenaga manusia teknikal peringkat tinggi dan pertengahan bagi membantu aktiviti penyelidikan. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha menyediakan tenaga manusia S&T yang diperlukan serta meningkatkan sasaran negara untuk menambah bilangan tenaga manusia P&P kepada 1,000 bagi setiap sejuta penduduk menjelang tahun 2000.

13.64 Sungguhpun langkah seperti di atas akan diambil, satu strategi pembangunan jangka panjang bagi tenaga manusia S&T akan dibentuk untuk menambah secara tersusun bekalan tenaga kerja berorientasi teknologi dan untuk mengganti kekosongan tenaga kerja dalam bidang berkenaan disebabkan persaraan dan emigrasi. Bagi tujuan ini, satu kajian sedang dijalankan yang antara lain, membuat penilaian ke atas keperluan sumber tenaga manusia saintifik dan teknologi untuk negara dan menyediakan rancangan pembangunan jangka panjang bagi sumber tenaga manusia dalam bidang S&T.

### **Meningkatkan Standard dan Jaminan Kualiti**

13.65 Kemajuan yang pesat dalam teknologi dan diikuti perubahan peraturan dalam ekonomi domestik dan antarabangsa memerlukan negara mengkaji dan meningkatkan secara berterusan infrastruktur standard dan jaminan kualiti dan perkhidmatan, termasuk pembangunan standard, pengukuran serta pengujian dan jaminan kualiti. Ini adalah untuk meningkatkan keupayaan domestik memenuhi keperluan standard dalam bidang-bidang tradisional yang berkaitan dengan pengawalan kesihatan dan keselamatan serta mengikuti perkembangan yang baru. Di antara perkembangan baru termasuklah peraturan antarabangsa berhubung dengan pengeluaran produk elektronik berskala besar, pengurusan alam sekitar dan sistem pelabelan dan pembangunan standard untuk industri perkhidmatan serta peraturan domestik terhadap keselamatan kenderaan dan kawalan pencemaran. Pada masa yang sama, pengluasan perdagangan antarabangsa dan pengurangan halangan perdagangan memerlukan negara meningkatkan penyertaan secara aktif dalam aktiviti pembangunan standard dan sistem antarabangsa bagi memastikan keperluan negara terpelihara.

### **Perlindungan Harta Intelek**

13.66 Berasaskan keputusan mengenai skop dan intensiti tanggungjawab yang terkandung dalam Perjanjian Perdagangan Mengenai Hak Harta Intelek (TRIP), negara-negara di seluruh dunia dijangka melaksanakan dengan lebih tegas peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan terhadap instrumen utama pemindahan teknologi seperti paten, cap niaga, hak cipta, pengetahuan teknikal dan reka bentuk perindustrian. Ini mempunyai implikasi dari segi sejauh mana sesuatu pemindahan teknologi dari seberang laut dapat dilakukan dan yang lebih penting, perlunya mempercepatkan proses pembangunan dan komersialisasi teknologi

tempatan. Dalam hubungan ini, agensi yang berkenaan akan mengawasi dan mengesan secara berterusan perubahan dalam persekitaran antarabangsa terhadap pemindahan teknologi dengan tujuan mengambil tindakan awal bagi mengurangkan sebarang kesan yang menjelaskan ekonomi negara.

13.67 Tumpuan khas akan diberi bagi mewujudkan suasana yang menggalakkan untuk memupuk inovasi dan ciptaan tempatan dan menggalakkan komersilisasi teknologi yang berpotensi. Insentif P&P yang dijangka diperkemaskan lagi akan menyediakan suasana yang lebih menarik bagi sektor swasta meningkatkan perbelanjaan terhadap kemajuan teknologi. Aspek lain yang penting ialah mempercepatkan pelaksanaan dasar dan garis panduan harta intelek oleh universiti dan institusi penyelidikan memandangkan mereka adalah sumber utama teknologi yang berpotensi untuk industri. Langkah lain termasuk pertumbuhan perkongsian teknologi antara sektor awam dan swasta dengan tujuan mengguna dan menyebarkan teknologi baru serta menyediakan modal usaha niaga bagi aktiviti komersilisasi hiliran dan perolehan paten.

13.68 Kerajaan akan terus mengukuh dan memperluas infrastruktur yang diperlukan bagi membangun dan mengurus hak harta intelek. Usaha yang lebih akan diambil untuk mengawasi perubahan di peringkat antarabangsa, mengkaji semula undang-undang harta intelek yang sedia ada, menggubal undang-undang baru dan mengambil langkah-langkah perundangan, pentadbiran dan penguatkuasaan yang sesuai. Teras utama ialah menggalakkan pembangunan teknologi tempatan dan di mana yang sesuai untuk memenuhi komitmen di bawah Perjanjian TRIP.

### **Meningkatkan Kesedaran S&T**

13.69 Selaras dengan momentum semasa untuk menggalakkan pembangunan yang berteraskan teknologi, aktiviti kesedaran S&T akan diperluas dan dipelbagaikan. Ini adalah untuk meningkatkan kefahaman orang awam terhadap peranan dan kepentingan S&T dalam pembangunan serta menggalakkan pelajar memilih kerjaya yang berkaitan dengan S&T. Selain daripada agensi sektor awam, media massa, pertumbuhan bukan Kerajaan, syarikat swasta dan kumpulan profesional dikehendaki memberi sumbangan yang besar kepada aktiviti tersebut.

13.70 Selain daripada aktiviti penggalakan yang sedia ada, program dan projek baru yang diusahakan oleh PSN dan Planetarium Negara dijangka memainkan peranan penting mempertingkatkan minat terhadap S&T. PSN akan menyediakan pameran interaktif yang terbesar di negara ini yang membolehkan pelajar dan orang awam mendapat pendedahan mengenai konsep dan prinsip berhubung dengan S&T. Ianya bertujuan untuk menjadikan S&T lebih menarik di kalangan pelajar dari semua peringkat umur dan keupayaan akademik. Di samping itu beberapa galeri akan menyediakan pameran berorientasi teknologi bagi memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai sejarah dan perkembangan baru dalam bidang seperti

aeronautik, komputer dan IT, automobil, telekomunikasi serta minyak dan gas. Pameran tersebut juga akan mengandungi penemuan dan pembangunan saintifik tempatan.

13.71 Dalam tempoh RMT, PSN dan Planetarium Negara akan terlibat dalam banyak program penggalakan yang baru. Program ini juga memberi peluang kepada sektor swasta menyediakan bahan-bahan pameran dengan cara menginovasi, merekabentuk dan membina bahan pameran yang mempunyai hubungan dengan sistem pendidikan formal. Di antara aktiviti baru termasuklah pameran bergerak S&T, reka bentuk dan pengeluaran bahan pameran interaktif dan pameran bagi sekolah dan orang awam serta perkhidmatan sokongan sains seperti perkakasan sains, terutamanya untuk pelajar sekolah rendah dan guru.

#### **Penyelaras dan Pengurusan Strategi dan Program S&T**

13.72 Memandangkan negara sedang berusaha mempercepatkan inovasi teknologi bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, produktiviti dan daya saingan yang lebih, Kerajaan akan memberi penekanan ke atas penyelaras strategi dan program S&T. Dalam hubungan ini, peranan MPKSN akan diperkuuh bagi melaksanakan pendekatan yang lebih bersepada ke arah pembangunan S&T. Dasar S&T yang lebih bersepada dengan dasar ekonomi dan dasar yang lain amat perlu, dengan tujuan untuk menyelaraskan aktiviti yang merentas sektor dan institusi serta mempertemukan keperluan pihak akademik, agensi penyelidikan dan sektor swasta.

#### **IV. PERUNTUKAN**

13.73 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan anggaran perbelanjaan bagi tempoh 1991-95 dan peruntukan untuk tempoh 1996-2000 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-4. Kerajaan akan meningkatkan pembiayaan P&P secara langsung kepada RM1 bilion, manakala kira-kira RM2.0 bilion akan disediakan untuk perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur yang berkaitan. Tumpuan akan diberi bagi mempercepatkan proses menginstitusi sistem penyelidikan kontrak di agensi penyelidikan dan universiti, supaya P&P lebih menepati keperluan industri. Langkah ini akan meningkatkan penggunaan perkhidmatan penyelidikan sektor awam oleh industri. Bagi memperolehi pulangan yang lebih baik ke atas pelaburan dalam aktiviti P&P, peruntukan yang besar disediakan untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan. Pada asasnya, keutamaan akan diberi kepada projek S&T yang akan membina kecekapan dalam teknologi yang berpotensi, selaras dengan keperluan untuk menyesuai, mengubahsuai dan menyebarkan kemajuan teknologi bagi pembangunan ekonomi.

## **V. PENUTUP**

13.74 Dalam tempoh RME, arah tuju dasar S&T memberi penekanan kepada peningkatan berkaitan dengan infrastruktur institusi dan organisasi yang diperlukan bagi menggalakkan P&P yang berorientasi pasaran dan menyumbang kepada pembangunan industri dan perkhidmatan yang berintensif modal dan teknologi. Bagi tempoh RMT, teras dasar S&T akan beralih daripada hanya menyerap dan menerima, kepada reka bentuk tulen dan kerja pembangunan yang lebih kompleks. Ini adalah perlu memandangkan negara akan terlibat dalam bidang teknologi tinggi yang lebih mencabar dan perolehan teknologi baru semakin bertambah sukar. Dalam persekitaran persaingan antarabangsa yang semakin meningkat dengan teknologi menjadi tumpuan bagi mewujudkan peluang baru untuk pelaburan dan pertumbuhan, penekanan akan diberi kepada mengeksplotasi dan menggunakan sepenuhnya teknologi yang sedia ada, mempertingkat teknologi yang diimport serta menghasilkan teknologi tempatan.

## **BAB 14 :TEKNOLOGI MAKLUMAT**

### **I. PENDAHULUAN**

14.01 Kemunculan Era Maklumat di mana maklumat telah menjadi penyumbang utama kepada kejayaan persaingan antarabangsa telah meletakkan Teknologi Maklumat (IT) di kedudukan yang penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. IT telah diakui sebagai satu teknologi penggerak yang strategik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), pelaburan yang besar telah disalurkan bagi menyediakan infrastruktur asas IT sebagai langkah ke arah menubuhkan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan yang canggih. Seterusnya penggunaan IT dalam sektor awam dan swasta semakin bertambah dan telah menyumbang kepada peningkatan kecekapan, produktiviti serta daya saingan ekonomi secara menyeluruh. Bagi tujuan menyediakan satu struktur yang lebih formal dan berfokus untuk polisi dan program IT, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (MTMK) telah ditubuhkan dengan keahliannya terdiri daripada sektor awam dan swasta.

14.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), kemajuan dalam IT dijangka memberi kesan yang besar ke atas proses pembangunan dan gaya hidup penduduk. Menyedari tentang potensi IT, usaha akan ditumpukan kepada penggalakan penggunaan dan pemakaianya secara meluas. Dalam hubungan ini, infrastruktur IT akan diperluas dan beberapa program serta projek kebangsaan berkaitan IT akan dilaksanakan untuk mempercepatkan penggunaan IT secara meluas dalam berbagai sektor ekonomi negara. Ini akan membolehkan Malaysia mengekalkan daya saingannya dalam ekonomi digital yang baru muncul dan juga menarik pelaburan baru serta mewujudkan peluang ekonomi dalam aktiviti dan perkhidmatan berkaitan IT.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

14.03 Sektor awam dan swasta telah melabur di dalam perkakasan dan perisian komputer dengan tujuan mempermudahkan penggunaan IT dengan lebih berkesan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan. Berikutan daripada pertambahan pelaburan dalam IT, pembangunan infrastruktur IT seperti rangkaian telekomunikasi serta perkhidmatan dan latihan berkaitan IT telah diperluaskan selaras dengan permintaan terhadapnya.

### **Penggunaan IT**

14.04 Menyedari peranan IT yang strategik dalam meningkatkan produktiviti dan daya saingan, pelaburan dalam IT telah berkembang dengan pesatnya pada kadar purata 24 peratus setahun iaitu daripada RM1.3 bilion pada tahun 1990 kepada RM3.8 bilion pada tahun 1995. Jumlah komputer peribadi (PC) juga telah bertambah dengan banyaknya daripada 160,000 unit pada tahun 1990 kepada 310,000 unit pada tahun 1995.

14.05 Dari segi perbelanjaan IT, sektor perbankan dan kewangan adalah yang terbesar iaitu 27 peratus daripada jumlah perbelanjaan pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 14-1. Ini diikuti oleh sektor pembuatan yang membelanjakan 13 peratus daripada jumlah perbelanjaan, iaitu sekali ganda daripada peratusan yang dicatatkan pada tahun 1990. Sektor lain yang mempunyai perbelanjaan IT yang besar termasuklah Kerajaan, minyak dan gas serta perdagangan pengedaran dan kemudahan awam.

14.06 Sektor perbankan dan kewangan melabur dengan banyaknya dalam IT sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperbaiki perkhidmatan kepada pelanggan, meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos dan menghasilkan pendapatan melalui penawaran produk kewangan baru yang lebih menarik. Dalam hubungan ini, teknologi baru telah membolehkan bank menyediakan kemudahan tambahan kepada pelanggannya seperti perbankan dari rumah, perbankan jarak jauh, penyata akaun bersepdua dan terminal yang boleh dioperasi sendiri. IT telah diakui sebagai satu strategi penting dan kaedah utama bagi bank yang besar dan sederhana untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam menyediakan produk dan perkhidmatan. Satu penyiasatan yang dijalankan pada tahun 1993 oleh Institut Bank-bank Malaysia mendapati bank yang besar dan sederhana membelanjakan tiga per empat daripada jumlah perbelanjaan IT oleh semua bank.

14.07 Jumlah perbelanjaan untuk peralatan dan perkakasan adalah kira-kira separuh daripada keseluruhan perbelanjaan bank untuk IT seperti ditunjukkan dalam Jadual 14-2. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 40 peratus dibelanjakan oleh bank besar manakala bakinya oleh bank sederhana dan kecil. Nisbah perbelanjaan yang lebih

tinggi untuk pembelian peralatan dan perkakasan oleh bank sederhana dan kecil adalah terutamanya disebabkan keperluan membangunkan infrastruktur bagi mempertingkatkan produktiviti dan daya saingan. Bank yang besar pula membuat pelaburan dalam peralatan IT, terutamanya untuk peningkatan dan pemodenan kerana sudahpun mempunyai infrastruktur yang kukuh.

14.08 Bagi sektor pembuatan, satu penyiasatan yang dijalankan pada tahun 1994 ke atas penggunaan IT menunjukkan bahawa aplikasi IT telah diterapkan terutamanya untuk tujuan pentadbiran. Sebahagian besar daripada aplikasi IT adalah dalam bidang perakaunan dan kewangan, urusan gaji, pemprosesan perkataan, rekod personel dan inventori seperti ditunjukkan dalam Carta 14-1. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda bahawa firma pembuatan merancang untuk meningkatkan penggunaan IT dalam fungsi yang lebih strategik seperti reka bentuk produk, kawalan mutu, perancangan proses, serta perancangan pengeluaran dan bahan. Fungsi tersebut akan dipertingkatkan berikutan penggunaan program komputer seperti reka bentuk berbantuan komputer (CAD), pembuatan berbantuan komputer (CAM) dan kejuruteraan berbantuan komputer (CAE) serta robotik. Penyiasatan tersebut juga menunjukkan sekiranya dibandingkan dengan industri besar, industri kecil dan sederhana (IKS) ketinggalan dari segi penggunaan IT dalam proses pembuatan seperti ditunjukkan dalam Carta 14-2. Jurang ini adalah kerana IKS kekurangan keupayaan kewangan dan tenaga manusia yang mahir.

14.09 Dalam tempoh RME, usaha telah diambil untuk menggalak, memperluas dan mempertingkatkan aplikasi IT dan teknologi pembuatan termaju dalam sektor perindustrian. Agensi Kerajaan seperti Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) telah melengkapkan usaha tersebut melalui pelaksanaan program khusus bagi memperkenal dan menggalakkan penggunaan teknologi baru yang melibatkan IT. Dalam hubungan ini, SIRIM telah menyediakan latihan dalam CAD/CAM/CAE sementara MIMOS menjalankan penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan menyediakan latihan dalam reka bentuk Litar Bersepadu Skala Sangat Besar (VLSI). Di samping itu, MIMOS juga membantu industri dalam pembangunan perisian, pembangunan produk dan aktiviti merekabentuk, fabrikasi dan pemasangan papan litar tercetak (PCB) serta dalam penyediaan perkhidmatan IT. Walau bagaimanapun, kekurangan kepakaran industri dan teknikal yang berkaitan, terutamanya di kalangan IKS telah menghalang penggunaan IT secara meluas.

14.10 Dalam sektor pengangkutan, IT telah digunakan untuk meningkatkan kecekapan operasi perniagaan. Dalam hubungan ini, Pertukaran Data Elektronik (EDI) telah dipasang untuk memudahkan penyerahan dokumen secara elektronik bagi membolehkan pengesanan status penghantaran barang dan menyeragamkan penggunaan dokumen perdagangan serta mempercepatkan proses pemindahan barang di pelabuhan. Penerbangan Malaysia (MAS) telah mempertingkatkan penggunaan sistem IT dalam operasi kaunternya seperti tempahan, urusan dan

penetapan harga tiket serta operasi penerbangan. Di samping itu, MAS telah melancarkan Rangkaian Kargo Malaysia (MacNet) untuk memudahkan urus niaga kargo udara. Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telah memasang MISC\*NET untuk melicinkan pengaliran maklumat di antara ibu pejabatnya di Kuala Lumpur dengan wakilnya di seluruh dunia. Sistem ini menyediakan rantaian bagi penempahan kargo, penyelenggaraan dan pembaikan, pengesahan kontena serta dokumentasi.

### **Penggunaan IT Dalam Sektor Awam**

14.11 Dalam tempoh Rancangan, penggunaan IT dalam sektor awam tertumpu kepada usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta memperbaiki mutu perkhidmatan. Dalam hubungan ini, proses pengkomputeran telah dipercepatkan dengan pemberian peruntukan sebanyak RM1.4 bilion dalam tempoh Rancangan. Selain daripada bidang tradisional seperti pungutan hasil, perkhidmatan kaunter dan pengurusan maklumat, IT juga telah digunakan dalam bidang baru seperti sistem retrieval, automasi kerja dan pemprosesan imej.

14.12 Proses pengaliran maklumat melalui rangkaian komputer serta perkongsian dan penggunaan maklumat di kalangan agensi kerajaan telah bertambah. Rangkaian Perkhidmatan Awam (PSN) telah menyumbang kepada usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti, khususnya dalam penyediaan perkhidmatan kaunter, dengan menawarkan perkhidmatan talian terus menggunakan kemudahan rangkaian komputer di semua pejabat pos dan cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Ini membolehkan pejabat pos dan cawangan BSN yang terpilih menawarkan perkhidmatan pembaharuan lesen memandu dan perniagaan, pembayaran cukai jalan serta pembayaran bil kemudahan awam.

14.13 Pangkalan data yang khusus telah dibangunkan untuk menyediakan maklumat yang berkualiti dan bertepatan masa kepada orang ramai dan sektor swasta serta membantu mereka berurus dengan Kerajaan. Beberapa pangkalan data untuk kegunaan orang ramai seperti Perkhidmatan Maklumat Talian Terus Sawit (PALMOILIS), SIRIMLINK dan Talian Perkhidmatan Awam (CSL) telah diwujudkan. PALMOILIS telah dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) pada tahun 1993 untuk menyediakan maklumat mengenai industri minyak sawit. SIRIMLINK juga telah dibangunkan untuk membantu industri memperolehi maklumat seperti standard dan paten, abstrak teknikal dan aktiviti penyelidikan SIRIM. CSL telah diperkenalkan pada tahun 1994 untuk menyediakan maklumat secara talian terus mengenai berbagai aspek pentadbiran awam termasuk maklumat mengenai peraturan, tarif kastam, insentif, dasar Kerajaan dan data mengenai ekonomi. Kementerian Pertanian telah melancarkan AGROLINK pada tahun 1995 untuk menyediakan data dan maklumat yang lengkap dan menyeluruh mengenai sektor pertanian. Di samping itu, Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Negara-negara Selatan (SITTDEC) telah ditubuhkan pada

tahun 1993 untuk menggalakkan pertukaran maklumat mengenai pelaburan, perdagangan dan teknologi di kalangan negara sedang membangun melalui satu rangkaian komputer global yang menghubungkan negara anggota.

14.14 Aplikasi IT dalam penjagaan kesihatan telah tertumpu kepada bidang pentadbiran dan kewangan. Sistem maklumat telah diwujudkan untuk pendaftaran pesakit, kemasukan ke wad, pungutan bil, perakaunan, pengurusan inventori farmasi dan penganalisisan data penyelidikan klinikal dan kesihatan. Walau bagaimanapun, usaha telah dimulakan untuk menggunakan IT secara lebih meluas dalam bidang seperti rangkaian maklumat kesihatan, telemedicine dan pendidikan perubatan untuk memperbaiki rawatan perubatan dan perkhidmatan kesihatan.

14.15 Mengenai penggunaan komputer dalam pendidikan, beberapa program telah dilancarkan dengan objektif mendedahkan pelajar kepada pengetahuan asas komputer. Pada tahun 1992, program pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer telah dilaksanakan sebagai projek perintis di 15 sekolah rendah. Program ini menggunakan perisian komputer untuk matapelajaran matematik dan Bahasa Inggeris yang telah direkacipta oleh Makmal Teknologi Komputer, Kementerian Pendidikan. Di peringkat sekolah menengah, satu projek perintis literasi komputer telah dilancarkan melibatkan 60 sekolah di luar bandar. Di bawah program ini, pelajar telah diperkenalkan kepada aplikasi komputer seperti pangkalan data, spreadsheet dan pemprosesan perkataan. Pelajar di sekolah menengah teknik juga diajar mengenai reka bentuk dan pemprograman menggunakan perisian seperti CAD/CAM.

14.16 Sebagai lanjutan kepada program komputer dalam pendidikan, Jaringan Pendidikan telah diperkenalkan pada tahun 1995 sebagai satu projek perintis melibatkan 50 sekolah menengah. Jaringan pendidikan memudahkan lagi komunikasi dan interaksi di antara pelajar dan guru serta akses untuk mendapatkan maklumat mengenai pendidikan dalam dan luar negeri melalui rangkaian komputer yang disambung kepada Internet. Di samping itu, usaha yang sama telah diambil oleh universiti dan institusi latihan tempatan untuk membangunkan rangkaian komputer yang mempunyai pertalian yang mencukupi untuk kegunaan dalam kampus dan antara kampus dengan akses kepada maklumat antarabangsa melalui Rangkaian Bersama Bagi Penyelidikan Maju Yang Bersepadu (JARING), iaitu laluan utama tempatan ke Internet.

## **Infrastruktur IT**

14.17 Kemajuan yang pesat dalam teknologi telekomunikasi membolehkan penghantaran teks, grafik dan video melalui saluran yang sebelumnya hanya menyalurkan suara. Menyedari infrastruktur telekomunikasi yang boleh menyokong aplikasi multimedia melalui teknologi broadband merupakan asas kepada lebuh raya maklumat, Kerajaan telah meluluskan enam lesen rangkaian telekomunikasi dalam

tempoh RME untuk menyediakan infrastruktur rangkaian dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah.

14.18 Dengan bertambahnya bilangan pengusaha rangkaian, infrastruktur telekomunikasi telah bertambah dengan pesat dan persaingan di kalangan pengusaha rangkaian telah meningkat. Untuk memudahkan akses yang lebih luas, usaha telah diambil untuk menggalakkan pengusaha berkaitan menyediakan perkhidmatan moden pada harga yang berpatutan dan juga menyambungtara di antara satu sama lain.

14.19 Projek JARING telah dilancarkan pada tahun 1991 sebagai sambungan kepada RangKom, yang merupakan satu rangkaian kecil komputer yang telah dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. JARING menggalakkan pertukaran maklumat dan pembangunan pangkalan data melalui penyediaan akses kepada Internet pada kos yang berpatutan dengan menggunakan rangkaian berdasarkan standard terbuka yang menghubungi seluruh negara. JARING telah disambungkan ke Internet berikutan daripada pemasangan talian satelit di antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada tahun 1992. Ini membolehkan pengguna di Malaysia dihubungkan dengan Internet di lebih daripada 140 negara melalui nod yang dipasang di 20 bandar utama di negara ini. Berikutan daripada itu, bilangan pelanggan JARING telah bertambah dengan pesatnya daripada 30 pada tahun 1992 kepada 14,400 pada tahun 1995. Jumlah pengguna telah dianggarkan bertambah daripada 90 kepada 43,200.

### **Tenaga Manusia Untuk IT**

14.20 Berikutan peningkatan yang pesat dalam pelaburan IT, sejumlah 27,174 tenaga kerja IT diperlukan dalam tempoh Rancangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 14-3. Kepakaran yang diperlukan ialah dalam bidang pembangunan dan kejuruteraan sistem, pengurusan operasi, perundingan, latihan, P&P, pembangunan perisian dan pengurusan pangkalan data.

14.21 Dari segi bekalan pula, keluaran keseluruhan tenaga kerja IT daripada institusi sektor awam dan swasta berjumlah 20,166 personel. Daripada jumlah ini, separuh daripadanya dilatih oleh institusi latihan sektor awam. Sektor awam menyediakan latihan di peringkat ijazah asas dan diploma bagi kursus berkaitan IT seperti sains komputer, kejuruteraan elektronik dan komputer, pendidikan dan sains komputer, sistem pengkomputeran dan maklumat, serta teknologi dan sistem maklumat. Kursus berkaitan IT juga telah disediakan oleh sektor swasta di peringkat ijazah dan sijil dengan pengiktirafan daripada institusi antarabangsa seperti City and Guilds, British Computer Society dan Australian Computer Society. Walau bagaimanapun, keupayaan latihan sektor awam dan swasta tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan yang tinggi untuk personel IT.

## **Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan**

14.22 Memandangkan keperluan yang mendesak bagi meningkatkan penyelarasan dan kepimpinan dalam perancangan dan pengurusan IT sebagai satu alat yang strategik bagi pembangunan sosioekonomi, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (MTMK) telah ditubuhkan sebagai satu kumpulan pemikir dan penasihat kepada Kerajaan mengenai pembangunan IT. MTMK telah memulakan usaha untuk membentuk satu pelan IT kebangsaan dan mengenalpasti program penting yang akan menyumbang ke arah peralihan masyarakat Malaysia menjadi satu masyarakat berteraskan maklumat. Beberapa program seperti seminar dan pameran mengenai IT bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan dan kesesuaian IT dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti keluaran di peringkat nasional, organisasi dan individu telah dilaksanakan di bawah anjuran MTMK.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

14.23 Dalam tempoh RMT, usaha yang lebih bersepodu akan diambil untuk memperkuuhkan asas bagi membentuk masyarakat dan ekonomi yang berteraskan pengetahuan. Memandangkan peranan IT yang strategik untuk mencapai matlamat ini, beberapa langkah dan daya usaha utama akan diambil untuk memperluaskan rangkaian dan perkhidmatan infrastruktur maklumat yang terdapat di seluruh negara. Teras pembangunan IT ialah:-

- o memastikan penyebaran dan penggunaan IT yang meluas di dalam dan di antara sektor untuk merangsang produktiviti dan daya saingan serta memperbaiki kualiti hidup;
- o membentuk satu pelan tindakan nasional untuk memastikan pendekatan pengurusan pembangunan IT yang lebih sistematik di negara ini. Secara khususnya, ini akan melibatkan pembangunan satu budaya IT, pelaksanaan projek aplikasi IT nasional seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) dan bandar raya bistari serta penyediaan infrastruktur telekomunikasi;
- o memperluaskan pendidikan dan latihan IT selaras dengan jangkaan pertambahan permintaan untuk epakaran, pengetahuan dan kemahiran berkaitan IT;
- o mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang menghalang kemajuan IT;
- o menggalakkan pembangunan industri IT tempatan dari segi reka bentuk dan pengeluaran produk, sistem dan perkhidmatan yang inovatif untuk mewujudkan peluang pertumbuhan baru dan juga kepakaran dan pekerjaan dalam bidang berteknologi tinggi;

- o memajukan Malaysia sebagai satu hub IT serantau dengan syarikat IT antarabangsa beroperasi dari Malaysia; dan
- o meningkatkan kesedaran mengenai IT di kalangan penduduk.

### **IT Dalam Pembangunan Sektoral**

14.24 Penekanan yang lebih akan diberi untuk menggalakkan penggunaan IT secara meluas dalam pembangunan negara. Menjelang akhir tempoh Rancangan, perbelanjaan untuk pelaburan IT dijangka bertambah sekali ganda berbanding paras masa kini. Sementara penggunaan IT dalam pembuatan, perkhidmatan, pendidikan dan kesihatan akan digalakkan, keutamaan akan diberi untuk memastikan wujudnya satu pendekatan yang terselaras di peringkat nasional.

14.25 Sektor pembuatan dalam peralihan ke arah industri yang berintensifkan pengetahuan, modal dan teknologi, perlu membuat penyesuaian dalam proses pengeluaran dan pemasarannya untuk menghadapi cabaran daripada persekitaran perdagangan dunia yang semakin berdaya saing. Integrasi IT ke dalam proses pengeluaran dan penggunaan robotik dan CAD/CAM akan membantu pengilang meningkatkan pengeluaran, mengurangkan kos dan menjamin kualiti produk. SIRIM yang menggunakan IT dalam perkhidmatan reka bentuk kejuruteraan untuk mempercepatkan pembentukan prototaip akan membantu firma mengurangkan masa peralihan dan kos menjalankan prototaip. Di samping itu, IT akan membolehkan pertukaran data dan maklumat di antara firma, yang dapat memudahkan lagi proses pembelian secara sub-kontrak dan pembayaran secara elektronik. Ini akan meningkatkan amalan tepat masa dan pengeluaran secara fleksibel di samping membantu pengilang meminimumkan kos inventori serta menghasilkan barang mengikut spesifikasi pelanggan. Firma besar tempatan dan syarikat multinasional dijangka menerajui proses pengkomputeran dan automasi memandangkan mereka mempunyai keupayaan kewangan yang diperlukan serta kemampuan memperolehi teknologi daripada luar negara dan untuk menjalankan daya usaha P&P dalam yang berkaitan. Walau bagaimanapun, IKS memerlukan sokongan dan bantuan teknikal kerana mereka mempunyai masalah kekurangan tenaga manusia dan kewangan.

14.26 Dalam tempoh Rancangan, satu pendekatan yang terancang akan diambil untuk menggalakkan penggunaan IT dalam perniagaan dan industri pembuatan, khususnya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dalam hubungan ini, kemudahan akan diberi kepada PKS bagi menjalankan kajian mengenai potensi aplikasi IT di dalam proses pengeluaran dan operasi perniagaan mereka. Di samping itu, projek penyelidikan secara bersama di antara institusi penyelidikan dan PKS yang bertujuan menerapkan proses dan sistem yang inovatif di kalangan PKS berkenaan akan digalakkan, khususnya di dalam bidang seperti artificial intelligence, robotik dan proses automasi.

14.27 Permintaan kukuh untuk barang elektronik perniagaan dan pengguna di seluruh dunia akan menyediakan peluang pertumbuhan kepada pengilang tempatan yang terlibat dalam keluaran berkaitan IT seperti semi-konduktor, persian komputer dan peralatan telekomunikasi. Berikutnya pertambahan permintaan PC yang dilengkapkan dengan aplikasi multimedia, sektor perniagaan perlu meningkatkan keupayaan mesin dan persian bagi menambahkan kebolehannya untuk merancang dan mengurus secara strategik, justru itu meningkatkan jualan peralatan dan komponen yang berkaitan. Kemewahan pengguna dan permintaan untuk ciri-ciri tambahan produk akan mendorong meningkatkan permintaan keluaran elektronik pengguna seperti televisyen, stereo kereta dan perakam video. Telefon tanpa wayar dan selular yang sedang mengalami pertumbuhan yang berlipatganda di kebanyakan negara merupakan satu lagi bidang berpotensi untuk diceburi oleh pengilang tempatan.

14.28 Sektor perkhidmatan akan dimajukan lagi bagi menyokong pertumbuhan sektor pembuatan serta menjadi salah satu sektor utama ekonomi negara. Sebahagian daripada strategi penting ke arah ini ialah dengan menyerapkan penggunaan IT yang khusus dalam pembangunan sektor perkhidmatan yang moden, cekap dan berdaya saing. Terdapat lima perkhidmatan perantaraan yang penting kepada pengeluar dan boleh dimajukan sebagai sektor kecil yang berupaya memenuhi permintaan domestik dan luar negara, khususnya bagi kawasan di rantau ini. Perkhidmatan perantaraan ini termasuk komunikasi (khususnya telekomunikasi), perkhidmatan perniagaan dan profesional, kewangan, insurans dan pengangkutan. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat perkhidmatan tersebut banyak bergantung kepada kepentasan proses modenisasi dan integrasi IT.

14.29 Dalam bidang pelancongan, Kerajaan dan sektor swasta dijangka melabur dalam teknologi terkini untuk membolehkan penyebaran dan pemasaran produk dan perkhidmatan pelancongan dengan lebih berkesan. Ini termasuk penggunaan sistem penempahan berkomputer, pangkalan data elektronik, pemindahan gambar destinasi pelancongan ke cakra komputer dan menjalankan pemasaran melalui Internet. Sektor perdagangan pengedaran akan digalakkan untuk memperbaiki sistem dan meningkatkan kecekapan melalui pelaburan dalam IT dengan menggunakan sistem jualan berbantuan elektronik, kod bar dan imbasan serta sistem pengendalian berautomasi.

14.30 Dengan kemajuan dalam IT, adalah dijangka mutu dan kecekapan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan akan meningkat. Pengwujudan lebuh raya maklumat akan menyediakan akses komunikasi elektronik di dalam negeri dan ke seluruh dunia untuk menggalakkan lagi pendidikan jarak jauh yang berinteraktif dan telemedicine. Program pendidikan jarak jauh yang berinteraktif akan membolehkan penduduk luar bandar menikmati akses yang sama kepada bahan dan maklumat pendidikan. Sistem pendidikan jarak jauh akan juga membolehkan Malaysia menjadi satu pusat pendidikan dan latihan serantau. Telemedicine yang berdasarkan pendekatan yang

serupa akan membolehkan pakar perubatan tempatan menyediakan perkhidmatan perundingan secara talian terus.

14.31 Pembangunan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya akan digunakan sebagai pemangkin bagi mendorong perubahan kepada kaedah yang baru dan lebih cekap dalam pentadbiran Kerajaan. Dengan process reengineering dan penggunaan IT terkini, adalah dijangka kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi akan tercapai. Bagi mencapai matlamat tersebut, penyediaan perkhidmatan Kerajaan melalui alat perantaraan elektronik dan teknologi multimedia akan diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan dan menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi. Teknologi yang berkaitan juga akan digunakan untuk meningkatkan keselamatan urus niaga elektronik.

14.32 Dalam tempoh Rancangan, agensi kerajaan yang berkaitan akan mempercepatkan pelaksanaan projek berkaitan IT seperti teknologi khidmat pelanggan untuk meningkatkan kecekapan dalam pemprosesan, rangkaian komputer untuk memperbaiki persambungan dan menggalakkan perkongsian sumber dan maklumat, teknologi pemprosesan imej untuk mengendali dan mengesahkan dokumen, serta sistem komputer yang lebih maju untuk mengendali urus niaga yang lebih besar. Bagi memastikan pelaksanaan program IT berjalan dengan lancar, semua kementerian dan agensi akan menyediakan pelan sistem maklumat yang lengkap dan menyeluruh bagi melicinkan pembangunan dan penggunaan pangkalan data untuk tujuan strategik dan membuat keputusan. Satu kajian akan dijalankan bagi menentukan jumlah tenaga kerja IT yang diperlukan oleh sektor awam dan satu pelan tindakan dibentuk untuk pembangunan kemahiran yang diperlukan.

### **Pembangunan Sumber Tenaga Manusia**

14.33 IT dijangka mendatangkan kesan yang paling ketara ke atas struktur dan operasi organisasi. Kaedah baru dalam penghantaran, pemprosesan, pengurusan dan penggunaan maklumat akan mengurangkan lapisan struktur organisasi dan meluaskan liputan kawalan. Sistem sokongan membuat keputusan berbantuan komputer dan akses yang lebih bagi individu kepada sistem tersebut akan mengurangkan jumlah pekerja yang diperlukan di peringkat penyeliaan dan pengurusan pertengahan. Walau bagaimanapun, penggunaan IT yang semakin meningkat dalam organisasi dijangka mengakibatkan pertambahan permintaan untuk pekerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang komputer dan pengurusan maklumat. Di samping itu, pembangunan pesat teknologi dan aplikasi baru dalam bidang am dan khusus seperti pembuatan, penerbitan, kesihatan dan pendidikan akan menghasilkan permintaan yang semakin tinggi untuk tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan dalam komputer serta golongan profesional dalam bidang khusus yang biasa dengan teknologi dan penggunaannya. Oleh yang demikian, industri IT memerlukan berbagai jenis kemahiran khusus seperti kejuruteraan perisian, pembangunan sistem dan pengurusan data.

14.34 Program pendidikan dan latihan sektor awam akan dipergiat dan diperluaskan untuk meliputi semua sekolah, serta institusi latihan dan pengajian tinggi. Kandungan program ini akan dikaji semula bagi memenuhi keperluan kemahiran dan permintaan untuk personel IT yang semakin bertambah. Kemahiran baru seperti pengendalian komputer serta pengurusan dan penggunaan maklumat akan dimasukkan dalam kurikulum pendidikan dan latihan. Pelaburan untuk komputer dan infrastruktur yang berkaitan akan ditambah untuk memastikan pelajar mendapat peluang menggunakan IT. Tambahan pula, latihan pra dan dalam perkhidmatan akan disediakan untuk guru bagi mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam penggunaan IT.

14.35 Sektor swasta digalakkan melengkapkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan literasi IT. Di antara lain, prosedur untuk menubuhkan institusi swasta yang menyediakan latihan dalam IT akan diselaraskan dan kelulusan bagi menjalankan kursus baru akan dipercepatkan. Prosedur bagi mempercepatkan pengeluaran perbelanjaan daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia untuk bidang keutamaan seperti latihan IT bagi pekerja juga akan disediakan.

14.36 Bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan, kegunaan dan faedah penggunaan komputer, pihak media dan saluran penyebaran maklumat yang lain akan digunakan dengan meluasnya untuk melengkapkan langkah yang telah dimulakan di peringkat sekolah dan pendidikan tinggi. Dalam hubungan ini, stesen televisyen khususnya akan digalakkan untuk menyiarkan program pendidikan yang berkaitan dengan tujuan mengembangkan pengetahuan dan memperluaskan penggunaan IT.

### **Pelan Tindakan Nasional**

14.37 Untuk memastikan perancangan dan pengurusan yang terselaras dalam pembangunan IT di negara ini, MTMK akan merangka satu pelan tindakan nasional. Pelan ini antara lain akan merangka langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan pembangunan Malaysia sebagai pusat IT serantau dan menggariskan skop, saiz dan jadual ke atas rancangan dan program serta mengenalpasti infrastruktur sokongan yang diperlukan dari segi pendidikan dan latihan. Pelan ini juga akan mengenalpasti rancangan dan sumbangan sektor awam dan swasta.

### **Koridor Raya Multimedia and Infrastruktur Berkaitan**

14.38 Pembangunan Putrajaya akan merintis jalan bagi pengwujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) di kawasan selebar 15 kilometer dan sepanjang 40 kilometer yang menjangkau dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di utara sehingga Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Sepang di selatan. MSC dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan IT negara melalui:-

- o menunjukkan keberkesanannya multimedia dalam peningkatan kecekapan dan produktiviti dalam pengeluaran dan penghantaran barang dan perkhidmatan dalam sektor awam dan swasta;
- o mewujudkan penawaran dan permintaan di pasaran dunia bagi industri multimedia yang terletak di Malaysia; dan
- o memastikan pemasangan teknologi yang bersesuaian untuk memaksimumkan penggunaan infrastruktur yang terdapat di MSC, termasuk KLIA, Putrajaya, rangkaian pengangkutan dan lebuh raya elektronik.

14.39 Kerajaan akan membangunkan KLIA dan Putrajaya yang akan dilengkapi dengan teknologi komunikasi dan infrastruktur maklumat yang terkini. Sektor swasta pula, terutamanya syarikat multimedia terkemuka di dunia akan digalak untuk ditempatkan di MSC bagi menjalankan aktiviti pembuatan jarak jauh dan mengeluarkan barang dan perkhidmatan IT yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi untuk membolehkan Malaysia menjadi hub IT serantau. Syarikat perisian dan sistem dalam industri komputer, telekomunikasi dan penyiaran akan digalakkan menempatkan operasinya dalam MSC. Selain daripada itu, keutamaan akan diberi kepada perniagaan yang berdasarkan integrasi media cetak dan elektronik, termasuk industri perkhidmatan penerbitan maklumat, penyiaran dan perfileman.

14.40 Keutamaan akan diberi kepada pembangunan infrastruktur telekomunikasi yang bertaraf dunia meliputi gentian optik, teknologi satelit dan tanpa wayar, serta perkhidmatan. Dalam tempoh Rancangan, pembangunan lebuh raya maklumat berdasarkan infrastruktur telekomunikasi akan dipercepatkan. Dengan jumlah pelaburan yang dirancang sebanyak RM25.4 bilion di samping RM20.3 bilion yang telah dibelanjakan untuk teknologi satelit, gentian optik dan teknologi broadband oleh pengusaha swasta, adalah dijangka infrastruktur telekomunikasi tersebut akan membolehkan penggunaan IT secara meluas di seluruh negara. Satu Pelan Induk Telekomunikasi akan dibentuk untuk menyediakan garis panduan yang antara lain menyentuh soal sambungtara dan standard perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan dan kemudahan menggunakan perkhidmatan. Pengusaha telekomunikasi akan digalakkan untuk mempertingkat dan memperbaiki perkhidmatan mereka bagi terus menyokong pembangunan IT dan multimedia yang berinteraktif. Di samping itu, pelancaran satelit kepunyaan Malaysia, iaitu MEASAT I dan II akan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan penyiaran secara point-to-point dan point-to-multipoint dengan segera dan serentak ke seluruh negara.

14.41 JARING akan diperluaskan untuk menjadi asas kepada pembentukan infrastruktur maklumat nasional yang berupaya menggunakan teknologi multimedia. Kemudahan ibusawat dan pusat akses JARING akan diperluaskan ke seluruh negara bagi menyediakan satu rangkaian komunikasi yang bersepadu untuk sektor awam

dan swasta serta membolehkan program pembelajaran jarak jauh yang interaktif dijalankan. Dalam hubungan ini, peruntukan sebanyak RM400 juta akan disediakan untuk MIMOS bagi menambah 100 nod JARING lagi di seluruh negara dan juga untuk meningkatkan keupayaan JARING. Bilangan pengguna JARING dijangka meningkat kepada 400,000 menjelang akhir tempoh Rancangan. Langkah juga akan diambil bagi memastikan orang ramai boleh menikmati kemudahan persambungan kepada JARING pada kos yang berpatutan.

### **Perundangan Berkaitan IT**

14.42 Satu kajian semula yang menyeluruh ke atas perundangan berkaitan IT akan dijalankan untuk menggalakkan pembangunan IT yang lebih teratur dan memastikan undang-undang dan peraturan yang sedia ada tidak menghalang usaha menjadikan Malaysia masyarakat bermaklumat. Ini perlu disebabkan penyatuan di antara teknologi komputer dan komunikasi serta teknologi multimedia telah menghasilkan satu persekitaran kerja dan kehidupan yang baru dengan kemunculan teleworking, telecommerce, teleconferencing, telemedicine dan penggunaan EDI yang meluas. Perkembangan ini mempunyai kesan ke atas struktur organisasi dan cara pengendalian perniagaan serta gaya hidup peribadi dan sosial. Di samping itu, ianya juga telah mengakibatkan timbulnya kekaburan dalam penentuan hakmilik, pentadbiran dan peraturan rangkaian komunikasi serta kandungan maklumat yang sebelumnya digariskan dengan jelas. Oleh yang demikian, undang-undang dan peraturan yang sedia ada akan dikaji semula untuk memastikan bahawa keselamatan dan kepentingan negara serta individu terpelihara. Ini termasuklah undang-undang dan peraturan berkaitan IT seperti Akta Kontrak, 1950; Akta Keterangan, 1950; Akta Telekomunikasi, 1950; Akta Hakcipta, 1987; dan Akta Penyiaran, 1988.

### **Pembangunan Industri IT Tempatan**

14.43 Industri IT akan dimajukan sebagai satu sektor pertumbuhan baru memandangkan pembangunannya akan menyumbang dengan ketara kepada perkembangan aktiviti perindustrian serta pengwujudan tahap teknologi dan kemahiran yang lebih tinggi. Kemajuan industri ini akan dirangsang melalui penggalakan pembangunan produk baru, penjalinan rantaian yang strategik di antara firma tempatan dan antarabangsa serta penyediaan sokongan untuk promosi IT.

14.44 Langkah akan diambil untuk memperbaiki persekitaran perniagaan, menarik pelaburan baru dan menggalakkan pertumbuhan perusahaan yang sedia ada di dalam industri IT tempatan. Dalam hubungan ini, reka bentuk perisian dan pengeluaran perkakasan telah dikenalpasti sebagai aktiviti yang digalakkan bertujuan memajukan industri mikroelektronik, telekomunikasi dan komputer tempatan menjadi peserta penting dalam pasaran IT dunia. Dalam tempoh Rancangan, industri perisian akan dimajukan lagi bagi menjadikan Malaysia sebagai pengeksport produk dan perkhidmatan perisian. Industri perkakasan akan memberi tumpuan kepada

pengeluaran barang yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan pusingan pengeluaran yang cepat serta pembangunan komponen komputer dan barang persisian berjenama tempatan. Penekanan akan diberikan kepada pembangunan kepakaran, pengwujudan peluang baru serta mempercepatkan pemindahan teknologi dalam bidang seperti pembangunan perisian, perundingan, integrasi sistem, pembuatan komputer dan persisian, pengendalian perkakasan dan pergudangan. Di samping itu, pertumbuhan syarikat pembekal kandungan tempatan akan digalakkan untuk menyediakan data dan maklumat tempatan bagi melengkapkan proses pengaliran maklumat daripada luar negara hasil daripada akses kepada Internet.

### **Malaysia Sebagai Hub IT Serantau**

14.45 Usaha akan diambil untuk menjadikan Malaysia sebagai hub IT serantau di mana syarikat antarabangsa menempatkan ibu pejabat serantaunya di Malaysia bagi industri IT yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Ini akan membolehkan syarikat multinasional menyediakan aktiviti rangkaian ke seluruh dunia dari satu lokasi di Malaysia. Aktiviti rangkaian tersebut termasuklah pembuatan dan pengurusan jarak jauh yang akan saling menghubungkan aktiviti luar pesisir melalui IT, khususnya teknologi multimedia.

14.46 Syarikat multinasional akan digalak untuk menjalankan P&P di Malaysia dan menyediakan perkhidmatan IT terkini. Usaha ini akan memberi galakan kepada pembangunan industri IT tempatan dan meningkatkan rantaian dan rangkaian di peringkat antarabangsa. Perhatian khusus akan diberi untuk mewujudkan usaha sama yang lebih berkesan di antara perusahaan tempatan dan asing bagi mempertingkatkan keupayaan teknologi dan P&P tempatan serta penyediaan latihan dalam bidang IT yang tertentu.

## **IV. PERUNTUKAN**

14.47 Peruntukan sebanyak RM2.3 bilion<sup>1</sup> akan disediakan kepada kementerian dan agensi untuk melabur dalam program dan projek berkaitan IT. Ini termasuk projek untuk membentuk infrastruktur maklumat nasional, penyediaan latihan, pemasangan rangkaian komputer untuk memperbaiki persambungan dan menggalakkan perkongsian sumber dan maklumat, pemerolehan teknologi pemprosesan imej untuk mengurus dan mengesah dokumen dan pemasangan sistem komputer yang maju untuk mengendali urus niaga yang lebih besar.

## **V. PENUTUP**

14.48 Dalam tempoh RME, tumpuan telah diberi untuk membangunkan infrastruktur asas yang diperlukan bagi menggalakkan penggunaan IT dalam sektor awam dan swasta. Dalam tempoh RMT, usaha akan dipergiatkan untuk memperluas dan mempertingkatkan infrastruktur telekomunikasi dan kemahiran yang merupakan prasyarat untuk pembangunan IT. Kerajaan akan memainkan peranan yang proaktif dengan menyediakan persekitaran yang menggalakkan bagi memajukan IT di negara ini. Dalam hubungan ini, satu pelan tindakan akan dibentuk untuk menyediakan rangka kerja bagi penyertaan sektor awam dan swasta. Sektor swasta dijangka meningkatkan penggunaan IT sebagai satu kaedah utama yang boleh meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saingan. Di samping itu, pelabur tempatan dijangka mengambil kesempatan ke atas peluang yang wujud dalam pasaran IT dunia melalui pembangunan industri sedia ada serta menggalakkan pengeluaran barang dan perkhidmatan baru yang berjenama tempatan.

## **BAB 15 : KEWANGAN**

### **I. PENDAHULUAN**

15.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), sektor kewangan, perbankan dan insurans telah berkembang pada kadar dua angka dan memberi sumbangan yang besar dalam meningkatkan output dan pekerjaan. Bagi membiayai pembangunan ekonomi negara, sektor kewangan telah menggembung dana bukan sahaja daripada sumber yang sedia ada tetapi juga melalui pengwujudan produk kewangan yang inovatif dan memenuhi kehendak pelanggan. Dalam hubungan ini, langkah telah diambil untuk memoden dan mengukuhkan sektor kewangan bagi meningkatkan kecekapan dan daya saingan institusi kewangan dari segi pengagihan sumber dan pengurusan risiko.

15.02 Dengan meningkatnya globalisasi, sektor kewangan, perbankan dan insurans akan memainkan peranan yang lebih penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT). Sektor kewangan dijangka menjadi lebih berkesan dalam menggembung tabungan domestik dan mengagihkannya kepada penggunaan yang produktif secara cekap, dengan itu menyumbang kepada usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan serantau yang berpotensi. Bagi mencapai matlamat ini, langkah yang diambil akan tertumpu kepada usaha untuk memperdalam dan memperluaskan sektor ini, mengekalkan kestabilan kewangan dan meningkatkan lagi kecekapan serta daya saingannya.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

15.03 Bagi tempoh RME, sektor kewangan, perbankan dan insurans memainkan peranan penting dalam menggembung dan mengagihkan dana bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang pesat. Sektor ini berkembang dengan pesatnya pada kadar 10.7 peratus setahun dan menyumbang sebanyak 12.5 peratus kepada pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Dari segi sumbangan kepada KDNK, bahagiannya meningkat daripada 9.8 peratus pada tahun 1990 kepada 10.7 peratus pada tahun 1995. Sektor ini juga menyediakan 120,500 pekerjaan baru dalam tempoh Rancangan.

## **Sistem Perbankan**

### **Pembangunan Sistem Perbankan**

15.04 Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk mewujudkan sistem perbankan yang cekap, berdaya saing, inovatif dan kukuh, Kerajaan meneruskan dasar kembarnya iaitu peraturan semula berhemat dan pelonggaran peraturan tertentu. Langkah telah diambil untuk memoden dan mengukuhkan lagi sistem kewangan serta meningkatkan persaingan sistem perbankan bagi mengukuhkan kecekapan dan daya saingan institusi kewangan dari segi pengagihan sumber dan pengurusan risiko.

15.05 Satu langkah yang penting untuk melonggarkan peraturan ialah kebebasan menentukan kadar berian pinjaman asas (BLR) bermula pada tahun 1991 dengan setiap institusi perbankan dibenar menentukan BLRnya berdasarkan kos dana masing-masing. Rangka kerja ini telah dilonggarkan lagi pada tahun 1995. Berkuatkuasa daripada November 1995, setiap institusi perbankan bebas menentukan BLR mereka sendiri pada paras yang sesuai tertakluk kepada kadar maksimum industri yang telah ditentukan berdasarkan kepada kadar tiga bulan purata berwajaran antara bank bagi setiap bulan. Rangka kerja yang baru ini memberi kelonggaran yang lebih kepada institusi perbankan untuk cepat bertindakbalas kepada perubahan situasi mudah tunai pasaran dan juga menggalakkan persaingan dan kecekapan yang lebih dalam industri perbankan dengan menyediakan tanda aras industri ke atas kos pembiayaan.

15.06 Langkah lain yang dilaksanakan ialah keperluan bagi bank asing diperbadankan di negara ini supaya mengadakan modal berbayar yang kekal di Malaysia. Dengan selesainya usaha ini pada Oktober 1994, semua bank perdagangan mempunyai modal berbayar kekal di negara ini. Berikutan daripada itu, semua bank perdagangan mempunyai kedudukan yang sama dari segi keperluan kawal selia yang berdasarkan modal iaitu nisbah kecukupan modal, had kredit untuk setiap pelanggan dan had penerbitan instrumen deposit boleh niaga (IDB). Rangka kerja penyeliaan yang seragam akan mendorong persaingan yang sihat dan saksama dalam industri perbankan.

15.07 Berbagai halangan institusi yang mempengaruhi aktiviti perniagaan bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar telah juga dilonggar supaya dapat mewujudkan suasana yang lebih berdaya saing. Dalam hubungan ini, peraturan berkenaan dengan aktiviti pengambilan deposit oleh syarikat kewangan dan bank saudagar telah dilonggar bertujuan menggalakkan tabungan sektor swasta yang lebih tinggi. Syarikat kewangan telah juga dibenar menjalankan aktiviti terpilih berdasarkan pendapatan termasuklah penyediaan jaminan kewangan, serta juga melabur dalam saham syarikat yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

15.08 Sebagai sebahagian daripada langkah melonggarkan persekitaran kawal selia, sistem kawalan dua kumpulan untuk bank perdagangan telah diperkenalkan pada tahun 1994. Sistem dua kumpulan ini membolehkan institusi perbankan yang diuruskan secara baik dan mempunyai kedudukan kewangan yang teguh melaksanakan aspek tertentu operasi mereka di dalam persekitaran kawal selia yang lebih liberal. Pada tahun yang sama, Kerajaan telah melonggarkan keperluan kawalan pertukaran wang dengan mengurangkan peraturan urusan perniagaan dan memberi lebih banyak peluang kepada pelabur untuk mendapat kemudahan kredit. Pelonggaran ini bertujuan mengurangkan kos pematuhan dan meningkatkan kecekapan urus niaga merentas sempadan oleh pemastautin.

15.09 Berikutan daripada liberalisasi tersebut, kadar faedah menjadi lebih berubah, pelanggan lebih canggih dan persaingan di kalangan institusi perbankan lebih rancak. Ini membawa kepada sistem perkhidmatan baru dan inovasi produk seperti pengurusan aset dan perdagangan dalam aset kewangan. Dalam operasi ini, institusi kewangan telah mula menggunakan derivatif kewangan untuk mengurus risiko bagi pihak pelanggan serta mengawal pendedahan risiko mereka sendiri. Untuk memastikan aktiviti derivatif dilaksanakan dengan cara berhemat dan bagi mempertahankan kestabilan sistem kewangan, senarai garis panduan berkenaan dengan pelaksanaan aktiviti derivatif bank perdagangan telah dikeluarkan pada tahun 1995. Garis panduan ini telah memperincikan keperluan berhemat minimum sebelum membenarkan bank perdagangan terlibat dengan aktiviti derivatif.

15.10 Untuk mengukuhkan lagi disiplin pasaran, langkah telah diambil untuk memastikan pendedahan maklumat tentang kedudukan kewangan institusi perbankan. Format laporan penyata kewangan oleh institusi perbankan telah diperkemaskan bagi menyedia pecahan yang lebih lengkap dan menyeluruh berkaitan aktiviti penting, khususnya berhubung dengan operasi pinjaman, deposit, pelaburan dan aktiviti yang boleh menghasilkan pendapatan. Di samping itu, institusi perbankan juga digalakkan supaya dibuat penarafan oleh Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) untuk menggalakkan ketelusan yang lebih dalam operasi sektor perbankan, dengan itu mengukuhkan persaingan dan kecekapan pasaran. Di samping itu, keperluan penarafan ke atas bank telah meningkat memandangkan bank sering kali menjadi penjamin bagi penerbitan instrumen hutang dan bon korporat.

15.11 Menyedari perlunya lembaga pengarah yang berkesan bagi menyelia keseluruhan pengurusan setiap institusi perbankan, tugas dan tanggungjawab pengarah dan ketua pegawai eksekutif institusi perbankan telah dinyatakan di bawah set garis panduan yang telah dipinda. Di samping itu, peranan dan kedudukan juru audit dalaman telah ditingkatkan untuk memastikan tugas audit dalaman boleh dijalankan dengan cara yang lebih bebas dan berkesan.

15.12 Latihan dalam sektor perbankan terus diberi penekanan bagi meningkatkan profesionalisme dan produktiviti. Dalam hubungan ini, tahap minimum perbelanjaan bagi latihan kakitangan telah ditingkatkan pada tahun 1992. Bank perdagangan dan syarikat kewangan telah meningkatkan perbelanjaan latihan kakitangan daripada 1.5 peratus kepada 2.5 peratus daripada jumlah gaji kasar tahun sebelumnya, manakala bank saudagar telah menambahkan perbelanjaan tersebut daripada 2.0 peratus kepada 3.0 peratus. Di samping itu, dasar berkaitan dengan perlantikan ekspatriat dan mobiliti kakitangan dalam sektor perbankan telah disemak semula bagi mewujudkan persekitaran yang lebih sesuai untuk memupuk tenaga kerja yang lebih progresif dan produktif.

15.13 Menyedari perlunya diselaraskan keseluruhan pembangunan sistem bayaran nasional yang lengkap dan menyeluruh serta cekap, Majlis Sistem Bayaran Nasional (MSBN) telah ditubuhkan pada tahun 1994. Wakil MSBN terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank di Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia, Persatuan Bank-bank Saudagar di Malaysia dan agensi Kerajaan yang berkenaan. Objektif Majlis ini ialah untuk menyediakan kepimpinan dan arah dalam membangunkan sistem bayaran yang cekap. Satu daripada tugas utama yang telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan ialah menyepadukan berbagai rangkaian mesin teler automatik (ATM) kepada satu rangkaian ATM nasional secara perkongsian bersama untuk memudahkan pelaksanaan sistem bayaran GIRO.

15.14 Penerimaan yang meluas dan integriti pelbagai kaedah bayaran terus mendapat perhatian Kerajaan. Sehubungan dengan ini, garis panduan berkaitan dengan Biro Maklumat Cek telah disemak semula pada tahun 1994 untuk meningkatkan lagi penerimaan cek sebagai satu kaedah bayaran. Bagi mencapai matlamat ini, garis panduan yang disemak semula menumpukan kepada langkah untuk mengurangkan bilangan kes cek tak laku.

15.15 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan layanan yang adil dan saksama kepada orang awam dalam urusan dan urus niaga dengan institusi perbankan, garis panduan telah diperkenalkan untuk melindungi kepentingan penjamin. Garis panduan ini memperincikan prosedur yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan sebelum mengambil tindakan ke atas penjamin kepada individu yang mendapat kemudahan kredit.

15.16 Pembukaan cawangan telah ditingkatkan untuk memastikan kekesanan penggembangan dana domestik dan menyokong pertumbuhan kukuh ekonomi negara. Hasilnya, bilangan cawangan telah meningkat daripada kira-kira 1,000 pada tahun 1990 kepada 2,440 pada tahun 1995.

### **Perbankan Islam**

15.17 Bagi melengkapkan perkhidmatan perbankan konvensional, bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar telah dibenarkan memperkenalkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) berdasarkan prinsip Syariah. Semenjak

diperkenalkan pada tahun 1993, sejumlah 23 bank perdagangan, 18 syarikat kewangan dan tiga bank saudagar telah menyediakan kemudahan SPTF. Dengan bertambahnya bilangan institusi kewangan, sistem perbankan Islam yang terdiri daripada Bank Islam Malaysia Berhad dan institusi kewangan SPTF berkembang dengan pesatnya. Jumlah aset meningkat sebanyak 245.8 peratus daripada RM2.4 bilion pada tahun 1993 kepada RM8.3 bilion pada tahun 1995, manakala deposit meningkat sebanyak 118 peratus kepada RM4.9 bilion. Peningkatan deposit ini sebahagian besarnya berpunca daripada deposit orang perseorangan yang meningkat daripada RM1.1 bilion pada tahun 1993 kepada RM2.4 bilion pada tahun 1995. Jumlah pembiayaan yang disediakan oleh sistem perbankan Islam juga meningkat secara ketara iaitu daripada RM1.1 bilion pada tahun 1993 kepada RM3.5 bilion pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, ini hanya merupakan 1.3 peratus daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan.

15.18 Sebagai lanjutan kepada SPTF, pasaran wang Islam antara bank telah diperkenalkan pada tahun 1994 untuk menghubungkan institusi dan instrumen kewangan. Sehubungan dengan ini, pasaran wang Islam antara bank menyediakan kemudahan untuk urusan antara bank dalam instrumen kewangan Islam, pelaburan antara bank dan penjelasan cek antara bank, dengan itu mengukuhkan pembangunan sistem perbankan Islam yang lengkap.

### **Prestasi Sistem Perbankan**

15.19 Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tempoh lima tahun yang lalu, sistem perbankan terus memperbaiki prestasi dan mengukuhkan kedudukan kewangannya. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan telah meningkat dengan kadar purata sebanyak 28.3 peratus setahun daripada RM2 bilion pada tahun 1990 kepada RM6.9 bilion pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-1. Pada masa yang sama, pulangan sebelum cukai ke atas ekuiti (ROE) meningkat kepada 27.6 peratus pada tahun 1995 daripada 21.5 peratus pada tahun 1990.

15.20 Untuk meluaskan asas pendapatan, tumpuan sektor perbankan beransur-ansur beralih kepada aktiviti yang berdasarkan pendapatan. Ini dapat dilihat daripada bahagian pendapatan bukan faedah daripada pendapatan faedah bersih yang telah meningkat secara progresif daripada 33 peratus pada tahun 1990 kepada 41 peratus pada tahun 1995. Kualiti pinjaman juga telah meningkat secara ketara dengan semakin berkurangnya pinjaman tidak berbayar iaitu daripada 20.3 peratus jumlah pinjaman pada tahun 1990 kepada 5.4 peratus pada tahun 1995. Tambahan pula, prestasi keuntungan yang teguh membolehkan bank menyediakan peruntukan am yang lebih besar ke atas jumlah pinjaman. Pada akhir tahun 1995, peruntukan am ini adalah sebanyak 1.5 peratus daripada jumlah pinjaman, iaitu melebihi jumlah minimum 1.0 peratus yang ditetapkan.

15.21 Keteguhan modal industri perbankan meningkat dengan banyaknya dalam tempoh Rancangan. Ini disebabkan dasar kawal selia yang telah menggalakkan wujudnya modal asas yang kukuh bagi industri perbankan. Modal asas bertambah daripada RM9.0 bilion pada tahun 1990 kepada RM32 bilion pada tahun 1995. Dari segi nisbah modal Persetujuan Basle, purata sebanyak 11.2 peratus bagi bank Malaysia pada tahun 1995 adalah pencapaian yang memberangsangkan.

### **Aset dan Deposit**

15.22 Pada tahun 1995, jumlah aset sektor perbankan sebanyak RM411.2 bilion merupakan 56 peratus daripada jumlah aset yang digemblengkan oleh sistem kewangan. Jumlah aset sistem perbankan meningkat pada kadar purata sebanyak 18 peratus setahun daripada RM179.8 bilion pada tahun 1990 kepada RM411.2 bilion pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-2. Dari segi jumlah aset dan deposit, bank perdagangan terus memegang bahagian terbesar iaitu masing-masing 71.1 peratus dan 69.6 peratus. Bahagian jumlah aset bank saudagar telah meningkat terutamanya berpunca daripada langkah melonggarkan peraturan tertentu yang diperkenalkan untuk menggalakkan daya saingan di sektor perbankan. Langkah ini termasuklah melonggarkan peraturan ke atas aktiviti pengambilan deposit.

### **Pinjaman**

15.23 Dalam tempoh RME, pertumbuhan ekonomi yang pesat telah mewujudkan permintaan kredit yang kukuh. Jumlah pinjaman terkumpul telah meningkat pada kadar 17.6 peratus setahun daripada RM116 bilion pada tahun 1990 kepada RM260.9 bilion pada tahun 1995. Sektor pembuatan yang menerajui pertumbuhan ekonomi menyerap jumlah yang terbesar daripada pinjaman tersebut seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-3. Sebahagian daripada pinjaman ini juga telah disediakan kepada sektor hartanah dan pembinaan, perumahan, sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta kredit pengguna.

15.24 Garis panduan mengenai pinjaman telah dikeluarkan kepada sistem perbankan untuk memastikan sektor yang diberi keutamaan mendapat kemudahan kredit pada kos yang berpatutan. Garis panduan ini meliputi pinjaman daripada Skim Jaminan Utama Baru (NPGS) di bawah Syarikat Jaminan Kredit (CGC) kepada masyarakat Bumiputera, golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk perumahan serta perusahaan kecil dan sederhana.

### **Tabung Khas**

15.25 Dalam tempoh RME, Kerajaan telah menuahkan beberapa tabung khas yang baru dan menyediakan peruntukan tambahan kepada tabung sedia ada untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor yang diberi keutamaan. Tabung ini

melengkapkan kemudahan kredit yang disediakan oleh sistem perbankan dan memastikan kemudahan kredit yang mencukupi pada kos yang berpatutan.

15.26 Pelancaran Tabung Penyesuaian Perindustrian (IAF) berjumlah RM500 juta pada tahun 1991 ialah untuk memudahkan kerja mengubahsuai dan menyusun semula industri terpilih, iaitu mesin dan kejuruteraan, tekstil dan industri berasaskan kayu. Sejumlah RM66 juta telah diluluskan sehingga tahun 1995 untuk membiayai 18 projek. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memajukan industri pelancongan, Tabung Khas untuk Pelancongan berjumlah RM120 juta telah ditubuhkan pada tahun 1990. Berikutnya, jumlah ini telah ditambah kepada RM200 juta dan diubah menjadi tabung pusingan pada tahun 1993. Tabung ini digunakan sepenuhnya pada tahun 1995 dengan jumlah yang diluluskan sebanyak RM206 juta melibatkan 182 projek. Tabung bagi Makanan bertujuan menggalakkan pelaburan dalam industri makanan utama telah ditubuhkan pada tahun 1993 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta yang kemudiannya ditambah kepada RM600 juta. Dengan pelonggaran skim ini pada Januari 1995, sejumlah RM260 juta telah diluluskan untuk 758 projek.

15.27 Tabung Perkapalan yang berjumlah RM800 juta telah dilancarkan pada tahun 1993 untuk menyediakan bantuan kewangan jangka panjang bagi mengukuhkan industri perkapalan di Malaysia. Tabung ini terdiri daripada Kemudahan Usaha Niaga Perkapalan (SVF) sebanyak RM500 juta bagi menggembangkan tabung institusi untuk meningkatkan keupayaan perkapalan di Malaysia dan Kemudahan Pembiayaan Kapal (SFF) sebanyak RM300 juta untuk menyediakan pembiayaan jangka panjang bagi pembelian kapal yang akan belayar di laluan domestik dan antarabangsa. Global Maritime Ventures Berhad (GMVB) telah ditubuhkan untuk mengurus SVF. Untuk menggalakkan penyertaan institusi awam dan swasta dalam GMVB, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan melalui Bank Industri Malaysia Berhad (BIMB) sebagai modal berbayar permulaan manakala bakinya akan disumbangkan oleh sektor swasta. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak lima buah anak syarikat telah ditubuhkan dengan setiap satunya membeli sebuah kapal pengangkut. Pada tahun 1994, peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta telah disediakan untuk SFF menjadikan jumlah peruntukannya meningkat kepada RM600 juta. Skop pembiayaan telah diperluaskan supaya meliputi limbungan kapal dengan tujuan menggalakkan pembangunan industri pembinaan dan pemberian kapal. Sehingga tahun 1995, sejumlah 26 permohonan yang melibatkan RM390 juta telah diluluskan di bawah SFF. Daripada jumlah ini, sebanyak RM220 juta ialah untuk membeli kapal pengangkut antarabangsa dan RM150 juta untuk kapal pengangkut tempatan, sementara baki sebanyak RM20 juta adalah untuk pembiayaan limbungan kapal.

15.28 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), peruntukan Tabung Usahawan Baru telah ditambah sebanyak lebih daripada tiga kali ganda kepada RM750 juta pada tahun 1995. Tabung ini menggalakkan usahawan Bumiputera menerokai berbagai bidang perniagaan khususnya pembuatan, pertanian, pelancongan dan industri yang

berorientasikan eksport. Sehingga tahun 1995, sejumlah 1,839 permohonan yang melibatkan RM831.4 juta telah diluluskan di bawah tabung tersebut. Di samping itu, Tabung Perindustrian Bumiputera berjumlah RM100 juta telah ditubuhkan pada tahun 1993 untuk menggalakkan pertumbuhan usahawan kecil dan sederhana Bumiputera dalam sektor perindustrian. Sehingga tahun 1995, sejumlah 20 permohonan melibatkan RM20.8 juta telah diluluskan.

15.29 Bagi tujuan meningkatkan bekalan rumah kos rendah, Tabung untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah telah ditambah daripada RM300 juta kepada RM500 juta. Sehingga tahun 1995, sebanyak 36 permohonan yang berjumlah RM241 juta telah diluluskan untuk pembinaan 13,985 unit rumah kos rendah di seluruh negara. Pada tahun 1994, Tabung Pembangunan Pusingan Perumahan Kos Rendah dengan peruntukan RM1.0 bilion telah ditubuhkan untuk melengkapkan tabung perumahan yang sedia ada bertujuan untuk memenuhi keperluan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sehingga tahun 1995, sejumlah RM258 juta telah dibelanjakan untuk mengambil balik 720.6 hektar tanah di Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Selangor untuk membina 56,768 unit berbagai jenis rumah yang mana 25,792 unit atau 45.4 peratus daripadanya adalah rumah kos rendah.

### **Institusi Kewangan Pembangunan**

15.30 Dalam tempoh RME, institusi kewangan pembangunan terus melengkapkan sistem perbankan dengan menyediakan pinjaman jangka sederhana dan panjang serta memberi khidmat nasihat kewangan, teknikal dan pengurusan. Satu institusi kewangan pembangunan baru iaitu Bank Eksport-Import Malaysia Berhad (Bank EXIM), telah ditubuhkan pada tahun 1995 dengan matlamat membiayai dan menggalakkan perdagangan antarabangsa serta juga mempermudahkan eksport barang dan perkhidmatan daripada Malaysia melalui kredit eksport, pembiayaan pelaburan modal serta penyediaan maklumat dan perkhidmatan perniagaan. Institusi kewangan pembangunan yang lain terdiri daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), BIMB, Bank Pembangunan Sabah, Perbadanan Pembangunan Borneo (Sabah) Sdn. Bhd. dan Perbadanan Pembangunan Borneo (Sarawak) Sdn. Bhd. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, jumlah aset institusi ini meningkat sebanyak 13 peratus setahun daripada RM3.9 bilion pada tahun 1990 kepada RM7.2 bilion pada akhir tahun 1995. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi kewangan pembangunan berkembang sebanyak 12.1 peratus setahun kepada RM3.9 bilion pada akhir tahun 1995 berbanding dengan RM2.2 bilion pada tahun 1990. MIDF mengekalkan kedudukannya sebagai sumber utama tabung pembangunan perindustrian dengan menyediakan pinjaman sebanyak RM685.8 juta atau 31.8 peratus daripada jumlah pinjaman yang disediakan oleh institusi kewangan pembangunan kepada sektor perindustrian pada tahun 1995.

15.31 Dari segi pembiayaan, jumlah pinjaman institusi kewangan pembangunan daripada sumber domestik dan antarabangsa meningkat sebanyak 12.6 peratus setahun daripada RM2.6 bilion pada tahun 1990 kepada RM4.7 bilion pada tahun 1995. Daripada peningkatan tersebut, sebanyak RM907.5 juta adalah berpunca daripada pinjaman yang diambil oleh BIMB. Jumlah deposit yang diletakkan oleh kumpulan institusi ini dengan institusi perbankan berkembang sebanyak 12.4 peratus setahun kepada RM1.5 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan RM837 juta pada tahun 1990. BPMB merupakan pendeposit terbesar dengan menyumbang sejumlah RM719.9 juta atau 48 peratus daripada jumlah deposit yang diletakkan oleh institusi kewangan pembangunan pada tahun 1995.

### **Institusi Kewangan Lain**

15.32 Seperti mana institusi kewangan lain yang turut mendapat manfaat daripada pertumbuhan kukuh yang dinikmati oleh negara sepanjang tempoh RME, Bank Simpanan Nasional telah mengalami pertumbuhan yang pesat dari segi aset dan portfolio pinjaman. Selaras dengan pertambahan bilangan pendeposit daripada 8.4 juta pada tahun 1990 kepada 10.3 juta pada tahun 1995, jumlah aset bertambah sebanyak 13.8 peratus setahun daripada RM3.2 bilion pada tahun 1990 kepada RM6.1 bilion pada tahun 1995. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 10.9 peratus setahun daripada RM656 juta pada tahun 1990 kepada RM1.1 bilion pada tahun 1995.

15.33 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus merupakan kumpulan wang simpanan dan pencen yang terbesar di negara ini dengan asetnya merupakan 90 peratus daripada jumlah semua kumpulan wang simpanan dan pencen. Jumlah aset KWSP telah meningkat daripada RM46.7 bilion yang dipegang secara amanah bagi manfaat 5.9 juta ahli pada tahun 1990 kepada RM98.1 bilion bagi 7.6 juta ahli pada tahun 1995. Dalam tempoh RME, KWSP memainkan peranan aktif dalam pembangunan negara melalui pembiayaan keperluan kewangan sektor swasta. Ini dilakukan melalui langkah melonggarkan peraturan bertujuan meningkatkan penyertaan KWSP dalam ekonomi negara. Di bawah akta baru iaitu Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991, keperluan berkanun bagi KWSP melabur dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia telah dikurangkan daripada 70 peratus kepada 50 peratus daripada tabung tahunannya yang boleh dilaburkan dan bidang kegiatan pelaburan diperluaskan meliputi penyertaan dalam projek usaha sama dan penswastaan. Berikutan daripada itu, KWSP telah menyertai sebagai pemegang ekuiti dalam projek infrastruktur dan tenaga seperti Sistem Transit Aliran Ringan dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Sepang serta penjanaan kuasa oleh penjana kuasa elektrik persendirian (IPP). Pegangan pelaburan KWSP dalam sekuriti korporat meningkat dengan pesatnya daripada RM0.9 bilion pada tahun 1990 kepada RM15.3 bilion pada tahun 1995.

### **Pasaran Modal**

## **Pertumbuhan dan Pembangunan**

15.34 Pasaran modal yang terdiri daripada sekuriti hutang serta saham korporat yang disenaraikan, telah memberi sumbangan yang besar kepada keperluan pembiayaan, khususnya untuk sektor swasta. Bagi tempoh 1991-95, dana yang dikumpulkan dalam pasaran modal berjumlah RM68 bilion atau 33 peratus daripada jumlah dana dalam negara. Pada tahun 1995, dana yang dikumpul melalui pasaran modal mencapai sejumlah RM18 bilion iaitu tahap yang tidak pernah dicapai sebelum ini.

15.35 Sektor swasta merupakan penggembung utama dana di pasaran modal yang merupakan sebanyak 89 peratus daripada dana bersih yang dikumpulkan. Dengan pengukuhan kedudukan kewangan Kerajaan dan pelaksanaan program penswastaan yang pesat, keperluan meminjam sektor awam telah dikurangkan dengan banyaknya. Jumlah dana terkumpul yang lebih tinggi oleh sektor swasta terbukti di pasaran ekuiti dan bon, menggambarkan keutamaan diberi kepada pembiayaan langsung melalui pasaran modal sebagai alternatif yang lebih berkesan dari segi kos berbanding dengan kredit bank.

15.36 Pasaran modal juga telah diperluaskan lagi dengan kemunculan derivatif kewangan sebagai instrumen penting. Dalam tempoh RME, terdapat pertambahan bilangan pengeluaran bon yang berasaskan ekuiti untuk menarik pelabur yang berpotensi. Pada tahun 1995, sejumlah 47 bon berasaskan ekuiti telah dikeluarkan berbanding dengan 16 pada tahun 1993. Derivatif kewangan ini meliputi bon beserta waran, bon boleh tukar dan saham pinjaman tidak bercagar boleh tukar yang tidak boleh ditebus.

15.37 Dalam tempoh RME, terdapat pertambahan dalam pengeluaran instrumen hutang berasaskan prinsip Islam yang membawa kepada pembangunan pasaran modal secara Islam yang lebih pesat dan berfungsi seiring dengan sistem konvensional. Pengeluaran baru Terbitan Pelaburan Kerajaan telah menguasai jumlah pengeluaran oleh sektor awam, menunjukkan permintaan yang besar ke atas instrumen tersebut oleh institusi kewangan yang telahpun memperkenalkan skim perbankan tanpa faedah. Di samping itu, Cagamas Berhad telah memperkenalkan bon berasaskan prinsip Islam dalam tempoh yang sama.

15.38 Menyedari bertambah pentingnya pasaran modal sebagai sumber penggembung dana, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk mengukuhkan pembangunannya. Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah ditubuhkan pada tahun 1993 sebagai sebuah badan kawal selia tunggal untuk menjamin pembangunan pasaran modal secara teratur, melindungi kepentingan pelabur awam dan pemegang saham minoriti serta mengekalkan kecekapan dan keutuhan pasaran. Bagi mencapai matlamat ini, SC telah menyemak semula rangka kerja kawal selia dan perundangan industri sekuriti di negara ini, bertujuan mewujudkan satu rangka kerja yang akan

memudahkan proses penggembangan dana bagi pembentukan modal secara sistematis.

15.39 Usaha telah diteruskan untuk memajukan BSKL menjadi sebuah bursa bertaraf antarabangsa yang canggih. Satu kemajuan yang penting ialah pengenalan Sistem Depositori Pusat (CDS) bagi dagangan tanpa sijil untuk mewujudkan sistem penjelasan dan penyelesaian bayaran yang lebih cekap dan telus. Dalam tempoh Rancangan, semua kaunter Papan Kedua telah diletakkan di bawah CDS dan adalah menjadi matlamat bahawa semua kaunter Papan Utama akan diserap ke dalam CDS menjelang akhir tahun 1996. Ini akan membolehkan BSKL mengendali jumlah dagangan yang lebih banyak berikutan dengan peningkatan urus niaga yang besar kebelakangan ini, yang tidak pernah dicapai sebelumnya. Dagangan pada tahun 1993 adalah di paras yang tertinggi iaitu 107.7 bilion unit bernilai RM387.3 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-4.

15.40 Dalam tempoh RME, BSKL telah mencatatkan peningkatan yang ketara dalam menggembangkan dana, permodalan pasaran dan urus niaga. Ini antara lain disebabkan oleh kedudukan korporat dan ekonomi yang kukuh, kestabilan harga dan politik beserta dengan minat asing yang bertambah untuk melabur di pasaran Malaysia. Di samping itu, peningkatan di BSKL telah dipesatkan lagi dengan pelaksanaan dasar penswastaan Kerajaan. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 12 syarikat yang diswastakan telah disenaraikan di BSKL, menjadikan jumlah syarikat berkenaan sebanyak 24, dan menyumbang sebanyak satu per lima daripada jumlah permodalan pasaran pada akhir tahun 1995.

15.41 Usaha telah juga diambil untuk mewujudkan rangka kerja kawal selia dan pentadbiran yang sesuai untuk pembangunan pasaran sekuriti hutang swasta (PDS). Untuk menambahkan penerimaan ke atas penarafan kredit dan keyakinan awam tentang pasaran PDS, penarafan oleh RAM ke atas semua bon korporat telah diwajibkan. RAM telah membuat penarafan ke atas 270 PDS dengan jumlah penerbitan bernilai RM38 bilion sehingga akhir tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-5. Berikutan daripada itu, syarikat yang mempunyai kedudukan kredit yang baik berpeluang memperolehi kemudahan yang lebih ke atas dana pasaran hutang pada kadar yang lebih kompetitif, dengan itu meningkatkan kecekapan keseluruhan sektor kewangan.

### **Tabung Unit Amanah**

15.42 Skim unit amanah merupakan sumber penggembangan tabung yang penting, khususnya untuk pelabur kecil menyertai pasaran saham. Bilangan tabung unit amanah yang telah diluluskan meningkat daripada 32 pada tahun 1990 kepada 67 pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-6. Sehingga akhir tahun 1995, terdapat sejumlah 6.8 juta akaun pemegang unit dengan pelaburan bernilai RM44.1 bilion di dalam tabung unit amanah.

15.43 Skim unit amanah telah diletakkan di bawah penyeliaan SC pada tahun 1995 sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memajukannya sebagai instrumen pelaburan pasaran modal yang penting. Garis panduan ke atas Tabung Unit Amanah telah dipinda untuk memberi kelonggaran yang lebih kepada pengurus dana dalam pengurusan portfolio mereka supaya memperolehi pulangan yang lebih tinggi bagi pemegang unit. Di antara pindaan tersebut ialah bertambahnya saiz maksimum tabung unit amanah daripada 100 juta unit kepada 500 juta unit, pengluasan portfolio pelaburan dengan memasukkan pelaburan dalam sekuriti yang disenaraikan di bursa saham asing serta pelonggaran had pelaburan tabung unit amanah. Di samping itu, untuk menjamin syarikat pengurusan mempunyai modal yang cukup, dana pemegang saham minimum bagi setiap syarikat telah digandakan daripada RM250,000 kepada RM500,000 iaitu bagi syarikat yang mempunyai tabung agregat kurang daripada 100 juta unit, dan daripada RM500,000 kepada RM1.0 juta bagi syarikat yang mempunyai lebih daripada 100 juta unit.

15.44 Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) terus menjadi instrumen penting bagi menggembangkan tabungan individu Bumiputera dan meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor korporat. Sehingga akhir tahun 1995, bilangan akaun pemegang unit ASB dan ASN adalah sebanyak 5.5 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-7. Sebanyak 80.8 peratus daripada jumlah akaun pemegang unit adalah daripada kedua-dua skim ini. Tujuh kerajaan negeri telah menubuhkan tabung unit amanah untuk menggembangkan tabungan Bumiputera dengan saiz dana yang diluluskan berjumlah RM3.4 bilion. Satu lagi perkembangan ialah promosi tabung unit amanah berdasarkan prinsip Islam sebagai saluran tambahan kepada pelabur untuk menyertai pasaran modal. Sehingga akhir tahun 1995, terdapat enam tabung yang berdasarkan prinsip Islam iaitu Amanah Saham Bank Islam, Amanah Saham Darul Iman, Amanah Saham Kedah, Tabung Ittikal, Tabung Amanah Bakti dan Dana Putra.

### **Pembiayaan Modal Usaha Niaga**

15.45 Pembiayaan modal usaha niaga semakin mendapat pengiktirafan sebagai satu sumber dana alternatif untuk pelaburan. Pada tahun 1990, terdapat tiga syarikat modal usaha niaga (VCC) beroperasi dengan saiz dana berjumlah RM47.8 juta. Sehingga akhir tahun 1995, jumlah saiz dana telah meningkat kepada RM781 juta dengan bilangan syarikat yang beroperasi sebanyak 20 buah. Dari segi pelaburan, VCC sebagai satu kumpulan telah melabur sejumlah RM191 juta di dalam 91 syarikat sehingga akhir tahun 1995. Selaras dengan pembangunan perindustrian negara, kebanyakan daripada pelaburan modal usaha niaga adalah di dalam sektor pembuatan terutamanya industri elektrik dan elektronik, plastik dan seramik.

15.46 Menyedari kepentingan pembiayaan modal usaha niaga, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk menggalakkan pembangunannya. Ini meliputi penubuhan

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) pada tahun 1992, pemberian insentif khas cukai dan pelonggaran ke atas kriteria kelayakan untuk insentif cukai. Syarat insentif cukai yang menetapkan VCC melabur 100 peratus dananya dalam projek yang berisiko tinggi dan teknologi baru telah dilonggarkan kepada sekurang-kurangnya 70 peratus. Di samping itu, kriteria mensyaratkan VCC supaya melabur tidak lebih daripada 10 peratus daripada dananya di dalam syarikat usaha niaga dan tidak lebih daripada 25 peratus di dalam mana-mana industri telah dimansuhkan. MTDC menyediakan kemudahan pembiayaan dalam bentuk modal usaha niaga atau pembiayaan risiko bagi mengkomersil dan memasarkan produk baru untuk syarikat yang berada di peringkat permulaan. Sehingga akhir tahun 1995, MTDC telah melabur kira-kira RM54.6 juta dalam 28 syarikat yang aktivitinya termasuk bidang elektronik pengguna, perisian dan persian komputer, dan pembuatan termaju.

### **Insurans**

15.47 Dalam tempoh RME, industri insurans tetap menjadi sumber dana yang penting untuk sektor awam dan swasta. Jumlah aset industri insurans meningkat pada kadar 21.2 peratus setahun daripada RM9.5 bilion pada tahun 1990 kepada RM24.8 bilion pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-8. Peningkatan ini adalah hasil daripada bertambahnya pelaburan dalam sekuriti Kerajaan dan korporat daripada RM3.6 bilion kepada RM11.7 bilion dalam tempoh yang sama.

15.48 Industri insurans mencatatkan perkembangan yang pesat hasil daripada meningkatnya kecekapan dan kedudukan perniagaan yang lebih baik. Jumlah pendapatan premium insurans nyawa dan insurans am telah meningkat dengan kadar purata sebanyak 19.5 peratus setahun daripada RM3.2 bilion pada tahun 1990 kepada RM7.8 bilion pada tahun 1995. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi industri insurans. Langkah telah diambil untuk menitikberatkan akauntabiliti awam dan disiplin kewangan serta mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat. Dalam hubungan ini, garis panduan telah disediakan untuk memastikan amalan penyelesaian tuntutan yang adil dan cepat serta memastikan sistem pemeriksaan dan perimbangan yang sesuai melalui audit dalaman yang berkesan dan mendefinisikan bidang serta intensiti audit luar. Langkah ini telah diperlengkapkan dengan usaha penginsurans dan persatuan insurans nyawa dan insurans am untuk meningkatkan profesionalisme industri ini. Sebagai satu langkah untuk menggalakkan penginsurans menyumbangkan sumber yang lebih kepada pembangunan sumber manusia, tahap perbelanjaan minimum untuk latihan telah ditingkatkan daripada 1.0 peratus daripada gaji kasar pada tahun 1990 kepada 1.5 peratus dan seterusnya kepada 4.5 peratus berkuatkuasa pada tahun 1994.

15.49 Jumlah aset dana insurans am meningkat dengan pesatnya pada kadar purata 25.6 peratus setahun daripada RM2.4 bilion pada tahun 1990 kepada RM7.5 bilion pada tahun 1995. Jumlah pendapatan premium industri insurans am mencatatkan

pertumbuhan purata sebanyak 17.1 peratus setahun dan meningkat daripada RM1.5 bilion kepada RM3.3 bilion pada tahun 1995. Berikut daripada itu, nisbah pendapatan premium industri insurans am kepada keluaran negara kasar (KNK) nominal meningkat daripada 1.4 peratus pada tahun 1990 kepada 1.6 peratus pada tahun 1995.

15.50 Aliran keluar premium kepada syarikat insurans semula asing telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada beberapa punca yang menyebabkan defisit akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran. Premium kasar insurans semula yang disalurkan ke luar negara telah meningkat daripada RM452.1 juta pada tahun 1990 kepada RM1.2 bilion pada tahun 1995 menyebabkan nisbah bendungan bersih berkurangan daripada 77.2 peratus kepada 73 peratus dalam tempoh yang sama.

15.51 Dalam usaha mengurangkan aliran keluar premium, beberapa langkah telah diperkenal untuk mengoptimumkan bendungan nasional. Pada tahun 1994, Skim Insurans untuk Risiko Besar dan Khusus telah dilaksanakan untuk meningkatkan taraf kemahiran di kalangan pengamal insurans am Malaysia dan untuk meningkatkan keupayaan bendungan nasional secara optimum. Di samping itu, untuk membolehkan pemindahan teknologi dan kepakaran kepada rakyat Malaysia, penginsurans semula profesional asing telah dibenarkan beroperasi di Malaysia. Pada akhir tahun 1995, tiga syarikat insurans profesional asing telah didaftarkan untuk menjalankan perniagaan insurans semula am dan dua syarikat yang lain pada dasarnya telah diberi kelulusan untuk beroperasi di Malaysia.

15.52 Jumlah aset dana insurans nyawa mencatatkan pertambahan sebanyak 145.1 peratus, iaitu pertumbuhan purata sebanyak 19.6 peratus setahun daripada RM7.1 bilion pada tahun 1990 kepada RM17.4 bilion pada tahun 1995. Dalam tempoh Rancangan, jumlah pendapatan premium industri insurans nyawa berkembang sebanyak 181.3 peratus untuk mencapai RM4.5 bilion pada tahun 1995 daripada RM1.6 bilion pada tahun 1990, mencatatkan pertumbuhan purata pendapatan premium sebanyak 23 peratus setahun. Pendapatan premium berkembang lebih cepat daripada kadar pertumbuhan KNK nominal dalam tempoh tersebut. Oleh itu nisbah pendapatan premium kepada KNK nominal turut meningkat daripada 1.5 peratus pada tahun 1990 kepada 2.2 peratus pada tahun 1995. Jumlah wang insurans yang berkuatkuasa meningkat sebanyak 183.4 peratus kepada RM245.7 bilion pada tahun 1995 daripada RM86.7 bilion pada tahun 1990, menandakan pertumbuhan purata sebanyak 23.2 peratus setahun. Dengan kadar peningkatan jumlah wang insurans yang berkuatkuasa ini, nisbah jumlah wang tersebut kepada KNK meningkat daripada 78.3 peratus pada tahun 1990 kepada 121.4 peratus pada tahun 1995.

15.53 Bagi industri insurans nyawa, langkah telah diperkenal untuk memastikan penginsurans lebih menyedari perlunya dirasionalkan kos menyediakan perkhidmatan insurans, mengurangkan kejadian peluputan polisi dan untuk menyediakan pembangunan tenaga manusia dan mempertingkatkan pengetahuan

profesional. Penekanan akan juga diberi kepada keperluan kemahiran dan pengalaman berbagai peringkat pengurusan tinggi. Di samping itu, kepelbagaian sistem perkhidmatan melalui bank dan institusi pos telah dipertingkat untuk memastikan akses dan liputan yang lebih meluas. Untuk menanam disiplin dan akauntabiliti kewangan yang lebih tinggi di kalangan penginsurans nyawa, konsep Aktuari Dilantik telah diterimapakai di mana Aktuari Dilantik diamanahkan dengan peranan utama dalam mengurus syarikat. Ini meliputi pengawasan ke atas semua perkembangan syarikat yang memberi kesan kepada kedudukan kewangan penginsurans dan memastikan perniagaan insurans nyawa beroperasi dengan teguh.

15.54 Dalam tempoh RME, industri takaful yang terdiri daripada Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. dan MNI Takaful Sdn. Bhd. telah mengalami pertumbuhan yang pesat. Asetnya bertambah dengan ketara iaitu sebanyak 36.8 peratus setahun daripada RM38.2 juta pada tahun 1990 kepada RM182.7 juta pada tahun 1995. Pertumbuhan dalam perniagaan ini sebahagian besarnya adalah hasil pengenalan produk takaful baru dan usaha promosi yang lebih baik. Pengawasan ke atas prestasi kedua-dua pengendali takaful ini adalah dilakukan untuk memastikan mereka berkembang secara terancang, sistematik dan selaras dengan prinsip Syariah.

#### **Labuan Sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC)**

15.55 Tujuan utama Kerajaan melancarkan IOFC Labuan pada Oktober 1990 ialah untuk memperluaskan sistem kewangan tempatan, memperkuatkan Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan dan mempercepatkan pembangunan ekonomi Labuan. Pada akhir tahun 1995, sejumlah 47 lesen perbankan luar pesisir telah dikeluarkan. Di antara pemegang lesen tersebut termasuklah tujuh buah bank Malaysia serta bank yang terbesar dan terkemuka di dunia dari Jepun, Hong Kong, Singapura, Jerman, Netherlands, Perancis, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Di peringkat permulaan pembangunannya, perniagaan bank luar pesisir telah memberi tumpuan kepada pemastautin dengan mengambil peluang di kawasan pedalaman terdekat manakala penekanan jangka panjang ialah untuk meluaskan perniagaan kepada bukan pemastautin.

15.56 Dalam bidang insurans luar pesisir, enam lesen insurans luar pesisir dan berkaitan insurans telah dikeluarkan kepada syarikat Malaysia, Hong Kong dan Amerika pada akhir tahun 1995. Pertumbuhan insurans luar pesisir adalah perlahan berbanding dengan perbankan luar pesisir disebabkan sebagiannya oleh saiz perniagaan insurans di negara ini yang lebih kecil dan tahap pembangunannya yang kurang maju secara relatif.

15.57 Usaha juga telah diambil untuk menarik aktiviti insurans luar pesisir ke IOFC Labuan. Penginsurans nyawa luar pesisir yang telah dilarang menanggung jamin insurans langsung risiko Malaysia, kini dibolehkan menjual polisi insurans nyawa dalam mata wang asing kepada individu Malaysia yang berkeupayaan kewangan yang

tinggi tertakluk kepada kriteria tertentu. Untuk menggalakkan penginsurans Malaysia menyalurkan premium mereka kepada penginsurans luar pesisir Labuan, premium insurans semula diberi pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan penginsurans yang boleh ditaksirkan.

15.58 Untuk memastikan suasana perundangan dan pentadbiran di Labuan terus menggalakkan namun berhemat, Akta Syarikat Luar Pesisir, 1990 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, 1990 telah dipinda pada tahun 1992 untuk memansuhkan halangan perundangan ke atas aktiviti luar pesisir dan menyelaras prosedur pentadbiran. Keperluan kawalan pertukaran telah dilonggar untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan kecekapan urus niaga merentas sempadan. Bagi membangunkan aktiviti pengurusan amanah dan dana, garis panduan telah dilonggarkan bagi membenarkan syarikat pengurusan dana Malaysia membentuk usaha sama dengan syarikat pengurusan dana asing di Labuan. Pengecualian telah diberi kepada syarikat pengurusan tabung unit amanah di Labuan untuk melabur di dalam sekuriti Malaysia. Bagi merasional dan menyelaraskan jentera pentadbiran, Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan bertujuan menujukan badan kawal selia tunggal telah dibentang di Parlimen pada akhir tahun 1995.

15.59 Sejumlah 594 syarikat luar pesisir daripada lebih 30 negara telah ditubuhkan sejak ianya bermula sebagai IOFC seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-9. Untuk menyediakan perkhidmatan sokongan, 28 syarikat bukan luar pesisir telah ditubuhkan. Daripada jumlah ini, 13 merupakan syarikat-syarikat amanah Labuan yang menyediakan perkhidmatan kesetiausahaannya kepada syarikat luar pesisir serta menjalankan perniagaan bercagar dan berkaitan dengan amanah.

15.60 Pada tahun 1992, Lembaga Pembangunan Labuan telah ditubuhkan untuk bertanggungjawab dalam semua aspek perancangan dan pembangunan Labuan. Kemudahan infrastruktur asas seperti telekomunikasi, lapangan terbang, jalan, bekalan air, elektrik dan pembetungan telah diperbaiki serta dipertingkatkan. Pada Jun 1995, sebuah hospital Kerajaan yang baru dengan kemudahan perubatan yang lengkap telah dinauliahkan.

15.61 Sektor swasta juga telah menyertai secara aktif dalam membangunkan infrastruktur Labuan, terutamanya bagi pembinaan bangunan komersil dan kediaman serta kemudahan rekreasi dan hotel bertaraf antarabangsa. Pada Februari 1992, sekumpulan bank perdagangan domestik dan syarikat insurans telah menujukan syarikat untuk membangun kompleks Taman Kewangan bagi menyediakan kemudahan ruang pejabat, penginapan, persidangan, membeli-belah dan rekreasi yang direkabentuk khususnya untuk memenuhi keperluan masyarakat luar pesisir. Di samping itu, sektor swasta telah membangunkan projek pinggir laut yang berhampiran mengandungi sebuah hotel dan marina.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

15.62 Dalam tempoh RMT, pelaburan swasta dianggar sebanyak RM385 bilion berbanding RM207 bilion dalam tempoh RME iaitu peningkatan sebanyak 86 peratus. Ini akan menjadi cabaran kepada sektor kewangan untuk menggembeleng dan mengagih dana yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pelaburan swasta, khususnya projek infrastruktur yang besar. Dalam hubungan ini, sektor kewangan akan diperkuuh dan dipermodenkan untuk menyediakan instrumen pembiayaan yang baru dan menggalakkan tabungan. Bagi mencapai matlamat ini, strategi utama dalam tempoh RMT meliputi:-

- o mengekalkan kestabilan kewangan dan mengukuhkan daya saingen sistem perbankan melalui penambahan modal asas dan peningkatan keupayaan pengurusan;
- o meningkatkan kecekapan sistem perbankan melalui penggunaan IT dan pembangunan sistem bayaran yang terjamin;
- o memastikan pengurusan yang berhemat oleh institusi perbankan ke atas aktiviti derivatif untuk mengelakkan daripada ketidakstabilan kewangan;
- o mempertingkatkan disiplin pasaran dalam sistem perbankan melalui kuasa pasaran;
- o memajukan perbankan Islam sebagai saluran penggembelengan dan pengagihan dana yang berkesan;
- o memupuk pembangunan pasaran bon untuk menggalak dan menyerap lebih banyak tabungan sukarela persendirian;
- o memperdalam dan memperluaskan pasaran modal untuk memudahkan pengurusan risiko;
- o meningkatkan industri pengurusan dana tempatan untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat pengurusan dana serantau;
- o memperkuuhkan lagi industri insurans supaya dapat memenuhi keperluan insurans negara; dan
- o memajukan lagi IOFC Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang utama dan terkemuka.

## **Sistem Perbankan**

15.63 Usaha akan terus diambil untuk mengekalkan kestabilan kewangan dan mengukuhkan daya saingan sistem perbankan. Berikutan peningkatan globalisasi, suasana masa hadapan kegiatan industri perbankan akan lebih dinamik dan berdaya saing. Sehubungan dengan ini, institusi perbankan perlulah mempertingkatkan daya saingan dengan mengukuhkan kecekapan operasinya dan menjadi lebih inovatif dalam membangunkan rangkaian produk kewangan yang lebih luas dan berdaya saing dari segi harga. Ini adalah penting untuk memenuhi keperluan pengguna dan masyarakat perniagaan yang semakin canggih dan pelbagai. Aktiviti institusi perbankan akan diperluaskan bagi meliputi bidang baru seperti pengsekuritian aset dan perdagangan derivatif serta penggunaan instrumen pasaran modal.

15.64 Selaras dengan ini, institusi perbankan perlu menambahkan modal, meningkatkan keupayaan pengurusan dan kecekapan. Sehubungan dengan ini, sistem kawalan dua kumpulan akan diperluaskan kepada bank saudagar dan syarikat kewangan.

## **Teknologi Maklumat**

15.65 Institusi perbankan akan digalak supaya lebih banyak menggunakan teknologi maklumat (IT) sebagai satu saluran baru untuk menyediakan perkhidmatan produk melalui telefon dan perbankan dari rumah serta memperluaskan liputan pasaran. Kemajuan dalam IT dijangka menjadi satu kaedah untuk mencapai kecekapan operasi institusi perbankan melalui peningkatan pemprosesan urus niaga di pejabat dan penyediaan maklumat berorientasikan pelanggan bagi menyokong pihak pengurusan membuat keputusan.

## **Sistem Pembayaran**

15.66 Dalam memajukan sistem perbankan yang cekap, sistem pembayaran yang kemas dan menyakinkan perlu dibangunkan. Oleh yang demikian, penekanan akan diberi kepada usaha untuk memajukan saluran penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap berbanding sistem berdasarkan tunai. Bagi mencapai matlamat ini, usaha ditujukan bagi memajukan infrastruktur pembayaran dan pertukaran data.

15.67 Sistem pembayaran bagi bayaran yang bernilai tinggi akan dipertingkat untuk meminimumkan risiko dalam urus niaga kewangan khususnya berkaitan dengan pembayaran dan penyelesaian. Memandangkan keyakinan masyarakat terhadap kecekapan dan integriti mekanisme pembayaran berdasarkan elektronik adalah penting untuk memastikan ianya diterima secara meluas, langkah akan diambil untuk mewujudkan rangka kerja perundangan bagi mengawasi urus niaga pembayaran elektronik. Rangka kerja ini akan mendefinisikan hak dan tanggungjawab pengguna

dan pengendali pemindahan dana elektronik supaya dapat menyediakan perlindungan perundangan yang jelas kepada pengguna.

### **Pasaran Hutang**

15.68 Serentak dengan pasaran modal yang semakin popular sebagai sumber kewangan berskala besar, peranan institusi perbankan sebagai pengantara dijangka meningkat dalam mengatur sindiket hutang dan sekuriti hutang swasta serta juga menyediakan mekanisme pengurusan risiko seperti jaminan bank ke atas sekuriti yang dikeluarkan. Dalam hubungan ini, institusi perbankan dijangka memainkan peranan penting dalam membangunkan pasaran modal dengan menyediakan mudah tunai dan terlibat mewujudkan pasaran di pasaran hutang kedua. Perkembangan industri pengurusan aset tempatan akan membolehkan pengwujudan sekumpulan pelabur tempatan yang berupaya menilai dan mengurus pelaburan sekuriti hutang secara profesional.

### **Pengurusan Risiko**

15.69 Kerajaan akan memainkan peranan yang aktif untuk memastikan pembangunan pasaran derivatif yang sistematik. Untuk mengelak daripada ketidakstabilan kewangan, usaha akan dijuruskan ke arah pengurusan aktiviti derivatif yang berhemat oleh institusi perbankan. Standard yang minimum dalam amalan pengurusan risiko akan ditetapkan untuk memastikan semua aktiviti yang dijalankan diketahui dan dikawal sepenuhnya oleh pihak pengurusan dan lembaga pengarah institusi perbankan berkenaan. Standard minimum untuk perakaunan dan keperluan pendedahan akan disediakan untuk mengukuhkan pemahaman mengenai kepentingan instrumen derivatif di dalam dan di luar kunci kira-kira terhadap kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah perusahaan. Di samping itu, usaha yang berterusan akan diambil untuk menyemak semula pengukuran kecukupan modal institusi perbankan bagi memastikan rangka kerja Keperluan Kecukupan Modal (CAR) berwajaran risiko akan mencerminkan kedudukan pasaran yang sedia ada. Sehubungan dengan ini, penggabungan unsur risiko pasaran ke dalam rangka kerja CAR berwajaran risiko akan diperkenalkan dalam tempoh Rancangan.

### **Disiplin Pasaran**

15.70 Memandangkan pelonggaran peraturan akan membuka peluang yang lebih untuk persaingan di kalangan institusi perbankan, pergantungan yang lebih akan diberi kepada kuasa pasaran untuk mengawal pasaran kewangan. Dalam hubungan ini, keperluan pendedahan institusi perbankan akan terus disemak semula untuk meningkatkan ketelusan aktiviti bank dalam penyata kewangan dan menyediakan maklumat yang mencukupi dan bertepatan masa bagi tujuan penilaian oleh pasaran.

### **Perbankan Islam**

15.71 Beberapa langkah akan diambil untuk meningkatkan kemajuan perbankan Islam di Malaysia. Pasaran wang Islam antara bank akan dimajukan supaya berfungsi dengan berkesan sebagai pengantara untuk menggembungkan dana Keislaman jangka pendek. Langkah juga akan diambil untuk menubuhkan majlis penasihat Syariah pusat di Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan peraturan mengenai perbankan Islam dan takaful bertujuan menyelaraskan pandangan Syariah ke atas berbagai isu perbankan dan takaful. Di samping itu, usaha akan diambil untuk menyeragamkan dokumen perbankan Islam bertujuan mengelak daripada berlakunya pertelingkahan perundangan serta juga untuk membiasa dan memberi kefahaman yang lebih baik mengenai produk perbankan Islam.

15.72 Langkah juga akan diambil untuk membangun dan mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran pekerja di sektor perbankan Islam. Penekanan yang lebih akan diberi untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi memajukan produk perbankan Islam supaya dapat memenuhi keperluan pelanggan. **Pembentukan Perniagaan Modal Usaha Niaga**

15.73 Dalam tempoh RMT, usaha akan diambil untuk mengukuhkan lagi pembentukan modal usaha niaga bagi menggalakkan pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru khususnya bagi memulakan industri yang berasaskan teknologi tinggi. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan menyediakan persekitaran yang lebih menggalakkan untuk meningkatkan pembentukan modal usaha niaga, terutamanya melalui insentif baru dan yang lebih baik. Di samping itu, Kerajaan akan menimbang untuk menubuhkan papan sekuriti ketiga sebagai saluran tambahan kepada syarikat yang berteknologi tinggi memperolehi modal untuk memulakan operasi dan memperluaskan perniagaan mereka.

### **Pasaran Modal**

15.74 Pasaran modal akan diperkuat dan dimajukan lagi untuk menjadi sumber pembentukan yang menyakinkan dan cekap bagi aktiviti sektor swasta. Dalam hubungan ini, lebih banyak instrumen pelaburan akan diwujud dan diperkenalkan untuk menggalak dan menyerap tabungan sukarela persendirian yang lebih tinggi. Usaha akan ditumpukan kepada penggalakan pasaran PDS dan derivatif yang aktif dan dinamik bagi melengkapkan pasaran ekuiti dan sekuriti Kerajaan yang lebih maju. Industri pengurusan dana akan digalak bagi mewujudkan aktiviti baru dan menjamin penawaran dana jangka panjang yang mencukupi.

15.75 Untuk meningkat pertumbuhan dan pembangunan pasaran bon, struktur kawal selia dan rangka kerja pentadbiran akan disemak semula dan diselaraskan untuk mempercepat proses meluluskan pengeluaran bon oleh berbagai pihak berkuasa. Selaras dengan promosi menabung di dalam negeri, pasaran bon akan dimajukan

supaya ianya lebih mudah dimanfaatkan oleh individu. Urusan tender instrumen pasaran wang dan kertas komersil akan dipertingkatkan melalui tender secara automatik dan pengwujudan deposit berpusat bagi instrumen ini. Sejajar dengan perkembangan ini, maklumat mengenai bon dan yang berkaitan akan disediakan kepada mereka yang menyertai pasaran. Di samping itu, agensi penarafan yang kedua yang ditubuhkan pada tahun 1995 akan memulakan operasi untuk memenuhi permintaan bagi penarafan PDS yang semakin bertambah.

15.76 Bursa Kewangan Malaysia (MME) dan Bursa Niaga Hadapan, Opsyen dan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE) dijangka dapat menyediakan kemudahan dalam perdagangan berbagai instrumen niaga hadapan kewangan dan opsyen yang akan memperdalam dan memperluaskan pasaran modal, dengan itu melicinkan pengurusan risiko. Langkah akan diambil melalui program pendidikan untuk memastikan pelabur memahami kegunaan instrumen tersebut dan risiko yang terlibat. Di samping itu, kriteria kecukupan modal bagi semua peserta pasaran derivatif termasuklah bank perdagangan akan disemak semula untuk mengambilkira risiko pasaran yang timbul daripada aktiviti derivatif.

15.77 Untuk memajukan lagi pasaran modal bagi membiayai projek infrastruktur yang besar, syarikat projek infrastruktur (IPC) yang tidak memenuhi syarat rekod prestasi kewangan seperti mana ditetapkan akan dibenarkan untuk disenaraikan di BSKL. IPC yang layak terdiri daripada syarikat yang ditubuhkan di Malaysia yang beroperasi dalam dan luar negara serta usaha sama yang beroperasi di seberang laut. Di samping itu, sebuah IPC perlulah mempunyai projek yang kosnya tidak kurang daripada RM500 juta dengan baki tempoh konsesi tidak kurang daripada 18 tahun.

15.78 Langkah akan diambil untuk meningkatkan keupayaan tempatan dalam industri pengurusan dana. Dalam hubungan ini, had bilangan firma broker saham yang boleh disenaraikan di BSKL akan dilonggarkan dan firma broker saham yang layak akan dibenar untuk mengurus tabung unit amanah. Usaha juga akan ditumpukan ke arah memajukan Malaysia sebagai pusat pengurusan dana serantau. Kerajaan akan membenarkan penubuhan syarikat pengurusan dana milik asing sepenuhnya untuk menggerakkan aktiviti dana asing di negara ini. Sebagai satu galakan tambahan, pendapatan daripada aktiviti tersebut akan dikenakan kadar cukai yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, syarikat pengurusan dana asing yang menggunakan sumber dana tempatan perlu membentuk usaha sama dengan penyertaan sekurang-kurangnya 30 peratus pelabur tempatan.

15.79 Langkah juga akan diambil untuk menggalakkan penyertaan tempatan yang lebih meluas dalam industri pengurusan dana. Dalam hubungan ini, KWSP akan dibenar melabur sehingga 15 peratus daripada dananya dalam pasaran saham manakala agensi tabung amanah yang lain seperti Permodalan Nasional Berhad dan Lembaga Tabung Haji akan digalakkan untuk mempertingkatkan portfolio pelaburan saham mereka. Pencarum KWSP yang mempunyai akaun simpanan lebih daripada

RM50,000 akan dibenar untuk mengeluarkan sehingga 20 peratus baki carumannya untuk melabur dalam dana yang diuruskan oleh institusi yang diluluskan. Bagi menyediakan saluran yang lebih untuk menggembangkan tabungan, syarikat besar akan dibenarkan mengurus kumpulan wang simpanan mereka sendiri. Di samping itu, satu tabung amanah yang utama untuk semua rakyat Malaysia iaitu Tabung Wawasan 2020 akan dilancarkan dalam tempoh RMT.

### **Insurans**

15.80 Untuk memenuhi keperluan tempatan yang semakin meningkat dan cabaran yang timbul daripada globalisasi industri insurans, teras utama industri insurans dalam tempoh RMT ialah untuk meningkatkan kekuahan kewangan, kecekapan, kemahiran dan produktiviti. Selaras dengan ini, langkah dasar akan ditumpukan kepada bidang yang penting seperti keperluan modal, pengurusan keberkesanan kos, kecemerlangan penyediaan perkhidmatan dan kecekapan teknikal.

15.81 Usaha memaksimumkan keupayaan bendungan akan diteruskan. Dalam hubungan ini, keupayaan dan kemampuan industri insurans tempatan akan diperkuuh melalui peningkatan modal minimum dan keperluan margin kecairan. Malaysian-Re International Insurance (L) Limited (MIIL) yang telah ditukarkan kepada penginsurans profesional yang mempunyai modal yang kukuh dengan modal berbayar sebanyak RM500 juta dan penyertaan ekuiti oleh syarikat utama tempatan dan institusi kewangan dijangka memulakan operasinya pada awal tahun 1996. MIIL dijangka menanggung jamin sesetengah risiko besar yang dahulunya disalur ke luar negara.

15.82 Industri insurans akan digalak untuk membangunkan sektor insurans kargo tempatannya. Penginsurans tempatan akan terus digesa supaya mengambil tindakan untuk meningkatkan perkhidmatan mereka, khususnya daripada aspek kemahiran menanggung jamin insurans kargo, pemastian kecekapan sistem untuk membolehkan pengeluaran polisi yang cepat, pembentukan pakatan strategik dengan penginsurans asing ataupun agensi penyelesaian tuntutan untuk menyediakan penyelesaian tuntutan cepat kepada pelanggan dan penetapan harga yang kompetitif. Kesemua pendekatan ini adalah bertujuan untuk menjadikan perkhidmatan insurans yang disediakan oleh penginsurans Malaysia setanding dengan perkhidmatan penginsurans antarabangsa. Industri insurans akan juga digalak supaya terus memupuk kesedaran di kalangan pengeksport dan pengimport mengenai insurans kargo tempatan dan manfaat meletakkan insurans kargo dengan syarikat insurans tempatan. Di samping itu, Skim Insurans untuk Risiko Besar dan Khusus akan diperluaskan lagi melalui peningkatan kerjasama pasaran di kalangan penginsurans untuk menanggung jamin risiko tersebut, dengan itu memperbaiki bendungan bersih. Lebih banyak dialog akan dimulakan dengan dewan dan persatuan perdagangan untuk menggalakkan penempatan insurans marin di dalam negeri.

15.83 Untuk memajukan lagi industri insurans sebagai sektor yang teguh, dinamik dan berdaya saing, modal asas penginsurans akan diperkuuh manakala asas penilaian aktuari bagi liabiliti insurans nyawa akan disemak semula supaya ianya lebih sesuai dengan kehendak semasa. Konsep aset yang diakui akan diperkenalkan untuk membolehkan penginsurans mengurus pelaburan mereka secara lebih longgar. Penekanan akan juga diberi untuk meningkatkan sistem perkhidmatan produk yang lebih cekap dari segi kos iaitu meliputi jualan langsung, rantaian strategik dan produk yang berpakej.

15.84 Akta Insurans, 1963, akan dipinda untuk menyediakan rangka kerja perundangan yang lengkap dan menyeluruh bagi mempertingkat pembangunan industri tersebut. Pindaan ini dapat membantu memastikan akauntabiliti yang lebih baik di kalangan penginsurans, mengukuhkan taraf kewangan penginsurans, memberi perlindungan yang lebih kepada pemegang polisi dan orang awam, memastikan operasi penginsurans dijalankan mengikut prinsip insurans yang sihat dan membolehkan industri tersebut berkembang seiring dengan institusi kewangan yang lain.

15.85 Peningkatan profesionalisme merupakan pra-syarat penting untuk meningkatkan keupayaan industri insurans. Dengan bertambahnya permintaan tempatan ke atas insurans, keperluan untuk aktuari, penyelaras kerugian, akauntan serta pengurus kewangan dan pemasaran akan meningkat. Tenaga kerja mahir dan profesional dalam bidang industri insurans akan dapat memenuhi keperluan pemegang polisi insurans dengan menawarkan produk baru dan khidmat nasihat teknikal yang tinggi. Dalam hubungan ini, organisasi dan program latihan Institut Insurans Malaysia akan diperkuuh dan institusi pendidikan tinggi digalak menyediakan kursus yang berkaitan dengan bidang insurans. Ini akan diperlengkapkan lagi dengan usaha persatuan insurans bagi mengawasi dan merancang keperluan tenaga manusia dalam industri berkenaan.

15.86 Industri insurans akan digalak untuk lebih banyak menggunakan IT bagi meningkatkan kelebihan bersaing dan untuk menyediakan pangkalan data yang lebih baik bagi pengawasan dan semakan tarif yang berkesan. Usaha yang berterusan akan diambil untuk meningkatkan kualiti dan penyediaan perkhidmatan insurans kepada orang awam pada kos yang berpatutan. Dalam hubungan ini, tumpuan akan terus diberi kepada pemprosesan dan pembayaran tuntutan yang cekap serta juga pengurusan tenaga kerja agensi insurans dan sistem perkhidmatan yang lebih baik. Sistem amaran awal berlandaskan statistik insurans yang diseragamkan akan dilaksanakan bagi pengawasan dan ketelusan yang lebih.

### **Labuan Sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC)**

15.87 Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif dan pragmatik untuk membangunkan Labuan sebagai IOFC. Dalam hubungan ini, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan akan ditubuhkan sebagai agensi kawal selia serenti yang tunggal untuk meningkat dan mengukuhkan pengluasan aktiviti luar pesisir dan yang berkaitan. Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir dan Rang Undang-undang Industri Sekuriti Luar Pesisir yang telahpun dicadangkan, dijangka dibentangkan pada tahun 1996, akan memperluaskan skop aktiviti luar pesisir daripada perbankan dan insurans kepada perniagaan amanah dan pengurusan dana. Aktiviti broker wang dan kewangan berasaskan prinsip Islam akan juga dimajukan. Insentif cukai akan terus disemak semula dan dipinda untuk memudahkan pengurusan dan perancangan cukai yang lebih cekap, manakala rangka kerja perundungan akan diperkemaskan untuk memenuhi keperluan yang semakin berubah.

15.88 Untuk memastikan suasana pekerjaan dan tempat tinggal yang lebih selesa dan menarik, Kerajaan akan terus mempertingkat dan menambahkan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan di Labuan. Usaha yang lebih akan diambil untuk memperbaiki persekitaran sosial melalui penyediaan ameniti dan kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat kewangan dan perdagangan serta juga keluarga mereka. Bagi mencapai matlamat ini, sektor swasta akan digalak untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan perubatan serta juga kemudahan penginapan, rekreasi dan hiburan. Penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha membangunkan kemudahan rekreasi seperti taman persantaian, kemudahan sukan serta pusat makanan istimewa dan pusat kebudayaan.

## **IV. PERUNTUKAN**

15.89 Dalam tempoh RMT, peruntukan pembangunan bagi sektor kewangan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 15-10. Selaras dengan usaha Kerajaan meningkatkan pengeluaran barang pengantaraan dan modal bagi pasaran tempatan dan eksport serta eksport perkhidmatan terpilih, sejumlah RM300 juta akan disediakan untuk penubuhan Bank EXIM. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM250 juta akan disediakan untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana melalui penyediaan kemudahan kredit dan kewangan.

## **V. PENUTUP**

15.90 Dalam tempoh RME, usaha telah dilaksanakan untuk mengukuhkan sektor kewangan supaya dapat menyumbang dengan lebih berkesan kepada pertumbuhan ekonomi. Usaha ini akan diperluas dan dipergiatkan lagi dalam tempoh RMT. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi untuk memastikan peningkatan yang berterusan dari segi penghematan kewangan, disiplin dan profesionalisme sektor ini. Di samping itu, pembangunan sektor kewangan akan ditumpukan kepada pengwujudan pusat kewangan serantau yang teguh dan dinamik.

## **BAB 16 :PELANCONGAN DAN PERDAGANGAN PENGEDARAN**

### **I. PENDAHULUAN**

16.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), sektor pelancongan dan perdagangan pengedaran telah berkembang pada kadar dua angka, melebihi sasaran asal RME dan memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara dari segi peningkatan pengeluaran, pelaburan dan pekerjaan. Dalam usaha memperbaiki akaun imbalan pembayaran secara keseluruhannya, sektor pelancongan menjadi penyumbang yang penting kepada perolehan tukaran asing. Sebahagian besarnya telah dihasilkan daripada pembangunan dan peningkatan produk pelancongan yang baru dan pertambahan rangkaian perhubungan ke destinasi pelancongan serta peningkatan promosi dan pemasaran. Sektor perdagangan pengedaran terus menyediakan pelbagai produk pada harga yang kompetitif kepada pengguna sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memastikan kestabilan harga bagi barang dan perkhidmatan perlu. Ini telah dipermudahkan lagi melalui peningkatan modenisasi dalam sektor ini yang membawa kepada sistem pengedaran yang lebih cekap.

16.02 Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), pembangunan pelancongan akan ditumpukan kepada usaha mengembangkan rangkaian aktiviti, produk dan pasaran yang bertujuan menambahkan lagi sumbangan kepada perolehan dan penjimatan tukaran asing. Perdagangan pengedaran akan terus dipermoden serta diselaraskan sejajar dengan cita rasa pengguna yang kian berubah dan dengan mengambil kira peningkatan pelaburan asing dalam sektor ini.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

#### **PELANCONGAN**

16.03 RME merupakan tempoh yang mencabar bagi industri pelancongan negara. Walaupun negara-negara perindustrian utama mengalami kelesuan ekonomi dan terdapat kesan daripada Perang Teluk pada awal tempoh RME, industri pelancongan negara terus mencapai prestasi yang menggalakkan. Usaha pemasaran yang bersungguh-sungguh untuk mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelancong dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Asia Timur telah menyumbang kepada peningkatan ketibaan pelancong. Sektor swasta juga turut terlibat dalam pembangunan produk pelancongan yang baru. Dasar Pelancongan Negara bagi tempoh 1991-2000 yang menyediakan strategi dan dasar jangka panjang yang khusus, telah dilaksanakan untuk membangun industri pelancongan yang lebih tersusun dan bersepadu.

## **Ketibaan**

16.04 Dalam tempoh Rancangan, ketibaan pelancong telah meningkat daripada 22.5 juta kepada 33.5 juta iaitu 50 peratus lebih tinggi daripada ketibaan pelancong bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML). Aliran pelancongan antara rantau merupakan faktor utama pertumbuhan pelancongan sementara ketibaan pelancong jarak jauh terus menggalakkan. Pertumbuhan positif ini disebabkan usaha galakan secara intensif yang telah dilaksanakan serta peningkatan nilai mata wang tertentu berbanding Ringgit Malaysia yang telah mendorong kemasukan lebih ramai pelancong, terutamanya dari Singapura dan Jepun. Peningkatan kekerapan penerbangan dan pertambahan kapasiti pesawat juga memudahkan ketibaan lebih ramai pelancong.

16.05 Profil ketibaan pelancong dalam tempoh RME didapati tidak berubah jika dibandingkan dengan tempoh RML. Ketibaan pelancong jarak dekat adalah yang terbesar dengan negara-negara ASEAN menyumbang lebih 72.9 peratus daripada jumlah ketibaan seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-1. Di kalangan negara ASEAN, Singapura kekal sebagai penyumbang utama dengan bahagian pasaran sebanyak 60.5 peratus diikuti oleh Thailand dengan 7.2 peratus. Berhubung dengan ketibaan pelancong luar ASEAN, pelancong dari Asia Timur menyumbang 11.5 peratus. Dari jumlah ini Jepun terus menjadi penyumbang terbesar iaitu sebanyak 5.8 peratus daripada jumlah ketibaan pelancong. Kadar pertumbuhan ketibaan sebanyak dua angka juga dicatat oleh pelancong dari Taiwan, Hong Kong dan Republik Rakyat China sejak tahun 1990. Pasaran pelancong lain yang penting ialah United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada dan Timur Tengah. Hasil daripada peningkatan hubungan dua hala, ketibaan pelancong dari Afrika Selatan yang merupakan pasaran baru kepada Malaysia telah mencatatkan peningkatan.

## **Pendapatan Pelancongan**

16.06 Pendapatan pelancongan telah meningkat lebih sekali ganda kepada RM31.2 bilion berbanding dengan RM12.8 bilion bagi tempoh RML, sementara sumbangan kepada akaun perkhidmatan dalamimbangan pembayaran adalah positif semenjak tahun 1990. Pada tahun 1995, pendapatan pelancongan yang berjumlah RM9.2 bilion telah melebihi sasaran bagi tahun 2000 yang telah ditetapkan dalam Dasar Pelancongan Negara. Peningkatan ini disebabkan perbelanjaan purata per diem bagi setiap pelancong telah bertambah sebanyak 88.8 peratus daripada RM135 pada tahun 1990 kepada RM255 pada tahun 1995. Tempoh tinggal purata pelancong di negara ini meningkat daripada 4.5 kepada 4.8 malam, manakala perbelanjaan per kapita purata pelancong telah bertambah dengan banyaknya daripada RM608 pada tahun 1990 kepada RM1,228 pada tahun 1995. Pelancong dari Singapura, Thailand, Jepun, Taiwan, Indonesia dan United Kingdom merupakan penyumbang utama kepada sumber pendapatan pelancongan. Perkembangan industri ini telah

menghasilkan kesan rantaian dan menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti lain yang berkaitan khasnya makanan dan minuman, penginapan, pengangkutan, hiburan dan membelibelah seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-2.

### **Pelancongan Domestik**

16.07 Dengan peningkatan kesejahteraan dan taraf hidup serta pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, lebih ramai rakyat Malaysia menjadikan perjalanan untuk bersantai sebagai sebahagian daripada gaya hidup mereka. Untuk menggalakkan mereka melawat destinasi pelancongan tempatan dan seterusnya mengurangkan pengaliran keluar mata wang, penekanan telah diberi terhadap usaha promosi pelancongan domestik dengan melaksanakan aktiviti dan program yang meningkatkan kesedaran terhadap daya tarikan yang wujud di dalam negara untuk tujuan bercuti dan bersantai. Pada tahun 1995, seramai 7.1 juta pelancong tempatan telah menginap di hotel di negara ini berbanding dengan 5.2 juta pada tahun 1990. Sebahagian besar lawatan domestik ini adalah untuk tujuan perniagaan diikuti kunjungan sosial dan percutian.

### **Produk dan Promosi Pelancongan**

16.08 Usaha promosi pelancongan secara intensif dan bersepodu di peringkat antarabangsa dan serantau telah menyerlahkan lagi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik di rantau ini. Secara khususnya, program sepanjang tahun di bawah Tahun Melawat Malaysia 1994 (TMM '94) telah membantu meningkatkan daya tarikan Malaysia di pasaran antarabangsa. Program tersebut meliputi 170 acara merangkumi pelbagai pesta dan aktiviti yang berkaitan dengan kebudayaan, kesenian, kraftangan, perayaan kebangsaan serta sukan, konvensyen dan pameran.

16.09 Sebahagian besar daripada aktiviti promosi telah diperhebatkan di pasaran sasaran utama. Penyertaan dalam pameran perdagangan serta misi jualan juga telah dilakukan, di antara lain, di negara-negara ASEAN, Australia, Kanada, Kesatuan Eropah, Hong Kong, Jepun dan Amerika Syarikat. Untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat membelibelah utama di rantau ini, 'Pesta Membelibelah' telah dijadikan acara tahunan untuk menarik lebih ramai pelancong berbelanja di Malaysia. Penyertaan kedai-kedai yang menawarkan harga yang kompetitif dan perkhidmatan yang berkualiti telah menaikkan imej Malaysia sebagai destinasi membelibelah yang menarik. Usaha Kerajaan menurunkan duti import berbagai barang pengguna yang merangkumi pakaian, barang kemas dan wangian, peralatan elektronik, barang sukan dan hiasan rumah telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan membelibelah pelancong lebih tiga kali ganda iaitu daripada RM751.5 juta pada tahun 1990 kepada RM2,463 juta pada tahun 1995. Di samping itu, acara-acara khas telah diadakan, antaranya temasuklah Pesta Bunga, Pesta Malaysia, Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) dan Pertandingan Golf Antara Pasukan Antarabangsa Malaysia.

16.10 Produk pelancongan baru yang telah dibangunkan termasuklah pelancongan berasaskan pendidikan, ekologi dan pertanian, aktiviti yang berkaitan dengan persantaian dan sukan serta juga kawasan peranginan baru yang mempunyai pemandangan menarik di tasik dan empangan, pulau, pantai dan mata air panas. Di antara produk berasaskan kawasan peranginan termasuklah Tasik Pedu di Kedah, Gua Mulu di Sarawak, Pulau Redang di Terengganu dan Pulau Layang-Layang di perairan Sabah. Dengan siapnya beberapa projek infrastruktur seperti Panggung Eksperimen dan Planetarium Negara di Kuala Lumpur serta tarikan budaya dan sejarah di lokasi pelancongan yang terkenal, daya tarikan negara ini sebagai destinasi yang istimewa telah bertambah. Panggung Negara dan Balai Seni Lukis Negara di Kuala Lumpur serta beberapa pusat budaya dan kesenian kini dalam berbagai peringkat pembinaan. Beberapa pusat penerangan pelancongan telah dibina di kawasan yang strategik seperti Langkawi, Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Labuan, Kuching, Miri dan Mersing. Sektor swasta juga telah menyumbang kepada usaha mempelbagaikan produk pelancongan dengan membina beberapa taman rekreasi yang bertema tertentu di Lembah Klang, Genting Highlands dan Langkawi.

### **Pelaburan**

16.11 Selaras dengan pertumbuhan yang berterusan dalam industri pelancongan, pelaburan dalam bidang perhotelan dan projek berkaitan dengan pelancongan yang diluluskan telah meningkat lebih tiga kali ganda daripada RM2,602 juta bagi tempoh RML kepada RM8,801 juta bagi tempoh RME. Industri perhotelan telah berkembang dengan bilangan hotel meningkat kepada 1,253 buah yang mengandungi 94,744 bilik pada tahun 1995 berbanding 989 buah hotel dengan 45,032 bilik pada tahun 1990. Kadar penginapan tahunan purata telah berkurang daripada 72.9 peratus pada tahun 1990 kepada 68.2 peratus pada tahun 1995, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan hotel baru, pembesaran hotel sedia ada dan persaingan daripada 'kondo-hotel'.

16.12 Di samping memberi berbagai insentif untuk menggalakkan pelaburan dalam industri pelancongan seperti taraf perintis, elauan cukai pelaburan dan pelepasan cukai bagi pengendali lawatan, Kerajaan juga telah menuahkan Tabung Khas Pelancongan dalam bentuk tabung pusingan berjumlah RM200 juta. Projek berkaitan pelancongan yang bersaiz kecil dan sederhana seperti memajukan kemudahan pelancong, pembinaan dan pengubahsuaian hotel dan motel adalah layak untuk mendapat pinjaman mudah di bawah Tabung ini. Sehingga akhir tahun 1995, kira-kira RM206.1 juta telah digunakan untuk membiayai 182 projek berkaitan dengan pelancongan.

16.13 Untuk memenuhi permintaan yang meningkat daripada pelancong tempatan dan antarabangsa yang mempunyai keupayaan berbelanja yang sederhana, hotel kos sederhana telah dibangunkan di beberapa tempat. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah

mengambil daya usaha dengan membina rangkaian hotel penginapan beridentiti tempatan yang diuruskan oleh Syarikat Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. Sejumlah 15 hotel kos sederhana dengan kemudahan sebanyak 1,450 bilik telah dibina di Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu. Program ini telah mewujudkan peluang penyertaan untuk usahawan Bumiputera dalam industri hotel dan pelancongan melalui sistem francais dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Selain daripada itu, program rumah persinggahan di Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Selangor telah memberi peluang kepada pelancong untuk menginap bersama-sama dengan penduduk tempatan dan menambahkan dimensi baru dalam penginapan kos sederhana. Pada masa yang sama, program ini memberi peluang kepada usahawan kecil menyertai industri pelancongan yang sedang berkembang.

### **Gunatenaga**

16.14 Pertumbuhan industri pelancongan yang berterusan dalam tempoh Rancangan telah menambahkan peluang pekerjaan dalam sektor ini. Pada tahun 1995, industri ini dianggarkan telah menyedia pekerjaan kepada 106,200 orang berbanding dengan 68,837 pada tahun 1990. Sektor kecil penginapan mempunyai bilangan pekerja terbesar kira-kira 58 peratus daripada jumlah gunatenaga sektor pelancongan diikuti dengan agensi pelancongan dan pengembaraan serta penerbangan.

16.15 Dalam konteks pasaran buruh yang ketat, sektor pelancongan yang merupakan industri berintensif buruh mengalami kekurangan tenaga kerja terutamanya di peringkat penyeliaan dan pengurusan. Untuk memastikan industri ini terus berkembang, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia dalam bidang Pelancongan (NTHRDC) pada tahun 1992 yang melibatkan penyertaan sektor awam dan swasta bertujuan untuk menyelaras perancangan dan pembangunan sumber manusia bagi industri pelancongan. Majlis ini telah bekerjasama dengan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (NVTC) untuk mewujudkan pembangunan standard kemahiran kerja kebangsaan (NOSS) bagi sektor perhotelan dan pengembaraan dalam aktiviti seperti pengurusan tiket dan tempahan, kendalian lawatan tempatan dan juga khidmat makanan dan minuman. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 15 NOSS telah dibangunkan dengan penglibatan institusi latihan dan pengusaha industri yang berkaitan. Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan institusi latihan pelancongan swasta juga mengendalikan program latihan untuk meningkatkan kualiti dan bilangan kakitangan yang diperlukan oleh industri pelancongan.

16.16 Bagi menggalakkan penyediaan latihan dalam sektor pelancongan, Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) telah diperluaskan untuk meliputi latihan dalam sektor perhotelan dan pengembaraan. Pihak swasta melalui Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) dan Persatuan Hotel Malaysia

(MAH) terus menyediakan latihan formal dan latihan dalam perkhidmatan. Dalam tempoh Rancangan, MATTA telah melatih seramai 720 peserta untuk industri pelancongan dan pengembaraan manakala MAH telah melatih seramai 482 peserta daripada industri perhotelan.

### Rangkaian Perhubungan

16.17 Rangkaian perhubungan yang merupakan faktor penting dalam pembangunan pelancongan terus dimajukan dan dinaikkan taraf. Penerbangan Malaysia (MAS) telah menambahkan rangkaian perkhidmatan ke 92 destinasi yang merangkumi enam benua. Dalam tempoh Rancangan, 18 perjanjian perkhidmatan udara telah ditandatangani dengan negara-negara seperti Hungary, Laos, Mexico, Sepanyol, Afrika Selatan dan Venezuela yang menjadikan kesemuanya 68 perjanjian. Kekerapan penerbangan dan kapasiti pesawat bagi 14 negara juga telah ditambah. MAS juga telah mengadakan penerbangan ke destinasi baru seperti Buenos Aires, Johannesburg, Madrid, Munich, Bandaraya Mexico, Osaka, Rome dan Vancouver. Usaha ini telah meningkatkan kunjungan pelancong jarak jauh ke Malaysia. Di samping itu, penerbangan terus berjadual dan penerbangan sewa khas antarabangsa telah digalakkan ke destinasi pelancongan seperti Johor Bahru, Kuantan dan Langkawi. Landasan pendaratan baru juga telah dibina di Pulau Pangkor, Perak dan di Taman Negara Mulu, Sarawak bagi memudahkan perhubungan ke kawasan peranginan yang terkenal ini. Kemudahan di beberapa lapangan terbang telah dipertingkatkan khususnya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, Johor Bahru, Langkawi, Pulau Pinang dan Sibu untuk membolehkan lokasi tersebut lebih mudah dikunjungi.

16.18 Industri pelancongan telah berkembang dengan lebih pesat lagi berikutan daripada kemajuan pengangkutan darat dan laut. Lebuhraya Utara Selatan, sepanjang 847 km yang menghubungkan Bukit Kayu Hitam dengan Johor Bahru telah mempertingkatkan lagi rangkaian perhubungan darat kepada pelancong untuk ke destinasi di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia. Dengan adanya kemudahan tertentu di sepanjang lebuhraya tersebut seperti kawasan rehat, pusat penerangan dan tempat menarik yang khusus, telah menggalakkan lagi pelancongan domestik dan ketibaan pelancong dari Singapura dan Thailand. Perjalanan dengan kereta api yang menyediakan pengangkutan alternatif kepada pelancong, telah dipermudahkan melalui peningkatan kualiti perkhidmatan dan pematuhan jadual perjalanan. Pada tahun 1995, seramai 213,657 pelancong tiba di negara ini melalui perkhidmatan kereta api. Perkhidmatan kereta api mewah yang menghubungkan Singapura, Kuala Lumpur dan Bangkok yang ditawarkan oleh The Eastern and Oriental Express, telah memperkenalkan satu produk pelancongan yang inovatif kepada pelancong yang mementingkan kemewahan dan keselesaan melalui perjalanan darat. Perkhidmatan feri yang menghubungkan Tanjung Belungkor di Johor dan Changi di Singapura menyediakan pintu masuk baru kepada pelancong, manakala peningkatan perkhidmatan feri dari Kuala Kedah dan Kuala Perlis ke

Langkawi telah menambahkan lagi promosi terhadap Langkawi sebagai destinasi peranginan pelancong.

## **PERDAGANGAN PENGEDARAN**

16.19 Sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran mencatatkan pertumbuhan pada kadar purata 10.6 peratus setahun, sementara sumbangan sektor ini kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah meningkat daripada 11.1 peratus pada tahun 1990 kepada 12.1 peratus pada tahun 1995. Gunatenaga dalam sektor ini juga telah bertambah kepada 1.3 juta berbanding dengan 1.2 juta pada tahun 1990 yang merupakan kira-kira 16.2 peratus daripada jumlah gunatenaga. 16.20 Berdasarkan kepada Penyiasatan Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Katering 1994, terdapat 258,238 pertubuhan yang terlibat dalam sektor ini. Jumlah ini terdiri daripada 60 peratus peruncit, 31 peratus pengusaha katering dan 9.0 peratus pemborong. Walaupun bilangan pertubuhan perdagangan runcit dan katering adalah yang terbanyak, sumbangan dari segi jumlah jualan kepada sektor ini masing-masing hanyalah kira-kira 38 peratus dan 4.0 peratus.

### **Perkembangan**

16.21 Dalam tempoh Rancangan, pertubuhan borong dan runcit terus menawarkan pelbagai barang dengan harga yang kompetitif kepada pengguna di bandar dan luar bandar. Sektor ini mengalami pembangunan pesat ekoran daripada pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan yang menghasilkan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, peningkatan tahap kesejahteraan dan juga perubahan cita rasa pengguna. Pertambahan penduduk dan peningkatan pembandaran turut menyumbang kepada perkembangan berterusan dalam sektor ini. Sejajar dengan perkembangan ini, Kajian Perdagangan Pengedaran yang telah dijalankan pada tahun 1995 menunjukkan pertumbuhan perdagangan borong dan runcit telah meningkat sebanyak 21.3 peratus kepada 150,519 pertubuhan pada tahun 1995 berbanding 124,102 pada tahun 1990. Bilangan pemborong telah bertambah pada kadar purata sebanyak 12 peratus setahun di mana 40 peratus daripada mereka juga terlibat dalam aktiviti runcit. Ini mencerminkan perkembangan baru di bidang perdagangan pengedaran. Sebaliknya, jumlah peruncit yang merupakan 87 peratus daripada keseluruhan pertubuhan pada tahun 1995 mencatatkan pertambahan sebanyak 3.0 peratus sahaja seperti ditunjukkan di dalam Jadual 16-3.

16.22 Kedai barang khusus, kedai bekalan keperluan dan pasar barang basah merupakan tiga aktiviti runcit yang utama dengan 93.4 peratus daripada jumlah peruncit pada tahun 1995 terlibat dengan aktiviti ini. Pasar barang basah dan kedai kaki lima masing-masing bertambah pada kadar purata sebanyak 14.5 peratus dan 17.1 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Aktiviti perdagangan runcit lain yang turut berkembang pesat ialah farmasi, pasar raya dan pasar mini, gedung raya dan kedai mudah dengan masing-masing mencatat pertambahan sebanyak 13.1 peratus,

8.8 peratus, 5.8 peratus dan 3.5 peratus. Ini mencerminkan perubahan arah aliran perdagangan runcit berikutan peningkatan cita rasa pengguna dan permintaan mereka terhadap barang serta perkhidmatan yang berkualiti.

16.23 Peruncit terus memberi tumpuan terutamanya kepada bekalan barang pengguna dan isirumah, makanan, keluaran tembakau dan minuman. Sebaliknya, 83 peratus daripada pemborong lebih tertumpu kepada membekal barang khusus berbanding dengan 77.5 peratus pada tahun 1990 seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-3. Keluaran barang khusus yang dipasarkan oleh pemborong merangkumi peralatan perindustrian, pertanian dan perniagaan yang sebahagian besarnya adalah untuk memenuhi keperluan sektor pembinaan dan perindustrian yang semakin berkembang.

16.24 Tumpuan pemborong dan peruncit telah meningkat di kawasan bandar seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-4. Pada tahun 1995, sebanyak 87.6 peratus daripada keseluruhan pemborong terdapat di kawasan bandar berbanding dengan 74.4 peratus pada tahun 1990. Bagi peruncit pula, sebanyak 69.2 peratus terletak di kawasan bandar pada tahun 1995 berbanding dengan 52 peratus pada tahun 1990. Peningkatan ini disebabkan oleh proses pembandaran yang lebih pesat dan juga pentakrifan semula kawasan bandar yang telah meningkatkan bilangan bandar daripada 67 buah pada tahun 1980 kepada 129 buah pada tahun 1991. Pemborong lebih tertumpu di kawasan bandar memandangkan fungsi utamanya ialah mengedar barang yang diperolehi daripada pengeluar dan pengimport kepada peruncit dan atas sebab logistik, pemborong perlu berada berdekatan dengan punca bekalan. Walau bagaimanapun, peruncit yang menjadi penghubung terakhir di antara pengeluar dan pengguna secara amnya terdapat di merata tempat. Di antara aktiviti runcit, kedai bekalan keperluan dan stesen minyak tanpa mempunyai kedai mudah adalah lebih ketara di kawasan luar bandar, manakala aktiviti runcit yang lain lebih banyak tertumpu di kawasan bandar.

16.25 Walaupun 97.5 peratus pertubuhan borong dan runcit dimiliki oleh rakyat tempatan pada tahun 1995, namun penyertaan daripada pertubuhan asing di dalam sektor perdagangan pengedaran telah meningkat jika dibandingkan dengan tahun 1990 seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-5. Pemilikan asing terhadap pertubuhan borong dan runcit telah bertambah pada kadar 25.4 peratus setahun daripada 1,220 pertubuhan pada tahun 1990 kepada 3,786 pada tahun 1995. Pemilikan mereka dalam perdagangan borong telah meningkat daripada 2.2 peratus pada tahun 1990 kepada 4.2 peratus pada tahun 1995, manakala dalam tempoh yang sama pemilikan perdagangan runcit pula telah meningkat daripada 0.9 peratus kepada 2.3 peratus. Pertubuhan yang dimiliki oleh pengusaha asing ini telah memperkenalkan konsep baru dalam pemasaran, kepakaran pengurusan dan teknologi canggih dalam urusan perniagaan mereka. Perkembangan ini selain daripada meningkatkan persaingan kepada peniaga borong dan runcit tradisional juga menggalakkan perniagaan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia menggunakan konsep inovatif tersebut bagi

mengekalkan daya saingen mereka. Menyedari bahawa sektor ini perlu dibangunkan secara teratur, Kerajaan telah memperkenalkan garis panduan baru untuk menggalakkan penyertaan rakyat tempatan yang aktif khususnya mengenai penyertaan ekuiti dan pengedaran barang tempatan.

16.26 Pemilikan Bumiputera dalam perniagaan sektor perdagangan pengedaran bertambah pada kadar 7.0 peratus setahun daripada 36,158 pertubuhan pada tahun 1990 kepada 50,734 pada tahun 1995, khususnya dalam bidang peruncitan. Peningkatan ini adalah hasil daripada perkembangan yang berterusan terhadap aktiviti sedia ada seperti barang am, perubatan tradisional, farmasi, pasar barang basah dan kedai barang khusus serta juga aktiviti baru seperti gedung raya, stesen minyak dan kedai kaki lima. Walaupun bilangan pertubuhan telah bertambah, jualan bulanan purata sejumlah RM18,673 oleh setiap pengusaha borong dan runcit Bumiputera masih di tahap yang terendah seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-6.

16.27 Jumlah jualan bulanan sektor perdagangan pengedaran telah meningkat daripada RM3,910 juta pada tahun 1990 kepada RM5,362.5 juta pada tahun 1995. Daripada jumlah tersebut, pertubuhan borong dan runcit yang dimiliki oleh rakyat Malaysia menyumbang sebanyak RM5,110.4 juta atau 95.3 peratus daripada jumlah jualan. Walau bagaimanapun, dari segi jualan purata setiap unit pertubuhan borong dan runcit, pertubuhan milik asing mencatat jualan yang lebih tinggi. Ini menunjukkan pertubuhan borong dan runcit milik asing adalah lebih cekap dan produktif.

### **Pasar Tani dan Pasar Malam**

16.28 Pasar tani dan pasar malam terus menjadi saluran yang popular kepada pengusaha untuk menjalankan perniagaan runcit. Bilangan pasar tani dan pasar malam meningkat masing-masing daripada 139 dan 250 pada tahun 1990 kepada 157 dan 470 pada tahun 1995. Kedua-dua pasar ini kebanyakannya beroperasi di kawasan bandar dan sebahagian besar daripadanya adalah di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1995, jualan keseluruhan pasar tani dan pasar malam masing-masing dianggarkan berjumlah RM90.7 juta dan RM185 juta. Kajian yang dibuat pada tahun 1995 menunjukkan bahawa 75 peratus pengusaha pasar tani dan 72 peratus pengusaha pasar malam memperolehi pendapatan bulanan melebihi RM750 yang menunjukkan aktiviti ini memberikan pendapatan yang berpatutan kepada pengusaha terbabit.

### **Kemudahan Kewangan**

16.29 Sektor perdagangan am terus menikmati kemudahan kredit daripada pihak bank dengan jumlah pinjaman sebanyak RM7.8 bilion dalam tempoh Rancangan. Syarikat Jaminan Kredit (CGC) terus membantu syarikat kecil termasuk peniaga kecil melalui tiga skim utamanya iaitu Skim Jaminan Utama Baru (NPGS), Tabung Pinjaman untuk Penjaja dan Peniaga Kecil (TPPK) dan Skim Pinjaman Khas Persatuan (SPKP). Dalam tempoh Rancangan, pinjaman sebanyak RM1,291.7 juta telah diluluskan untuk

perdagangan borong dan runcit di bawah skim NPGS, manakala kelulusan pinjaman di bawah TPPPK ialah RM105.9 juta dan SPKP pula berjumlah RM17.1 juta.

### **Program Sokongan**

16.30 Beberapa agensi kerajaan terus melaksanakan program bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam perdagangan borong dan runcit melalui pelbagai program termasuk kemudahan kredit, premis perniagaan, latihan dan khidmat nasihat serta teknikal. Sehubungan dengan itu, MARA telah menyalurkan kemudahan kredit berjumlah RM36.4 juta kepada 2,097 Bumiputera yang terlibat di dalam perniagaan borong dan runcit dalam tempoh Rancangan, manakala kira-kira 1,800 unit premis perniagaan telah disediakan oleh MARA dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) untuk menempatkan peniaga Bumiputera.

16.31 Berhubung dengan pembangunan kemahiran keusahawanan Bumiputera di dalam perdagangan runcit, MARA telah mengendalikan 1,295 kursus dalam pelbagai bidang yang terdiri daripada kursus mengenapasti peluang perniagaan, pembangunan usahawan serta juga perundingan perniagaan yang memberi manfaat kepada 57,253 peserta. Di samping itu, NPC telah melatih seramai 25,000 Bumiputera dalam beberapa bidang seperti motivasi perniagaan dan pengurusan harta. Latihan praktikal yang bertujuan meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam bidang pemasaran dan pengurusan telah dijalankan di pasar mini Pernas Edar, kedai runcit Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan gedung raya yang dikendalikan oleh UDA.

16.32 Di bawah Program Pembangunan Francais (FDP), peluang untuk usahawan Bumiputera menjadi francaisi kepada pemegang francais tempatan sedia ada telah diwujudkan. Di samping itu, program ini juga membantu membangunkan keluaran tempatan yang berpotensi dijadikan francais serta juga memperkenalkan sistem keluaran bertaraf antarabangsa. Program ini termasuklah pemilihan secara sistematik francaisi dan keluaran yang berpotensi, memberi kemudahan dana, latihan dan pemilihan lokasi premis serta juga memberi bantuan mendapatkan lesen dan permit. Program ini juga mengesan pembangunan dan kemajuan francaisi. Dalam tempoh Rancangan, seramai 57 usahawan Bumiputera telah dilantik menjadi francaisi dalam berbagai perniagaan, diantaranya yang berkaitan dengan pembekalan komputer, pemprosesan filem, barang kemas, farmasi, makanan segera dan perkhidmatan tayar.

### **Rangka Kerja Perundangan**

16.33 Bagi memastikan pembangunan sektor perdagangan dalam negeri yang lebih teratur serta memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna, beberapa undang-undang telah dipinda. Peraturan Akta Perihal Dagangan, 1972 berkaitan kandungan sesuatu barang telah dipinda dengan mewajibkan pelabelan kepada

semua jenis barang. Peraturan berkenaan jualan murah di bawah Akta tersebut juga telah dipinda untuk pengawalan dan penyeliaan yang lebih berkesan. Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977, telah dikaji semula supaya penandaan harga dikenakan untuk semua barang. Ini memberi peluang kepada pengguna untuk membandingkan harga sebelum membeli. Akta Jualan Langsung, 1993 telah diperkenalkan untuk menggalakkan pembangunan jualan langsung yang teratur termasuk pesanan melalui pos dan jualan dari rumah ke rumah. Untuk melindungi kepentingan pengguna, pendaftaran syarikat jualan langsung juga telah diwajibkan.

16.34 Kerajaan terus memberi keutamaan untuk memastikan bekalan barang perlu adalah mencukupi dan pada harga yang berpatutan. Terdapat 20 jenis barang perlu yang terus dikekalkan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Barang tersebut termasuklah makanan asas seperti beras, roti, tepung, susu, gula serta bahan binaan dan keluaran petroleum. Semasa musim perayaan, 25 jenis barang lagi dimasukkan ke dalam senarai barang perlu. Pasukan Petugas mengenai Barang Perlu dan Panel Khas mengenai Bahan Binaan turut membantu mengawal bekalan dan permintaan barang perlu di samping berfungsi sebagai forum perundingan dengan sektor swasta. Langkah juga telah diambil untuk memastikan bekalan barang yang mencukupi dengan melonggarkan kuota import, menurunkan duti import serta meluluskan pelaburan baru bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran tempatan.

### **Maklumat Harga**

16.35 Kerajaan telah menukuhkan Pusat Maklumat Harga untuk mengumpul dan mengawal harga ke atas 97 barang perlu bagi membolehkan pengguna membandingkan harga dan membuat pembelian secara lebih rasional. Maklumat harga ini telah diperolehi daripada 14 bandar untuk disebarluaskan ke seluruh negara. Di samping itu, konsep kedai harga patut juga telah dilancarkan untuk menggalakkan penjualan barang pada harga yang munasabah dan berpatutan. Sehingga akhir tempoh Rancangan, sejumlah 856 kedai yang merangkumi pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan restoran telah diiktiraf sebagai 'Kedai Harga Patut'.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

#### **PELANCONGAN**

16.36 Sektor pelancongan dijangka dapat menyumbang lebih banyak lagi kepada perolehan tukaran asing di samping meningkatkan pendapatan, pelaburan dan peluang pekerjaan. Jumlah ketibaan pelancong di Malaysia dijangka meningkat sebanyak 10.7 peratus setahun dan mencapai 12.5 juta pada akhir tempoh RMT. Menjelang tahun 2000, pendapatan pelancongan dijangka meningkat kepada RM15.7 bilion dan dengan itu dapat membantu memperbaiki akaun perkhidmatan dalamimbangan pembayaran. Strategi keseluruhannya adalah untuk menumpu kepada peningkatan jumlah pelawat dan lawatan semula di samping menarik lebih ramai pelancong yang berbelanja besar dan tinggal lebih lama. Sektor swasta akan menjadi penggerak utama dalam penyediaan berbagai produk dan perkhidmatan pelancongan, manakala Kerajaan akan terus menyediakan berbagai kemudahan infrastruktur dan mempromosi negara sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

16.37 Di bawah RMT, usaha akan diambil untuk mempertingkatkan lagi strategi sedia ada di samping memperkenalkan strategi baru bagi menyerlahkan lagi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang pelbagai dan berdaya saing di rantau ini. Antara strategi ini adalah seperti berikut:-

- o mempelbagaikan produk dan perkhidmatan baru untuk memenuhi beraneka permintaan dan minat para pelancong antarabangsa dan tempatan;
- o memastikan promosi dan pemasaran yang lebih berkesan untuk pasaran luar negara dan tempatan;
- o menggalakkan pelaburan dan penyertaan sektor swasta dalam produk pelancongan yang berinovatif serta projek dan temasya khas;
- o meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan terutamanya usahawan kecil dalam pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan tempatan yang mempunyai ciri tersendiri;
- o mempertingkat dan menyediakan kemudahan perhubungan untuk memasuki negara dan di dalam negeri;
- o menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang perlu di tempat pelancongan yang telah dikenalpasti; dan

o memberi tumpuan yang lebih terhadap latihan secara formal serta latihan sambil bekerja dengan tujuan memenuhi permintaan tenaga kerja yang meningkat.

### **Pembangunan Produk**

16.38 Penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha mempelbagaikan asas pelancongan bagi mengurangkan pergantungan ke atas rangkaian produk dan pasaran pelancongan yang terhad. Sehubungan dengan ini, bahagian pasaran akan diperluaskan untuk merangkumi kategori pelancong yang mempunyai keupayaan berbelanja sederhana dan tinggi. Selain daripada memasarkan keindahan semulajadi Malaysia, kebudayaan dan warisan sejarah, pembangunan produk baru akan ditumpukan kepada mempromosi negara ini sebagai destinasi membelihlah, kegiatan sukan, persidangan serta yang mempunyai tarikan istimewa berkaitan dengan pengembaraan dan aktiviti berasaskan air. Bagi tujuan menyediakan berbagai tarikan kepada pelancong, usaha akan diambil untuk menggalakkan pewujudan produk khusus tambahan di kawasan yang berhampiran dengan destinasi pelancongan berkenaan.

16.39 Pelancongan yang berasaskan alam semulajadi termasuk pelancongan ekologi dan pertanian yang menonjolkan ciri-ciri iklim tropika dan permukaan bumi negara juga akan dibangun dan dipromosikan. Sektor swasta akan digalak membangunkan destinasi berpotensi bagi aktiviti pelancongan ekologi sebagaimana yang telah dikenalpasti dalam Rancangan Pelancongan Ekologi Negara. Kerajaan akan membantu di dalam penyediaan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas untuk tempat-tempat pelancongan ekologi dan pertanian yang sesuai. Ini termasuklah kawasan di sekitar mata air panas, air terjun, tasik, sungai, hutan simpan, taman pertanian dan perkampungan nelayan serta ladang getah dan kelapa sawit. Untuk terus mempromosi dan mempercepatkan pembangunan pelancongan di pulau peranginan, Lembaga Pembangunan dan Pengurusan Pulau-pulau Peranginan Malaysia akan ditubuhkan untuk merancang, mengurus dan membangunkan pulau yang menawarkan tarikan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.

### **Kebudayaan dan Kesenian**

16.40 Kebudayaan dan kesenian akan dimajukan sebagai komponen bersepadan memandangkan minat pelancong terhadap percutian yang meliputi pertunjukan kebudayaan, warisan dan hiburan terus meningkat. Sehubungan dengan ini, pembangunan pelancongan warisan kebudayaan seperti muzium dan galeri seni serta pusat seni dan budaya akan diberi lebih tumpuan yang seterusnya akan membawa kepada budaya dan industri perkhidmatan hiburan yang pelbagai dan meriah. Infrastruktur budaya yang merupakan tempat pameran kekayaan warisan budaya Malaysia, akan turut dibangunkan di negeri-negeri selain daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhan pusat budaya negeri dan aktiviti yang berasaskan budaya akan menambahkan lagi pengalaman pelancong di negara ini.

Warisan kebudayaan Malaysia yang unik akan diberi penekanan melalui penggunaan reka bentuk tradisional, pakaian, muzik, makanan, kraftangan dan kesenian tempatan.

### **Aktiviti Pelancongan Di Kawasan Luar Bandar**

16.41 Kawasan luar bandar juga mempunyai potensi yang besar untuk aktiviti pelancongan. Bagi meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan, Kerajaan akan memberi galakan, antaranya untuk membangunkan pelancongan berasaskan pertanian. Untuk tujuan itu, pelan tindakan jangka pendek dan panjang untuk membangunkan lagi pelancongan pertanian akan dilaksanakan. Strategi utamanya termasuklah mengenalpasti beberapa kampung untuk dijadikan contoh bagi program rumah persinggahan yang akan diperluaskan kepada kampung lain yang sesuai. Sektor swasta akan digalakkan untuk memainkan peranan penting dalam pemasaran, latihan dan promosi pelancongan pertanian khususnya yang berkaitan dengan pelancongan bercirikan perkampungan dan masyarakat. Penyertaan masyarakat tempatan juga akan dipertingkatkan melalui program pembangunan budaya dan keluaran kraftangan.

### **Pasaran Persidangan, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE)**

16.42 Pasaran persidangan, insentif, konvensyen dan pameran dijangka menjadi salah satu daripada industri utama yang akan berkembang dalam tempoh RMT. Pasaran ini dijangka mendatangkan hasil yang lebih tinggi melalui potensinya untuk menarik lebih ramai pelancong yang berbelanja besar di Malaysia. Sebagai negara baru dalam industri yang berkembang pesat ini, usaha akan diambil oleh Kerajaan dan sektor swasta untuk meningkatkan kesedaran yang lebih terhadap keupayaan negara untuk menjadi tuan rumah kepada persidangan, konvensyen dan pameran antarabangsa.

16.43 Untuk mengekalkan imej Malaysia sebagai destinasi pameran dan konvensyen yang kosnya berpatutan, pembinaan infrastruktur yang sesuai akan dipertingkatkan. Hotel dan tempat yang dapat menampung persidangan dan pameran yang berskala besar akan digalak meningkatkan kemudahan masing-masing, termasuk penyediaan teknologi canggih untuk persidangan dan pameran tersebut. Kerajaan akan bekerjasama rapat dengan sektor swasta supaya dipilih menjadi tuan rumah bagi pameran dan persidangan yang terkemuka. Di samping itu, usaha akan diambil untuk mempromosi perkembangan dan pembangunan pameran yang berkualiti di Malaysia.

### **Pelancongan Layar**

16.44 Perairan Malaysia menyediakan banyak pilihan untuk mengadakan percutian pelayaran dekat dan jauh. Bagi menerokai pasaran pelancongan layar yang berkembang pesat, Pelabuhan Klang akan dibangunkan sebagai hub untuk industri layar. Pusat pelancongan layar akan juga ditubuhkan di kawasan lain di negara ini

terutamanya di Pulau Pinang dan Langkawi. Pusat pelayaran ini akan disediakan dengan kemudahan berlabuh dan pendaratan penumpang, penyelenggaraan bagasi sama seperti yang terdapat di lapangan terbang, restoran dan kedai bebas cukai.

16.45 Untuk memajukan lagi industri pelancongan layar, Kerajaan akan mengambil langkah yang perlu bagi menggalakkan pengusaha kapal layar menjadikan Malaysia sebagai pangkalan operasi dan mendaftar kapal mereka di negara ini. Untuk melengkapkan usaha ini, pengendalian lawatan di daratan yang cekap akan turut digalakkan. Sehubungan dengan ini, pengajur lawatan akan digesa untuk bekerjasama dengan pengusaha kapal bagi menerokai pelbagai daya tarikan pelancongan di Malaysia dan negara-negara jiran dalam menyediakan jadual pelancongan layar.

### **Pelancongan Domestik**

16.46 Pelancongan domestik akan dipromosikan secara agresif melalui program yang intensif dengan menggunakan kaedah pemasaran yang sesuai untuk meningkatkan kesedaran terhadap tarikan dan kemudahan berekreasi. Kempen promosi pelancongan domestik yang ditumpukan kepada tema 'Malaysia Destinasiku' akan diperhebatkan lagi. Bagi memastikan kejayaan program ini, sektor swasta dan pihak berkuasa negeri perlu membangunkan program lawatan khusus untuk pelancongan berdasarkan ekologi dan pertanian, sukan, makanan dan membelibelah, pesta dan perayaan tertentu bagi memenuhi permintaan pasaran domestik yang semakin canggih. Kemajuan dalam pengangkutan darat akan memudahkan perjalanan dan seterusnya menggalakkan rakyat tempatan menikmati produk pelancongan di negara ini.

16.47 Pembinaan tempat penginapan dengan harga yang berpatutan seperti hotel kos rendah dan sederhana, motel, chalet, rumah rehat, dangau dan kawasan perkhemahan, akan lebih mendorong pelancongan domestik. Sehubungan dengan ini, sektor swasta akan digalak menyediakan tempat penginapan sedemikian untuk memenuhi peningkatan dan kepelbagaian kehendak pelancong domestik. Dalam tempoh Rancangan, rangkaian Hotel Seri Malaysia akan diperluaskan lagi ke destinasi pelancongan terpilih melalui penswastaan secara berperingkat terutamanya kepada pengurusan hotel yang sedia ada. Konsep rumah persinggahan di kediaman persendirian dan kemudahan penginapan di sepanjang lebuh raya akan terus digalakkan.

### **Pelancongan Dalam Kawasan Pertumbuhan Rantau Kecil ASEAN**

16.48 Pada peringkat serantau, pelancongan telah dikenalpasti sebagai salah satu bidang utama yang berpotensi besar bagi mewujudkan kerjasama dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi serantau. Sehubungan dengan ini, Malaysia akan menyertai secara aktif dalam projek pelancongan menerusi usaha sama untuk menyumbang

kepada pembangunan industri pelancongan di kawasan pertumbuhan rantau kecil ASEAN. Oleh yang demikian itu berkaitan dengan kemudahan perjalanan dan lintasan sempadan serta penggunaan kemudahan pengangkutan dan infrastruktur akan diberi tumpuan. Di samping itu, sektor swasta akan digalak untuk mengadakan promosi bersama dan meningkatkan taraf serta kualiti produk, perkhidmatan dan infrastruktur pelancongan. Program pendidikan dan latihan secara bersama untuk industri pelancongan akan juga digalakkan.

### **Pemasaran dan Promosi**

16.49 Untuk memastikan pertumbuhan industri pelancongan yang kian meningkat, usaha pemasaran yang inovatif akan dibuat secara berterusan bagi mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama. Aktiviti promosi tersebut termasuk penyebaran risalah maklumat dalam bahasa asing selain daripada Bahasa Inggeris akan dilakukan bagi memenuhi berbagai kehendak pelancong antarabangsa yang tidak fasih dalam Bahasa Inggeris. Usaha memupuk pakatan strategik dengan syarikat penerbangan dan organisasi pelancongan asing akan dipergiatkan lagi untuk bersama-sama mengeksplorasi peluang pelancongan. Kesan pertumbuhan teknologi maklumat di dalam penyebaran dan pemasaran produk serta perkhidmatan pelancongan akan memerlukan perubahan di dalam teknik promosi yang dilakukan. Sehubungan dengan ini, pihak swasta dan juga Kerajaan dijangka akan melabur di dalam teknologi terkini untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Di antara pelaburan berkaitan ialah penggunaan sistem tempahan berkomputer, maklumat destinasi berelektronik, pemindahan gambar destinasi pelancongan ke dalam cakra komputer dan pemasaran melalui rangkaian Internet.

### **Pelancongan dan Alam Sekitar**

16.50 Dalam membangunkan infrastruktur dan kemudahan yang perlu bagi sektor pelancongan, penekanan yang lebih akan ditumpukan kepada meminimumkan kesan negatif pelancongan terhadap sosiobudaya dan alam sekitar. Warisan negara dan sumber pelancongan akan dipelihara melalui peraturan tertentu. Garis panduan dan kriteria yang khusus akan dilaksanakan untuk memastikan pembangunan infrastruktur pelancongan tidak memberi kesan yang buruk kepada kawasan persekitaran pelancongan yang sensitif seperti sungai, tanah tinggi, pesisiran pantai dan laut. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk memastikan had bilangan pelawat ke kawasan berkenaan dipatuhi. Perakuan Strategi Pemuliharaan Negara yang berkaitan dengan pelancongan akan dilaksanakan. Di samping itu, pengauditan ke atas alam persekitaran akan dibuat dengan lebih kerap.

### **Rangkaian Perhubungan**

16.51 Langkah akan diambil untuk terus meningkatkan rangkaian perhubungan ke negara ini dan juga dalam negeri. Pengangkutan udara akan terus digalakkan

terutamanya dalam meningkatkan bilangan pelancong jarak jauh. MAS yang berhasrat untuk menjadi syarikat penerbangan bertaraf dunia pada tahun 2000, dijangka meningkatkan rangkaiannya dengan menambah perkhidmatan antarabangsa ke pasaran pelancongan utama. Di samping itu, MAS akan terus mengadakan pakatan strategik dengan syarikat penerbangan lain. Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang yang akan beroperasi pada tahun 1998 berupaya menampung peningkatan dalam lalu lintas udara. Pada masa yang sama, lapangan terbang Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan Pulau Pinang akan dinaikkan taraf bagi memudahkan ketibaan pelancong ke kawasan berhampiran.

16.52 Bagi pengangkutan darat pula, pembinaan laluan kedua di antara Johor Bahru dan Singapura serta pemberian perkhidmatan kereta api oleh Keretapi Tanah Melayu (KTMB) akan memudahkan lagi perjalanan melintasi sempadan. Di samping itu, Lebuhraya Pantai Timur akan meningkatkan kemudahan perhubungan ke tempat tarikan pelancong di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Untuk menggalakkan perjalanan melalui kereta api sebagai pengangkutan alternatif kepada pelancong, usaha yang gigih akan diambil untuk mempertingkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan KTMB. Dengan beroperasinya Sistem Rel Transit Ringan di Kuala Lumpur, satu lagi daya tarikan pelancong dapat dihasilkan bagi menambah pengalaman pelancong di samping memudahkan perhubungan ke destinasi pelancongan yang menarik di ibu negara. Perkhidmatan dan kemudahan yang lebih baik di pintu masuk utama seperti Bukit Kayu Hitam, Padang Besar dan Johor Bahru akan terus dipertingkatkan lagi untuk memastikan pelawat mempunyai tanggapan yang positif dan ingatan manis yang berkekalan terhadap negara ini serta menggalakkan mereka mengulangi lawatan.

### **Latihan**

16.53 Sektor pelancongan yang berorientasikan perkhidmatan, memerlukan tenaga kerja mahir untuk memenuhi pelbagai permintaan dan keperluan sektor ini. Dengan kekurangan tenaga kerja dan peningkatan kos buruh, industri ini perlu mengambil langkah untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Bagi memastikan tahap profesionalisme di kalangan pengusaha dan pemandu pelancong dalam penyampaian perkhidmatan, usaha akan dilakukan untuk menyediakan latihan yang lengkap dan menyeluruh termasuk berbagai bahasa serta sejarah, budaya dan kesenian Malaysia. Di samping itu, pembangunan program latihan yang sesuai untuk memenuhi keperluan kemahiran yang khusus dalam sektor perhotelan dan pengembawaan akan juga dijalankan.

16.54 NTHRDC bersama dengan NVTC dan Kementerian Pendidikan akan menyelaras latihan teknikal dan vokasional, pengurusan dan penyeliaan serta saling berhubung dengan sektor swasta untuk memastikan output adalah sejajar dengan keperluan industri pelancongan yang kian meningkat. Sektor perhotelan dan pengembawaan akan digalak menggunakan sumber ada di NPC dan MARA serta institusi

latihan pelancongan swasta dalam menyediakan kursus mengikut keperluan industri ini. Universiti dan institusi pendidikan tinggi tempatan serta kolej swasta akan digalak mengadakan kursus dalam bidang pentadbiran perhotelan serta perancangan dan pengurusan pelancongan.

## **PERDAGANGAN PENGEDARAN**

16.55 Pendapatan boleh guna yang lebih tinggi hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan serta pertumbuhan industri pelancongan yang menyerlah turut menjadi pendorong kepada kemajuan sektor kecil perdagangan pengedaran dalam tempoh RMT. Sehubungan dengan ini, sektor perdagangan borong dan runcit termasuk perhotelan dan restoran dijangka berkembang pada kadar purata sebanyak 9.0 peratus setahun dan menyumbang sebanyak 12.7 peratus kepada KDNK menjelang tahun 2000.

16.56 RMT akan memperkenalkan strategi yang memberi tumpuan kepada perubahan struktur dan peningkatan kemajuan sektor perdagangan pengedaran seperti berikut:-

- o mempercepatkan modenisasi dan penyusunan semula perdagangan pengedaran terutamanya melalui sistem pengurusan yang lebih baik;
- o menggiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan warga Malaysia terutamanya usahawan Bumiputera di dalam perniagaan borong dan runcit;
- o meningkatkan keupayaan pemasaran peniaga dalam membekalkan barang yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi melalui pembungkusan dan peragaan yang baik serta kepelbagaiannya produk;
- o mempromosi konsep pengkhususan runcit seperti rantaian francais; dan
- o mewujudkan rantaian antara pertubuhan perdagangan pengedaran dengan petani serta pengilang dalam membekal hasil segar dan barang buatan tempatan.

## **Perubahan Struktur**

16.57 Sektor perdagangan pengedaran akan mengalami perubahan struktur dan seterusnya memberi kesan kepada sistem peruncitan tradisional. Perubahan struktur ini meliputi pelbagai aspek seperti penubuhan urus niaga berskala besar, rantaian francais dan kumpulan pembelian bersama oleh pemborong dan peruncit. Percantuman dan pengambilan alih akan menjadi lebih ketara. Lebih banyak pemborong dan peruncit asing akan menyertai sektor perdagangan pengedaran berikutan globalisasi ekonomi. Pelaburan asing ini akan memperkenalkan konsep

baru dalam perniagaan borong dan runcit dengan menumpukan kepada pembinaan pasar raya khusus yang berskala besar. Kuasa beli berbagai jenis pertubuhan borong dan runcit berskala besar akan meningkat dan memberi kesan yang ketara terhadap harga dan kualiti barang serta perkhidmatan.

16.58 Perubahan struktur dalam perdagangan pengedaran ini, antara lain akan mengurangkan peringkat pengedaran antara pengilang dan peruncit. Di samping itu, pembelian terus barang dari pengilang dan pembekal keluaran segar melalui kontrak pasaran pertanian akan menggalakkan lebih banyak pengeluaran tempatan di samping memudahkan lagi penyaluran maklumbalas mengenai permintaan dan cita rasa pengguna. Pembelian secara runcit yang besar juga dijangka membantu pengilang menghasilkan keluaran baru khasnya barang pengguna dan perniagaan yang berjenama tempatan. Kerajaan akan menggalakkan lagi pembangunan dan perkembangan usaha sama di bidang ini yang seterusnya akan meningkatkan lagi eksport barang dan perkhidmatan yang berkenaan.

### **Pengusaha Kecil dan Sederhana**

16.59 Dengan mengambil kira kepentingan pengusaha tempatan khasnya pengusaha kecil, penyertaan pemborong dan peruncit asing melalui usaha sama, francais dan usaha persefikatan yang lain akan digalakkan. Kemajuan ini akan memudahkan lagi proses pemodenan dan penyusunan semula sektor perdagangan pengedaran serta menggalakkan penggunaan sistem dan teknik pengurusan yang canggih. Memandangkan peningkatan persaingan dan pembangunan teknologi, pengusaha tempatan perlulah meningkatkan sistem dan kecekapan masing-masing. Mereka akan digalak melabur dalam teknologi maklumat dengan sistem jualan berbantuan elektronik, penggunaan kod bar dan sistem imbasan serta juga sistem pengawalan berjentera. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan menggalakkan pemborong dan peruncit mempercepatkan penggunaan teknologi moden. Di samping itu, langkah akan diambil bagi mengurangkan halangan untuk menyertai bidang ini seperti kekurangan modal permulaan dan pekerja terlatih, kesukaran memperolehi lokasi perniagaan yang strategik serta sewaan yang tinggi. Sehubungan dengan ini, institusi kewangan akan digalak menyediakan pinjaman mudah bagi memberi peluang kepada pengusaha yang layak untuk membantu pembangunan pengusaha kecil. Lebih banyak premis perniagaan dengan infrastruktur yang lebih baik akan disediakan untuk pengusaha, manakala penyediaan khidmat nasihat dan teknikal akan ditingkatkan oleh agensi Kerajaan yang berkaitan.

16.60 Berikutan peningkatan pendapatan dan kesejahteraan, pengguna Malaysia telah menjadi lebih memilih dan memerlukan barang dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan berbagai. Ekoran dari perkembangan ini, pembekal dan peniaga perlu mengubahsuai dan memperbaiki keupayaan pemasaran mereka dengan menawarkan rangkaian produk dalam bungkusan menarik dan cara peragaan yang baik. Bagi memudahkan perubahan ini, peniaga perlu mengkelaskan produk mengikut

spesifikasi kualiti dan mengambilkira aspek keindahan peragaan dalam pameran dan pembungkusan.

16.61 Pengedar bersaiz kecil dan sederhana tidak mempunyai kemampuan untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran. Untuk mengatasi masalah ini, mereka akan digalak untuk bersepakat supaya menjadi lebih besar dan berpeluang meningkatkan daya saingan, khususnya dalam pembelian, pemasaran, penyelidikan serta juga dalam memajukan jenama dan sistem perakaunan sendiri. Sehubungan dengan ini, penubuhan persatuan pembeli dan konsortium di kalangan pengusaha kecil akan terus digalakkan. Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh agensi seperti FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang, Perbadanan Niaga Felda, PERNAS, Pernas Edar, Persatuan Nelayan, Perwira Niaga Malaysia dan koperasi-koperasi akan dipertingkat melalui tindakan bersama dan rundingan untuk mendapatkan syarat yang lebih baik dari segi harga, promosi dan penghantaran.

16.62 Kerajaan juga akan memperbaiki saluran pemberian kemudahan sokongan kepada peniaga kecil dalam membantu memperkembang dan membangunkan kemahiran keusahawanan serta perniagaan mereka. Sehubungan dengan itu, kemudahan infrastruktur di kawasan strategik perlu disediakan seperti di pusat peniaga kecil, medan makanan dan aked membelihab bagi memastikan wujudnya alam sekitar yang sihat dan bersih.

### **Langkah Penggalakan Pembangunan Perdagangan Pengedaran**

16.63 Berikutan peningkatan taraf hidup dan pendapatan boleh guna, pengguna Malaysia akan menjadi lebih canggih dan memerlukan pelbagai barang dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Sehubungan dengan ini, sektor ini akan terus dimajukan untuk memenuhi permintaan yang sentiasa berubah. Memandangkan kedudukan ini, langkah akan diambil untuk memastikan pertumbuhan sektor perdagangan pengedaran yang teratur, cekap dan berdaya saing selari dengan prinsip perdagangan yang saksama. Kerajaan juga akan memperkenalkan Akta Perlindungan Pengguna bagi menyediakan mekanisme yang lebih cekap dan cepat kepada pengguna dalam membuat tuntutan apabila berhadapan dengan penipuan, ketidakadilan dan kekeliruan dalam urus niaga. Di samping itu, penubuhan institut pengguna bagi memudahkan perolehan maklumat yang lengkap mengenai kepenggunaan serta juga pelaksanaan aktiviti perlindungan pengguna akan ditimbangkan dalam tempoh Rancangan.

16.64 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan penyertaan rakyat tempatan terutamanya usahawan Bumiputera dalam perniagaan borong dan runcit, FDP akan terus diperkembangkan. Sehubungan dengan ini, usaha akan dibuat secara intensif untuk terus menggalakkan pembangunan keluaran tempatan yang istimewa untuk dijadikan francais. Perniagaan francais borong dan runcit asing yang terkemuka akan digalakkan melabur di negara ini. Di bawah FDP, francais asing akan diminta

mengambil dan melatih Bumiputera bekerja di cawangan perintis bagi membolehkan mereka menjadi francais atau pengusaha perniagaan runcit yang berdikari. Di samping itu, agensi lain yang berkaitan akan terus melaksanakan program dan aktiviti terutamanya untuk mewujudkan penyertaan Bumiputera yang berdaya maju dalam perdagangan pengedaran. Ini termasuklah pelaksanaan program bersepada yang bertujuan mewujudkan syarikat dan usahawan Bumiputera dalam sektor perdagangan borong dan runcit, menyediakan bantuan teknikal dan kewangan, latihan dan pembangunan keusahawanan, premis perniagaan strategik yang dilengkapi dengan infrastruktur yang lebih baik serta menggalakkan usaha sama di antara mereka dengan bukan Bumiputera dan pengusaha asing.

16.65 Pembangunan infrastruktur, terutamanya rangkaian jalan raya akan memainkan peranan penting dalam membantu memodenkan sektor perdagangan pengedaran. Dengan mempertingkatkan dan memperbaiki lagi infrastruktur di negara ini termasuk rangkaian jalan raya, kereta api, pengangutan laut dan udara serta rangkaian telekomunikasi akan memastikan pengurusan logistik yang lebih cepat dan cekap. Ini akan menyumbang kepada pengedaran barang yang lebih cekap khususnya di kawasan luar bandar.

16.66 Keadaan pasaran buruh yang ketat akan terus menjadi satu kekangan kepada prestasi sektor perdagangan pengedaran. Untuk meminimumkan kekangan ini, tahap kemahiran tenaga kerja akan dipertingkatkan khususnya dalam pengurusan barang, sistem maklumat, kemahiran logistik dan pemasaran. Sehubungan dengan ini, program latihan yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan dan sektor swasta akan diperbaiki dan ditingkatkan untuk memenuhi keperluan latihan dalam sektor ini. Sektor swasta juga akan digalak untuk mengendalikan lebih banyak latihan amali. Di samping itu, syarikat asing yang besar yang ditubuhkan di negara ini akan digalak menyertai dalam proses latihan melalui penempatan eksekutif muda warga Malaysia di syarikat mereka di luar negara.

### **Kestabilan Harga**

16.67 Manfaat pertumbuhan ekonomi yang pesat hanya akan dinikmati oleh negara dan masyarakat jika tekanan inflasi dapat dikawal pada paras yang minimum. Bagi tujuan ini, usaha yang berterusan akan diambil untuk mengekalkan kestabilan harga bagi barang dan perkhidmatan perlu yang digunakan oleh masyarakat khususnya golongan berpendapatan rendah. Selaras dengan itu, Indeks Harga Pengguna (IHP) kedua yang merangkumi barang dan perkhidmatan tersebut akan diperkenalkan dan inflasi sifar terhadapnya akan dijadikan matlamat. Di samping penguatkuasaan dan penyeliaan, strategi akan dibentuk untuk memastikan bekalan barang dan perkhidmatan perlu yang mencukupi di pasaran tempatan yang seterusnya akan membantu mewujudkan suasana pasaran yang lebih berdaya saing.

## **IV. PERUNTUKAN**

16.68 Dalam tempoh RMT, peruntukan pembangunan bagi pelancongan dan perdagangan pengedaran adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-7. Peruntukan sektor awam ini akan diperlengkap dengan penggembangan sumber yang lebih besar oleh sektor swasta untuk memajukan kedua-dua perkhidmatan tersebut. Untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan, sejumlah RM696.9 juta akan diperuntukkan bagi menambahkan infrastruktur fizikal dan sosial. Bagi perdagangan pengedaran pula, sejumlah RM250 juta akan diperuntukkan untuk mengukuh dan memodenkan sektor ini meliputi pembinaan premis perniagaan dan penyediaan program sokongan, latihan serta perkhidmatan perundingan.

## **V. PENUTUP**

16.69 Pelaksanaan strategi dan program sektor pelancongan dan perdagangan pengedaran dalam tempoh RME telah meletakkan asas bagi kedua-dua perkhidmatan ini untuk menyumbang dengan lebih berkesan lagi kepada pertumbuhan ekonomi. Usaha ini akan diperluas dan dipergiatkan lagi dalam tempoh RMT. Dalam bidang pelancongan tumpuan akan diberi kepada pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang berdaya saing terutamanya bagi produk yang ada persamaan dengan yang terdapat di rantau berhampiran. Ini bertujuan untuk meningkatkan perolehan tukaran asing dan tabungan. Sektor perdagangan pengedaran yang akan terus berperanan penting dalam memastikan kestabilan harga, akan dipertingkat dan dipermodenkan lagi untuk menyediakan pelbagai barang dan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai.

## **BAB 17 : KESIHATAN**

### **I. PENDAHULUAN**

17.01 Pembangunan sektor kesihatan merupakan bahagian yang penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), program kesihatan telah dilaksana bagi meningkatkan lagi taraf kesihatan penduduk menerusi penyediaan kemudahan yang lebih saksama di samping perkhidmatan kesihatan yang cekap. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), perkhidmatan kesihatan akan terus diperluas dan dipertingkatkan bagi mencapai taraf kesihatan untuk membolehkan rakyat Malaysia menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Usaha bagi memperbaikan dan menswastakan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan akan menjadi aspek penting bagi perancangan penjagaan kesihatan dalam tempoh RMT.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

17.02 Objektif menyeluruh pembangunan program sektor kesihatan yang bertujuan mempertingkatkan taraf kesihatan penduduk terus dilaksanakan dalam tempoh RME. Tumpuan telah diberi kepada penggalakan kesihatan dan pengekalan perkhidmatan kesihatan yang cekap dan saksama. Dalam hubungan ini, usaha telah terus diambil bagi menyediakan rawatan kesihatan yang mampu dinikmati serta meningkatkan mutu program pencegahan dan rawatan kesihatan dengan menambah perkhidmatan sokongan. Di samping itu, langkah juga telah diambil untuk menambah bilangan tenaga manusia kesihatan terlatih.

#### **Perkhidmatan Penggalakan Kesihatan dan Pencegahan Penyakit**

17.03 Dalam tempoh RME, program penggalakan dan pencegahan penyakit yang meliputi pendidikan kesihatan, pelalian, kawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, program kebersihan dan kesihatan alam sekitar, pemakanan serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dilaksanakan. Berikutnya dengan perubahan gaya hidup dan tingkah laku serta kesan daripada peralihan demografi, corak penyakit telah berubah dengan meningkatnya kejadian penyakit tidak berjangkit. Ini telah menjadikan penyakit jantung dan paru-paru menjadi sebab utama kematian dan kemasukan biasa ke hospital kemudian diikuti kemalangan, penyakit pendarahan otak dan barah. Dalam hubungan ini, program pendidikan kesihatan telah dipergiatkan untuk memberi pengetahuan dan maklumat ke arah memastikan gaya hidup yang sihat. Program pendidikan ini juga meliputi usaha untuk menghapuskan tabiat ketagihan minuman keras dan penyalahgunaan bahan

tertentu, mencegah penyakit yang dijangkiti melalui hubungan seks serta menyemai tabiat selalu bersenam dan mengamalkan pemakanan seimbang. Program ini telah dilaksanakan melalui media massa, sekolah dan kumpulan masyarakat.

17.04 Satu program enam tahun bertemakan gaya hidup sihat telah dilancarkan, dimulai dengan program Penyakit Kardiovaskular pada tahun 1991, diikuti program Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) pada tahun 1992, Kebersihan Makanan pada tahun 1993, Penggalakan Kesihatan Kanak-kanak pada tahun 1994 dan Pencegahan Penyakit Barah pada tahun 1995. Bahan pendidikan berkaitan dengan tema program tersebut telah diedarkan melalui pusat kesihatan, klinik, hospital dan tempat awam. Di samping itu, sesi klinik kesihatan percuma yang melibatkan pemeriksaan dan perawatan perubatan yang mudah telah diadakan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di kompleks membeli-belah dan dewan orang ramai.

17.05 Kad kesihatan yang mempunyai maklumat dan petunjuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak telah diedar kepada ibu bapa melalui klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak. Kad yang disimpan oleh ibu bapa bertujuan mendidik, mengawasi dan merekod berbagai aspek pertumbuhan kanak-kanak serta menarik perhatian ibu bapa terhadap tanda awal penyakit atau perkembangan luar biasa kanak-kanak.

17.06 Pencegahan penyakit seperti kerongkong, pertusis, kancing gigi, polio dan batuk kering telah diteruskan melalui program pelalian yang diperluaskan. Pada tahun 1994, kira-kira 91 peratus atau 502,000 bayi telah menerima pelalian sepenuhnya bagi penyakit-penyakit tersebut, berbanding dengan 79 peratus pada tahun 1990. Liputan pelalian bagi batuk kering dan demam campak adalah semakin bertambah baik manakala liputan antigen ketiga dan polio masing-masing kekal pada 89.9 peratus dan 89.6 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-1. Bagi mencegah sindrom rubella kongenital, pelalian rubella telah diberi kepada kira-kira 212,000 pelajar perempuan dan wanita dalam peringkat umur yang boleh melahirkan anak. Di samping itu, kira-kira 476,000 bayi yang baru lahir atau 86.5 peratus telah menerima pelalian Hepatitis B yang diwajibkan. Program pelalian tersebut telah memberi sumbangan ketara kepada pengurangan penyakit berkaitan kanak-kanak, sebagaimana ditunjukkan oleh kadar kematian bayi dan kanak-kanak yang bertambah baik.

17.07 Di bawah perkhidmatan kesihatan sekolah, aktiviti pemeriksaan dan pengawasan kesihatan, perkhidmatan pergigian dan pendidikan kesihatan umum telah dijalankan bagi memastikan kanak-kanak adalah sihat dan sekiranya perlu, menyediakan pencegahan dan rawatan di peringkat awal. Liputan perkhidmatan kesihatan sekolah telah bertambah baik daripada 92.9 peratus pada tahun 1990 kepada 98 peratus pada tahun 1995. Satu format yang dikaji semula bagi tujuan pendaftaran dan rujukan telah diperkenalkan serta peralatan baru dibeli untuk pemeriksaan dan rawatan pemulihan kanak-kanak kurang upaya.

17.08 Sungguhpun tahap pemakanan di negara ini secara keseluruhannya adalah memuaskan, namun masih lagi berlaku kekurangan zat makanan sederhana di kalangan kanak-kanak bawah umur lima tahun, kekurangan zat besi anaemia di kalangan ibu mengandung serta kekurangan iodine bagi kumpulan penduduk yang tertentu. Bagi mengatasi masalah ini, program pemakanan telah digabungkan sebagai komponen penting dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Usaha ini telah meningkatkan lagi taraf pemakanan kanak-kanak bawah umur lima tahun daripada 0.5 peratus bagi kanak-kanak yang mempunyai berat badan pada tahap kurang dari 60 peratus standard pada tahun 1990 kepada 0.42 peratus pada tahun 1995. Sementara itu, peratus ibu mengandung yang mengalami anaemia telah berkurangan daripada 5.4 peratus kepada 3.8 peratus dalam tempoh yang sama. Di samping itu, program makanan tambahan bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah telah diteruskan di semua sekolah rendah dengan memberi manfaat kepada 520,000 pelajar.

17.09 Dalam tempoh RME, program kawalan mutu makanan telah diteruskan untuk memastikan orang awam mengambil makanan yang selamat dan berkhasiat. Kempen gaya hidup sihat yang menggalakkan kebersihan makanan telah meningkatkan kesedaran di kalangan penyedia makanan terhadap perlunya mengamalkan kebersihan diri dan cara menyediakan makanan yang baik, manakala orang awam pula digalakkan mengambil berat terhadap kebersihan makanan. Dalam tempoh RME, sebanyak 297,990 contoh makanan telah dianalisis dan 279,540 tempat penyediaan makanan telah diperiksa. Usaha ini telah menyumbang kepada pengurangan kejadian penyakit bawaan makanan daripada kira-kira 7,510 pada tahun 1990 kepada kira-kira 3,390 pada tahun 1995.

17.10 Program kebersihan dan kesihatan alam sekitar terus diberi keutamaan bagi menyediakan bekalan air yang selamat kepada masyarakat luar bandar dengan tujuan mengurangkan kejadian penyakit bawaan air. Dalam hubungan ini, kira-kira 83.5 peratus daripada isirumah luar bandar telah disediakan dengan bekalan air yang selamat pada tahun 1994. Di kampung terpencil yang bekalan air paip tidak diperolehi, bekalan air selamat telah disediakan melalui bekalan air bawah tanah dan perigi.

17.11 Sebagai langkah tambahan ke arah meningkatkan kesihatan, tandas sempurna juga telah disediakan. Kemudahan tersebut telah dilaksanakan menerusi program gotong royong yang dapat membina 267,300 tandas sempurna bagi penduduk luar bandar dalam tempoh Rancangan. Pelaksanaan program kebersihan dan kesihatan alam sekitar serta meningkatnya amalan kebersihan telah menyumbang kepada pengurangan kejadian penyakit bawaan makanan dan air. Dalam hubungan ini, kejadian penyakit demam kepialu dan ceret beret telah berkurangan masing-masing daripada 12.46 dan 3.04 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 1990 kepada 7.57 dan 1.37 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 1995.

17.12 Berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, usaha telah diambil untuk mewujudkan kesedaran serta menanamkan sifat tanggungjawab di kalangan majikan dan pekerja mengenai perlunya mencegah serta mengurangkan kemalangan perusahaan. Bagi tujuan ini, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara telah ditubuhkan pada tahun 1992 bagi menyediakan latihan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, menyebarkan maklumat mengenai langkah pencegahan, menggalakkan penjagaan kesihatan dan amalan keselamatan di tempat kerja dan menjalankan penyelidikan serta mengadakan perkhidmatan perundingan. Semenjak ditubuhkan, Institut ini telah menjalankan 63 kursus mengenai tanggungjawab majikan dan langkah keselamatan pekerja kepada kira-kira 1,600 peserta. Bagi peserta kursus yang menjadi ahli Institut, rebet sebanyak 25 peratus telah diberi, sementara baki yuran adalah dibayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

17.13 Bagi memastikan pihak majikan menyediakan keadaan tempat kerja yang selamat di samping mengadakan langkah keselamatan pekerjaan, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 telah dikuatkuasakan. Usaha menyeluruh Kerajaan untuk menggalakkan keselamatan pekerjaan telah menyumbang kepada berkurangannya kejadian kemalangan perusahaan di kalangan pekerja daripada 26.4 bagi setiap 1,000 pekerja pada tahun 1990 kepada 24.6 bagi setiap 1,000 pekerja pada tahun 1995. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang memainkan peranan penting dalam memastikan kebijakan dan keselamatan pekerja telah membayar kira-kira RM470 juta untuk rawatan perubatan dan pampasan bagi kecederaan pekerjaan kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan perusahaan di antara tahun 1991 dan 1994. Di samping itu, pencen terbitan berjumlah kira-kira RM217 juta telah dibayar kepada waris terdekat dalam tempoh yang sama.

### **Perkhidmatan Rawatan Kesihatan**

17.14 Penyediaan dan pertambahan kemudahan rawatan kesihatan seperti hospital dan poliklinik telah dapat menyediakan penjagaan kesihatan yang lebih baik kepada penduduk. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 31 hospital baru telah dibina dengan 11 daripadanya adalah hospital gantian. Pembinaan hospital tersebut telah dapat mengurangkan kesesakan di hospital sedia ada di samping menyediakan kemudahan kepada kawasan baru. Sungguhpun 20 hospital baru telah siap dibina, bilangan katil hospital telah meningkat sedikit sahaja disebabkan pengagihan semula katil daripada hospital sedia ada yang mengalami kesesakan. Penyediaan penjagaan kesihatan dan perkhidmatan lain telah meningkat dengan ketara melalui penyediaan perkhidmatan yang dipertingkatkan dan kelengkapan diagnosis moden, termasuk peralatan Magnetic Resonance Imaging (MRI), Tomografi Berkomputer (CT Scan), peralatan mammography dan echo cardiography serta peralatan ujian stress di hospital terpilih. Pada tahun 1994, unit kardiotorasik telah ditubuhkan di Hospital Pulau Pinang untuk merawat pesakit-pesakit di kawasan utara.

17.15 Kemudahan kepakaran asas dan perkhidmatan lain di hospital-hospital di daerah telah dipertingkatkan bagi menyediakan mutu perkhidmatan yang lebih baik serta meningkatkan penggunaan kemudahan tersebut. Di samping itu, Kerajaan juga memperluas dan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan penjagaan perubatan penting di hospital-hospital terpilih. Ini termasuk menaiktaraf kemudahan bagi kes kecemasan dan juga rawatan kebakaran.

17.16 Perkhidmatan pesakit luar telah dapat diperluaskan dengan pembinaan 13 poliklinik baru dengan kelengkapan peralatan diagnosis yang mencukupi dan kemudahan rawatan tertentu yang memberi manfaat kepada kira-kira 270,000 penduduk dalam tempoh Rancangan. Poliklinik tersebut telah dapat membantu mengurangkan kesesakan di hospital, yang membolehkannya menumpu kepada penyediaan perkhidmatan yang lebih baik bagi pesakit dalam.

17.17 Bagi memperluaskan lagi perkhidmatan kesihatan di luar bandar, berbagai kemudahan dan perkhidmatan telah disediakan. Ini termasuk pembinaan 29 pusat kesihatan baru dan tujuh klinik luar bandar. Sejumlah lapan pusat kesihatan telah disediakan dengan kemudahan diagnosis seperti x-ray dan peralatan makmal. Di samping itu, perkhidmatan ibu bersalin yang disediakan ke rumah telah juga diperluaskan ke kawasan terpencil, manakala kemudahan bersalin bagi kes berisiko rendah telah disediakan di pusat kesihatan. Kes ibu bersalin yang memerlukan rawatan pesakit dalam diberi rawatan di hospital.

17.18 Berhubung dengan penyediaan perkhidmatan farmasi dalam sektor awam dan swasta, langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan orang awam mempunyai akses kepada ubat-ubatan dan barang penjagaan kesihatan yang bermutu, selamat serta berkesan. Bagi mencapai tujuan ini, kemudahan sedia ada di Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan telah dinaiktaraf bagi menampung pertambahan ujian makmal dan contoh ubat-ubatan untuk dianalisis bagi tujuan pendaftaran. Tugas tersebut juga meliputi analisis ubat-ubatan yang terdapat di pasaran. Dalam tempoh Rancangan, 1,828 racun berjadual dan 1,445 ubat-ubatan lain telah didaftar di bawah Peraturan Kawalan Ubat dan Kosmetik, 1984 dengan tujuan mengawasi mutu dan keselamatannya. Kementerian Kesihatan juga mengawasi harga ubat-ubatan bagi memastikan harganya munasabah dan kekal stabil.

17.19 Pelaksanaan berbagai program dan projek kesihatan telah menghasilkan peningkatan secara keseluruhan taraf kesihatan penduduk. Ini dapat dilihat melalui petunjuk kesihatan seperti jangka hayat dan kadar kematian yang lebih baik seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-2. Pencapaian ini adalah menghampiri taraf yang dicapai oleh negara maju.

17.20 Kerajaan terus melaksanakan Program Jaminan Mutu yang bertujuan memastikan pesakit mendapat manfaat lebih baik daripada perkhidmatan kesihatan.

Program tersebut meliputi perkhidmatan rawatan pesakit, makmal, pergigian dan farmasi serta aktiviti kesihatan awam dan kejuruteraan. Pelaksanaan Program Jaminan Mutu ini telah menyumbang kepada perkhidmatan rawatan pesakit yang lebih baik di klinik dan hospital. Di samping itu, Piagam Pelanggan telah dilancarkan dalam tempoh Rancangan dengan menyenaraikan secara terperinci sasaran mengikut peringkat perkhidmatan pengguna yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan berbagai kemudahan di bawahnya. Pelaksanaan aktiviti pengurusan mutu ini telah menyumbang kepada pengurangan masa menunggu bagi pemeriksaan perubatan di klinik, pengambilan ubat di farmasi, berbudi bahasa dan cepat respons kepada pesakit.

17.21 Dalam tempoh Rancangan, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pengkomputeran beberapa program bukan perubatan seperti sistem pengurusan maklumat kesihatan, jaminan mutu dan pengesanan prestasi belanjawan bagi menghasilkan maklumat yang tepat, bersesuaian dan menepati masa bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan. Pengkomputeran sistem maklumat pengurusan kesihatan telah membantu menghasilkan maklumat berkaitan petunjuk kesihatan, dan dengan ini dapat mengesan aktiviti rawatan kesihatan di berbagai peringkat serta menguruskan program dan aktiviti tersebut dengan lebih berkesan.

17.22 Bilangan pekerja asing dan tanggungannya yang semakin bertambah telah memberi implikasi ke atas penggunaan perkhidmatan kesihatan awam. Kemasukan pendatang asing ini telah menyumbang kepada sebahagian peningkatan kejadian penyakit berjangkit seperti batuk kering, malaria, demam denggi dan kusta. Pada tahun 1994, daripada jumlah kes rawatan bagi penyakit batuk kering, malaria dan kusta masing-masing 10.5 peratus, 35.5 peratus dan 12.6 peratus, adalah terdiri daripada pendatang asing. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan aktiviti pengawasan dan memperkuatkannya lagi program kawalan penyakit berjangkit dengan memberi tumpuan yang lebih kepada kawasan yang didiami oleh pendatang asing.

17.23 Dalam tempoh Rancangan, penggunaan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak serta rawatan pesakit di klinik kesihatan dan hospital Kerajaan oleh pendatang asing telah meningkat. Pada tahun 1995, kira-kira 34,470 pendatang asing telah menggunakan perkhidmatan pesakit dalam, berbanding dengan kira-kira 24,280 pada tahun 1994. Dalam hubungan ini, bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan yang diberi kepada pendatang asing adalah sama dengan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun mulai daripada Januari 1994, Kerajaan dalam usaha menggalakkan pendatang asing menggunakan kemudahan perubatan swasta dan sebaliknya mengurangkan penggunaan kemudahan Kerajaan telah mengenakan bayaran yang lebih tinggi bagi penginapan di wad, pemeriksaan dan rawatan. Pada masa yang sama, bayaran pesakit luar bagi pendatang asing telah dinaikkan daripada RM1 kepada RM2. Sungguhpun usaha tersebut dijalankan, penggunaan perkhidmatan

kesihatan oleh pendatang asing semakin bertambah dan meninggalkan kesan ke atas penyediaan kesihatan untuk rakyat Malaysia.

17.24 Sektor swasta telah memainkan peranan aktif dalam melengkapkan perkhidmatan kesihatan awam. Dalam tempoh Rancangan, bilangan hospital swasta telah bertambah daripada 174 pada tahun 1990 kepada 193 pada tahun 1994. Ini telah menghasilkan pertambahan katil sebanyak 38.8 peratus iaitu daripada 4,675 kepada 6,492 dalam tempoh yang sama. Pada tahun 1994, bilangan katil hospital swasta merupakan 15.2 peratus daripada jumlah katil hospital di negara ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan kemudahan sektor swasta tersebut adalah terdapat di bandar dan terutamanya menyediakan perkhidmatan rawatan.

17.25 Dalam tempoh Rancangan, beberapa perkhidmatan perubatan dan bukan perubatan telah diperbadan atau diswastakan. Pada tahun 1992, Institut Jantung Negara (IJN) telah diperbadan untuk meningkat dan menyediakan perkhidmatan perubatan kardiotorasik yang lebih baik serta menarik minat dan mengekalkan kakitangan perubatan yang berpengalaman. Bagi tempoh 1992-95, IJN telah merawat 120,188 pesakit luar dan 18,904 pesakit dalam, masing-masing 10 peratus dan 25 peratus terdiri daripada kumpulan berpendapatan rendah. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah memberikan subsidi sebanyak RM140.4 juta kepada kumpulan berpendapatan rendah dan anggota perkhidmatan awam. Daripada jumlah pesakit dalam tersebut, seramai 3,665 menjalani pembedahan jantung terbuka dan 1,519 menjalani pembedahan jantung tertutup. IJN juga telah dilengkapkan dengan peralatan terkini seperti kamera gama dan mesin ultrasound cardiac bagi membantu dalam diagnosis dan rawatan pesakit.

17.26 Bagi memastikan sektor swasta meningkatkan lagi penyertaan dan kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan perubatan, setor perubatan umum telah diswastakan pada tahun 1993. Perkhidmatan sokongan hospital seperti dobi, dan peralatan biomedical dan perkhidmatan penyelenggaran kemudahan kejuruteraan di semua hospital telah digabungkan mengikut wilayah dan diswastakan pada tahun 1995.

### **Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan**

17.27 Dalam tempoh Rancangan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan perubatan terus dijalankan dengan tujuan memperbaiki lagi diagnosis, pengurusan dan pencegahan penyakit mudah berjangkit. Dalam hubungan ini, tumpuan telah diberi kepada penyelidikan biomedical, klinikal, wabak penyakit dan amalan kelakuan. Di bawah Program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Keutamaan (IRPA), pendekatan terbaru telah ditemui bagi diagnosis penyakit demam kepialu dan denggi. Dalam hubungan ini, peralatan diagnosis pantas bagi demam kepialu telah berjaya di komersilkan. Di samping itu, pendekatan lain termasuk penggunaan iodinator bagi mengatasi masalah beguk, kaedah baru pencegahan untuk

pengurusan pesakit kusta dan penggunaan kelambu yang disembur ubat serangga sebagai satu cara untuk mengawal malaria. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) juga terus berfungsi sebagai pusat penyelidikan bersekutu bagi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam bidang penyelidikan baru seperti pemeriksaan dan penggunaan ubat untuk malaria serta menjadi Pusat Penyelidikan dan Latihan bagi Rantau Pasifik Barat dalam bidang Penyakit Tropika dan Pemakanan.

17.28 Berbagai kajian di bawah Program Penyelidikan Sistem Kesihatan juga telah dijalankan dalam tempoh Rancangan, bertujuan memperbaiki keberkesanan dan kecekapan sistem penyediaan penjagaan kesihatan. Kajian yang telah dijalankan ke arah tersebut termasuk memperkuuhkan perkhidmatan kesihatan keluarga dan kanak-kanak, penggunaan katil hospital dan mempertingkatkan sistem rekod perubatan di hospital.

### **Tenaga Manusia Kesihatan**

17.29 Taraf penjagaan kesihatan adalah bergantung kepada bekalan dan kualiti tenaga manusia yang boleh disediakan. Dalam hubungan ini, langkah telah diambil untuk memastikan bekalan tenaga manusia kesihatan yang terlatih adalah mencukupi. Bilangan doktor telah bertambah daripada 7,012 pada tahun 1990 kepada 9,504 pada tahun 1995 seperti di tunjukkan dalam Jadual 17-3. Justru itu, nisbah doktor-penduduk telah bertambah baik iaitu daripada 1:2,569 pada tahun 1990 kepada 1:2,177 pada tahun 1995. Ini adalah rendah sedikit daripada nisbah sasaran iaitu 1:2,000. Bagi anggota profesional kesihatan lain, terdapat 1,791 doktor gigi dan 1,622 ahli farmasi pada tahun 1995, berbanding dengan 1,471 doktor gigi dan 1,239 ahli farmasi pada tahun 1990.

17.30 Usaha menambahkan bilangan anggota profesional perubatan dan anggota kesihatan bersekutu yang dahulunya dikenali sebagai anggota separa-perubatan telah dijalankan dengan menambah pengambilan di institusi perubatan tempatan. Enrolmen dalam kursus ijazah perubatan telah bertambah daripada 2,090 pada tahun 1990 kepada 2,294 pada tahun 1995, sementara keluaran doktor adalah berjumlah 1,573 dalam tempoh tersebut. Di samping itu, bilangan doktor telah meningkat sebanyak 919 lagi melalui graduan perubatan yang mendapat latihan di luar negara. Sebagai langkah sementara untuk mengatasi kekurangan tenaga manusia kesihatan, Kerajaan telah mengambil seramai 274 doktor asing dan melantik semula secara kontrak 14 doktor dan pakar yang bersara.

17.31 Sungguhpun terdapat pertambahan bilangan anggota profesional kesihatan, sektor awam terus mengalami kekurangan tenaga manusia kesihatan. Selain daripada itu, terdapat juga pengagihan doktor yang tidak seimbang di antara sektor awam dan swasta. Pada tahun 1995, terdapat 4,277 doktor atau 45 peratus di sektor awam, berbanding dengan 5,227 doktor di sektor swasta. Nisbah doktor-penduduk di antara negeri juga menunjukkan ketidaksamaan. Pada tahun 1994, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai nisbah doktor-penduduk 1:500 berbanding dengan 1:5,760 bagi Sabah. Keadaan ini menjadi lebih buruk dalam pengagihan doktor dan penyampaian perkhidmatan kesihatan di antara bandar dan luar bandar di negeri-negeri. Doktor di sektor swasta kebanyakannya menyediakan rawatan perubatan kepada sebahagian kecil golongan berada yang mampu membayar perkhidmatan tersebut.

17.32 Sektor awam juga mengalami kekurangan pakar perubatan dalam bidang seperti pediatrik, otopidik dan bius. Kira-kira 60 peratus daripada jumlah pakar perubatan terdapat di sektor swasta. Keadaan yang sama berlaku bagi doktor gigi dan ahli farmasi. Sebanyak 51 peratus daripada jumlah doktor gigi dan 74 peratus daripada jumlah ahli farmasi terdapat di sektor swasta pada tahun 1995. Di samping itu, seramai 1,137 pegawai perubatan, 108 pakar perubatan dan 755 anggota kesihatan bersekutu telah meletak jawatan dalam tempoh Rancangan. Bagi menambah bilangan pakar perubatan dalam sektor awam, Kerajaan telah menaja seramai 900 pegawai perubatan untuk mengikuti kursus kepakaran dalam negeri dan 169 di luar negara. Sebagai langkah jangka pendek, seramai 274 doktor dan 87 pakar perubatan dari negara asing telah dilantik secara kontrak.

17.33 Untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan, satu gabungan yang sesuai antara anggota kesihatan profesional dan bersekutu telah dikekalkan di berbagai peringkat penjagaan kesihatan. Dalam tempoh Rancangan, kursus dalam perkhidmatan telah diberi kepada 170 anggota profesional dan 187 anggota kesihatan bersekutu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Sebanyak 11 sekolah jururawat dan dua sekolah latihan bagi pembantu perubatan telah disiapkan. Ini telah meningkatkan jumlah pengambilan tahunan bagi jururawat daripada 1,005 kepada 2,100 dan pembantu perubatan daripada 160 kepada 347. Pengambilan jururawat untuk latihan lanjutan asas dalam bidang seperti perbidanan, pediatrik dan otopidik telah bertambah daripada 385 pada tahun 1990 kepada 1,179 pada tahun 1995. Usaha ini telah membantu meningkatkan kemahiran kejururawatan dan memperbaiki mutu rawatan kesihatan.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

17.34 Dalam tempoh RMT, pembangunan sektor kesihatan akan terus ditumpukan ke arah mencapai matlamat meningkatkan taraf kesihatan penduduk. Tumpuan yang lebih akan diberi kepada penggalakan dan pencegahan penyakit bagi mengurangkan perbelanjaan rawatan dan pemulihan kesihatan pada masa hadapan. Amalan gaya hidup sihat akan lebih digalakkan melalui pendidikan kesihatan dan media massa serta melalui program melibatkan golongan masyarakat. Perkhidmatan kesihatan akan diperluas khususnya ke luar bandar bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah menikmatinya. Mutu rawatan pesakit dalam akan juga dipertingkatkan, sementara lebih banyak perkhidmatan pesakit luar akan disedia dan ditempatkan berdekatan dengan masyarakat. Dengan perkhidmatan kesihatan yang semakin berkembang, penyediaan bilangan tenaga manusia kesihatan terlatih yang mencukupi akan diberi tumpuan. Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan mengekalkan perkhidmatan anggota kesihatan berkelayakan dan berpengalaman, usaha memperbadankan hospital dan penswastaan perkhidmatan perubatan akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan. Kerajaan, secara beransur-ansur akan mengurangkan peranannya dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan dan meningkatkan fungsi perundangan dan penguatkuasaan. Satu skim pembiayaan kesihatan bagi membayai kos penjagaan kesihatan akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, bagi golongan berpendapatan rendah, Kerajaan akan memastikan mereka mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan menerusi bantuan Kerajaan.

#### **Perkhidmatan Penggalakan Kesihatan dan Pencegahan Penyakit**

17.35 Penggalakan kesihatan dan pencegahan penyakit akan terus menjadi keutamaan sektor kesihatan. Dalam hubungan ini, program dan projek yang akan membantu individu dan masyarakat ke arah mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang lebih baik akan dilaksanakan. Mengenai penggalakan kesihatan, maklumat mengenai gaya hidup sihat dan amalan kesihatan yang baik akan disebarluaskan melalui media massa dan pendidikan kesihatan di sekolah. Pada tahun 1996, tema program gaya hidup sihat akan memberi tumpuan kepada pencegahan penyakit kencing manis, diikuti dengan kempen menggalakkan diet dan pemakanan yang baik pada tahun 1997, bersenam dan cergas pada tahun 1998, keselamatan di rumah, tempat kerja dan di jalan raya pada tahun 1999 serta menggalakkan kehidupan keluarga sihat pada tahun 2000. Keseluruhan pendidikan kesihatan dan program kesedaran pula akan terus memberi tumpuan kepada penyakit seperti kardiovaskular, AIDS, barah dan penyakit berkaitan dengan stress dan akan ditumpukan kepada golongan yang mudah terpengaruh. Dalam hubungan ini, kerjasama di antara hospital dan klinik swasta, NGO serta orang awam akan digalak untuk memastikan keberkesanan program tersebut.

17.36 Program pelalian akan terus diperluaskan kepada semua kanak-kanak untuk mencegah dan mengurangkan kejadian penyakit seperti batuk kering, polio, kerongkong, pertusis, kancing gigi dan demam campak. Di samping itu, suntikan bagi mencegah Hepatitis B akan diteruskan. Dalam hubungan ini, sektor swasta juga akan melengkapkan usaha sektor awam.

17.37 Program kawalan penyakit berjangkit akan diberi keutamaan untuk mencegah dan mengurangkan kejadian penyakit batuk kering, malaria dan demam denggi serta membendung AIDS daripada merebak. Pembinaan Pusat Perkhidmatan Darah Kebangsaan akan disiapkan dan kemudahan pemindahan darah di beberapa hospital di ibu negeri dan hospital pengajar akan juga dipertingkatkan. Di samping itu, tiga makmal kesihatan awam akan disiapkan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan bagi mengawal penyakit berjangkit dengan lebih berkesan.

17.38 Pelan Tindakan bagi Pemakanan Kebangsaan (PTPK), yang telah disediakan pada tahun 1995 untuk memberi tumpuan kepada semua bentuk kekurangan zat makanan akan dilaksanakan dalam tempoh RMT. Di bawah PTPK, penilaian dan pengawasan taraf pemakanan di kalangan kanak-kanak bawah umur lima tahun di bawah Sistem Pengawasan Pemakanan Kebangsaan akan dipertingkatkan untuk mencapai liputan 80 peratus pada tahun 2000 berbanding dengan 50 peratus pada tahun 1995. Di samping itu, kejadian kekurangan zat makanan yang serius di kalangan kanak-kanak bawah umur lima tahun akan dikurangkan daripada 0.42 peratus pada tahun 1995 kepada 0.25 peratus pada tahun 2000. Program untuk mengurangkan kejadian anaemia yang serius di kalangan ibu mengandung daripada 3.8 peratus pada tahun 1995 kepada 1.9 peratus pada tahun 2000 serta menghapuskan hampir keseluruhan masalah kekurangan iodine dan Vitamin A akan juga dilaksanakan.

17.39 Langkah akan diambil untuk menggubal standard kualiti dan keselamatan makanan, garis panduan bagi makanan berkhasiat dan diet serta pelabelan makanan dan kandungan makanan. Di samping itu, program bagi meningkatkan pemakanan dengan menggabungkannya dengan program peningkatan ekonomi kampung dan makanan tambahan akan terus dilaksanakan yang bertujuan meningkatkan taraf pemakanan penduduk luar bandar dan murid sekolah.

17.40 Liputan bekalan air yang selamat dan kemudahan kebersihan terutamanya di luar bandar dan kawasan terpencil akan diperluaskan. Penyediaan bekalan air yang selamat merupakan satu kaedah penting untuk membasmi penyakit berjangkit yang masih berlaku. Dalam tempoh RMT, RM30.9 juta akan diperuntukkan bagi bekalan air yang selamat dan RM39.6 juta untuk kemudahan kebersihan. Bagi kawasan yang menghadapi masalah bekalan air yang selamat, masyarakat akan digalak untuk bergotong royong bagi mendapatkan punca air bawah tanah, sementara usaha akan diambil bagi menambah bekalan air yang selamat daripada sumber utama. Langkah-langkah ini akan dapat memperbaiki liputan bekalan air yang selamat di luar bandar

daripada 83.5 peratus pada tahun 1995 kepada 87 peratus pada tahun 2000 dan tandas sempurna daripada 92 peratus kepada 100 peratus dalam tempoh yang sama.

17.41 Program keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan diperluaskan berikut dengan pertambahan bilangan pekerja, khususnya di sektor pengangkutan, pembuatan dan pembinaan. Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara akan mengadakan lebih banyak kursus seperti peraturan keselamatan untuk pembinaan bangunan, penggunaan bahan kimia, bencana kebakaran, pertolongan cemas di tempat kerja, rawatan pemulihan denyutan jantung dan penjagaan pendengaran. Bagi penyebaran maklumat, Institut ini akan menerbitkan sebuah buku mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam konteks Malaysia serta mengedarkan risalah, buku sebaran dan surat edaran. Di samping itu, penguatkuasaan peraturan mengenai standard dan kaedah keselamatan, rawatan serta pampasan akan dipertingkatkan.

17.42 Satu program menyeluruh bagi pembangunan kesihatan keluarga yang bertujuan untuk memberi tumpuan kepada aspek kesihatan dari peringkat bayi hingga dewasa akan diberi perhatian yang lebih. Dalam hubungan ini, kempen gaya hidup sihat akan lebih ditumpukan kepada golongan remaja dan wargatua. Satu program untuk wargatua yang meliputi pembangunan perkhidmatan penjagaan geriatric, pemulihan dan khidmat masyarakat akan dilaksanakan dalam tempoh RMT.

### **Perkhidmatan Rawatan Kesihatan**

17.43 Perkhidmatan rawatan kesihatan akan terus diperluaskan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap penyediaan perkhidmatan menyeluruh bagi pesakit dalam dan pesakit luar. Ini akan disokong melalui pembinaan 16 hospital baru di pusat bandar baru dan di kawasan bandar seperti Bintulu, Putrajaya dan Slim River, manakala pembinaan hospital di Cameron Highlands dan Selayang akan disiapkan dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, Kerajaan juga akan menaiktaraf dan membaikpulih 11 hospital di ibu negeri dan daerah serta menyediakan perkhidmatan kepakaran asas di hospital terpilih di daerah.

17.44 Bagi membantu perkhidmatan yang akan disediakan di hospital, peralatan perubatan berteknologi tinggi seperti MRI dan CT Scan serta anggota kesihatan terlatih akan disediakan. Ini termasuk penyediaan peralatan mammography untuk hospital-hospital di Kota Bharu, Melaka, Muar dan Taiping. Dalam tempoh Rancangan, tujuh hospital sedia ada di ibu negeri akan menyediakan perkhidmatan rawatan secondary dan tertiary. Tiga daripada hospital ini akan menyediakan perkhidmatan kardiotorasik iaitu di Johor Bahru, Kuantan dan Kuching. Di samping itu, lebih banyak pusat rawatan buah pinggang akan ditubuhkan di hospital-hospital terpilih bagi memenuhi permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan hemodialisis.

17.45 Hospital Kuala Lumpur yang merupakan pusat rujukan kebangsaan dengan jumlah terbesar bilangan katil dan kemudahan akan diagih kemudahannya dengan mengurangkan bilangan katil bagi meningkatkan kecekapan dalam menyediakan perkhidmatan bermutu tinggi serta menambah keselesaan pesakit. Dalam hubungan ini, pembangunan semula Hospital Kuala Lumpur akan dilaksana dengan mengekalkan sebahagian perkhidmatan secondary dan tertiary seperti kardiologi, neurosurgeri dan urologi. Perkhidmatan tertiary yang lain akan ditempatkan di hospital baru yang akan dibina di Ampang, Selayang dan Sungai Buloh yang juga menyediakan perkhidmatan secondary bagi kawasan tersebut.

17.46 Memandangkan kemalangan perusahaan dan jalan raya yang semakin bertambah, jabatan kecemasan di hospital akan dipertingkatkan. Kemudahan ini akan ditempatkan di lokasi yang strategik dalam kawasan hospital serta dilengkapkan dengan peralatan rawatan dan kemudahan diagnosis terkini untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih meluas. Dalam hubungan ini, perkhidmatan ambulan akan juga diperluas untuk mempertingkatkan mutu rawatan sebelum dirawat di hospital. Bagi melengkapkan perkhidmatan kecemasan, kemudahan rawatan kebakaran akan disediakan di hospital di ibu negeri.

17.47 Perkhidmatan pesakit luar akan diagih dan skopnya diperluas bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik. Ini akan dilaksanakan melalui pemindahan perkhidmatan pesakit luar daripada hospital dan menempatkannya lebih hampir dengan masyarakat. Dalam hubungan ini, sebanyak 13 klinik kesihatan dan 45 poliklinik akan dibina. Lebih banyak perkhidmatan pesakit luar akan disediakan melalui klinik kesihatan ini yang akan dilengkapkan dengan perkhidmatan x-ray dan makmal serta rawatan kesihatan asas yang menyeluruh.

17.48 Pertambahan penduduk bandar dan perubahan corak penyakit mempunyai implikasi ke atas mutu penjagaan kesihatan yang disediakan di kawasan pihak berkuasa tempatan. Masalah kekurangan tenaga manusia kesihatan dan kewangan telah menjaskan kemampuan pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan liputan dan meluaskan skop perkhidmatan kesihatan mereka bagi memenuhi keperluan penduduk bandar yang semakin bertambah. Selaras dengan dasar untuk memindahkan perkhidmatan pesakit luar daripada hospital ke kawasan yang hampir dengan masyarakat bandar, Kementerian Kesihatan akan mengambil alih secara berperingkat tugas-tugas kesihatan dan yang berkaitan dengan perubatan daripada pihak berkuasa tempatan serta menubuhkan lebih banyak klinik kesihatan yang akan menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan secara menyeluruh.

17.49 Dalam tempoh Rancangan, kira-kira 37 pusat kesihatan dan 86 klinik luar bandar akan dibina, sementara 49 pusat kesihatan di luar bandar akan dinaiktaraf dengan menyediakan kemudahan diagnosis dan tenaga manusia terlatih. Pusat kesihatan ini akan terus menyediakan perkhidmatan menyeluruh termasuk perkhidmatan ibu mengandung bagi wanita di luar bandar. Lebih banyak dispensari bergerak akan

disediakan bagi meluaskan perkhidmatan ke kawasan yang belum mendapat perkhidmatan sepenuhnya sebagai usaha memperbaiki kesaksamaan dan akses kepada perkhidmatan.

17.50 Skop rawatan kesihatan akan diperluas untuk menyediakan rawatan pemulihan yang menyeluruh seperti rawatan penyakit jantung, kecederaan tulang belakang dan otopidik serta untuk memenuhi keperluan wargatua. Dalam tempoh RMT, pembinaan pusat rawatan pemulihan yang mempunyai suasana hospital akan dilaksanakan. Untuk melengkapkan usaha sektor awam dalam meluaskan perkhidmatan rawatan pemulihan, penglibatan masyarakat akan dipertingkat untuk menggalakkan penyediaan penjagaan di rumah. Di samping itu, pembangunan rumah rawatan persendirian di kawasan bandar dengan bantuan NGO akan digalakkan.

17.51 Usaha akan diambil untuk menambahkan lagi penggunaan teknologi maklumat (IT) sebagai satu alat bagi membantu rawatan perubatan dan pentadbiran perkhidmatan kesihatan. Dalam bidang rawatan perubatan, penggunaannya akan membantu ke arah pengurusan rawatan pesakit yang berkesan, manakala pentadbiran perkhidmatan kesihatan akan dipertingkatkan lagi. Satu kajian terhadap penggunaan IT dalam sektor kesihatan akan dijalankan dengan kemungkinan meluaskan lagi penggunaan dan pemakaianya dalam bidang seperti telemedicine, kejuruteraan kesihatan dan pendidikan perubatan yang berterusan.

17.52 Perkhidmatan farmasi akan diperluas dan dipertingkatkan bagi menyokong penjagaan rawatan. Aktiviti penguatkuasaan akan diperhebat untuk memastikan ubat-ubatan dalam pasaran adalah selamat, berkesan dan bermutu tinggi. Program Jaminan Mutu akan memberi penumpuan kepada amalan pengilangan yang baik serta kecekapan dalam penyediaan ubat bermutu bagi rawatan pesakit. Pengawasan selepas penjualan akan juga dijalankan untuk memastikan keselamatan yang berterusan dan keberkesanan ubat-ubatan.

17.53 Pemeriksaan dan aktiviti pengawasan, pelalian dan program kebersihan alam sekitar akan dijalankan di kawasan yang terdapat ramai pekerja asing bagi mengawal dan membasmi penyakit berjangkit di kalangan mereka. Di samping itu, bayaran perkhidmatan pesakit dalam dan pesakit luar untuk pendatang asing akan dikaji bagi mendapatkan semula kos sebenar rawatan perubatan. Majikan akan dikehendaki mengeluarkan surat jaminan bagi bayaran perubatan pekerja asing yang dirawat di kemudahan Kerajaan.

17.54 Sektor swasta termasuk NGO akan digalak untuk menambah dan melengkapkan usaha Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan yang menyeluruh bagi semua kumpulan pendapatan. Fungsi perundangan di bawah Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan akan dikaji semula dan diperkuuh untuk memastikan sektor awam dan swasta disediakan dengan standard dan garis panduan bagi membolehkan perkhidmatan diperluaskan mengikut keperluan serta

rawatan bermutu dan bersesuaian tanpa tolak ansur terhadap kepentingan keuntungan. Dalam hubungan ini, pertimbangan akan diberi untuk mengkaji semula Akta Hospital Persendirian, 1971 bagi membolehkan hospital swasta menyediakan perkhidmatan yang lengkap dan menyeluruh, mampu dinikmati dan rawatan bermutu serta menyediakan kemudahan untuk semua. Pada masa yang sama, pengiktirafan terhadap anggota kesihatan dan pentaulahan kemudahan kesihatan akan dilaksanakan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan.

17.55 Penggunaan kemudahan sektor swasta yang bersesuaian akan diteruskan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber kesihatan yang ada, sementara peraturan sedia ada yang membenarkan pakar swasta merawat pesakit di hospital Kerajaan secara kontrak akan diteruskan. Pakar swasta akan terus diambil untuk bekerja secara kontrak di hospital. Di samping itu, beberapa perkhidmatan dan kemudahan seperti perkhidmatan kesihatan dan pergigian di sekolah akan dipertimbang untuk diswastakan dalam tempoh Rancangan.

17.56 Institusi yang telah diperbadankan seperti IJN akan digalak untuk berkembang menjadi pusat kecemerlangan dengan tujuan mempertingkatkan kepakaran dalam semua aspek perubatan kardiotorasik. Ianya akan dikenalpasti sebagai perkhidmatan untuk di eksport bagi memenuhi pertambahan permintaan daripada negara jiran.

### **Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan**

17.57 Penyelidikan perubatan akan diteruskan dengan tujuan memperbaiki mutu dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan serta membasmi penyakit. Tumpuan akan diberi terhadap pelaksanaan program penyelidikan baru mengenai masalah kesihatan berkaitan dengan perubahan demografi, gaya hidup, teknologi baru, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar serta penyakit bawaan vektor dan penyakit tidak berjangkit. Penyelidikan klinikal akan diperluas ke hospital di bandar besar dan hasil penyelidikan tersebut akan menyumbang kepada usaha memperbaiki diagnosis dan mutu rawatan yang disediakan kepada pesakit. IMR akan terus menjadi pusat serantau bagi WHO dalam bidang latihan dan penyelidikan penyakit tropika dan pemakanan serta makmal rujukan kebangsaan bagi kawalan AIDS, polio dan penyalahgunaan dadah. Sebuah Pusat bagi Kesihatan Alam Sekitar akan ditubuhkan dan skop penyelidikannya termasuk kesan alam sekitar ke atas kesihatan pekerja yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan industri. Sektor swasta akan digalak bekerjasama dan menambahkan perbelanjaan bagi penyelidikan dan pembangunan perubatan.

17.58 Di bawah program penyelidikan sistem kesihatan, kajian lebih lanjut akan dijalankan bagi meningkatkan mutu rawatan kesihatan terutamanya untuk pesakit luar dan pesakit dalam, keberkesanan ubat, sistem penyediaan, pengurusan dan pembiayaan perkhidmatan. Dalam tempoh Rancangan, satu kajian perbelanjaan kesihatan isirumah akan dilaksanakan, sementara kajian morbiditi kesihatan akan juga

dijalankan sebagai susulan kepada kajian yang telah dijalankan pada tahun 1987. Bagi menyelaras lebih banyak penyelidikan dalam berbagai bidang kesihatan dan perubatan, termasuk ekonomi kesihatan, penyelidikan bio-medical dan tingkah laku, kajian kemungkinan untuk menubuhkan Institut Kesihatan Negara yang akan menyatukan aktiviti di bawah IMR, Institut Kesihatan Umum serta Institut Pengurusan Kesihatan dan Institut Penggalakan Kesihatan akan dijalankan. Ini akan memudahkan pelaksanaan teratur penyelidikan daripada peringkat menentukan keutamaan hingga kepada penggunaan penemuan penyelidikan.

### **Tenaga Manusia Kesihatan**

17.59 Berdasarkan sasaran nisbah satu doktor bagi setiap 1,500 penduduk pada tahun 2000, kira-kira 1,200 doktor tambahan setiap tahun diperlukan. Bekalan doktor untuk sektor kesihatan yang berkembang akan dapat ditambah dengan siapnya hospital pengajar baru bagi Universiti Kebangsaan Malaysia dan penubuhan fakulti perubatan baru di Universiti Malaysia Sarawak serta Universiti Islam Antarabangsa. Bilangan doktor dijangka bertambah daripada 9,504 pada tahun 1995 kepada kira-kira 14,030 pada tahun 2000 dengan keluaran doktor daripada institusi awam tempatan dan pelajar Malaysia daripada kolej perubatan swasta serta institusi luar negara. Walau bagaimanapun, kekurangan doktor di sektor awam adalah dijangka berterusan. Langkah untuk mengatasinya termasuk menyediakan lebih banyak biasiswa bagi kursus ijazah dan lepasan ijazah serta menggalakkan sektor swasta menubuhkan kolej perubatan serta program berkembar. Di samping itu, Kerajaan juga akan mengkaji syarat perkhidmatan doktor dan anggota berkaitan serta mengambil semula kakitangan perubatan yang telah bersara berdasarkan pemilihan terpilih.

17.60 Mengenai jururawat, jumlah keperluan pada tahun 2000 adalah kira-kira 50,550 seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-3. Memandangkan keperluan tambahan bagi jururawat adalah kira-kira 2,740 pada tahun 2000, sekolah latihan jururawat sedia ada di bawah Kementerian Kesihatan akan dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan daripada sektor awam dan swasta. Di samping itu, hospital swasta adalah digalakkan untuk melatih lebih ramai jururawat. Sebagai langkah jangka pendek untuk mengisi kekosongan dalam institusi sektor awam dan swasta, lebih ramai jururawat asing akan dilantik. Perkhidmatan kesihatan yang diberikan di rumah akan diperluaskan dengan melatih lebih ramai pekerja kesihatan masyarakat. Bagi menyokong perkhidmatan perubatan yang berkembang, kemungkinan peraturan kerja anjal akan dikaji bagi membolehkan pengambilan anggota kesihatan bersekutu yang telah bersara.

#### **IV. PERUNTUKAN**

17.61 Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan bagi sektor kesihatan dalam tempoh RME dan peruntukan bagi tempoh RMT adalah ditunjukkan dalam Jadual 17-4. Sektor kesihatan telah diperuntukkan sebanyak RM2.6 bilion untuk memperluaskan dan mempertingkatkan keberkesanan berbagai program dan perkhidmatan kesihatan.

#### **V. PENUTUP**

17.62 Dalam tempoh RME, tumpuan telah diberi kepada meluaskan infrastruktur penjagaan kesihatan serta tenaga manusia kesihatan dengan tujuan memperkuuhkan penyampaian dan mutu perkhidmatan penjagaan kesihatan. Program kesihatan akan terus diberi keutamaan dalam tempoh RMT, memandangkan program ini mempunyai kesan langsung dan menyumbang kepada taraf kesihatan penduduk secara keseluruhan.

## **BAB 18 :PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN SOSIAL YANG LAIN**

### **I. PENDAHULUAN**

18.01 Pembangunan perumahan dan perkhidmatan sosial yang lain adalah bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), pembangunan perumahan telah dilaksanakan bagi menyediakan tempat tinggal yang mencukupi dan mampu dibeli atau disewa oleh rakyat Malaysia terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Sehubungan dengan ini, pencapaian program perumahan adalah sangat menggalakkan dengan keseluruhan pencapaian melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Pelaksanaan program perkhidmatan sosial yang lain seperti sukan, perkhidmatan perpustakaan, penerangan dan penyiaran, kebudayaan dan pembangunan masyarakat terus menyumbang ke arah mempertingkatkan kesejahteraan rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang lebih bermaklumat. Pada masa yang sama, RME telah memberi penekanan kepada usaha memperkuuhkan institusi kekeluargaan melalui pengenalan program pembangunan keluarga pada tahun 1991. Program ini menyumbang kepada kestabilan keluarga dan pembentukan sebuah masyarakat penyayang.

18.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), matlamat program pembangunan perumahan adalah untuk menyediakan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa oleh rakyat daripada berbagai peringkat pendapatan. Pelaksanaan program perumahan akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan rumah kos rendah dengan penekanan yang lebih kepada pembangunan rumah kos sederhana rendah bagi memastikan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah, berpeluang dan mampu membeli atau menyewa rumah. Sehubungan dengan ini, sektor swasta akan terus memainkan peranan yang penting dalam menyediakan rumah kos rendah dan sederhana rendah. Program perkhidmatan sosial yang lain akan terus dilaksana dan diperluaskan ke arah memupuk nilai-nilai positif, menggalakkan semangat berdikari dan mewujudkan masyarakat yang lebih bermaklumat. Di bawah program pembangunan keluarga, usaha akan diambil untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan supaya dapat menangani perubahan ketika negara menuju ke arah pembangunan perindustrian yang pesat. Program pembangunan keluarga akan diperluas bagi memastikan kestabilan keluarga dan masyarakat.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

### **Perumahan**

18.03 Penyediaan perumahan yang mencukupi terus diberi penekanan dalam tempoh RME bagi memastikan seluruh rakyat Malaysia terutama golongan yang berpendapatan rendah mendapat peluang dan rumah-rumah ini mampu dibeli atau disewa oleh mereka. Bagi menyediakan bilangan rumah yang mencukupi, berbagai program perumahan telah dilaksanakan oleh sektor awam iaitu program perumahan awam kos rendah, program pertapakan dan kemudahan, program pengumpulan semula kampung tradisional, program pemulihan rumah dan kuarters untuk kakitangan Kerajaan. Sektor swasta pula telah memainkan peranan penting dalam menyediakan rumah kos rendah, sederhana dan tinggi di samping perumahan untuk pekerja ladang dan industri. Program perumahan terus dilaksana berasaskan konsep penempatan penduduk, di mana kawasan perumahan disediakan dengan berbagai kemudahan dan perkhidmatan yang berkaitan.

18.04 Dalam tempoh RME, sejumlah 573,000 unit rumah telah dirancang untuk dibina bagi memenuhi keperluan baru dan mengganti rumah yang usang. Pencapaian keseluruhan pembinaan perumahan adalah menggalakkan dengan siapnya 647,460 unit rumah atau 113 peratus daripada sasaran Rancangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 18-1. Sektor swasta yang dikehendaki membina 399,000 unit atau 70 peratus daripada keseluruhan unit telah menyiapkan 562,918 unit iaitu melebihi sasaran asal yang ditetapkan baginya. Baki sebanyak 84,542 unit telah dibina oleh sektor awam. Mengenai penyediaan rumah kos sederhana dan tinggi, sejumlah 386,074 unit atau 168.4 peratus daripada sasaran Rancangan telah disiapkan. Ini disebabkan terdapatnya permintaan berkesan bagi rumah berkenaan yang sebahagian besarnya berpunca daripada tahap pendapatan yang lebih tinggi.

18.05 Berhubung dengan penyediaan rumah kos rendah, sejumlah 261,386 unit atau 76 peratus daripada sasaran telah disiapkan. Daripada jumlah ini, sektor swasta telah menyiapkan 214,889 unit dan daripada jumlah ini, sebanyak 131,325 unit telah dibina di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah (PKPKR) dan 80,678 unit lagi di bawah program perumahan biasa. Bagi program perumahan biasa, sektor swasta digalakkan untuk melaksana perumahan campuran. Dengan ini, harga rumah telah dapat dikekalkan pada paras RM25,000 seunit melalui subsidi silang daripada rumah kos tinggi dan sederhana kepada rumah kos rendah.

18.06 Sektor awam telah menyiapkan 46,497 unit rumah kos rendah atau 36.7 peratus daripada sasaran. Daripada jumlah ini, 10,669 unit dibina oleh Kerajaan Negeri, manakala 18,804 unit dibina oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Di samping itu, 4,800 unit kuarters telah dibina oleh berbagai agensi Kerajaan.

Pencapaian yang rendah oleh sektor awam sebahagian besarnya disebabkan oleh ketidaksesuaian tapak projek berikutan daripada saingan permintaan terhadap tapak yang lebih sesuai untuk kegunaan lain dan kos infrastruktur dan pembinaan yang tinggi. Faktor ini telah menyebabkan meningkatnya kos rumah melebihi RM25,000 seunit. Oleh kerana pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan perumahan kos rendah adalah berdasarkan kepada harga rumah RM25,000 seunit, Kerajaan Negeri terpaksa menampung perbezaan di antara kos sebenar dengan harga jualan dan ini tidak menggalakkan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program perumahan awam tersebut. Akibatnya, dalam tempoh Rancangan, hanya 57.9 peratus sahaja daripada jumlah peruntukan yang disediakan telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri.

18.07 Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan program perumahan terutamanya rumah kos rendah. Sehubungan dengan ini, Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai telah ditubuhkan pada tahun 1990 bagi membantu pemaju perumahan menyiapkan projek mereka yang terbengkalai di samping membantu pembeli mendapat pembiayaan untuk rumah mereka. Sejumlah 12,395 unit rumah terbengkalai yang melibatkan bantuan pembiayaan sebanyak RM223 juta daripada Tabung ini berjaya dipulihkan. Walau bagaimanapun, semenjak bulan Mac 1992, permohonan baru bagi Tabung ini tidak lagi diterima memandangkan pemaju berkeupayaan mendapatkan pembiayaan lain untuk memulihkan projek mereka.

18.08 Bagi mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah, beberapa tabung telah ditubuhkan. Dalam tahun 1993, Tabung Perumahan Kos Rendah telah ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Semenjak pelancaran Tabung ini, pinjaman sebanyak RM405 juta telah diluluskan kepada sektor swasta bagi membiayai pembinaan 20,700 unit rumah kos rendah. Daripada jumlah ini, 600 unit telah disiapkan dalam tempoh Rancangan. Dalam tahun 1994, Yayasan Perumahan Untuk Rakyat Termiskin telah ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM600 juta melalui sumbangan sektor awam dan swasta. Peruntukan ini diberi secara geran kepada Kerajaan Negeri, PKEN dan pihak berkuasa tempatan bagi membiayai pembinaan rumah pangsa kos rendah berkepadatan tinggi untuk disewa di bandar-bandar besar yang menghadapi masalah perumahan yang meruncing. Semenjak Tabung ini dilancarkan, 34 projek yang melibatkan 15,000 unit rumah pangsa kos rendah bernilai RM600 juta telah diluluskan untuk pembinaan. Bagi mempertingkat dan mempercepatkan lagi pembinaan rumah yang mampu dibeli dan disewa oleh golongan yang berpendapatan rendah di kawasan bandar, Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah telah ditubuhkan dalam tahun 1994 dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion. Semenjak ditubuhkan, 14 projek yang melibatkan pembinaan 41,068 unit rumah telah diluluskan.

18.09 Kemudahan pinjaman kepada pembeli untuk berbagai jenis rumah termasuk rumah kos rendah swasta telah disediakan oleh bank perdagangan dan institusi

kewangan. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh entiti kewangan swasta tersebut ialah sebanyak RM6.5 bilion dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, pinjaman yang dikeluarkan melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan berjumlah RM6.7 bilion.

18.10 Kerajaan, menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), telah meminda skim pengeluaran untuk pembiayaan rumah. Di bawah pindaan ini, pencarum dibenar mengeluarkan sehingga 30 peratus daripada simpanan mereka untuk membeli atau membina rumah, atau untuk mengurang atau menjelaskan bayaran balik pinjaman perumahan mereka. Semenjak skim ini diperkenalkan, sebanyak 88,758 permohonan telah diluluskan dan sejumlah RM1.1 bilion telah dikeluarkan untuk tujuan ini.

18.11 Peluang untuk mendapatkan kemudahan pinjaman bagi rumah kos rendah adalah terhad terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Bagi perumahan awam kos rendah yang tidak melibatkan urusan pinjaman, pembeli adalah dikehendaki menandatangani perjanjian jual beli yang berasingan dengan Kerajaan Negeri berkenaan. Di bawah perjanjian ini, pembeli dikenakan kadar faedah 5.5 peratus setahun berdasarkan harga belian sebenar. Rumah dan tanah dijadikan cagaran pinjaman dengan tempoh bayaran balik pinjaman di antara 25 hingga 30 tahun.

18.12 Kerajaan juga menyediakan skim pinjaman perumahan tanpa faedah di bawah tabung pusingan yang dikenali dengan nama Tabung Amanah Pinjaman Perumahan. Tabung ini bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan pembiayaan bagi membina rumah di atas tanah milik sendiri. Had pinjaman di bawah skim ini ialah RM7,500 yang perlu dibayar dalam tempoh lima hingga 20 tahun. Pinjaman ini disediakan bagi membolehkan peminjam yang mempunyai pendapatan bulanan isirumah tidak melebihi RM700 sebulan membina rumah baru yang kosnya tidak melebihi RM20,000 dengan tanahnya dijadikan sebagai cagaran. Pada akhir tempoh Rancangan, 3,926 pinjaman berjumlah RM27 juta telah dikeluarkan kepada kumpulan sasar, terutamanya penoreh getah, petani, nelayan, buruh, peniaga kecil dan pekerja industri.

18.13 Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar. Dalam tempoh Rancangan, beberapa program perumahan telah dilaksanakan di kawasan luar bandar bagi menyediakan perumahan dan persekitaran yang selesa. Program perumahan ini meliputi program pertapakan dan kemudahan, program pengumpulan semula kampung tradisional dan pemulihan rumah usang untuk mereka yang berpendapatan rendah dan golongan rakyat termiskin. Di samping itu, Kerajaan juga telah membina 8,075 unit rumah peneroka di bawah skim pembangunan tanah baru.

18.14 Di bawah program pertapakan dan kemudahan, dua pakej pembangunan telah disediakan. Pakej pertama meliputi penyediaan tapak dan infrastruktur serta rumah inti bernilai RM10,000 bagi Semenanjung Malaysia, dan RM13,000 bagi Sabah dan Sarawak. Pakej kedua yang tidak termasuk rumah inti bernilai RM5,000 bagi

Semenanjung Malaysia dan RM7,500 bagi Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah 15,570 unit yang disasarkan untuk pelaksanaan, hanya 10,543 unit telah diluluskan oleh beberapa Kerajaan Negeri dan daripada jumlah ini, 4,707 unit telah disiapkan. Ini menunjukkan pelaksanaan program yang lembab oleh Kerajaan Negeri, terutamanya di negeri yang maju di mana harga tanah adalah mahal.

18.15 Program pengumpulan semula kampung tradisional adalah bertujuan menempatkan semula kampung yang bertaburan dan terpencil, kerap dilanda banjir dan terlibat dengan hakisan pantai. Keluarga di dalam kampung-kampung ini telah dipindahkan ke kawasan penempatan baru yang disediakan dengan rumah dan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Dalam tempoh Rancangan, daripada 36 projek yang diluluskan, hanya 28 projek yang meliputi 102 kampung telah dikumpulkan menjadi 28 kampung tersusun dan memberi manfaat kepada kira-kira 4,930 keluarga.

18.16 Di bawah program pemulihan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan golongan rakyat termiskin, bantuan berbentuk kebendaan telah diberikan bagi memulih rumah-rumah yang usang. Dalam tempoh Rancangan, kira-kira 36,000 rumah usang telah dipulihkan yang memberi manfaat kepada 36,117 keluarga.

18.17 Bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat di luar bandar, Kerajaan telah mengambil langkah menyediakan kampung tradisional dengan kemudahan infrastruktur yang lebih baik, rumah yang berpatutan kualitinya, di samping menyediakan lebih banyak peluang untuk menyertai aktiviti yang menjanakan pendapatan. Menerusi pendekatan ini, lima kampung tradisional iaitu Kampung Batu Bertangkup di Perlis, Kampung Sungai Acheh di Pulau Pinang, Kampung Sungai Renggam di Perak, Kampung Merbau Berdarah di Selangor dan Kampung Soi di Pahang telah disediakan dengan kemudahan asas. Di samping itu, kawasan di perkampungan berkenaan juga telah dikenalpasti untuk perumahan dan industri ringan. Sungguhpun tapak dan kemudahan telah disediakan untuk perumahan dan industri ringan, sambutan pihak swasta untuk melaksanakan projek ini adalah tidak begitu menggalakkan.

18.18 Perumahan untuk Kakitangan Sektor Awam. Selain daripada menyediakan perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah, Kerajaan juga menyediakan rumah untuk kakitangan sektor awam, terutamanya kakitangan berpakaian seragam. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 18,776 unit rumah telah disediakan untuk kakitangan perkhidmatan perlu seperti angkatan tentera, kastam, bomba, imigresen dan polis. Di samping itu, perumahan disediakan untuk kakitangan sektor awam lain seperti guru dan kakitangan perubatan yang berkhidmat di kawasan luar bandar dan pedalaman di mana tidak terdapat tempat kediaman yang sesuai.

18.19 Perumahan untuk Pekerja Ladang dan Industri. Perumahan untuk pekerja ladang telah diberi penekanan dengan berkuatkuasanya Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1990. Mengikut Akta tersebut, pemilik ladang bertanggungjawab menyediakan perumahan percuma kepada pekerja mereka, di samping menyediakan tempat asuhan kanak-kanak dan juga kemudahan-kemudahan sosial yang lain mengikut standard minimum. Kemudahan ini disediakan untuk mempertingkatkan keadaan hidup pekerja ladang dan memastikan mereka kekal bekerja di ladang berkenaan. Di samping itu, skim pemilikan perumahan secara sukarela dilaksanakan dengan pemilik ladang membina dan menjual rumah kos rendah kepada pekerja mereka dengan harga RM25,000 seunit. Dalam tempoh Rancangan, kira-kira 8,740 unit rumah telah dibina oleh pemilik ladang di bawah skim perumahan percuma dan 4,700 unit rumah lagi di bawah skim pemilikan perumahan secara sukarela.

18.20 Dalam tempoh Rancangan, majikan sektor pembuatan digalak untuk menyediakan perumahan dan kemudahan riadah kepada pekerja mereka. Sehubungan dengan ini, beberapa majikan di Melaka, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Selangor telah menyewa atau membeli 3,348 unit rumah bagi memenuhi keperluan tempat tinggal pekerja mereka.

18.21 Teknologi Perumahan, Penyelidikan dan Pembangunan. Bagi meningkatkan pembangunan industri binaan terutamanya di dalam bidang teknologi binaan dan reka bentuk, beberapa aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) telah dijalankan oleh agensi Kerajaan yang berkaitan dan institusi pengajian tinggi. Penyelidikan yang di jalankan meliputi kajian berkaitan penyambung dan toleransi dalam bangunan yang bertujuan mengeluarkan penyambung yang sesuai untuk digunakan dalam industri binaan. Suatu program tindakan dan penyesuaian proses bagi melaksanakan konsep koordinasi modular dalam pembinaan sebagai satu kaedah ke arah memantapkan industri bangunan telah dilaksanakan. Di samping itu, aktiviti penyelidikan telah menghasilkan reka bentuk pilihan bagi perumahan yang berkepadatan tinggi dengan ketinggian yang sederhana. Reka bentuk pilihan tersebut telah memperkenalkan ciri-ciri dan bentuk yang lebih baik bagi memaksimumkan penggunaan tanah. Pengeluar bahan binaan dan pemaju perumahan persendirian juga telah melaksanakan aktiviti penyelidikan mengenai reka bentuk rumah dan teknologi pengeluaran untuk meningkatkan kualiti pada harga yang berpatutan. Sebagai sebahagian daripada langkah memperbaiki lagi reka bentuk dan teknologi perumahan, terutamanya di dalam pembinaan rumah kos rendah, Kerajaan telah menganjurkan satu pertandingan mereka bentuk rumah kos rendah. Dalam pertandingan tersebut, pemaju terlibat digalakkan untuk membina rumah kos rendah di bawah paras harga yang ditetapkan iaitu RM25,000 seunit dengan penggunaan teknologi yang bersesuaian.

## **Perkhidmatan Sosial Yang Lain**

### **Perkhidmatan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**

18.22 Pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab melaksanakan berbagai aktiviti di bawah peruntukan undang-undang dan aktiviti lain mengikut pertimbangannya seperti penyediaan perkhidmatan bandar dan kemudahan riadah serta pelaksanaan program sosio-ekonomi. Dalam konteks ini, sebanyak RM315 juta telah diperuntukkan kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh Rancangan. Berbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan iaitu termasuk pembinaan 117 pasar basah dan 264 premis komersil seperti aked, bazar dan gerai yang memberi peluang yang lebih luas kepada peniaga kecil menyertai aktiviti komersil. Pihak berkuasa tempatan juga telah menguruskan kira-kira 13.8 juta tan sisa pepejal dalam tempoh RME. Sebagai sebahagian daripada usaha berperingkat untuk menggantikan cara pembuangan sampah terbuka yang diamalkan pada masa ini oleh kebanyakan pihak berkuasa tempatan, satu cara pelupusan moden telah diperkenalkan. Sehubungan dengan ini, dalam tempoh Rancangan, sebanyak 25 tempat pelupusan sampah telah dipertingkat bagi memastikan cara pelupusan yang bersih dan selamat, di samping pembinaan lapan tapak projek pelupusan timbus-mampat baru. Bagi memastikan pengurusan yang lebih baik serta pemungutan dan pelupusan sisa pepejal yang lebih cekap dan berkesan, usaha telah dibuat untuk menswastakan pelupusan sisa pepejal di seluruh negara.

18.23 Program bersih dan indah telah dilancarkan dalam tempoh Rancangan bagi mewujudkan kesedaran masyarakat umum mengenai kepentingan persekitaran yang bersih dan indah. Sehubungan dengan ini, beberapa kemudahan awam telah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan dan kira-kira 1.4 juta batang pokok telah ditanam. Bagi memenuhi pertambahan permintaan untuk taman rekreasi dan kawasan lapang, 11 taman awam telah dirancang dalam tempoh Rancangan, dan sembilan daripadanya telah disiapkan. Kira-kira RM38 juta telah dibelanjakan untuk program rekreasi dan pengindahan dalam tempoh RME. Semenjak program ini dilaksanakan, tahap kebersihan di bandar-bandar utama pada umumnya telah meningkat berbanding dengan keadaan sebelumnya.

### **Perkhidmatan Bomba**

18.24 Berbagai langkah telah diambil untuk menyediakan perkhidmatan kebombaan dan pencegahan kebakaran yang berkesan bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda. Dalam tempoh Rancangan, 53 balai bomba baru telah dibina di kawasan bandar dan pekan kecil di seluruh negara. Kereta bomba dan peralatan kebombaan yang canggih dan moden telah diperolehi bagi memperkuuh dan meningkatkan perkhidmatan kebombaan untuk memenuhi aktiviti memadam kebakaran, terutamanya kebakaran di bangunan tinggi. Kursus dalam perkhidmatan bagi kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba telah dikendalikan bagi meningkatkan

kepakaran dan prestasi anggota bomba terutamanya di dalam bidang baru yang berkaitan dengan kerja-kerja memadam kebakaran dan menyelamat. Satu unit khusus yang dikenali sebagai Pasukan Penyelamat Bahan-bahan Berbahaya (HAZMAT) telah ditubuhkan dalam tahun 1992 bagi menangani keadaan kecemasan berhubung dengan bahan-bahan berbahaya seperti letupan gas, kebocoran toksik dan tumpahan petro kimia. Sehubungan dengan ini, seramai 22 kakitangan terpilih daripada pasukan HAZMAT telah menjalani latihan khusus di luar negara dalam bidang yang berkaitan dengan bahan gas dan radio aktif. Penubuhan pasukan ini telah membantu meningkatkan keupayaan perkhidmatan bomba terutamanya dalam menangani keskes yang melibatkan bahan merbahaya yang tertentu. Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba juga dipilih menganggotai Pasukan Khas Bantuan Menyelamat Malaysia yang baru ditubuhkan bagi memberi bantuan semasa negara menghadapi bencana dan kecemasan.

18.25 Sebagai sebahagian daripada kempen menyedarkan masyarakat mengenai pencegahan dan pengawalan kebakaran, terutamanya di bangunan berisiko tinggi dan juga di premis industri, Jabatan Perkhidmatan Bomba telah menganjurkan program latihan, seminar dan latihan mencegah kebakaran bersama pihak swasta. Di samping itu, pasukan bomba sukarela telah ditubuhkan di kawasan perumahan bagi membantu mengawal kebakaran dengan cepat apabila berlaku kebakaran. Dalam tempoh Rancangan, seramai 6,500 sukarelawan bomba dan 15,000 pelajar di bawah program kadet bomba telah dilatih bagi memastikan tindakan cepat diambil oleh mereka yang terlatih jika berlaku kebakaran.

18.26 Untuk memastikan tindak-balas serta merta diambil apabila berlaku kebakaran, sistem penggera berkomputer jarak jauh telah diperkenalkan secara penswastaan pada tahun 1994. Dibawah sistem ini, semua bangunan strategik dan berisiko tinggi digalakkan memasang alat penggera berkomputer yang disambungkan dengan balai bomba terdekat. Pada akhir tempoh Rancangan, kira-kira 150 bangunan daripada 500 premis yang dikenalpasti telah dipasang dengan sistem ini. Di samping memadam kebakaran, kakitangan bomba juga melaksanakan kerja-kerja menyelamat, terutamanya apabila berlaku kemalangan seperti kejadian tanah runtuh, bangunan roboh dan kemalangan jalan raya. Dalam tempoh Rancangan, 32,080 kerja-kerja menyelamat telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba.

## Sukan

18.27 Dasar Sukan Negara yang dilaksanakan dalam tahun 1989 telah menyediakan garis panduan umum bagi pembangunan sukan negara dengan tumpuan kepada program sukan berprestasi tinggi yang kompetitif dan juga sukan massa. Program sukan massa dilaksana bagi menggalakkan gaya hidup sihat, di samping merapatkan hubungan dan semangat muhibbah dikalangan rakyat Malaysia sebagai sebahagian daripada usaha memupuk perpaduan negara. Aktiviti yang telah dilaksanakan di

peringkat kebangsaan, negeri dan daerah meliputi pelancaran sukan sepanjang tahun pada tahun 1991, larian 5-10 kilometer, Hari Berjalan Kaki, berdayung, berakit, acara sukan Hari Merdeka dan aktiviti rekreasi yang lain.

18.28 Program sukan berprestasi tinggi bertujuan mencapai kecemerlangan di dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sehubungan dengan ini, Majlis Sukan Negara (MSN) telah diberi tanggungjawab membangun dan menggalakkan sukan berprestasi tinggi. Bagi mempertingkatkan pencapaian atlit negara, berbagai program seperti Pelapis, Bakat dan Elit telah dilaksanakan untuk memupuk dan meningkatkan kecemerlangan dalam bidang sukan. Sehubungan dengan ini, Sukan Malaysia telah dianjurkan sekali dalam tempuh dua tahun bagi menilai pencapaian atlit negara dalam berbagai bidang sukan. Dalam tempoh Rancangan, MSN telah melatih kira-kira 11,900 atlit. Di samping itu, kemudahan sukan yang sedia ada telah dipertingkatkan dan kemudahan baru dibina bagi menyediakan tempat yang standard dan kemudahan yang lebih baik bagi pembangunan sukan di negara ini. Ini termasuk pembinaan Kompleks Sukan di Johor, Kedah dan Negeri Sembilan. Di samping itu, stadium baru di Melaka dan Perlis telah siap dibina. Institut Sukan Negara yang ditubuhkan dalam tahun 1994 telah menyediakan kursus dalam bidang sains kesukanan dan perubatan sukan.

18.29 Berbagai insentif telah disediakan oleh Kerajaan kepada mereka yang menyertai kegiatan sukan termasuk orang-orang kurang upaya. Galakan ini termasuk pemberian anugerah, cuti, elaun sara hidup dan perlindungan insurans. Pelajar yang cemerlang di dalam bidang sukan diberi biasiswa dan yuran pengajian sebagai galakan mengekal tahap pencapaian yang tinggi dalam bidang sukan. Dalam tahun 1994, MSN dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Sukan Remaja bagi pelajar-pelajar yang cemerlang dalam sukan.

18.30 Beberapa sekolah menengah terpilih telah dijadikan sekolah sukan dengan pelajar diberi latihan khusus dalam berbagai bidang sukan. Sebuah sekolah sukan yang mempunyai kemudahan asrama telah dibina di Bukit Jalil, Kuala Lumpur bagi menyediakan pendidikan peringkat menengah di samping memberi latihan intensif kepada pelajar-pelajar terpilih yang didapati cemerlang dalam bidang sukan.

18.31 Sektor swasta juga memainkan peranan penting dalam pembangunan sukan melalui penajaan berbagai aktiviti persatuan sukan. Di bawah program berkembar, syarikat swasta telah menyumbang bantuan kewangan sebanyak kira-kira RM19.5 juta setiap tahun kepada MSN bagi pembangunan 28 jenis sukan seperti bolasepak, badminton, hoki dan gimnastik.

18.32 Sebagai persiapan untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel Keenam Belas yang akan diadakan pada tahun 1998, berbagai projek dilaksana bagi memastikan kemudahan sukan bertaraf antarabangsa yang secukupnya disediakan. Sehubungan dengan ini, pembinaan Kompleks Sukan Negara dan Perkampungan Sukan di Bukit

Jalil telah diswastakan, manakala kemudahan-kemudahan untuk sukan boling padang, ragbi dan bola tampar juga disediakan di semua Negeri. Di samping itu, Pusat Kawalan Doping yang diiktiraf di peringkat antarabangsa telah dibina di Universiti Sains Malaysia. Pusat ini berfungsi bagi menguji dan mengawal penggunaan dadah untuk tujuan sukan di rantau ini. SUKOM Ninety Eight Berhad telah ditubuh bagi melaksanakan promosi Sukan Komanwel di dalam dan di luar negara. Usaha juga dilaksanakan oleh MSN untuk melatih kontinjen Malaysia bagi menyertai Sukan tersebut. Untuk tujuan ini, satu tabung persediaan dan promosi serta latihan atlit juga diwujud melalui sumbangan pihak swasta.

### **Perkhidmatan Perpustakaan**

18.33 Program pembangunan perkhidmatan perpustakaan bertujuan untuk menyemai dan menggalakkan amalan membaca di kalangan orang ramai sebagai satu usaha membentuk masyarakat yang bermaklumat dan berilmu. Sehubungan dengan ini, berbagai langkah telah diambil bagi menyediakan rangkaian perkhidmatan perpustakaan yang berkesan di kawasan bandar dan luar bandar. Dalam tempoh Rancangan, bilangan perpustakaan telah meningkat daripada 288 dalam tahun 1990 kepada 487 dalam tahun 1995, dimana 372 atau 76 peratus daripada jumlah ini terletak di kawasan luar bandar. Di samping itu, bilangan perpustakaan bergerak yang menyediakan perkhidmatan di luar bandar telah meningkat daripada 61 pada tahun 1990 kepada 100 pada tahun 1995. Keahlian perpustakaan awam bertambah daripada 1.1 juta pada tahun 1990 kepada 1.7 juta pada tahun 1995. Disamping itu, jumlah koleksi turut meningkat daripada 798,000 pada tahun 1990 kepada 1.3 juta pada tahun 1995.

18.34 Bangunan baru Perpustakaan Negara yang siap dibina pada tahun 1993 dan dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat terkini, kapasiti tempat duduk untuk 1,000 pengguna di samping koleksinya yang bertambah, telah menarik ramai ahli. Perpustakaan Negara dengan kerjasama Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia telah menuahkan rangkaian infrastruktur maklumat bagi Perpustakaan Negara di bawah projek Jaringan Ilmu. Di bawah projek ini, Perpustakaan Negara dapat dihubungkan dengan beberapa perpustakaan jabatan Kerajaan tertentu dan perpustakaan institusi pengajian tinggi awam. Dengan penyediaan kemudahan ini, pengguna termasuk penyelidik dapat memperolehi berbagai penerbitan dan data dengan segera.

### **Penerangan dan Penyiaran**

18.35 Perkhidmatan penerangan dan penyiaran telah menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang bermaklumat yang mempunyai nilai positif, moral yang teguh dan etika yang bersedia menerima pemodenan. Bagi menentukan penyertaan yang positif di kalangan masyarakat dalam proses pembangunan, program seperti Kempen Setia Kepada Negara, Program Membina Negara dan

Kempen Cintakan Negara telah dilaksanakan di seluruh tanahair. Program tersebut telah membantu memupuk kesedaran masyarakat mengenai peranan dan sumbangan mereka dalam usaha membangunkan negara.

18.36 Langkah untuk meningkat dan memodenkan perkhidmatan penyiaran telah diambil melalui penggantian peralatan pemancar televisyen (TV) dan radio yang telah usang. Usaha ini telah meningkatkan kualiti kandungan program dan liputan TV dan radio di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Liputan TV telah bertambah daripada 85 peratus pada tahun 1990 kepada 90 peratus pada tahun 1995 bagi Semenanjung Malaysia dan daripada 80 peratus kepada 85 peratus di Sabah dan Sarawak dalam tempoh yang sama. Liputan radio pula bertambah daripada 80 peratus pada tahun 1990 kepada 95 peratus pada tahun 1995 di Semenanjung Malaysia dan daripada 60 peratus kepada 85 peratus di Sabah dan Sarawak dalam tempoh yang sama. Di samping itu, untuk memastikan program mempunyai nilai pendidikan, kebudayaan dan hiburan yang baik, kandungan program tempatan dan luar negara telah dikaji melalui proses tertentu mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan.

18.37 Masa siaran TV dan radio telah bertambah dalam tempoh Rancangan. Daripada enam rangkaian radio kebangsaan, tiga telah membuat siaran 24 jam, sementara pemancaran TV telah bertambah daripada 12 jam kepada 18 jam sehari. Siaran radio telah menjadi teman pendengar dengan setiap Negeri mempunyai satu rangkaian radio tempatan bagi menampung keperluan masyarakat setempat di samping menggalakkan pelancongan domestik di kawasan tertentu.

18.38 Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta secara besar-besaran di dalam aktiviti penerangan dan penyiaran, lesen untuk menjalankan perkhidmatan radio dan TV telah dikeluarkan kepada pihak swasta. Selain daripada rangkaian radio lebuhraya, satu stesen TV swasta yang baru dan rangkaian TV Berbayan telah dilancarkan pada tahun 1995. Pengeluaran program TV tempatan telah dikomersilkan, sementara galakan yang lebih menarik telah disediakan kepada pengeluar tempatan bagi menentukan program yang dikeluarkan lebih berkualiti. Berikutan dengan ini, bilangan syarikat pengeluar persendirian telah bertambah daripada 150 pada tahun 1990 kepada 700 pada tahun 1995, sementara itu bilangan syarikat yang mengeluarkan program pengiklanan melalui TV telah bertambah tiga kali ganda kepada 60 dalam tempoh yang sama. Dengan adanya persaingan, kualiti program keseluruhannya juga telah bertambah baik.

## **Kebudayaan**

18.39 Program-program kebudayaan sebagai cara untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat, memperteguhkan identiti negara, memupuk perpaduan dan integrasi nasional di samping mengekalkan keharmonian antara kaum telah diberi lebih penekanan sepanjang tempoh Rancangan. Berbagai usaha turut diambil untuk

memperkuatkan jalinan kerjasama antara berbagai institusi budaya dan pertubuhan sukarela menerusi aktiviti seperti pementasan kesenian dan muzik, pertunjukan kebudayaan, penulisan kreatif, penyelidikan mengenai Bahasa Malaysia dan berbagai konvensyen serta simposium mengenai bahasa dan kesusastraan.

18.40 Berbagai program sosio-budaya dan projek untuk pemuliharaan, penggalakan dan pengembangan kebudayaan dan kesenian telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan. Ini termasuk pembinaan Taman Budaya Negeri di Alor Setar, Ipoh, Kuantan dan Pulau Pinang. Akademi Seni Kebangsaan telah mengadakan berbagai kursus bagi melahirkan ahli-ahli profesional dalam bidang-bidang teater, penulisan kreatif, seni tari dan muzik. Sebuah Panggung Eksperimen telah dibina di Kompleks Budaya Negara untuk membolehkan karyawan, seniman dan artis berkarya dan peminat seni menghayati kesenian dan kebudayaan.

18.41 Di bawah Akta Harta Purba 1976, pemugaran, pemuliharaan dan aktiviti menyelamat bahan arkeologi bawah air dijalankan untuk memperkaya khazanah sejarah negara serta usaha memeliharanya untuk generasi akan datang. Dalam hubungan ini, 50 monumen dan tempat-tempat bersejarah telah dipulihara dan sejumlah 1,500 artifek kebudayaan telah diperolehi. Dalam usaha memperkayakan lagi khazanah sejarah negara, sebuah replika kapal Portugis telah dibina di Melaka sebagai tugu untuk mengenang kembali sejarah silam negara. Di samping itu, aktiviti menyelamat bahan tinggalan bawah air telah dilaksanakan dan antara penemuan penting ialah kapal dagang Diana dan kapal perang Nassau milik Belanda di perairan Selat Melaka.

18.42 Pejabat Kebudayaan dan Kesenian telah ditubuhkan di semua Negeri untuk mengendali dan mengurus program kebudayaan, memupuk jalinan budaya dan mempergiatkan lagi kegiatan-kegiatan seni budaya dengan pertubuhan-pertubuhan kebudayaan. Dalam usaha memupuk dan memperkuatkan integrasi nasional serta mengekalkan keharmonian kaum, berbagai aktiviti telah diadakan termasuk Pesta Gawai, Pesta Kaamatan, Pesta Pantai dan Pesta Rebana serta berbagai pesta kesenian dan kem sosio-budaya.

18.43 Ruang dan kemudahan pameran untuk mempamerkan artifek yang mempunyai nilai sejarah telah ditambah dengan pembinaan Muzium Sejarah Nasional, Memorial Tunku Abdul Rahman dan bangunan tambahan kepada Muzium Negara. Berbagai usaha sedang dijalankan untuk mengukuhkan lagi fungsi dan peranan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan budaya dan pembangunan kesusastraan. Dalam hubungan ini, sejumlah 230,000 daftar kata dan perbendaharaan kata dalam berbagai bidang telah diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 2,460 judul buku telah dicetak. Untuk menggalakkan kreativiti dan keunggulan dalam bidang kesusastraan, kebudayaan dan kesenian, Anugerah Sastera Negara dan Anugerah Seni Negara telah dianugerahkan kepada individu yang

cemerlang dalam bidang penulisan kreatif, kesusasteraan, novel, drama, muzik, seni persembahan dan seni tampak.

18.44 Hubungan kebudayaan diperingkat antarabangsa turut diperkuuhkan dalam bentuk kerjasama dengan negara-negara lain terutamanya negara sedang membangun. Pertukaran kebudayaan meliputi penghantaran ahli akademik, sarjana, artis, penulis, penggiat seni dan dramatis telah dilaksana di bawah program Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN dan Pusat Wilayah untuk Arkeologi dan Kesenian sebagai sebahagian daripada usaha memperkaya kebudayaan dan program pertukaran budaya. Rombongan kebudayaan negara telah mengambil bahagian di dalam pesta antarabangsa di samping menyertai misi perdagangan dan penggalakan pelancongan. Di samping itu, lapan perjanjian kebudayaan telah ditandatangani dengan negara Algeria, Botswana, Burkina Faso, Chile, Iran, Peru, Sudan dan Vietnam dalam tempoh Rancangan untuk menggalakkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa.

#### Pembangunan Masyarakat

18.45 Dalam tempoh RME, program pembangunan masyarakat telah dilaksana bertujuan meningkatkan penyertaan penduduk luar bandar dalam pembangunan sosio-ekonomi. Matlamat program ini adalah untuk membina masyarakat yang bermaklumat, berdikari dan produktif yang mempunyai nilai-nilai positif. Program ini meliputi penyediaan kemudahan sosial asas dan pendidikan kekeluargaan serta penglibatan dalam aktiviti yang menjanakan pendapatan. Golongan utama yang mendapat manfaat daripada program ini adalah masyarakat luar bandar dan Orang Asli. Di kawasan bandar, pembangunan masyarakat telah dijalankan dengan tujuan menggalakkan integrasi dan perpaduan nasional melalui berbagai program sosial dan kebudayaan.

18.46 Program yang menyemai nilai-nilai positif telah diberi penekanan sejarar dengan falsafah umum untuk membangun sebuah masyarakat yang progresif. Dalam hubungan ini, program kemasyarakatan yang dijalankan oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, adalah bertujuan memastikan penduduk luar bandar termasuk golongan rakyat termiskin mendapat manfaat daripada rancangan pembangunan sosio-ekonomi negara. Program khusus yang dilaksanakan termasuk memberi pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan keluarga di luar bandar menyertai aktiviti yang boleh menjana pendapatan seperti jahitan, kraftangan, ternakan dan tanaman sayur-sayuran. Sejumlah 29,400 keluarga luar bandar telah mendapat manfaat dari program ini. Untuk memastikan kanak-kanak dalam lingkungan usia awal di luar bandar memperolehi pendidikan asas, kira-kira 6,900 kelas pra-sekolah telah diwujudkan yang memberi manfaat kepada kira-kira 200,000 kanak-kanak. Sebagai sebahagian daripada program pembangunan keluarga, kursus kekeluargaan, pendidikan kesihatan dan ekonomi rumahtangga telah dilaksanakan.

18.47 Dalam tempoh Rancangan, program untuk Orang Asli telah dilaksanakan dengan matlamat bagi menggalakkan mereka berintegrasi dalam arus pembangunan masyarakat dan boleh berdikari. Program kesihatan, perumahan dan pendidikan telah dilaksana untuk menyediakan kemudahan sosial asas bagi Orang Asli. Di bawah program penempatan semula, sejumlah 2,970 keluarga telah ditempatkan semula di 17 skim di mana mereka telah diberi peluang menyertai aktiviti yang boleh menjana pendapatan seperti menanam sayur dan pokok buah-buahan, akuakultur dan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan. Bagi menyelaras dan melaksana program pendidikan dengan lebih teratur untuk masyarakat Orang Asli, semua sekolah untuk anak-anak mereka telah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan.

18.48 Di kawasan bandar, berbagai program untuk menggalakkan semangat kejiranan dan memupuk perpaduan nasional telah dijalankan melalui penubuhan jawatankuasa Rukun Tetangga di kawasan perumahan di seluruh negara. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 447 jawatankuasa telah ditubuhkan, menjadikan jumlah keseluruhan 1,514, dengan jumlah keahlian kira-kira lima juta orang. Fungsi jawatankuasa ini adalah bagi menjalankan kegiatan mengawal dan membantu mengurangkan kejadian jenayah di kawasan perumahan masing-masing serta menggalak penyertaan masyarakat, di samping menanam sifat penyayang dan memikul tanggungjawab bersama. Bagi memudahkan kebudayaan, dewan serbaguna dan kompleks sukan telah dibina oleh Kerajaan. Di samping itu, sektor swasta dan masyarakat setempat telah menyumbang untuk mengekal dan melengkapkan perkhidmatan bagi meningkatkan hubungan sosial dan kebudayaan di kalangan penduduk. Aktiviti seperti gotong-royong, kawalan kejiranan, Jiran Muda, Jiran Wanita, khemah kerja dan aktiviti sukan telah dijalankan dengan matlamat menggalakkan integrasi nasional, hormat-menghormati dan kehidupan berharmoni. Disamping itu, sejumlah 103,000 kanak-kanak telah didaftar di kelas pra-sekolah perpaduan nasional yang ditubuhkan di kawasan perumahan.

### **Pembangunan Keluarga**

18.49 Pembangunan perindustrian yang pesat dan akibat penghijrahan dari luar bandar ke bandar terutamanya di kalangan belia serta perubahan gaya hidup dan pengaruh negatif telah menimbulkan berbagai masalah sosial seperti keruntuhan unit keluarga, penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, keruntuhan perkahwinan dan lari daripada rumah. Arah aliran yang negatif ini telah meningkat pada tahun 1994 dengan 17,600 kes penagihan dadah, 8,938 kes Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS), 871 kes penderaan kanak-kanak dan 4,774 kes lari dari rumah telah dilaporkan. Berdasarkan andaian bagi setiap kes yang dilapor terdapat empat kes yang tidak dilapor, yang mana jika tidak diatasi akan menjaskan kestabilan sosial. Pada masa ini terdapat berbagai agensi yang mengadakan program pencegahan dan pemulihan bagi kumpulan sasar tertentu seperti kanak-kanak, belia dan ibu bapa. Sebahagian daripada program yang telah dilaksanakan oleh berbagai kementerian dan agensi kadangkala mengakibatkan kekurangan fokus dan penyelarasian.

18.50 Dengan mengiktiraf keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat dan sumber utama untuk memupuk kasih sayang, penekanan telah diberi dalam tempoh Rancangan kepada program yang bertujuan mewujudkan keluarga yang teguh dan berdaya tahan. Untuk mencapai matlamat ini, program pembangunan keluarga bertujuan membangunkan potensi individu dengan menyediakan suasana kekeluargaan yang stabil, sihat dan bahagia telah dilaksanakan. Di samping itu, keutamaan telah diberi bagi menanam nilai positif di kalangan belia bertujuan membangunkan tenaga manusia yang berkualiti.

18.51 Program pembangunan keluarga yang telah diperkenalkan pada tahun 1991, meliputi berbagai modul termasuk kesihatan keluarga, keibubapaan, pembangunan potensi manusia serta AIDS dan keluarga. Untuk menggalakkan keluarga yang sihat, maklumat mengenai galakan kesihatan dan pencegahan penyakit, perancangan keluarga, pemakanan dan pembangunan kanak-kanak telah disediakan kepada keluarga. Pendidikan dan kesedaran terhadap AIDS juga diberi penekanan. Modul kemahiran keibubapaan termasuk didikan dan disiplin kanak-kanak, interaksi dan komunikasi diantara ibu bapa dan kanak-kanak serta meningkatkan sifat menghargai diri. Selain daripada pembangunan emosi dan intelek, program ini bertujuan untuk membangun ahli keluarga yang berkeyakinan, bertanggungjawab, bertimbangrasa, berdedikasi dan rajin berusaha. Sebagai langkah awal pelaksanaan program ini, jurulatih pakar daripada agensi pengembangan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan KEMAS telah dilatih untuk mengadakan program pembangunan keluarga. Dalam hubungan ini, 12 bengkel yang melibatkan 421 jurulatih telah diadakan dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, satu program pembangunan keluarga iaitu Rumahku Syurgaku telah diperkenalkan pada tahun 1995.

18.52 Memandangkan bilangan kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan semakin meningkat dan keperluan untuk menyedia perlindungan bagi kanak-kanak yang lebih baik dari segi undang-undang, Kerajaan telah mengkanunkan Akta Perlindungan Kanak-Kanak, 1991. Akta ini membolehkan penubuhan pasukan perlindungan kanak-kanak di peringkat Negeri dan daerah serta di pusat kegiatan kanak-kanak di kawasan yang mempunyai insiden penderaan kanak-kanak yang tinggi. Dalam tempoh Rancangan, 15 pasukan perlindungan di peringkat Negeri dan 86 di peringkat daerah telah ditubuh untuk menyelaras dan menyediakan perkhidmatan tempatan kepada ibubapa dan kanak-kanak. Perkhidmatan ini termasuk kaunseling, kebijikan dan perlindungan kanak-kanak. Di samping itu, 45 pusat kegiatan kanak-kanak yang menyediakan aktiviti untuk kanak-kanak serta kaunseling bagi kedua ibu bapa dan kanak-kanak telah ditubuhkan. Sejumlah 600 ibu bapa dan kira-kira 8,000 kanak-kanak menerima manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan di pusat kegiatan kanak-kanak. Untuk memastikan pendekatan yang lebih menyeluruh bagi pembangunan kanak-kanak, Pelan Tindakan Nasional Untuk Kehidupan, Perlindungan dan Pembangunan Kanak-Kanak telah dilancarkan pada tahun 1994. Pelan ini

bertujuan mencapai matlamat khusus bagi kanak-kanak dalam bidang seperti kesihatan, pendidikan dan kebajikan.

18.53 Memandangkan bilangan keluarga nuklear yang kian bertambah dan jangka hayat yang lebih panjang, langkah telah diambil untuk memastikan bahawa pertalian keluarga dikekalkan dan penjagaan wargatua terus menjadi tanggungjawab keluarga. Untuk menggalakkan anak menjaga wargatua, mulai tahun 1992 Kerajaan telah memberi pengecualian cukai ke atas perbelanjaan perubatan kepada anak yang menjaga ibu bapa yang tua. Di samping itu, di bawah Skim Saraan Baru, kemudahan perubatan untuk kakitangan sektor awam telah diperluaskan untuk meliputi ibu bapa mereka. Bagi wargatua yang miskin dan yang tidak berkeluarga, lapan rumah kediaman dengan kapasiti sebanyak 2,500 telah disediakan oleh Kerajaan. Di samping itu, Kerajaan juga telah meluluskan pembinaan sebuah rumah wargatua di Perlis dalam tempoh Rancangan. Bagi memastikan wargatua boleh menikmati kehidupan yang bebas dan dihormati, Kerajaan pada tahun 1995 telah mengubal Dasar Wargatua Negara dan menyediakan Pelan Tindakan untuk melaksanakan dasar tersebut. Selaras dengan objektif Kerajaan menggalakkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menjaga wargatua, NGO dengan bantuan Kerajaan telah menujuhan 132 rumah wargatua bagi kira-kira 1,000 orang wargatua.

18.54 Kerajaan terus mengambil berat mengenai penjagaan orang kurang upaya melalui penyediaan program pendidikan, latihan dan pemulihan. Dalam hubungan ini, program pendidikan khas untuk kanak-kanak kurang upaya dan mereka yang menghadapi kesulitan pembelajaran, telah dilaksanakan di 26 buah sekolah khas. Kanak-kanak yang cacat pendengaran dan penglihatan telah disediakan dengan bantuan khas dan didaftar di 139 sekolah biasa di bawah program pendidikan percantuman. Di samping itu, program untuk membolehkan golongan kurang upaya terlibat dalam kegiatan ekonomi diteruskan melalui penyediaan latihan teknikal. Institut Latihan Perindustrian bagi Orang Kurang Upaya di Bangi, Selangor, yang telah siap dibina pada tahun 1995, menyediakan latihan kemahiran yang tidak mempunyai kemudahan asrama kepada kira-kira 20 pelatih. Dalam tempoh Rancangan, konsep pemulihan berasaskan masyarakat yang melibatkan perkongsian tanggungjawab di antara keluarga dan masyarakat telah diperkenalkan. Di bawah konsep ini, 135 pusat pemulihan berasaskan masyarakat disediakan kepada kira-kira 2,000 orang kurang upaya dan sembilan kediaman berkumpulan bagi 25 orang yang terencat akal telah ditubuhkan di kawasan perumahan sedia ada dengan tujuan mengintegrasikan mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat.

18.55 Penjagaan orang kurang upaya terus dipertingkat dengan menyediakan tempat awam yang mudah digunakan oleh orang kurang upaya. Sebagai langkah permulaan, Undang-undang Kecil Bangunan, 1984 telah dipinda pada tahun 1992 untuk memastikan tempat awam disediakan dengan kemudahan dan sistem keselamatan untuk orang kurang upaya. Rel Transit Ringan (LRT) Sistem II di Kuala Lumpur yang

sedang dibina menyediakan kemudahan dan ciri-ciri bagi membolehkan orang kurang upaya menggunakannya.

18.56 Dalam tempoh rancangan, NGO telah melengkapkan usaha Kerajaan menyediakan perkhidmatan sosial bagi keluarga, kanak-kanak, wargatua dan orang kurang upaya di bidang penjagaan, latihan, pemulihan dan kaunseling. Menyedari keperluan untuk meningkatkan pengetahuan anggota NGO di bidang pembangunan manusia dan kerja sosial, Kerajaan telah menyediakan latihan kepada kira-kira 2,700 sukarelawan di Institut Latihan Kebajikan Masyarakat di Kuala Kubu Bharu dalam tempoh Rancangan.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

#### **Perumahan**

18.57 Program pembangunan perumahan akan terus diberi penekanan bagi menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa oleh semua warga Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan menyediakan sokongan dan peraturan yang perlu bagi menjamin pembangunan industri perumahan yang cekap. Pembangunan utama dalam tempoh Rancangan adalah penyediaan lebih banyak rumah kos sederhana rendah yang berharga di antara RM26,000 hingga RM60,000 seunit. Rumah jenis ini akan membolehkan pembeli yang berpendapatan bulanan diantara RM751 hingga RM1,500 membeli rumah mengikut kemampuan mereka. Pada masa yang sama, pembinaan rumah kos rendah akan ditambah bagi mereka yang berpendapatan di antara RM500 hingga RM750 sebulan dengan harganya dikekalkan pada RM25,000 seunit.

18.58 Dalam tempoh Rancangan, permintaan terhadap rumah dijangka meningkat disebabkan pertambahan penduduk dan bilangan isirumah baru. Sebanyak 800,000 unit rumah diperlukan dalam tempoh Rancangan, dimana kira-kira 740,000 unit atau 92.5 peratus akan dibina bagi memenuhi permintaan isirumah baru, sementara bakinya sebanyak 60,000 unit diperlukan bagi mengganti rumah usang. Daripada jumlah ini, kira-kira 235,000 unit atau 29.4 peratus akan dibina bagi memenuhi permintaan terhadap rumah kos rendah, sebanyak 350,000 unit atau 43.8 peratus untuk rumah kos sederhana rendah, sebanyak 130,000 unit atau 16.3 peratus untuk rumah kos sederhana dan bakinya sebanyak 85,000 unit atau 10.6 peratus untuk rumah kos tinggi seperti ditunjukkan dalam Jadual 18-2.

18.59 Sektor swasta akan memain peranan yang semakin penting dalam memenuhi permintaan rakyat terhadap rumah kediaman. Dalam tempoh Rancangan, sektor swasta dijangka membina kira-kira 570,000 unit atau 71.3 peratus daripada jumlah keseluruhan keperluan seperti ditunjukkan dalam Jadual 18-3. Daripada jumlah yang

akan dibina oleh sektor swasta, 24.6 peratus adalah rumah kos rendah dan 42.1 peratus rumah kos sederhana rendah.

18.60 Langkah akan diambil untuk mempercepatkan pembangunan rumah kos rendah termasuk meneruskan peruntukan Tabung Perumahan Kos Rendah untuk sektor swasta melaksanakan projek perumahan baru. Sehubungan dengan ini, KWSP melalui anak syarikatnya, Malaysian Building Society Berhad akan turut serta dalam pembinaan rumah kos rendah. Kerajaan juga akan terus menggalak sektor bank dan institusi kewangan untuk menyediakan peluang yang lebih, terutama sekali kepada golongan berpendapatan rendah dan mereka yang berada di dalam sektor informal. Institusi ini akan juga digalak untuk menyediakan syarat pinjaman perumahan yang lebih baik dalam usaha untuk mengurangkan beban pembeli berpendapatan rendah membayar balik pinjaman mereka.

18.61 Di bawah program perumahan awam kos rendah, reka bentuk baru akan diperkenal bagi mengoptimumkan penggunaan tanah melalui penambahan kepadatan tanah dan mengurangkan kos binaan. Dengan pemakaian reka bentuk baru ini, penggunaan tanah dijangka dapat dipertingkatkan daripada 26 unit kepada 41 unit sehektar dan dengan ini meningkatkan kepadatan penggunaan tanah untuk perumahan kos rendah. Di samping itu, reka bentuk rumah pangsa kos rendah yang lebih baik akan diperkenalkan bagi menyediakan ruang cucian yang mencukupi.

18.62 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan kepada Kerajaan Negeri untuk menyiapkan pembinaan rumah kos rendah yang sedang dalam berbagai peringkat pembinaan. Kerajaan akan juga menyediakan geran kepada Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi menampung kos infrastruktur di mana kos melebihi RM25,000 seunit yang disebabkan kos infrastruktur yang tinggi.

18.63 Dengan pendaftaran pemohon rumah kos rendah di semua Negeri, garis panduan baru akan disediakan bagi mengelak penyalahgunaan dalam pembahagian rumah kos rendah. Di bawah garis panduan ini, pemohon rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam dan swasta akan dipilih daripada daftar pusat yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri. Langkah ini diambil untuk menentukan pembahagian rumah kos rendah dibuat secara teratur dan memastikan kumpulan sasar yang layak sahaja berpeluang membeli atau menyewa rumah kos rendah.

18.64 Kerajaan akan terus menggalak pihak swasta melaksanakan konsep bina-siap-jual, dengan pihak pemaju menjual rumah yang telah siap dibina. Di samping itu, mekanisma pembiayaan yang bersesuaian akan digubal, sementara aktiviti penguatkuasaan dan peraturan akan diperkemas bagi memastikan rumah dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan penyediaan rumah yang berkualiti. Langkah ini dijangka dapat menyelesaikan masalah kelewatan atau rumah

terbengkalai dan memberi peluang kepada pembeli untuk mendapat rumah yang lebih berkualiti.

18.65 Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar. Penyediaan perumahan di luar bandar termasuk kemudahan infrastruktur asas bertujuan meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar. Dalam tempoh Rancangan, RM200 juta akan diperuntukkan bagi pembangunan perumahan di luar bandar berbanding dengan RM155 juta dalam tempoh RME. Sebagai sebahagian daripada pendekatan bersepadan dalam pembangunan luar bandar, perumahan akan menjadi komponen penting dalam pakej pembangunan yang merangkumi sokongan infrastruktur dan bantuan ekonomi. Perumahan di kawasan luar bandar akan terus dilaksanakan melalui program pengumpulan semula kampung tradisional, program pertapakan dan kemudahan dan pemulihian rumah usang bagi golongan berpendapatan rendah dan golongan rakyat termiskin. Dalam hubungan ini, geran bagi program pertapakan dan kemudahan serta pemulihian rumah yang usang akan ditambah bagi menyediakan tempat tinggal yang lebih baik kepada golongan berpendapatan rendah dan golongan rakyat termiskin.

18.66 Perumahan untuk kakitangan sektor awam, khususnya bagi mereka yang berkhidmat dalam perkhidmatan perlu akan terus dilaksana dan penekanan akan diberi bagi menyediakan perumahan di bandar-bandar utama, kawasan sempadan serta kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Penyediaan perumahan bagi kakitangan berpakaian seragam akan diberi keutamaan. Dalam tempoh RMT, sebanyak 102,700 unit rumah daripada berbagai kategori akan dibina termasuk di Putrajaya.

18.67 Perumahan untuk Pekerja Ladang dan Industri. Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta berkaitan, pemilik ladang dikehendaki menyediakan perumahan dan kemudahan asas yang lebih baik untuk pekerja mereka. Ini juga dapat membantu mengurangkan pertukaran pekerjaan di ladang. Sebagai sebahagian daripada usaha menarik dan mengekalkan pekerja, majikan di sektor pembuatan akan digalak menyediakan perumahan dan kemudahan riadah untuk pekerja mereka. Kerajaan juga akan menentukan pembangunan zon perindustrian sentiasa diselaraskan dengan pembangunan perumahan pekerja bagi menjamin pekerja industri disediakan perumahan dan kemudahan asas.

18.68 Teknologi Perumahan, Penyelidikan dan Pembangunan. Aktiviti penyelidikan berkaitan dengan pengeluaran bahan binaan yang lebih murah dan teknik pembinaan yang lebih baik akan terus diberi penekanan. Dalam hubungan ini, satu kajian akan dijalankan bagi meningkatkan kualiti reka bentuk yang berkaitan dengan bangunan dan struktur bagi memastikan kos pemulihan dan pembaikan yang minimum dalam pusingan hayat reka bentuk berkenaan. Bagi mengurangkan pergantungan kepada produk binaan yang diimport, pembangunan produk binaan yang menggunakan bahan daripada sumber tempatan akan digalakkan. Teknologi binaan baru dan

pembinaan rumah kos rendah akan digalakkan bagi memastikan rumah-rumah yang dibina mampu dimiliki dan disewa oleh golongan berpendapatan rendah. Dalam hubungan ini, penyelidikan teknikal dan program pembangunan bagi menilai, menguji dan meningkatkan kualiti bahan tempatan akan dijalankan.

### **Perkhidmatan Sosial Yang Lain**

#### **Perkhidmatan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**

18.69 Dalam tempoh RMT, peranan pihak berkuasa tempatan dalam pengurusan bandar akan meningkat berikutan perkembangan pesat pembandaran dan peningkatan permintaan untuk perkhidmatan yang lebih cekap. Dalam konteks ini, satu kajian yang menyeluruh akan dilaksanakan bagi mengkaji semula peranan dan fungsi pihak berkuasa tempatan. Berdasarkan kepada cadangan kajian tersebut, strategi dan garis panduan baru akan disediakan bagi memperkuatkuhan keupayaan pengurusan pihak berkuasa tempatan serta memastikan mereka melaksana peranan dan fungsi dengan berkesan.

18.70 Pihak berkuasa tempatan akan terus menyediakan perkhidmatan bandar dan kemudahan riadah di samping melaksanakan program kebersihan dan pengindahan. Perancangan strategik dan penyelenggaraan kawasan bandar akan diberi penekanan khusus bagi mengurangkan masalah seperti kesesakan lalulintas, pencemaran udara dan kawalan kebersihan. Dalam hubungan ini, penyediaan pelan tempatan akan terus dibuat oleh pihak berkuasa tempatan tertentu. Sebagai sebahagian daripada kajian semula mengenai peranan pihak berkuasa tempatan, pertimbangan akan diberi bagi membolehkan pemaju perumahan menyediakan perkhidmatan perbandaran seperti penyenggaraan, kebersihan dan pengindahan kawasan awam dalam kawasan perumahan. Dengan penswastaan pengurusan pelupusan sisa pepejal dalam tempoh Rancangan, pelupusan sisa pepejal dapat ditangani dengan lebih cekap.

### **Perkhidmatan Bomba**

18.71 Usaha memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan bomba akan terus diberi penekanan bagi meningkatkan kecekapan dan prestasi melawan kebakaran dan kerja-kerja menyelamat. Dalam tempoh RMT, sejumlah RM310 juta akan disediakan bagi membina 60 balai bomba baru di tempat strategik, khususnya di kawasan perumahan dan perindustrian. Sementara itu, kemudahan di balai bomba sedia ada akan dipertingkatkan. Sejumlah RM120 juta akan diperuntukkan bagi membeli kereta bomba dan peralatan berkaitan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bomba dalam kerja menyelamat dan melawan kebakaran.

18.72 Langkah pencegahan akan diambil untuk menyelamat nyawa dan kemasuhan harta benda melalui penguatkuasaan peraturan yang lebih ketat sejermima diperuntukkan di bawah Akta Bomba, 1988. Di samping itu, usaha akan diambil bagi

menanam kesedaran dan tanggungjawab di kalangan masyarakat dan pemilik tempat kediaman, premis komersil dan perindustrian mengenai pencegahan kebakaran dan keselamatan. Program kesedaran mengenai bahaya kebakaran juga diberi kepada orang awam melalui ceramah, seminar, latihan bersama dan latihan mencegah kebakaran. Kerajaan akan memberi sokongan kepada penubuhan pasukan mencegah kebakaran sukarela di kawasan perumahan dan di kawasan yang mempunyai risiko yang tinggi. Sukarelawan ini akan diberi latihan yang mencukupi dalam mencegah dan melawan kebakaran. Dalam hubungan ini, penyertaan yang lebih daripada kalangan belia dan pelajar akan digalakkan.

18.73 Kemudahan latihan untuk kakitangan bomba dalam berbagai bidang pencegahan dan melawan kebakaran akan diperluaskan. Sebuah pusat latihan wilayah yang baru di Kuala Terengganu akan dibina sebagai tambahan kepada pusat latihan sedia ada di Kuala Kubu Bharu, Selangor. Apabila siap, pusat ini akan menyediakan 250 tempat tambahan untuk melatih kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba, termasuk mempertingkatkan kemahiran dan menangani kes kebakaran yang melibatkan gas dan petro kimia.

### **Sukan**

18.74 Usaha yang lebih akan terus diambil untuk membangun berbagai program dan aktiviti sukan bagi menggalakkan sukan berprestasi tinggi dan sukan massa. Bagi memastikan kemudahan adalah mencukupi serta disenggara dan diuruskan dengan baik, Kerajaan akan menggubal satu pelan jangka panjang mengenai keperluan sukan dan kemudahan rekreasi untuk masa hadapan. Satu Akta Sukan akan digubal bagi memastikan aktiviti sukan diselaras dan diuruskan dengan lebih baik dan berkesan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Bagi sukan berprestasi tinggi, 10 pusat untuk sukan terpilih akan dibina dengan tujuan memupuk bakat baru. Di samping itu, latihan untuk atlit akan dipergiatkan di peringkat wilayah dan pusat bagi melatih mereka untuk acara sukan utama. Pembangunan sukan dalam negeri akan terus dipertingkatkan dengan penglibatan aktif oleh sektor swasta, sebahagian besarnya melalui sumbangan kewangan kepada pertubuhan sukan dan program berkembar yang diuruskan oleh MSN.

18.75 Selaras dengan iltizam untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan bagi menjadi tuan rumah Sukan Komanwel, usaha yang gigih akan diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan berbagai projek bagi memastikan ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pembinaan Kompleks Sukan Negara yang mempunyai stadium utama berkapasiti 100,000 tempat duduk, stadium tertutup dan kompleks kolam renang di samping Perkampungan Sukan yang boleh menempatkan 6,500 peserta dan pegawai akan disiapkan sebelum tahun 1998. Tempat latihan lain di berbagai Negeri akan dipertingkat dan diperbesarkan.

18.76 Selain daripada menyediakan tempat untuk berbagai acara pertandingan yang diiktiraf antarabangsa, usaha akan diambil untuk mempertingkatkan kecekapan sistem pengangkutan dari Kuala Lumpur ke Kompleks Sukan Negara. Ini termasuk pembinaan LRT Sistem I Fasa II yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Kompleks Sukan Negara serta memperbaiki rangkaian jalan utama dan jalan masuk ke Kompleks berkenaan. Di samping itu, Pusat Penyiaran Antarabangsa akan dibina dan Pusat ini akan menyiarkan secara langsung kesemua acara pertandingan Sukan Komanwel dan lain-lain acara sukan yang akan dianjurkan pada masa hadapan.

18.77 Bagi menggalakkan penyertaan dalam sukan massa dan aktiviti rekreasi untuk mengekalkan gaya hidup sihat, berbagai program sukan dan aktiviti rekreasi akan diadakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Program ini termasuk acara berjalan kaki, senamrobik, berbasikal, akustrian dan berkayak. Sektor swasta akan digalakkan memberi sokongan dengan menaja acara sukan, supaya sukan yang dianjurkan dapat disertai setiap golongan masyarakat terutamanya golongan belia di semua peringkat. Di samping itu, untuk menggalakkan penyertaan yang meluas dalam sukan di peringkat daerah, kemudahan yang mencukupi akan dibina terutamanya badminton, sepak takraw dan bola tampar.

### **Perkhidmatan Perpustakaan**

18.78 Penekanan yang berterusan akan diberi bagi membangun masyarakat yang bermaklumat dan berilmu. Usaha memupuk sikap gemar membaca di kalangan masyarakat akan diteruskan melalui Program Gerakan Membaca. Sementara itu, rangkaian perpustakaan di seluruh negara akan diperluas bagi menyediakan peluang yang lebih banyak kepada orang ramai untuk menggunakan kemudahan perkhidmatan perpustakaan. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah RM79 juta akan disediakan bagi membina enam perpustakaan negeri, 19 perpustakaan daerah dan 166 perpustakaan desa. Di samping itu, 70 unit perpustakaan bergerak akan beroperasi terutamanya di kawasan luar bandar. Usaha akan diambil bagi memperluaskan fungsi perpustakaan Negeri untuk dijadikan pusat rujukan dan perkhidmatan penerangan. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan usaha akan diambil untuk memberi latihan khusus kepada kakitangan perpustakaan terutamanya dalam pengurusan perpustakaan.

18.79 Selaras dengan matlamat menjadikan Perpustakaan Negara sebagai pusat sumber dan rujukan kebangsaan, usaha akan dipertingkatkan untuk menambah bilangan koleksi dan perolehan buku, jurnal dan bahan yang lain dalam berbagai bidang yang khusus terutamanya bidang sains, teknologi dan perniagaan. Di bawah Program Koleksi Malaysiana, pengumpulan bahan berhubung dengan Malaysia akan dipertingkatkan bertujuan memelihara dokumen berkenaan sebagai khazanah negara. Selaras dengan konsep perkhidmatan perpustakaan berangkaian, maklumat boleh diperolehi secara terus bila diperlukan. Langkah akan diambil untuk pengkomputeran perpustakaan awam di seluruh negara. Di samping itu, usaha akan

diambil untuk menyimpan maklumat dalam berbagai bentuk media seperti kaset, video dan CD-ROM bagi membolehkan data dan maklumat berkenaan mudah diperolehi apabila dikehendaki oleh penyelidik dan orang awam.

#### Penerangan dan Penyiaran

18.80 Perkhidmatan penerangan dan penyiaran akan dipertingkatkan selaras dengan pembangunan teknologi maklumat untuk menyediakan pemancaran siaran yang berkualiti ke seluruh negara. Dalam konteks ini, Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT) akan beroperasi dalam tahun 1996 dan sebahagian besar pemancaran siaran akan dibuat melalui satelit untuk penerimaan yang berkualiti. Sehubungan dengan ini, lebih banyak stesen radio dan TV swasta akan digalak untuk menggunakan kemudahan MEASAT, dan dengan itu akan memberi lebih pilihan kepada penonton dalam membuat pemilihan program termasuk hiburan, kebudayaan, sukan, pendidikan dan maklumat. Dalam hubungan ini, program yang berkualiti akan disiarkan melalui rangkaian TV terutamanya Rangkaian Perdana dan Rangkaian Emas dalam usaha untuk menyediakan rancangan yang mempunyai nilai pendidikan, kebudayaan dan hiburan yang baik kepada penonton.

18.81 Pemancaran siaran dari bumi akan terus diperluaskan. Perkhidmatan FM dan TV sedia ada akan terus diperkuuh dan dipertingkatkan. Penekanan khusus akan diberi kepada kawasan pedalaman dan luar bandar di Sabah dan Sarawak bagi mengatasi penerimaan siaran yang kurang baik. Penggunaan kedua-dua pemancar dari bumi dan satelit akan menyumbang kearah mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat. Dengan mengambilkira pembangunan infrastruktur di bawah rangkaian lebuh raya maklumat di dalam negara dan hubungannya di seluruh dunia, penggabungan teknologi komputer dan telekomunikasi akan menawarkan berbagai peluang multimedia kepada penduduk Malaysia di samping meningkatkan mutu siaran.

18.82 Kerajaan melalui perbincangan dengan negara ASEAN akan melaksanakan Rangkaian Gunasama Serantau yang berpengkalan di Kuala Lumpur untuk menyiarkan program yang memberi manfaat bersama dan menggalakkan nilai dan kebudayaan setempat. Pemancaran rangkaian yang dicadangkan ini akan dipertingkat melalui penggunaan kemudahan siaran yang disediakan oleh MEASAT.

18.83 Usaha akan diambil bagi mempercepatkan pengkorporatan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan penswastaan Jabatan Filem Negara serta Perbadanan Filem Nasional (FINAS). Ini akan memastikan penggunaan sumber yang optimum bagi meningkatkan produktiviti keseluruhan terutamanya dalam pengeluaran filem yang berkualiti.

## **Kebudayaan**

18.84 Program kebudayaan akan terus dilaksanakan untuk memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional termasuk meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk. Dalam tempoh Rancangan, program kebudayaan akan memberi tumpuan kepada program pembangunan kebudayaan dan kesenian, pemuliharaan kebudayaan dan kesenian, kecemerlangan seni dan pembangunan seni tampak. Program ini akan memainkan peranan penting dalam usaha membentuk masyarakat bersepakut untuk memperkuuhkan identiti negara, perpaduan negara dan mengharmonikan nilai-nilai sejagat dengan nilai moral yang baik agar sejajar dengan pembangunan pesat ekonomi.

18.85 Program pembangunan kebudayaan mempunyai matlamat untuk memperkuuhkan peranan yang dimainkan oleh institusi kebudayaan sebagai cara dan kaedah yang mantap kearah pembentukan identiti negara dan integrasi nasional di samping pengukuhan perpaduan negara dan keharmonian kaum serta pembentukan satu bangsa Malaysia baru selaras dengan Dasar Kebudayaan Negara dan Wawasan 2020. Tema utama ialah untuk membentuk suatu masyarakat yang matang dan berbudaya dalam usaha menyekat penyebaran unsur negatif serta membendung kemasukan budaya asing yang membawa bersama pengaruh-pengaruh negatif.

18.86 Dalam hubungan ini, pembangunan sebuah industri budaya maju yang memberi tumpuan kepada pertumbuhan pasaran seni akan didaya usahakan sebagai satu dimensi baru dengan memberi nilai ekonomi kepada kegiatan-kegiatan kebudayaan serta menggalakkan aktiviti kebudayaan. Berbagai program kebudayaan juga akan dianjurkan untuk menggalak dan memperkenalkan kebudayaan kepada rakyat Malaysia khususnya belia mengenai kebudayaan Malaysia. Program tersebut termasuk muzik moden dan tradisional, tarian, teater, opera dan puisi. Dengan pembinaan Kompleks Panggung Negara dan Balai Seni Lukis Negara pada tahun 1997, kebudayaan peringkat tinggi dikalangan masyarakat akan digalakkan. Dalam hubungan ini, warisan senibina dan hiasan dalaman Malaysia akan digalakkan di semua bangunan awam untuk memupuk keperibadian Malaysia.

18.87 Sebuah kampus baru untuk Akademi Seni Kebangsaan akan dibina untuk menyediakan kursus-kursus di peringkat diploma dalam bidang muzik, penulisan kreatif, tarian dan teater. Di samping itu, pemugaran dan pemuliharaan tempat-tempat bersejarah dan monumen akan diteruskan bagi menanam kesedaran yang lebih dikalangan rakyat mengenai kekayaan warisan kebudayaan Malaysia melalui pemuliharaan dan pameran bahan-bahan bersejarah.

18.88 Dalam tempoh RMT, Bahasa Malaysia akan terus dimajukan dengan tujuan untuk memperkaya dan menjadikannya sebagai bahasa ilmu moden dan komunikasi. Di samping itu, terjemahan bahan bercetak asing ke dalam Bahasa Malaysia akan

diteruskan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, falsafah dan tamadun. Usaha sebegini sangat penting dalam membangunkan sebuah masyarakat berilmu sejarah dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian. Dalam masa yang sama, bahan-bahan sastera dan kreatif yang terpilih akan diterjemahkan daripada Bahasa Malaysia ke dalam bahasa-bahasa asing sebagai langkah memperkenal dan mempopularkan kesusastraan Malaysia di peringkat antarabangsa.

#### Pembangunan Masyarakat

18.89 Dalam tempoh RMT, program pembangunan masyarakat di kawasan luar bandar dan bandar akan diteruskan bagi menyemai nilai positif berorientasikan pembangunan dan sifat berdikari serta menggalak kehidupan yang berharmoni dan semangat sayang menyayangi di kalangan masyarakat berbagai kaum. Program pembangunan masyarakat di kawasan luar bandar akan ditumpukan ke arah mencapai kecemerlangan individu, institusi keluarga yang kukuh dan pembentukan sebuah masyarakat luar bandar yang progresif dan berdayatahan yang akan menyertai secara berkesan dalam proses pembangunan ekonomi. Ini akan dilaksanakan melalui penyelaras dan penyatuan berbagai pembangunan sosial dan infrastruktur serta aktiviti ekonomi dengan penggunaan sumber yang maksimum. Disamping itu, program kebersihan dan pengindahan kampung serta pembangunan industri luar bandar akan terus digalakkan untuk memupuk kasih sayang dan budaya rajin berusaha dikalangan masyarakat luar bandar.

18.90 Institut Kemajuan Luar Bandar yang baru ditubuhkan akan menjalankan program latihan yang berkaitan untuk pembangunan luar bandar dan pembangunan masyarakat serta menyelaras aktiviti yang sama dengan institusi tempatan dan asing yang lain. Di antara lain, objektif utamanya adalah untuk menghasilkan agen perubahan yang akan memainkan peranan utama dalam perubahan sosial di peringkat akar umbi dan mempercepatkan proses perubahan sikap di kalangan masyarakat luar bandar.

18.91 Aktiviti untuk memupuk hubungan masyarakat dan menanam rasa perihatin dan tanggungjawab di kalangan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar serta menggalakkan persefahaman yang lebih diantara kaum bagi memperkuatkukan perpaduan nasional akan diteruskan. Dalam tempoh Rancangan, penubuhan lebih banyak lagi jawatankuasa Rukun Tetangga di kawasan perumahan dengan sokongan Kerajaan akan dilaksana. Kerajaan akan menggalakkan penubuhan jawatankuasa yang serupa di kawasan pinggir bandar terdiri daripada wakil dari kampung yang berjiran. Program seperti kawalan kejiran, Jiran Wanita, Jiran Muda, gotong-royong, sukan dan kursus kepimpinan untuk menggalakkan semangat kejiran akan terus dilaksanakan. Lebih banyak kelas pra-sekolah akan juga ditubuhkan bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 5-6 tahun bertujuan menyediakan mereka dengan pendidikan formal serta menanam rasa kasih sayang dan cintakan negara.

## **Pembangunan Keluarga**

18.92 Dengan peralihan negara menuju ke arah pencapaian masyarakat perindustrian sepenuhnya, kerumitan dan kehendak atas individu dan keluarga akan bertambah dan ketidakupayaan untuk memenuhi kehendak ini akan terus meningkatkan berlakunya masalah sosial. Dengan kemajuan dan kemudahan penggunaan teknologi maklumat serta peranan media massa, penyebaran nilai dan budaya negatif perlu diawasi. Dalam tempoh Rancangan, adalah penting mekanisma yang sesuai dibentuk dan program pembangunan sosial dilaksanakan untuk menyekat arah aliran yang kurang sihat.

18.93 Dalam tempoh RMT, Kerajaan akan menubuh satu jawatankuasa antara agensi peringkat tinggi untuk memastikan kemajuan ekonomi negara tidak dibelenggu oleh masalah sosial. Fungsi jawatankuasa ini meliputi penggubalan dasar dan strategi untuk pembangunan sosial dan keluarga, penyelaras dan penyatuan program untuk mengurangkan berlakunya masalah sosial serta mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan juga akan mengkaji kemungkinan menubuhkan sebuah agensi tunggal untuk memastikan pelaksanaan dasar, strategi dan program bagi menangani dengan berkesan masalah sosial yang berlaku dan mengawasi implikasi pembangunan sosial dan ekonomi terhadap kebajikan keluarga.

18.94 Kerajaan akan terus melaksanakan program pembangunan keluarga bertujuan memperkuuhkan institusi keluarga supaya dapat menyumbang ke arah melahirkan rakyat yang bertanggungjawab. Dalam hubungan ini, usaha akan terus diambil untuk melengkapkan keluarga bagi menghadapi cabaran yang timbul daripada pembangunan ekonomi yang pesat serta mengekalkan kestabilan dan keharmonian keluarga. Latihan dan penyebaran maklumat mengenai berbagai modul program pembangunan keluarga seperti kesihatan keluarga, keibubapaan, kualiti penduduk dan pembangunan potensi manusia akan terus dilaksanakan. Kajian mengenai arah aliran sosial, punca yang menyumbang kepada masalah sosial serta kajian impak akan juga dijalankan untuk menentukan liputan dan keberkesanan program pembangunan keluarga. Di samping itu, untuk mengurangkan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti sosial yang tidak sihat, Kerajaan akan melaksanakan secara progresif sekolah satu sesi bertujuan menyediakan pendidikan dan memberi lebih masa untuk aktiviti ko-kurikulum bagi kanak-kanak di sepanjang hari.

18.95 Wanita akan terus diberi kemahiran pembangunan keluarga dalam bidang seperti kehidupan berkeluarga, kesihatan keluarga, pendidikan dan kemahiran keibubapaan. Di samping itu, usaha yang lebih akan diambil untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai manfaat kepada masyarakat apabila lelaki dan wanita berkongsi tanggungjawab keluarga. Kearah matlamat ini, seminar, kursus dan bengkel akan dianjur untuk mendidik pasangan yang telah berkahwin dan mereka yang akan berkahwin mengenai kesedaran dan kefahaman yang lebih mengenai perkahwinan dan tanggungjawab mereka serta kemahiran keibubapaan.

18.96 Menyedari kerumitan masalah sosial, latihan yang sesuai dalam kerja sosial dan pembangunan manusia terutamanya dalam penjagaan, kaunseling, perlindungan dan pencegahan akan terus disediakan kepada pekerja sosial dan anggota NGO untuk memastikan kakitangan mereka dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk menangani berbagai masalah sosial. Kearah matlamat ini, sebuah Institut Latihan untuk Kerja Sosial yang baru akan dibina di Kuala Lumpur. Institut ini apabila siap akan dapat menyediakan latihan kepada 150 pelatih serta dilengkapkan dengan kemudahan untuk melatih orang kurang upaya dalam kerja sosial.

18.97 Program pembangunan untuk kanak-kanak akan diteruskan berpandukan kepada Pelan Tindakan Negara untuk Kehidupan, Perlindungan dan Perkembangan Kanak-Kanak. Usaha akan diambil untuk memasti dan memperbaiki kualiti penjagaan yang disediakan bagi kanak-kanak di pusat asuhan kanak-kanak dan pra-sekolah yang diuruskan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Dalam hubungan ini, satu program yang lengkap dan menyeluruh untuk pembangunan awal kanak-kanak akan dirangka yang meliputi kurikulum secara lengkap dan menyeluruh bagi pusat asuhan kanak-kanak dan pra-sekolah serta piawaian bagi latihan guru dan penyelarasan aktiviti di sektor awam dan swasta. Di samping itu, tiga buah rumah kanak-kanak yang baru akan dibina dalam tempoh Rancangan untuk menyediakan khidmat penjagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Program seperti penubuhan pusat kegiatan kanak-kanak, pasukan perlindungan kanak-kanak, perkhidmatan kaunseling dan kajian semula perundangan sedia ada untuk menyediakan perlindungan yang lebih baik bagi kebajikan kanak-kanak juga akan dilaksanakan.

18.98 Perancangan untuk wargataua akan mengambil kira perubahan dalam ciri-ciri dan harapan wargataua seperti keperluan kewangan yang lebih dan kebebasan diri serta mengekalkan hubungan dua pihak tanpa terlalu bergantung diantara satu sama lain. Dalam hubungan ini, Pelan Tindakan untuk melaksanakan Dasar Wargatua Negara akan dilaksana bagi memastikan integrasi dan penyertaan wargatua dalam arus pembangunan. Selaras dengan konsep masyarakat penyayang, keluarga akan terus digalakkan untuk menjaga wargatua. Demikian juga, penjagaan orang kurang upaya akan dipertingkatkan melalui skim pemulihan berasaskan masyarakat dan penubuhan kemudahan latihan. Di samping latihan tanpa asrama, latihan berasrama akan disediakan kepada pelatih di Institut Latihan Perindustrian Orang Kurang Upaya di Bangi, Selangor. Bagi membolehkan orang kurang upaya bergerak dengan bebas, penyediaan kemudahan seperti laluan dan tempat berjalan kaki khas akan disediakan oleh pihak berkuasa berkaitan. Di samping usaha Kerajaan, NGO dan badan sukarela dijangka memainkan peranan yang semakin penting dalam menyediakan perkhidmatan sosial yang perlu seperti penjagaan wargatua dan bantuan kepada orang kurang upaya.

## **IV. PERUNTUKAN**

18.99 Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan bagi perumahan dan perkhidmatan sosial yang lain dalam tempoh RME dan peruntukan bagi RMT adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 18-4. Peruntukan bagi perumahan berjumlah RM3.6 bilion dan RM3.3 bilion atau 93.2 peratus adalah untuk program perumahan awam. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2.5 bilion atau 74.9 peratus akan digunakan bagi perumahan kakitangan awam dan RM742 juta atau 22.2 peratus untuk perumahan awam kos rendah. Sejumlah RM2.5 bilion akan diperuntukkan bagi perkhidmatan sosial yang lain termasuk RM520 juta untuk program pembangunan masyarakat.

## **V. PENUTUP**

18.100 Dalam tempoh RME, prestasi program pembangunan perumahan telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang di mana jumlah unit yang disiapkan melebihi sasaran Rancangan. Pencapaian yang rendah oleh sektor awam telah ditampung oleh pencapaian yang tinggi sektor swasta. Walau bagaimanapun, pembinaan rumah kos rendah masih ketinggalan berbanding dengan pencapaian prestasi rumah kos sederhana dan kos tinggi. Program perkhidmatan sosial yang lain telah menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup terutamanya bagi penduduk luar bandar. Bagi pembangunan keluarga, program dalam tempoh RME menyokong dan membantu kesejahteraan keluarga.

18.101 Penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki atau disewa adalah menjadi matlamat utama Kerajaan dalam tempoh RMT. Usaha akan dibuat untuk mempercepatkan penyiapan pembinaan rumah, terutamanya rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Sehubungan dengan ini, sektor swasta akan memainkan peranan utama dalam menyediakan semua jenis rumah, khususnya rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik, kemudahan infrastruktur untuk perkhidmatan sosial yang lain akan diperluaskan. Ini termasuk memperbaiki perkhidmatan pihak berkuasa tempatan, meningkatkan infrastruktur perkhidmatan bomba, menyediakan kemudahan sukan yang lebih baik, memperluaskan rangkaian perpustakaan dan memodenkan peralatan penyiaran. Program pembangunan keluarga akan terus diberi keutamaan dalam tempoh RMT. Tumpuannya adalah untuk membangun nilai positif bersama dan sikap yang baik bagi memastikan wujudnya semangat berdikari dan komitmen bersama kearah pembentukan masyarakat penyayang. Dalam hubungan ini, masyarakat dan sektor swasta termasuk NGO akan melengkapkan usaha Kerajaan dalam pembangunan keluarga.

## **BAB 19 : ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN MAMPAN SUMBER ASLI**

### **I. PENDAHULUAN**

19.01 Sejajar dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah untuk menangani masalah alam sekitar bagi memastikan masalah tersebut tidak menjelaskan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh jangka panjang. Beberapa mekanisme institusi dan program telah diwujudkan bertujuan mengatasi pencemaran alam sekitar dan juga memulihara sumber asli. Di samping itu, Malaysia telah menganggotai beberapa konvensyen alam sekitar antarabangsa termasuk yang dirangka di Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCED). Malaysia juga telah memainkan peranan yang aktif bagi meningkatkan kerjasama di antara negara-negara Utara dan Selatan untuk mengatasi kemerosotan alam sekitar sedunia terutamanya menerusi pemindahan sumber kewangan dan teknologi bercirikan alam sekitar dari negara Utara serta merasionalisasikan rantai di antara perdagangan dan alam sekitar.

19.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), Malaysia akan terus mengambil tindakan yang sesuai bagi memastikan pembangunan yang mampan dan seimbang. Ke arah mencapai matlamat tersebut, pertimbangan alam sekitar dan pemuliharaan akan disepadukan dengan perancangan pembangunan. Untuk mempertingkatkan usaha menggalakkan pembangunan mampan, mekanisme ekonomi yang inovatif akan diwujudkan bagi melengkapi pendekatan perundungan dan penguatkuasaan untuk menggalakkan sektor swasta menerima dan membangunkan teknologi bercirikan alam sekitar. Sektor awam dan swasta akan meningkatkan kerjasama bagi menangani keperluan pembangunan mampan yang seiring dengan pembangunan ekonomi jangka panjang. Program kesedaran alam sekitar akan dipertingkatkan bagi memberi pengetahuan serta membina tanggungjawab sosial di kalangan anggota masyarakat. Ini kerana pembangunan mampan adalah bermula daripada sumbangan setiap individu.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

19.03 Beberapa langkah yang sesuai telah diambil dalam tempoh RME bagi mengurangkan kesan kemerosotan alam sekitar. Rangka kerja institusi telah diperkuuhkan bagi mewujudkan pendekatan yang bersepada dalam pengurusan alam sekitar dan sumber asli. Majlis Pembangunan Negara memperluaskan mandatnya pada tahun 1993 bagi membolehkan dimensi alam sekitar diambilkira dalam perancangan pembangunan. Ini mewujudkan penyelarasian di peringkat

tertinggi dan menggalakkan pendekatan menyeluruh kepada pengurusan alam sekitar dan sumber asli. Pada masa yang sama, keupayaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah diperkuuhkan dengan penubuhan cawangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Kelantan. Di samping itu, beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta syarikat awam dan swasta juga telah menubuhkan unit alam sekitar.

19.04 Usaha telah diambil untuk memperbaiki rangka kerja perundangan dan pengawalan. Kajian semula undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar telah dibuat pada tahun 1993 dan perakuan kajian semula tersebut sedang dalam proses pelaksanaan. Di samping itu, beberapa undang-undang baru berkaitan alam sekitar telah digubal meliputi perkhidmatan pembetungan, sumber asli, pengurusan kimia berbahaya, penggunaan kloroflorokarbon (CFC) serta keselamatan pekerjaan dan kesihatan. JAS telah mula menggubal beberapa undang-undang baru bertujuan menangani masalah yang timbul akibat pencemaran laut, pembersihan tangki kapal, industri kimia dan logam serta pembakaran sisa. Garis panduan baru yang mengandungi pertimbangan alam sekitar telah disediakan oleh JAS untuk para pelabur dan pemaju. Di peringkat negeri, Sarawak telah meluluskan Ordinan Sumber-sumber Asli dan Alam Sekitar yang bertujuan menangani isu alam sekitar, sumber asli dan pencemaran dengan lebih berkesan.

19.05 Bagi mengukur secara sistematik kesan kesihatan akibat kemerosotan alam sekitar yang bertujuan untuk memperbaiki rangka dasar alam sekitar, penubuhan pusat kesihatan alam sekitar telah dirancang bagi mengawasi dan mencadangkan langkah mengurangkan kesan pencemaran terhadap kesihatan. Ini adalah kerana pendedahan kepada tahap pencemaran yang tinggi boleh menyebabkan kesakitan dan penyakit yang kronik.

19.06 Walaupun Kerajaan telah berusaha memperkemaskan undang-undang dan peraturan alam sekitar, langkah-langkah penguatkuasaan perlu terus dipertingkatkan untuk memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi sepenuhnya. Di samping itu, pencemar dikehendaki untuk mematuhi peraturan dan bukannya membayar denda. Untuk mencapai hasrat tersebut, struktur denda yang berat, penggunaan instrumen ekonomi, serta kempen pendidikan dan kesedaran alam sekitar telah diperkenalkan.

### **Pengurusan Alam Sekitar**

19.07 Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap perubahan kualiti alam sekitar hasil daripada proses pembangunan yang pesat. Bagi memperbaiki kualiti alam sekitar dalam jangka panjang, pelbagai program tertentu telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan untuk menangani masalah alam sekitar.

19.08 Kualiti Udara. Kepesatan pertumbuhan industri dan pembandaran serta peningkatan permintaan terhadap pengangkutan telah menyumbang kepada pencemaran udara terutamanya di kawasan bandar. Tiga punca utama pencemaran udara adalah punca bergerak (kenderaan), punca tetap (stesen janakuasa, pembakaran bahan api kilang dan domestik) serta pembakaran sisa perbandaran dan industri seperti ditunjukkan dalam Carta 19-1. Dalam tahun 1995, ketiga-tiga punca tersebut masing-masing telah menyumbang sebanyak 75.1 peratus, 20.3 peratus dan 4.6 peratus. Dalam tempoh RME, stesen kaji cuaca merekodkan peningkatan keasidan atmosfera. Pencemaran atmosfera yang merentasi sempadan telah menyumbang kepada keadaan berjerubu yang serius pada tahun 1991, 1992 dan 1994.

19.09 Langkah telah diambil bagi mengurangkan kemerosotan kualiti udara disebabkan pelepasan asap kenderaan terutamanya di kawasan bandar. Usaha penguatkuasaan oleh JAS, Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan telah dipertingkatkan untuk mengurangkan pelepasan asap hitam daripada kenderaan berenjin disel. Kadar pematuhan terhadap standard pelepasan 50 Hartridge Smoke Units didapati berada dalam lingkungan 77 peratus hingga 87 peratus dalam tempoh 1991-94. JAS dengan kerjasama beberapa agensi seperti Kementerian Kesihatan, Unit Udara Polis, Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan, Jabatan Laut dan PBT telah mengawasi dan menguatkuasa undang-undang berkaitan kesalahan seperti pembakaran sisa secara terbuka, pelepasan efluen, pembuangan haram sisa toksid dan berbahaya serta pencemaran laut. Di samping itu, pemeriksaan pelepasan asap daripada kenderaan perdagangan telah diswastakan.

19.10 Dengan penempatan semula pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru di Putrajaya, kesesakan dan pencemaran terutamanya di Kuala Lumpur dan Lembah Klang dijangka berkurangan. Di samping itu, program meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan bandar di Kuala Lumpur dan Lembah Klang telah dimulakan melalui pelaksanaan sistem Rel Transit Ringan (LRT) dan penggabungan sistem pengangkutan awam.

19.11 Pada 1 Januari 1990, syarikat penapis minyak telah mengurangkan kandungan plumbum daripada 0.84 gram/liter kepada 0.15 gram/liter iaitu bagi mematuhi syarat di bawah Peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor), 1985. Bagi meningkatkan penggunaan petrol tanpa plumbum (ULG), perbezaan harga sebanyak tiga sen telah diperkenalkan pada 1 Januari 1994. Pada penghujung tahun 1994, penjualan petrol tanpa plumbum di pasaran meningkat kepada 64 peratus dan ini telah menyumbang kepada pengurangan kandungan plumbum di udara. Ujian kesesuaian gas asli sebagai bahan bakar kenderaan telah dilakukan ke atas kira-kira 1,000 buah kenderaan kebanyakannya adalah teksi. Usaha-usaha juga telah diambil untuk menentukan kesesuaian bahan bakar pilihan yang mesra alam sekitar untuk tujuan kenderaan perdagangan dan persendirian. Program pengangkutan yang mesra alam sekitar telah juga digalakkan.

19.12 Kualiti Sungai. Dalam tempoh RME, bilangan sungai yang diawasi meningkat daripada 87 pada tahun 1990 kepada 119 pada tahun 1995. Pengawasan menggunakan Indeks Kualiti Air (WQI) yang menilai kualiti air berdasarkan lima parameter iaitu Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia, Ammoniakal Nitrogen, Pepejal Terampai dan tahap Hidrogen. Daripada 119 batang sungai yang diawasi, 52 didapati bersih, 53 sedikit tercemar dan 14 sangat tercemar. Bilangan sungai yang sangat tercemar telah meningkat daripada enam iaitu Sg. Juru, Sg. Benut, Sg. Pontian Besar, Sg. Sepang, Sg. Klang dan Sg. Ibai/Marang kepada 14 dengan tambahan Sg. Dondang, Sg. Deralik, Sg. Buloh, Sg. Kempas, Sg. Tukang Batu, Sg. Rambah, Sg. Jejawi, Sg. Sedili Kechil, Sg. Pasir Gudang, Sg. Raja Hitam dan Sg. Pontian Kechil. Tiga batang sungai iaitu Sg. Ibai/Marang, Sg. Benut dan Sg. Pontian Besar telah dikategorikan semula sebagai sedikit tercemar. Secara keseluruhan, berdasarkan kepada WQI, kualiti air sungai didapati merosot sedikit seperti ditunjukkan dalam Carta 19-2. Kumbahan menyumbang 65 peratus daripada pencemaran air dari segi BOD, manakala pertanian dan industri masing-masing menyumbang sebanyak 27 peratus dan 8.0 peratus. Pembangunan kawasan tanah tinggi dan pembukaan tanah telah mengakibatkan peningkatan pepejal terampai dan perubahan kepada rupa bentuk sungai. Aktiviti-aktiviti tersebut telah mengakibatkan meningkatnya fenomena banjir serta pencemaran kawasan pesisiran pantai dan laut.

19.13 Dalam usaha mengurangkan pencemaran air yang berpunca daripada kumbahan domestik dengan berkesan, Kerajaan telah menswastakan sistem pembetungan bagi kesemua 143 kawasan PBT pada tahun 1993. Kegiatan lain yang dijalankan termasuklah Program Sepuluh Tahun Pemuliharaan Sungai Klang dan Kempen Cintailah Sungai Kita. Beberapa kajian telah dijalankan bertujuan memperkemas peruntukan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-efluen Perindustrian), 1979 bagi mengurangkan jumlah sisa buangan daripada industri yang dikenalpasti mengeluarkan beban pencemaran yang tinggi. Usaha telah dirintis bagi mengkaji kesan eksplotasi air bawah tanah yang tidak dikawal untuk menentukan tahap pencemaran, mendakan tanah dan potensi pengaliran masuk air masin ke darat.

19.14 Sisa Pepejal. Walaupun jumlah sisa pepejal terus meningkat, PBT masih dapat mengekalkan tahap perkhidmatan pemungutan dan pelupusan yang memuaskan. Penduduk bandar menghasilkan kira-kira 5.2 juta tan metrik sisa pepejal dalam tahun 1993 atau di antara 0.34 - 0.85 kilogram per kapita sehari. Jangkaan jumlah sisa pepejal yang dikeluarkan dalam kawasan PBT terpilih adalah seperti ditunjukkan dalam Carta 19-3. Walau bagaimanapun, tapak pelupusan sisa pepejal yang tidak selamat dan pembuangan haram sisa pepejal masih menjadi masalah kerana penguatkuasaan yang longgar akibat daripada kurang keupayaan dan kuasa perundangan PBT.

19.15 Dalam usaha mempertingkatkan kualiti tapak pelupusan sisa pepejal, 27 tapak telah dinaiktaraf dan 13 tapak pelupusan sanitari telah dibina. Pada tahun 1993,

Kerajaan telah mempelawa cadangan penswastaan perkhidmatan pelupusan sisa pepejal di kawasan bandar untuk membantu PBT mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang menggabungkan aspek guna semula sisa buangan dan pertimbangan pengurusan alam sekitar yang baik.

19.16 Bahan dan Sisa Berbahaya. Kemajuan pengurusan bahan dan sisa berbahaya dicapai dalam empat aspek iaitu peningkatan penguatkuasaan, penyediaan kod pengamalan, pembangunan sistem pengurusan kimia toksid bercirikan alam sekitar serta peningkatan sistem keselamatan penggunaan kimia dengan penekanan kepada kimia yang diharamkan dan yang dilarang. Usaha menggubal undang-undang yang lebih menyeluruh telah diambil untuk mengawal penggunaan, penyimpanan, pengendalian, pengangkutan, pelabelan dan pelupusan kimia toksid. Pada Disember 1991, Kerajaan telah memberikan hak kepada sebuah konsortium untuk membina, mengendali dan menyenggara pusat pungutan, penyimpanan, perawatan dan pelupusan sisa berbahaya yang bersepadu di Bukit Nanas, Negeri Sembilan. Kerajaan juga telah menyediakan insentif seperti rebat cukai kepada industri supaya menggunakan teknologi yang tidak mencemar serta menggalakkan perolehan dan penggunaan semula sisa.

19.17 Pertumbuhan pesat dalam pengeluaran oleh industri berintensifkan teknologi telah menyebabkan peningkatan import dan penggunaan bahan kimia dan produk berkemia yang sebahagiannya adalah toksid. Anggaran jumlah sisa berbahaya yang dihasilkan akibat kegiatan perindustrian pada tahun 1992 adalah 337,000 tan metrik. Sembilan punca utama adalah daripada industri kemasan logam, elektrik dan elektronik, tekstil, pemprosesan makanan, kimia, minyak sawit, getah, kayu serta pembuatan besi dan keluli. Industri-industri tersebut tertumpu di Selangor, Perak, Johor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

19.18 Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) telah menyediakan khidmat pengurusan sisa radioaktif daripada industri tertentu. Di samping itu, MINT telah membangunkan teknik mengurang, menstabil dan memegun sisa radioaktif untuk maksud penyimpanan jangka panjang ataupun pelupusan kekal. Latihan yang bertujuan mengurangkan kesan negatif racun makhluk perosak kepada pengguna dan meningkatkan pengurusannya secara bersepadu telah diperluaskan kepada penanam padi, koko dan sayur-sayuran. Had maksimum sisa lebihan racun makhluk perosak telah ditetap dan dikuatkuasakan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974.

19.19 Bagi memenuhi keperluan pengurusan yang cekap mengenai kimia toksid di peringkat antarabangsa, hubungan Malaysia dengan agensi dua hala dan pelbagai hala telah diperkuuhkan. Dalam hal ini, Malaysia telah menujuhkan Jawatankuasa Teknikal berkenaan Kimia yang Diharamkan dan Dilarang serta Kumpulan Kerja tatacara Pemberitahuan Perakuan Awal (PIC) bagi Program Alam Sekitar Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP)/Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).

Selanjutnya, pelaksanaan Garis Panduan London bagi Pertukaran Maklumat Mengenai Bahan Kimia yang Diharamkan dan Dilarang dalam Perdagangan Antarabangsa telah diawasi bagi melindungi kepentingan Malaysia dalam perdagangan kimia terkawal. Bagi mengawasi pergerakan sisa berbahaya merentasi sempadan, Malaysia menjadi ahli kepada Konvensyen Basel Mengenai Pergerakan Kimia Berbahaya Merentasi Sempadan dan Pelupusannya yang berkuatkuasa mulai Januari 1994. Pindaan kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import), 1988 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport), 1988 di bawah Akta Kastam, 1967 telah dilakukan bertujuan menyenaraikan kimia dan sisa yang perlu dikawal.

19.20 Tenaga dan Alam Sekitar. Usaha telah diambil bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar terutamanya yang berpunca daripada penggunaan tenaga. Sehubungan dengan itu, dalam tempoh RME, penghasilan dan penggunaan gas asli untuk sektor penjanaan elektrik, pengangkutan, industri dan komersil telah meningkat dengan pesat. Kerajaan juga telah memulakan langkah bagi menggalakkan kecekapan penggunaan tenaga yang bertujuan meminimumkan kesan pencemaran dan menggalakkan penggunaan proses dan teknologi yang mesra alam sekitar dalam sektor industri dan komersil.

19.21 Tumpahan Minyak. Pengawasan ke atas kejadian tumpahan minyak di perairan Malaysia terus merupakan aktiviti utama. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Kebangsaan bagi Melawan Tumpahan Minyak telah diperkuuh untuk meningkatkan keberkesanan Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Kebangsaan dalam melawan tumpahan minyak. Dalam tempoh RME, sejumlah 146 tumpahan minyak yang utama telah dilaporkan, 51 daripadanya di Selat Melaka manakala 95 di Laut China Selatan. Tumpahan terbesar berlaku apabila sebuah kapal tangki berlanggar dengan sebuah kapal kargo di Selat Melaka pada September 1992, menumpahkan 13,000 tan metrik minyak mentah serta memberi kesan jangka pendek dan panjang kepada ekonomi dan alam sekitar.

19.22 Penyelaras dengan sektor swasta telah dipertingkatkan dalam mengawal tumpahan minyak, sebahagian besarnya menerusi pertubuhan seperti Kumpulan Bantuan Bersama Industri Petroleum Malaysia (PIMMAG). Ini dilakukan bagi memastikan wujudnya keupayaan melawan tumpahan minyak kategori Tahap Dua dan Tiga. Kerjasama serantau dengan Brunei Darussalam, Indonesia dan Singapura menerusi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Melawan Tumpahan Minyak Bersama di Selat Melaka dan Selat Johor terus dilaksanakan. Pengawasan juga dijalankan bagi mengesan tumpahan minyak dan penyahanapcemaran oleh kapal yang berlayar di perairan Malaysia.

### **Pengurusan Sumber Asli**

19.23 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan telah meneruskan usaha mengawasi dan mengurus penggunaan sumber asli untuk memastikan pembangunan yang mampan.

Oleh kerana sebahagian besar sumber asli adalah berkaitan dengan tanah, perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah diadakan bertujuan memastikan pengurusan sumber yang terselaras dan sesuai. Tatacara mandatori penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) yang diperkenalkan dalam tahun 1987 telah diperluaskan dengan kerjasama agensi pembangunan negeri untuk meliputi projek pembangunan yang berdasarkan sumber.

19.24 Sumber Tanah. Beberapa tindakan telah diambil untuk menggalakkan pengurusan tanah menerusi peningkatan mutu perancangan guna tanah. Bagi mengurangkan kesan negatif pembangunan tanah seperti hakisan dan tanah runtuh, Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976 telah dipinda pada tahun 1994. Susulan kepada pindaan tersebut, semua permohonan untuk perancangan perlu mengandungi langkah memulihara alam sekitar. Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga menyediakan khidmat nasihat dan pengurusan kepada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan PBT berhubung dengan pembangunan taman awam dan projek landskap sebagai sebahagian daripada sumbangan ke arah memperbaiki alam sekitar. Di samping itu, penelitian dan kelulusan pelan pembangunan di peringkat negeri telah diberi penekanan dengan penubuhan Jawatankuasa Perancangan Negeri yang menyediakan saluran bagi penyelaras dan pengurusan sumber asli yang cekap. Pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli serta pertimbangan pengurusan bagi sumber asli dan buatan manusia telah diambil kira dalam penyediaan Pelan Struktur dan Tempatan. Pada akhir tempoh RME, sebanyak 64 Pelan Struktur telah disiapkan manakala 32 lagi di peringkat akhir penyediaan.

19.25 Sumber Air. Kepesatan pertumbuhan industri dan ekonomi menyebabkan beberapa negeri mengalami kekurangan bekalan air. Di samping itu, pembukaan kawasan tanah tinggi menyebabkan terjejasnya kawasan tadahan dan berlakunya pemendapan yang menyekat pengaliran air sungai. Kehilangan air disebabkan kelemahan pengurusan kawasan tadahan terus menjadi masalah. Berikutan daripada itu, konsep pengurusan kawasan tadahan dalam perancangan dan pembangunan sumber air telah diperkenalkan bertujuan memastikan bekalan air yang berterusan dan terjamin dalam jangka panjang. Pembentukan garis panduan mengenai penggunaan sungai secara lebih baik telah dimulakan.

19.26 Sumber Hutan. Dalam tempoh RME, keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal telah bertambah dengan sejumlah 14.06 juta hektar telah dikenalpasti atau diwartakan sehingga akhir tahun 1995. Jumlah keluasan hutan adalah dianggarkan pada tahap 59 peratus manakala keluasan kawasan yang dilitupi pokok adalah dianggarkan 72 peratus daripada jumlah keluasan negara. Projek pemulihan hutan dan penubuhan ladang hutan telah dilaksanakan bagi memastikan bekalan balak yang berterusan pada masa hadapan. Untuk mempertingkatkan keberkesaan penguatkuasaan perhutanan, Akta Perhutanan Negara, 1984 telah dipinda pada tahun 1993 dan langkah telah diambil untuk mewajibkan penyediaan EIA bagi melindungi hutan dan kepelbagaiannya biologi terutamanya yang melibatkan

pembalakan hutan semulajadi. Kaedah pembalakan yang dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar (RIL) telah digalakkan dan pembalakan menggunakan helikopter telah dijalankan di Sarawak.

19.27 Pembangunan dan pengurusan sumber hutan telah diperkemaskan bertujuan memastikan hutan tumbuh semula secara semulajadi, menyediakan bekalan balak dan sumber lain seperti air bersih secara berterusan dan mengekalkan kestabilan ekologi. Sistem Sebaya Malaysia dan Sistem Pengurusan Memilih telah digunakan dalam pengusahasilan hutan, dengan mengambil kira faktor biologi, ekologi dan ekonomi bagi menjamin kemampuan. Di samping itu, program hutan tani telah digalakkan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat tempatan dengan mengurangkan pergantungan mereka terhadap hutan. Pengawasan sumber hutan telah dijalankan dengan meningkatkan penggunaan teknologi penderiaan jauh dan juga Sistem Maklumat Geografi (GIS) terutamanya bagi kerja inventori hutan kebangsaan ketiga di Semenanjung Malaysia. Usaha telah dipertingkatkan bagi memasarkan spesis balak yang kurang terkenal dan balak bergarispusat kecil serta meneroka prospek dan nilai keluaran bukan balak seperti rotan dan tumbuhan untuk ubat-ubatan. Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (P&P), penekanan telah diberi kepada pengurusan gunaan hutan, benci dan pengawasan sumber, silvikultur, penghutanan semula dan pemulihan, kajian alam sekitar serta industri berdasarkan sumber hutan.

19.28 Kepelbagaian Biologi. Malaysia merupakan salah satu daripada 12 negara di dunia yang dikenalpasti sebagai wilayah megadiversity. Warisan semulajadi yang kaya ini dilindungi di taman laut dan taman negara, kawasan simpanan dan santuari hidupan liar serta hutan simpanan kekal yang diwujudkan melalui berbagai undang-undang. Memandangkan isu kepelbagaian biologi bersifat merentasi sempadan, Malaysia telah menganggotai Konvensyen Kepelbagaian Biologi pada tahun 1992 untuk memainkan peranan proaktif dan membina di peringkat antarabangsa. Jawatankuasa Kepelbagaian Biologi Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 1994 untuk melindungi dan mengurus sumber biologi negara serta memastikan pengagihan sumber biologi dan teknologi yang adil dan saksama. Sehubungan dengan itu deraf Pelan Tindakan Kebangsaan telah dirangka.

19.29 Malaysia juga telah menandatangani Konvensyen RAMSAR Mengenai Tanah Lembab yang Berkepentingan Antarabangsa terutamanya sebagai Habitat Burung Air pada Mac 1994 dan Tasek Bera, yang merupakan sebuah tanah lembab yang penting telah ditambah ke dalam senarai kawasan dilindungi sebagai tapak RAMSAR. Dalam tempoh RME, Sarawak memperuntukkan 1.03 juta hektar hutan asal sebagai kawasan dilindungi dan mewujudkan Taman Negara baru di Batang Ai, Loagan Bunut dan Tanjung Datu. Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan dua kawasan perlindungan baru iaitu Taman Pulau Semporna dan Santuari Hidupan Liar Kinabatangan bertujuan melindungi sumber kepelbagaian biologi, air tawar dan laut.

19.30 Tanah. Kelemahan garispanduan dan pendekatan pemuliharaan tanah, telah menyebabkan berlakunya pembukaan tanah secara sewenang-wenangnya untuk projek pembangunan. Ini telah menimbulkan masalah seperti hakisan tanah serta pencemaran air dan udara. Aktiviti utama lain yang menyebabkan masalah hakisan tanah termasuklah amalan pertanian yang tidak baik, pembalakan, perlombongan, pembangunan perindustrian dan pelancongan, pembinaan jalan dan kerja penyediaan tapak. Undang-undang dan langkah pengawalan sedia ada didapati tidak mencukupi atau tidak dikuatkuasakan sepenuhnya untuk mengurangkan masalah hakisan tanah dan mendapan. Jadual Kerja dan Pembayaran di bawah Akta Pemaju Perumahan yang mengawasi amalan pembangunan tanah kurang meliputi dimensi alam sekitar.

19.31 Dalam tempoh Rancangan, langkah telah diambil untuk mengkaji semula dan memperkemaskan pendekatan sedia ada dalam pembangunan tanah serta menyepadukan amalan pemuliharaan tanah yang sistematik di semua peringkat pelaksanaan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 bertujuan mewajibkan langkah meminimumkan hakisan tanah dan mendapan. Berikutan daripada itu, Model Hakisan Tanah berdasarkan kepada Persamaan Kehilangan Tanah Universal telah dibentuk pada tahun 1992 dan digunakan oleh Pusat Remote Sensing Negara (MACRES) dan JAS untuk menghasilkan peta risiko hakisan tanah. Penggunaan GIS telah diperluaskan meliputi perancangan pembangunan tanah tinggi seperti di Cameron Highlands, Bukit Fraser, Genting Highlands dan juga pusat pentadbiran persekutuan di Putrajaya.

19.32 Sumber Tenaga dan Mineral. Malaysia terus mengurus dengan mampan kekayaan sumber tenaga yang merangkumi bahan api fosil seperti minyak, gas, arang batu serta sumber boleh dibaharui iaitu kuasa hidroelektrik, tenaga solar dan biomass. Bagi memanjangkan tempoh simpanan bahan api fosil negara, penghasilan minyak telah dihadkan kepada kira-kira 630,000 tong sehari manakala kawasan yang mempunyai tahap penggunaan gas yang tertinggi iaitu Semenanjung Malaysia, penggunaannya dihadkan pada kadar 2,000 juta kaki padu standard sehari. Bagi stok sumber boleh dibaharui pula, kuasa hidroelektrik telah dibangunkan dengan berhemat bagi mengoptimumkan penjanaan elektrik di samping meminimumkan kesan negatif kepada alam sekitar. Satu lagi sumber tenaga iaitu tenaga solar telah dimaju dan digalakkan di kawasan pedalaman.

19.33 Pembangunan mampan sumber mineral negara telah dipandu arah oleh Dasar Mineral Negara yang digubal pada tahun 1992. Sejakar dengan ini, Akta Pembangunan Mineral yang meliputi aspek peraturan berkaitan mencarigali dan melombong telah diwartakan pada tahun 1994. Model Enakmen Mineral Negeri yang meliputi pertimbangan dan tatacara yang lebih baik mengenai alam sekitar serta yang boleh diterima pakai di semua Negeri, telah dibentuk untuk menyeragamkan prosedur dan menjadikan sektor mineral lebih menarik untuk pelaburan. Di samping itu, tanah bekas lombong telah dibaikpulih dan digunakan sebagai kawasan rekreasi atau untuk

kegiatan ternakan ikan. Pada keseluruhannya, program tersebut telah mengoptimumkan eksplorasi sumber mineral dan juga mengurangkan pembaziran.

19.34 Sumber Pantai dan Laut. Malaysia mempunyai pesisiran pantai yang panjang yang juga merupakan salah satu zon pantai yang mengandungi hidupan laut dan sumber yang paling pelbagai di dunia. Kawasan ini didiami oleh sebahagian besar penduduk dan juga merupakan pusat kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, pembangunan yang pesat serta reka bentuk perancangan dan pemilihan lokasi kegiatan pembangunan pantai yang tidak sesuai, telah mula menimbulkan masalah. Tekanan ekonomi telah menyebabkan penebangan hutan bakau secara sewenang-wenangnya untuk projek akuakultur, pertanian dan pembangunan pelancongan; eksplorasi sumber pantai melebihi tahap mampan terutamanya di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia. Di samping itu, pembangunan pesat industri di darat telah meningkatkan pencemaran organik dan bukan organik di sungai dan perairan pantai. Kehilangan hutan bakau dan hutan tanah lembab lain yang berfungsi sebagai kawasan pembiakan berbagai-bagai spesis ikan dan udang telah mengakibatkan kemerosotan sumber perikanan. Kehilangan hutan tersebut juga menjadikan fungsi tanah lembab sebagai kawasan tahanan yang penting semasa hujan lebat untuk membantu mencegah kejadian banjir kilat.

19.35 Usaha telah dijalankan untuk melindungi dan memulihara kawasan pembiakan ikan serta kawasan pesisiran pantai yang kritikal. Sebanyak 38 buah pulau telah diwartakan sebagai taman laut dan enam lagi sebagai kawasan larangan menangkap ikan. Taman laut memainkan peranan penting dalam menyelesaikan konflik di antara pelancongan, perikanan dan aktiviti pesisiran pantai yang lain dan juga menghentikan kehilangan habitat semulajadi di zon pantai. Di samping itu, kira-kira RM100 juta telah dibelanjakan dalam tempoh RME untuk melindungi sebanyak 29 peratus kawasan pesisiran pantai negara yang masih diancam hakisan.

### **Inisiatif Lain**

19.36 Pendidikan dan Kesedaran Awam. Dalam tempoh RME, berbagai-bagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta telah melaksanakan program pendidikan, latihan dan kesedaran alam sekitar. Walaupun usaha-usaha ini telah dijalankan, tahap kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia didapati masih rendah.

19.37 Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menggunakan pendekatan pelbagai disiplin sebagai strategi jangka panjang bagi mewujudkan kefahaman dan pandangan yang lebih jelas di kalangan masyarakat terhadap alam sekitar. Dimensi alam sekitar telah diperkenalkan ke dalam kurikulum prasekolah, sekolah rendah dan menengah serta institusi pengajian tinggi dan juga maktab perguruan. Buku teks telah disemak semula bertujuan memasukkan nilai alam sekitar dan memastikan fakta berkenaan adalah tepat. Ini dilengkapi dengan kegiatan kokurikulum yang berteraskan alam

sekitar. Beberapa universiti menawarkan kursus sains alam sekitar di peringkat ijazah dan lepasan ijazah selain daripada menubuhkan pusat penyelidikan alam sekitar dan latihan dalam perkhidmatan.

19.38 Di bidang industri pula, Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) telah melancarkan program teknologi yang tidak mencemar dengan tumpuan kepada masalah alam sekitar yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana (IKS). Kakitangan PBT juga diberi latihan bagi melengkapkan mereka dengan kefahaman yang menyeluruh mengenai pengurusan sisa pepejal.

19.39 Di sektor tidak formal pula, terdapat peningkatan aktiviti dan program kesedaran yang dianjurkan oleh sektor swasta dan NGO yang meliputi program untuk kanak-kanak sekolah, kuiz dan kempen kesedaran lain seperti Kempen Cintailah Sungai Kita, Kempen Menanam Pokok, Kempen Bersih dan Indah, Kempen Kesedaran Jerubu serta kempen mendidik masyarakat mengenai pemuliharaan sumber. Ini diperlengkapkan dengan pameran dan berbagai aktiviti yang dianjurkan oleh Kerajaan dengan kerjasama pihak media, NGO dan sektor swasta dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar.

19.40 Majlis Perniagaan Malaysia bagi Pembangunan Mampan (BCSDM) telah ditubuhkan pada tahun 1992 untuk mewujudkan masyarakat perniagaan yang beriltizam terhadap pemuliharaan alam sekitar. BCSDM telah menggalakkan masyarakat perniagaan menjadikan pengurusan alam sekitar sebagai keutamaan korporat dengan melancarkan Anugerah Pembangunan Mampan pada tahun 1995 kepada syarikat yang memenuhi kriteria BCSDM dalam mengamalkan pembangunan mampan. Di samping itu, Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia telah menyokong 16 prinsip "Piagam Perniagaan untuk Pembangunan Mampan" yang digunakan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa yang bertujuan menangani masalah alam sekitar. Sektor swasta juga menganjurkan kempen guna semula dan pelupusan barang seperti tin aluminium, plastik, kertas dan botol.

19.41 JAS telah menerbitkan berbagai-bagai bentuk maklumat untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai isu semasa alam sekitar dan bagaimana masyarakat boleh membantu memeliharanya. JAS juga menghasilkan bahan dokumentari video dan pameran untuk sekolah dan agensi yang berkenaan. Jabatan Filem Negara juga menjalankan aktiviti yang sama. Alam sekitar terus menjadi bahan lazim dalam media cetak dan elektronik yang memberi liputan khas mengenai isu alam sekitar dan juga aktiviti pemuliharaan.

19.42 Kerjasama Antarabangsa dan Serantau. Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam menjayakan persidangan UNCED yang telah diadakan di Rio de Janeiro, Brazil pada Jun 1992. Hasil daripada persidangan tersebut, satu pelan tindakan yang merangkumi strategi bersepada dan program terperinci telah dirangka untuk menghenti dan merubah kesan pencemaran alam sekitar dan menggalakkan

pembangunan yang mampan dan mesra alam sekitar. Pelan tindakan ini yang dikenali sebagai Agenda 21, yang menjadi asas kepada tindakan oleh masyarakat antarabangsa untuk menyepakatkan alam sekitar dan pembangunan dengan pelaksanaannya, diawasi oleh Suruhanjaya Pembangunan Mampan (CSD). Malaysia telah dipilih sebagai Pengurus pertama CSD dan merupakan negara pertama menganjurkan seminar kebangsaan sebagai tindakan susulan persidangan Rio.

19.43 Selaras dengan iltizam Agenda 21, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Rangkakerja Perubahan Iklim (FCCC), Konvensyen Kepelbagai Biologi, Konvensyen Basel Mengenai Pergerakan Sisa Toksid dan Berbahaya Merentasi Sempadan dan Pelupusannya, Konvensyen RAMSAR dan Konvensyen Penggurunan. Malaysia juga telah mewujudkan mekanisme untuk melaksanakan konvensyen-konvensyen tersebut dan meneruskan usaha melaksanakan keputusan persidangan UNCED dan juga konvensyen antarabangsa lain seperti yang berkaitan dengan Bahan Menyusut Ozon (ODS), isu perhutanan serta stok ikan yang hidupnya berpindah randah.

19.44 Pada penghujung tahun 1991, perundingan berkenaan perdagangan dan alam sekitar di bawah Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) telah diputuskan dan Kumpulan Langkah-langkah Alam Sekitar dan Perdagangan Antarabangsa telah bersidang. Susulan kepada Keputusan Persidangan Peringkat Menteri berkenaan Perdagangan dan Alam Sekitar di Marrakesh pada tahun 1994, hubungkait di antara perdagangan, alam sekitar dan pembangunan mampan telah diberi keutamaan dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Bagi menangani kebimbangan agar isu alam sekitar tidak digunakan untuk membayangi motif perlindungan perdagangan, satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji implikasi peraturan baru dan merangka maklumbalas yang sesuai berhubung isu alam sekitar dalam perdagangan antarabangsa.

19.45 Sejajar dengan tindakan Malaysia menandatangani Protokol Montreal bagi Melindungi Lapisan Ozon yang bertujuan memansuhkan secara berperingkat CFC, satu strategi kebangsaan untuk mengurangkan penggunaan ODS telah digubal. Di samping itu, bantuan kewangan daripada Tabung Eksekutif Pelbagai Hala Protokol Montreal telah disediakan untuk membantu sektor swasta memansuhkan secara berperingkat-peringkat penggunaan CFC. Penyertaan sektor swasta didapati menggalakkan dan pada akhir tahun 1995, sebanyak 66 projek ODS bernilai RM55 juta telah diluluskan. Malaysia juga telah menandatangani FCCC pada tahun 1994. Berikutnya daripada itu, satu Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Perubahan Iklim telah ditubuhkan untuk menggubal dasar dan memulakan program penyelidikan saintifik berkaitan pemanasan global dan kenaikan paras laut serta kesannya kepada pembangunan sosio-ekonomi.

19.46 Malaysia terus menyuarakan kebimbangan terhadap kekurangan pemindahan sumber kewangan dan teknologi mesra alam sekitar dari negara-negara Utara kepada negara-negara Selatan. Sumbangan negara maju kepada Bantuan Pembangunan

Rasmi (ODA) jauh tidak mencapai tahap 0.7 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) seperti dijanjikan di persidangan UNCED. Pemindahan teknologi pada kos yang munasabah masih belum dilaksanakan, dan adalah penting bagi negara-negara Selatan menggesa negara-negara Utara memenuhi iltizam mereka sebagai tanggungjawab bersama. Bidang lain yang diberi perhatian adalah Pelaksanaan Bersama (JI) di bawah FCCC yang menghendaki negara membangun memberikan iltizam dalam menyediakan penyerap karbon untuk menampung pelepasan pencemaran di negara maju. Bagi menjaga kepentingan negara membangun, Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam mendefinisikan semula kriteria JI dan syarat pelaksanaan dalam Jawatankuasa Perundingan Antarabangsa mengenai FCCC.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

19.47 Dalam tempoh RMT, Kerajaan akan terus mengimbangkan objektif pertumbuhan dan keprihatinan terhadap alam sekitar. Pertimbangan alam sekitar akan terus disepadukan dalam pengubalan dasar sektoral bagi memastikan pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan. Di samping menguasai keupayaan teknikal, dasar yang sesuai dan keupayaan perancangan akan diwujudkan bagi menangani masalah pencemaran alam sekitar yang rumit. Penggunaan kaedah pengawalan pencemaran yang lebih berkesan dan keberkesanan kos, menerusi P&P serta perolehan teknologi yang tidak mencemar akan digalakkan bagi mencapai tahap pengurangan pencemaran yang ditetapkan. Kira-kira RM1.9 bilion akan diperuntukkan dalam belanjawan Kerajaan untuk meningkat dan melindungi alam sekitar serta memelihara dan menggalakkan penggunaan sumber secara mampan. Usaha Kerajaan ini akan diperlengkap dan dibantu oleh pelaburan sektor swasta dalam bidang alam sekitar dan pengurusan sumber asli. Sektor swasta akan digesa memperbaiki operasi mereka selaras dengan usaha meningkatkan produktiviti ke atas sumber manusia dan sumber asli. Usaha akan juga diambil bagi membangunkan niche dalam produk alam sekitar dan teknologi yang membolehkan Malaysia menikmati faedah berbanding dan mampu memenuhi permintaan antarabangsa yang semakin meningkat.

19.48 Dasar Negara mengenai Alam Sekitar. Pengurusan alam sekitar dan sumber asli dalam tempoh RMT akan dipandu arah oleh Dasar Negara mengenai Alam Sekitar yang sedang digubal bagi memastikan kemampaman yang berterusan serta peningkatan kualiti hidup. Dasar ini bertujuan menggalakkan kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan mampan. Objektif-objektif Dasar Negara mengenai Alam Sekitar ialah:

- (i) mencapai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat, dan produktif untuk generasi sekarang dan masa hadapan;

(ii) memulihara sumber asli dan warisan kebudayaan negara yang unik dengan penglibatan secara berkesan oleh semua pihak; dan

(iii) menggalak cara hidup serta corak penggunaan dan pengeluaran yang sejajar dengan prinsip pembangunan mampan.

19.49 Intipati dasar ini adalah berasaskan kepada tujuh prinsip yang saling berkaitan yang dikenalpasti seperti berikut:

- o Penjagaan terhadap alam sekitar;
- o Pemuliharaan kesuburan dan kepelbagaiannya;
- o Peningkatan berterusan tahap kesihatan, keselamatan, kualiti alam sekitar untuk pembangunan manusia yang mampan;
- o Integrasi unsur-unsur kemampuan dalam semua keputusan pembangunan;
- o Iltizam dan akauntabiliti;
- o Kewajaran dan keberkesanan penggunaan sumber-sumber asli; dan
- o Penglibatan aktif dalam masyarakat antarabangsa.

19.50 Satu Pelan Tindakan akan dibentuk bertujuan menggerakkan berbagai-bagai aspek Dasar Negara mengenai Alam Sekitar. Tumpuan akan diberi terhadap penyediaan rangka kerja pendekatan pembangunan yang bersepada, peningkatan keberkesanan rangka kerja perundangan dan institusi, cadangan langkah yang sesuai untuk mengurangkan kesan pembangunan terhadap alam sekitar, peningkatan pendidikan, komunikasi serta kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar serta program latihan dan juga penyerapan pertimbangan alam sekitar dalam pengurusan sumber dan perancangan pembangunan.

19.51 Dengan meningkatnya penekanan kepada pendekatan bersepada dan pencegahan, rangka kerja institusi akan diperkuatkan bagi memastikan penyediaan keupayaan yang mencukupi untuk mengendalikan fungsi perancangan, perundangan dan penguatkuasaan, latihan dan pendidikan serta P&P. Pertimbangan alam sekitar akan terus disepadukan ke dalam proses membuat keputusan di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT.

19.52 Dalam tempoh Rancangan, mekanisme perundangan di berbagai-bagai peringkat akan diperkemas menjadi sebahagian daripada komponen perancangan projek untuk mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar daripada pelaksanaan projek yang dicadangkan. Sebagai susulan kepada perakuan Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang, beberapa peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 akan dipinda bagi mewujudkan peraturan yang lebih ketat dan denda yang lebih berat seperti peningkatan kadar denda maksimum, kuasa menghentikan operasi kilang serta pampasan mandatori kepada mangsa pencemaran alam sekitar. Rangka undang-undang dan peraturan tersebut akan diperlengkapkan

menerusi penggunaan instrumen cukai dan instrumen ekonomi yang inovatif seperti caj andaian yang mengenakan bayaran berdasarkan jangkaan jumlah pengeluaran pencemaran tahunan, cukai hutan berdasarkan kesan daripada berbagai aktiviti hutan, caj pencemaran berdasarkan tahap pematuhan, pelepasan duti import, cukai jualan dan elaun modal khas bagi pengimportan mesin mesra alam sekitar. Kajian sedang dijalankan untuk mengenalpasti instrumen dan insentif yang sesuai untuk digunakan terhadap sektor yang mengeluarkan beban pencemaran yang tinggi.

19.53 Berhubung dengan pengawasan dan penguatkuasaan, keupayaan kawal selia akan dipertingkatkan. Struktur denda berkaitan kesalahan mencemar alam sekitar akan dipinda untuk memastikan hukuman yang lebih berat dikenakan terutamanya kepada pencemar yang melakukan kesalahan berulangkali. Keupayaan pengawasan udara akan dipertingkatkan dan rangkaian pengawasan kualiti air akan dibangunkan untuk mempertingkatkan keupayaan pengukuran *in situ* serta pengawasan dan pengesanan punca pencemaran di darat dan di laut. Di samping itu, untuk mengatasi kekurangan kakitangan penguatkuasaan dan untuk meningkatkan keberkesanannya, fungsi agensi penguatkuasaan seperti JAS, Jabatan Kesihatan dan Lembaga Racun Makhluk Perosak dan PBT akan dirasionalisasi dan diperkemaskin serta latihan secukupnya kepada kakitangan penguatkuasaan akan disediakan.

### **Pengurusan Alam Sekitar**

19.54 Kualiti Udara. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan dalam tempoh RME bagi meningkatkan kualiti udara, beberapa strategi akan dilaksanakan dalam beberapa fasa bagi tempoh RMT yang meliputi bidang-bidang berikut:

- o Tenaga: Menggunakan sumber tenaga yang kurang mencemar seperti bahan api yang mempunyai kandungan sulfur yang rendah dan tenaga boleh dibaharu terutamanya solar;
- o Pengangkutan: Mengawal dengan ketat pelepasan asap daripada kenderaan termasuk motosikal untuk meningkatkan kualiti udara bandar menerusi penggunaan enjin diesel yang lebih bersih dan sistem ekzos yang cekap; membangunkan sistem pengurusan trafik yang menyeluruh; melaksanakan program pemeriksaan dan penyeliaan bagi semua kenderaan sebelum pembaharuan lesen; dan menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik terutamanya di kawasan bandar untuk mengurangkan jumlah beban pencemaran;
- o Industri: Menggalakkan penggunaan teknologi yang tidak mencemar, peralatan mengawal pencemaran, bahan api gantian, penempatan industri di lokasi yang sesuai serta membangunkan kemudahan pelupusan sisa industri. Bantuan akan disediakan terutamanya kepada IKS bertujuan membolehkan mereka membangun dan menggunakan teknik yang sesuai dan berkemampuan untuk mematuhi standard yang ditetapkan;

- o Perumahan: Mewujudkan kehijauan alam sekitar melalui penanaman pokok dan lanskap, menggalakkan amalan pembinaan yang baik, menggunakan semula sisa pembinaan dan menggalakkan penggunaan alat insinerasi untuk sisa perbandaran;
- o Pertanian: Menggalakkan amalan pertanian bercirikan alam sekitar, menggunakan semula sisa pertanian dan pembakaran sifar;
- o P&P: Menjalankan penyelidikan terhadap kesan pencemaran kepada kesihatan serta ekonomi dan alam sekitar setempat; dan
- o Tenaga Manusia dan Latihan: Meningkatkan latihan formal dan tidak formal bagi semua peringkat kakitangan sektor awam dan swasta dalam memenuhi keperluan dan teknik penyediaan projek bagi mengelakkan kesan buruk terhadap alam sekitar serta menyediakan kaedah mengawal kemerosotan alam sekitar semasa melaksanakan projek.

19.55 Sejajar dengan strategi negara berkenaan pengurangan ODS, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pengguna utama industri untuk mengawal dan mengurangkan penggunaan CFC dan halon serta mengenalpasti bahan alternatif dan teknologi yang sesuai dalam industri pendinginan kenderaan, penyejukan, agen pembersih, aerosol propellant dan halon. Pemansuhan import dan penggunaan ODS dijangka dapat dicapai lebih awal daripada jadual yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa.

19.56 Kualiti Sungai. Bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan sungai, tanggungjawab ke atasnya dijangka diambil alih secara berperingkat oleh Kerajaan Negeri seperti yang telah dilakukan oleh Majlis Sumber Air Negeri Sarawak. Satu mekanisme yang sesuai akan dibentuk untuk mempertingkatkan perancangan sumber air serta pembangunan kawasan tadahan dan legeh bagi memastikan bekalan air yang mencukupi serta bersih. Usaha-usaha akan diambil di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi menentukan mekanisme institusi, perundangan dan kewangan bagi melaksanakannya. GIS dan penderiaan jauh akan digunakan secara bersama dengan model kualiti air untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan sungai dan kawasan tadahan air. Di peringkat industri pula, standard yang lebih ketat akan diperkenalkan yang bertujuan untuk memastikan pemasangan peralatan pengolahan air sisa yang lebih baik dan mengenakan bayaran bagi pelepasan air sisa. Bagi air bawah tanah pula, peraturan baru akan dibentuk bagi menjaga kualiti air dan mengawal penggunaannya.

19.57 Sisa Pepejal. Pelupusan sisa pepejal akan diswastakan kepada sebuah konsortium yang akan menggunakan sistem pengurusan yang bersepadan bertujuan mengurangkan kemerosotan alam sekitar. Menjelang tahun 2000, jumlah sisa pepejal dijangka mencapai tahap sembilan juta tan metrik setahun dan ini akan memerlukan

keupayaan operasi yang lebih besar. Bagi tujuan ini, keutamaan yang tinggi akan diberi kepada usaha mengurangkan sisa. Teknologi yang lebih moden untuk memproses sisa di peringkat awal pengurusannya akan digunakan secara bersama dengan kaedah alternatif pengurusan sisa seperti pengkomposan, guna semula, dan insinerasi serta perolehan semula tenaga. Penggunaan insinerasi sisa akan digalakkan secara lebih meluas di bandar-bandar utama dan dijadikan sebahagian daripada pelan pembangunan pulau peranginan. Kajian akan dijalankan untuk menentukan kaedah yang berkesan melupus sisa pepejal dan sisa minyak industri. Kerajaan akan mengemaskinikan undang-undang dan peraturan di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT bertujuan memastikan pelupusan sisa pepejal yang sesuai termasuklah pengasingan mandatori sisa domestik yang boleh diguna semula. Sebagai badan kawalselia, PBT dijangka membentuk operasi yang standard dan reka bentuk yang lebih baik untuk tapak pelupusan.

19.58 Bahan dan Sisa Berbahaya. Penswastaan kemudahan menyimpan, mengolah serta melupus sisa toksid dan berbahaya di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dijangka beroperasi pada tahun 1998. Ianya berkeupayaan mengendalikan 400,000 tan metrik sisa toksid yang merupakan kira-kira 90 peratus daripada pelepasan aktiviti perindustrian. Bagi menyokong dan memudahkan pengumpulan dan penyimpanan sisa, stesen pemindahan akan dibina di Pulau Pinang, Johor dan Terengganu. Kenderaan pengangkut yang khusus dan selamat akan digunakan sebagai sebahagian daripada sistem bersepadu untuk mengurus sisa toksid dan berbahaya.

19.59 Kawalan ke atas penggunaan kimia toksid akan dipertingkatkan menerusi kajian semula langkah penjagaan, undang-undang, peraturan dan garis panduan yang sedia ada. Ini akan diperlengkapkan dengan berbagai-bagai insentif untuk menggalakkan amalan pengurusan yang sesuai bagi sisa berbahaya serta penggunaan proses dan teknologi bercirikan alam sekitar. Agensi P&P sektor awam akan menumpukan usaha ke arah mengenalpasti sistem serta teknologi pelupusan yang berkesan dan sesuai, melatih kakitangan yang berkaitan, di samping menerapkan kesedaran di kalangan masyarakat dan industri yang berkaitan. Malaysia akan memperkuuhkan sokongannya terhadap usaha antarabangsa untuk mencegah penyeludupan haram produk toksid dan berbahaya serta mematuhi pelaksanaan garis panduan antarabangsa yang berkaitan, termasuklah yang dipersetujui di bawah Konvensyen Basel. Bagi pengurusan sisa radioaktif, tapak penyimpanan yang sesuai akan dikenalpasti untuk memenuhi peningkatan keperluan penyimpanan dan penyesuaian untuk pelupusan.

19.60 Lembaga Racun Makhluk Perosak dan agensi berkaitan akan diperkuuh untuk memastikan racun makhluk perosak yang diiktiraf sahaja digunakan di samping mengawasi sisa racun makhluk perosak dan mengambil tindakan susulan yang sesuai. Undang-undang akan disemak untuk mengawal penggunaan racun makhluk perosak di ladang dan pelupusan bekasnya. Kaedah pertanian organik serta penggunaan racun makhluk perosak yang mesra alam sekitar dan pengurusan makhluk perosak

bukan kimia seperti pengawalan biologi akan digalakkan. Program latihan dan pendidikan penggunaan secara selamat racun makhluk perosak dan yang meliputi aspek pemeliharaan alam sekitar akan dipertingkatkan.

**19.61 Tenaga dan Alam Sekitar.** Dasar tenaga negara akan ditumpukan kepada pembekalan tenaga yang cekap dengan kos yang menjimatkan. Sejajar dengan dasar kepelbagai tenaga, penggunaan gas asli akan diperluaskan kepada kegunaan industri, komersil dan kediaman. P&P terhadap sumber tenaga yang mampan, amalan dan teknologi tenaga yang cekap serta pembangunan sumber tenaga baru dan boleh dibaharui yang bercirikan alam sekitar akan digalakkan. Langkah yang sesuai akan diperkenalkan untuk menggalakkan proses penghasilan tenaga yang cekap menerusi pengkomersilan sumber tenaga baru dan boleh dibaharui. Pertimbangan akan juga diberi untuk mengubahsuai corak pengeluaran tenaga sedia ada yang terlalu tertumpu dan bergantung kepada sistem skala besar kepada sistem tenaga yang tersebar bagi memenuhi keperluan tenaga dengan lebih menjimatkan di samping kurang memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

### **Pengurusan Sumber Asli**

**19.62** Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan memberi penekanan kepada pengurusan sumber asli untuk memastikan penggunaan dan pembangunan yang mampan. Strategi Pemuliharaan Sumber Asli Negara (NCS) akan digunakan sebagai rangka kerja pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan sumber asli. Objektif NCS adalah:

- (i) memulihara sumber asli untuk mengekalkan proses ekologi, memelihara kepelbagai biologi dan memulihkan sumber asli yang rosak secara keberkesanan kos;
- (ii) menggunakan sumber asli dengan cara yang mampan dan juga memastikan sumber tidak boleh dibaharui dilombong tanpa melebihi kadar pengwujudan sumber modal gantian; dan
- (iii) mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan penggunaan sumber, memberikan keutamaan yang tinggi kepada sumber boleh dibaharui yang telah diteroka serta mencegah kemerosotan ekosistem rapuh yang memberikan pengaruh hiliran yang besar.

**19.63** Sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan sumber asli, Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mewujudkan Sistem Perakaunan Sumber Asli bertujuan menyediakan petunjuk dan maklum balas mengenai kadar penggunaan sumber. Sistem ini yang mengawasi perlombongan serta penggunaan sumber asli akan memastikan tindakan pemberian sewajarnya dapat diambil untuk mencegah penggunaan sumber asli secara yang tidak mampan.

19.64 Sumber Tanah. Dalam tempoh RMT, pertimbangan alam sekitar akan disepadukan dengan perancangan guna tanah. Dimensi alam sekitar akan dimasukkan ke dalam pelan pembangunan wilayah dan pelan spatial negara serta pelan struktur yang sedia ada. Bagi mengurangkan kesan negatif pembangunan dan proses pembandaran yang pesat, usaha akan ditumpukan untuk menyebarkan kegiatan sosio-ekonomi, peningkatan keupayaan pengangkutan awam, dan pengurangan sisa serta pelepasan pencemaran.

19.65 Oleh kerana proses memperkuuhkan perancangan guna tanah memerlukan sokongan daripada semua Kerajaan Negeri, Majlis Tanah Negara akan memainkan peranan yang lebih besar dalam isu guna tanah dengan menerima pendekatan menyeluruh dan terselaras. Ini akan diperlengkapkan dengan penggunaan instrumen ekonomi untuk menggalakkan Kerajaan Negeri mengamalkan cara guna tanah yang bercirikan alam sekitar. Instrumen ekonomi tersebut termasuklah penyediaan insentif dan pinjaman mudah untuk menggalakkan langkah pemuliharaan alam sekitar dalam pembangunan tanah.

19.66 Kerajaan akan menubuhkan Sistem Maklumat Tanah Negara (NALIS) sebagai sumber utama data berhubung dengan tanah. Klasifikasi Keupayaan Tanah akan dikemaskini bagi memudahkan perancangan guna tanah. Sistem maklumat ini akan diperlengkapkan melalui perkembangan keupayaan penderiaan jauh yang akan digunakan untuk menilai kekayaan warisan sumber asli secara berkesan dan mengurus sumber tanah dengan lebih baik.

19.67 Sumber Air. Permintaan air bagi sektor domestik dan industri dijangka meningkat kepada 3.7 bilion meter padu (bmp) menjelang tahun 2000 berbanding 2.6 bmp pada tahun 1990. Permintaan untuk pengairan akan meningkat kepada 10.4 bmp berbanding 9.0 bmp bagi tempoh yang sama. Bagi menyediakan bekalan yang mencukupi, pembinaan empangan lebih jauh ke hulu sungai dan peningkatan penggunaan air bawah tanah diperlukan. Usaha untuk membangunkan bekalan air dijangka melibatkan pelaburan yang tinggi disebabkan sumber air yang semakin sedikit dan jauh di pedalaman, sistem retikulasi yang lebih besar serta kos rawatan yang tinggi. Dalam hubungan ini, kawasan tадahan dan legeh perlu dilindungi untuk memastikan potensi sumbangan tidak terjejas. Kerajaan Negeri juga akan menyelaras usaha mencegah eksloitasi dan pencemaran air bawah tanah yang berlebihan. Kerajaan akan mengemaskini semula laporan Kajian Sumber-Sumber Air Negara 1982 dengan tujuan untuk memberi panduan kepada Kerajaan Negeri dalam menyediakan pelan induk sumber air, membangunkan rancangan pewilayahran kawasan tадahan, pangkalan data untuk rangkaian maklumat pengurusan sumber air dan melaksanakan usaha meningkatkan kecekapan pengurusan yang diperlukan. Kerajaan juga akan mengkaji pembentukan mekanisme yang sesuai untuk menyelesaikan isu perundangan, institusi dan kewangan berkaitan dengan air.

19.68 Sumber Hutan. Pembangunan sistem pengusahasilan bercirikan alam sekitar merupakan faktor terpenting untuk mencapai pengurusan estet hutan kekal yang mampan bagi Malaysia dan mengekalkan keluasan kawasan berhutan pada tahap 50 peratus dalam tempoh jangka panjang. Pilihan dasar lain termasuklah mewajibkan penyediaan EIA bagi kegiatan perhutanan; cukai dalam bentuk premium hutan; royalti dan ses silvikultur; subsidi untuk menubuhkan ladang hutan; caj pencemaran bagi aktiviti yang merosakkan hutan; pemuliharaan hutan; serta pengluasan rangkaian kawasan dilindungi supaya meliputi lebih banyak ekosistem, spesis dan pusat endemisme. Maklumat berkaitan status kawasan yang telah dibalak akan dikumpul dalam tempoh RMT bertujuan menggubal jadual pembalakan sehingga tahun 2000.

19.69 Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan ke atas pembalakan haram, sebuah Pasukan Petugas akan ditubuhkan untuk menyelaras aktiviti agensi yang terlibat seperti Jabatan Perhutanan, angkatan tentera dan polis. Pasukan ini akan diberi tanggungjawab untuk melakukan pemeriksaan yang kerap terhadap aktiviti pembalakan di negeri-negeri. Pengawasan udara akan juga dipertingkatkan.

19.70 Malaysia sedang membuat persediaan ke arah memenuhi iltizam terhadap Objektif Tahun 2000 Organisasi Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) yang mensyaratkan semua balak yang dipasarkan di peringkat antarabangsa mestilah dihasilkan daripada hutan yang diurus secara mampan. Di samping itu, cadangan untuk melaksanakan pelabelaneko dan persijilan balak kepada hasil hutan akan dikaji dengan teliti. Malaysia akan meningkatkan usaha ke arah mengurus dan membangun hutan sejajar dengan garis panduan, kriteria dan petunjuk yang digubal oleh ITTO.

19.71 Usaha P&P akan dipertingkatkan untuk memastikan penggunaan sepenuhnya produk kayu dan pemprosesan hiliran produk berasaskan kayu seperti papan tatal, papan serpai dan arang briquette. Tahap pengeluaran balak akan dikekalkan menerusi pengurangan pembaziran hasil hutan dan juga peningkatan kecekapan pemprosesan. Pengeluaran dari ladang hutan dan pemprosesan kayu getah dijangka menjadi sumber tambahan kepada pengeluaran balak daripada hutan semulajadi.

19.72 Kepelbagai Biologi. Usaha akan dipertingkatkan untuk merekod spesis yang wujud dan memperkuatkannya pemuliharaan kepelbagai biologi in situ dan ex situ menerusi penyimpanan germ-plasm dalam bank genetik, penubuhan arboretum dan taman botani. Pertambahan keluasan kawasan simpanan kepelbagai biologi akan dilakukan dengan memperluaskan estet hutan kekal, meliputi kawasan yang tidak diperlukan untuk bentuk pembangunan yang lain. Habitat kritikal seperti kawasan tanah tinggi, hutan paya bakau dan gambut yang masih kurang dilindungi akan dikenalpasti dan diwartakan sebagai kawasan yang dilindungi. Tanah lembab seperti Tasek Bera dan beberapa kawasan lain akan dikenalpasti dan diwartakan sebagai kawasan RAMSAR. Isu dan implikasi keselamatan biologi hasil daripada genetically-

modified organisms dan hakcipta harta intelek berkaitan perdagangan akan diberi perhatian.

19.73 Tanah. Dalam tempoh Rancangan, langkah yang sistematik akan diambil untuk menyepadukan perancangan pemuliharaan tanah dengan pembangunan fizikal serta mengkaji semula undang-undang dan garis panduan sedia ada berkaitan pembangunan dan pemuliharaan tanah. Jadual Kerja dan Pembayaran yang sedia ada di bawah Akta Pemaju Perumahan akan dipinda untuk mengambilkira faktor alam sekitar, manakala standard hakisan tanah akan dibentuk untuk aktiviti kerja tanah, pembersihan tanah dan pertanian beserta spesifikasi mengenai kecuraman lereng yang kritikal. Garis panduan Pengurusan Tanah bagi Mengawal Hakisan Tanah dan Pemendapan yang sedia ada akan disemak semula dan keperluan merangka satu Akta Hakisan Tanah dan Kawalan Pemendapan akan dikaji. Pada masa yang sama, penggunaan Kod Tanah Negara untuk mengatasi hakisan tanah dan menggalakkan pemuliharaan tanah akan dikaji. Peraturan lain yang akan dipinda termasuklah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 dan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan), 1989. Maklumat geoteknik akan digunakan untuk mengurang dan mencegah bahaya disebabkan kepesatan aktiviti pembinaan bangunan tinggi dan pelaksanaan projek infrastruktur yang besar.

19.74 Sumber Tenaga dan Mineral. Pembangunan sumber tenaga akan terus menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Langkah akan diambil untuk mengurangkan pergantungan kepada minyak mengikut jadual masa yang sesuai. Usaha menggantikan minyak dan mempelbagaikan bekalan tenaga akan diasaskan kepada sumber asli seperti gas, kuasa hidroelektrik, arang batu dan sumber tenaga baru yang bukan konvensional. Dasar susutan minyak negara dan had penggunaan gas di semenanjung akan terus dipatuhi sebagai langkah memaksimumkan tempoh hayat sumber yang tidak boleh dibaharui. P&P terhadap usaha mencari sumber tenaga dan kaedah pembakaran yang bersih akan diberi penekanan.

19.75 Pelaksanaan Dasar Mineral Negara dijangka meningkatkan aktiviti carigali dan perlombongan di negara ini. Langkah akan diambil untuk mempertingkatkan teknologi cari gali, melombong dan memproses; mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar; mengadakan inventori kebangsaan untuk pengurusan dan perancangan guna tanah yang berhemat dan juga meningkatkan perhubungan dengan Kerajaan Negeri dalam memastikan sumber mineral yang berharga tidak susut dengan cepat. Enakmen Mineral Negeri yang bertujuan menjadi enakmen standard untuk setiap negeri akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk diterimapakai. Penggunaan teknologi seperti GIS dan penderiaan jauh akan dimaksimumkan untuk keberkesanan perancangan, pengurusan dan galakan pelaburan sektor perlombongan. Pusat maklumat sumber mineral setempat akan ditubuhkan untuk menyediakan maklumat kepada pelabur. Pusat ini juga akan

menilai penggunaan bahan logam dan mineral industri tempatan dan yang diimport yang diperlukan untuk tujuan pembangunan.

19.76 Sumber Pantai dan Laut. Dasar pengurusan zon pantai negara akan digubal bertujuan menyediakan prinsip dan garis panduan yang jelas untuk menyelesaikan konflik di antara kepentingan berbagai-bagai jenis pembangunan dan pertimbangan alam sekitar untuk memastikan kemampunan sumber pantai seperti hutan bakau dan gambut. Di bawah dasar ini, pelan pengurusan zon pantai bersepadu akan dibentuk untuk menyesuaikan serta merasionalisasi kegiatan dan usaha Kerajaan Persekutuan, Negeri dan PBT yang bertanggungjawab merancang dan mengurus sumber yang terdapat di zon pantai. Di samping itu, peruntukan undang-undang yang mengawal pengurusan sumber zon pantai dan kegiatan pembangunan yang berkaitan terutamanya yang berkaitan akuakultur, perlombongan pasir dan air bawah tanah akan disemak semula untuk memastikan penyelaras dan pelaksanaan yang lebih baik. Lembaga Pembangunan Pulau-pulau Negara akan ditubuhkan untuk mengeluarkan garis panduan dasar pembangunan zon pantai dan pulau bertujuan mengurangkan kesan buruk kegiatan pembangunan terhadap ekosistem pulau. Dalam hubungan ini, kegiatan pelancongan dan rekreasi akan dimasukkan sebagai aktiviti yang memerlukan EIA.

### **Inisiatif Lain**

19.77 Pendidikan dan Kesedaran Awam. Iltizam setiap individu dalam pemeliharaan alam sekitar merupakan unsur kritikal dalam meletakkan asas kepada pembangunan mampan negara. Kementerian yang berkenaan akan menggubal dasar, strategi dan program terhadap pendidikan, kesedaran dan latihan mengenai alam sekitar. Penyampaian pengetahuan dan penerapan kesedaran dijangka membantu rakyat Malaysia mengamalkan cara hidup dan corak penggunaan yang lebih mesra alam sekitar. Etika dan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar akan diterapkan serta rakyat akan digalakkan mengambil bahagian secara aktif dalam menjaga dan memelihara alam sekitar. Sektor swasta, NGO dan media massa akan digesa supaya memainkan peranan yang lebih besar bagi memperlengkapkan usaha Kerajaan.

19.78 Teras dalam tempoh Rancangan adalah untuk mempertingkatkan tahap kesedaran dan iltizam mengenai alam sekitar di kalangan masyarakat melalui sistem pendidikan formal; penyertaan, penglibatan dan kepimpinan oleh organisasi alam sekitar, NGO dan pihak swasta; dan memperkenalkan tema kempen yang menyeluruh dan jelas. Menyedari akan perlunya pendidikan alam sekitar dijadikan amalan sepanjang hayat, penggunaan media akan diperluaskan untuk meliputi isu dan peristiwa alam sekitar serta menyebarkan maklumat alam sekitar kepada sekolah dan masyarakat.

19.79 Dalam usaha membentuk budaya bertanggungjawab terhadap alam sekitar bagi sektor industri dan perniagaan serta menggalakkan sektor swasta memainkan

peranan utama meningkatkan kesedaran awam, Kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kerjasama daripada sektor korporat bagi menerima dan menggalakkan amalan dan proses yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Di samping itu, pengauditan alam sekitar yang menawarkan peluang meningkatkan kecekapan dan daya saingan yang wujud daripada penjimatan penggunaan sumber dan pengurangan penghasilan sisa, akan digalakkan di kalangan masyarakat perniagaan. Seminar dan bengkel akan dianjurkan untuk memperkenalkan manfaat pengauditan alam sekitar kepada pihak pengurusan dan menyediakan latihan untuk melaksanakannya.

19.80 SIRIM akan menujuhkan Pusat Khidmat Pengembangan Teknologi yang Tidak Mencemar (CTES) bagi menjalankan pengauditan alam sekitar dan menujuhkan projek demonstrasi mengenai teknologi yang tidak mencemar dan membantu meningkatkan kesedaran awam. Satu pangkalan data rujukan akan dibangunkan untuk kegunaan dalam pengauditan alam sekitar. Bantuan akan disediakan kepada IKS dalam menggunakan teknologi yang tidak mencemar.

19.81 Data dan Maklumat. Pangkalan data alam sekitar dan sistem maklumat akan diperkuuhkan untuk menentukan hubungkait di antara alam sekitar dan pembangunan mampan. Jabatan Perangkaan akan diberi peranan sebagai pusat penyimpanan statistik alam sekitar yang akan mengumpul perangkaan daripada semua agensi. Agensi pusat dan agensi pelaksana seterusnya akan menaiktaraf pangkalan data mereka menerusi peningkatan sistem maklumat dan pengumpulan. MACRES akan menyediakan pengawasan real-time mengenai alam sekitar dan sumber asli menerusi penggunaan satelit dan kemudahan penderiaan jauh yang lain. Usaha akan dimulakan untuk mewujudkan petunjuk pembangunan mampan yang akan menyediakan kayu pengukur kepada pengawasan dan penilaian kemajuan.

19.82 Pengawasan Kesan Kesihatan. Memandangkan kesan pencemaran terhadap kesihatan adalah penting dalam mengendalikan analisis kos faedah dan melaksanakan langkah penjimatan, sebuah Pusat Kesihatan Alam Sekitar akan ditubuhkan untuk menyiasat kesan berkaitan masalah alam sekitar terhadap kesihatan, mengumpul statistik mengenai kesihatan, membangunkan sistem dose-response yang khusus untuk Malaysia, menjalankan penyelidikan dan mencadangkan langkah untuk mengurangkan masalah kesihatan. Pusat ini akan menyelaras penyelidikan kesihatan berkaitan alam sekitar yang dijalankan oleh pelbagai institusi di negara ini serta menjalankan P&P tambahan bagi mendapatkan penemuan yang lebih muktamad.

19.83 Perdagangan dan Alam Sekitar. Bagi menyelesaikan konflik di antara perdagangan dan alam sekitar serta menggalakkan pembangunan mampan, penyelaras di antara perdagangan antarabangsa dan dasar perlindungan alam sekitar akan diberi keutamaan yang tinggi dalam tempoh Rancangan. Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar akan merasionalisasikan perhubungan di antara dasar

alam sekitar yang berkaitan dengan perdagangan dan langkah pengawalan alam sekitar yang mempunyai kesan ketara ke atas perdagangan; kesan peraturan alam sekitar terhadap kemasukan produk ke dalam pasaran; penggunaan peraturan perdagangan bagi mencapai objektif alam sekitar; dan seterusnya daya saingan serta kemampuan pengeluaran. Kementerian yang berkaitan akan menggandakan usaha mempertingkatkan kefahaman, pandangan dan penerimaan rakan dagang berhubung produk negara seperti kayu tropika melalui perundingan, dialog, seminar dan misi Kerajaan. Pendirian dan pendekatan bersama yang sesuai akan diambil dengan negara-negara ASEAN bagi menangani masalah ini.

19.84 Walaupun Kerajaan akan memainkan peranan proaktif dalam menggubal dasar dan strategi untuk menggalakkan layanan yang adil dan saksama dalam perdagangan antarabangsa, sektor swasta perlu bersedia memenuhi syarat serta peraturan baru dalam arena perdagangan antarabangsa. Sektor swasta perlu meningkatkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan instrumen ekonomi serta standard produk yang berkaitan dengan alam sekitar disamping memenuhi keperluan peraturan teknikal seperti ISO 14000, pembungkusan, pelabelan, guna semula serta hakcipta harta intelek untuk menjaga dan meningkatkan daya saingan. Sektor swasta akan juga digalak untuk mengenal pasti niche dan produk alam sekitar berdasarkan kepada jangkaan peningkatan permintaan terhadap teknologi dan produk berkenaan.

#### **IV. PENUTUP**

19.85 Dalam tempoh RME, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengkaji rangka kerja perundungan dan menjalankan program bertujuan mencegah serta mengatasi pencemaran dan pemuliharaan sumber asli. Malaysia juga memainkan peranan yang aktif dalam UNCED dan beberapa persidangan antarabangsa bertujuan menjayakan penerimaan agenda antarabangsa untuk pembangunan mampan serta mengatasi masalah pencemaran merentasi sempadan. Mekanisme juga telah dibentuk untuk melaksanakan iltizam konvensyen antarabangsa.

19.86 Malaysia akan terus memberi penekanan yang sewajarnya dalam pengurusan alam sekitar dan sumber asli dalam tempoh RMT. Pertimbangan alam sekitar akan terus diterapkan ke dalam proses perancangan pembangunan dengan memberikan penekanan yang sewajarnya kepada pembangunan yang mampan. Pendekatan menyeluruh yang mengambilkira keperluan sosio-ekonomi dan peningkatan kualiti hidup penduduk menerusi pertambahan produktiviti dan alam semulajadi akan digunakan. Kombinasi undang-undang dan instrumen ekonomi yang inovatif akan digunakan untuk menggalakkan penggunaan dan pembangunan teknologi bercirikan alam sekitar dan produk mesra alam sekitar. Kerajaan akan mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran masyarakat dengan kerjasama NGO dan sektor swasta untuk mendidik masyarakat mengenai isu alam sekitar dan pemuliharaan

serta perlunya semua pihak dan Kerajaan bekerjasama bagi mencapai matlamat pembangunan mampan.

## **BAB 20 : WANITA DALAM PEMBANGUNAN**

### **I. PENDAHULUAN**

20.01 Wanita terus memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan nasional dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), selain daripada memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga mereka. Dasar Wanita Negara yang telah digubal pada tahun 1989, mencerminkan iltizam Kerajaan terhadap kemajuan wanita negara ini serta memberi panduan terhadap usaha dan strategi Kerajaan dalam tempoh Rancangan untuk meningkatkan peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Ianya juga menjadi satu daya penggerak bagi wanita mencapai kemajuan yang lebih besar.

20.02 Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) akan meneruskan usaha sedia ada untuk menangani keperluan wanita dan menyediakan suasana yang sesuai bagi membolehkan mereka sebagai rakan kongsi menyertai pembangunan sosial dan ekonomi dengan lebih berkesan. Kekangan perundangan dan institusi serta lain-lain yang menghalang penyertaan wanita sepenuhnya akan dikaji semula bertujuan menggalakkan mereka terlibat secara aktif dalam proses pembangunan. Kerajaan akan melaksanakan, yang mana bersesuaian, program yang terkandung dalam Landasan Tindakan bagi Kemajuan Wanita menjelang tahun 2000 sebagaimana dipersetujui pada Persidangan Sedunia Keempat bagi Wanita yang berlangsung di Beijing pada tahun 1995.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

20.03 Wanita terus melangkah maju dalam berbagai bidang pembangunan nasional termasuk penyertaan yang semakin meluas dalam ekonomi dan pasaran buruh serta memperolehi akses yang lebih baik untuk mendapatkan pendidikan dan kesihatan. Peningkatan ini telah dicapai menerusi program kepekaan jantina yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pertumbuhan ekonomi yang pesat yang telah mewujudkan lebih banyak peluang dan bidang baru kepada wanita. Di samping itu, pindaan ke atas rangka kerja perundangan dan institusi telah mempermudahkan lagi penglibatan mereka dalam ekonomi.

#### **Penduduk, Tenaga Buruh dan Gunatenaga**

20.04 Anggaran semasa menunjukkan saiz golongan wanita bertambah daripada 8.9 juta pada tahun 1990 kepada kira-kira 10 juta pada tahun 1995, iaitu pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Wanita merupakan kira-kira

separuh daripada penduduk Malaysia. Daripada anggaran jumlah penduduk sebanyak 18.4 juta mengikut Banci Penduduk Tahun 1991, kira-kira 9.1 juta adalah wanita. Terdapat persamaan struktur umur wanita dengan lelaki iaitu kira-kira 56 peratus golongan wanita adalah dalam kumpulan umur 24 tahun dan ke bawah. Umur median golongan wanita adalah 22.2 pada tahun 1991 berbanding dengan 19.9 pada tahun 1980. Pertambahan ini disebabkan penurunan dalam kesuburan dan jangka hayat yang meningkat. Satu tren yang menarik yang diperhatikan dalam Banci 1991 adalah pertambahan dalam nisbah golongan wanita dalam kumpulan umur 65 hingga 74 tahun, iaitu daripada 2.0 peratus pada tahun 1980 kepada 3.0 peratus pada tahun 1991. Ini disebabkan terutamanya jangka hayat wanita yang bertambah baik.

20.05 Kira-kira 48 peratus wanita berada dalam kumpulan umur bekerja, iaitu, di lingkungan umur 15-64 tahun yang menunjukkan potensi saiz tenaga buruh wanita. Walau bagaimanapun, wanita merupakan hanya satu pertiga daripada tenaga buruh. Penyertaan wanita dalam tenaga buruh bertambah dengan ketara daripada 45.8 peratus pada tahun 1990 kepada 47.1 peratus pada tahun 1995. Berikutan daripada itu, saiz tenaga buruh wanita bertambah daripada kira-kira 2.5 juta pada tahun 1990 kepada 2.9 juta pada tahun 1995, atau pertambahan tahunan purata sebanyak 3.1 peratus. Penyertaan wanita yang secara relatifnya adalah rendah, meskipun terdapat peningkatan pencapaian pendidikan mereka di samping pasaran kerja yang cerah. Pencapaian yang rendah ini adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh kekurangan dari segi kemampuan dan kualiti perkhidmatan asuhan kanak-kanak dan syarat kerja yang anjal. Walaupun kadar penyertaan tenaga buruh wanita bagi Malaysia adalah lebih rendah daripada kadar di negara maju, ianya adalah lebih tinggi berbanding dengan beberapa negara yang sedang membangun.

20.06 Bilangan wanita yang bekerja dalam tempoh Rancangan bertambah daripada 31.4 peratus daripada jumlah yang bekerja pada tahun 1990 kepada kira-kira 33.7 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 20-1. Satu tren yang diperhatikan menarik dalam tempoh tersebut ialah penurunan nisbah wanita yang bekerja berbanding dengan lelaki di sektor utama dan kedua serta penyertaan yang semakin bertambah dalam sektor ketiga terutamanya perdagangan, pengedaran dan kewangan. Pada keseluruhannya, sektor pembuatan terus menyerap bilangan wanita bekerja yang paling ramai, iaitu kira-kira 30.1 peratus daripada keseluruhan pekerja wanita pada tahun 1995 berbanding dengan 29.5 peratus pada tahun 1990. Ini diikuti perkhidmatan yang lain; perdagangan borong dan runcit serta hotel dan restoran; dan dalam sektor pertanian seperti ditunjukkan dalam Jadual 20-2.

20.07 Dari segi struktur pekerjaan, wanita telah melangkah maju dalam bidang pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dalam tempoh Rancangan. Nisbah wanita dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal serta pentadbiran dan pengurusan bertambah dengan ketara daripada 9.4 peratus dan 0.6 peratus pada tahun 1990 masing-masing kepada 13.5 peratus dan 1.9 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 20-3. Sebahagian besar wanita bekerja sebagai pekerja

pengeluaran dan yang berkaitan iaitu merupakan 26.5 peratus daripada jumlah pekerja wanita. Peratusan wanita yang bekerja sebagai pekerja dalam sektor pertanian telah berkurangan selaras dengan prospek yang kurang menarik dalam sektor tersebut.

20.08 Kerajaan telah melaksanakan berbagai langkah untuk menangani penyertaan kaum wanita yang rendah dalam pasaran buruh dalam tempoh Rancangan. Ini termasuk memberi pengecualian cukai kepada majikan menukuhan pusat asuhan kanak-kanak berdekatan dengan atau di tempat bekerja untuk membolehkan ibu yang bekerja menjaga anak-anak mereka pada waktu rehat. Institusi seperti Institut Pengurusan Wanita (WIM) telah menyediakan latihan dalam aktiviti perniagaan kecil dan keusahawanan. Usaha lain yang telah diambil oleh kedua-dua sektor awam dan swasta termasuk penyediaan latihan kerja, prospek kerjaya serta kemudahan rekreasi, pengangkutan dan kebajikan yang lebih baik. Majikan juga digalakkan menyedia kemudahan perumahan dan asrama yang sempurna terutamanya untuk manfaat mereka yang berhijrah dari luar bandar yang kebanyakannya wanita. Kerajaan serta NGO, melalui promosi masyarakat penyayang, telah menggalakkan pengembangan sistem keluarga termasuk kaum kerabat dan dengan itu wargatua boleh membantu pasangan muda menjaga anak-anak mereka. Ini bertujuan memberi peluang kepada lebih ramai wanita mencari pekerjaan dan menjalankan aktiviti yang menjana pendapatan.

20.09 Berhubung dengan pendapatan, perbezaan upah lelaki-wanita terus wujud di sektor swasta. Perbezaan ini semakin kecil terutamanya di industri berintensif buruh di mana terdapat ramai pekerja wanita. Di sektor kecil elektronik misalnya, perbezaan upah di antara operator pengeluaran lelaki dan wanita menjadi semakin kecil iaitu pendapatan bulanan purata wanita sebagai peratus daripada pendapatan lelaki telah meningkat daripada 82.7 peratus pada tahun 1990 kepada 92.5 peratus pada tahun 1993. Pendapatan bulanan purata wanita sebagai pemintal benang dan yarn berbanding dengan lelaki dalam bidang yang sama juga meningkat daripada 93.8 peratus pada tahun 1990 kepada 97.9 peratus pada tahun 1993. Di sektor awam, tidak ada perbezaan upah di kalangan lelaki dan wanita untuk kerja yang sama.

### **Pencapaian Pendidikan**

20.10 Wanita terus mendapat akses yang sama dalam pendidikan, iaitu satu faktor yang telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial mereka. Enrolmen wanita di peringkat rendah dan menengah adalah kira-kira separuh daripada jumlah enrolmen, sementara di peringkat menengah tinggi, pelajar perempuan merupakan kira-kira 52.3 peratus daripada jumlah enrolmen. Pengambilan wanita ke universiti telah meningkat dengan pesatnya daripada 37.2 peratus pada tahun 1990 kepada 49.5 peratus pada tahun 1994.

20.11 Walaupun pelajar wanita terus menguasai aliran sastera iaitu berjumlah kira-kira 65 peratus daripada jumlah enrolmen dalam kursus sastera, mereka telah melangkah seterusnya memasuki kursus sains dan teknik. Tren ini adalah jelas dalam kursus vokasional, di mana enrolmen wanita meningkat sekali ganda daripada 22 peratus daripada jumlah enrolmen pada tahun 1990 kepada 40.4 peratus pada tahun 1994.

20.12 Peningkatan status pendidikan wanita dicerminkan oleh pencapaian pendidikan tenaga buruh wanita yang lebih tinggi. Misalnya, pada tahun 1993 nisbah tenaga buruh wanita yang mempunyai pendidikan menengah dan tinggi masing-masing adalah kira-kira 50 peratus dan 11 peratus, berbanding dengan 45.1 peratus dan 9.9 peratus masing-masing pada tahun 1990. Sebaliknya, nisbah tenaga buruh wanita yang tidak mempunyai pendidikan formal atau pendidikan rendah berkurangan masing-masing daripada 15.7 peratus dan 29.3 peratus, pada tahun 1990 kepada 12.6 peratus dan 26.4 peratus pada tahun 1993.

### **Status Kesihatan**

20.13 Status kesihatan wanita terus bertambah baik dalam tempoh Rancangan. Kadar kematian ibu mengandung, yang merupakan petunjuk kedudukan kesihatan wanita, telah berkurangan daripada 0.6 setiap 1,000 pada tahun 1980 kepada 0.2 setiap 1,000 pada tahun 1995. Purata jangka hayat wanita telah bertambah daripada 73.5 tahun pada tahun 1990 kepada 74 tahun pada tahun 1995 berbanding dengan 68.9 tahun dan 69.3 tahun untuk lelaki. Pengurangan kadar kematian wanita adalah sebahagian besarnya berikutan daripada perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lebih baik, peningkatan umur semasa perkahwinan pertama dan berkurangnya saiz keluarga. Purata umur semasa perkahwinan meningkat daripada 22.3 tahun pada tahun 1970 kepada 24.1 tahun pada tahun 1991, sementara nisbah wanita yang mempunyai tujuh atau lebih anak masing-masing telah berkurangan daripada 22.3 peratus kepada 8.3 peratus.

20.14 Dalam tempoh Rancangan, program kesihatan ibu dan kanak-kanak (MCH), yang bertujuan mengurangkan kadar kematian dan keadaan tidak sihat dikalangan ibu dan bayi, memperbaiki penjagaan kesihatan ibu bersalin serta pendidikan kesihatan dan pemakanan, terus dilaksanakan. Perkhidmatan MCH diberi melalui klinik dan pusat kesihatan MCH di kawasan luar bandar dan bandar serta hospital di bandar. Untuk kawasan luar bandar yang sukar dimasuki, perkhidmatan ini telah diberi melalui perkhidmatan perbidanan di rumah dan pasukan kesihatan kampung.

20.15 Klinik MCH, pusat kesihatan dan hospital juga memberi pendidikan kesihatan dan pemakanan seperti maklumat mengenai promosi kesihatan dan pencegahan penyakit, pemakanan, pelalian, gaya hidup sihat dan perancang keluarga. Wanita remaja telah diberi pendidikan kesihatan khusus dan kaunseling untuk membantu mereka menjalin perhubungan berdasarkan sifat saling hormat-menghormati, mengurangkan kelakuan mengambil risiko serta mencegah atau mengawal bahaya

penyakit-penyakit utama. Oleh kerana wanita muda adalah dalam kategori berisiko tinggi dari segi pendedahan kepada Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS), maklumat mengenai kesedaran dan pendidikan AIDS juga telah ditekankan.

### **Sokongan Perundangan**

20.16 Sungguhpun Perlembagaan Persekutuan menjamin persamaan untuk semua rakyat Malaysia, kajian semula ke atas perundangan sedia ada dan lulusnya undang-undang yang baru untuk melindungi hak dan maruah wanita di dalam kehidupan sosial dan persendirian membuktikan iltizam Kerajaan untuk meningkatkan status wanita. Iltizam ini ditunjukkan menerusi penerimaan prinsip gaji yang sama untuk kerja yang sama nilai sejak tahun 1969. Wanita juga menikmati hak yang sama di bawah Akta Pencen, 1970, Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Akta Ganti Rugi Pekerja. Akta Pekerjaan, 1955, walaupun berkuatkuasa ke atas lelaki dan wanita, mengandungi peruntukan perlindungan khusus untuk wanita di tempat kerja. Akta ini mengandungi peruntukan yang melarang wanita bekerja di bawah tanah atau bekerja syif tengah malam tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa dan memperuntukkan cuti bersalin untuk satu tempoh iaitu enam puluh hari dengan faedah penuh sehingga lima kelahiran. Bagi mengiktiraf pentingnya sumbangan wanita dalam tenaga kerja, Akta Cukai Pendapatan, 1967, telah dipinda pada tahun 1978 dengan membenarkan pekerja wanita mendapatkan penaksiran pendapatannya secara berasingan.

20.17 Dalam usaha memperkuatkan hak dan perlindungan wanita, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973, dan pindaannya pada tahun 1987 telah dikuatkuasakan. Akta Pembentukan Semula (Perkahwinan dan Perceraian), 1976, yang terpakai pada wanita bukan Muslim, memansuhkan poligami, menetapkan umur minimum 16 tahun untuk perkahwinan dan memberi peruntukan untuk pendaftaran wajib bagi semua perkahwinan. Berhubung dengan wanita Muslim, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam juga membenarkan lebih banyak hak dan manfaat untuk melindungi kebijakan wanita Muslim yang bercerai dan anak-anak mereka. Di samping itu, perundangan Islam mengenai harta pusaka juga telah mengambil kira kebijakan dan perlindungan wanita Muslim dan keluarga mereka berhubung dengan pembahagian harta pusaka.

20.18 Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk melindungi hak dan maruah wanita, Akta Keganasan Rumahtangga, 1994 telah diluluskan oleh Parlimen untuk memberi perlindungan yang lebih kepada wanita terhadap tindakan mengasari isteri dan penderaan rumah tangga yang lain. Langkah juga telah diambil untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap hak wanita di bawah undang-undang. Media memainkan peranan penting bagi mempermudahkan penyebaran maklumat mengenai hak wanita dalam perkahwinan, penceraian, pekerjaan dan harta. Peningkatan kefahaman perundangan di kalangan wanita telah menambahkan kesedaran mengenai hak mereka di bawah undang-undang serta kaedah untuk mendapatkan hak mereka.

### **Jentera Nasional untuk Kemajuan Wanita**

20.19 Jentera nasional untuk kemajuan wanita di Malaysia terdiri daripada Kerajaan dan NGO yang bekerjasama untuk mempertingkatkan kedudukan wanita. Dalam tempoh Rancangan, satu pelan tindakan untuk pelaksanaan Dasar Wanita Negara telah dimulakan. Kerajaan dan NGO bekerjasama dengan para akademik dan sektor swasta untuk mempertingkatkan kedudukan wanita dalam negara. Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID), yang merupakan badan penyelaras, perunding dan penasihat mengenai hal ehwal wanita, memajukan isu wanita di peringkat nasional melalui hubungannya dengan pembuat dasar. Sebagai pusat tumpuan mengenai hal ehwal wanita dalam negara, Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah memainkan peranan utama memajukan kepentingan wanita melalui aktiviti dan projek, sama ada di peringkat Kerajaan ataupun bukan kerajaan. Dalam tempoh Rancangan, HAWA telah melantik pegawai perhubungan di peringkat negeri dan daerah untuk mengawasi pelaksanaan dan kesan projek yang melibatkan wanita. Ia juga menjalankan analisis latihan dan kepekaan jantina untuk membuat dasar dan pelaksana program dalam sektor awam serta memulakan program yang sama untuk sektor swasta.

20.20 Untuk melengkapci usaha agensi kerajaan, kira-kira 220 NGO bagi wanita telah ditubuhkan di seluruh negara. Mereka melaksanakan berbagai aktiviti dan program bagi memajukan kepentingan wanita seperti ditunjukkan dalam Jadual 20-4. Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), iaitu badan induk bagi NGO yang khusus untuk wanita, telah menganjurkan kursus kemahiran ibu bapa, penjagaan kesihatan keluarga, runding cara dan pembangunan kepimpinan. NGO yang lain telah melaksanakan aktiviti seperti seminar dan bengkel untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli mereka. Beberapa NGO profesional telah memberi sumbangan bagi memastikan sistem perundangan lebih bersesuaian dengan keperluan wanita, sementara yang lain memulakan aktiviti untuk mendapatkan pandangan orang awam terhadap ketidakadilan ke atas wanita. Di samping itu, biro wanita dalam beberapa parti politik telah melaksanakan berbagai program untuk mempertingkatkan kedudukan wanita.

### **Iltizam di Peringkat Antarabangsa**

20.21 Pihak Kerajaan terus menunjukkan iltizam untuk mempertahankan hak dan maruah wanita di peringkat antarabangsa. Pada tahun 1995, Kerajaan telah menerima Konvensyen Ke atas Pembasmian Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, tertakluk kepada syarat tertentu. Penyertaan Malaysia di Persidangan Sedunia Keempat bagi Wanita di Beijing pada tahun 1995, dan penerimaan Deklarasi Beijing dan Landasan Tindakan seterusnya menyatakan iltizam Kerajaan untuk memajukan kedudukan wanita. Kebanyakan iltizam yang dipersetujui adalah dalam bidang-bidang

yang negara telah mencapai kemajuan yang baik. Ini termasuk pembasmian kemiskinan, buta huruf dan ketidaksamarataan dalam pendidikan, latihan dan pekerjaan. Bidang lain adalah peningkatan akses untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang lengkap dan menyeluruh serta mampu dibayar, pembasmian semua bentuk keganasan ke atas wanita serta pengwujudan suasana kerja yang lebih anjal dan selesa. Pada tahun 1995, Malaysia telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pemandu Serantau mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik untuk tempoh tiga tahun. Fungsi Jawatankuasa Pemandu ini termasuk menyedia dan melaksanakan aktiviti khusus serantau dan rantau kecil seperti latihan untuk wanita luar bandar serta penyelidikan dan pertukaran maklumat mengenai wanita luar bandar.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

20.22 Tempoh RMT akan meneruskan strategi dan program yang telah dijalankan sehingga kini untuk mempertingkatkan peranan, kedudukan dan tanggungjawab wanita dalam kehidupan sosial dan ekonomi negara. Memandangkan lebih ramai wanita dijangka menyertai tenaga buruh, usaha akan diambil untuk membekalkan mereka dengan kemahiran pembangunan keluarga dalam bidang seperti keibubapaan dan kesihatan keluarga serta cara untuk memenuhi kedua-dua tanggungjawab terhadap keluarga dan kerjaya.

20.23 Dalam melaksanakan keseluruhan program tindakan menyeluruh untuk memajukan wanita, Kerajaan akan memastikan strategi adalah selaras dengan nilai, kepercayaan agama dan norma kebudayaan Malaysia. Teras strategi memajukan wanita seterusnya dalam tempoh Rancangan adalah:

- o menggalakkan penyertaan wanita yang lebih dalam pasaran buruh melalui penyediaan peraturan kerja yang lebih anjal dan kemudahan sokongan;
- o menyedia peluang pendidikan dan latihan yang lebih luas untuk memastikan mobiliti yang lebih tinggi bagi wanita dalam pasaran buruh;
- o memperbaiki lagi taraf kesihatan wanita;
- o mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang menghalang kemajuan wanita dalam ekonomi;
- o memperkuatkannya keupayaan institusi untuk kemajuan wanita;
- o menggerakkan Dasar Wanita Negara melalui pelaksanaan satu pelan tindakan; dan
- o menjalin hubungan yang lebih rapat di peringkat antarabangsa melalui penyertaan berkesan di forum antarabangsa dan pelaksanaan iltizam untuk kemajuan wanita.

#### **Menggalak Penyertaan Wanita Yang Lebih Dalam Pasaran Buruh**

20.24 Kerajaan akan terus menggalakkan penyertaan wanita ke tahap yang lebih tinggi dalam pasaran buruh bukan sahaja di sektor ekonomi moden tetapi juga bagi

pekerjaan yang memberi pendapatan yang lebih tinggi. Kekurangan buruh yang dihadapi masa kini memerlukan kajian semula strategi pekerjaan bertujuan meningkatkan penyertaan dan penggunaan kemahiran wanita dengan lebih baik. Peningkatan dalam kadar penyertaan wanita dijangka menambah penawaran tenaga buruh dan menyumbang ke arah peningkatan pertumbuhan pengeluaran negara. Kira-kira tiga perempat daripada penduduk dalam kumpulan umur bekerja yang berada di luar pasaran buruh adalah wanita, dan kira-kira 75 peratus daripada mereka adalah suri rumah. Kedua-dua tanggungjawab di waktu yang sama terhadap keluarga dan kerjaya telah mengekang penyertaan yang lebih tenaga buruh wanita terutamanya yang berkahwin. Dalam hubungan ini, sektor swasta, sebagai majikan terbesar, akan digalak memudahkan kemasukan yang lebih besar wanita ke dalam tenaga buruh melalui dasar personel yang peka terhadap wanita. Langkah yang perlu dilaksanakan termasuk mengadakan tempat asuhan kanak-kanak serta penyediaan kemudahan perumahan dan pengangkutan di antara rumah dan tempat kerja. Di samping itu, pengumpulan dan penganalisaan data mengenai penyertaan wanita dalam ekonomi dan pasaran buruh akan diperkuatkan untuk menyepakati isu mengenai wanita dalam perancangan pembangunan. Untuk mencapai matlamat ini, keupayaan HAWA untuk membantu dalam pembangunan program yang menggalakkan sikap berdikari di kalangan wanita akan dipertingkatkan dengan adanya pengkalan data yang bersepadu.

20.25 Sektor swasta juga akan mempertimbangkan penyediaan persekitaran kerja yang lebih selesa untuk wanita dengan mengambil kira peranan dan tanggungjawab mereka yang berbagai. Penyediaan waktu kerja yang anjal, pemberhentian sementara dan amalan lain yang anjal, akan membolehkan wanita menyepakati kerja dengan tanggungjawab terhadap rumahtangga. Perhatian perlu diberi untuk menyediakan bantuan seperti khidmat nasihat dan runding cara terutamanya mereka yang memerlukan bantuan sedemikian. Menyedari bahawa kekurangan kemahiran yang boleh dipasarkan merupakan salah satu faktor utama yang menghalang penyertaan wanita dalam bidang kerja berkemahiran tinggi dan berpendapatan lebih lumayan, usaha seterusnya akan diambil oleh sektor awam dan swasta untuk mempertingkatkan pembentukan modal manusia di kalangan wanita melalui program latihan teknikal, vokasional dan program latihan yang lain yang berkaitan. Akses yang lebih baik untuk mendapatkan maklumat pasaran buruh akan memudahkan lagi kemasukan wanita ke dalam pekerjaan yang bergaji dengan membekalkan mereka pengetahuan mengenai peluang pekerjaan dan syarat yang diperlukan dalam pelbagai sektor ekonomi. Adalah dijangka kemajuan dalam teknologi maklumat akan membantu wanita meningkatkan produktiviti dan kecekapan di tempat kerja.

20.26 Untuk menggalakkan penyertaan wanita yang lebih meluas dalam perniagaan, program latihan keusahawanan akan terus dilaksanakan. Latihan dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan seperti pemasaran, pengurusan kewangan, belanjawan dan perancangan akan dijalankan oleh Kerajaan dan NGO untuk membolehkan

wanita menjadi lebih terlatih dan berpengetahuan di bidang berkenaan. Institusi seperti WIM akan terus memperluaskan program untuk melatih wanita dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Di samping itu, bagi memastikan pendekatan yang lebih terselaras, satu program khas untuk pembangunan usahawan wanita akan diadakan. Program ini akan meliputi, di antara lain, mengenalpasti bidang berpotensi untuk perniagaan serta keperluan latihan, menyediakan buku panduan perunding dan jurulatih serta menyediakan bantuan kewangan. Perusahaan mikro, perniagaan kecil dan sederhana serta perusahaan koperatif akan digalak dan diperkuuh untuk memperluaskan peluang penyertaan wanita dalam bidang tersebut.

### **Penyediaan Lebih Banyak Peluang Pendidikan dan Latihan**

20.27 Usaha yang lebih giat akan diambil untuk menyedia peluang pendidikan dan latihan kepada wanita bagi memudahkan mobiliti mereka ke arah aktiviti yang mempunyai nilai ditambah dan pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi. Lebih ramai wanita akan digalak memasuki bidang seperti perkhidmatan awam dan kehakiman serta pembangunan dan penyelidikan. Dalam hubungan ini, lebih banyak tempat dalam bidang profesional dan teknikal di institusi pengajian tinggi akan ditawarkan kepada wanita. Untuk menggalakkan wanita menceburti bidang pengajian bukan tradisi seperti kejuruteraan, pentadbiran perniagaan serta sains dan teknologi, program untuk memupuk kesedaran di kalangan pelajar wanita dan ibu bapa mengenai peluang kerjaya di bidang profesional dan teknikal akan dilaksanakan.

20.28 Di bidang latihan, daya usaha yang lebih giat akan diambil untuk melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan terutamanya di bidang teknikal. Institusi latihan awam dijangka menambah pengambilan wanita dalam program latihan perindustrian. Sektor swasta juga dijangka memberi lebih banyak peluang latihan kemahiran kepada wanita, termasuk dalam teknologi baru. Dengan ekonomi yang bergerak ke arah lebih berintensif modal, permintaan tenaga manusia berkemahiran tinggi akan meningkat. Untuk menyahut perkembangan ini, wanita akan diberi peluang memperolehi kemahiran baru dan terkini selaras dengan keperluan industri. Latihan semula untuk wanita juga diperlukan memandangkan terdapat perubahan pesat dalam teknologi yang memerlukan peningkatan kemahiran secara berterusan.

### **Memperbaiki Status Kesihatan**

20.29 Usaha akan diambil untuk terus memperluas dan memperbaiki perkhidmatan kesihatan bertujuan menangani secara serentak keperluan wanita dan keluarga. Perkhidmatan bersepadan di bawah program kesihatan keluarga, yang akan disediakan di klinik MCH, pusat kesihatan dan hospital, akan meliputi penjagaan yang lengkap dan menyeluruh, bersepadan dan berterusan untuk semua ahli keluarga. Bagi kesihatan wanita, program kesihatan keluarga akan memberi perhatian khas kepada pencegahan HIV, penyakit yang dijangkiti melalui perhubungan seks, perancangan

keluarga serta mengenalpasti faktor risiko penyakit tidak berjangkit seperti barah dan kardiovaskular. Di samping itu, pendidikan kesihatan termasuk pengalakan gaya hidup sihat dan pemakanan akan dijalankan oleh agensi kesihatan yang berkaitan serta media massa.

20.30 Dalam bidang penjagaan rawatan, satu kajian mengenai kemungkinan penubuhan hospital untuk wanita akan dijalankan bertujuan menyediakan penjagaan yang lebih berkualiti kepada pesakit yang berpenyakit khusus untuk wanita seperti osteoporosis dan penyakit lain yang berkaitan dengan kesihatan reproduktif. Penekanan juga akan diberi kepada penyelidikan biomedical, sosio-kelakuan dan klinikal mengenai berbagai aspek kesihatan wanita. Dalam hubungan ini, data kesihatan yang khusus bagi wanita adalah diperlukan untuk memberi penerangan mengenai keperluan kesihatan wanita yang khusus dan respon terhadap berbagai corak penyakit dipelbagai peringkat kitaran hayat supaya perkhidmatan pencegahan dan rawatan yang bersesuaian dapat disediakan.

### **Kajian Semula Undang-Undang dan Peraturan**

20.31 Kerajaan akan terus mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada serta pelaksanaannya bertujuan menghapuskan peruntukan yang mendiskriminasikan atau memberi kesan buruk terhadap wanita. Perundangan yang akan disemak semula termasuk yang berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan, pembahagian harta, penjagaan dan peraturan imigresen. Di samping itu, langkah akan diambil untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dan keputusan mahkamah yang lebih ketat bagi memberi perlindungan dan kebajikan kepada wanita.

20.32 Kerajaan akan meminda Akta Pekerjaan, 1955 untuk membenarkan wanita memperolehi pendapatan melalui pekerjaan sambilan di samping memberikan mereka fleksibiliti untuk menjaga keluarga. Pindaan ke atas perundangan buruh juga adalah bertujuan membolehkan majikan memperkenalkan waktu kerja yang anjal. Pindaan-pindaan ini akan menggalakkan penyertaan lebih ramai tenaga buruh wanita dan dengan ini akan meningkatkan bekalan buruh.

### **Memperkuuhkan Keupayaan Institusi untuk Kemajuan Wanita**

20.33 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan diambil untuk mempertingkatkan keberkesanan jentera nasional bagi kemajuan wanita selaras dengan matlamat yang tercatat dalam Dasar Wanita Negara. Ini akan dijalankan melalui pengukuhan keupayaan dan kebolehan HAWA supaya membolehkannya menjalankan berbagai fungsi dengan lebih berkesan. Di samping itu, perhubungan di antara Kerajaan dan NGO akan dipertingkatkan.

20.34 Memandangkan NGO dijangka memainkan peranan yang lebih penting dalam kemajuan wanita, pengurusan NGO akan diperkuuh melalui skim latihan yang sesuai. NGO akan terus digalak untuk menyediakan kaunseling dan perkhidmatan sokongan yang lain kepada wanita yang teraniaya.

### **Melaksanakan Dasar Wanita Negara**

20.35 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan memperluaskan program untuk membantu peranan wanita samada di dalam atau di luar keluarga. Untuk terus menambah penyertaan wanita dalam pembangunan nasional, satu pelan tindakan bertujuan untuk menggerakkan Dasar Wanita Negara akan dibentuk untuk dilaksanakan. Pelan tindakan ini akan merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- o memperkuatkan jentera nasional untuk integrasi wanita dalam pembangunan;
- o meningkatkan kesedaran dan kepekaan orang awam terhadap isu berkaitan dengan wanita;
- o menggerakkan NGO untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan program sosio-ekonomi;
- o menggalakkan tindakan positif untuk kemajuan wanita dalam pelbagai bidang; dan
- o menggalakkan peranan wanita dalam pembangunan keluarga.

### **Pelaksanaan Iltizam Antarabangsa untuk Kemajuan Wanita**

20.36 Kerajaan akan terus menyertai secara aktif dalam forum antarabangsa mengenai kemajuan wanita. Dalam perjumpaan sedemikian, Malaysia akan berkongsi pengalaman peserta terutamanya dalam bidang mengurangkan kemiskinan, memperbaiki kesihatan dan kemajuan pendidikan. Berhubung dengan Persidangan Sedunia Keempat bagi Wanita, perkara yang diberi perhatian sebagaimana terkandung dalam Landasan Tindakan yang akan ditangani termasuklah menggalakkan potensi ekonomi dan kebebasan wanita; meningkatkan penglibatan wanita dalam membuat keputusan; memperkuuhkan mekanisme di semua peringkat untuk menggalakkan kemajuan wanita; dan menghapuskan keganasan terhadap wanita. Sebagai pengurus Jawatankuasa Pemandu Serantau mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Rantau Asia Pasifik, Malaysia akan melibatkan diri secara aktif dalam program untuk memajukan wanita luar bandar.

#### **IV. PENUTUP**

20.37 Dalam tempoh RME, wanita terus mencapai kemajuan dalam berbagai bidang pembangunan nasional. Dasar Wanita Negara memberi panduan kepada usaha menangani perkara berkaitan dengan kepentingan wanita dan menggalakkan kemajuan mereka. Penyediaan lebih banyak peluang dalam pendidikan dan latihan, peningkatan taraf kesihatan mereka dan penggalakkan penyertaan wanita dalam ekonomi, akan menjadi komponen penting kepada teras strategi untuk kemajuan wanita dalam tempoh RMT. Program yang relevan dalam Landasan Tindakan Persidangan Sedunia Keempat bagi Wanita akan dilaksanakan.

## **BAB 21 : BELIA DALAM PEMBANGUNAN**

### **I. PENDAHULUAN**

21.01 Kesinambungan pembangunan negara bergantung kepada belia hari ini yang akan menjadi rakyat bagi masa hadapan. Oleh itu, pembangunan potensi belia adalah penting dalam menentukan kejayaan pembangunan sosio-ekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), objektif pembangunan belia adalah untuk memupuk potensi dan bakat serta menggembungkan tenaga mereka untuk menyumbang secara berkesan dalam pembangunan negara. Di samping itu, penekanan juga diberi kepada aspek pembangunan manusia seperti menanam nilai moral dan etika yang tinggi di kalangan belia selaras dengan hasrat negara mewujudkan masyarakat penyayang.

21.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), teras pembangunan belia adalah untuk menyediakan belia dengan kemahiran yang sesuai bagi meningkatkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada pembinaan negara disamping membentuk kualiti kepimpinan dan memupuk nilai positif di kalangan mereka. Ini bertujuan melahirkan generasi belia yang bukan sahaja berpendidikan, berkemahiran, berdisiplin dan dibekalkan dengan kualiti kepimpinan tetapi juga memiliki nilai moral yang tinggi. Penyertaan belia di bidang sukan dan kebudayaan akan juga dipertingkatkan memandangkan mereka merupakan alat bagi mewujudkan perpaduan, setiakawan dan semangat bekerjasama di kalangan berbagai kumpulan etnik serta memperkenalkan negara melalui penyertaan mereka dalam aktiviti dan program di peringkat antarabangsa.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

21.03 Beberapa program pembangunan belia telah dilaksanakan dalam tempoh RME bagi meningkatkan peranan dan penyertaan belia dalam pembangunan negara. Penekanan telah diberi kepada latihan belia yang bertujuan meningkatkan kemahiran mereka dalam berbagai kategori pekerjaan dan keusahawanan serta penyertaan mereka dalam aktiviti sukan dan kebudayaan.

#### **Belia dan Gunatenaga**

21.04 Dalam tempoh Rancangan, golongan belia yang terdiri daripada mereka dalam kumpulan umur 15-24 tahun telah meningkat sebanyak 2.1 peratus setahun daripada 3.58 juta pada tahun 1990 kepada 3.97 juta pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-1. Daripada jumlah belia pada tahun 1995, sebanyak 46.9 peratus atau

1.86 juta telah bekerja dan 3.9 peratus menganggur. Belia yang menganggur termasuk mereka yang baru tamat daripada institusi pendidikan dan latihan serta yang sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan. Bakinya yang berada di luar tenaga buruh adalah terdiri daripada mereka yang berada di peringkat pendidikan menengah, peringkat persediaan dan pendidikan tinggi serta suri rumahtangga.

21.05 Bilangan belia yang bekerja pada tahun 1995 adalah kira-kira 1.86 juta atau 23.5 peratus daripada jumlah mereka yang bekerja berbanding dengan 1.81 juta pada tahun 1990. Kebanyakan belia bekerja di sektor pembuatan yang terus menyerap peratus terbesar belia yang bekerja iaitu kira-kira 37.9 peratus daripada gunatenaga belia pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-2. Di antara tahun 1990 dan 1995, peratus belia yang bekerja di sektor pertanian telah berkurangan daripada 19.3 peratus kepada 13.1 peratus manakala peratus belia di sektor pembuatan telah meningkat daripada 32.8 peratus pada tahun 1990 kepada 37.9 peratus pada tahun 1995 selaras dengan pertumbuhan pekerjaan dalam sektor ini. Peratus belia yang bekerja di bandar meningkat dengan ketara daripada 33.6 peratus pada tahun 1990 kepada 56.5 peratus pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-3, menunjukkan penghijrahan belia ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

21.06 Corak gunatenaga belia mengikut kategori pekerjaan telah berubah dalam tempoh Rancangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-3. Peratusan belia yang bekerja dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal telah meningkat daripada 4.8 peratus pada tahun 1990 kepada 6.7 peratus pada tahun 1995, menunjukkan tahap pencapaian pendidikan belia yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kira-kira 53 peratus belia masih bekerja sebagai pekerja perkeranian dan yang berkaitan serta pekerja pengeluaran. Peratusan belia Bumiputera dalam kategori pekerjaan professional, teknikal dan yang berkaitan serta pekerja pengeluaran telah meningkat dengan ketara.

### **Program Pembangunan Belia**

21.07 Dalam tempoh Rancangan, beberapa program pembangunan belia telah dilaksanakan oleh berbagai kementerian meliputi latihan kepimpinan dan kemahiran, gaya hidup sihat, kemahiran keusahawanan, sukan dan kebudayaan serta program pencegahan dan pemulihian. Kementerian Pendidikan adalah bertanggungjawab kepada pembangunan belia di sekolah dan institusi pendidikan tinggi melalui kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum. Kementerian Belia dan Sukan merupakan agensi utama dalam melaksana program belia lepasan sekolah dengan berpandukan kepada Dasar Belia Negara. Di samping itu, sektor swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga terlibat secara aktif dalam program pembangunan belia.

21.08 Kementerian Belia dan Sukan telah melancarkan Pelan Induk Belia Negara pada tahun 1991 bagi mempertingkat program pembangunan belia. Beberapa kejayaan

telah dicapai di bawah program ini terutamanya program Malaysia Mahir dan Malaysia Cergas yang melibatkan penyertaan ramai belia dalam latihan kemahiran dan program kecergasan fizikal. Pada tahun 1994, Pelan Induk Belia Negara telah diganti dengan Program Rakan Muda bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan produktif di kalangan belia semua kumpulan etnik. Latihan Kepimpinan

21.09 Selaras dengan objektif Kerajaan untuk membentuk kepimpinan yang berkualiti di kalangan belia, kursus kepimpinan belia telah dijalankan oleh berbagai agensi Kerajaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Kursus-kursus ini merangkumi latihan dalam pengurusan acara dan organisasi, teknik berkomunikasi, kemahiran berunding, teknik berinteraksi sosial dan aspek kepimpinan yang lain. Komponen penting dalam program ini adalah pemupukan ciri keperibadian yang positif.

21.10 Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 60,000 belia telah menyertai program latihan kepimpinan yang dikendalikan oleh berbagai agensi Kerajaan dengan 25 peratus daripada mereka telah dilatih oleh Kementerian Belia dan Sukan. Program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan adalah ditumpukan kepada pembentukan potensi kepimpinan belia di sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Program ini mengandungi penganjuran berbagai aktiviti yang berkaitan dengan disiplin dan kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar. Kementerian Pertanian telah melatih petani muda dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar menumpukan latihannya kepada belia di luar bandar serta di berbagai rancangan pembangunan tanah.

21.11 Sektor swasta juga telah menjalankan latihan untuk pekerjaan terutama bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan. NGO dan parti politik juga telah melaksanakan beberapa program belia dengan memberi penekanan khusus kepada memperbaiki kualiti kepimpinan di kalangan ahli mereka.

21.12 Satu komponen penting dalam program pembangunan belia ialah pemberian kuasa kepada belia terutamanya melalui penyertaan mereka dalam proses membuat keputusan. Dalam tempoh Rancangan, bilangan persatuan belia meningkat daripada 3,460 pada tahun 1990 kepada 9,000 pada tahun 1995, manakala keahlian dalam persatuan belia meningkat daripada kira-kira 500,000 pada tahun 1990 kepada kira-kira 1.8 juta pada tahun 1995. Kebanyakan persatuan belia telah digabungkan dalam Majlis Belia Malaysia. Dalam hubungan ini, Majlis Perunding Belia Negara (NYCC) menjadi penggerak utama dalam memberi kuasa kepada belia untuk menyertai secara berkesan bagi menentukan dasar dan program yang berkaitan dengan pembangunan belia. Keahlian NYCC yang lain termasuk wakil daripada agensi Kerajaan yang berkaitan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas pembangunan belia dan ahli daripada sektor swasta. Perwakilan dan penyertaan pemimpin belia dalam persatuan belia dan NYCC telah memberi pendedahan dan pengetahuan yang lebih luas kepada pemimpin belia

melalui pertukaran pendapat dan seterusnya mempertingkatkan lagi kemahiran mereka dalam proses membuat keputusan.

21.13 Kerajaan terus memberi galakan dan pendedahan kepada pemimpin belia yang berpotensi melalui penyertaan mereka dalam forum di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini bertujuan meningkatkan kualiti kepimpinan dan kemahiran serta menggalakkan perhubungan di peringkat antarabangsa. Dalam tempoh Rancangan, kira-kira 1,500 pemimpin belia telah menyertai 30 program di peringkat antarabangsa termasuk program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Belia ASEAN, Majlis Belia ASEAN dan Jawatankuasa Teknikal Komanwel mengenai Sukan. Di samping itu, kemampuan kepimpinan belia Malaysia juga telah diberi pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi oleh pertubuhan belia antarabangsa seperti Majlis Belia Asia, Perhimpunan Belia Sedunia dan Perhimpunan Belia Islam Sedunia apabila beberapa orang belia Malaysia dilantik dalam jawatan penting yang mendedahkan mereka kepada tugas dan tanggungjawab yang mencabar.

21.14 Kegiatan yang dianjurkan di bawah Program Pertukaran Belia Antarabangsa adalah bertujuan mendedahkan pemimpin belia mengenai pembangunan di negara yang menyertai program ini seperti Indonesia, Jepun, Korea, Thailand dan United Kingdom. Program ini telah menyumbang ke arah memupuk dan mengukuhkan persahabatan, persefahaman dan kerjasama di kalangan belia di negara tersebut. Ianya juga menyediakan peluang kepada peserta bagi memperolehi pengalaman baru dan pengetahuan awal mengenai negara penganjur serta memahami nilai dan budaya mereka. Dalam tempoh Rancangan, lebih daripada 5,000 belia Malaysia telah menyertai program pertukaran belia antarabangsa.

### **Latihan Kemahiran**

21.15 Program latihan kemahiran untuk belia lepasan sekolah telah dilaksanakan oleh berbagai institusi latihan kemahiran awam dan swasta. Belia telah dilatih dalam berbagai kemahiran bagi memenuhi keperluan sumber tenaga manusia dalam sektor industri, pertanian dan perkhidmatan. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 145,670 belia telah menerima latihan mahir dan separuh mahir di berbagai institut latihan kemahiran awam. Daripada jumlah ini, 112,130 belia telah dilatih dalam kemahiran berat seperti kejuruteraan mekanikal dan elektro-mekanikal, motor mekanik, kejuruteraan awam dan bakinya dalam kemahiran ringan seperti jahitan dan penyajian makanan. Belia yang dilatih dalam bidang ini kebanyakannya bekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

21.16 Agensi utama yang menyediakan latihan kemahiran dalam sektor awam adalah Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pembangunan Usahawan. Latihan kemahiran di bawah Kementerian Pendidikan telah dijalankan di politeknik dan sekolah menengah vokasional. Politeknik menawarkan berbagai bidang kursus berkemahiran berat dan

ringan di peringkat sijil dan diploma. Sekolah menengah vokasional menyediakan pelajar dengan dua sijil kemahiran iaitu Sijil Pelajaran Menengah Vokasional (SPMV) dan sijil kemahiran di Tahap 1 oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Kementerian Belia dan Sukan melalui institut kemahiran belia negara menyediakan latihan dan menganugerahkan sijil MLVK Tahap 1, 2 dan 3 kepada pelatih yang berjaya. Berbagai kursus di peringkat yang sama juga ditawarkan di institut latihan perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia dan di institut kemahiran MARA di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

21.17 Di sektor swasta, belia diberi peluang untuk memperolehi kemahiran dengan mengikuti berbagai kursus kemahiran yang ditawarkan oleh institusi latihan swasta. Kursus-kursus ini terdiri daripada kemahiran asas komputer sehingga kepada kemahiran peringkat lanjutan seperti teknologi pengeluaran dan teknologi maklumat. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 30,000 belia telah dilatih oleh institusi latihan kemahiran swasta.

21.18 Latihan di luar institusi seperti latihan sambil bekerja dan sesi latihan bengkel juga telah dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Belia yang tidak mempunyai kemahiran serta gagal memasuki institusi latihan telah ditempatkan sebagai perantis dalam perniagaan kecil untuk mempelajari kemahiran khusus. Setelah memperolehi kemahiran yang mencukupi, mereka di beri pilihan sama ada untuk terus bekerja di tempat yang sama atau mencari pekerjaan di tempat lain atau bekerja sendiri.

### **Pembangunan Keusahawanan**

21.19 Program pembangunan keusahawanan untuk belia telah memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan penyertaan mereka dalam syarikat perniagaan, menyediakan latihan, menggalakkan mereka bekerja sendiri serta memupuk potensi keusahawanan di kalangan mereka. Bagi mencapai tujuan ini, berbagai program telah dilaksanakan oleh agensi Kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian Pendidikan telah memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan potensi keusahawanan di kalangan pelajar melalui Program Usahawan Muda dan kegiatan ko-kurikulum yang lain seperti pergerakan koperasi di sekolah.

21.20 Beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan peluang memperolehi modal dan penggunaan sumber tempatan bagi membantu usaha meningkatkan penyertaan lebih ramai belia dalam perniagaan. Pinjaman mudah telah disediakan oleh Kerajaan kepada usahawan untuk menceburi bidang perniagaan. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah RM16.7 juta pinjaman mudah telah diagihkan kepada 1,600 belia di seluruh negara untuk projek perniagaan, perniagaantani dan perdagangan di bawah Tabung Amanah Ekonomi Belia. Projek ini telah menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 3,650 belia.

21.21 Penyertaan belia dalam aktiviti keusahawanan dan kegiatan yang berkaitan dengannya telah diperkuuhkan melalui penggunaan teknologi yang sesuai dan penggunaan sumber tempatan terutamanya di luar bandar. Di bawah konsep ini, sumber tempatan telah digembleng untuk mengeluarkan barang yang mudah dipasarkan. Berbagai program juga telah dirancang untuk meningkatkan kemahiran kraftangan dan aktiviti industri luar bandar yang lain. Pelaksanaan program ini telah meningkatkan kemahiran kraf di kalangan belia serta secara langsung menyumbang kepada peningkatan pendapatan isirumah di kawasan berkenaan.

21.22 Sektor swasta juga telah menyediakan latihan keusahawanan bagi belia yang bekerja terutamanya di industri pembuatan melalui penyertaan aktif Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM). Pada tahun 1991, FMM telah menujuhkan pusat pembangunan usahawan dan kemahiran dengan tujuan meningkatkan kemahiran keusahawanan dan pengetahuan di kalangan pekerja syarikat. Dalam tempoh Rancangan, kira-kira 5,000 pekerja telah dilatih di pusat ini dengan 45 peratus adalah pekerja daripada industri kecil dan sederhana di Lembah Klang.

### **Program Gaya Hidup Sihat**

21.23 Program Rakan Muda yang telah diperkenalkan pada tahun 1994 adalah untuk membawa belia ke dalam arus pembangunan negara dan menggalak amalan gaya hidup sihat dan produktif. Program ini memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal, rohani, sosial dan intelek. Aspek fizikal program gaya hidup Rakan Muda bertujuan menyediakan pilihan kepada belia untuk menggunakan masa lapang mereka secara produktif, sementara aspek kerohanian memberi penekanan kepada usaha memupuk nilai dan sikap positif di kalangan peserta. Matlamat akhir Program Rakan Muda adalah untuk memupuk sikap dan nilai positif yang diperlukan oleh belia bagi menghadapi cabaran pembangunan yang pesat. Pada masa yang sama, program ini dapat menangani pengaruh negatif yang muncul daripada perubahan gaya hidup dan pendedahan yang lebih luas kepada persekitaran global melalui media massa. Dalam tempoh Rancangan, sembilan gaya hidup iaitu Rakan Sukan, Rakan Wajadiri, Rakan Rekreasi, Rakan Cinta Alam, Rakan Senibudaya, Rakan Rekacipta, Rakan Kecergasan, Rakan Masyarakat dan Rakan Wiramahir-Wirausaha telah dilaksanakan.

21.24 Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Program Rakan Muda, beberapa kursus telah dijalankan bagi mengukuh keupayaan kelab rekreasi dan pertubuhan yang mengurus berbagai program dan kegiatan. Kegiatan latihan telah dianjurkan sama ada secara sepenuh atau separuh masa dengan keutamaan diberi kepada latihan bagi penyelaras, pengurus kelab dan pertubuhan. Program Rakan Muda melibatkan kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta termasuk NGO. Bagi sektor awam, kegiatan berkaitan dengan pembangunan Rakan Muda telah diselaras oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sektor swasta pula telah menyumbang kepada program ini melalui tajaan, anjuran bersama aktiviti serta penyertaan pekerja mereka.

NGO juga telah dikenal pasti sebagai pelaksana utama program gaya hidup Rakan Muda di berbagai peringkat. Kursus, bengkel dan seminar telah diadakan terutamanya kepada pemimpin NGO untuk membolehkan program ini dilaksanakan dengan berkesan.

21.25 Di peringkat antarabangsa, Program Rakan Muda telah diperkenal sebagai asas yang mungkin digunakan untuk pembangunan belia di negara sedang membangun. Pada tahun 1995, konsep Rakan Muda telah dibentang di mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel di Port of Spain, Trinidad & Tobago dan dilaporkan di mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di New Zealand. Melalui forum ini, Malaysia boleh berkongsi pengalaman mengenai pembangunan belia dengan negara-negara lain.

### **Program Sukan**

21.26 Dalam tempoh Rancangan, beberapa program telah dilaksana untuk menggalak belia Malaysia supaya cergas dan sihat serta memupuk perpaduan di kalangan belia melalui penyertaan mereka dalam Program Sukan untuk Semua. Program ini termasuk larian jarak jauh, jalan kaki, aerobik, berbasikal, mendaki gunung, berkayak, acara sukan berpasukan serta kegiatan sukan dan rekreasi yang lain. Program sukan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peminat sukan dengan kira-kira satu juta belia menyertai 5,120 aktiviti sukan.

21.27 Rakan Sukan yang merupakan satu daripada komponen program gaya hidup Rakan Muda telah dilancarkan pada tahun 1995. Latihan dan tunjuk ajar bagi 10 jenis sukan telah dilaksana di seluruh negara untuk menggalak penyertaan belia dalam sukan serta mengenalpasti atlit yang boleh dilatih secara khusus untuk pertandingan di peringkat antarabangsa. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 28 syarikat swasta telah menandatangani Memorandum Hasrat untuk memberi sumbangan kewangan kepada sukan dan badan sukan bertujuan mengasah bakat dan menaja pertandingan bagi 27 aktiviti sukan di peringkat kebangsaan.

21.28 Program Pembangunan Bakat telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan untuk menyedia atlit muda dengan latihan bersistematik sepanjang tahun. Latihan ini memberi penekanan kepada pembinaan kemahiran dan kecergasan di samping menanam disiplin dan memupuk sikap positif dalam usaha berpasukan dan untuk mencapai kecemerlangan. Program Bakat khas telah dilancar untuk melahirkan bakat luar biasa terutamanya dalam acara memanah, olahraga, badminton, boling dan golf. Di bawah program ini, pusat-pusat latihan telah disediakan di seluruh negara. Pada tahun 1995, terdapat sejumlah 115 pusat dengan seramai 2,370 atlit telah dilatih oleh 208 jurulatih.

21.29 Penyediaan kemudahan sukan dan rekreasi yang mencukupi adalah penting bagi belia memenuhi masa lapang mereka secara produktif dalam program kecergasan serta program yang boleh memupuk perpaduan dan semangat

setiakawan. Memandangkan kemudahan sukan dan rekreasi masih belum mencukupi khususnya yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan, Kementerian Belia dan Sukan telah menjalankan kajian mengenai kemudahan sukan sedia ada yang dimiliki oleh sektor awam dan swasta. Hasil kajian ini akan dapat membantu Kerajaan merangka satu rancangan jangka panjang mengenai keperluan kemudahan sukan dan rekreasi di masa hadapan.

### **Program Kebudayaan**

21.30 Dalam tempoh Rancangan, berbagai program telah dilaksana untuk menggalakkan penyertaan aktif belia dalam kesenian dan kebudayaan. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah menjalankan berbagai aktiviti untuk penyertaan belia termasuk bengkel kebudayaan, kegiatan kesenian dan kebudayaan, pendidikan kesenian, pertunjukan seni halus, muzik dan kegiatan rekreasi.

21.31 Kegiatan kesenian dan kebudayaan juga telah digalakkan melalui program gaya hidup Rakan Senibudaya yang bertujuan menyemai sikap menghargai warisan budaya di kalangan belia selaras dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dalam hubungan ini, belia telah didedahkan kepada seni dan budaya tempatan serta diberi pilihan untuk memilih kegiatan yang sesuai dengan minat dan bakat mereka. Pada akhir tempoh Rancangan, sebanyak 1,870 aktiviti telah dilaksanakan dengan penyertaan kira-kira 88,920 belia. Di antara kegiatan yang telah dilaksanakan termasuk drama, tarian moden dan tradisional, muzik dan pertunjukan kebudayaan.

### **Program Pencegahan dan Pemulihan**

21.32 Kepesatan pembangunan dan perindustrian, penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar dan ketidakbiasaan dengan persekitaran bandar, perubahan gaya hidup dan pengaruh negatif yang lain telah menimbulkan cabaran baru kepada belia. Di antaranya, perpecahan keluarga, pengaruh negatif daripada rakan sebaya dan media massa serta kekurangan pengetahuan agama telah menyumbang kepada kemunculan masalah sosial seperti lepak, penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, penyimpangan seks, tidak berdisiplin di sekolah dan perlakuan tidak diingini yang lain. Masalah ini telah meningkat di kalangan belia iaitu pada tahun 1995, terdapat kira-kira 6,920 kes keganasan jenayah dan 4,990 belia terlibat dengan penagihan dadah berbanding dengan 5,200 kes keganasan jenayah dan 4,800 kes penagihan dadah pada tahun 1990.

21.33 Program pembaikan dan pemulihan untuk mengatasi masalah ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Pemulihan belia yang menagih dadah telah dilaksanakan di Pusat Pemulihan Dadah di seluruh negara. Pusat ini menyediakan rawatan, kaunseling dan latihan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan untuk masa hadapan. Badan sukarela seperti Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia (PEMADAM) telah memain peranan penting dalam pemulihan penagih dadah. Di

samping itu, keluarga, masyarakat, guru dan rakan sebaya juga turut membantu dalam proses pemulihan melalui kaunseling dan bimbingan kerohanian. Program pembangunan keluarga telah juga dilaksana bertujuan mewujudkan keluarga yang kukuh dan berdaya tahan. Peranan ibu bapa dalam menanam nilai positif dan sikap yang baik di kalangan anak-anak mereka terutamanya belia telah diberi penekanan.

21.34 Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk memulihkan belia dan juvana yang telah dijatuhi hukuman atas kesalahan jenayah atau terlibat dalam kegiatan yang tidak diingini. Dalam tempoh Rancangan, seramai 5,180 belia dan juvana telah diberi latihan kemahiran, kaunseling serta bimbingan kerohanian di 11 Asrama Percubaan, tujuh sekolah Tunas Bakti dan lima Pusat Pemulihan Wanita dan Gadis. Sebagai langkah pencegahan, Akta Perlindungan Kanak-kanak, 1991 dan Akta Keganasan Rumahtangga, 1994 telah diluluskan dalam tempoh Rancangan, dengan tujuan menyediakan perlindungan kepada kanak-kanak dan belia.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

21.35 Kepesatan pembangunan ekonomi dan perindustrian memerlukan kemahiran dan etika kerja yang baru di kalangan belia. Pembandaran yang pesat dijangka memberi kesan kepada nilai dan gaya hidup belia khususnya di bandar-bandar besar. Keadaan ini memerlukan kreativiti dan pendekatan baru dalam menyediakan program belia. Di samping itu, pembangunan sistem komunikasi dan rangkaian komputer antarabangsa seperti multimedia dijangka mencetuskan cabaran kepada nilai dan budaya tradisional. Fenomena ini mencetuskan cabaran baru kepada belia dan dengan ini dasar dan program pembangunan belia memerlukan penekanan baru dan orientasi semula.

21.36 Pembangunan belia akan ditumpukan kepada pembentukan generasi belia yang berpendidikan, bertoleransi, berdaya saing, beretika, bersatu padu, demokratik, liberal serta maju dalam sains dan teknologi. Pembangunan generasi ini adalah penting kerana mereka bakal menjadi pemimpin, profesional, teknokrat dan tenaga kerja mahir dan produktif pada masa hadapan yang diperlukan untuk mencapai status negara maju.

21.37 Dalam tempoh RMT, tumpuan yang lebih akan diberi kepada pembangunan golongan belia yang berdaya tahan serta dapat menyumbang secara positif kepada pembinaan negara dan mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran dalam proses negara menuju ke arah pembangunan perindustrian yang pesat. Penekanan juga akan diberi untuk memperkuatkkan institusi keluarga dan peranan ibu bapa dalam memupuk nilai moral dan kerohanian di kalangan belia. Bagi menggalakkan penyertaan aktif belia dalam pembinaan negara, peluang pendidikan dan latihan akan terus diperluaskan manakala program kepimpinan, latihan kemahiran, pembangunan

keusahawanan, program gaya hidup sihat serta pencegahan dan pemulihan akan dilaksanakan dengan lebih intensif.

21.38 Dasar Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan akan dikaji semula untuk memberi tumpuan kepada belia dalam kumpulan umur 15-24 tahun yang bertujuan menjadikan mereka tenaga buruh yang produktif. Dalam hubungan ini, bagi menghadapi cabaran negara maju, aspek pembangunan sumber manusia yang memberi penekanan kepada pembentukan kemahiran, nilai dan kebolehan yang sesuai akan dimasukkan dalam dasar ini. Penggubalan dasar baru tersebut juga akan menggabungkan peranan berbagai kementerian dalam pembangunan belia supaya program belia dapat dilaksanakan dengan lebih bersepada. Di samping itu, keyakinan diri, disiplin dan elemen pembentukan sikap yang positif akan digabungkan sebagai komponen penting dalam program-program belia.

### **Belia dan Gunatenaga**

21.39 Dalam tempoh Rancangan, golongan belia dijangka bertambah sebanyak 2.3 peratus setahun daripada 3.97 juta pada tahun 1995 kepada 4.45 juta pada tahun 2000 seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-1. Daripada jumlah belia pada tahun 2000, kira-kira 41.6 peratus akan bekerja dan 4.0 peratus atau 176,000 akan menganggur iaitu mereka yang mencari pekerjaan. Daripada jumlah di luar tenaga kerja, 1.3 juta akan berada di institusi pendidikan dan latihan di dalam dan luar negara.

21.40 Penurunan peratusan belia yang bekerja, sebahagian besarnya adalah di sebabkan pertambahan peluang pendidikan lepasan menengah serta latihan di institusi latihan kemahiran dan ini dijangka melambatkan belia memasuki pasaran buruh. Belia yang bekerja di sektor pertanian dijangka berkurang di sebabkan permintaan buruh yang rendah dalam sektor ini serta penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar.

21.41 Peratusan belia yang bekerja dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal dijangka meningkat daripada 6.7 peratus pada tahun 1995 kepada 7.9 peratus pada tahun 2000. Ini adalah selaras dengan anggaran pertambahan keluaran graduan dalam bidang profesional dan teknikal daripada institusi pendidikan tinggi dan institusi latihan kemahiran serta pertambahan peluang pekerjaan dalam sektor industri dan perkhidmatan. Penyertaan belia dalam pekerjaan pengurusan dan pentadbiran serta pekerja pengeluaran yang mahir akan juga bertambah memandangkan permintaan pekerja bagi kumpulan ini yang semakin meningkat.

### **Program Pembangunan Belia**

21.42 Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memastikan belia menyumbang secara berkesan kepada pembinaan negara dan pembangunan sosio-ekonomi. Usaha juga akan diambil untuk menyediakan peluang yang lebih kepada belia melalui

pembesaran kapasiti kemudahan pendidikan dan latihan sedia ada, memperluaskan pelaksanaan pendidikan jarak jauh di berbagai institusi pendidikan tinggi, meningkatkan pendidikan tidak formal serta menanam kesedaran mengenai kepentingan dan peluang pendidikan seumur hidup. Program-program ini bertujuan menyediakan peluang yang lebih banyak kepada belia dan mereka yang sedang bekerja untuk meneruskan pendidikan dan latihan mereka melalui cara formal dan tidak formal.

21.43 Program pembangunan belia dalam tempoh Rancangan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan sektor swasta termasuk NGO. Untuk memastikan program ini dilaksanakan secara berkesan, usaha akan diambil untuk meningkat kapasiti pengurusan dan pelaksanaan agensi sektor awam yang bertanggungjawab terhadap pembangunan belia. Peranan NGO akan diperluas terutamanya untuk memupuk semangat sukarela di kalangan belia. NGO akan diberi amanah untuk menggerakkan belia bagi memenuhi matlamat perpaduan nasional, kestabilan ekonomi dan sosio-politik disamping memelihara warisan budaya dan mengekalkan keselamatan negara.

21.44 Dalam tempoh Rancangan, penyelidikan lanjutan mengenai berbagai aspek pembangunan belia akan terus dipertingkatkan dengan kerjasama institusi pendidikan tinggi. Usaha penyelidikan ini akan membantu Kerajaan dalam merangka dasar, strategi dan program pembangunan belia.

### **Latihan Kepimpinan**

21.45 Dalam tempoh Rancangan, pembangunan kepimpinan akan terus diberi keutamaan yang tinggi untuk menangani perubahan yang kompleks pada masa hadapan. Usaha akan diambil untuk membentuk generasi baru pemimpin belia yang akan bertindak sebagai penggerak utama dalam pembangunan. Di antara lain, belia akan dilengkapkan dengan teknik dan pendekatan untuk membolehkan mereka menjadi pemimpin yang berkesan di samping menanam nilai positif seperti yakin diri, disiplin dan beretika. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan mengkaji semula kurikulum program pembangunan kepimpinan dengan tujuan menjadikannya lebih proaktif dan sesuai dengan keperluan dan keadaan masa hadapan. Usaha juga akan diambil untuk membangun barisan pemimpin pelapis belia yang berwibawa dan dinamik untuk menangani cabaran baru. Dianggarkan seramai 160,000 pemimpin belia termasuk pemimpin NGO akan dilatih di bawah program kepimpinan belia.

21.46 Kerajaan akan terus membentuk kepimpinan yang berkualiti di kalangan belia melalui sistem pendidikan menengah dan tinggi serta agensi sektor awam yang lain. Sektor swasta akan juga digalakkan menyumbang kepada latihan belia yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka. Penglibatan belia yang lebih aktif di peringkat antarabangsa akan dipertingkatkan melalui NGO.

## **Latihan Kemahiran**

21.47 Program pembangunan sumber manusia yang lebih lengkap dan menyeluruh akan dilaksanakan untuk belia. Usaha akan diambil untuk mempelbagaikan bidang teknologi dan kemahiran ringan serta memperluaskan peluang pekerjaan kepada belia. Program khusus kemahiran ringan seperti kewangan dan perbankan, insurans, broker saham, pengurusan dana, hotel dan pelancongan serta literasi komputer akan diperkenalkan.

21.48 Belia yang menamatkan pengajian mereka di peringkat menengah tinggi akan diberi latihan kemahiran bertujuan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan mereka memperolehi pekerjaan pada masa hadapan. Kurikulum latihan kemahiran akan meliputi matematik dan bahasa Inggeris serta penerapan nilai positif bagi melengkapkan belia dengan kemahiran dan kelayakan akademik yang bersesuaian apabila mereka memasuki pasaran kerja. Di samping itu, Kerajaan akan juga memberi penekanan kepada latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran di kalangan belia terutamanya untuk memenuhi perubahan struktur industri negara daripada yang berintensifkan buruh kepada yang berintensifkan modal. Program untuk meningkatkan tahap pendidikan belia yang tercicir dan mempunyai pencapaian yang rendah daripada sistem pendidikan formal akan juga diperkenalkan. Program ini akan dilaksanakan terutamanya oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Sumber Manusia bertujuan membantu belia berkelayakan rendah memasuki institusi latihan kemahiran formal serta meningkatkan kemahiran. Di samping peningkatan kemahiran, beberapa aspek belanjawan dan pengiraan kos serta kepentingan kebersihan di tempat kerja akan dimasukkan dalam program latihan. Melalui penyediaan program latihan formal dan tidak formal, belia akan memperolehi kelayakan akademik dan kemahiran yang lebih tinggi bagi membantu mereka mendapat pekerjaan dalam pasaran buruh. Program berkaitan dengan kemahiran akan diperluas untuk memberi peluang kepada kumpulan belia yang tercicir dan mempunyai kelayakan akademik yang rendah bagi membantu mereka menjadi lebih produktif dari segi ekonomi.

21.49 Berikutan pertambahan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, penekanan akan diberi untuk melatih belia dalam bidang yang bersesuaian dengan sektor berkenaan. Di bawah program kerjasama strategik, syarikat sektor swasta seperti bank komersil, syarikat insurans dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad akan menyediakan latihan amali kepada belia untuk memudahkan mereka memasuki pasaran buruh. Kursus baru yang berorientasikan pasaran seperti dalam bidang telekomunikasi dan pembaikan serta penyelenggaraan pesawat akan disediakan di bawah program ini.

### **Pembangunan Keusahawanan**

21.50 Dalam tempoh Rancangan, program yang lengkap dan menyeluruh serta inovatif akan dipergiat untuk membangun usahawan muda. Dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan pada tahun 1995, pelaksanaan dan penyelarasaran program pembangunan usahawan dijangka dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dalam hubungan ini, Tabung Amanah Ekonomi Belia dan Program Belia dalam Perniagaan akan terus dipertingkatkan untuk memenuhi matlamat penubuhan perniagaan yang berdaya maju dan seterusnya meningkatkan peluang belia untuk bekerja sendiri. Di samping itu, bagi memastikan Tabung tersebut digunakan dengan berkesan, program untuk membantu belia agar berdaya maju dalam perniagaan akan dilaksanakan melalui kaunseling dan khidmat nasihat.

21.51 Peluang perniagaan baru juga akan dibuka kepada belia melalui hubungan strategik dengan syarikat swasta dan entiti yang diswastakan. Belia akan dilatih untuk mengambil peluang program pembangunan francais dan vendor sedia ada serta peraturan pemasaran di bawah konsep payung dan skim modal teroka bagi syarikat besar untuk menjamin kejayaan mereka dalam perniagaan.

### **Program Gaya Hidup Sihat**

21.52 Pembangunan gaya hidup sihat di kalangan belia merupakan agenda nasional yang penting yang antara lain akan menjadi pra-syarat untuk membolehkan belia menyumbang secara positif kepada pembinaan negara. Dalam tempoh RMT, pelaksanaan Program Rakan Muda akan memberi tumpuan kepada kumpulan sasar tertentu terutamanya belia yang tercicir daripada sistem pendidikan termasuk mereka yang menganggur. Keutamaan akan diberi kepada kumpulan ini memandangkan mereka lebih terdedah dan mudah terjerumus ke dalam aktiviti yang tidak sihat. Dalam hubungan ini, Kementerian Belia dan Sukan akan dipertanggungjawabkan untuk melaksana dan menyelaras program yang sesuai bagi kumpulan sasar ini.

21.53 Kerajaan akan mengadakan kerjasama yang aktif dengan sektor swasta termasuk NGO bagi memastikan program gaya hidup ini dilaksana dengan berkesan. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak RM160 juta akan disediakan untuk membina 23 pusat Rakan Muda terutamanya di bandar dan kawasan perindustrian bagi menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi serta perkhidmatan kaunseling dan nasihat kepada belia. Perkhidmatan ini akan disediakan oleh NGO dan sukarelawan belia.

### **Program Sukan**

21.54 Program sukan akan terus menjadi alat untuk membentuk sikap, menggalak gaya hidup sihat dan mananam semangat untuk mencapai kecemerlangan di

kalangan belia Malaysia. Program gaya hidup Rakan Sukan terus menyediakan peluang kepada belia untuk menyertai berbagai aktiviti sukan. Kira-kira satu juta belia dijangka mengambil bahagian dalam 27 aktiviti sukan yang akan digalakkan di bawah program ini dengan sokongan sektor korporat. Di samping itu, aktiviti sukan baru seperti pelayaran dan penerbangan pesawat ringan akan digalakkan sebagai aktiviti luar bagi mewujudkan minat, meningkatkan kemahiran serta menanam disiplin di kalangan belia.

21.55 Sukan berprestasi tinggi akan diberi tumpuan bagi melahirkan pemenang pingat yang berpotensi di Sukan Komanwel 1998 dan Sukan Asia serta Olimpik pada masa hadapan. Sebahagian besar atlit muda di jangka mengambil bahagian dalam pertandingan sukan di peringkat antarabangsa melalui latihan yang sistematik dan program kejurulatihan. Dalam hubungan ini, Program Pembangunan Bakat akan menyediakan latihan kepada kira-kira 14,570 atlit lelaki dan wanita dalam 37 acara sukan di peringkat kebangsaan dan negeri. Untuk memenuhi keperluan ini, pusat bagi Program Pembangunan Bakat akan ditambah daripada 115 pada tahun 1995 kepada 916 pada tahun 2000.

21.56 Penglibatan belia dalam aktiviti sukan dan rekreasi serta kejayaan program pembangunan sukan bergantung kepada kemudahan yang mencukupi dan berkualiti. Memandangkan kemudahan sukan dan rekreasi untuk belia adalah amat kurang terutamanya di bandar, usaha yang lebih giat akan terus diambil oleh Kerajaan bagi menyedia kemudahan yang mencukupi serta memastikannya diselenggara dengan baik oleh pihak berkuasa tempatan. Sektor swasta akan juga digalak untuk melengkapkan usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi di kawasan yang akan dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai tempat kediaman, pusat perdagangan dan kawasan perindustrian. Berdasarkan kajian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan, satu rancangan jangka panjang mengenai keperluan kemudahan sukan dan rekreasi serta penggunaan dan pengurusannya akan dirangka untuk dilaksana oleh sektor awam dan swasta.

### **Program Kebudayaan**

21.57 Program kebudayaan untuk belia akan dipertingkat dan institusi belia akan dijadikan sebagai alat bagi membentuk identiti dan integrasi nasional. Program ini bertujuan mengurangkan pengaruh yang tidak diingini dan kesan negatif budaya asing.

21.58 Pelaksanaan program kesenian dan kebudayaan dijangka dapat mengukuhkan minat belia terhadap kesenian tradisional dan warisan budaya yang kaya di negara ini. Program ini akan meliputi pertunjukan kebudayaan tradisional dan moden, penulisan skrip dan hiasan komersil. Penglibatan aktif belia dalam program kesenian dan kebudayaan dijangka memperkuuhkan perpaduan negara, keharmonian kaum serta meningkatkan penghargaan kepada warisan budaya yang kaya di Malaysia.

## **Program Pencegahan dan Pemulihan**

21.59 Pembangunan pesat dalam proses perindustrian dan pembandaran dijangka menimbulkan masalah sosial. Bagi mengatasi perlakuan yang tidak diingini seperti lepak, penderaan, penyalahgunaan dadah dan tidak berdisiplin di kalangan belia, Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap pelaksanaan program pencegahan dan pemulihan. Dalam hubungan ini, pertubuhan sukarela terutamanya PEMADAM dan pertubuhan sosial yang lain serta pertubuhan agama akan digalak meningkatkan penyertaan mereka dalam pelaksanaan program ini.

21.60 Program pencegahan juga akan dilaksana oleh berbagai agensi Kerajaan termasuk Biro Tatanegara. Dalam hubungan ini, program-program sedia ada akan diperluas dan penekanan akan diberi kepada pelaksanaan program kemahiran keibubapaan. Satu program keibubapaan yang lengkap dan menyeluruh akan dirangka termasuk modul mengenai pengukuhan institusi keluarga, pembangunan kanak-kanak dan belia, serta peranan keluarga dan masyarakat. Program ini akan berdasarkan kepada prinsip agama dan nilai tradisi yang baik bertujuan melahirkan ibu bapa yang bertanggungjawab serta belia yang mempunyai nilai moral yang tinggi.

21.61 Program untuk mengukuh nilai moral dan kerohanian di kalangan belia akan dipertingkat untuk mewujudkan generasi belia yang mempunyai nilai positif serta dilengkapkan dengan pengetahuan agama yang mencukupi bagi menangani pengaruh negatif. Program ini akan dilaksana di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah oleh berbagai kementerian dengan kerjasama berbagai organisasi agama. NGO belia dan bukan belia juga akan digalak untuk mengadakan program bagi belia yang bermasalah. Di samping itu, institusi keluarga akan diperkuuhkan dan ibu bapa akan digalak untuk meningkatkan pengetahuan agama dan kemahiran keibubapaan. Penekanan yang lebih akan diberi kepada penerapan nilai moral yang tinggi dan etika yang baik di kalangan belia dengan memasukkan pendidikan moral dalam pengajaran agama di semua peringkat pendidikan.

21.62 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa antara agensi peringkat tinggi bertujuan menangani masalah sosial terutamanya di kalangan belia. Fungsi utama jawatankuasa ini meliputi penggubalan dasar dan strategi untuk pembangunan sosial dan keluarga. Fungsi yang lain termasuk penggubalan, penyelaras dan penyatuan program untuk mencegah berlakunya masalah sosial serta mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Di samping itu, sebuah agensi tunggal akan dikenalpasti sebagai pusat tumpuan untuk memastikan kelincinan pelaksanaan dasar, strategi dan program serta mengawasi implikasi pembangunan sosial dan ekonomi terhadap kebijakan keluarga terutamanya belia.

21.63 Sejumlah RM130.7 juta akan disediakan untuk program pemulihan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial. Dalam hubungan ini,

program-program yang dilaksanakan oleh berbagai agensi kerajaan dan NGO akan diselaras dan disepadu bagi membolehkan belia yang bermasalah dipulih dan seterusnya membawa mereka ke dalam arus pembangunan.

#### **IV. PERUNTUKAN**

21.64 Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan bagi pembangunan belia dalam tempoh RME dan peruntukan bagi RMT adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-4. Daripada jumlah peruntukan sebanyak RM2.7 bilion dalam tempoh RMT, sebanyak RM1.3 bilion akan digunakan untuk menambah kapasiti latihan kemahiran bagi membolehkan lebih ramai belia memperolehi tahap kemahiran yang lebih tinggi serta beralih kepada pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang lebih lumayan.

#### **V. PENUTUP**

21.65 Program pembangunan belia dalam tempoh RME telah memberi tumpuan kepada pengeluaran tenaga kerja produktif dan berdisiplin yang diperlukan oleh negara. Ini telah dicapai melalui pelaksanaan berbagai program latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan dan latihan kepimpinan untuk belia. Di samping itu, penekanan juga telah diberi kepada penerapan nilai dan sikap positif.

21.66 Dalam tempoh RMT, Kerajaan akan memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran yang lebih tinggi di kalangan belia. Di samping itu, penyertaan aktif belia dalam program sukan, kesenian dan kebudayaan, gaya hidup sihat serta penerapan nilai moral dan etika dijangka dapat melengkapkan belia untuk menghadapi cabaran baru dan membolehkan mereka menyumbang kepada pembinaan negara. Sektor swasta dan NGO dijangka memainkan peranan yang semakin penting dalam pelaksanaan program pembangunan belia bagi melengkapkan usaha sektor awam.

## **BAB 22 :PEMBANGUNAN MENERUSI KERJASAMA ANTARABANGSA**

### **I. PENDAHULUAN**

22.01 Globalisasi serta kemunculan teknologi dan ilmu pengetahuan baru telah meningkatkan lagi pergantungan antara negara di dunia untuk mencapai kemajuan dan pembangunan. Pada masa yang sama, telah timbul cabaran baru terhadap pembangunan yang sukar bagi sesebuah negara menangani secara individu. Keadaan ini telah meningkatkan lagi keperluan kerjasama antarabangsa khususnya di kalangan negara membangun. Selaras dengan ini, dasar luar Malaysia telah digubal bagi mendapat manfaat sepenuhnya daripada peluang ekonomi yang luas dan menangani cabaran pembangunan yang muncul di arena antarabangsa.

22.02 Walaupun keutamaan ekonomi merupakan satu ciri penting dasar luar Malaysia, kerjasama dalam bidang politik, kebudayaan dan keselamatan pada tradisinya telah diberi penekanan. Pelaksanaan dasar luar ini secara berterusan dengan berlandaskan prinsip menghormati kebebasan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain, telah meningkatkan kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, aspek ekonomi telah memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dasar luar negara. Ini adalah disebabkan pertimbangan nasional dan antarabangsa semakin berkait rapat berikutan globalisasi serta keadaan ekonomi Malaysia yang terbuka. Malaysia juga telah memainkan peranan yang lebih proaktif dalam usaha menangani isu serantau dan global yang semakin ketara.

22.03 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), Malaysia telah menjalinkan kerjasama yang rapat dengan masyarakat antarabangsa bagi kepentingan pembangunan nasional. Kerjasama ini memberi tumpuan kepada pertimbangan ekonomi sejajar dengan penekanan baru dalam dasar luar negara. Selaras dengan itu, hubungan dua hala yang erat telah dijalin dengan negara maju dan membangun bagi mempertingkat dan memusatkan lagi hubungan ekonomi. Malaysia terus komited kepada kerjasama serantau yang terbuka, keamanan serantau dan kemakmuran bersama. Di samping itu, Malaysia menyokong peranan kerjasama pelbagai hala dalam mempertingkatkan kemajuan, keamanan dan keselamatan antarabangsa. Malaysia juga memainkan peranan mengikut kemampuannya dalam usaha membantu negara membangun yang lain menerusi kerjasama Selatan-Selatan.

22.04 Selaras dengan matlamat jangka panjang untuk menjadi negara maju, Malaysia akan mempergiat usaha untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa di semua peringkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT). Kerjasama antarabangsa akan menjadi bertambah penting sebagai satu cara menggunakan

sumber dengan lebih cekap berdasarkan kepada kelebihan berbanding dan daya saingan negara. Di samping terus memperkuuh kerjasama dengan negara maju dan membangun, usaha juga akan diambil untuk memanfaatkan sepenuhnya keadaan ekonomi di kalangan negara Selatan yang saling melengkapi dan untuk membentuk pendirian bersama dalam isu serantau serta global bagi kepentingan bersama.

## **II. KEMAJUAN, 1991-95**

22.05 Dalam tempoh RME, Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam kerjasama antarabangsa menerusi permuafakatan dengan masyarakat antarabangsa di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala. Menerusi kerjasama sedemikian, negara telah dapat menangani beberapa isu serantau dan global yang memberi kesan ke atas pembangunannya. Di samping terus memupuk kerjasama yang rapat dengan negara maju, penekanan juga telah diberi kepada kerjasama Selatan-Selatan memandangkan wujudnya peluang perdagangan dan pelaburan yang luas di negara-negara Selatan dan pentingnya dipertingkatkan semangat berdikari di kalangan negara berkenaan.

### **Kerjasama Dua Hala**

22.06 Malaysia telah mempergiatkan kerjasama yang sedia ada di peringkat dua hala dengan semua negara rakan. Dalam tempoh RME, pejabat perwakilan telah ditubuhkan di 12 negara lagi. Kerjasama dua hala Malaysia dengan negara membangun terus diperkuuh menerusi pertukaran lawatan yang diketuai oleh Ketua-Ketua Kerajaan, pemeteraian pelbagai perjanjian dan penubuhan Suruhanjaya Bersama. Perjanjian mengenai Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal telah ditandatangani dengan 18 negara, menjadikan jumlahnya 61 setakat ini. Di bawah Perjanjian induk ini, perjanjian lain telah dimeterai untuk membantu kerjasama dalam pelbagai bidang. Rangka kerjasama dua hala telah diperluaskan menerusi perjanjian seperti perjanjian perkhidmatan udara yang ditandatangani dengan 17 negara, perjanjian perdagangan dua hala dengan 19 negara, peraturan pembayaran dua hala (BPA) dengan 21 negara, perjanjian jaminan pelaburan (IGA) dengan 25 negara dan perjanjian pengecualian cukai dua kali dengan 19 negara. Di samping itu, lima Suruhanjaya Bersama telah ditubuhkan dalam tempoh Rancangan untuk membantu proses rundingan dua hala di antara Malaysia dengan negara yang terlibat. Menerusi pendekatan dua hala ini, isu bersama telah dapat diselesaikan dan aktiviti dalam bidang kerjasama yang dipersetujuui telah dilaksanakan.

22.07 Dalam tempoh Rancangan, kerjasama dua hala di antara Malaysia dengan negara lain ditumpukan kepada bidang ekonomi. Kerjasama ini membantu meningkatkan perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dengan negara terbabit. Sehubungan dengan ini, Malaysia telah meningkatkan akses pasaran dengan memudahkan prosedur yang berkaitan dengan perdagangan dan mengkaji semula

instrumen seperti tarif, cukai dan peraturan kewangan. Selain daripada itu, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah membuka empat pejabat baru di luar negara sejak penubuhannya pada tahun 1993. Semua usaha ini turut menyumbang ke arah pertambahan nilai keseluruhan dagangan daripada RM158.8 bilion pada tahun 1990 kepada RM379.9 bilion pada tahun 1995. Nilai keseluruhan dagangan Malaysia bagi tahun 1994 merupakan 1.4 peratus daripada jumlah dagangan dunia dan pada tahun yang sama, Malaysia adalah negara pengeksport ke-19 terbesar dan pengimport ke-18 terbesar di dunia. Sungguhpun sumbangan perdagangan Malaysia dengan negara-negara Selatan, tidak termasuk Singapura, hanya meningkat daripada 12.9 peratus pada tahun 1990 kepada 13.9 peratus pada tahun 1995, dari segi nilai, ianya meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 20.8 peratus dalam tempoh yang sama.

22.08 Sungguhpun nilai keseluruhan dagangan telah meningkat dengan banyak dalam tempoh RME, amalan sekatan perdagangan terus diberi perhatian oleh Malaysia kerana ianya tidak selaras dengan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) serta bercanggah dengan prinsip asas perdagangan antarabangsa. Usaha mengaitkan perdagangan dengan isu bukan perdagangan telah menjelaskan potensi pertumbuhan perdagangan dunia. Pendirian Malaysia mengenai isu ini telah disuarakan dalam berbagai forum antarabangsa.

22.09 Dari segi pelaburan, hubungan kerjasama dua hala yang erat di antara Malaysia dengan negara lain telah menyumbang ke arah peningkatan pelaburan langsung asing (FDI). Jumlah FDI yang mengalir masuk ke Malaysia dalam sektor pembuatan ialah sebanyak RM57.6 bilion dalam tempoh RME. Instrumen seperti perjanjian pengelakan cukai dua kali dan IGA telah menyumbang kepada pertambahan FDI.

22.10 Kerjasama antarabangsa di peringkat dua hala juga bagi meningkatkan pelaburan Malaysia di luar negara. Dalam tempoh Rancangan, walaupun pelaburan ini terus tertumpu ke Singapura, Hong Kong dan negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Jepun, usaha telah diambil untuk menggalakkan pelaburan Malaysia ke negara membangun. Pelaburan Malaysia di luar negara telah meningkat daripada RM1.4 bilion pada tahun 1990 kepada RM6.4 bilion pada tahun 1995.

### **Kerjasama Serantau**

22.11 Malaysia adalah komited terhadap kerjasama serantau yang terbuka yang menggalakkan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota tanpa mengenepikan negara bukan anggota. Iltizam negara terhadap kerjasama serantau yang terbuka, keamanan serantau dan kemakmuran bersama ditunjukkan menerusi keahlian dan penglibatan aktif di dalam Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN). Kerjasama serantau yang menyumbang kepada pembentukan semangat berdikari dan pembangunan bersama adalah penting untuk negara kecil seperti Malaysia.

Kerjasama seumpama ini juga menjamin kepentingan negara membangun tidak diketepikan oleh kuasa ekonomi yang lebih besar.

22.12 Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara. Kerjasama serantau menerusi ASEAN memainkan peranan penting dalam menggalakkan hubungan yang lebih erat di antara Malaysia dengan negara lain. Peranan utama yang dimainkan oleh ASEAN dalam memupuk kerjasama politik, sosial dan ekonomi di kalangan negara anggota telah menyumbang ke arah pembangunan ekonomi Malaysia. Dalam tempoh Rancangan, sementara kerjasama di kalangan negara anggota ASEAN dalam bidang pertanian, tenaga, pembangunan sumber manusia dan industri diteruskan, tumpuan telah diberi kepada perdagangan dan pelaburan. Untuk meningkatkan perdagangan di kalangan negara anggota, ASEAN telah mencapai persetujuan berhubung dengan Rangka Perjanjian bagi Menggalakkan Kerjasama Ekonomi ASEAN pada tahun 1992. Hasil utama daripada Perjanjian ini ialah keputusan untuk membentuk Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjelang tahun 2008. Tempoh untuk mewujudkan AFTA sepenuhnya kemudian telah disingkatkan selama lima tahun kepada tahun 2003. Mekanisme utama untuk mewujudkan AFTA ialah skim Keistimewaan Tarif Berkesan yang Seragam (CEPT) yang menerusinya halangan tarif di negara anggota ASEAN akan dikurangkan secara beransur-ansur kepada di antara 0 hingga 5.0 peratus. Dalam hubungan ini, Malaysia telah mengenal pasti lebih daripada 10,000 barang untuk dikurangkan tarif secara progresif. Pada akhir tempoh Rancangan, pengurangan tarif bagi 8,621 barang telah dilaksanakan. Kesan daripada pengurangan tarif tersebut dapat dilihat dari segi nilai dagangan di kalangan negara ASEAN pada tahun 1994 iaitu sebanyak USD115.7 bilion berbanding dengan USD89.7 bilion pada tahun 1993. Di samping itu, Malaysia bersama-sama rakan negara ASEAN lain telah menggesa negara maju utama melaksanakan keputusan Pusingan Uruguay bagi Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala dan mengambil pendirian bersama menentang usaha menghalang kemajuan ke arah meliberalisasikan perdagangan dunia.

22.13 Dalam tempoh Rancangan, Malaysia bekerjasama dengan negara ASEAN yang lain dalam meningkatkan imej rantau ini sebagai destinasi menarik bagi FDI. Persepsi terhadap ASEAN sebagai rantau yang menarik untuk pelaburan telah diperkuuhkan lagi dengan adanya kestabilan politik di rantau ini. Hasilnya, FDI dalam sektor pembuatan ke rantau ini telah bertambah daripada USD18.1 bilion pada tahun 1991 kepada USD35 bilion pada tahun 1994. Pada tahun 1994 juga, Malaysia telah menduduki tempat kedua selepas Indonesia dari segi pelaburan di kalangan negara ASEAN dengan jumlah nilai pelaburan yang diterima sebanyak USD433.9 juta dalam sektor pembuatan. Malaysia juga merupakan pelabur ASEAN yang kedua terbesar di rantau ini selepas Singapura pada tahun 1994 dengan jumlah pelaburan sebanyak USD659.5 juta dalam sektor yang sama.

22.14 Selain daripada perdagangan dan pelaburan, kerjasama perindustrian merupakan satu lagi bidang kerjasama yang penting di kalangan negara ASEAN.

Dalam hubungan ini, Malaysia bersama negara ASEAN yang lain, dengan kerjasama sektor swasta telah mengkaji semula skim perindustrian ASEAN iaitu Usahasama Perindustrian ASEAN (AIJV), skim Brand to Brand Complementation (BBC) dan Projek Perindustrian ASEAN (AIP). Sejumlah 21 projek telah diberi status AIJV. Sektor swasta Malaysia telah menyertai 17 projek AIJV dan menjadi tuan rumah kepada enam daripada projek ini. Skim BBC telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada pemasang automotif dan pengilang komponen ASEAN. Sejumlah 27 skim telah diluluskan di bawah BBC dan Malaysia merupakan negara pembekal sebahagian daripada komponen ini. Di bawah AIP, ASEAN telah bersetuju untuk melaksanakan empat projek.

22.15 Bagi mempercepatkan lagi kerjasama di kalangan negara ASEAN, Malaysia telah bekerjasama dengan negara jiran dalam menubuhkan tiga entiti rantau kecil dengan tujuan merangsang pertumbuhan melintasi sempadan di rantau kecil ini. Tiga entiti berkenaan ialah Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) dan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT). Antara bidang utama kerjasama rantau kecil itu ialah industri, infrastruktur, pelancongan, pertanian, telekomunikasi dan tenaga. Kerjasama seumpama ini telah menghasilkan 40 perjanjian usahasama yang berada di berbagai tahap pelaksanaan di kalangan pengusaha swasta.

22.16 Rundingan lanjut di Sidang Kemuncak ASEAN yang Kelima di Bangkok pada tahun 1995 menghasilkan daya usaha untuk bekerjasama dengan negara-negara di Lembangan Mekong. Kerjasama di kalangan negara-negara Lembangan Mekong menunjukkan potensi dan keberkesanan kerjasama serantau dengan menggembangkan negara-negara yang mempunyai latar belakang politik dan budaya yang berbeza untuk tujuan bersama iaitu pembangunan. Di samping terus menggalakkan pertumbuhan rantau kecil ini, usaha ASEAN tersebut akan juga memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada pembangunan rantau Asia Timur.

22.17 Malaysia juga mendapat manfaat daripada hubungan ASEAN dengan rakan dialog iaitu Amerika Syarikat, Australia, India, Jepun, Kanada, Kesatuan Eropah, New Zealand, Republik Korea dan Republik Rakyat China. Bidang utama kerjasama dengan rakan dialog ialah pertukaran kebudayaan, alam sekitar, pembangunan sumber manusia, pembangunan infrastruktur, sains dan teknologi, pelancongan serta perdagangan dan pelaburan. Kerjasama ini, khususnya melalui penglibatan sektor swasta, telah meningkatkan hubungan ASEAN dengan rakan dialog terutama dalam perdagangan dan pelaburan.

22.18 Rundingan Ekonomi Asia Timur. Menyedari pentingnya usaha yang sedia ada dalam ASEAN diperkuuh untuk menggalakkan interaksi ekonomi yang lebih meluas dengan negara lain, Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada tahun 1991 yang diadakan di Kuala Lumpur telah bersetuju melaksanakan Rundingan Ekonomi

Asia Timur (EAEC). EAEC bertujuan membincangkan isu bersama yang berkaitan dengan negara-negara Asia Timur. Selanjutnya, Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-26 di Singapura pada tahun 1993 telah memperakarkan pelaksanaan EAEC sebagai satu forum rundingan dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

22.19 EAEC sebagai satu forum rundingan tidak formal dan bukan satu entiti berstruktur, bertujuan menggalakkan kerjasama ekonomi yang lebih luas di kalangan negara Asia Timur untuk mencapai potensi pertumbuhan mereka. Ianya juga akan menyumbang ke arah menggalakkan satu sistem dagangan yang adil dan terbuka, di samping menangani isu ekonomi antarabangsa lain yang mempunyai kesan ke atas rantau ini dan membantu dalam pembangunan ekonomi negara ahli yang kurang maju.

22.20 Dalam tempoh Rancangan, rundingan formal telah diadakan di Mesyuarat Menteri-Menteri Luar dan Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN untuk menjadikan EAEC satu kenyataan. Bagi melengkapinya, rundingan tidak formal di peringkat menteri antara negara anggota ASEAN dan bakal anggota EAEC iaitu Jepun, Republik Korea dan Republik Rakyat China telah diadakan untuk membincangkan pelaksanaan EAEC. Perbincangan selanjutnya telah diadakan semasa Dialog ASEAN-Amerika Syarikat pada tahun 1994 untuk menjelaskan kepada Amerika Syarikat tentang konsep EAEC. Perbincangan di peringkat formal dan tidak formal adalah bertujuan menyegerakan pelaksanaan EAEC dan menghapuskan salah pengertian terhadap objektif dan fungsinya.

22.21 Dalam konteks yang lebih luas, Malaysia telah mengambil bahagian dalam perundingan APEC untuk mempertingkatkan lagi kerjasama di kalangan negara Asia Pasifik dalam rangka kerjasama serantau yang terbuka. Malaysia telah menyediakan input penting untuk pertimbangan pemimpin-pemimpin negara ahli APEC di dalam Osaka Action Agenda 1995 yang bertujuan memudah dan meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan di rantau tersebut secara sukarela oleh semua negara ahli APEC.

### **Kerjasama Pelbagai Hala**

22.22 Malaysia memainkan peranan penting dalam usaha memajukan kerjasama pelbagai hala menerusi penyertaan aktif dalam aktiviti organisasi pelbagai hala, terutamanya dengan menyuarakan pandangan mengenai isu global yang utama seperti perdagangan, alam sekitar dan pembangunan sosial. Penglibatan Malaysia dengan organisasi pelbagai hala adalah berdasarkan keperluan memastikan kepentingan negara dilindungi dan pandangan Malaysia serta negara membangun yang lain diambil kira dalam keputusan yang mempunyai kesan di peringkat antarabangsa. Antara pendirian Malaysia, yang lebih penting ialah supaya syarat-syarat tidak dikenakan ke atas perdagangan; multilateralisme mengatasi unilateralisme dalam perdagangan antarabangsa; sumber yang mencukupi

diperuntukkan bagi pembangunan; dan negara membangun harus mendapat manfaat daripada pemindahan teknologi.

22.23 Dalam tempoh Rancangan, pendirian Malaysia berhubung isu global telah diutarakan menerusi penyertaan dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Forum Kumpulan 77 (G-77), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan persidangan-persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh PBB. Ini termasuk Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCED) 1992, Persidangan Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu 1993, Persidangan Kependudukan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu 1994, Sidang Kemuncak Sedunia bagi Pembangunan Sosial 1995 serta Persidangan Sedunia yang Keempat mengenai Wanita, 1995. Perlantikan Malaysia sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pembangunan Mampan bagi tahun 1993-94 dan Sesi Ke-51 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1995 menggambarkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan negara.

22.24 Komanwel. Malaysia juga menyertai beberapa aktiviti Komanwel termasuk menjadi pengerusi Jawatankuasa bagi menyemak semula peranan dan arah masa depan organisasi berkenaan. Di samping itu, negara turut memberi kerjasama kepada Sekretariat Komanwel bagi merangka program kerjasama teknikal yang lengkap dan menyeluruh di bawah Tabung Komanwel bagi Kerjasama Teknik (CFTC). Malaysia telah mempengerusikan Kumpulan Perundingan Komanwel mengenai Pengurusan Teknologi sejak penubuhannya pada tahun 1989 dan terus mempengerusikan Gabungan Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) yang telah menggantikan Kumpulan Perundingan pada tahun 1995. Selain daripada itu, Malaysia menawarkan kemudahan latihan untuk melatih saintis dari negara membangun Komanwel yang lain dalam bidang pertanian, alam sekitar dan penderiaan jauh.

22.25 Pertubuhan Persidangan Islam. Sebuah lagi institusi pelbagai hala yang dianggotai Malaysia ialah Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Sebagai ahli pengasas OIC, Malaysia menyertai secara aktif dan menyumbang kepada berbagai aktiviti untuk menggalak dan mengukuhkan perpaduan negara Islam. Penyertaan Malaysia yang aktif juga membantu menjadikan organisasi ini lebih bersepada dan selaras dengan keperluan negara anggota. Malaysia juga telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dengan kerjasama negara OIC yang lain dan menyokong aktiviti Bank Pembangunan Islam (IDB). Penubuhan pejabat wilayah IDB di Malaysia pada tahun 1995 mencerminkan hubungan erat Malaysia dengan negara OIC yang lain.

22.26 Pergerakan Berkecuali. Malaysia terus memberi perhatian kepada Pergerakan Berkecuali (NAM) yang secara tradisinya memperjuangkan orde dunia yang adil dan saksama. Pendemokrasian institusi pelbagai hala termasuk penyusunan semula Majlis Keselamatan PBB, terus menjadi salah satu objektif penting NAM. Dengan berakhirnya Perang Dingin, Malaysia bersama dengan negara anggota NAM telah

berusaha menjadikan Pergerakan ini lebih menepati keperluan semasa negara anggota menerusi peningkatan kerjasama ekonomi dan sosial serta berusaha membantu memulihkan Dialog Utara-Selatan.

### **Kerjasama Selatan-Selatan**

22.27 Kecenderungan ke arah perlindungan perdagangan, syarat perdagangan yang semakin menyulitkan, beban hutang yang semakin meningkat di kebanyakan negara membangun dan pengurangan bantuan telah mendorong negara-negara Selatan bekerjasama ke arah membangunkan ekonomi mereka. Dalam tempoh Rancangan, di samping memberi penekanan kepada kerjasama dengan negara maju, Malaysia mengambil beberapa daya usaha untuk menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan supaya dapat mewujudkan semangat berdikari di kalangan negara tersebut dan mengurangkan pergantungan kepada negara-negara Utara. Sehubungan dengan ini, Malaysia menjalin hubungan dan kerjasama yang erat dengan negara-negara Selatan dalam bidang perbankan dan kewangan, penetapan harga dan komoditi, industri, pertukaran maklumat, pelaburan, kerjasama teknik dan perdagangan.

22.28 Kumpulan 15. Dalam tempoh Rancangan, Malaysia telah memainkan peranan yang lebih aktif dan bermakna dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara Selatan, khususnya dalam konteks Kumpulan 15 (G-15) yang ditubuhkan pada tahun 1989 bagi memainkan peranan sebagai pemangkin ke arah kerjasama Selatan-Selatan. Kemajuan telah dicapai dalam pelaksanaan tiga projek G-15 yang dirintis oleh Malaysia iaitu Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC), BPA dan Mesyuarat Kumpulan Pakar bagi Pertukaran Maklumat mengenai Dasar Ekonomi Negara (EINEP).

22.29 Penubuhan SITTDEC di Malaysia merupakan pencapaian penting G-15 dalam usaha menjadikan negara-negara Selatan lebih maklum dalam hal ehwal perdagangan, pelaburan, teknologi dan aktiviti ekonomi yang lain. Projek ini menyediakan maklumat penting kepada kerajaan, organisasi, sektor korporat dan individu. Pada akhir tahun 1995, SITTDEC mempunyai 16 negara ahli dan 783 pelanggan.

22.30 Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) yang dirangka untuk membantu dan menggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara Selatan, mengandungi satu set peraturan pembayaran antara negara terlibat dengan jaminan kerajaan ke atas bayaran eksport. Peraturan antara bank pusat negara terlibat memberi perlindungan yang berkesan kepada sektor perniagaan dan menggalakkan perdagangan di antara negara berkenaan. Pada akhir tempoh Rancangan, Malaysia telah menandatangani 23 BPA dengan 21 negara. Hasil utama BPA ialah peningkatan dalam perhubungan perbankan di antara bank komersil di Malaysia dengan bank komersil yang lain di negara-negara Selatan dan bagi tempoh Rancangan, perhubungan ini berjumlah 520. Lebih penting lagi, BPA telah menyumbang kepada pertambahan perdagangan di

antara Malaysia dengan negara-negara Selatan yang lain terutamanya disebabkan peningkatan kerjasama dan keyakinan yang wujud hasil dari hubungan langsung antara bank pusat negara terlibat.

22.31 Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada seminar EINEP yang julung kali diadakan pada tahun 1993 untuk bertukar maklumat mengenai isu pembangunan utama yang berkait dengan pembangunan mampan, dasar fiskal dan kewangan, perdagangan dan pelaburan serta penswastaan. Malaysia juga menyertai Forum Pelaburan Perniagaan (BIF) yang diadakan serentak dengan sidang kemuncak G-15. Forum ini bertujuan menggalakkan perdagangan dan pelaburan serta membangunkan kapasiti pengeluaran barang tempatan menerusi pemindahan teknologi di kalangan negara membangun. Melalui BIF, syarikat Malaysia telah dapat mewujudkan hubungan perniagaan baru serta meninjau peluang pelaburan di luar negara.

22.32 Di samping itu, Malaysia juga memberi sokongan teknikal kepada daya usaha G-15 yang lain. Antara projek-projek utama ialah Bank Baka bagi Tumbuhan Perubatan dan Beraroma yang berpusat di India dengan tujuan mengumpul dan menyenaraikan spesis tumbuhan yang terdapat di negara anggota G-15. Projek lain adalah projek Rekabentuk, Pelaksanaan dan Pengurusan Petroleum, Gas dan Petrokimia yang diselaraskan oleh Mesir. Projek ini menyenaraikan kepakaran dan peralatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di negara ahli. Projek yang diselaraskan oleh Senegal pula menggalakkan negara anggota bertukar maklumat teknikal dan saintifik mengenai bekalan makanan yang mencukupi, tenaga dan kesihatan.

22.33 Sektor Swasta dan Kerjasama Selatan-Selatan. Selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia, sektor swasta telah membantu usaha Kerajaan dalam kerjasama Selatan-Selatan. Dengan sokongan Kerajaan, sektor swasta telah mengeratkan hubungan dengan rakan niaga di negara-negara Selatan khususnya menerusi projek usahasama. Dalam tempoh Rancangan, hubungan kerjasama ini telah diperkuuhkan lagi dengan penubuhan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA) serta syarikat pelaburannya iaitu Perbadanan Selatan-Selatan Malaysia Berhad (MASSCORP) yang ditubuh untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dengan negara-negara Selatan yang lain serta membantu pemindahan teknologi dan kepakaran pengurusan ke negara-negara ini. Pada akhir tempoh Rancangan, MASSCORP mempunyai 86 pemegang saham individu dan korporat dengan modal berbayar sebanyak RM53.95 juta.

22.34 Hasil daripada daya usaha yang diterajui oleh sektor swasta, beberapa projek usahasama telah dilaksanakan. Ini termasuk zon pemprosesan eksport di Danang, Vietnam, projek perumahan di Afrika Selatan dan Namibia serta peningkatan perkhidmatan perbankan di Kampuchea, Uzbekistan dan Vietnam. Usahasama ini menyumbang kepada pembangunan ekonomi di negara berkenaan dan melengkapkan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan Malaysia ke luar

negara. Perjanjian pengelakan cukai dua kali, IGA dan BPA yang ditandatangani di antara Malaysia dengan negara-negara Selatan telah membantu sektor swasta dalam pelaksanaan projek di negara-negara ini.

22.35 Program Kerjasama Teknik Malaysia. Selaras dengan semangat kerjasama Selatan-Selatan dan hasrat negara untuk membantu negara membangun yang lain dalam usaha pembangunan mereka, Malaysia terus berkongsi pengalamannya dalam bidang pembangunan menerusi Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM). PKTM yang pada mulanya terhad kepada ASEAN, OIC dan negara membangun Kepulauan Pasifik telah diperluaskan dalam tempoh Rancangan untuk meliputi antara lain, negara anggota Komanwel di Caribbean; Kampuchea, Laos, Myanmar dan Vietnam di Asia Tenggara; Argentina, Chile, Peru dan Venezuela di Amerika Selatan; Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan, Turkmenistan dan Uzbekistan di Asia Tengah; Albania, Bosnia-Herzegovina dan Croatia di Eropah Timur; serta Mongolia. Bilangan negara peserta di bawah PKTM meningkat sekali ganda daripada 46 pada tahun 1991 kepada 92 pada akhir tempoh Rancangan. PKTM yang telah beroperasi selama 15 tahun, ternyata merupakan jentera yang berkesan dalam mencapai objektif Kerajaan membantu negara membangun yang lain menerusi pelaksanaan projek yang bersesuaian. Sejumlah RM67.4 juta telah dibelanjakan di bawah PKTM dalam tempoh Rancangan.

22.36 Memandangkan sumber manusia merupakan aset utama dalam pembangunan sesebuah negara, PKTM terus memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia melalui penyediaan latihan di universiti dan institusi latihan tempatan. Biasiswa telah ditawarkan kepada 173 penuntut antarabangsa yang mempunyai pencapaian akademik yang baik bagi meneruskan kursus ijazah dalam berbagai bidang seperti kejuruteraan, pendidikan, pertanian dan undang-undang. Di samping itu, 20 agensi dan institusi latihan awam telah menyediakan latihan khusus jangka pendek kepada 1,902 pegawai dari negara membangun dalam berbagai bidang terutamanya perancangan ekonomi, pentadbiran awam, pentadbiran pembangunan, diplomasi serta pembangunan dan pengurusan tanah. Institut Tadbiran Awam Negara telah memainkan peranan aktif melatih lebih daripada 500 peserta antarabangsa. Institusi lain yang menyertai PKTM termasuk Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Perbadanan Produktiviti Negara, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Maktab Kerjasama. Latihan yang ditawarkan di bawah PKTM membolehkan peserta antarabangsa bertukar maklumat, berkongsi pengalaman pembangunan dan menimba ilmu pengetahuan baru. Program latihan ini juga menyumbang ke arah meningkatkan kesedaran mengenai faedah yang boleh diperolehi daripada kerjasama Selatan-Selatan. Penglibatan peserta Malaysia dalam program ini telah membantu menjalin hubungan kerja yang lebih erat di antara Malaysia dengan negara membangun yang lain.

22.37 PKTM telah mempertingkatkan kerjasamanya dengan tujuh negara di selatan Afrika iaitu Angola, Botswana, Mozambique, Namibia, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe serta negara-negara di Asia Tengah yang sedang melalui proses peralihan.

Dalam tempoh Rancangan, seramai 202 peserta dari negara-negara Afrika ini telah menyertai kursus yang dianjur di bawah PKTM. Ini menggambarkan iltizam Malaysia yang berterusan terhadap negara-negara berkenaan. Satu program khas telah dirangka untuk Turkmenistan dan Uzbekistan berikutan misi kerjasama teknik ke negara-negara berkenaan pada tahun 1994. Hasil daya usaha ini, program latihan dan penempatan pegawai telah dilaksanakan untuk mempertingkat kemampuan mereka dalam bidang perancangan ekonomi, pengurusan dasar kewangan dan penggalakan FDI.

22.38 Program PKTM yang lain termasuk lawatan sambil belajar, penghantaran pakar, pelaksanaan projek pembangunan sosio-ekonomi serta pembekalan bahan dan peralatan. PKTM terus bekerjasama dengan pihak ketiga seperti Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan CFTC serta negara-negara penyumbang dari segi penggunaan kemudahan latihan di Malaysia bagi lawatan sambil belajar dan penempatan pegawai.

22.39 Penyediaan pakar Malaysia di bawah PKTM telah membantu pemindahan teknologi dan kemahiran dalam bidang teknikal ke beberapa negara membangun. Fiji telah mendapat manfaat daripada kepakaran Malaysia dalam bidang undang-undang perlombagaan dan penggalakan FDI, manakala Namibia menerima kepakaran dalam pengurusan bank pusat. Pakar dalam pentadbiran awam juga telah dihantar ke Afrika Selatan untuk membantu usaha penyusunan semula sektor awam negara tersebut. Di bawah daya usaha bersama ASEAN-Jepun bagi memulihkan ekonomi Kampuchea, PKTM telah menyediakan juruteknik dalam berbagai bidang bagi membantu pelaksanaan projek yang menghasilkan pendapatan.

22.40 Bagi meluaskan skop dan mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PKTM, usaha telah diambil untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan dengan sektor swasta. Sehubungan dengan ini, PKTM telah membantu usaha sektor swasta dalam pelaksanaan projek perumahan di Afrika Selatan, Mauritius, Namibia, Papua New Guinea dan Seychelles.

### **Bantuan Pembangunan Rasmi**

22.41 Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia telah menerima bantuan pembangunan rasmi (ODA) dalam bentuk bantuan modal (pinjaman) dan bantuan teknik daripada sumber dua hala dan pelbagai hala. Dalam tempoh RME, sebahagian besar sumbangan ODA telah disalurkan kepada sektor pertanian, industri, infrastruktur dan perkhidmatan sosial.

22.42 Bantuan Modal (Pinjaman). Dalam tempoh Rancangan, Malaysia telah menerima pinjaman berjumlah USD3,001.5 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 22-1. Daripada jumlah ini, sebanyak USD2,136.4 juta atau 71.2 peratus adalah daripada sumber dua hala. Kerajaan Jepun memberi bantuan modal dua hala terbesar

berjumlah USD1,634.9 juta dalam bentuk yen Jepun untuk projek dalam sektor tenaga, industri, infrastruktur dan perkhidmatan sosial. Berikutan kenaikan nilai mata wang yen, Malaysia telah memberhentikan pinjaman baru dalam bentuk yen selepas tahun 1994.

22.43 Dalam tempoh Rancangan, Malaysia telah menerima pinjaman sebanyak USD865.1 juta dari sumber pelbagai hala. Daripada jumlah ini, sebanyak USD456.5 juta atau 52.8 peratus telah disumbang oleh Bank Dunia untuk lima projek dalam sektor pertanian, pendidikan dan kesihatan. Sebahagian besar daripada pinjaman ini telah dibelanjakan untuk Projek Pendidikan Rendah dan Menengah yang Ketiga, Projek Pembangunan Politeknik dan Projek Pembangunan FELCRA yang Ketiga. Manakala Bank Pembangunan Asia (ADB) telah memberi pinjaman sebanyak USD373.6 juta atau 43.2 peratus untuk enam projek dalam pelbagai sektor. Projek utama ADB ialah Projek Pemulihan dan Pebaikan Sistem Bekalan Air dan Projek Pendidikan Teknik. Sementara itu pula IDB telah memberi pinjaman berjumlah USD35 juta atau 4.0 peratus daripada keseluruhan pinjaman pelbagai hala. Ini termasuk membiayai sebahagian kos pembinaan kampus baru UIA dan kompleks-kompleks perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

22.44 Bantuan Teknik. Malaysia telah menerima bantuan teknik sebanyak USD564.2 juta dalam tempoh Rancangan. Daripada jumlah ini sebanyak USD506.9 juta atau 89.8 peratus adalah daripada sumber dua hala dan selebihnya diterima daripada sumber pelbagai hala seperti ditunjukkan dalam Jadual 22-2. Bantuan ini ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia dalam sektor pertanian, alam sekitar, kesihatan, infrastruktur, sains dan teknologi serta perdagangan dan industri. Jenis bantuan yang diberi adalah dalam bentuk kerjasama projek, kajian pembangunan, penghantaran pakar dan latihan. Bantuan teknik ini telah melicinkan pelaksanaan projek di samping membantu usaha negara membangunkan sumber manusia.

22.45 Dalam tempoh Rancangan, negara Jepun merupakan penyumbang bantuan teknik dua hala yang terbesar dengan menyediakan sejumlah USD304.7 juta atau 60.1 peratus daripada jumlah bantuan teknik yang diterima oleh Malaysia. Jenis bantuan teknik yang diterima ini adalah menerusi kerjasama berbentuk projek, kajian pembangunan, pembekalan peralatan, penghantaran pakar dan sukarelawan, latihan pegawai saingan, program latihan negara ketiga dan geran kebudayaan. Rakyat Malaysia telah menerima latihan di Jepun dalam pelbagai bidang melalui Dasar Pandang Ke Timur dan di bawah program bantuan kerjasama teknik. United Kingdom adalah negara penyumbang kedua terbesar dengan menyediakan bantuan teknik berjumlah USD106.4 juta atau 21.0 peratus daripada keseluruhan bantuan yang diterima. Sebahagian besar daripada bantuan ini adalah untuk sektor tenaga, kesihatan dan infrastruktur. Bantuan teknik dari Kanada adalah kerjasama berbentuk projek dan projek terbesarnya ialah Enterprise Malaysia-Canada, bertujuan menggalakkan penubuhan syarikat usahasama di antara kedua-dua negara. Di

samping itu, bantuan teknik dari Australia pula ditumpukan kepada projek penyelidikan bersama khususnya dalam sektor pertanian.

22.46 Sebahagian besar bantuan teknik daripada sumber pelbagai hala iaitu 76.9 peratus disediakan oleh organisasi dan agensi khusus di bawah PBB seperti ditunjukkan dalam Jadual 22.2. Dalam tempoh Rancangan, bantuan teknik UNDP yang berjumlah USD8.3 juta, ditumpukan kepada kajian dan pembangunan institusi seperti dalam bidang pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi serta pengurusan alam sekitar. Program Bantuan Teknik UNDP di Malaysia menerima sumbangan Kerajaan sebanyak USD4 juta dalam bentuk perkongsian kos dan sumbangan berbentuk bukan kewangan di peringkat projek. Program ini telah memberi input teknikal dalam bidang seperti analisis ekonometrik, hak harta intelektual, perancangan alam sekitar, pengurusan perhutanan dan pemuliharaan hidupan liar.

22.47 Selain daripada organisasi PBB, bantuan teknik juga disediakan oleh institusi kewangan pelbagai hala. Dalam tempoh Rancangan, ADB telah menyediakan sebanyak USD7 juta yang sebahagian besarnya adalah untuk kajian kemungkinan Projek Bersepadu Tebatan Banjir Lembangan Sungai Klang dan Projek Pembangunan Pertanian Kalaka-Saribas di Sarawak. Pada masa yang sama, IDB telah menyediakan bantuan teknik berjumlah USD6.1 juta dalam bentuk geran kepada UIA dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia, sementara Bank Dunia menyediakan bantuan teknik untuk projek Kajian Latihan Perindustrian dan Produktiviti Malaysia yang telah disiapkan pada akhir tempoh Rancangan.

22.48 Sumbangan kepada Institusi dan Organisasi Pelbagai hala. Sebagai sebahagian masyarakat antarabangsa dan bagi menyokong program pembangunan pelbagai hala, Malaysia telah menyumbang sebanyak RM188.4 juta dalam tempoh Rancangan kepada lebih 140 organisasi dan institusi pelbagai hala. Butir terperinci mengenai penerima utama adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 22-3. Sebahagian besar daripada sumbangan ini adalah dalam bentuk caruman keahlian tahunan dan kebanyakannya merupakan sumbangan berbentuk sekali sahaja kepada organisasi pelbagai hala bagi menyokong program pembangunan serta aktiviti penyelidikan dan latihan organisasi berkenaan. Nilai sumbangan Malaysia kepada organisasi pelbagai hala ini melebihi bantuan teknik yang diterima daripada organisasi berkenaan sebanyak 25.5 peratus.

22.49 Secara keseluruhan, dalam tempoh RME, Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam kerjasama antarabangsa yang memberi faedah kepada negara dan negara rakan kerjasamanya. Peranan ini dapat dilaksanakan oleh kerana keadaan persekitaran yang menggalakkan yang dibentuk khususnya melalui dasar luar negara yang dinamik serta kerjasama erat di antara sektor awam dan sektor swasta dengan mengambil kira persekitaran antarabangsa. Ini telah meningkatkan kedudukan daya saing negara di peringkat antarabangsa dan meletakkan asas untuk membentuk satu masyarakat Malaysia yang berdaya saing dengan ciri-ciri yang tersendiri. Kelebihan

daya saingen negara dari segi penghasilan barang dan perkhidmatan berkualiti serta dasar luar negara yang berorientasikan ekonomi, telah membantu firma Malaysia menembusi pasaran baru. Malaysia diiktiraf sebagai negara yang telah menunjukkan prestasi yang baik mengikut skala daya saingen dunia 1995 dengan menduduki tangga ke-21 daripada 48 negara yang dikaji.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

22.50 Sebagai sebuah negara yang berusaha mencapai status negara maju seperti yang diharatkannya dalam Wawasan 2020, Malaysia akan memainkan peranan proaktif dalam kerjasama antarabangsa dalam tempoh RMT. Ini bagi memastikan Malaysia menjadi salah satu negara di dunia yang memberi sumbangan ke arah pengwujudan Orde Dunia Baru yang berasaskan pengagihan kekayaan yang saksama dan kewujudan peluang yang terbuka. Memandangkan kepesatan globalisasi serta cabaran pembangunan mempunyai implikasi besar kepada Malaysia dan selaras dengan tahap pembangunan negara masa kini, Malaysia akan mempertingkatkan usaha ke arah memperkuatkan kerjasama antarabangsa di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala. Di samping usaha mengukuhkan kerjasama dengan negara maju, penekanan juga akan diberi bagi memupuk semangat berdikari di kalangan negara-negara Selatan.

#### **Kerjasama Dua Hala**

22.51 Malaysia akan terus menjalin dan mengekalkan hubungan dua hala yang erat dengan negara maju dan membangun. Hubungan ini yang merangkumi kerjasama politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan akan mengukuhkan asas bagi pembentukan kerjasama yang lain. Kerjasama ekonomi akan terus kekal sebagai teras hubungan dua hala dengan negara lain. Sungguhpun Malaysia menghadapi cabaran dari luar di bidang ekonomi, peluang pertumbuhan ekonomi masih boleh diperluaskan lagi melalui kerjasama dua hala. Kedudukan Malaysia yang berjiran dengan negara yang berekonomi dinamik di Asia Timur serta peluang perdagangan dengan pasaran pengguna yang besar di Asia, Afrika, Amerika Selatan dan negara yang baru mengamalkan sistem ekonomi bebas, merupakan faktor penting yang boleh mempertingkatkan kerjasama dua hala. Sehubungan dengan ini, perdagangan dan pelaburan dengan negara rakan tradisi dan bukan tradisi akan dipergiatkan.

22.52 Sementara kerjasama dua hala dengan negara maju dan membangun terus ditumpukan kepada perdagangan dan pelaburan, bidang kerjasama yang lain seperti sains dan teknologi, pendidikan teknik dan pembangunan teknologi maklumat akan juga diberi tumpuan dalam tempoh RMT. Ini adalah selaras dengan keperluan negara untuk meningkatkan produktiviti dan daya saingen. Memandangkan pasaran dunia semakin canggih, kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan banyak bergantung kepada keupayaan mengeluarkan barang berkualiti dan perkhidmatan

yang mampu bersaing dari segi harga. Ini dapat dicapai melalui peningkatan produktiviti dan inovasi dalam bidang teknologi. Jurang teknologi yang semakin luas boleh menjelaskan masa depan perdagangan Utara-Selatan dan melemahkan asas kemajuan ekonomi dunia secara keseluruhan. Selain daripada usaha dalam negeri untuk meningkatkan produktiviti, Malaysia akan terus berusaha memastikan akses kepada teknologi tidak terhalang. Ini boleh dicapai melalui kerjasama dua hala, bukan sahaja dengan negara perindustrian tetapi juga dengan negara membangun yang lebih maju dari segi teknologi.

22.53 Kerjasama dua hala akan terus diperkuuhkan melalui Suruhanjaya Bersama bagi mempertingkatkan persefahaman mengenai perkara-perkara kepentingan bersama di samping melaksanakan bidang kerjasama yang baru. Memandangkan perdagangan dan pelaburan dua hala perlu ditingkatkan, instrumen seperti BPA dan IGA serta perjanjian kerjasama perdagangan dan pelaburan akan terus digunakan.

### **Kerjasama Serantau**

22.54 Dalam tempoh RMT, Malaysia akan meningkatkan kerjasama serantau supaya rantau ini lebih dinamik dan dapat menggalakkan perdagangan terbuka dan bebas. Kecenderungan menubuhkan blok perdagangan serantau berdasarkan konsep pasaran tunggal, menimbulkan keimbangan di kalangan negara membangun di rantau Asia oleh kerana konsep ini hanya mementingkan blok perdagangan berkenaan. Keadaan ini akan mewujudkan satu era kerjasama serantau yang tertutup kerana akses pasaran yang lebih mudah berikut penghapusan sekatan di kalangan negara anggota akan memberi kelebihan kepada mereka sahaja dengan mengenepikan kepentingan negara lain. Ini akan menyebabkan perdagangan antarabangsa berada di tahap yang tidak optimum. Justeru itu, Malaysia akan terus memupuk kerjasama ekonomi serantau bagi menjamin satu sistem perdagangan yang adil dan terbuka serta menambahkan jumlah perdagangan dan pelaburan di kalangan ASEAN dan juga dengan negara luar ASEAN. Kerjasama serantau terus menjadi penting bagi Malaysia memanfaatkan peluang ekonomi yang bertambah, hasil daripada liberalisasi di negara-negara yang dahulunya mengamalkan sistem ekonomi tertutup dan perkembangan pesat ekonomi di negara-negara rantau Asia Pasifik.

22.55 Selaras dengan iltizam yang kuat terhadap kerjasama serantau, ASEAN akan terus menjadi pertubuhan penting dalam kerjasama serantau yang melibatkan Malaysia. Dalam tempoh RMT, Malaysia akan terus melaksanakan perjanjian-perjanjian ASEAN yang bertujuan memajukan kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan negara ASEAN. Bagi mempertingkatkan kestabilan dan kemajuan sosio-ekonomi di rantau ini, Malaysia dengan rakan anggota ASEAN yang lain akan terus berusaha ke arah mencapai matlamat Pernyataan Wawasan ASEAN. Sebagai negara yang berkongsi sempadan dengan hampir kesemua negara ASEAN yang lain, Malaysia akan mengambil bahagian secara aktif dalam Forum Serantau

ASEAN mengenai keselamatan yang baru ditubuhkan. Forum ini bertujuan antara lain untuk membanteras kegiatan lanun, mencegah penyeludupan dan menyelesaikan pertikaian wilayah bagi memastikan kestabilan yang berterusan di rantau ini. Selaras dengan semangat kerjasama serantau, sokongan sepenuhnya akan diberi kepada usaha menambah keahlian ASEAN supaya merangkumi kesemua sepuluh negara di Asia Tenggara.

22.56 Memandangkan pembangunan rantau kecil merupakan satu cara yang berkesan bagi mempercepatkan pertumbuhan di rantau ini, Malaysia akan melipatgandakan usaha kerjasama khususnya di kawasan pertumbuhan segitiga, oleh kerana ianya merupakan asas penting untuk menggalakkan kerjasama di kalangan negara ASEAN. Malaysia akan terus bekerjasama rapat dengan negara ASEAN yang lain bagi menyelaras undang-undang dan peraturan serta memperkemaskan dasar dan prosedur untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan pertumbuhan segitiga. Bidang kerjasama yang akan dipertingkatkan termasuk bidang tenaga, industri, dan pelancongan. Pembangunan pertumbuhan segitiga, merupakan satu bentuk kerjasama yang inovatif kerana ia dapat meningkatkan produktiviti dan daya saingan rantau ini melalui faedah berganda yang dihasilkan daripada kerjasama ini. Oleh yang demikian, dalam tempoh RMT, kerjasama rantau kecil akan diberi keutamaan dalam usaha kerjasama Malaysia di peringkat antarabangsa.

22.57 Dalam konteks mewujudkan satu pendekatan dan rancangan yang lengkap dan menyeluruh bagi pembangunan Lembangan Mekong, Malaysia akan bekerjasama dengan negara ASEAN yang lain untuk memastikan kerjasama ASEAN-Lembangan Mekong menjadi kenyataan. Kerjasama ini akan menyumbang ke arah pembangunan yang lebih pesat di rantau Asia Timur.

22.58 Dalam usaha mempertingkatkan lagi kerjasama ekonomi serantau, Malaysia bersama negara ASEAN yang lain, akan terus mempergiatkan usaha secara formal dan tidak formal ke arah menjadikan EAEC satu kenyataan. Malaysia akan terus melibatkan diri secara aktif dalam rundingan peringkat ASEAN dan bekerjasama rapat dengan negara yang berpotensi menjadi ahli EAEC untuk mempercepatkan pelaksanaan EAEC. Forum rundingan ini dijangka mempertingkatkan kerjasama serantau yang terbuka dan juga kerjasama ekonomi serta dapat menangani isu ekonomi antarabangsa yang mempunyai implikasi di rantau ini. EAEC juga dijangka menjadi satu forum penggubalan strategi untuk meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan serta menangani keperluan negara kurang maju di rantau ini.

22.59 Malaysia juga akan mengadakan kerjasama menerusi kumpulan serantau yang lebih besar iaitu APEC bagi melaksanakan objektif Osaka Action Agenda untuk meliberalisasikan perdagangan dan meningkatkan pelaburan di rantau Asia Pasifik. Sehubungan dengan ini, Malaysia akan terus mendesak Kesatuan Eropah dan negara-negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) supaya mempercepatkan liberalisasi perdagangan mereka bagi mengelakkan kewujudan

blok perdagangan yang hanya mengutamakan kepentingan sendiri. Oleh yang demikian, proses Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) boleh diperkembangkan bagi memastikan akses kepada pasaran Eropah berterusan dan meningkatkan kerjasama.

### **Kerjasama Pelbagai Hala**

22.60 Dalam tempoh RMT, kerjasama di peringkat pelbagai hala akan terus menjadi penting. Kebelakangan ini, aspek ekonomi telah menjadi semakin penting dalam kerjasama antarabangsa. Negara di Asia khususnya Asia Timur, dijangka terus mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan. Sebaliknya, ekonomi negara perindustrian dijangka berkembang kurang daripada separuh kadar pertumbuhan ekonomi negara Asia yang dinamik bagi jangka masa lima tahun akan datang. Peralihan pusat pertumbuhan dari Barat ke Timur semakin dianggap oleh sesetengah pihak sebagai satu cabaran besar kerana peralihan kuasa ekonomi dari Barat ke Timur dijangka meningkatkan pengaruh negara-negara di Timur. Persepsi ini telah menyebabkan penubuhan blok perdagangan serantau dan pengenaan sekatan bagi mengurangkan akses pasaran dan keadaan ini menyekat pengaliran sumber antara negara dan rantau. Amalan sedemikian juga akan mengurangkan kelebihan berbanding dan merugikan negara-negara membangun seperti Malaysia. Amalan menyekat perdagangan yang menghadkan akses barang dan perkhidmatan dengan mengenakan sekatan tarif dan bukan tarif menjadi ancaman kepada sistem perdagangan yang adil dan terbuka. Usaha mengenakan syarat baru seperti menghubung kait isu perdagangan dan pelaburan dengan isu bukan perdagangan seperti alam sekitar, dasar buruh, sistem pemerintahan yang saksama dan hak asasi manusia semakin menjadi lumrah. Amalan sedemikian bercanggah dengan prinsip perdagangan antarabangsa serta melanggar kaedah dan peraturan WTO.

22.61 Justeru itu, Malaysia akan terus bekerjasama menerusi organisasi pelbagai hala dan gabungan yang besar seperti PBB, G-77, WTO, Komanwel, OIC dan NAM untuk mencapai pendirian bersama dalam usaha menentang amalan negatif serta menangani isu global yang memberi kesan kepada negara membangun seperti Malaysia. Ini penting bagi memastikan pembangunan negara tidak terjejas. Malaysia juga akan memberi perhatian kepada aktiviti institusi kewangan pelbagai hala seperti Kumpulan Wang Antarabangsa dan Bank Dunia bagi memastikan pandangan negara membangun diambil kira dalam program mereka dan akan menggesa institusi berkenaan supaya menyusun semula serta mempertingkatkan keberkesanan masing-masing.

22.62 Malaysia akan terus memberi keutamaan kepada peranannya dalam PBB dan akan menyumbang ke arah penyusunan semula dan peningkatan keberkesanan Pertubuhan ini. Sehubungan dengan ini, Malaysia akan menekankan keperluan menyusun semula Majlis Keselamatan supaya keanggotaan dari negara membangun ditambah dan bagi memastikan proses membuat keputusan yang diamalkan oleh Majlis tersebut lebih demokratik dan telus. Malaysia juga akan berusaha

menyuarkan keperluan meningkatkan keberkesanan Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC) bagi memperkuatkan kerjasama pembangunan antarabangsa.

#### Kerjasama Selatan-Selatan

22.63 Dalam tempoh RMT, usaha akan diambil untuk memperkuatkan dan mempelbagaikan peranan Malaysia dalam kerjasama di kalangan negara membangun bagi menguatkan pendirian negara membangun berhubung isu antarabangsa dan untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang ekonomi. Dalam rangka kerja G-15, Malaysia akan berusaha secara aktif untuk menggembungkan penyertaan negara-negara Selatan dan mencapai kata sepakat berhubung isu antarabangsa terutamanya untuk mewujudkan persekitaran perdagangan dan pelaburan yang baik serta menggalakkan pemindahan teknologi. Hubungan ekonomi dan pelaburan dengan negara-negara Selatan terutamanya di Afrika, Amerika Selatan, Asia Tengah dan Indochina akan ditingkatkan melalui penyertaan aktif sektor swasta Malaysia dengan sokongan Kerajaan.

22.64 Bagi meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan, Malaysia akan terus memberi sokongan kepada projek G-15 yang sedia ada seperti Solar Energy Applications, South-South Renewable Energy Promotion Centre dan Centre of Excellence serta projek baru yang dipersetujui di sidang-sidang kemuncak G-15 yang akan datang. Malaysia akan bekerjasama dengan negara anggota G-15 bagi mempercepatkan pelaksanaan projek yang sedang berjalan dan juga projek baru.

22.65 Kerajaan akan meneruskan usahanya untuk menjadikan SITTDEC sebagai sebuah organisasi yang dapat menyumbang secara berkesan ke arah penggalakan pelaburan, perdagangan dan pemindahan teknologi di kalangan negara-negara Selatan menerusi pertukaran dan penyebaran maklumat. Perkhidmatan SITTDEC akan dipertingkatkan bagi meliputi lebih banyak negara-negara Selatan. SITTDEC dijangka menjadi organisasi bercorak komersil di samping mengekalkan cirinya sebagai badan kerajaan. Malaysia juga akan meninjau kemungkinan menandatangani BPA dengan lebih banyak negara Selatan dan menggalakkan negara membangun yang lain mengambil langkah yang serupa.

22.66 Program Kerjasama Teknik Malaysia. Dalam konteks meningkatkan lagi kerjasama teknik di kalangan negara-negara Selatan, usaha akan dipergiatkan untuk memastikan PKTM memainkan peranan yang lebih berkesan dalam tempoh RMT. Dalam hubungan ini, PKTM akan diperluaskan dari segi program dan aktiviti baru. Penekanan PKTM terhadap pembangunan sumber manusia melalui latihan khusus jangka pendek dan juga kursus peringkat ijazah akan diteruskan. Kursus seperti ini akan memberi tumpuan kepada bidang yang Malaysia mempunyai pengalaman dan kecekapan seperti perancangan ekonomi, penswastaan, dasar kewangan dan pengurusan projek. Dalam tempoh RMT, program baru akan dirangka untuk menampung keperluan khas negara membangun terutamanya negara yang melalui proses peralihan. Usaha juga akan diambil bagi memastikan program di bawah PKTM

dirancang dan dilaksanakan selaras dengan keutamaan negara peserta melalui penghantaran misi mengumpul maklumat dan perundingan dari semasa ke semasa dengan Kerajaan negara peserta. Selaras dengan pertambahan program dan aktiviti PKTM, keupayaan institusi yang mengendalikan program kerjasama antarabangsa serta tahap kepakaran pegawai-pegawai yang berkenaan akan ditingkatkan.

22.67 Bagi menggalakkan pertukaran pengetahuan dan kepakaran teknikal, negara peserta yang mempunyai kepakaran di bidang yang diperlukan oleh Malaysia akan digalakkan untuk menawarkan kepakaran teknikal mereka. Memandangkan sumber kewangan yang terhad, pembiayaan pihak ketiga melalui penglibatan negara penyumbang dan organisasi pelbagai hala akan diteruskan. Selain daripada itu, sektor swasta dijangka meningkatkan penglibatannya dalam PKTM menerusi penyediaan kemudahan latihan serta pelaksanaan kajian kemungkinan dan projek. Bagi melengkapkan usaha Kerajaan, sektor swasta akan digalakkan untuk menyediakan pakar dalam bidang berkaitan.

#### **Bantuan Pembangunan Rasmi**

22.68 Memandangkan Malaysia terus mencapai tahap pembangunan ekonomi yang semakin meningkat, jumlah ODA yang diterima oleh Malaysia dijangka berkurangan dalam tempoh RMT. Sehubungan dengan ini, peranan ODA sebagai satu instrumen untuk menampung jurang sumber akan terus dikurangkan. Walau bagaimanapun, ODA ini akan digunakan secara optimum dalam bidang khusus seperti kemahiran tinggi perindustrian, pengurusan alam sekitar serta sains dan teknologi bagi memastikan Malaysia terus mendapat faedah daripada pengalaman dan kepakaran antarabangsa. Penggunaan ODA secara optimum akan menyumbang ke arah peningkatan produktiviti negara. Selaras dengan perubahan dari segi hubungan dengan negara dan organisasi penyumbang, Malaysia dijangka, jika bersesuaian, bekerjasama dengan pihak penyumbang dalam program kerjasama dengan negara membangun yang lain.

#### **IV. PENUTUP**

22.69 Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam bidang kerjasama antarabangsa sepanjang tempoh RME dengan memberikan sumbangan bermakna dalam kerjasama Selatan-Selatan. Selaras dengan kepesatan globalisasi dan pergantungan yang semakin meningkat antara negara di dunia serta pertambahan peluang perdagangan, pelaburan dan teknologi, usaha ke arah kerjasama antarabangsa akan dipergiatkan dalam tempoh RMT. Malaysia akan memperkembangkan budaya daya saingannya di semua peringkat masyarakat memandangkan ekonomi negara semakin berkait rapat dengan perkembangan yang berlaku di seluruh dunia. Dalam hubungan ini, usaha Malaysia dalam kerjasama antarabangsa akan mengambil kira keperluan negara untuk mempertingkat daya saingannya di peringkat antarabangsa. Di samping

mempertingkatkan kerjasama dengan negara maju, kerjasama Selatan-Selatan juga akan diberi penekanan supaya kepentingan negara membangun diambil kira dalam agenda antarabangsa serta meningkatkan tahap berdikari di kalangan negara-negara Selatan. Dalam tempoh RMT, kapasiti institusi serta keupayaan personel yang terlibat dalam bidang kerjasama antarabangsa akan dipertingkatkan selaras dengan keperluan dasar luar negara yang proaktif.

## **BAB 23 : PEMBAHARUAN PENTADBIRAN UNTUK PEMBANGUNAN**

### **I. PENDAHULUAN**

23.01 Sektor awam telah melalui perubahan besar dalam usahanya untuk menginstitusikan budaya kecemerlangan. Perubahan ketara yang berlaku dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME) memperlihatkan satu peralihan paradigma yang merangkumi bukan sahaja perubahan struktur dan sistem tetapi juga nilai, sikap dan pemikiran anggota perkhidmatan awam. Teras kepada perubahan ini ialah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sektor awam bagi membolehkannya memberi sumbangan yang bermakna ke arah mencapai sasaran dan matlamat pembangunan sosio-ekonomi negara. Terdapat peralihan yang ketara ke arah paradigma pengurusan yang lebih proaktif dan mengutamakan pelanggan. Peranan baru ini telah meletakkan pentingnya hubungan erat di antara sektor awam dan swasta dalam semangat Persyarikatan Malaysia.

23.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), sektor awam akan terus melaksanakan program pembaharuan semasa serta memperkenal inisiatif baru bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang diberi kepada orang awam. Usaha juga akan terus dipertingkat untuk memperkuatkkan hubungan kerja dengan sektor swasta. Tumpuan yang lebih akan terus diberi bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan untuk memenuhi kehendak sektor swasta terutamanya berkaitan dengan pelaburan, perdagangan dan perniagaan.

### **II. KEMAJUAN, 1991-95**

23.03 Dalam tempoh RME, sektor awam telah mengambil usaha yang bersungguh-sungguh untuk terus memperkenalkan perubahan bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Program pembaharuan pentadbiran yang dilaksanakan oleh sektor awam meliputi bidang yang luas termasuk

- a) pengurusan kualiti;
- b) pelaksanaan Piagam Pelanggan;
- c) penghasilan inovasi;
- d) penyediaan perkhidmatan kaunter yang berkualiti;
- e) pemberian kepada sistem dan prosedur kerja;
- f) pengukuran produktiviti dan prestasi;
- g) pengluasan penggunaan teknologi maklumat;
- h) pengukuhan struktur organisasi;

- i) pemberian dalam pengurusan anggota awam;
- j) pengurusan kewangan;
- k) pengurusan projek;
- l) pengendalian pengaduan awam;
- m) penerapan nilai positif dan etika kerja;
- n) pewujudan sistem inspektorat; dan
- o) pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia.

### **Pengurusan Kualiti**

23.04 RME merupakan satu fasa penting dalam kemajuan gerakan kualiti di sektor awam. Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan sebagai satu model standard untuk pengurusan kualiti di sektor awam. TQM yang berasaskan kepada tujuh prinsip iaitu sokongan pengurusan atasan, perancangan strategik, keutamaan pelanggan, latihan dan pengiktirafan kepada anggota, semangat berpasukan, pengukuran prestasi serta kepastian kualiti telah memberi tumpuan kepada penglibatan pengurusan, kepuasan pelanggan dan pembaikan yang berterusan. Pelaksanaan TQM bertujuan menyediakan asas bagi budaya kualiti dalam organisasi sektor awam. Nilai budaya kualiti yang diberi penekanan ialah menepati masa, inovatif, memenuhi matlamat, responsif kepada kehendak pelanggan dan kesedaran kos.

23.05 Satu komponen penting strategi sektor awam untuk memupuk budaya kualiti ialah dengan memperkenalkan sistem anugerah dan pengiktirafan. Anugerah tertinggi ialah Anugerah Kualiti Perdana Menteri Bagi Sektor Awam yang telah diperkenalkan pada tahun 1990 bertujuan memberi pengiktirafan kepada agensi sektor awam yang mencapai kecemerlangan dalam pengurusan kualiti. Tiga lagi anugerah untuk mengiktiraf kecemerlangan dalam pengurusan kualiti telah diperkenalkan pada tahun 1991, iaitu Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Negara, Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam telah diperkenalkan pada tahun 1991 bertujuan memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha inovasi yang berjaya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti. Anugerah kualiti lain yang telah diperkenalkan ialah Anugerah Khas Perkhidmatan Awam, Anugerah Kualiti Pejabat Daerah, Anugerah Kualiti Pihak Berkuasa Tempatan dan Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik. Sistem pengiktirafan yang komprehensif ini telah dapat mewujudkan kesedaran di kalangan agensi sektor awam akan pentingnya mempertingkatkan kualiti di organisasi masing-masing.

23.06 Dalam tempoh Rancangan, program latihan mengenai kualiti juga telah dijalankan untuk meningkatkan kefahaman dan keupayaan agensi sektor awam melaksanakan program pengurusan kualiti. Program lain yang dijalankan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman termasuklah ceramah mengenai kualiti, Forum Q, penerbitan majalah seperti CEKAP dan KHIDMAT, penerbitan pita video

mengenai kualiti dan pengeluaran garis panduan mengenai pengurusan kualiti. Pelaksanaan pengurusan kualiti di sektor awam telah mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan budaya kualiti dan membuka jalan ke arah pencapaian kecemerlangan dalam pengurusan kualiti di beberapa organisasi sektor awam.

### **Pelaksanaan Piagam Pelanggan**

23.07 Pelaksanaan Piagam Pelanggan dalam tempoh Rancangan mencerminkan komitmen sektor awam untuk menyediakan barang dan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam. Piagam Pelanggan merupakan komitmen dan jaminan bertulis oleh agensi bahawa output mereka memenuhi standard kualiti yang telah ditetapkan selaras dengan kehendak dan ekspektasi pelanggan. Garis panduan mengenai Piagam Pelanggan telah dikeluarkan bagi membantu agensi melaksanakan Piagam Pelanggan. Dalam tempoh 1993-95, sejumlah 390 agensi sektor awam di semua peringkat telah menggubal dan melaksanakan Piagam Pelanggan

23.08 Berbagai program latihan juga telah dijalankan bagi membantu agensi dalam penggubalan dan pelaksanaan Piagam Pelanggan. Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik telah diperkenalkan pada tahun 1993 untuk memberi pengiktirafan kepada agensi yang berjaya melaksanakan Piagam Pelanggan. Anugerah ini bertujuan mendorong agensi memenuhi komitmen mereka dan memupuk budaya yang berorientasikan pelanggan di sektor awam.

23.09 Satu faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan Piagam Pelanggan ialah keupayaan sesebuah agensi menyediakan mekanisme pemuliharaan perkhidmatan apabila agensi tersebut gagal memenuhi janji yang ditetapkan dalam Piagam. Garis panduan mengenai pelaksanaan sistem pemuliharaan perkhidmatan telah dikeluarkan yang memberi penjelasan berhubung dengan konsep pemuliharaan perkhidmatan bagi membantu agensi sektor awam dalam proses pelaksanaan.

### **Inovasi**

23.10 Berbagai inovasi telah diperkenalkan oleh agensi sektor awam bagi memperbaiki dan memperkuatkan sistem dan prosedur sedia ada serta menyelesaikan masalah operasi supaya perkhidmatan yang diberi adalah berkualiti dan cemerlang. Ide inovatif yang diperkenal dan dilaksanakan telah dapat meningkatkan produktiviti dan pembaharuan pentadbiran dalam bentuk penjimatan masa, peningkatan hasil kerja dan tahap kepuasan hati pelanggan serta pengurangan kos operasi.

23.11 Langkah yang telah diambil untuk menggalakkan budaya inovasi termasuklah memperkenalkan mekanisme seperti sistem cadangan Q, Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) serta kumpulan penyelesaian masalah yang lain. Usaha ini dipertingkatkan lagi dengan memperkenalkan Anugerah Inovasi Perkhidmatan

Awam. Sejak mula diperkenalkan, sejumlah 959 inovasi telah dihasilkan dalam berbagai bidang seperti sistem dan prosedur, pengurusan sumber manusia, struktur organisasi, gaya pengurusan, persekitaran kerja, teknologi dan kelengkapan modal. Di antara contoh inovasi yang telah dihasilkan ialah penggunaan borang baru yang lebih mudah, pelaksanaan cara baru mengutip hasil dan pembaikan dalam proses kerja serta sistem fail.

### **Penyediaan Perkhidmatan Kaunter Yang Berkualiti**

23.12 Usaha memperbaiki perkhidmatan kaunter merupakan bidang utama yang terus diberi perhatian dalam tempoh Rancangan. Garis panduan bagi meningkatkan perkhidmatan kaunter telah dikeluarkan melalui pekeliling kemajuan pentadbiran yang tertentu. Di bawah pekeliling ini, semua agensi sektor awam dikehendaki menyediakan berbagai kemudahan di samping tanda arah dan panduan yang bersesuaian untuk keselesaan pelanggan. Di samping itu, latihan juga diberi untuk memastikan anggota perkhidmatan kaunter memahami tugas mereka dan berbudi bahasa. Anugerah Pengurusan Perkhidmatan Kaunter telah diperkenalkan pada tahun 1991 bagi memberi pengiktirafan kepada agensi sektor awam yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pengurusan perkhidmatan kaunter.

23.13 Hasil daripada usaha ini, terdapat peningkatan yang nyata dalam penyediaan perkhidmatan kaunter di kebanyakan agensi sektor awam. Pembaikan ini termasuklah penyediaan bilik menunggu yang selesa dan luas, papan kenyataan yang jelas dan bermaklumat, sistem giliran yang lebih sesuai dan penyampaian perkhidmatan yang menepati masa. Sebanyak 1,399 Pusat Bayaran Setempat telah ditubuhkan di seluruh negara untuk memberi kemudahan membayar bil elektrik, air, telefon dan cukai taksiran. Pusat Pelaburan Setempat juga telah ditubuhkan di peringkat Persekutuan dan Negeri untuk memberi kemudahan kepada pelabur mendapat maklumat pelaburan dan berbagai kelulusan dalam mulakan sesuatu projek pelaburan. Satu lagi kemudahan ialah Pusat Pelesenan Setempat yang menyediakan perkhidmatan bagi memproses permohonan dan pembaharuan lesen. Beberapa agensi juga telah menyediakan kaunter pandu masuk untuk kemudahan pelanggan mereka.

23.14 Penggunaan teknologi maklumat oleh agensi sektor awam telah meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberi kepada orang awam. Dalam hubungan ini, Rangkaian Perkhidmatan Awam (PSN) yang diperkenalkan pada tahun 1991 dapat menawarkan perkhidmatan kaunter bersepadu kepada orang awam melalui rangkaian komputer di pejabat pos. Perkhidmatan yang ditawarkan melalui PSN meliputi kemudahan memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan di 182 pejabat pos dan memperbaharui lesen perniagaan di 187 pejabat pos. Sambutan orang awam terhadap kemudahan yang ditawarkan ini amat menggalakkan di mana sejumlah 244,308 lesen memandu telah diperbaharui pada tahun 1994 dan 301,551 dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1995.

## **Pembaikan Dalam Sistem dan Prosedur Kerja**

23.15 Tempoh Rancangan terus memberi penekanan kepada kajian semula mengenai sistem dan prosedur bagi meningkatkan perkhidmatan yang diberi. Kajian semula ini meliputi proses, peraturan, standard dan kriteria dalam pelaksanaan aktiviti operasi. Usaha pembaikan telah dilakukan ke atas sistem dan prosedur kerja dengan menghapuskan langkah yang tidak perlu dalam proses yang terlibat termasuk mengkaji semula borang, menyelenggara sistem pengurusan rekod dan maklumat yang lebih teratur serta meningkatkan penggunaan automasi pejabat.

23.16 Pembaikan proses kerja memberi tumpuan kepada usaha mempermudah dan mempercepatkan aktiviti sesuatu proses melalui pelaksanaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Manual Prosedur Kerja memberi gambaran menyeluruh mengenai sesuatu organisasi termasuk fungsi utama, aktiviti yang terlibat serta proses kerja dan carta aliran aktiviti utama. Fail Meja pula mengandungi maklumat lengkap mengenai prosedur kerja, senarai semak, norma kerja dan peraturan yang menetapkan tanggungjawab individu.

23.17 Salah satu inisiatif utama untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberi kepada sektor swasta ialah memperkemaskan peraturan dan undang-undang khususnya berhubung dengan sistem pelesenan perniagaan dan pelaburan. Usaha ini telah menghasilkan beberapa pembaharuan seperti pemansuhan lesen, permit dan undang-undang yang tidak sesuai, perluasan penggunaan borang permohonan dan lesen komposit, perlanjutan tempoh sahlaku lesen di samping penambahan pusat pelesenan setempat serta pembaikan sistem dan prosedur pelesenan. Manakala borang yang digunakan oleh agensi sektor awam ketika berurusan dengan orang ramai telah dikaji semula untuk memastikan maklumat yang diperlukan bagi membuat keputusan sahaja diminta.

23.18 Penekanan juga telah diberi kepada pembangunan sistem pengurusan rekod yang berkesan, terutamanya pembaikan dalam sistem fail yang meliputi pendaftaran, penyimpanan, pergerakan dan pelupusan fail. Pengiktirafan diberi kepada agensi yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang ini melalui Anugerah Pengurusan Fail yang diperkenalkan pada tahun 1991.

23.19 Penggunaan automasi pejabat telah diperluaskan bagi meningkatkan kecekapan sistem dan prosedur. Dalam tempoh Rancangan, penggunaan sistem fail elektronik, alat komunikasi yang canggih, alat pandang dengar, mesin penyalin dan percetakan yang terbaru serta automasi pejabat yang lain telah ditambah bagi meningkatkan produktiviti.

## **Pengukuran Produktiviti dan Prestasi**

23.20 Kerajaan terus memberi penekanan kepada pengukuran produktiviti dan prestasi dalam usaha menginstitusikan pendekatan yang berorientasikan prestasi dan hasil di agensi sektor awam. Bagi tujuan ini, berbagai usaha telah diambil bagi membolehkan agensi sektor awam meningkatkan produktiviti dan prestasi serta mengukur pencapaian mereka secara sistematik sejajar dengan misi dan objektif organisasi masing-masing.

23.21 Agensi awam telah diminta sama ada mengurangkan kos bagi tahap perkhidmatan yang sedia ada, meningkatkan tahap perkhidmatan dengan mengekalkan kos atau meningkatkan tahap prestasi dan perkhidmatan dan pada masa yang sama mengurangkan kos. Garis panduan yang komprehensif telah disediakan kepada agensi mengenai konsep, pengukuran dan cara meningkatkan produktiviti.

23.22 Bagi meningkatkan lagi program pengukuran prestasi, Panduan Mengenai Pewujudan Penunjuk Prestasi di Agensi-agensi Kerajaan telah dikeluarkan pada tahun 1993 untuk membantu agensi melaksanakan pengukuran prestasi dengan sistematik. Semasa mengemukakan laporan tahunan ke Parlimen, Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki menggunakan penunjuk prestasi yang relevan dan sesuai yang boleh memberi maklumat penting bagi membuat keputusan mengenai sesuatu dasar dan program.

23.23 Anugerah Pengukuran Prestasi telah diperkenalkan pada tahun 1994 bagi menggalakkan agensi sektor awam menggubal dan menggunakan penunjuk prestasi. Melalui pelaksanaan program produktiviti dan prestasi, kemajuan yang memuaskan telah dicapai dalam mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan berkesan berdasarkan prinsip pengurusan untuk hasil.

## **Penggunaan Teknologi Maklumat**

23.24 Dalam tempoh Rancangan, penggunaan teknologi maklumat (IT) telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Bidang utama yang diberi tumpuan ialah mengintegrasikan IT dalam proses pengurusan bagi mengautomasikan pengumpulan data dan membolehkan maklumat yang tepat dihasilkan bagi proses perancangan, pengesahan, pengawalan dan membuat keputusan yang berkesan. Langkah ini membolehkan Kerajaan menggalakkan penggunaan maklumat dalam bidang perdagangan, penyelidikan dan pembangunan serta peraturan dan prosedur bagi menyokong pembangunan ekonomi. Penggunaan pendekatan yang mesra pengguna telah membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan maklumat sektor awam kepada orang awam. Komitmen Kerajaan dalam penggunaan teknologi maklumat jelas digambarkan melalui jumlah yang diperuntukkan bagi program pengkomputeran. Sejumlah RM1,444.9 juta telah diperuntukkan dalam tempoh

Rancangan untuk projek pengkomputeran di mana peruntukan terus meningkat daripada RM107.1 juta pada tahun 1991 kepada RM597 juta pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Carta 23-1.

23.25 Memandangkan infrastruktur IT yang kukuh adalah penting bagi memudahkan penggunaan komputer dan sumber maklumat yang lebih meluas, tumpuan yang sewajarnya telah diberi kepada pembangunan pangkalan data sektor awam dan rangkaian telekomunikasi yang berkaitan. Satu langkah utama ke arah menyediakan maklumat yang komprehensif mengenai sektor awam ialah melalui penubuhan Talian Perkhidmatan Awam (CSL) pada tahun 1994 bagi memberi perkhidmatan perolehan maklumat yang lebih cekap dan pantas dengan menggunakan teknologi maklumat terkini. CSL memberi kemudahan kepada orang awam, khususnya ahli perniagaan dan pelabur dalam dan luar negara untuk mendapat maklumat yang berkaitan sama ada secara terus, menerusi mesin faksimili atau dipos kepada mereka. CSL juga boleh berfungsi sebagai pusat sumber. Maklumat yang terdapat dalam CSL termasuklah profil agensi sektor awam, peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan berbagai insentif dan lesen serta transkrip perundangan tertentu mengenai percukaian, perniagaan dan perdagangan. Sejak mula diperkenalkan, CSL telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta.

23.26 Dalam tempoh Rancangan, beberapa pangkalan data talian terus telah dilaksanakan seperti SIRIMLINK, Perkhidmatan Maklumat Talian Terus Sawit (PALMOILIS), Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Negara-negara Selatan (SITTDEC) dan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC). Rangkaian telekomunikasi juga telah disediakan dengan pilihan sama ada untuk disambungkan dengan Rangkaian Bersama bagi Penyelidikan Maju yang Bersepadu (JARING) yang dikendalikan oleh Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) atau dengan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh syarikat operator telekomunikasi terutamanya Telekom Malaysia Berhad atau dengan rangkaian yang dikendalikan oleh pembekal perkhidmatan yang lain. Inovasi seperti PSN dan Pertukaran Data Elektronik (EDI) yang membolehkan agensi sektor awam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan bersepadu, adalah bukti menunjukkan penggunaan infrastruktur IT yang meluas di sektor awam. Di samping itu, Kerajaan telah menjalankan kajian kemungkinan bagi mewujudkan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (GITN) yang bertujuan menyediakan satu perkhidmatan rangkaian telekomunikasi bersepadu dan meningkatkan keupayaan infrastruktur maklumat sektor awam.

23.27 Berikutan penggunaan IT yang semakin meluas oleh agensi sektor awam, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam bidang seperti pengutipan hasil dan pengurusan kewangan serta penyediaan perkhidmatan dan produk yang lebih baik kepada orang awam. Dalam usaha menggalakkan penggunaan IT yang lebih meluas, Kerajaan telah memperkenalkan Anugerah Pengurusan IT bagi memberi

pengiktirafan kepada agensi yang menunjukkan kecemerlangan dalam pengurusan IT.

### **Memperkuuhkan Struktur Organisasi**

23.28 Kerajaan telah meneruskan usaha menyusun semula organisasi dan operasi agensi sektor awam bagi menghapuskan peranan dan fungsi yang bertindih serta tidak sesuai. Langkah tertentu telah diambil termasuk mengawal pewujudan jawatan baru, memansuhkan jawatan yang tidak diisi dalam perkhidmatan tidak kritikal, menyusun semula struktur agensi sektor awam, mengkaji semula kepentingan dan keberkesanannya agensi sektor awam dan meneruskan pelaksanaan program penswastaan.

23.29 Jawatankuasa Pemandu Pengecilan Saiz Perkhidmatan Awam telah diberi tanggungjawab untuk mengkaji saiz perkhidmatan awam yang sesuai. Jawatankuasa ini bertindak berpandukan arahan Kerajaan supaya mengekalkan kadar pertumbuhan tidak melebihi 0.53 peratus setahun bagi tempoh 1989-95. Walau bagaimanapun, pertambahan jawatan masih dibenarkan dalam sektor sosial iaitu pendidikan dan kesihatan serta bidang kritikal yang dapat membantu memusatkan pertumbuhan ekonomi dan kutipan hasil.

23.30 Berikutan langkah yang telah diambil, sejumlah 6,058 jawatan telah dapat dikurangkan iaitu daripada 837,107 jawatan pada tahun 1990 kepada 831,049 jawatan pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 23-1. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 496 daripada sejumlah 695 agensi telah disusun semula. Walau bagaimanapun, satu analisis berdasarkan jenis agensi menunjukkan terdapat pertumbuhan dalam Perkhidmatan Persekutuan terutamanya berikutan daripada pertambahan jawatan dalam Perkhidmatan Pendidikan dan Kesihatan. Sebaliknya, Badan Berkanun Persekutuan telah mengalami pengurangan jawatan yang besar berikutan penswastaan dan pengkorporatan agensi utama seperti Tenaga Nasional Berhad, pelabuhan serta Lembaga Padi dan Beras Negara. Di peringkat Negeri, pengkorporatan jabatan dan penyusunan semula agensi Negeri telah menyumbang kepada pengurangan jumlah jawatan secara keseluruhan.

### **Pengurusan Projek Pembangunan**

23.31 Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk memperbaiki sistem perancangan, pelaksanaan dan pengesahan projek pembangunan. Ini bertujuan memastikan sumber yang terhad digunakan secara optimum dan setiap projek dilaksanakan mengikut jadual dan berdasarkan peruntukan yang ditetapkan. Selaras dengan tujuan ini, Arahan Bil.1 Tahun 1991 mengenai Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara telah diperkenalkan. Beberapa jawatankuasa telah diwujudkan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah bagi menyelaras pelaksanaan dan pengesahan projek pembangunan.

23.32 Bagi memudahkan Jawatankuasa ini berfungsi, garis panduan untuk melaksanakan Arahan Bil. 1 Tahun 1991 telah dikeluarkan pada tahun 1993. Garis panduan tersebut menerangkan secara terperinci mengenai fungsi setiap komponen dalam jentera penyelarasan pelaksanaan untuk memastikan keberkesanan pengawasan projek pembangunan. Di samping itu, Garis Panduan Mengenai Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan telah diperkenalkan bagi memperbaiki sistem perancangan projek pembangunan. Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, Sistem Penjadualan Yang Bersepadu atau SIAP telah diperkenalkan dalam tempoh Rancangan bagi mengukuhkan sistem pengesahan SETIA.

23.33 Pengukuhan sistem pengesahan ini telah menyumbang kepada peningkatan kecekapan pengawasan pelaksanaan projek dari segi kewangan dan fizikal. Ini antara lain, telah menghasilkan penurunan dalam kes kurang belanja dan meningkatkan pelaksanaan projek pembangunan mengikut jadual. Dalam tempoh Rancangan, daripada RM58.5 bilion yang diperuntukkan kepada projek pembangunan, sebanyak RM54.9 bilion atau 94 peratus telah dibelanjakan. Prestasi fizikal projek pembangunan juga meningkat dengan pelaksanaan SIAP pada tahun 1993. Daripada 26,340 projek yang telah diluluskan dalam tempoh Rancangan, sebanyak 19,942 projek atau 75.7 peratus telah disiapkan berbanding dengan 41.3 peratus pada tahun 1993, iaitu peningkatan sebanyak 34.4 peratus. Di samping itu, bilangan projek yang telah dilaksanakan mengikut jadual turut meningkat. Pada tahun 1995, sebanyak 4,698 projek telah dilaksanakan mengikut jadual berbanding dengan 1,974 projek pada tahun 1993.

### **Pembaikan Dalam Pengurusan Anggota Awam**

23.34 Satu strategi penting bagi merealisasikan komitmen sektor awam untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap ialah dengan mewujudkan tenaga kerja yang produktif, cekap dan bermotivasi. Sehubungan dengan ini, latihan sebagai satu komponen penting dalam pengurusan personel, telah diberi penekanan yang berterusan dalam tempoh Rancangan. Berbagai program latihan telah dijalankan bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai perkembangan teknologi dan teknik pengurusan semasa. Ini dilakukan melalui kursus jangka pendek dan pertengahan; mewujudkan kepakaran dan pengkhususan melalui kursus di peringkat sijil, diploma, ijazah dan doktor falsafah; penyediaan kursus jangka pendek untuk eksekutif pengurusan atasan bagi meningkatkan kemahiran pengurusan dan organisasi mereka; serta mendesentralisasikan fungsi latihan ke Kementerian dan Jabatan sebagai langkah memenuhi keperluan latihan khusus agensi berkenaan.

23.35 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), melalui Bahagian Latihan dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), terus memikul tanggungjawab dalam merancang

dan menjalankan program latihan untuk anggota sektor awam. JPA telah menaja seramai 14,557 anggota yang mana 11,661 telah menjalani latihan dalam perkhidmatan dan 2,896 mengikuti latihan di bawah Dasar Pandang Ke Timur.

23.36 INTAN telah memainkan peranan penting dalam merancang dan mengendalikan program latihan sejarah dengan keperluan semasa. Program latihan yang dikendalikan oleh INTAN meliputi bidang yang luas termasuk pengurusan kualiti; pembangunan etika, sikap dan nilai moral; pengurusan kewangan; perancangan dan pengurusan bersepadu alam sekitar; kemahiran pengendalian komputer dan penggunaan IT; pembangunan eksekutif serta program komunikasi dan bahasa. Kursus pengurusan kualiti diberi penekanan bertujuan memupuk budaya kualiti. Dalam bidang pengurusan kewangan, penekanan diberi kepada bidang baru seperti sistem perakaunan mikro, pengurusan audit, perolehan antarabangsa dan pengurusan harta tanah untuk memupuk sikap lebih berhemat dalam pentadbiran kewangan sektor awam. Satu lagi bidang tumpuan ialah kemahiran pengendalian komputer dan penggunaan IT yang bertujuan mewujudkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dalam penggunaan teknologi. Program latihan untuk pembangunan eksekutif dilaksanakan bagi memastikan pengurusan atasan sentiasa mengikuti perkembangan persekitaran yang berubah. Program komunikasi dan bahasa diberi keutamaan bagi meningkatkan kefasihan pegawai sektor awam selaras dengan peningkatan penyertaan Malaysia di forum antarabangsa. Dalam tempoh Rancangan, INTAN telah melaksanakan 4,366 projek latihan yang telah memberi manfaat kepada seramai 173,162 anggota sektor awam seperti ditunjukkan dalam Jadual 23-2.

23.37 Institusi latihan Kerajaan yang lain turut menjalankan pelbagai program latihan mengenai aspek pengurusan dan kemajuan pentadbiran di samping memenuhi keperluan latihan profesional dan teknikal anggota mereka. Institusi latihan tersebut termasuk Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Institut Aminudin Baki, Institut Penilaian Negara (INSPEN), Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) dan Institut Kesihatan Umum. Dalam tempoh Rancangan, dua institut latihan yang baru telah ditubuhkan iaitu, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL) serta Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).

23.38 Persepakatan strategik institusi latihan sektor awam dan swasta telah diwujudkan oleh INTAN bagi mengoptimumkan kegunaan sumber bagi maksud pembangunan tenaga manusia. Satu Panel Perundingan mengenai Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia telah ditubuhkan pada tahun 1993 bagi tujuan ini.

23.39 Berbagai program latihan mengenai Dasar Persyarikatan Malaysia juga telah dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman mengenai pentingnya hubungan dan kerjasama dengan sektor swasta. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meluaskan peluang latihan, terutamanya kepada kategori perkhidmatan sokongan, Program Latihan Francais telah diperkenalkan pada tahun 1993. Di bawah program

ini, satu pakej latihan mengenai Persyarikatan Malaysia yang disediakan oleh INTAN telah diedarkan kepada institusi latihan Kerajaan dan agensi sektor awam yang lain sebagai panduan latihan yang standard. Pendekatan ini telah dapat memastikan keseragaman dalam kandungan kursus dan membolehkan agensi berkenaan menjalankan latihan dalam masing-masing. Melalui usaha ini, lebih banyak program latihan telah dapat dijalankan secara serentak dan memberi manfaat kepada lebih ramai peserta.

23.40 Program Latihan Sangkutan bagi pegawai kanan Kerajaan yang diperkenalkan pada tahun 1983 dengan kerjasama Pertubuhan Perdagangan dan Industri British-Malaysia (BMITA) telah diperluaskan dengan melibatkan syarikat multinasional yang lain daripada Amerika, Eropah dan Jepun. Di bawah program ini, pegawai Kerajaan yang terpilih telah ditempatkan di syarikat berkenaan dalam berbagai bidang seperti perniagaan, perdagangan, kewangan, insurans dan pembuatan. Dalam tempoh Rancangan, seramai 96 pegawai kanan Kerajaan telah menyertai program sangkutan tersebut. Melalui program ini, pegawai berkenaan telah didedahkan kepada kaedah pengurusan, teknik, amalan dan budaya kerja dalam sektor korporat dan telah dapat meningkatkan kesedaran mereka terhadap ekspektasi sektor swasta. Usaha ini telah dapat membantu menjalin persefahaman yang lebih erat di antara kedua-dua sektor.

### **Pengurusan Kewangan**

23.41 Langkah telah diambil untuk memperbaiki sistem kawalan dan menyediakan infrastruktur bagi pengurusan kewangan bertujuan meningkatkan lagi akauntabiliti kewangan . Sistem Perakaunan Mikro yang diperkenalkan pada tahun 1992 merupakan satu inisiatif baru bertujuan meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan kewangan dan mewujudkan kesedaran kos di kalangan agensi sektor awam. Sistem ini telah dilaksanakan sebagai projek perintis di empat agensi dan latihan telah dipergiatkan sebagai persiapan ke arah pelaksanaan sepenuhnya sistem tersebut menjelang tahun 1996. Anugerah Pengurusan Kewangan juga telah diperkenalkan pada tahun 1992 untuk memberi pengiktirafan kepada agensi yang mencapai kecemerlangan dalam pengurusan kewangan.

23.42 Pada tahun 1994, agensi Kerajaan dikehendaki menyediakan belanjawan berdasarkan Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai (MBS) di mana output dan impak setiap program dan aktiviti didefinisikan dengan jelas dalam Perjanjian Program. Dengan pelaksanaan MBS, Pegawai Pengawal mempunyai fleksibiliti yang lebih luas dalam mengagihkan sumber dan melaksanakan program di bawah agensi masing-masing.

23.43 Langkah telah diambil untuk memastikan pengurusan kewangan diamalkan mengikut peraturan dan prosedur. Dalam hubungan ini, agensi sektor awam telah diminta memberi perhatian yang serius terhadap teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara. Penekanan terus diberi kepada penubuhan Unit Audit Dalam atau

Jawatankuasa Audit di lebih banyak agensi untuk menyelaras perkara yang berkaitan dengan audit, dan memperkenalkan daftar audit untuk merekod semua teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara serta tindakan susulannya.

23.44 Usaha telah juga diambil untuk mempercepatkan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan dan laporan tahunan badan berkanun. Garis panduan telah dikeluarkan untuk memastikan Badan Berkanun menepati tarikh dalam menyempurnakan aktiviti utama semasa penyediaan kedua-dua dokumen tersebut. Badan Berkanun juga dikehendaki menyediakan satu laporan ringkas mengenai kedudukan kewangan dan prestasi tahunan untuk dikemukakan lebih awal kepada Jemaah Menteri. Inisiatif terbaru iaitu Sistem Perakaunan Yang Standard Untuk Agensi-agensi Kerajaan (SAGA) telah diperkenalkan pada tahun 1995 untuk membantu Badan Berkanun Persekutuan menyediakan akaun yang lengkap dan kemaskini, menutup akaun harian dan menyediakan penyata kewangan yang tepat pada masanya.

23.45 Pengurusan dan pengawalan aset Kerajaan telah diperbaiki melalui pelaksanaan prosedur baru untuk merekodkan harta modal, inventori dan peralatan pejabat. Tanggungjawab dan akauntabiliti pegawai awam dalam pengurusan aset Kerajaan terus dipertingkatkan melalui usaha memupuk budaya penyelenggaraan di agensi sektor awam.

### **Pengendalian Pengaduan Awam**

23.46 Dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberi dan memperbaiki tindak balas terhadap masalah yang dihadapi oleh orang awam ketika berurusan dengan agensi Kerajaan, langkah telah diperkenalkan untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengendalian pengaduan awam. Dalam hubungan ini, struktur organisasi Biro Pengaduan Awam telah disusun semula dan diperkemaskan lagi.

23.47 Keberkesanan sistem pengendalian pengaduan awam telah dipertingkatkan dengan penubuhan Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam. Jawatankuasa ini memastikan bahawa pengaduan awam dikendalikan dengan adil, berkesan dan dengan kerjasama penuh daripada semua pihak yang berkenaan, di mana ahli-ahlinya mempunyai kuasa dan hak untuk mengambil tindakan susulan yang segera dan berkesan ke atas kes salahlaku dalam pentadbiran.

23.48 Biro Pengaduan Awam telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengendalian pengaduan awam. Untuk memperluaskan perkhidmatannya kepada orang awam, pejabat cawangan wilayah di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur telah ditubuhkan. Sistem Litaran telah diperkenalkan untuk membolehkan orang awam di seluruh negara membuat aduan secara bersemuka dengan pegawai Biro Pengaduan Awam di stesen litaran satu hari yang telah dijadualkan. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah

245 stesen litaran telah ditubuhkan di bandar kecil di seluruh negara. Beberapa kempen publisiti juga telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai peranan Biro Pengaduan Awam dan kepentingan pengaduan awam sebagai alat untuk menangani salahlaku dalam pentadbiran. Ini telah membawa kepada peningkatan dalam jumlah pengaduan awam. Jumlah aduan yang telah disiasat oleh Biro telah bertambah daripada 1,592 kes pada tahun 1991 kepada 2,526 pada tahun 1995 seperti ditunjukkan dalam Jadual 23-3.

23.49 Biro juga telah melantik pegawai perhubungan yang bertindak sebagai penghubung di antara Biro dengan agensi sektor awam di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Sehingga kini, kira-kira 570 pegawai yang berpengalaman daripada agensi sektor awam yang berkaitan telah dilantik sebagai Pegawai Perhubungan Pengaduan Awam untuk membantu dalam pengendalian dan pentadbiran pengaduan awam. Biro dengan kerjasama INTAN, telah menganjurkan program latihan khas untuk pegawai tersebut. Di samping itu, beberapa agensi juga telah meningkat dan memperkuuhkan sistem pengendalian pengaduan masing-masing sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti di sektor awam.

### **Pengurusan Tatatertib**

23.50 Pengekalan tahap tatatertib yang tinggi di kalangan pegawai sektor awam terus diberi perhatian dalam tempoh Rancangan. Untuk memastikan semua peraturan dan undang-undang mengenai kelakuan dan tatatertib dipatuhi, berbagai langkah telah diperkenalkan termasuk menyeragamkan peraturan tatatertib, memastikan tindakan tatatertib yang berkesan dikenakan oleh lembaga tatatertib, mengadakan kursus mengenai pengendalian tatatertib serta menerbitkan buku panduan dan bahan rujukan mengenai tatacara penyelenggaraan tatatertib.

23.51 Kerajaan telah memperkemas dan menyeragamkan peraturan mengenai kelakuan dan tatatertib anggota sektor awam. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan pada tahun 1993 menurunkan kuasa yang lebih kepada Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan.

23.52 Untuk meningkatkan kesedaran dan kecekapan dalam pengendalian tatatertib, kursus dan taklimat telah diadakan kepada ahli lembaga tatatertib di Kementerian dan Jabatan. Bahan rujukan mengenai tatacara penyelenggaraan tatatertib seperti Garis Panduan Tindakan Tatatertib dan Contoh-Contoh Kes Tatatertib telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan yang jelas kepada ahli lembaga tatatertib dan bagi memastikan kes tatatertib dikendalikan dengan adil, cepat dan teratur.

## **Penerapan Nilai Positif dan Etika Kerja**

23.53 Berbagai program terus dilaksanakan untuk menerapkan nilai sejagat dan etika kerja yang positif di sektor awam. Nilai sejagat ini merangkumi amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, kesederhanaan, tekun, bersih, berdisiplin dan bekerjasama. Ini dilaksanakan, antara lainnya melalui latihan, penerbitan, penilaian prestasi dan pengiktirafan.

23.54 Institusi latihan Kerajaan telah memasukkan unsur nilai dan etika kerja ke dalam kurikulum latihan masing-masing. Seminar khas telah diadakan oleh INTAN dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta institusi latihan lain untuk menerapkan nilai positif dan etika kerja di kalangan anggota sektor awam. Elemen nilai dan etika kerja juga diperkenalkan dalam peperiksaan dan temuduga untuk pengesahan jawatan, kenaikan pangkat dan biasiswa untuk anggota sektor awam serta ucapan utama pemimpin negara.

### **Sistem Inspektorat**

23.55 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan telah mewujudkan Sistem Inspektorat untuk memastikan program pembaharuan pentadbiran dilaksanakan sepenuhnya. Lawatan Inspektorat adalah bertujuan memperbaiki dan memperkuatkukan organisasi berasaskan prinsip follow-up dan follow-through. Pasukan Inspektorat mengandungi ahli daripada pelbagai agensi pusat yang mempunyai kepakaran dan bidangkuasa dalam tugas masing-masing.

23.56 Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 177 lawatan inspektorat telah dibuat di peringkat Persekutuan dan Negeri. Lawatan inspektorat menunjukkan bahawa pelaksanaan program pentadbiran adalah menggalakkan hasil daripada peningkatan kefahaman dan pengetahuan mengenai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) dan prosedur pentadbiran yang lain. Pelaksanaan program ini juga telah menyerap ke peringkat akar umbi dan diinstitusikan dalam proses kerja dan prosedur di beberapa agensi. Lawatan pasukan inspektorat menunjukkan kejayaan dan keberkesanan program pembaharuan dalam pentadbiran adalah disebabkan beberapa faktor termasuk penekanan kepada latihan, pewujudan mekanisme untuk penyelaras dan pengesahan pelaksanaannya di samping komitmen pemimpin atasan.

23.57 Di samping itu, Bahagian Inspektorat telah membuat lawatan pada masa tertentu terutamanya di peringkat negeri dan daerah untuk mendapatkan maklum balas secara langsung mengenai pelaksanaan berbagai program pembaharuan pentadbiran. Ketua agensi juga digalakkan mengadakan lawatan inspektorat dalam supaya dapat memberi perhatian yang lebih dekat mengenai operasi organisasi masing-masing dan menyelesaikan masalah pada masa itu juga, khususnya masalah yang berkaitan dengan prosedur birokrasi yang boleh menghalang penyampaian perkhidmatan dengan licin.



## **Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia**

23.58 Dasar Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan pada tahun 1983, memberi penekanan kepada hubungan dan kerjasama lebih rapat di antara sektor awam dan swasta untuk mencapai matlamat pembangunan negara dan meningkatkan daya saingan Malaysia dalam pasaran dunia. Satu perkembangan menggalakkan yang menyumbang ke arah hubungan dan kerjasama erat di antara sektor awam dan swasta ialah penglibatan aktif mereka dalam berbagai panel perundingan dan sesi dialog. Di peringkat Persekutuan, Panel Persyarikatan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1991. Inisiatif utama Panel ialah mengeluarkan PKPA Bil. 9 Tahun 1991 - Panduan Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia yang memberi garis panduan yang jelas bagi meningkatkan mekanisme perundingan di semua peringkat. Semua Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah diarah mengadakan sesi dialog tahunan dengan sektor swasta. Pekeliling ini juga memperkenalkan satu dimensi baru dalam usaha mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua sektor melalui penglibatan dalam forum seperti persidangan, seminar dan bengkel latihan serta aktiviti sosial yang dianjurkan oleh sektor swasta.

23.59 Mekanisme perundingan ini telah diperkuuhkan lagi pada tahun 1993 dengan penubuhan sebuah jawatankuasa peringkat tinggi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Persyarikatan Malaysia Peringkat Pegawai bagi menggantikan Panel Persyarikatan Malaysia. Keahlian jawatankuasa ini telah diperluaskan dengan melibatkan pemimpin daripada berbagai dewan perniagaan dan industri, majlis perniagaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang terpilih serta wakil daripada akhbar tempatan. Jawatankuasa ini menyediakan forum bagi pegawai kanan Kerajaan dan wakil sektor swasta untuk bertukar pandangan dan pengalaman. Maklum balas daripada mesyuarat perundingan ini telah menghasilkan berbagai pembaharuan dalam sistem dan prosedur kerja dan menyumbang ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap oleh sektor awam.

23.60 Jawatankuasa perundingan seumpama ini turut diwujudkan di Kementerian dan Jabatan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Jawatankuasa ini telah menghasilkan berbagai pembaharuan yang meliputi penyelarasan undang-undang, peraturan dan prosedur, penerbitan buku panduan mengenai peraturan dan undang-undang yang berkaitan serta penentuan kriteria yang jelas untuk membuat keputusan bagi memastikan perkhidmatan yang lebih cepat dan menepati masa diberikan kepada sektor swasta.

23.61 Sesi dialog dengan sektor swasta pula telah diadakan oleh Kementerian dan Jabatan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara sesi dialog ini termasuklah Dialog Tahunan Belanjawan oleh Kementerian Kewangan, Dialog Tahunan Perdagangan dan Industri oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Dialog Bank Negara Malaysia. Sesi dialog ini telah memberi peluang kepada Kementerian dan Jabatan mengadakan perbincangan secara terbuka dengan

sektor swasta mengenai dasar tertentu, program dan aktiviti yang melibatkan sektor swasta, pelaksanaannya serta prestasi umum agensi Kerajaan. Sesi ini juga menyediakan maklum balas yang berguna daripada sektor swasta yang dapat dijadikan panduan dalam membuat perancangan dan pelaksanaan dasar pada masa hadapan.

23.62 Jawatankuasa khas juga telah ditubuhkan di Kementerian dan Jabatan untuk merancang dan menganjurkan berbagai aktiviti bersama dengan sektor swasta. Garis panduan mengenai penglibatan agensi dan anggota sektor awam dalam aktiviti anjuran sektor swasta atau anjuran bersama telah disediakan dalam pekeliling kemajuan tertentu. Inisiatif ini telah membawa kepada interaksi yang lebih erat dan saling memahami di antara kedua-dua sektor.

23.63 Satu langkah utama ke arah menyediakan maklumat yang lengkap dan menyeluruh mengenai sektor awam ialah penerbitan sebuah buku panduan bertajuk Berurusan Dengan Perkhidmatan Awam Malaysia. Buku ini telah diterbitkan pada Jun 1993 dan dikemaskini pada tahun 1994. Agensi sektor awam yang sering berurusan dengan orang awam seperti Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja turut menerbitkan berbagai buku panduan dan risalah untuk kegunaan orang awam. Inisiatif ini telah membantu sektor swasta memahami dengan lebih jelas berbagai aspek pentadbiran awam seperti peraturan dan undang-undang, prosedur serta jenis perkhidmatan yang disediakan oleh agensi sektor awam.

23.64 Untuk memperkuatkan lagi hubungan di antara kedua-dua sektor, Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi Sektor Swasta dan Anugerah Khidmat Cekap telah diperkenalkan pada tahun 1991, sementara Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Sektor Awam dan Swasta telah diperkenalkan pada tahun 1993. Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi Sektor Swasta disediakan untuk mengiktiraf kecemerlangan dalam pengurusan kualiti, manakala Anugerah Khidmat Cekap dihadiahkan oleh sektor swasta kepada agensi awam sebagai menghargai perkhidmatan yang cemerlang. Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama diperkenalkan untuk menggiatkan lagi aktiviti bersama di antara sektor awam dan swasta dalam bidang penyelidikan yang mempunyai potensi komersil.

### **III. PROSPEK, 1996-2000**

23.65 Dalam tempoh RMT, sektor awam akan terus memberi tumpuan kepada usaha memperbaiki pentadbiran dan pengurusan. Beberapa langkah akan diambil untuk memastikan usaha pembaharuan berjalan dengan berkesan. Langkah yang telah diambil akan diteruskan dan inisiatif baru akan diteroka bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor awam di samping mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan sektor swasta.

23.66 Dalam tempoh Rancangan, pembaharuan pentadbiran akan memberi tumpuan kepada usaha membudayakan kecemerlangan. Matlamat ini akan dicapai melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih mengutamakan pelanggan; pemberian kepada sistem dan prosedur kerja; penekanan kepada prestasi dan hasil; pengluasan penggunaan IT ; pengukuhan struktur organisasi dan pengurusan anggota sektor awam; pemberian sistem pengesanan projek; pengukuhan akauntabiliti, disiplin dan etika kerja; follow-up dan follow-through pelaksanaan program serta pengukuhan hubungan kerja sektor awam dan swasta.

#### **Ke Arah Perkhidmatan Yang Lebih Mengutamakan Pelanggan**

23.67 Gerakan kualiti akan terus menjadi asas dalam usaha menjadikan sektor awam lebih mengutamakan pelanggan. Pelaksanaan TQM akan dipergiatkan lagi di kalangan agensi yang berurusan secara langsung dengan orang awam terutama agensi yang terlibat dalam kutipan hasil serta galakan perdagangan dan pelaburan.

23.68 Usaha akan dipertingkatkan bagi mengawasi dan memastikan supaya Piagam Pelanggan dilaksanakan dengan berkesan. Agensi sektor awam akan dikehendaki mengemukakan Laporan Tahunan Prestasi Piagam Pelanggan yang mengandungi maklumat mengenai standard yang telah ditetapkan, hasil yang telah dicapai dan komitmen untuk meningkatkan prestasi pada masa hadapan. Berdasarkan laporan tersebut, satu Laporan Tahunan mengenai Pelaksanaan Piagam Pelanggan Dalam Perkhidmatan Awam akan diterbitkan, di mana penerbitan pertama akan dikeluarkan pada tahun 1996. Laporan ini akan menjadi sumber rujukan dan alat perbandingan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

23.69 Inovasi pentadbiran dalam sektor awam akan digalakkan melalui pengenalan kepada sistem, prosedur dan kaedah baru. Pemberian ganjaran dan insentif akan diteruskan bagi menghargai inovasi yang telah diperkenalkan oleh organisasi, kumpulan atau individu. KMK dan pasukan penyelesaikan masalah yang lain akan diperkuuhkan bagi membolehkan mereka bertindak dengan lebih berkesan dalam mengenalpasti dan menyelesaikan masalah operasi. Langkah ini akan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi merangsangkan daya kreativiti dan inovatif.

23.70 Langkah akan diambil untuk mendekatkan lagi kemudahan perkhidmatan kaunter kepada orang awam. Ini termasuk menambah bilangan kaunter pandu-masuk dan jenis perkhidmatan yang diberi, membuka kaunter sementara di tempat yang sesuai dan membuka pejabat cawangan, pejabat kecil serta menyediakan kaunter bergerak.

23.71 Penggunaan automasi secara meluas akan digalakkan bagi meningkatkan perkhidmatan kaunter. Kaunter yang mengendalikan bilangan transaksi yang banyak akan dilengkapkan dengan sistem nombor giliran dan mesin resit berkomputer yang terkini. Untuk melengkapkan usaha ini, latihan kepada anggota perkhidmatan kaunter mengenai penggunaan komputer dan perhubungan pelanggan akan dipertingkatkan. Di samping itu, Kerajaan akan menambah bilangan perkhidmatan dan agensi yang menyertai PSN. Selaras dengan ini, PSN akan dihubungkan dengan lebih banyak pejabat pos dan perkhidmatannya diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

23.72 Tumpuan akan terus diberi untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan dan sistem jaminan kualiti dalam usaha memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberi oleh agensi sektor awam. Bagi mencapai matlamat ini, tindakan akan diambil untuk merancang dan melaksanakan siri standard ISO 9000 di Kementerian, Jabatan dan agensi secara berperingkat. Usaha juga akan diambil bagi mengedarkan garis panduan mengenai siri standard ini di samping menjalankan program latihan untuk mempercepatkan pelaksanaannya dalam perkhidmatan awam.

### **Pembaikan Dalam Sistem dan Prosedur Kerja**

23.73 Satu pendekatan yang komprehensif akan diambil bagi mengkaji semula sistem dan prosedur dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Usaha akan ditumpukan kepada pewujudan pentadbiran yang kurang menggunakan kertas, khususnya di kalangan agensi yang sentiasa berurusan dengan orang awam. Sistem dan prosedur akan diperkemas melalui pengurangan penggunaan borang manakala undang-undang dan peraturan statutori yang menyumbang kepada penggunaan borang dan dokumen yang berlebihan akan dikaji semula. Satu program IT yang lengkap dan menyeluruh akan dilancarkan bagi menggiatkan lagi usaha-usaha automasi pejabat dan memupuk kesedaran di kalangan anggota sektor awam mengenai perlunya untuk mengurangkan penggunaan kertas.

### **Penekanan Kepada Prestasi dan Orientasi Hasil**

23.74 Pewujudan sistem pengukuran prestasi yang lengkap dan menyeluruh di kalangan agensi sektor awam akan menjadi satu lagi bidang yang diberi tumpuan penting dalam tempoh Rancangan selaras dengan objektif Kerajaan untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan di sektor awam. Agensi sektor awam akan dikehendaki menjalankan perancangan strategik seperti merancang, mengesan dan menilai prestasi program serta aktiviti di bawah bidangkuasa masing-masing. Sistem

laporan prestasi akan diadakan dari masa ke masa melalui proses belanjawan tahunan dan pembentangan laporan tahunan di Parlimen.

### **Pengluasan Penggunaan Teknologi Maklumat**

23.75 Penggunaan IT dalam sektor awam akan diperluas dengan memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur IT bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan produktiviti serta merealisasikan objektif ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang kurang menggunakan kertas. Program IT Kerajaan akan memberi tumpuan kepada penggubalan standard IT, pembangunan pangkalan data awam, pelaksanaan GITN, peningkatan keselamatan komputer dan rangkaian komputer, pembangunan anggota IT serta kesedaran terhadap IT.

23.76 Penggubalan Pelan Standard IT akan menggariskan standard untuk EDI, prosedur perolehan, sistem metodologi pembangunan sistem serta prosedur dan garis panduan untuk pengumpulan dan penyebaran maklumat. Dari segi metodologi pembangunan, perhatian akan diberi kepada pendekatan object-oriented bertujuan meningkatkan produktiviti pembangunan perisian melalui pengurangan dalam kos pembangunan kitaran hayat dan meningkatkan perisian mudahalih.

23.77 GITN akan dilaksanakan untuk memperbaiki pengurusan rangkaian maklumat jabatan Kerajaan dan bagi memastikan keberkesanan kos dalam penggunaan rangkaian. Dengan menggabungkan pangkalan data awam kepada pusat tumpuan maklumat, pelaksanaan projek seperti PSN, EDI, automasi pejabat dan pendidikan jarak jauh dijangka mewujudkan permintaan lingkaran yang meluas untuk komunikasi data. Penggunaan teknologi baru seperti multimedia akan mempengaruhi pembangunan GITN bagi meliputi infrastruktur untuk broadband multimedia superhighway.

23.78 Bagi mengatasi keperluan tenaga manusia dalam bidang IT di sektor awam, latihan bersama di antara Kerajaan dan industri akan dilaksanakan. Di mana sesuai, pihak Kerajaan akan mengoptimumkan pengurusan IT melalui penggunaan metodologi terkini dan penggunaan konsep outsourcing dan reengineering dalam projek pengkomputeran. Untuk meningkatkan kesedaran IT, penekanan akan diberi bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan dalam penggunaan IT.

### **Memperkuuhkan Struktur Organisasi Dan Pengurusan Anggota**

23.79 Kerajaan akan terus mengawasi secara aktif perkembangan saiz perkhidmatan awam bagi mencapai keberkesanan organisasi yang optimum. Dalam hubungan ini, keutamaan untuk menambah anggota akan diberi kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan. Pertambahan anggota juga dibenarkan bagi perkhidmatan lain seperti perancangan ekonomi, penyelidikan dan pembangunan, IT, penguatkuasaan

dan kutipan hasil. Langkah akan terus diambil untuk memansuhkan jawatan tertentu melalui proses penyusunan semula organisasi dan penswastaan.

23.80 Pembangunan sumber manusia akan terus diberi penekanan melalui program latihan dan kemajuan kerjaya yang lebih baik. Ini bertujuan meningkatkan kemahiran, kecekapan dan produktiviti tenaga kerja sektor awam. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus melaksanakan program-program latihan seperti latihan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang diadakan sama ada di dalam atau luar negara. Di samping itu, latihan di bawah Dasar Pandang Ke Timur akan dipergiatkan lagi. Tajaan untuk program latihan dalam perkhidmatan akan diteruskan. Walau bagaimanapun, program tajaan ini akan dikaji dari masa ke masa untuk memastikan ianya selari dengan keperluan sektor awam.

23.81 Selaras dengan objektif mewujudkan kecemerlangan dalam sektor awam, aktiviti INTAN akan memberi tumpuan bagi memastikan kurikulum latihannya merangkumi aspek pembangunan pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dalam hal ini, INTAN akan mengutamakan program latihan yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti dan produktiviti melalui peningkatan kefahaman dan penerapan usaha pembaharuan pentadbiran; peningkatan daya kreativiti dan inovasi dengan penekanan kepada pembangunan pemikiran secara lateral; pengurusan dan penggunaan IT; pentadbiran kewangan; pengurusan sains dan teknologi serta alam sekitar di samping kemahiran bahasa dan pembangunan diri. Dalam tempoh Rancangan, INTAN dijangka melatih kira-kira 150,000 anggota sektor awam.

23.82 Institut latihan Kerajaan yang lain akan terus memberi keutamaan kepada latihan teknikal dan kemahiran di samping latihan dalam aspek pengurusan dan kemajuan pentadbiran. Panel Perundingan Mengenai Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia akan terus meningkatkan profesionalisme jurulatih khususnya mengenai pengiktirafan dan kod etika untuk jurulatih. Persepakatan strategik dengan institusi latihan lain termasuk penggunaan pakar daripada sektor swasta akan terus diperluaskan oleh INTAN bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dalam pembangunan tenaga manusia.

### **Pembaikan Dalam Sistem Pengesahan Projek**

23.83 Dalam tempoh Rancangan, pembaikan akan terus dilakukan kepada sistem pengesahan projek. Beberapa langkah akan dilaksanakan untuk mengukuhkan sistem pengesahan di berbagai peringkat Kerajaan. Ini termasuk mengkaji semula keberkesanan Sistem SETIA, membangunkan Sistem Maklumat Bersepadu SETIA-SIAP; mewujudkan hubungkait di antara Sistem SETIA dan sistem pengesahan yang lain; menggerakkan semula Jawatankuasa Teknikal Antara Agensi SETIA-SIAP; memperbaiki keupayaan perkakasan, perisian dan komunikasi data serta menggiatkan program latihan mengenai penggunaan sistem SETIA dan SIAP. Dengan pelaksanaan Sistem Maklumat Bersepadu SETIA-SIAP dalam tempoh Rancangan,

prestasi fizikal dan kewangan dalam pelaksanaan projek akan dapat diawasi secara on-line.

### **Meningkatkan Akauntabiliti, Disiplin dan Etika Kerja**

23.84 Pengurusan kewangan yang berkesan akan terus diberi perhatian bagi memastikan peningkatan akauntabiliti dalam pengurusan dana awam dan memperbaiki disiplin kewangan di setiap peringkat Kerajaan. Usaha akan dijuruskan ke arah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di samping memupuk kesedaran kos di kalangan anggota awam. Langkah juga akan diambil untuk memperbaiki infrastruktur pengurusan kewangan melalui pembangunan sistem dan prosedur serta penggunaan IT yang lebih meluas.

23.85 Auditan prestasi akan dilaksanakan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan program dan aktiviti tertentu di agensi Kerajaan. Pelaksanaan MBS dan Sistem Perakaunan Mikro akan diperluaskan bagi memastikan keberkesanan program dan aktiviti Kerajaan. Penggunaan SAGA akan diperluaskan kepada semua badan berkanun Persekutuan. Sistem ini juga akan diubahsuai supaya dapat diterimapakai dan diperluaskan kegunaannya ke agensi sektor awam yang lain secara berperingkat.

23.86 Pengendalian pengaduan awam akan terus menjadi agenda penting dalam tempoh Rancangan bagi memastikan peningkatan akauntabiliti Kerajaan. Sektor awam akan terus berusaha mengurangkan salahlaku pentadbiran dan mengukuhkan keyakinan orang awam terhadap keupayaan Kerajaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan tepat pada masanya.

23.87 Usaha untuk menerapkan nilai murni dan etika kerja di kalangan anggota sektor awam akan diteruskan. Nilai ini akan dipupuk khususnya melalui program latihan dan latihan semula.

23.88 Usaha akan diambil untuk memperbaiki proses tindakan tatatertib bagi memastikan penguatkuasaan yang lebih tegas ke atas peraturan dan undang-undang. Semua Kementerian dan Jabatan akan bekerjasama rapat dengan Badan Pencegah Rasuah dan Biro Pengaduan Awam untuk mengawasi dan memastikan tindakan diambil ke atas pelanggaran tatatertib.

### **Tindakan Follow-up dan Follow-through Dalam Pelaksanaan Program**

23.89 Sistem inspektorat akan diperluas bagi memainkan peranan yang lebih besar dalam memastikan tindakan follow-up dan follow-through ke atas pelaksanaan berbagai program pembaharuan. Agensi sektor awam dikehendaki mewujudkan sistem inspektorat dalaman masing-masing bagi mengawasi pelaksanaan program secara berterusan.

23.90 Tumpuan akan diberi kepada pemeriksaan impak yang melibatkan penilaian ke atas hasil program pentadbiran yang berkaitan dengan peningkatan produktiviti, pembaikan kualiti keluaran dan perkhidmatan yang diberi serta sumbangan program tersebut. Skop pasukan inspektorat akan diperluas bagi meliputi agensi di peringkat akar umbi. Perhatian yang lebih akan diberi kepada agensi di peringkat daerah di samping pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun. Lawatan pemeriksaan yang meliputi perbincangan ke atas bidang yang bermasalah akan diperluaskan ke pejabat cawangan agensi sektor awam.

#### **Memperkuuhkan Hubungan Kerja Antara Sektor Awam dan Swasta**

23.91 Kerjasama berterusan yang terjalin di antara sektor awam dan swasta melalui Persyarikatan Malaysia akan menjadi teras ke arah meningkatkan lagi daya saingan Malaysia di pasaran antarabangsa di samping memperbaiki penyampaian perkhidmatan kepada sektor swasta. Bagi tujuan ini, pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia akan dipergiat dengan menambah bilangan sesi dialog di peringkat kementerian, jabatan, negeri dan daerah. Maklum balas yang diterima daripada dialog ini akan membolehkan agensi sektor awam meningkatkan lagi kecekapan operasi dan perkhidmatannya bagi memenuhi permintaan sektor swasta. Kerajaan akan terus memberi sokongan kepada sektor swasta melalui kajian semula peraturan, undang-undang dan prosedur serta menyediakan akses untuk mendapatkan maklumat awam menerusi pengluasan dan peningkatan keupayaan CSL.

#### **IV. PENUTUP**

23.92 Pembaharuan pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh sektor awam dalam tempoh RME merupakan satu peralihan paradigma dalam peranannya daripada sebuah birokrat tradisi yang dikongkong oleh kaedah dan peraturan yang ketat kepada paradigma pengurusan yang lebih proaktif dan mengutamakan pelanggan. Sektor awam telah mengubah bentuknya menjadi satu perkhidmatan awam yang moden dan fleksibel dan berperanan sebagai pemangkin dalam mencapai wawasan negara menuju ke arah sebuah negara maju. Asas falsafah program pembaharuan dalam perkhidmatan awam ialah untuk mencapai kecemerlangan. Program reformasi yang telah dilaksanakan adalah berpandukan kepada dua tujuan umum, iaitu, mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanannya. Tumpuan pengurusan semakin dijuruskan ke arah akauntabiliti dan orientasi prestasi. Perubahan struktur telah dibentuk supaya selaras dengan peranannya yang berubah daripada sebuah jentera pembangunan sosio-ekonomi utama kepada penggerak dan fasilitator pembangunan. Penekanan sewajarnya juga diberi kepada pembangunan sumber manusia yang mempunyai nilai murni dan etika kerja serta pengetahuan dan kemahiran yang relevan. Sebahagian besar daripada kejayaan perubahan ini adalah hasil daripada penggunaan IT yang meluas.

23.93 Dalam tempoh RMT, sektor awam akan terus memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pentadbiran yang cekap dan berkesan bagi menyokong hasrat pencapaian matlamat pembangunan negara. Selaras dengan usaha untuk terus maju, sektor awam akan memperkuuh dan menyepadukan program pembaharuan yang telah diperkenalkan sebelum ini di samping memperkenalkan inisiatif baru bagi memastikan produktiviti, kecekapan dan keberkesan yang lebih tinggi dalam penyampaian perkhidmatan.

## **BAB 24 : GLOSARI AKRONIM**

### **GLOSARI AKRONIM**

ADB = Asian Development Bank  
(Bank Pembangunan Asia)

AFTA = ASEAN Free Trade Area  
(Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN)

AICS = Advanced Immigration Clearance System  
(Sistem Pemeriksaan Lebih Awal Imigresen)

AIDS = Acquired Immunodeficiency Syndrome  
(Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit)

AIJV = ASEAN Industrial Joint Venture  
(Usahasama Perindustrian ASEAN)

AIM = Amanah Ikhtiar Malaysia

AIP = ASEAN Industrial Project  
(Projek Perindustrian ASEAN)

AKMAL = Akademi Kastam Diraja Malaysia

ALAM = Akademi Laut Malaysia

APEC = Asia Pacific Economic Cooperation  
(Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik)

APM = Automatic Pricing Mechanism  
(Mekanisma Harga Automatik)

ASB = Amanah Saham Bumiputera

ASB-PPRT = Amanah Saham Bumiputera-Program Pembangunan Rakyat Termiskin

ASEAN = Association of South-East Asian Nations  
(Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara)

ASN = Amanah Saham Nasional

ATM = Automatic Teller Machine  
(Mesin Teler Automatik)

BATC = Business and Advanced Technology Centre  
(Pusat Perniagaan Teknologi Termaju)

BBC = Brand-to-Brand Complementation

BCSDM = Business Council for Sustainable Development Malaysia  
(Majlis Perniagaan Malaysia bagi Pembangunan Mampan)

BERNAMA = Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

BERNAS = Padi Beras Nasional Berhad

BIF = Business Investment Forum  
(Forum Pelaburan Perniagaan)

BIMB = Bank Industri Malaysia Berhad

BIMP-EAGA = Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-the Philippines East ASEAN Growth Area  
(Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina)

BLR = Base Lending Rate  
(Kadar Pinjaman Asas)

BMITA = British-Malaysia Industry and Trade Association  
(Pertubuhan Perdagangan dan Industri British-Malaysia)

BMK = Bina-Milik-Kendali

BOD = Biochemical Oxygen Demand  
(Keperluan Oksigen Biokimia)

BOT = Build-Operate-Transfer  
(Bina-Kendali-Pindah)

BP = Bina-Pindah

BPA = Bilateral Payment Arrangement

(Peraturan Pembayaran Dua Hala)

BPM = Bank Pertanian Malaysia

BPMB = Bank Pembangunan Malaysia Berhad

BSKL = Bursa Saham Kuala Lumpur

BSN = Bank Simpanan Nasional

CAD = Computer-aided Design  
(Reka Bentuk Berbantuan Komputer)

CAE = Computer-aided Engineering  
(Kejuruteraan Berbantuan Komputer)

CAM = Computer-aided Manufacturing  
(Pembuatan Berbantuan Komputer)

CD-ROM = Compact Disk-Read Only Memory

CDS = Central Depository System  
(Sistem Depositori Pusat)

CEPT = Common Effective Preferential Tariff  
(Keistimewaan Tarif Berkesan yang Seragam)

CFC = Chloroflourocarbon  
(Kloroflorokarbon)

CFTC = Commonwealth Fund for Technical Cooperation  
(Tabung Komanwel bagi Kerjasama Teknik)

CGC = Credit Guarantee Corporation  
(Syarikat Jaminan Kredit)

CIAST = Centre for Instructor and Advanced Skill Training  
(Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan)

c.i.f. = cost, insurance and freight  
(kos, insurans dan tambang)

CPTM = Commonwealth Partnership for Technology Management  
(Gabungan Komanwel bagi Pengurusan Teknologi)

CSD = Commission on Sustainable Development  
(Suruhanjaya Pembangunan Mampan)

CSL = Civil Service Link  
(Talian Perkhidmatan Awam)

CT = Computerized Tomography  
(Tomografi Berkomputer)

DARA = Development Authority of Pahang Tenggara  
(Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara)

DEB = Dasar Ekonomi Baru

DIF = Domestic Investment Fund  
(Dana Pelaburan Domestik)

DII = Domestic Investment Initiative  
(Inisiatif Pelaburan Domestik)

DJ = Densiti Jalan

DPN = Dasar Pembangunan Nasional

DPNR = Deproteinized Natural Rubber  
(Getah Asli Nyahprotein)

DTN = Dasar Telekomunikasi Negara

dwt = deadweight tonnes  
(tan berat muatan)

EAEC = East Asia Economic Caucus  
(Perundingan Ekonomi Asia Timur)

ECOSOC = Economic and Social Council  
(Majlis Ekonomi dan Sosial)

ECR = Export Credit Refinancing Scheme  
(Skim Pembiayaan Kredit Eksport)

EDI = Electronic Data Interchange  
(Pertukaran Data Elektronik)

**EDIFACT** = EDI for Administration, Commerce and Transport  
(Pertukaran Data Elektronik untuk Pentadbiran, Perdagangan dan Pengangkutan)

**EIA** = Environmental Impact Assessment  
(Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling)

**EINEP** = Exchange of Information on National Economic Policies  
(Pertukaran Maklumat mengenai Dasar Ekonomi Negara)

**EMIS** = Education Management Information System  
(Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan)

**EMU** = Electric Multiple Unit  
(Unit Kereta Api Elektrik)

**ERL** = Express Rail Link  
(Hubungan Kereta Api Ekspres)

**f.o.b.** = free on board  
(percuma di atas kapal)

**FAMA** = Federal Agricultural Marketing Authority  
(Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan)

**FCCC** = Framework Convention on Climate Change  
(Konvensyen Rangkakerja Perubahan Iklim)

**FDI** = Foreign Direct Investment  
(Pelaburan Langsung Asing)

**FDP** = Franchise Development Programme  
(Program Pembangunan Francais)

**FELCRA** = Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority  
(Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan)

**FELDA** = Federal Land Development Authority  
(Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)

**FIC** = Foreign Investment Committee  
(Jawatankuasa Pelaburan Asing)

**FINAS** = Perbadanan Kemajuan Filem Nasional

FMM = Federation of Malaysian Manufacturers  
(Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia)

FRIM = Forest Research Institute of Malaysia  
(Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia)

FTZ = Free Trade Zone  
(Zon Perdagangan Bebas)

G-15 = Group of 15  
(Kumpulan 15)

G-77 = Group of 77  
(Kumpulan 77)

GAB = Getah Asap Berbunga

GATS = General Agreement on Trade in Services  
(Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan)

GATT = General Agreement on Tariffs and Trade  
(Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan)

GIS = Geographic Information System  
(Sistem Maklumat Geografi)

GITN = Government Integrated Telecommunications Network  
(Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan)

GJ = Gigajoules

GMI = German-Malaysian Institute  
(Institut Jerman-Malaysia)

GMM = Getah Mutu Malaysia

GMVB = Global Maritime Ventures Berhad

GPP = Gas Processing Plant  
(Loji Memproses Gas)

GSO = Grid System Operator

(Pengendali Sistem Grid)

GTC = General Trading Companies  
(Syarikat Perdagangan Am)

GWj = Gigawatt sejam

HAWA = Bahagian Hal Ehwal Wanita

HAZMAT = Hazardous Material Team  
(Pasukan Penyelamat Bahan-Bahan Berbahaya)

HICOM = Heavy Industries Corporation of Malaysia  
(Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia)

HRDF = Human Resources Development Fund  
(Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia)

HTUS = Hubungan Tengah Utara-Selatan

IAB = Institut Aminuddin Baki

IADP = Integrated Agricultural Development Project  
(Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu)

IAF = Industrial Adjustment Fund  
(Tabung Penyesuaian Perindustrian)

ICA = Industrial Coordination Act  
(Akta Penyelarasian Perindustrian)

ICD = Inland Container Depot  
(Depo Kontena Daratan)

IDB = Islamic Development Bank  
(Bank Pembangunan Islam)

IDB = Instrumen Deposit Boleh Niaga

IDHL = Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri

IGA = Investment Guarantee Agreement  
(Perjanjian Jaminan Pelaburan)

IHP = Indeks Harga Pengguna

IJN = Institut Jantung Negara

IKIM = Institut Kefahaman Islam Malaysia

IKRAM = Institut Kerja Raya Malaysia

IKS = Industri Kecil dan Sederhana

ILKAP = Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

IMP = Industrial Master Plan  
(Pelan Induk Perindustrian)

IMR = Institute of Medical Research  
(Institut Penyelidikan Perubatan)

IMS-GT = Indonesia-Malaysia-Singapore Growth Triangle  
(Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura)

IMT-GT = Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle  
(Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand)

INSPEN = Institut Penilaian Negara

INTAN = Institut Tadbiran Awam Negara

IOFC = International Offshore Financial Centre  
(Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa)

IPC = Infrastructure Project Companies  
(Syarikat Projek Infrastruktur)

IPJ = Indeks Pembangunan Jalan

IPP = Independent Power Producer  
(Penjanakuasa Elektrik Persendirian)

IRPA = Intensification of Research in Priority Areas  
(Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Keutamaan)

ISO = International Standard Organization  
(Pertubuhan Standard Antarabangsa)

IT = Information Technology  
(Teknologi Maklumat)

ITAF = Industrial Technical Assistance Fund  
(Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian)

ITM = Institut Teknologi MARA

ITTO = International Tropical Timber Organization  
(Organisasi Kayu Tropika Antarabangsa)

IYEP = International Youth Exchange Programme  
(Program Pertukaran Belia Antarabangsa)

JARING = Joint Advanced Research Integrated Networking  
(Rangkaian Bersama bagi Penyelidikan Maju yang  
Bersepadu)

JAS = Jabatan Alam Sekitar

JBEG = Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas

JDA = Joint Development Area  
(Kawasan Pembangunan Bersama)

JI = Joint Implementation  
(Pelaksanaan Bersama)

JKPS = Juta Kaki Padu Sehari

jlh = juta liter sehari

JMTI = Japan-Malaysia Technical Institute  
(Institut Teknikal Japan-Malaysia)

JPLH = Jemaah Pemasaran Lada Hitam

JSP-KB = Jalan Simpang Pulai-Lojing-Kuala Berang

KDNK = Keluaran Dalam Negeri Kasar

KEDA = Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah

KEJORA = Lembaga Kemajuan Johor Tenggara

KEMAS = Bahagian Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KESEDAR = Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan

KETENGAH = Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah

KHTP = Kulim Hi-Tech Park  
(Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim)

KLCC = Kuala Lumpur City Centre  
(Pusat Bandaraya Kuala Lumpur)

KLIA = Kuala Lumpur International Airport  
(Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur)

KLOFFE = Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange  
(Bursa Niaga Hadapan, Opsyen dan Kewangan Kuala Lumpur)

Km-Litaran = Kilometer Litaran

KMK = Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja

KNK = Keluaran Negara Kasar

KPD = Korporasi Pembangunan Desa

KPM = Kos Penjimatan Masa

KTAR = Kolej Tunku Abdul Rahman

KTMB = Keretapi Tanah Melayu Berhad

kV = Kilovolt

kW = Kilowatt

kWj = Kilowatt jam

KWPSM = Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia

KWSP = Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

**LENR** = Liquid Epoxidized Natural Rubber  
(Getah Asli Terepoksida Cecair)

**LIMA** = Langkawi International Maritime and Aerospace  
(Pameran Maritim dan Aerospace Antarabangsa Langkawi)

**LKIM** = Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

**LKM** = Lembaga Koko Malaysia

**LKTNS** = Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sarawak

**LKW** = Lembaga Kemajuan Wilayah

**LKWJ** = Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka

**LLS** = Lembaga Letrik Sabah

**LNG** = Liquefied Natural Gas  
(Gas Asli Cecair)

**LNR** = Liquid Natural Rubber  
(Getah Asli Cecair)

**LPG** = Liquefied Petroleum Gas  
(Gas Petroleum Cecair)

**LPN** = Lembaga Padi dan Beras Negara

**LPNM** = Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

**LPP** = Lembaga Pertubuhan Peladang

**LRT** = Light Rail Transit  
(Rel Transit Ringan)

**LSA** = Lebuhraya Shah Alam

**LTAT** = Lembaga Tabung Angkatan Tentera

**LTB** = Lebuhraya Timur-Barat

**LTGS** = Lembaga Tabung Getah Sabah

LTH = Lembaga Tabung Haji

LTN = Lembaga Tembakau Negara

MAC = Malaysian Accreditation Council  
(Majlis Akreditasi Malaysia)

MacNet = Malaysia Cargo Network  
(Rangkaian Kargo Malaysia)

MACRES = Malaysian Centre for Remote Sensing  
(Pusat Remote Sensing Negara)

MAH = Malaysian Association of Hotels  
(Persatuan Hotel Malaysia)

MARA = Majlis Amanah Rakyat

MARDI = Malaysian Agricultural Research and Development Institute  
(Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia)

MARS = Multi Access Radio System  
(Sistem Radio Multi Akses)

MAS = Malaysia Airlines  
(Penerbangan Malaysia)

MASSA = Malaysia South-South Association  
(Persatuan Selatan-Selatan Malaysia)

MASSCORP = Malaysian South-South Corporation Berhad  
(Perbadanan Selatan-Selatan Malaysia Berhad)

MASTIC = Malaysian Science and Technology Information Centre  
(Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia)

MATRADE = Malaysia External Trade Development Corporation  
(Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia)

MATTA = Malaysian Association of Tour and Travel Agents  
(Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan  
Malaysia)

MBC = Malaysian Business Council  
(Majlis Perdagangan Malaysia)

MBO = Management-Buy-Out  
(Pembelian Syarikat oleh Pengurusan)

MBS = Modified Budgeting System  
(Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai)

MDS = Middle Distillate Synthesis

MEASAT = Malaysia East Asia Satellite  
(Satelit Asia Timur Malaysia)

MFI = Malaysia France Institute  
(Institut Malaysia Perancis)

MFO = Medium Fuel Oil  
(Bahan Bakar Sederhana)

MICE = Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions  
(Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran)

MIDF = Malaysian Industrial Development Finance Berhad  
(Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad)

MIEL = Malaysian Industrial Estate Sendirian Berhad

MIGHT = Malaysian Industry-Government Group for High  
Technology  
(Kumpulan Industri-Kerajaan untuk Teknologi Tinggi Malaysia)

MIIL = Malaysian-Re International Insurance (L) Limited

MIM = Malaysian Institute of Management  
(Institut Pengurusan Malaysia)

MIMOS = Malaysian Institute of Microelectronics System  
(Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia)

MINT = Malaysian Institute for Nuclear Technology Research  
(Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia)

MISC = Malaysia International Shipping Corporation Berhad

(Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad)

MITI = Ministry of International Trade and Industry  
(Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri)

MME = Malaysian Monetary Exchange  
(Bursa Kewangan Malaysia)

MNC = Multinational Corporation  
(Syarikat Multinasional)

MOU = Memorandum of Understanding  
(Memorandum Persefahaman)

MPKSN = Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara

MPN = Majlis Pembangunan Negara

MPOPC = Malaysian Palm Oil Promotion Council  
(Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia)

mppa = million passengers per annum  
(juta penumpang setahun)

MPPB = Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

MPSM = Majlis Pembangunan Sumber Manusia

MRI = Magnetic Resonance Imaging

MRRDB = Malaysian Rubber Research and Development Board  
(Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia)

MSBN = Majlis Sistem Bayaran Nasional

MSC = Multimedia Super Corridor  
(Koridor Raya Multimedia)

MSN = Majlis Sukan Negara

MTBE = Methyl-tertiary-butyl-ether

MTDC = Malaysian Technology Development Corporation  
(Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia)

MTIB = Malaysian Timber Industry Board  
(Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)

MTMK = Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan

MW = Megawatt

NACIWID = National Advisory Council on the Integration of Women In Development  
(Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan)

NAFTA = North American Free Trade Agreement  
(Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara)

NALIS = National Land Information System  
(Sistem Maklumat Tanah Negara)

NAM = Non-Aligned Movement  
(Pergerakan Negara-negara Berkecuali)

NBCT = North Butterworth Container Terminal  
(Terminal Kontena Butterworth Utara)

NCS = National Conservation Strategy  
(Strategi Pemuliharaan Sumber Asli Negara)

NCWO = National Council for Women's Organizations  
(Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita)

NGO = Non-Governmental Organization  
(Pertubuhan Bukan Kerajaan)

NGV = Natural Gas for Vehicles  
(Gas Asli Untuk Kenderaan)

NIE = Newly Industrializing Economies  
(Negara Perindustrian Baru)

NLDC = National Load Despatch Centre  
(Pusat Muatan Beban Kebangsaan)

NOAA = National Oceanic and Atmospheric Administration

NOSS = National Occupational Skills Standards  
(Piawaian Kebangsaan Mengenai Kemahiran Pekerjaan)

NPC = National Productivity Corporation  
(Perbadanan Produktiviti Negara)

NPGS = New Principal Guarantee Scheme  
(Skim Jaminan Utama Baru)

NRW = Non-Revenue Water  
(Air Tidak Berhasil)

NTHRDC = National Tourism Human Resource Development Council  
(Majlis Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia  
Dalam Bidang Pelancongan)

NTSS = National Trade Skills Standards  
(Piawaian Kebangsaan Mengenai Kemahiran Berasaskan  
Ketukangan)

NVTC = National Vocational Training Council  
(Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan)

NYCC = National Youth Consultation Council  
(Majlis Perunding Belia Negara)

ODA = Official Development Assistance  
(Bantuan Pembangunan Rasmi)

ODS = Ozone Depleting Substance  
(Bahan Menyusut Ozon)

v

OECD = Organization of Economic Cooperation and Development  
(Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan)

OIC = Organization of Islamic Conference  
(Pertubuhan Persidangan Islam)

P&P = Penyelidikan dan Pembangunan

PABK = Perusahaan Awam Bukan Kewangan

PALMOILIS = Palm Oil Information Online Service

(Perkhidmatan Talian Terus Maklumat Sawit)

PANEL = Panel Memajukan Pentadbiran Awam

PBB = Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

PBBMT = Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand

PBT = Pihak Berkuasa Tempatan

PC = Personal Computer  
(Komputer Peribadi)

PCB = Printed Circuit Board  
(Papan Litar Bercetak)

PCN = Personal Communications Network  
(Rangkaian Perhubungan Peribadi)

PDS = Private Debt Securities  
(Pasaran Sekuriti Hutang Swasta)

PEMADAM = Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia

PERLA = Skim Perjanjian Dengan Penyedia Latihan

PERNAS = Perbadanan Nasional

PETRONAS = Petroliam Nasional Berhad

PGU = Peninsular Gas Utilization  
(Penggunaan Gas Semenanjung)

PIA = Promotion of Investment Act  
(Akta Penggalakan Pelaburan)

PIP = Pelan Induk Penswastaan

PKEN = Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

PKPA = Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam

PKPKR = Program Khas Perumahan Kos Rendah

PKPN = Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri

PKS = Perusahaan Kecil dan Sederhana

PKTM = Program Kerjasama Teknik Malaysia

PLT = Skim Pelan Latihan Tahunan

PMR = Penilaian Menengah Rendah

PNB = Permodalan Nasional Berhad

PNSL = Perbadanan Nasional Shipping Line Berhad

POCPA = Palm Oil Credit and Payment Arrangement  
(Tatacara Kredit dan Pembayaran Minyak Sawit)

PORIM = Palm Oil Research Institute of Malaysia  
(Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia)

PPD = Pusat Pertumbuhan Desa

PPO = Processed Palm Oil  
(Minyak Sawit Diproses)

PPRT = Program Pembangunan Rakyat Termiskin

PROLUS = Skim Program Yang Diluluskan

PROTON = Perusahaan Otomobil Nasional Berhad

PSC = Production Sharing Contract  
(Kontrak Perkongsian Pengeluaran)

PSN = Public Services Network  
(Rangkaian Perkhidmatan Awam)

PSN = Pusat Sains Negara

PTP = Pelan Tindakan Penswastaan

PTPK = Pelan Tindakan Bagi Pemakanan Kebangsaan

PUNB = Perbadanan Usahawan Nasional Berhad

RAM = Rating Agency Malaysia Berhad

RCC = Regional Control Centres  
(Pusat Kawalan Wilayah)

RiLL = Radio in Local Loop  
(Radio dalam Lingkaran Tempatan)

RISDA = Rubber Industry Smallholder Development Authority  
(Pihak Berkuastra Kemajuan Pekebun Kecil  
Perusahaan Getah)

RM = Ringgit Malaysia

RME = Rancangan Malaysia Keenam

RML = Rancangan Malaysia Kelima

RMT = Rancangan Malaysia Ketujuh

ROE = Return on Equity  
(Pulangan Ke atas Ekuiti)

RRIM = Rubber Research Institute of Malaysia  
(Institut Penyelidikan Getah Malaysia)

RRJP2 = Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua

S&T = Sains dan Teknologi

SAGA = Standard Accounting System For Government Agencies  
(Sistem Perakaunan Yang Standard Untuk Agensi-agensi  
Kerajaan)

SALCRA = Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority  
(Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak)

SBL = Skim Bantuan Latihan

SC = Securities Commission  
(Suruhanjaya Sekuriti)

SDC = Skill Development Centre

(Pusat Pembangunan Kemahiran)

SEDC = State Economic Development Corporation  
(Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri)

SESCO = Sarawak Electricity Supply Corporation  
(Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak)

SETIA = System EPU, Treasury, ICU and AG  
(Sistem Unit Perancang Ekonomi, Perbendaharaan, Unit Penyelarasian Pelaksanaan dan Akauntan Negara)

SIAP = Sistem Penjadualan Yang Bersepadu

SFF = Ship Financing Facility  
(Kemudahan Pembiayaan Kapal)

SIRIM = Standards and Industrial Research Institute of Malaysia  
(Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia)

SITTDEC = South Investment, Trade and Technology Data Exchange Centre  
(Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Negara-negara Selatan)

SKM = Sijil Kemahiran Malaysia

SLMA = Soft Loan for Modernization and Automation  
(Pinjaman Mudah untuk Modernisasi dan Automasi)

SMI = Small- and Medium-scale Industry  
(Industri Kecil dan Sederhana)

SMIDEC = Small and Medium Scale Industries Development Corporation  
(Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana)

SMT = Sekolah Menengah Teknik

SMV = Sekolah Menengah Vokasional

SOCSO = Social Security Organization  
(Pertubuhan Keselamatan Sosial)

SPM = Sijil Pelajaran Malaysia

SPMV = Sijil Pelajaran Menengah Vokasional

SPTF = Skim Perbankan Tanpa Faedah

SSB = Sistem Saraan Baru

SUKMA = Sukan Malaysia

SUKOM = Sukan Komanwel

SVF = Shipping Venture Facility  
(Kemudahan Usaha Niaga Perkapalan)

TAMS = Total Airport Management System  
(Sistem Pengurusan Menyeluruh Lapangan Terbang)

TEU = Twenty-Foot Equivalent Unit  
(Unit Yang Bersamaan Dengan Dua Puluh Kaki)

TFP = Total Factor Productivity  
(Produktiviti Faktor Keseluruhan)

TMB = Telekom Malaysia Berhad

TMM = Tahun Melawat Malaysia

TNB = Tenaga Nasional Berhad

TOE = Tonnes of Oil Equivalent  
(Bersamaan Satu Tan Metrik Minyak)

TPM = Technology Park Malaysia  
(Taman Teknologi Malaysia)

TPP = Tabung Penyalarasian Perindustrian

TPPK = Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil

TPSM = Tabung Pembangunan Sumber Manusia

TQM = Total Quality Management  
(Pengurusan Kualiti Menyeluruh)

TRIP = Agreement on Trade-Related Intellectual Property Rights  
(Perjanjian Perdagangan Mengenai Hak Harta Intelek)

TTM = Taman Teknologi Malaysia

TV3 = Sistem Televisyen Malaysia Berhad

UDA = Urban Development Authority  
(Perbadanan Pembangunan Bandar)

UIA = Universiti Islam Antarabangsa

UKM = Universiti Kebangsaan Malaysia

ULC = Unit Labour Costs  
(Kos Buruh Seunit)

ULG = Unleaded Gasoline  
(Petrol Tanpa Plumbum)

UMS = Universiti Malaysia Sabah

UNCED = United Nations Conference on Environment and Development  
(Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu)

UNCTAD = United Nations Conference on Trade and Development  
(Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu)

UNDP = United Nations Development Programme  
(Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu)

UNIMAS = Universiti Malaysia Sarawak

UPM = Universiti Pertanian Malaysia

UPP = Unit Penyelarasian Pelaksanaan

UPSR = Ujian Penilaian Sekolah Rendah

UPTM = Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia

USM = Universiti Sains Malaysia

**UUM** = Universiti Utara Malaysia

**VCC** = Venture Capital Companies  
(Syarikat Modal Usaha Niaga)

**VLSI** = Very Large-Scale Integrated Circuit  
(Litar Bersepadu Skala Sangat Besar)

**VOCATIONS** = Vocational Training Information System  
(Sistem Maklumat Latihan Vokasional)

**VSAT** = Very Small Aperture Terminal

**WHO** = World Health Organization  
(Pertubuhan Kesihatan Sedunia)

**WIM** = Women's Institute of Management  
(Institut Pengurusan Wanita)

**WQI** = Water Quality Index  
(Indeks Kualiti Air)

**WTO** = World Trade Organization  
(Pertubuhan Perdagangan Dunia)

**YBK** = Yayasan Basmi Kemiskinan

**YPEIM** = Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia